Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM)

PROSIDING SEMINAR INOVASI PENDIDIKAN ISLAM & BAHASA ARAB

"Pembudayaan Inovasi Pengajaran & Pembelajaran Efektif di Era Pandemik COVID-19"

14 SEPTEMBER 2021

ANJURAN
PERSATUAN INTELEKTUAL MUSLIM MALAYSIA (PIMM)

PENERBIT
PERSATUAN INTELEKTUAL MUSLIM MALAYSIA
LOT 2.03A, ARAS 2, WISMA UNIKEB,
43600 UKM BANGI,
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

eISBN 978-967-14229-8-4

PROSIDING

SEMINAR INOVASI PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA ARAB 2021

“PEMBUDAYAAN INOVASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN EFEKTIF DI ERA PANDEMIK COVID 19”

PENERBIT
Persatuan Intelektual Muslim Malaysia, No. 7, Jalan 2/2B,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
2021

PROSIDING
SEMINAR INOVASI PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA ARAB 2021

© Sekretariat SIPIBA 2021,
Lot 2.03A, Aras 2, Wisma UNIKEB,
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
2021

Hak Cipta Terpelihara
Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Sekretariat SIPIBA 2021, Lot 2.03A, Aras 2, Wisma UNIKEB, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Perpustakaan Negara Malaysia
Cataloguing-in-Publication Data

Seminar Inovasi Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab 2021
Sekretariat SIPIBA 2021,
Lot 2.03A, Aras 2, Wisma UNIKEB,
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
14 September 2016 / Nurul et.al.

ISBN: 978-967-14229-8-4
1. Pendidikan Islam
2. Bahasa Arab
3. Nurul Asiah Fasehah Muhamad

Type Setting: Marwan Mohd Khir
Font Type: Times New Roman Font Size: 14pt, 12pt, 11pt

SEMINAR INOVASI PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA ARAB 2021

"Pembudayaan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran
Efektif di Era Pandemik COVID 19"

Anjuran
Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM)

14 September 2021

Webinar

PENERBIT
Persatuan Intelektual Muslim Malaysia, No. 7, Jalan 2/2B,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
2021

EDITOR

Nurul Asiah Fasehah Muhamad
Noornajihan Jaafar
Nur Hanani Hussin
Mahfuzah Mohamed Zabidi
Marwan Mohd Khir

PENDAHULUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah segala puji-pujian bagi Allah S.W.T Tuhan Sekalian Alam yang telah mengizinkan bersama-sama menjayakan Seminar Inovasi Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab (SIPIBA) 2021 secara maya. Penganjuran SIPIBA 2021 adalah merupakan anjuran Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM).

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ahli jawatankuasa SIPIBA 2021 yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam penganjuran persidangan ini. Tidak lupa, ingin saya sampaikan ucapan perhargaan atas penyertaan sebagai pengucap utama, pembentang, peserta pertandingan inovasi dan peserta seminar yang telah menjayakan SIPIBA 2021. Diharapkan penganjuran SIPIBA 2021 memberikan nilai tambah dan ilmu yang bermanfaat hasil daripada penganjuran persidangan ini.

Penganjuran Seminar Inovasi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab ini bertujuan untuk membudayakan inovasi dalam kalangan guru Pendidikan Islam dan bahasa Arab. Ia juga sebagai suatu usaha menggalakkan idea, pembelajaran, perkongsian ilmu dan penciptaan nilai menerusi strategi mengenal pasti dan penyelesaian masalah, teknik- teknik penganalisisan serta penghasilan idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif.

Akhir kata, harapan besar dalam penganjuran SIPIBA 2021 dapat menjadikan titik permulaan agar pembudayaan pengajaran dan pembelajaran efektif dalam kalangan penyelidik dan guru Pendidikan Islam dan bahasa Arab terus berkembang di era pandemik COVID 19. InshaAllah.

Terima kasih.

DR. NURUL ASIAH FASEHAH BINTI MUHAMAD
Pengarah
Seminar Inovasi Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab 2021

KANDUNGAN

	Pendahuluan	V
	Kandungan	VI
BIL.	TAJUK/ PENULIS	MUKA SURAT
1	Amalan Pengajaran Efektif Guru Pendidikan Islam Berdasarkan Pemikiran Imam Al-Ghazali (t.th) *Muhamad Parizi Hassan, Siti Suhaila Ihwani & Zaharah Mustaffa*	1
2	Inovasi Buku Teks Pendidikan Islam KSSM: Pengetahuan dan Kemahiran yang Diperlukan Ketika Menulisnya *Wan Ali Akbar Wan Abdullah*	10
3	Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi Pengajian Tajwid Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ): Isu, Cabaran dan Penyelesaian *Mohd Asri Muhammad Noor & Kamarulzaman Abd Ghani*	20
4	Inovasi Smart Istinjak (Smartis) *Normah Ahmad*	29
5	Tinjauan Tematik Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Mata Pelajaran Pendidikan Islam Bagi Murid Berkeperluan Khas *Hifzan Mat Hussin, Kamarulzaman Abdul Ghani & Norazmi Anas*	40
6	Profil Akhlak Guru Pendidikan Islam di Malaysia *Salbiah Mohamed Salleh, Norhana Mohamed Salleh & Norasma Mohamed Salleh*	49
7	Hubungan Aspek Spiritual dengan Kepuasan Kerja Guru SABK Terengganu *Norhana Mohamed Salleh, Salbiah Mohamed Salleh & Siti Faizah Mohd Salleh@ Salleh*	59
8	Penggunaan Aplikasi Padlet dalam Meningkatkan Penglibatan Kemahiran Menulis Bahasa Arab *Sumaiyah Sulaiman & Ahmad Rafedy Ahmad Raidin*	69
9	اكتساب مهارة الكلام باستخدام الأغاني والألعاب التواصلية في كتاب التيسير *Ahmed Muhamed Wafiq Othman & Mahani Mokhtar*	81

10	Pendekatan Al-Targhib Guru Praktikum Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan Al-Quran: Satu Tinjauan Awal *Johaibi Juhan, Zainab Ismail, Mohd Yusri Yusuf, Shamsiah Daud, Wan Mariana Wan Mohamad, Salma Endut, Zuhaida Abd Wahab, Rusliza Othman, Ibrahim Fikri Abdullah, Ummikalsum Mat Lazim & Mohd Tarmizi Shuib*	90
11	Kesediaan Siswa Pendidik Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Terhadap Revolusi Industri 4.0 *Noor Habibah Kaderan, Ali Imran Md. Shah & Afandi Husain*	104
12	Kemahiran Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam *Norfarahin Mohd Zamri, Mohd Isa Hamzah & Shahlan Surat*	113
13	Inovasi dalam Pengajaran Hafazan Guru Kelas Kemahiran Quran (KKQ): Tujuan dan Impak Pelaksanaan *Mohd Nasrun Ahmad, Khadijah Abdul Razak & Maizatul Suraya Muhammad Nor*	118
14	Strategi Pengajaran Guru Berasaskan IHES Dan Hubungannya Dengan Status Perjawatan Guru Di Selangor *Sapie Sabilan, Mohd Isa Hamzah & Ab. Halim Tamuri*	132
15	Keberkesanan Aplikasi Teknik One Stay Three Stray Dalam Pembelajaran Bidang Sirah Pendidikan Islam *Jamaliah Abidin & Hafizhah Zulkifli*	143
16	Etika Pelajar Terhadap Pembelajaran dalam Talian Menurut Perspektif Islam *Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Nasiibah Ramli, Norhidayu Muhamad Zain, Jima'ain Safar, Bushrah Basiron, Abdul Halim Zulkifli, Ahmad Marzuki Mohamad, Ahmad Che Yaacob & Diaya Ud Deen Deab Mahmoud Al Zitawi*	161
17	Inovasi Smart Tajwid *Mohd Asri Che Ibrahim, Noor Rashidah Ahmad @ Che Hamat, Darwisy Naufal Md. Almieda, Aimi Shuhada Saad & Siti Maryam Azmi*	171
18	SKPMg2 Melonjakkan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah *Azarul Razamin Mat Said, Mustafa Che Omar & Mohd Allnurulhuda Ghazali*	176
19	Hubungan Keagamaan dan Kerohanian Terhadap Daya Tahan Pekerja Tamat Kontrak Perkhidmatan *Fauziah Hussain & Siti Suhaila Ihwani*	187

20	Paradigma Pengajaran Pendidikan Islam: Tradisional Dan Kontemporari *Mohd Aderi Che Noh, Siti Rosilawati Ramlan & Noor Azizi Ismail*	197
21	Penggunaan Strategi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Membaca Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) *Jamil Sobri Mohd Zain & Kamarulzaman Abdul Ghani*	207
22	Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Kemahiran Ilmu Tajwid Pelajar Tingkatan 4 SMKA di Sabah *Norizuani Gabaldin & Hafizhah Zulkifli*	215
23	Memahami Pembelajaran Kaedah Al-Baghdadi dalam Kalangan Pelajar Dewasa *Lokman Nurhakim Orion & Hafizhah Zulkifli*	235
24	Tahap Pelaksanaan Strategi dan Kaedah Pengajaran Mata Pelajaran Usul Al-Din (KBD) Menurut Persepsi Guru-Guru Di SABK: Satu Tinjauan Awal *Siti Afifah Munirah Salleh & Kamarulzaman Abdul Ghani*	246
25	اتجاهات الطلبة نحو اللغة العربية ورغبتهم في تعلمها بالمرحلة الثانوية العليا *Syarifah Noor Izzah Syed Kamal Khalid & Arifin Mamat*	254
26	Mengaplikasikan Teori Pembelajaran Edward Thorndike Dalam Meningkatkan Penguasaan Tatabahasa Kata Sendi Nama Bagi Murid Tahun 4 SJKC *Tan Lee See*	267
27	Teaching Arabic Language from Home for Secondary Schools During Pandemic COVID-19 Lockdowns in Malaysia: Practices and Challenges *Azreen Syah Haron & Nik Muhammad Hanis Nek Rakami*	276
28	Tahap Pengetahuan Kurikulum dan Amalan Pedagogi Terbeza Guru-Guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia *Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman*	286
29	Pembinaan Taksonomi Kerohanian; Inisiatif Awalan *Noor Hisham Md Nawi*	297

Amalan Pengajaran Efektif Guru Pendidikan Islam Berdasarkan Pemikiran Imam Al-Ghazali (t.th)

Muhamad Parizi Hassan
farizihassan92@gmail.com
Universiti Teknologi Malaysia

Siti Suhaila Ihwani
sitisuhaila@utm.my
Universiti Teknologi Malaysia

Zaharah Mustaffa
zaharah.kl@utm.my
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRACT

This paper discusses the effective teaching practices of Islamic Education teachers in providing conducive teaching and learning environment. The quality of teacher's teaching problems should be taken seriously as the school institution plays important roles in cognitive, psychomotor and affective to develop student's behaviour. The urge to adapt with the new norm and to carry the responsibility of a good teacher has reduced the quality of delivering in class. This leads to the unconscious behaviour such as pinching the kids violently, canning to the extent of leaving marks on the body and the standing punishment for a period of time. These behaviours create a stressful learning environment and eventually leading to poorer academic achievements for the student. Realizing the existence of such problems, the researcher has conducted a text study based on the book Ihya 'Ulum al-Din by al-Ghazali (t.th) to examine the characteristics of teacher quality required. Along with it, the researcher also made a study on some previous related studies. The results of the study state that there are eight characteristics of a great teacher from the al-Ghazali (t.th). These qualities are teachers must be loving, teachers must be sincere, teachers must give advice, teachers must be wise, teachers must be caring, teachers must be efficient in disciplining students, teachers must be in the nature of glorifying knowledge and of course teachers must practicing the knowledge they have.
Keywords: teacher problem, characteristics of a quality teacher.

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan tentang amalan pengajaran efektif guru Pendidikan Islam dalam menghasilkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Masalah kualiti pengajaran guru tidak boleh dipandang ringan kerana institusi berkaitan sekolah berperanan penting sebagai tempat fungsi kognitif, psikomotor dan afketif murid dikembangkan. Kegalakan guru untuk menguasai norma dan hakikat tugas guru dengan baik telah mengakibatkan kualiti penyampaian guru di dalam bilik darjah terjejas, sekaligus telah mengakibatkan guru bertindak diluar jangkauan seperti mencubit yang keterlaluan, merotan sehingga meninggalkan kesan dan mendenda murid berdiri dalam jangka masa yang lama. Tindakan guru seperti ini secara langsung telah meninggalkan kesan kepada psikologi murid untuk belajar. Tindakan guru mendatangkan persekitaran pembelajaran yang tertekan dan menyebabkan pencapaian akademik yang lemah dalam kalangan murid. Menyedari kewujudan permasalahan guru seperti ini pengkaji telah melakukan penelitian teks berdasarkan kitab Ihya' Ulum al-Din karya al-Ghazali (t.th) untuk mengupas ciri kualiti guru yang diperlukan. Bersama-samanya juga pengkaji turut membuat penilitian terhadab beberapa kajian lepas yang berkaitan. Hasil penelitian mendapati lapan ciri kualiti guru berdasarkan pemikiran al-Ghazali (t.th) dapat dikenalpasti dan dijelaskan seperti guru mestilah bersifat kasih sayang, guru mesti

bersifat ikhlas, guru mesti bersifat suka menasihati, guru mesti bersifat bijaksana, guru mesti bersifat perihatin, guru mesti bersifat cekap mendisiplinkan murid, guru mesti bersifat memuliakan ilmu dan pastinya guru mesti bersifat beramal dengan ilmu yang dimiliki.
Kata kunci: masalah guru, ciri kualiti guru.

PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu proses penting yang perlu diberi keutamaan dalam sistem kehidupan manusia sebagai alat mengembangkan fungsi kognitif, afektif dan psikomotor (Ab Halim Tamuri et al., 2010). Kualiti pendidikan jelas bertindak sebagai medium untuk mengubah nasib dan masa depan murid (Chia Lai Lai, 2015). Guru Pendidikan Islam perlu mengaplikasikan amalan pengajaran efektif sebagai medium interaksi untuk menyampaikan mesej Pendidikan Islam secara lebih interaktif dan berkesan (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2011). Amalan pengajaran efektif juga menjadi medium keberkesanan pengajaran guru berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang mencapai tahap ta'lim, tadris dan ta'dib, terhadap asas memahami dan menguasai serta menyebarluaskan Pendidikan Islam berteraskan kepada kandungan al-Quran dan al-Sunnah (al-Attas, 1979; Hasan Langgulung, 1991; Ab Halim Tamuri et al., 2010). Elemen ini adalah penting dalam pengajaran guru Pendidikan Islam bukan sekadar menyampaikan isi kandungan Pendidikan Islam, namun termasuk juga nilai dan hakikat ketuhanan serta perlu berasaskan kepada prinsip dan konsep pengajaran yang betul demi mencapai makna dan tujuan pendidikan yang hakiki (Abbas Mahmud Aqqad, 1992; T. Saiful, 2015). Kepentingan amalan pengajaran efektif dalam konteks perguruan telah dihuraikan oleh beberapa tokoh termasuk al-Ghazali (t.th) yang secara kasarnya menjelaskan guru yang profesional perlu memiliki kompetensi guru serta ciri-ciri keguruan yang diperlukan seperti berpendidikan, cekap, terlatih dan menguasai kandungan ilmu yang diajar (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2011). Sehubungan itu, amalan pengajaran guru yang berteraskan kepada pendekatan yang baik, kemas dan mengikut prosedur penyampaian pengajaran yang efektif akan menghasilkan sebuah pengajaran yang lebih bermakna serta mampu mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu (Syakhrani, 2019), selari dengan metod, pengetahuan dan kemahiran pedagogikal yang efektif disamping berasaskan kepada teori pengajaran dan pembelajaran yang betul (Ab Halim Tamuri et al., 2010).

PERNYATAAN MASALAH

Guru Pendidikan Islam (GPI) merupakan individu penting selaku pelaksana primer yang bertanggungjawab untuk menterjemah kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah dan sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Amalan pengajaran efektif guru Pendidikan Islam akan mempengaruhi terjemahan primer yang baik serta memberi kesan kepada tahap kefahaman murid tentang Pendidikan Islam yang sebenar. Di mana peranan GPI semakin mencabar kerana GPI bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi termasuk juga proses mendidik dan membangunkan kompetensi diri murid secara menyeluruh dan bersepadu. Namun begitu, banyak kajian yang telah dijalankan menunjukkan kualiti pengajaran GPI masih lagi di tahap sederhana apabila faktor pengetahuan, kemahiran dan sikap yang kurang memberangsangkan (Kamarul Azmi, 2010; Maliki Ali et al., 2015; Habibah@ Artini Ramlie, 2016; Nur Haiza Izhar, 2020; Mazarul Hasan et al., 2020). Sehubungan itu, keadaan ini turut memberi impak kepada kualiti pembelajaran murid di dalam bilik darjah, dan turut memberi kesan terhadap permasalahan disiplin dan tingkah laku murid. Pelbagai pandangan telah diutarakan oleh warga pendidik serta mendapat perhatian masyarakat tentang perlunya tindakan tegas bagi mengatasi masalah akhlak dan moral murid yang kian merosot (Khalim, 2004). Pengkaedahan tradisional mula mendapat perhatian apabila terdapat pandangan

penggunaan rotan perlu diperkenalkan semula. Begitu juga dengan perspektif yang ingin melihat guru-guru disiplin diberi lebihan kuasa untuk bertindak pantas mendisiplinkan murid. Perkara ini perlu diberi keutamaan kerana nama baik institusi sekolah dan guru turut tercemar apabila apabila sering dipersalahkan sekiranya berlaku tindakan tegas yang melampaui batas seperti mencubit yang keterlaluan, merotan sehingga meninggalkan kesan dan mengarahkan murid berdiri dalam jangka masa yang lama (Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009). Terdapat juga kajian yang menyatakan guru tidak pasti dan keliru semasa mengendalikan disiplin pelajar dan menunjukkan ketiadaan efikasi guru yang mantap (Nazri Halim & Yaakob Daud, 2017). Juga terdapat literatur yang menyifatkan guru yang tidak bertanggungjawab dalam mendisiplinkan murid dan pelajar sehingga menggunakan kekerasan tanpa sebarang rujukan dalam memberi pengajaran dengan betul (Nur 'Izzati & Mohd Al Adib Samuri, 2020). Sehubungan itu, permasalahan-permasalahan yang timbul ini menunjukkan seolah-olah guru tiada garis panduan khusus untuk berkaraktor sebagai pendidik yang kamil.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks berdasarkan kitab Ihya' Ulum al-Din. Karya Abu Hamid Muhamamd bin Muhammad al-Ghazali yang merupakan anak jati Iran, dilahirkan di Thus, Khurasan sekitar tahun 450H atau1058M. Beliau merupakan seorang ilmuan yang cukup terkenal dalam bidang theologi Islam, hukum Islam, tasawuf Islam termasuk ilmu akhlak Islamiah dan ilmu kedoktrian falsafah. Menurut Zaharah Hussin (2008), menyifatkan metodologi kajian seperti ini merupakan di antara teknik yang boleh digunakan dalam melakukan penyelidikan khususnya dalam bidang komunikasi massa atau yang berkenaan teks bertulis tertentu. Umumnya proses analisis teks ini akan melibatkan prosuder pencerakinan dan pengkatagorian yang kemas tersusun secara sistematik. Matlamatnya adalah untuk mendapatkan data secara keseluruhan berkenaan pernyataan msalah yang wujud serta dikemukakan secara deskriptif dengan kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Di dalam kitab Ihya', perbincangan mengenai aspek kualiti guru turut menjadi sebahagian kupasan topik perbincangan kerana menurut perspektif pemikiran al-Ghazali guru merupakan agen transformasi yang sewajarnya diberi perhatian kerana berupaya membawa perubahan selari dengan tuntutan al-Quran dan as-Sunnah (Ary, 2016). Selain itu, metodologi kajian ini turut meniliti kajian-kajian lepas yang membuat kupasan mendalam dan penelitian khusus tentang kitab Ihya' Ulum al-Din.

Berdasarkan kitab dan bahagian bab yang telah ditetapkan, pengkaji telah melakukan penstrukturan semula menerusi proses open coding. Open coding bermaksud pembukaan kod bebas di mana teks kitab Ihya' akan menghasilkan kod-kod yang tersendiri dan berbeza di antara satu sama yang lain. Namun, open coding yang sama kod katagorinya akan dimasukkan dalam pengkatagorian yang sama. Bagi proses yang keseterusnya, open coding yang telah dihasilkan akan dikenalpasti dan dipilih berdasarkan kepada perkaitannya di antara satu sama lain untuk membentuk axial coding. Proses ini akan menjadikan kod-kod yang terhasil semakin mengecil kerana beberapa axia coding pula akan dipilih untuk dikatagorikan sebagai selection coding. Proses ini pengkaji lakukan dengan cermat supaya pemilihan kod dapat mempengaruhi penghasilan katagori yang baik. Kesinambungan proses ini diikuti dengan pembinaan sub tema hasil daripada katagori-katagori yang dibentuk. Kemudiannya katagori di bawah sub tema akan dihasilkan berdasarkan katagorinya yang tepat. Dalam erti kata lain, apabila kategori ciri kualiti guru telah dikenalpasti, maka penghasilan satu kategori utama iaitu ciri kualiti guru terhadap profesionalime berdasarkan pemikiran imam al-Ghazali dapat dibentuk untuk dijadikan garis panduan kepada dapatan kajian ini. Pastinya tema yang terhasil ini bersifat tunggal dan tidak bertindan dengan tema-tema yang lain tetapi saling berkait membentuk

rantaian makna yang sempurna. Hasil pembacaan lain turut dimasukkan juga sebagai sokongan hujah terhap tema yang telah diperoleh.

KAJIAN LITERATUR

Menurut beberapa kajian lepas, ketokohan imam al-Ghazali telah diperakui umum dalam dunia kesarjanaan yang dapat dibuktikan menerusi penulisan kitab Ihya' Ulum al-Din yang banyak menjadi rujukan khusus dalam perbahasan Islam serta banyak mendasari teori dan model kajian (Elok Tsuroyya Imron, 2008; Nik Yusri Musa & Nurullah Kurt, 2015). Sehubungan itu, kajian ini menggunakan sampel khusus iaitu kitab Ihya' Ulum al-Din sebagai asas terjemahan kualiti guru yang diperlukan. Di mana pengkaji memberi fokus kepada bahagian kelima kitab jilid 1 berkenaan dengan adab guru dan pelajar yang diterbitkan tanpa tahun oleh Dar al-Ma'rifah di Beirut. Walau bagaimanapun, kajian Habibah @ Artini Ramlie & Zaharah Hussin (2017) menyatakan kemungkinan besar kitab ini dikarang oleh al-Ghazali sekitar tahun 489 Hijrah dan 495 Hijrah. Penting kitab ini dijadikan sampel kajian kerana menurut al-Ghazali (t.th) guru merupakan individu penting yang bertanggungjawab penuh untuk menyampaikan ilmu pengetahuan serta memiliki hubungan yang baik dengan Allah dan semua makhluk ciptaan Allah swt.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan pembacaan dan penelitian serta proses peanalisisan pengkaji terhadap kitab Ihya', bersama dengan pembacaan terhadap kajian-kajian lepas secara konsepnya dapat difahami dan dijelaskan bahawa terdapat lapan ciri guru berkualiti berdasarkan pemikiran al-Ghazali (t.th). Kitab ihya' menterjemahkan kualiti guru menjadi asas penting kepada pembentukkan karakter guru yang efektif yang dapat dilihat ciri kualiti guru adalah seperti yang berikut,



Rajah 1. Ciri Kualiti Guru Berdasarkan Pemikiran al-Ghazali (t.th)

Bersifat Kasih Sayang

Al-Ghazali (t.th), menyatakan pengajaran ilmu akhirat menjadadi keutamaan buat guru supaya murid mempunyai pemahaman yang jelas tentang kehidupan bergama serta membolehkan mereka selamat dari azab siksa api neraka di akhirat kelak. Berdasarkan ayat ini dapat dinyatakan bahawa ciri utama guru berkualiti perlu memiliki perasaan kasih sayang ketika

mendidik. Sifat kasih sayang melambangkan kasih sayang guru tanpa sempadan dalam menyampaikan ilmu dunia dan akhirat seperti ajaran yang diberikan oleh ibu-bapa kepada anak-anak mereka. Al-Ghazali (t.th) memiliki pespektif sedemikian kerana mendasari corak pengajaran Rasulullah yang tidak pernah berbelah bahagi tentang ilmu yang disampaikan kerana penyampaian ilmu merupakan kewajipan seorang guru untuk berkongsikan segala pengetahuan yang dipinjamkan. Sifat kasih sayang ini diintepretasikan berdasarkan hadis riwayat Abu Daud, An Nasai, dan Ibnu Majah serta Ibn Hibban dari Abi Hurairah, yang mana hadis ini dipetik dari potongan ayat yang bermaksud "Sesungguhnya aku ini bagimu adalah seumpama seorang ayah bagi anaknya". Berdasarkan riwayat ini dapat disimpulkan bahawa jantung utama dalam proses mendidik adalah perasaan kasih sayang yang merangkumi perasaan simpati sebagai simbolik guru kepada ibu-bapa dalam mewujudkan jalinan positif yang boleh mendorong kepada rapor yang baik dalam proses penurunan ilmu. Dalam konteks kajian ini, guru yang memiliki sifat kasih sayang akan sentiasa berusaha sedaya mungkin untuk menghasilkan sebuah PdP yang cemerlang berdasarkan proses memaksimumkan penerimaan murid terhadap isi dan situasi pengajaran yang disampaikan. Juga melibatkan proses belaian kasih sayang dalam pembentukkan akhlak dan adab untuk menjaga identiti keperibadian murid.

Bersifat Ikhlas

Menurut al-Ghazali (t.th), dalam dunia pendidikan guru mesti bermatlamat untuk mendekatkan diri kepada Allah swt. Sehubungan itu, ciri kedua guru berkualiti adalah memiliki daya keikhlasan dalam proses mendidik. Daya keikhlasan melambangkan identiti, keperibadian dan kenuranian hati guru dalam menyampaikan segala ilmu pengetahuan termasuk kemahiran yang hanya bergantung harap untuk mendapat balasan daripada Allah swt. Al-Ghazali (t.th) mendasari ciri guru ini menerusi kalam Allah di dalam surah Hud ayat yang ke-29, di mana petikan ayat tersebut menyatakan "Hai kaumku! Aku tidak meminta harta kepada kamu sebagai upahnya, upahku hanyalah dari Allah" (Hud 11:29). Dalam konteks pendidikan al-Ghazali (t.th) menyatakan ayat ini bermaksud guru tidak sewajarnya mengharapkan balasan kebendaan yang memberi keuntungan dunia, namun ayat lebih memberi penekanan kepada maksud tersirat untuk memberi tahu bahawa nadi utama dalam dunia pendidikan perlu disulami dengan niat yang ikhlas sebagai salah satu indikator pengabdian untuk mendekatkan diri kepada Allah swt. Sehubungan itu, kualiti guru dalam konteks kajian ini lebih menjurus kepada bagaimana guru memiliki hubungan yang baik dengan Allah swt dalam mempengaruhi kualiti pengajaran diri di dalam bilik darjah.

Bersifat Suka Menasihati

Menurut al-Ghazali (t.th) menjadi tugas dan tanggungjawab guru untuk mengarah para pelajar berkelakuan dengan kelakuan yang baik dan betul supaya setiap tindakan yang dihasilkan mendapat keberkatan serta semakin mendekatkan lagi diri mereka kepada Allah swt. Berdasarkan ayat ini jelas menunjukkan kualiti guru yang ketiga dilihat untuk memiliki sifat suka menasihat serta tidak loket untuk menasihati. Hal ini penting kerana menurut al- Ghazali (t.th), pendidikan merupakan suatu proses dan proses ini perlu kepada prosuder nasihat dengan cara berhemah dalam membentuk dan mendisiplinkan murid. Al- Ghazali (t.th) menegaskan lagi bahawa nasihat yang baik mestilah bermula dengan kesantunan guru dalam menggunakan perkataan, penyataan dan pertuturan yang berhikmah. Kesantunan guru merangkumi segala nasihat yang cenderung ke arah menyuruh para pelajar supaya mengenali dan melakukan fungsi diri ke arah yang lebih sempurna. Oleh itu, nasihat hendaklah mencakupi segala tindakan guru yang perlu dilaksanakan dengan niat yang ikhlas, menerusi perasaan penuh kasih sayang, dilakukan dalam bentuk yang positif dan seelokknya melibatkan perbincangan secara

bersemuka. Tujuannya supaya nasihat yang diberikan mampu memberikan impak ke atas perubahan tingkah laku murid serta menjahui sifat-sifat keji semasa memberikan nasihat seperti kritikan, cemuhan dan kejian. Justeru itu, menjadi kepentingan dalam konteks kajian ini untuk guru memiliki sifat suka menasihati murid melalui pendekatan yang sesuai selari dengan keperluan murid yang perlu dibimbing secara berperingkat dan berhemah seperti memberi nasihat yang positif serta dijelaskan secara justifikasi tentang rasional sesuatu perbuatan yang tidak diinginkan perlu dijauhkan.

Bersifat Bijaksana

Begitu juga dengan ciri guru berkualiti yang ke empat, al- Ghazali (t.th.) menyatakan guru perlu menunjukkan kesungguhan dalam proses mendidik melalui penyamapaian pengajaran dengan penuh hikmah. Sifat hikmah guru menurut al-Ghazali (t.th.) diterjemahkan dengan kebijaksanaan guru dalam merancang pendidikan berkesan. Sifat hikmah guru juga merangkumi kebijaksanaan guru memilih kaedah pengajaran kerana di dalam kitab Ihya' telah menegaskan bahawa pemilihan kaedah yang sesuai serta mampu diikuti oleh murid akan memberi impak kepada pembelajaran yang maksimum. Isi kitab menggambarkan keselarasan di antara kaedah penyampaian dengan keupayaan pemikiran murid akan menajdi signifikan terhadap proses menurunan ilmu yang baik. Pemilihan kaedah ini al-Ghazali (t.th) mendasari kalam baginda Nabi Muhammad saw yang bermaksud "Apabila seseorang berbicara kepada sesuatu golongan tentang persoalan yang belum sampai otaknya ke sana, maka ia menjadi fitnah kepada sebahagian dari mereka". Bersumberkan hadis sahih Muslim no. 5, syarah Bukhari Ibni Mulqin no 655/3, dari Abdullah bin Abbas r.a. Disahihkan lagi oleh al-Albani dalam Silsilatul sahihah. Dalam konteks kajian ini kebijaksanaan guru diterjemahkan dalam bentuk menguasai peringkat-peringkat dalam pengajaran yang merangkumi kemahiran di peringkat permulaa, perkembangan dan juga peringkat penutup pengajaran. signifikannya supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan memberi impak peubahan kepada pengetahuan, kemahiran dan juga sikap murid.

Bersifat Perihatin

Turut menjadi sebahagian kepentingan buat guru untuk menguasai murid secara individu kerana melalui penguasaan murid akan menciri kualiti guru yang kelima sebagai elemen perihatin guru terhadap keperluan murid pelbagai (Menurut al-Ghazali, t.th). Di dalam kitab Ihya' menjelaskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran akan bertambah efektif apabila isi dan situasi pembelajaran disediakan mengikut tahap serta kemampuan murid untuk menerimanya. Al-Ghazali (t.th) mengutamakan konsep pengajaran guru yang bersifat ansur maju sebagai elemen teras untuk memahamkan murid secara mendalam mengenai sesuatu topik perbincangan atau sesuatu ilmu pengetahuan sebelum berganjak kepada tajuk yang keseterusnya. Al-Ghazali (t.th) menggambarkan amalan proses perancangan pengajaran guru menjadi signifikan sebagai kolerasi untuk memastikan aktiviti pembelajaran mencapai standard dan memenuhi keperluan murid yang berbeza. Sehubungan itu, dalam konteks kajian ini menjadi keperluan buat guru untuk mempunyai sifat perihatin supaya setiap amalan perancangan, pelaksanaan dan penilaian yang dilaksanakan oleh guru memberi impak yang besar kepada kepelbagaian tahap kognitif murid serta menyumbang kepada proses pembelajaran mennyokong kepada pembelajaran mengikut pencapaian individu serta menyenangkan murid untuk menerima pelbagai ilmu pengetahuan apabila bersama dengan guru.

Bersifat Cekap Mendisiplinkan Murid

Selain itu, elemen disiplin turut menjadi komponen penting kerana menerusi sistem disiplin akan menghasilkan penetapan disiplin murid secara terancang. Kualiti guru yang ke enam adalah mampu mendisiplinkan murid mengikut keperluan pembelajaran di dalam bilik darjah. Menurut al-Ghazali (t.th), murid perlu didisiplinkan supaya guru dapat menyampaikan pengajaran secara lebih efektif dan berkesan. Murid yang mempunyai disiplin akan membantu guru untuk mewujudkan iklim pembelajaran yang kondusif serta melancarkan pengaplikasian guru ke atas konsep guru sebagai mu'allim, murabbi, muaddib, mudarris dan mursyid. Dalam bahagian ini, al-Ghazali (t.th) menyatakan ilmu psikologi menjadi signifikan untuk guru kuasai kerana melalui ilmu ini akan memberi impak kepada proses mendisiplikan murid. Walaubagaimanapun di dalam kitab Ihya' kepentingan ilmu psikologi diterjemahkan dengan maksud keupayaan guru mempengaruhi murid. Dalam konteks kajian ini sistem ganjaran dan dendaan turut menjadi sebahagian daripada proses mendidik. Sistem ini bertindak sebagai peraturan untuk mengawal dan mendisiplinkan muri sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Ini kerana menerusi ganjaran boleh mendatangkan keseronokkan jiwa kepada murid untuk terus belajar dan pelaksanaanya boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti pemberian hadiah, pujian, bermanis muka atau dalam bentuk rangsangan yang berupaya memberi ketekalan untuk murid bertingkah laku dengan baik atau berjaya meningkatkan tahap motivasi murid untuk terus belajar. Begitu juga dengan sistem dendaan yang perlu dilakukan dengan penuh hikmah supaya setiap dendaan yang dikenakan kepada murid mendatangkan perubahan tingkah laku yang diinginkan. Selain itu, sistem dendaan juga perlu bersifat ansur maju, bersifat lemah lembut untuk memperbaiki kesilapan dan perlu konsisten, saksama serta adil kepada kesemua murid tanpa wujud perasaan prajudis yang membezakan hukuman ke atas murid yang berlainan.

Bersifat Memuliakan Ilmu

Selanjutnya Islam memiliki perspektif yang tinggi ke atas ilmu pengetahuan kerana dengan hakikat ilmu manusia dapat menjalankan tanggungjawab dan melaksanakan fungsi diri ke arah yang lebih sempurna. Elemen adab terhadap ilmu turut menjadi kepentingan kerana adab yang baik akan menjadi identiti serta melambangkan ciri seseorang individu (Ali, 2017). Dalam konteks pemikiran al-Ghazali (t.th) di dalam kitab Ihya', menjadi kepastian buat guru untuk menghormati ilmu dan bersifat memuliakan ilmu. Kualiti guru yang ke tujuh dilihat dari sudut penampilan guru terhadap ilmu yang diterjemahkan dalam bentuk percakapan dan tingkah laku. Kualiti guru dilihat apabila guru tidak melakukan percakapan yang memandang rendah ke atas ilmu-ilmu lain khususnya ilmu diluar bidang penguasaan guru termasuk juga tidak melarang untuk murid-muridnya menerokai ilmu selain daripada bidang yang diajar. Pengkaji membawa contoh dalam konteks pendidikan kini, guru Pendidikan Islam sewajarnya tidak memandang rendah kepada ilmu guru Sejarah walaupun terdapat percanggahan dan perselisihan dari sudut dalil dan teori.

Bersifat Beramal Dengan Ilmu

Akhir sekali, kualiti guru yang kelapan adalah beramal dengan segala ilmu yang dimiliki. Menurut al-Ghazali (t.th) beramal sebagai kolerasi di antara apa yang diperkatakan guru dengan apa yang diamalkan guru. Kewibawaan guru terletak pada titik persamaan di antara percakapan dengan amalan yang diaplikasikan. Guru sewajarnya menterjemahkan setiap tutur kata kedalam bentuk tingkah laku sesuai dengan istilah yang digunakan dalam kitab Ihya' ilmu dilihat dengan hati justeru amalan dilihat dengan mata. Guru akan dianggap sebagai role model

serta boleh dijadikan panduan apabila mencapai standard ilmu dan amalan (al-Ghazali, t.th). Oleh itu, menjadi signifikan ciri kualiti guru yang kelapan untuk mempraktikkan setiap ilmu pengetahuan kedalam bentuk amalan kerana murid lebih cenderung memiliki perspektif kebaikan amalan guru adalah kebaikan amalan buat diri mereka (al-Ghazali,1988).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati kualiti guru berdasarkan pemikiran al-Ghazali di dalam kitab Ihya' merupakan huraian lengkap tentang ciri guru yang diperlukan. Perbincangan mengenai kualiti guru telah mencapai maksud apabila kompetensi guru telah diterjemah ke dalam bentuk tema yang mudah difahami. Didapati al-Ghazali telah membina asas yang kukuh mengenai elemen kualiti guru dalam menghasilkan pendidikan yang berkesan. Kualiti guru telah diterjemahkan dengan pelbagai maksud sebaiknya membawa kesedaran kepada guru akan hakikat tugas dan tanggungjawab yang perlu dimainkan. Hal ini penting kerana penyampaian ilmu yang berkesan serta pembentukkan akhlak yang kamil dapat dicapai menerusi kaedah demokrasi seperti mana yang telah dibincangkan.

RUJUKAN

Al-Ghazali, AbuHamid MuhammadBin Muhammad. (t.t). Ihya ulum al-din.Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. 1987. Ihya ulum al-din. Jil. 5. Cairo: Dar al-Rayyan Li Thuras.

Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. 1986.Ihya Ulum al-Din.Ismail Yaakub (terj). Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Ary Antony Putra. (2016). Konsep Pendidikan Agama Islam Perspektif Imam Al-Ghazali. Jurnal Al-Thariqah Vol. 1, No. 1, 113.

Ab. Halim Tamuri, Mohama Khairul, & Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu ' allim. Journal of Islamic and Arabic Education, 2(1), 43–56.

Abbas Mahmud al-.Aqqad, (1997). Al-falsafat al-qur'aniyyah. Beirut: Mansyurat alMaktabat al-'Arabiyyah.

Ali, Maulida. (2017). Kedudukan Ilmu, Adab Ilmuwan dan Kompetensi Keilmuan Pendidik (Studi Tafsir Ayat-Ayat Pendidikan). Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam, 6(11), 11.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1998). The concept of education in Islam: a framework for an Islamic philosophy of education. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Chia Lai Lai. (2015). Amalan Pegajaran Efektif Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Negeri Johor. Journal of Chemical Information and Modeling, 53(9), 1689–1699

Elok Tsuroyya Imron. (2008). Analisis Komparasi Konsep Belajar Dan Pembelajaran Menurut Al-Ghazali Dan Al-Zarnuji. Universitas Islam Negeri Malang.

Hassan Langgulung (1979). Pendidikan Islam : Suatu Analisa Sosio-Psikologi. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

Hasan Langgulung. (1991). Pendidikan Islam menghadapi abad ke-21. Shah Alam: Hizbi.

Habibah @ Artini Ramlie (2017). Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah'. Tesis Ijazah Dr Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.

Kamarul Azmi Jazmi. (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia : Satu Kajian Kes Suggested Citation : This study aims to examine

characteristics and factors of excellence among Excellent Teacher of Islamic Educa-. Tesis PhD , Universiti Kebangsaan Malaysia, April 2006.

Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah. (2011). Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar : Satu Kajian Perbandingan Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah.

Kamarul Azmi Jasmi & Noor Fadhlina Nawawi. (2012). Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat. Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]. (233-238). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Khalim Zainal. (2004). A comparison of the penalty system program and the conventional program in managing discipline of the secondary school students in Malaysia. Unpublished Doctoral Thesis. University Putra Malaysia, Selangor Malaysia.

Khalim Zainal, & Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009). Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah : Satu Kajian Kes. Journal of Islamic and Arabic Education, 1(2), 1–14.

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari, & Norazimah Zakaria. (2020). Kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. International Journal of Education and Pedagogy, 2(2), 9–17.

Mohamad Maliki Ali, Maimun Aqsha Lubis dan Mohd Aderi Che Noh (2015). Pembentukan Akhlak Pelajar Melalui Kemahiran Berfikir Dalam Pendidikan Islam. Penerbit Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.

Nazri Halim, & Yaakob Daud. (2017). Pengaruh Efikasi Guru Terhadap Stail Disiplin Guru. Ulum Islamiyyah, 22(November), 62–75.

Nik Yusri Musa & Nurullah Kurt (2015). Kerohanian dalam keusahawanan islam: perspektif Al-Ghazali dalam kitab "Ihya Ulum Al-Din"

Nur ’Izzati Ahmad Fisol, & Mohd Al Adib Samuri. (2020). Perundangan Berkaitan Pendisiplinan Pelajar Sekolah Tahfiz di Malaysia. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3(1), 54–71.

Nur Haiza Izhar. (2020). Profesionalisme Guru Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Wilayah. Universiti Pendidikan Sultan Idris 2020.

Ramlie, H. @ A., & Hussin, Z. (2017). Ciri-Ciri Guru Pendidikan Islam Profesional (Gpi) Berasaskan Riadhah Ruhiyyah Menurut Pandangan Al-Ghazali: Analisis Kandungan Bab Adab Terhadap Guru Dalam Kitab Ihya Ulum Al-Din. Al-Hikmah, 9(2), 57-77. Retrieved from http://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/219

Syakhrani, A. W. (2019). Memperkuat Eksistensi Pendidikan Islam Di Era 4.0. Cbjis : Cross-Border Journal of Islamic Studies.

T. Saiful Akbar. (2015). Manusia Dan Pendidikan Menurut Pemikiran Ibn Khaldun dan John Dewey. Jurnal Ilmiah Didaktika.

Inovasi Buku Teks Pendidikan Islam KSSM: Pengetahuan dan Kemahiran yang Diperlukan Ketika Menulisnya

Wan Ali Akbar Wan Abdullah
wanaliakbar.kpm@gmail.com
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

Textbooks are materials that are always used as Teaching Aids (ABM), but not much research has been done on Islamic Education (PI) textbooks in Malaysia. Therefore, this study was conducted to summarize the necessary knowledge to the authors of PI textbooks. The study was conducted in a qualitative form. Findings were drawn from the researcher's experience and triangulated with document analysis. Document analysis was done on the textbook PI Forms 1 to 3 and DSKP PI KSSM. The findings show that there are 11 knowledge required to produce a PI textbook, namely; 1) content knowledge, 2) knowledge of information sources, 3) pedagogical knowledge, 4) knowledge of curriculum, 5) knowledge of examination format, 6) writing skills, 7) ICT skills, 8) information retrieval skills, 9) translating skills, 10) creative skills, and 11) social skills. These findings can be utilized by training providers, prospective PI textbook writers, textbook author selection panel as well as textbook researchers.
Keywords: Textbook; Knowledge; Skill; Islamic Education.

ABSTRAK

Buku teks adalah bahan yang sentiasa digunakan sebagai Alat Bantu Mengajar (ABM), namun tidak banyak kajian dibuat mengenai buku teks Pendidikan Islam (PI) di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk merumuskan pengetahuan yang perlu ada kepada penulis buku teks PI. Kajian dijalankan dalam bentuk kualitatif. Dapatan diambil daripada pengalaman pengkaji dan ditriangulasi dengan analisis dokumen. Analisis dokumen dibuat terhadap buku teks PI Tingkatan 1 hingga 3 dan DSKP PI KSSM. Dapatan menunjukkan terdapat 11 pengetahuan diperlukan untuk menghasilkan buku teks PI, iaitu; 1) pengetahuan konten, 2) pengetahuan mengenai sumber maklumat, 3) pengetahuan pedagogi, 4) pengetahuan mengenai kurikulum, 5) pengetahuan mengenai format peperiksaan, 6) kemahiran menulis, 7) kemahiran ICT, 8) kemahiran mencari maklumat, 9) kemahiran menterjemah, 10) kemahiran kreatif, dan 11) kemahiran sosial. Dapatan ini dapat dimanfaatkan oleh penyedia latihan, bakal penulis buku teks PI, panel pemilih penulis buku teks serta pengkaji buku teks.
Kata kunci: Buku teks; Pengetahuan; Kemahiran; Pendidikan Islam.

PENGENALAN

Terdapat sembilan penulis yang pernah terlibat dengan penulisan buku teks Pendidikan Islam (PI) Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Perinciannya adalah seperti berikut:

Jadual 1. Penulis buku teks PI KSSM

Penulis	Buku Teks PI KSSM				
	Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3	Tingkatan 4	Tingkatan 5
Rijaluddin Yahya	/		/	/	
Norafidah Abdullah	/		/		/
Wan Ali Akbar Wan Abdullah	/	/	/		
Johar Seman		/			
Salina Busrowi		/			
Kyairaniah Abu Hassan			/		/

Mohd Tajudin Jamaludin				/	/
Rabiatun Adawiah Che Ramly				/	
Norhaslina Adam				/	/

Daripada jadual di atas, dapat diperhatikan bahawa tiga penulis pernah terlibat menulis untuk tiga buku, tiga penulis terlibat menulis untuk dua buku dan tiga penulis terlibat menulis untuk satu buku. Pengkaji sendiri adalah salah seorang yang terlibat menulis untuk tiga buku teks PI KSSM. Selain itu, pengkaji pernah dilantik sebagai panel peningkatan mutu untuk buku teks PI KSSM tingkatan 5 dan buku teks PI KSSR (Masalah Pendengaran) tahun 6 dan turut terlibat dengan penyusunan DSKP PI Tingkatan 4 dan 5 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Berbekalkan sedikit pengalaman sebagai penulis, termasuklah ketika berdepan dengan panel peningkatan mutu dan panel pembaca luar di DBP, panel penilaian di peringkat BBT serta pengalaman sebagai panel peningkatan mutu dan panel penyusun DSKP, pengkaji ingin merumuskan pengetahuan dan kemahiran yang perlu ada jika seseorang ingin menulis buku teks PI KSSM.

KAJIAN LITERATUR

Pengetahuan bermaksud apa-apa yang diketahui (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016). Pengetahuan biasa digunakan oleh pengkaji merangkumi maksud pengetahuan, kefahaman dan kemahiran (Shulman, 1987). Pelbagai bentuk pengetahuan telah dirumuskan oleh para sarjana mengikut bidang masing-masing. Contohnya, apabila berbahas mengenai pengetahuan yang perlu ada pada seseorang guru untuk mengajar, maka timbul teori Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) (Shulman, 1986). Teori tersebut diubahsuai oleh sarjana seterusnya berdasarkan konteks bidang tertentu yang lebih khusus. Contohnya, PPK dibincangkan dalam konteks profesionalisme guru Pendidikan Islam (Habibah @ Artini Ramlie, 2017) serta disesuaikan dengan topik tertentu dalam PI seperti; Tilawah al-Quran (Farah Ilyani Zakaria, 2021), fikah (Nur Hanani Hussin, 2015) dan akidah (Ahmad Yunus Kassim & Ab. Halim Tamuri, 2010).

Isu pengetahuan turut dibincangkan dari sudut penghasilan inovasi pengajaran. Secara umumnya, ada ramai sarjana yang membincangkan mengenai keperluan pengetahuan tertentu untuk menghasilkan inovasi (Amabile, 1988), akhirnya dirumuskan oleh Thurlings, Evers dan Vermeulen (2015) dan Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah dan Nursafra Mohd Zhaffar (2020). Secara khusus mengenai pengetahuan untuk menghasilkan inovasi dalam PI, dapatan kajian Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah dan Nursafra Mohd Zhaffar (2021) boleh dijadikan rujukan. Selain itu, terdapat juga kajian mengenai pengetahuan yang perlu ada dalam menjalankan tugas sebagai guru PI (Kamarul Azmi Jasmi, 2010), pensyarah PI di IPG (Mohd Nasri Abdullah, 2017) dan pensyarah PI di Politeknik (Ahmad Firdaus Mohd Noor, 2017).

Berkenaan dengan buku teks, perbahasan yang ada mengenai buku teks PI di Malaysia hanya memberi tumpuan kepada perbahasan mengenai status hadis yang terdapat dalam buku teks PI (Norhasnira Ibrahim & Kauthar Abd Kadir, 2014), kaitan antara tulisan jawi dalam buku teks dengan pencapaian pelajar (Affandi Ag Ghani, 2006; Nik Rosila Nik Yaacob, 2007) dan pengetahuan pelajar terhadap istilah fikah yang digunakan dalam buku teks PI (Baharudin & Muhd Shaharudin Mat Salleh, 2018). Keempat-empat kajian tersebut dibuat terhadap buku teks PI KBSM. Selain daripada itu, buku teks hanya dinyatakan sebagai salah satu Alat Bantu Mengajar (ABM) yang digunakan oleh para guru Pendidikan Islam (Abdul Munir Ismail, 2018; Fatahiyah Elias, 2020; Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faeez Ilias, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2011; Mohd Rosmadi Mohd Salleh & Hafizhah Zulkifli, 2020; Nursafra Mohd Zhaffar, 2017; Zetty Nurzuliana Rashed, 2016) dan tiada kajian lain yang terperinci

mengenai buku teks. Hanya ada satu kajian dibuat terhadap buku teks PI KSSM, namun dibuat untuk menilai kandungan kurikulum halal (Nursafra Mohd Zhaffar & Wan Ali Akbar Wan Abdullah, 2021). Tidak ditemui perbahasan khusus mengenai pengetahuan yang diperlukan untuk menulis buku teks PI di Malaysia serta kajian mengenai buku teks PI KSSM.

Kepentingan perbahasan mengenai pengetahuan yang diperlukan untuk penulisan buku teks adalah; 1) memberi pengetahuan kepada penulis buku teks mengenai apa-apa yang perlu diketahuinya sebelum melibatkan diri untuk menulis buku teks, 2) menyediakan asas indikator kepada panel pemilih penulis buku teks mengenai penulis buku teks yang boleh dipilih untuk menulis buku teks, dan 3) memberi panduan kepada penyedia latihan keguruan untuk melatih bakal guru dengan penulisan buku teks supaya dapat memahami kaedah penyampaian buku teks dengan lebih berkesan serta mempersiapkan mereka untuk sekurang-kurangnya kaedah menyusun modul sebagai pelengkap kepada buku teks. Selain itu, penulisan ini turut boleh dimanfaatkan oleh pengkaji seterusnya untuk mengkaji dari sudut yang lain.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk catatan pengalaman pengkaji sendiri sebagai penulis. Pengalaman pengkaji adalah salah satu sumber untuk membentuk konsep dalam kajian kualitatif (Maxwell, 2008). Triangulasi dibuat terhadap analisis dokumen daripada buku teks PI tingkatan 1 (Rijaluddin Yahya, Norafidah Abdullah, & Wan Ali Akbar Wan Abdullah, 2016), tingkatan 2 (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Johar Seman, & Salina Busrowi, 2017) dan tingkatan 3 (Rijaluddin Yahya, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Norafidah Abdullah, & Kyairaniah Abu Hasan, 2018) serta Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) PI KSSM (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015, 2016, 2017, 2018). Triangulasi terhadap tiga buku teks ini dibuat kerana pengkaji turut melibatkan diri sebagai penulis bagi ketiga-tiga buku tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Terdapat 11 pengetahuan perlu ada pada seseorang penulis buku teks PI. Pengetahuan ini merangkumi lima jenis pengetahuan dan enam jenis kemahiran.

Pengetahuan konten

Penulisan buku teks PI memerlukan penulis untuk mempunyai pengetahuan mengenai konten yang berkaitan dengan tajuk yang ditulis. Pengetahuan mengenai konten terkait dengan topik-topik yang disusun oleh pihak kurikulum. Dari sudut bidang, secara umumnya ada enam bidang, iaitu; al-Quran, Hadis, Akidah, Fikah, Sirah dan Akhlak. Secara perinciannya dapat dilihat melalui jadual di bawah:



Rajah 1. Pembahagian konten dalam kurikulum PI KSSM

Pengetahuan mengenai konten turut melibatkan pengetahuan mengenai perbezaan pandangan yang ada di kalangan para ilmuan Islam yang pakar dalam bidang serta ijtihad rasmi yang dipegang oleh kerajaan Malaysia. Secara umumnya tidak timbul isu besar dalam hal ijtihad rasmi dalam bidang fikah kerana fikah Malaysia berpegang kepada mazhab Syafie serta meraikan tiga mazhab muktabar yang lain. Namun, isu dalam bab fikah tetap sentiasa terbuka terutamanya apabila percubaan menyeimbangkan antara perbezaan pandangan antara fatwa negeri-negeri, isu *talfiq* serta kefahaman yang dipegang oleh para *asatizah* yang mengajar di sekolah. Selain itu, isu juga timbul apabila melibatkan mazhab dalam akidah dan tilawah. Dalam akidah terdapat dua mazhab yang diiktiraf iaitu; mazhab maturidi dan mazhab asy'ari, manakala berkenaan dengan tilawah al-Quran pula melibatkan perbezaan antara toriq Syatibi dan toriq Jazari. Pengetahuan mengenai perbezaan-perbezaan ini penting bagi memudahkan keputusan dibuat mengenai pandangan yang sesuai dimuatkan dalam buku teks. Hal ini kerana buku teks bukanlah buku ilmiah yang membolehkan kesemua pandangan dimuatkan dan dibincangkan secara ilmiah sehingga sampai kepada kesimpulan yang dikehendaki oleh penulis dan dipersetujui oleh panel, sebaliknya buku teks hanya memaparkan keputusan akhir hasil siri-siri perbincangan tersebut.

Pengetahuan mengenai sumber maklumat

Pengetahuan mengenai sumber maklumat bermaksud pengetahuan mengenai keabsahan sesuatu sumber yang dirujuk ketika menulis sesuatu topik. Dalam hal ini, terdapat dua sudut boleh dilihat, iaitu; satu, sumber daripada pakar atau kitab yang diiktiraf dalam bidang. Contohnya, al-Majmuk li an-Nawawi adalah kitab fikah. Rujukan hadis yang disebut dalam kitab tersebut mesti disilang rujuk dengan kitab-kitab hadis seperti Sahih al-Buhari dan Sahih Muslim. Hal ini kerana al-Majmuk bukanlah kitab hadis. Dua, keputusan rasmi kerajaan mestilah dirujuk daripada pihak berautoriti agama seperti majlis fatwa negeri-negeri atau JAKIM. Selain itu, sumber yang dipilih untuk dirujuk mestilah sumber premier. Rujukan terjemahan adalah sumber sekunder, maka tidak diterima. Jika kitab rujukan yang menjadi rujukan, ia mesti disemak kembali dengan sumber asal kitab tersebut dalam bahasanya yang asal. Sebagai tambahan, sumber rujukan turut dizahirkan dalam teks, terutamanya apabila terdapat perbezaan pandangan antara ilmuan Islam.

Pengetahuan pedagogi

Yang dimaksudkan dengan pengetahuan pedagogi adalah pengetahuan yang digunakan oleh guru ketika berada dalam kelas. Pengetahuan ini paling penting digunakan ketika merangka aktiviti bagi setiap topik agar sesuai dengan objektif pembelajaran dan tahap pelajar yang akan melaksanakan topik tersebut. Kepelbagaian aktiviti boleh dicadangkan untuk mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan oleh kurikulum. Dalam buku teks PI KSSM, aktiviti PAK-21 adalah aktiviti yang paling dominan.

Pengetahuan mengenai kurikulum

Pengetahuan mengenai kurikulum membabitkan memahami kehendak kurikulum. Hal ini boleh dilihat daripada tiga sudut. Satu, memahami kandungan yang perlu dimasukkan dalam buku teks. Dalam hal ini, penulis perlu menyeimbangkan dari sudut keluasan dan kedalaman konten yang ingin dimuatkan. Contohnya, dalam bab istinjak di buku teks PI Tingkatan 1, ada kepentingan istinjak. DSKP menyatakan murid boleh menjelaskan kepentingan beristinjak. Apabila ada perkataan menjelaskan, maka yang dikehendaki di situ adalah sesuatu yang lebih tinggi dari segi hirarki pemikiran daripada sekadar menyatakan. Maka tiada keperluan untuk memberikan fokus kepada poin yang banyak, sebaliknya difokuskan kepada huraian. Maka hanya satu poin diberikan dan dihuraikan dengan bantuan hadis.

Dua, mencari konten-konten yang sesuai sebagai tambahan kepada konten wajib. Contohnya dalam tajuk Pancaindera yang Dimanfaatkan dalam buku teks PI Tingkatan 3, kurikulum tidak meminta untuk dimasukkan secara terperinci keadaan penghuni neraka, namun dimasukkan dalam buku teks dengan tujuan untuk menimbulkan kegerunan kepada pelajar agar dapat berusaha menghindarkan diri mereka daripada masuk ke neraka dengan memanfaatkan pancaindera yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mereka untuk tujuan kebaikan.

Tiga, pemahaman mengenai kurikulum turut menjadi indikator kepada bentuk aktiviti dan penilaian yang perlu dirangka dalam buku teks. Contohnya berkenaan dengan aktiviti dan penilaian hafazan al-Quran, perlu dibuat secara bacaan di hadapan guru atau rakan dan bukannya melalui susunan potongan ayat. Hal ini kerana aktiviti atau penilaian hafazan, jika dibuat melalui susunan potongan ayat, ia hanyalah melibatkan pengecaman dan bukannya hafazan yang sebenar. Namun, potongan ayat boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada aktiviti hafazan, namun ia tidak boleh berhenti pada tahap pengecaman yang membawa impak kepada penyusunan potongan ayat tanpa hafazan di mulut sepertimana yang dikehendaki oleh kurikulum.

Pengetahuan mengenai format peperiksaan

Pengetahuan mengenai format peperiksaan turut mempengaruhi penulisan buku teks. Maka penulis perlu tahu format peperiksaan. Pengetahuan mengenai format peperiksaan boleh dilihat dari dua sudut, iaitu; satu, susunan ayat penilaian agar pelajar dilatih mengenai kehendak soalan dalam peperiksaan sebenar. Contohnya, penulisan soalan KBAT biasanya dimulai dengan stimulus dan bentuk soalan juga mestilah betul-betul KBAT sepertimana yang dikehendaki oleh Lembaga Peperiksaan. Dua, susunan ayat dalam huraian agar selari dengan cara menjawab soalan dalam peperiksaan yang sebenar. Contohnya, apabila menulis mengenai pengajaran ayat, maka penulisan dalam buku teks memulai kaedah penulisan dengan “kita hendaklah”, “kita mestilah” “umat Islam perlu” dan seumpamanya. Maka format penulisan tersebut diguna pakai ketika penulisan buku teks.

Kemahiran menulis

Penulis perlu mempunyai kemahiran menulis. Kepentingan mengenai hal ini jelas apabila pemilihan penulis buku teks dimulai dengan calon yang disenarai pendek adalah individu yan berpengalaman menghasilkan buku. Keperluan kemahiran menulis tidak hanya pada tahap menulis dengan subjek dan prediket, sebaliknya turut merangkumi kemahiran menulis ayat pendek dan ringkas serta sesuai dengan tahap pelajar sambil mengambil kira konten yang ingin disampaikan. Bayangkan, dengan keterbatasan muka surat yang ada dan kepelbagaian topik serta elemen yang perlu dimuatkan dalam buku teks, maka teks perlu dikurangkan kepada apa-apa yang perlu sahaja. Ia memerlukan kemahiran menganalisis, mensintesis dan mengutamakan apa-apa yang perlu diutamakan serta mengeluarkan apa-apa yang tidak perlu dikeluarkan. Dalam banyak keadaan, masa penilaian banyak dihabiskan untuk membantu penulis menyusun ayat yang baik sahaja. Hal ini kerana setiap perkataan yang dipilih perlu tepat dan menggambarkan ketepatan maksud yang dikehendaki oleh disiplin ilmu tersebut serta dapat difahami oleh guru dan pelajar yang akan menggunakan buku tersebut secara tepat dan benar.

Kemahiran ICT

Kemahiran ICT adalah kemahiran yang diperlukan ketika penulisan buku teks PI KSSM. Antara kemahiran berkaitan adalah; 1) kemahiran menggunakan Microsoft Word, termasuklah memanipulasi fungsi-fungsi yang ada dalam Microsoft Word seperti Insert, Layout dan Design, 2) kemahiran menaip jawi, 3) kemahiran menggunakan aplikasi al-Quran seperti Mushaf Madinah dan Zekr, 4) kemahiran menggunakan aplikasi pencarian maklumat seperti Maktabah Shamilah serta laman sesawang dorar.net, dan 5) kemahiran-kemahiran berkaitan yang lain seperti kemahiran menghasilkan kod QR dan aplikasi untuk menghasilkan bentuk aktiviti tertentu seperti teka silang kata, tarsia dan lain-lain. Sebagai tambahan, kemahiran menggunakan *shortcut key* juga sangat membantu memudahkan dan mempercepatkan proses penulisan buku teks dengan cepat, baik, tepat dan sempurna.

Kemahiran mencari maklumat

Penulis perlu mahir mencari maklumat dengan tepat dan cepat. Penggunaan aplikasi seperti Maktabah Syamilah dan laman sesawang tertentu sangat membantu. Namun, penulis tetap perlu tahu membezakan maklumat yang mempunyai kredibiliti dan maklumat yang kurang kredibilitinya. Contohnya, dalam proses mencari definisi sesuatu istilah. Definisi akan berbeza mengikut disiplin kitab yang ditulis. Maka pencarian dari sudut fikah perlu dirujuk kepada kitab fikah, manakala pencarian dari sudut akhlak perlu merujuk kepada kitab akhlak. Pencarian yang paling mudah mengenai maksud adalah melalui Kamus Dewan yang boleh diperoleh melalui laman sesawang https://prpm.dbp.gov.my/, namun ia hanya terpakai pada maksud dari sudut bahasa dan tidak boleh digunakan untuk menggambarkan maksud istilah berdasarkan disiplin ilmu yang dikehendaki. Oleh itu, rujukan perlu dibuat berdasarkan ilmu yang sedang dikaji. Hal ini kerana perbezaan turut ada pada maksud istilah tertentu berdasarkan disiplin ilmu yang berbeza. Contohnya, maksud sunnah dalam fikah adalah hukum sunat yang jika dilakukan mendapat pahala dan jika ditinggalkan tidak mendapat dosa, namun sunnah bagi ahli Hadis adalah perjalanan hidup Rasulullah s.a.w., dan diiktiraf oleh ulama' Usul Fiqh sebagai sumber kedua selepas al-Quran (Wizaratul Auqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah, n.d.).

Kemahiran mencari maklumat turut merangkumi kemahiran menyemak status hadis. Hal ini kerana dalam buku teks PI, hadis dhaif cuba dihindari kecuali jika tiada pilihan dan hadis tersebut turut digunakan oleh ilmuan Islam yang muktabar dalam bidang mereka.

Contohnya hadis mengenai hukum menyapu atas balutan dalam buku teks tingkatan 2, hanya ada dua hadis dan kedua-dua hadis tersebut dhaif (Wahbah az-Zuhaili, n.d.). Pada masa yang sama, kurikulum mengkehendaki supaya pelajar boleh menyatakan dalil menyapu balutan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Maka tiada pilihan melainkan dizahirkan hadis tersebut. Namun hadis-hadis yang tidak dipinta oleh kurikulum, akan dipastikan kesahihannya sebelum dimasukkan dalam buku teks.

Kemahiran menterjemah teks

Oleh kerana Pendidikan Islam adalah adalah ilmu Islam yang asalnya berbahasa Arab, maka kebanyakan sumber premier didatangkan dalam Bahasa Arab. Oleh itu, penulis buku teks PI perlu mempunyai kemahiran menterjemah teks bahasa Arab ke bahasa Malaysia. Kemahiran ini penting supaya sumber rujukan yang diperoleh dapat difahami dengan baik dan tepat serta proses penterjemahannya juga memberi kefahaman yang baik kepada pembaca dari kalangan guru dan pelajar.

Kemahiran kreatif

Kemahiran ini merangkumi kemahiran menyusun susun atur muka surat supaya tidak terlalu padat sehingga menyemakkan pemandangan dan pemikiran serta tidak terlalu longgar sehingga merugikan ruangan yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan pembelajaran. Dalam buku teks PI tingkatan 1, KPM tidak meletakkan syarat mengenai susun atur buku, namun mula menetapkan supaya susun atur disusun berdasarkan format 2:1 sejak daripada buku teks tingkatan 2 hingga tingkatan 5. Selain itu, penulisan buku teks turut terikat dengan format warna dan saiz tulisan. Syarat-syarat sebegini sedikit mencabar penulis untuk berkreativiti. Selain itu, kemahiran kreatif turut dituntut ketika penyusunan aktiviti dan penilaian. Aktiviti yang disusun mestilah aktiviti yang mampu menarik minat pelajar serta membantu pelajar dalam mencapai objektif pembelajaran mereka. Penulis perlu kreatif ketika merangka aktiviti tersebut.

Kemahiran sosial

Kemahiran sosial merangkumi kemahiran komunikasi dan kemahiran kolaborasi. Hal ini kerana tiada orang yang tahu semua benda dan mahir melakukan semua perkara (Ibn Khaldun, 2001). Oleh itu, komunikasi dan kolaborasi sangat penting ketika menulis. Dalam unit yang paling asas, penulis bergerak sebagai satu kumpulan dan perlu saling berkomunikasi untuk saling membantu bagi memastikan penulisan yang dihasilkan berkualiti serta mengurangkan jurang gaya penulisan antara mereka. Kerjasama antara lapisan 1 ini perlu erat dan tidak boleh ada masalah antara mereka. Dalam unit yang lebih besar, penyunting, pereka bentuk dan pelukis adalah individu yang bertindak dalam lapisan kedua, manakala panel berada di lapisan ketiga. Penulis perlu berkomunikasi dengan ketiga-tiga lapisan ini dan berbincang dengan mereka untuk memastikan buku teks yang dihasilkan betul-betul berkualiti dan minima dari sudut kesalahan. Selain itu, penulis juga perlu proaktif berkomunikasi dengan individu yang berautoriti dan berkepakaran yang tidak berada dalam unit penghasil buku teks tersebut. Contohnya, ketika menulis tajuk najis, pengkaji pergi ke Jabatan Veterinar untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai samak kulit. Terdapat juga rakan penulis yang menghubungi pakar tertentu, terutamanya dari kalangan *qurra'* untuk kepastian mengenai tajwid serta mufti dan ahli majlis fatwa untuk kepastian mengenai hukum tertentu. Selain itu, komunikasi turut dibuat dengan pakar ICT untuk merangka aktiviti tertentu dalam ruangan aktiviti. Sebagai tambahan, rakaman gambar dan video turut dibuat dengan kerjasama pihak sekolah.



Rajah 2. Lapisan penglibatan dalam penulisan buku teks

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk merumuskan pengetahuan yang perlu ada kepada penulis buku teks PI. Dapatan menunjukkan terdapat 11 pengetahuan diperlukan untuk menghasilkan buku teks PI, iaitu; 1) pengetahuan konten, 2) pengetahuan mengenai sumber maklumat, 3) pengetahuan pedagogi, 4) pengetahuan mengenai kurikulum, 5) pengetahuan mengenai format peperiksaan, 6) kemahiran menulis, 7) kemahiran ICT, 8) kemahiran mencari maklumat, 9) kemahiran menterjemah teks, 10) kemahiran kreatif, dan 11) kemahiran sosial. Sebelas pengetahuan ini perlu dirangka dalam latihan keguruan supaya guru novis dapat dipersiapkan untuk memahami buku teks dengan lebih baik serta mempunyai kemampuan untuk menulis buku teks jika diberi peluang atau sekurang-kurangnya kemampuan untuk merangka modul khusus bagi pelajar mereka sendiri. Bagi penyelidik, kajian ini memberi maklumat tertentu yang boleh dimanfaatkan untuk kajian mereka berkenaan dengan buku teks. Buku teks bukan al-Quran dan sentiasa terbuka untuk kajian serta cadangan tambah baik agar dapat dihasilkan dengan mutu yang lebih baik di masa akan dating.

RUJUKAN

Abdul Munir Ismail. (2018). Strategi Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. *Jurnal Perspektif*, *10*(2), 11–21.

Affandi Ag Ghani. (2006). *Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Buku Teks Jawi Pendidikan Islam dalam Pembelajaran: Satu Kajian ke atas Pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai, Johor Bahru*. *Tesis Sarjana Muda*. Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Firdaus Mohd Noor. (2017). *Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik: Satu Kajian Kes*. *Tesis PhD*. Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Yunus Kassim, & Ab. Halim Tamuri. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, *2*(2), 13–30.

Amabile, T. (1988). A Model of Creativity and Innovation in Organizations. *Research in Organizational Behavior*, *10*, 123–167.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 2*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 3*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Baharudin, H., & Muhd Shaharudin Mat Salleh. (2018). Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Istilah Fiqh Dalam Buku Teks Pendidikan Islam. In *6th International Conference on Islamic Education: Rabbani Education* (pp. 464–473). Bangi: Association of Malaysian Muslim Intelectuals.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Farah Ilyani Zakaria. (2021). *Pengetahuan Profesional Bakal Guru untuk tujuan Pengajaran Tilawah al-Quran Sekolah Rendah*. *Tesis PhD*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fatahiyah Elias. (2020). *Amalan Guru tentang Pendekatan Berpusatkan Murid dalam Pengajaran Akidah untuk Pembelajaran Murid*. *Tesis PhD*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Habibah @ Artini Ramlie. (2017). *Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan Riadhah Ruhiyyah*. *Tesis PhD*. Universiti Malaya.

Ibn Khaldun, A. M. (2001). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. *Tesis PhD*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faeez Ilias, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, *3*(1), 59–74. https://doi.org/10.11113/jt.v56.66

Maxwell, J. A. (2008). Designing a Qualitative Study. In *Applied Research Designs* (pp. 214–253).

Mohd Nasri Abdullah. (2017). *Pengamalan Kompetensi dalam Kalangan Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru di Malaysia*. *Tesis PhD*. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Rosmadi Mohd Salleh, & Hafizhah Zulkifli. (2020). PENGGUNAAN DIDIK HIBUR DALAM PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, *4*(2), 1–16.

Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, *22*, 161–172.

Norhasnira Ibrahim, & Kauthar Abd Kadir. (2014). Analisis Status Hadis dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan* (pp. 1–17). Batu Pahat: Penerbit UTHM.

Nur Hanani Hussin. (2015). *Pengajaran Ibadat dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. *Tesis PhD*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nursafra Mohd Zhaffar. (2017). *Kefahaman dan Amalan Penerapan Pemikiran Kritis dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah*. *Tesis PhD*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nursafra Mohd Zhaffar, & Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2021). Analisis Kurikulum Halal dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam KSSM. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, *4*(1), 30–41.

Rijaluddin Yahya, Norafidah Abdullah, & Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2016). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rijaluddin Yahya, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Norafidah Abdullah, & Kyairaniah Abu

Hasan. (2018). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shulman, L. S. (1986). Those who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *Educational Researcher*, *15*(2), 4–14.

Shulman, L. S. (1987). Knowledge and Teaching: Foundations of the New Reform. *Harvard Educational Review*, *57*(1), 1–23.

Thurlings, M., Evers, A. T., & Vermeulen, M. (2015). Toward a Model of Explaining Teachers' Innovative Behavior: A Literature Review. *Review of Educational Research*, *85*(3), 430–471. https://doi.org/10.3102/0034654314557949

Wahbah az-Zuhaili. (n.d.). *al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuhu*. Syria-Damsyik: Darul Fikr.

Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Johar Seman, & Salina Busrowi. (2017). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2020). Pengetahuan Untuk Menghasilkan Inovasi Pengajaran dalam Kalangan Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Asian People Journal*, *3*(2), 192–201.

Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2021). Inovasi "Hajj Pop-up Tour": Kemahiran dan Pengetahuan yang diperlukan untuk Membangunkannya. *Innovative Teaching and Learning Journal*, *5*(1), 23–30.

Wizaratul Auqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah. (n.d.). *al-Mausuah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Wizaratul Auqaf wasy Syu'un al-Islamiyyah.

Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). *Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains dan al-Quran dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*. *Tesis PhD*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi Pengajian Tajwid Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ): Isu, Cabaran dan Penyelesaian

Mohd Asri Muhammad Noor
asri5929@gmail.com
Universiti Malaysia Kelantan

Kamarulzaman Abd Ghani
kamarulzaman@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRACT

Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PDPR) is getting more attention from the Ministry of Education of Malaysia, especially during the implementation of the Movement Control (PKP) starting March 2020. People are pointing to each others due to the problem especially teaches, students, and also parents. Therefore this article analyzes the implementation of Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PDPR) for studying tajwid in Kelas Kemahiran Al Quran (KKQ): regarding the issues, challenges and solutions during PKP. This article uses a qualitative method through data collection through these scientific articles, books, website press reports, and so on. The article also received feedback on aspects of improvements that can be implemented to improve the quality of pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) in the future. The results of the study found that some of the issues in PDPR for studying tajwid in KKQ are the dropout of students in learning process, the presence of students in PDPR classes and students do not focus during PDPR. While the main challenges of pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) for studying tajwid for KKQ classes are internet access problem and lack of ownership of the gadget, lack of mastery among teachers in teaching new forms and methods, and lack of response from parents and students. Hopefully this issues and challenges can be handled wisely and everyone who involved in these matters takes on their respective roles so that the PDPR process can be implemented successfully.

Keywords: PDPR,Tajwid, KKQ

ABSTRAK

Isu pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) semakin mendapat perhatian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terutamanya sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan oleh kerajaan bermula Mac 2020. Semua pihak saling menuding jari mencari salah siapa terhadap permasalahan yang dihadapi termasuklah guru, murid dan ibubapa dalam melaksanakan PDPR ini. Justeru artikel ini menganalisa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) bagi pengajian tajwid Kelas Kemahiran Al Quran (KKQ): isu, cabaran dan penyelesaian dalam fasa PKP. Kertas ini menggunakan metode kualitatif melalui pengumpulan data perpustakaan menerusi tesis, artikel ilmiah, buku, laporan akhbar laman sesawang dan sebagainya. Kertas ini juga menerima maklum balas tentang aspek penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) pada masa akan datang. Hasil tinjauan mendapati beberapa isu dalam PDPR untuk kelas pengajian tajwid kelas KKQ ialah keciciran murid dalam pembelajaran, kehadiran murid yang mengikuti PDPR dan murid tidak fokus semasa PDPR. Manakala cabaran utama pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) untuk pengajian tajwid kelas KKQ pula adalah masalah capaian internet dan kurang pemilikan gajet, lemah penguasaan guru mengajar dalam bentuk dan kaedah baru dan kurang sambutan dari pihak ibubapa dan murid. Semoga permasalahan ini dapat ditangani dengan bijaksana dan semua

pihak yang terbabit memainkan peranan masing-masing agar proses PDPR dapat dilaksanakan dengan jayanya.
Kata kunci: PDPR, Tajwid, KKQ

PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 merupakan penularan virus korona yang sedang berlaku secara meluas di peringkat global. Wabak ini berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Ia mula dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei, China. Ia diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 (Lekhraj Rampal, 2020; Ali, Ahmad, & Husain, 2020). Bagi mengekang dan memutuskan rantaian penularan wabak ini, kerajaan Malaysia melalui kepimpinan YAB Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Muhyiddin bin Muhammad Yassin, Perdana Menteri Malaysia ke-8, telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 (Basir et al 2020).

Penularan Covid-19 di seluruh dunia telah mendatangkan impak besar dalam segenap aspek kehidupan manusia. Semua aktiviti berkaitan dengan masyarakat umum seperti acara sekolah, sukan dan perhimpunan besar lain dibatalkan kerana masyarakat disarankan untuk berada di rumah dan membatasi atau menghadkan hubungan dengan individu di luar rumah mereka. Sebagai contoh, institusi pendidikan bergerak ke arah pembelajaran dan pengajaran di rumah (PDPR). Semua murid sekolah perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu dan bersiap untuk belajar cara baru iaitu pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) (Mustapah & Rosli, 2021).

Susulan penularan wabak Covid-19 yang semakin meruncing, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan di negara ini bermula Rabu sehingga 31 Mac 2020. Perkara ini berlanjutan sehingga PKP 2.0 dan terkini adalah PKP 3.0 yang bermula pada jun 2021. Saban hari kes COVID-19 meningkat dan beberapa negeri mencatatkan nilai kebolehjangkitan (Ro) semakin membimbangkan.Penularan COVID-19 juga dilihat berlaku di sekolah. Susulan perkembangan ini, Kementerian Pendidikan (KPM) mengumumkan penutupan beberapa sekolah dan mengeluarkan arahan supaya Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) kembali dijalankan pada tempoh ditetapkan (Thannimalai, & Baloh, 2021).

Penutupan sekolah tahun 2020 telah mendesak pihak pentadbiran sekolah untuk menjalankan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PDPR). Walaupun warga pendidik telah mempunyai pengalaman dalam melaksanakan PDPR, cabaran yang dihadapi perlu diteliti dan persediaan yang secukupnya perlu dilakukan. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah capaian internet dan kurang pemilikan gajet, penguasaan guru mengajar dalam bentuk dan kaedah baru dan kurang sambutan dari pihak ibubapa dan murid. Ini semua merupakan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menghasilkan penyelesaian yang bermanfaat buat ramai pihak (Hairia'an, & Dzainudin, 2020).

Penutupan sekolah akibat pandemik akan memberikan impak jangka panjang kepada sektor pendidikan negara ini. Data UNESCO menunjukkan secara global, kadar keciciran pelajar semakin bertambah kesan daripada pandemik COVID-19.Walaupun kementerian mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan PDPR untuk membolehkan pembelajaran terus berlangsung, namun ia perlu dilihat secara menyeluruh dan sistemik, bukan sekadar menumpukan kepada aspek infrastruktur dan modaliti semata-mata. Selain itu, terdapat banyak perkara yang perlu diperhalusi dan dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan apabila membabitkan isu PDPR kerana semua perkara ini saling berkait antara satu sama lain dan akan memberikan impak kepada pendidikan. Antaranya adalah kemahiran guru dalam reka bentuk arahan secara dalam talian, kemahiran pengajaran secara jarak jauh, kemahiran pengetahuan

guru dalam kandungan teknologi dan pedagogi, kesediaan dan kemahiran ibu bapa dalam membantu pembelajaran anak, kesediaan pelajar dari segi emosi, sosial dan kognitif, kemudahan infrastruktur yang ada untuk menjalankan PDPR, fleksibiliti kandungan kurikulum, penilaian dan pentaksiran sesuai, serta banyak lagi.

Kelas Kemahiran Al-Quran adalah salah satu kegiatan ko-kurikulum yang dilaksanakan di SMKA dan KKQ seluruh negara. Namun begitu di sekolah berkenaan ia wajib dilaksanakan tiga jam dalam seminggu bagi setiap tingkatan mengikut sukatan pelajaran yang telah ditetapkan. Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) turut dijalankan seperti subjek-subjek asas yang lain. Kelas ini menawarkan beberapa subjek berkaitan ilmu al-Quran seperti membaca secara tarannum, menghafaz, qiraat, asbun nuzul dan pengajian tajwid al-Quran (Saili, & Awang Japilan, 2021).

Kaedah pengajian tajwid merupakan salah satu kaedah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran bertujuan mempertingkatkan lagi mutu bacaan al Quran. Ini bersesuaian dengan cara atau aturan membaca al Quran seperti yang telah ditetapkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda. Antara kaedah tajwid adalah kaedah iqra', kaedah al baghdadi dan kaedah hatawiyyah. Kepelbagaian kaedah ini digunakan bagi memudahkan pelajar untuk mempelajari al Quran dan menghayatinya (Saili, & Hashim, 2019). Persoalannya, sepanjang pelaksanaan PDPR sehingga kini, apakah isu dan cabaran yang perlu diakui oleh guru, murid dan ibu bapa dalam melaksanakan PDPR? Justeru makalah ini akan menghuraikan persoalan berkenaan sekali gus mencadangkan kaedah-kaedah penyelesaiannya. Dapatan dan hasil kajian ini membuka ruang perbincangan untuk mengemas kini kaedah PDPR pada masa akan datang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah perpustakaan dengan merujuk bahan daripada sumber tesis, artikel ilmiah, buku, laporan akhbar, laman sesawang, artikel jurnal dan sebagainya. Media sosial juga medan sumber pencarian bahan. Kaedah carian dalam pangkalan-pangkalan data ialah carian berdasarkan kata kunci seperti "PdPR" "Covid-19" "PKP" "KKQ" dan sebagainya. Data-data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas. Kajian ini menggunakan kaedah induktif dalam analisis data.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah menjalani kajian yang terperinci, terdapat beberapa isu utama berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) antaranya tiada keciciran pelajar dalam pembelajaran. Menurut Mohd Nazri (2021), COVID-19 memberikan kesan besar kepada sektor pendidikan apabila lebih ramai pelajar keciciran. Tinjauan Kementerian Pendidikan (KPM) mengenai kesediaan murid terhadap pembelajaran dalam talian mendapati 1.85 juta murid tidak mempunyai peranti dan menghadapi masalah akses internet yang menafikan capaian kepada pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).Tidak dinafikan PDPR di negara ini jika merujuk kepada Manual PdPR dikeluarkan KPM tahun ini adalah gabungan kaedah dalam dan luar talian. Namun, keciciran masih berlaku dan data mengenainya belum dikongsikan. Meneliti Manual Pdpr versi dua yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada bulan Februari lalu, iaitu perenggan 5.1 yang menyebut :

> *"Tiada Murid Tercicir dalam Pembelajaran – Sekolah perlu memastikan semua murid dapat mengikuti PDPR berdasarkan keperluan dan kesediaan mereka. Guru perlu mengenalpasti kaedah PDPR yang sesuai supaya murid dapat*

> *menguasai kandungan mata pelajaran yang ditetapkan. Guru hendaklah meneroka cara yang berbeza dan bersesuaian untuk kelangsungan dan peningkatan murid dalam PDPR."* (Mahdzir, 2021)
>
> *Isu kedua adalah kehadiran pelajar yang mengikuti PDPR. Menurut kajian fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia mendapati kehadiran pelajar dalam proses PDPR tidak mencapai 80 peratus. Angka ini menunjukkan bahawa isu kehadiran boleh dianggap sebagai satu isu besar kepada proses PDPR secara keseluruhannya* (Mahdzir, 2021).
>
> *Isu ketiga adalah pelajar tidak boleh memberikan fokus 100 peratus terhadap pengajaran guru dalam talian dalam tempoh 30 hingga 40 minit mengikut jadual biasa. Menurut pandangan Dr Amin Senin, Mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia tempoh pengajaran dalam talian perlu dipendekkan dengan menambah baik dan mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti membuat video pendek dengan durasi 10 minit. Pendapat ini selari dengan kajian UKM yang diketuai oleh Prof Madya Dr Azlin Norhaini Mansor yang mendapati kebanyakan murid tidak memberikan fokus dalam PDPR kerana faktor rumah kediaman yang tidak kondusif* (Mahdzir, 2021)

Cabaran utama Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) dapat dirumuskan sebagaimana berikut:

Masalah Capaian Internet Dan Kurang Pemilikan Gajet

Hasil daripada kajian mendapati bahawa di antara isu dan cabaran yang dihadapi semasa proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) bagi pengajian tajwid kelas KKQ lebih kurang sama sahaja dengan matapelajaran lain iaitu masalah capaian internet bagi pelajar dan kurang pemilikan gajet. Senario kekurangan atau kelemahan dari aspek ini merupakan fenomena yang sering dialami dalam proses PDPR (Mahad, Magesvaran, & Hamzah, 2021). Faktor ini merupakan antara faktor utama menyebabkan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) kurang berkesan. Sesi pengajaran tajwid guru perlu memperdengarkan bacaan ayat tertentu dengan betul dan pelajar juga perlu membacakan surah, secara tasmik, jika line tersekat-sekat pelajar dan guru tidak dapat mendengar bacaan masing-masing dengan jelas. Menurut Luqman Arif Abdul Karim (2020), jurang agihan internet di antara bandar dan luar bandar masih pada kadar yang sangat besar iaitu nisbah 70:30. Laporan ini juga menyebut, data rasmi Jabatan Statistik Negara tahun 2019 menunjukkan tiada langsung penambahbaikan capaian internet di kawasan luar bandar dan bandar di antara tahun 2014 hingga 2016. Pelaksanaan e-pembelajaran sebagai salah satu mod PDPCJJ semasa PKP sudah pasti memberi kesan kepada jurang pencapaian akademik murid bandar dan luar bandar. Langkah ini merupakan suatu bentuk diskriminasi pendidikan jika tidak disertai dengan alternatif-alternatif kaedah pembelajaran lain khusus kepada murid-murid yang tinggal nun jauh di pedalaman. Oleh itu, guru-guru perlu mencari jalan penyelesaian yang adil kepada semua murid.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Aminuddin Awang, berkata ia menyumbang kepada beberapa kesan negatif dan merumitkan keadaan golongan berpendapatan rendah. Selain itu, katanya, kaji selidik NUTP mendapati 93 peratus guru memilih kaedah PDP secara bersemuka walaupun mengakui berpuas hati dengan kerjasama diberikan ibu bapa bagi menjayakan PdPR. "Kemahiran guru mengendalikan PDPR semakin baik dan masing-masing sudah mempunyai pengalaman ketika pelaksanaan PKP, Mac tahun lalu.

Menurut laporan kajian 'Covid-19 and Unequal Learning' yang dilakukan oleh Khazanah Research Institute (KRI), sebanyak 37 peratus kanak-kanak yang tidak mempunyai komputer riba atau tablet yang sesuai untuk digunakan semasa PDPR. Lebih parah apabila hanya 6-9 % yang memiliki komputer riba sendiri. Kekurangan peranti yang mencukupi serta Internet yang tidak stabil akan mengganggu proses PDPR untuk berjalan dengan lancar. Jika guru yang menghadapi masalah tersebut, penyampaian guru kepada murid akan terjejas, dan kalau ia berlaku kepada murid-murid, proses penerimaan murid-murid pula yang akan terjejas (Nasir, & Mansor, 2021).

Pada dasarnya, masalah talian internet merupakan isu utama yang dihadapi oleh sebahagian besar masyarakat yang tinggal di luar bandar dan pedalaman. Walau pun isu ini di luar kawalan guru, namun pihak kerajaan perlu mengambil iktibar supaya masalah ini tidak menjadi penghalang kepada proses pembelajaran secara online pada masa akan datang. Falsafah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah secara online pada masa depan merupakan suatu bentuk pendidikan inovatif yang sepatutnya dapat dinikmati oleh masyarakat luar bandar yang sama peluangnya dengan masyarakat bandar (Mohd Noor Salleh, 2000).

Kelemahan Penguasaan guru mengajar dalam bentuk dan kaedah baru

Cabaran kedua adalah kelemahan penguasaan guru mengajar dalam bentuk dan kaedah baru terutamanya pengetahuan dan kemahiran digital dalam PDPR. Salah satu kaedah yang digunakan untuk melaksanakan pembelajaran ialah secara dalam talian (online) di mana guru melaksanakan proses pembelajaran dan bimbingan kepada murid-murid secara maya menggunakan medium seperti Google Classroom, Google Meet dan sebagainya. Kajian mendapati cabaran yang dihadapi oleh guru masih belum mahir mengendalikan pembelajaran secara dalam talian. PDPR bukanlah hal yang mudah terutama buat guru-guru yang tidak mahir menggunakan teknologi. Contoh, menggunakan Google Meet dan menyimpan bahan pembelajaran di Google Drive mungkin mudah buat mereka yang mahir menggunakan aplikasi teknologi tetapi sebaliknya buat mereka yang tidak mahir (Maslan, & Mohd Nor, (2020).

Isu ini bersesuaian dengan kajian oleh Kleiman (2000) yang mendapati masih terdapat guru yang kurang kompeten dalam menggunakan teknologi terutamanya komputer khususnya guru-guru yang tinggal di luar bandar. Choo (2005) juga menjalankan kajian terhadap kemahiran ICT guru-guru pelatih di institut perguruan di Sabah dan mendapati tahap kemahiran guru masih di tahap sederhana. Kajian yang dijalankan oleh Roslaili Awang Nik (2007) terhadap guru-guru pelatih UTM semasa latihan mengajar mendapati tahap penggunaan ICT semasa mengajar di dalam kelas masih rendah. Menurut Zoraini Wati Abas (2008), dalam era abad ke 21 pembelajaran secara jarak jauh dan cross border education didapati lebih relevan, fleksibel dan memberi kebebasan kepada murid untuk melaksanakan pembelajaran di rumah.

Sehubungan itu, ekoran daripada masalah guru yang masih belum mahir dalam penggunaan teknologi ICT maka wujud cabaran-cabaran lain yang menjadi halangan guru-guru melaksanakan PDPR secara dalam talian iaitu merasa terbeban kerana banyak evidence pembelajaran yang perlu dimuat naik, sukar memeriksa kerja murid secara online, sukar berkomunikasi dengan murid, tidak mahir menyediakan pembelajaran secara online dan guru merasa penat. Di samping itu, terdapat sebilangan guru mempunyai keraguan terhadap tugasan yang dihantar oleh murid sama ada tugasan tersebut adalah hasil kerja murid sebenar atau dibantu oleh ahli-ahli keluarga. Ini menyebabkan guru sukar untuk menaksir tahap penguasaan murid yang sebenar. Latihan dan kursus berterusan harus dilaksanakan agar para guru sentiasa bersiap siaga menghadapi PDPR sekiranya perlu termasuk kepada ibu bapa dan anak-anak. Guru juga perlu memperlengkapkan diri dengan kemahiran mengendalikan pembelajaran secara online bukan semata-mata disebabkan oleh fenomena yang melanda sekarang tetapi kaedah ini secara perlahan-lahan akan mengambil-alih amalan pembelajaran secara

konvensional. Namun menurut Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad (2005) internet hanyalah teknologi yang memudahkan proses pencarian ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Walaupun guru menghadapi pelbagai cabaran, menurut Menteri Pendidikan Dr Mohd Radzi Md Jidin, pendigitalan dalam pendidikan sememangnya menjadi dasar KPM dan proses itu tidak dapat dielak bagi melahirkan pelajar yang mahir digital. Beliau turut berkata COVID-19 juga menyaksikan proses pendigitalan dalam sistem pendidikan termasuk kaedah penandaan kertas jawapan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibuat secara dalam talian dan ini nyata lebih efektif dan menjimatkan masa. Namun, beliau berkata sesi secara bersemuka tetap menjadi kaedah terbaik bagi menilai prestasi murid secara keseluruhan dan KPM akan memastikan sekolah dibuka dengan prosedur operasi standard (SOP) ketat apabila situasi COVID-19 terkawal dan sesi bersemuka dapat kembali dijalankan. Beliau menambah KPM juga akan memastikan semua guru di negara ini diberi keutamaan menerima vaksin COVID-19 bagi mewujudkan suasana selamat di sekolah.

Kurang sambutan daripada ibu bapa dan murid

Kejayaan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini bergantung kepada keupayaan ibu bapa dan murid dalam mendepani persekitaran pembelajarannya. Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Aminuddin Awang, berkata bebanan PDPR ini memang diakui lebih bertumpu kepada ibu bapa dan murid, berbanding guru dan pihak sekolah. Kajian ini akan memfokuskan kepada cabaran murid dan cabaran kepada ibu bapa (M.Nasarudin, 2021).

Fokus cabaran pertama yang dihadapi oleh murid adalah murid menghadapi masalah berkomunikasi dengan guru untuk mendapatkan bimbingan. Masalah ini mempunyai kaitan dengan isu-isu lain antaranya murid-murid tidak mempunyai telefon pintar, murid berada di luar daerah atau mengikuti ibu bapa ke kebun, menyebabkan sukar berkomunikasi dengan guru berkaitan tugasan-tugasan pembelajaran setiap hari. Cabaran kedua yang dihadapi oleh murid-murid ialah penggunaan peranti yang terhad untuk mengakses bahan-bahan pembelajaran yang dihantar oleh guru. Kebanyakan murid yang dari keluarga susah dan sederhana terpaksa berkongsi telefon pintar yang dimiliki oleh ibu bapa secara bergilir-gilir dengan adik-beradik untuk merujuk bahan-bahan pembelajaran yang dihantar oleh guru (Losius Goliong et al, 2020)

Sehubungan itu, timbul beberapa cabaran lain yang menyebabkan gangguan proses pembelajaran di rumah iaitu murid tidak mengambil bahagian dalam pembelajaran online, murid tidak menghantar kerja yang dengan lengkap, murid merasa tertekan membuat kerja, murid lambat menghantar tugasan dan bahkan terdapat murid yang langsung tidak menghantar tugasan kepada guru. Guru-guru juga mendapati terdapat sebilangan murid yang masih tidak mahir merujuk tugasan yang dihantar melalui whatsApp, telegram atau e-mail. Malah masih terdapat pelajar yang tidak mempunyai sebarang rujukan untuk membuat tugasan di rumah kerana buku-buku teks berada di asrama (Losius Goliong et al, 2020) .

Fokus cabaran kepada ibubapa lebih tertumpu kepada sejauh mana mereka dapat membantu pembelajaran anak-anak semasa PKP di rumah. Kajian mendapati ibu bapa tidak mempunyai data pada telefon pintar yang mencukupi untuk membantu melaksanakan pembelajaran anak-anak di rumah. Ibu bapa juga mengalami masalah untuk menambah nilai data pada telefon pintar kerana tinggal di kampung dan menghadapi kekangan untuk keluar dengan kerap untuk membeli data kerana masih tertakluk kepada penguatkuasaan peraturan-peraturan PKP. Di samping itu, terdapat ibu bapa yang menghadapi masalah kewangan untuk menambah nilai data pada telefon pintar yang terlalu kerap. Masalah ini bersesuaian dengan laporan oleh Faris Danial Razi (2020) yang telah membuat temu ramah dengan Prof. Madya Dr. Siti Aishah Hassan, Jabatan Kaunselor Psikologi kaunseling, Universiti Putera Malaysia. Kesimpulan daripada temu ramah tersebut menyatakan golongan ibu bapa M40 dan B40 adalah

yang paling terkesan dengan pembelajaran PJJ di rumah kerana ibu bapa hanya memiliki satu telefon pintar yang digunakan oleh anak-anak yang ramai untuk pembelajaran.

Implikasinya, terdapat murid yang lewat menerima maklumat tentang tugasan yang diberikan oleh guru. Terdapat sebilangan kecil ibu bapa masih kurang mahir menggunakan aplikasi-aplikasi dalam telefon pintar untuk mengakses bahan-bahan pembelajaran yang diberikan oleh guru. Masalah ini menyebabkan terdapat murid-murid yang lewat menyiapkan dan menghantar semula tugasan kepada guru. Masalah ini juga membawa kepada isu-isu berkaitan seperti murid tidak dapat memberi maklum balas terhadap tugasan yang diberikan oleh guru dan ibu bapa tidak mampu membimbing anak-anak membuat tugasan di rumah.

Sehubungan dengan itu, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ramai pihak ini memerlukan solusi yang sewajarnya agar proses PDPR dapat berjalan dengan lancar. Menurut Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia (NUTP), Aminudin Awang, ibu bapa perlu mencari jalan untuk mengurangkan tekanan yang dialami dalam memastikan anak mereka mendapat pembelajaran sempurna dan proses itu seeloknya tidak boleh terganggu. "Kita perlu terus memberi kefahaman kepada ibu bapa dan murid mengenai keperluan mendesak PDPR kerana pelaksanaannya tidak mudah. Sebenarnya kita sudah tidak ada pilihan lain yang berkesan untuk meneruskan sesi pembelajaran ketika pandemik masih berterusan ketika ini. Menurut beliau lagi, satu kajian berkaitan pandangan ibu bapa tentang PDPR telah dijalankan (M Yusri, 2021).

Hasil daripada kajian tersebut, sebanyak 16,554 responden meminta agar pihak kementerian dapat perhalusi masalah PDPR yang berlaku sebelum ini. Antara keluhan ibu bapa adalah, jadual belajar yang padat serta lambakan kerja sekolah. Ibu bapa yang tidak mempunyai latar pendidikan yang tinggi juga merasa terbeban untuk membantu anak-anak mereka menyiapkan kerja rumah atau projek yang diberikan (M. Hafiz, 2021).

Sewajarnya setiap pihak yang terbabit dalam PDPR iaitu sekolah, guru, ibu bapa dan pelajar, perlu meneliti cabaran yang mereka hadapi. Seterusnya, strategi untuk memantapkan lagi PDPR perlu diatur dengan mengambil kira kepentingan setiap pemegang taruh ini.Walaupun terkesan dengan wabak Covid 19 yang melanda negara , pengajaran dan pembelajaran perlu diteruskan untuk kesinambungan ummah. Walaupun pengajaran masa kini lebih tertumpu kepada pembelajaran atas talian, pendidikan yang merupakan tarbiah pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar-pelajar amat perlu agar mereka menghargai fleksibiliti yang Allah kurniakan seperti pembelajaarn kondusif atas talian. Mereka juga wajib bertanggungjawab untuk belajar dan berdisiplin diri dalam pembelajaran atas talian ini.

Pelbagai aplikasi atau platform digital yang bersesuaian boleh digunakan seperti Whatsapp, Google Clasroom, Zoom, Webex, Youtube dan sebagainya(Mohd Salleh, 2020). Menurut Ahmad Najmi (2017), walaupun pendidikan begitu mudah dipelajari, pelajar-pelajar harus mengerti bahawa kefahaman pendidikan yang berteraskan Islam adalah berkonsepkan kepada pendidikan iman, moral dan budi pekerti yang tinggi. Ahmad Najmi (2017) juga menyatakan bahawa konsep ini seiring dengan yang disebutkan dalam Al Quran dan As Sunnah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini dapat mengenalpasti beberapa isu yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajarn di rumah (PDPR) pengajian tajwid kelas KKQ iaitu keciciran murid dalam pembelajaran tajwid, kehadiran murid yang mengikuti PDPR tajwid dan murid tidak fokus semasa pdpr tajwid. Manakala terdapat 3 cabaran utama PDPR kelas kemahiran al Quran untuk pengajian tajwid iaitu: pertama, gangguan talian dan masalah capaian internet serta kurang pemilikan gajet; kedua, kelemahan penguasaan guru mengajar matapelajaran tajwid dalam bentuk dan kaedah baru; dan ketiga, kurang sambutan daripada ibubapa dan murid untuk

pengajian tajwid. Isu dan cabaran PDPR ini harus ditangani bersama. Penulis ingin mencadangkan beberapa penyelesaian kepada isu dan cabaran yang telah diutarakan iaitu semua pihak perlu bertoleransi antara satu sama lain, antara guru, ibu bapa, murid serta pihak KPM. Ia perlu ditangani dengan berkesan untuk menjamin keberkesanan pembelajaran bagi subjek tajwid ini khususnya dan subjek-subjek lain amnya. Guru haruslah mempunyai kreativiti dalam melaksanakan PDPR pengajian tajwid supaya tiada mana-mana pelajar keciciran semasa proses PDPR. Platform yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan kemampuan capaian internet pelajar. Setiap pelajar haruslah bijak memotivasikan diri sendiri untuk terus komited dengan kelas PDPR terutama untuk kelas pengajian tajwid. Keluarga juga perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) untuk pengajian tajwid ini kerana proses penyesuaian diri dengan pembelajaran atas talian ini memerlukan masa yang agak lama . Justeru itu, kita perlu bersama-sama berusaha untuk bersedia menghadapi PDPR kelas tajwid dalam suasana tidak menentu ini agar anak-anak pada masa kini mendapat pendidikan asas tajwid yang terbaik yang akan menjadi bekalan buat mereka pada masa akan datang.

RUJUKAN

Ali, M. G., Ahmad, M. O., & Husain, S. N. (2020). Spread of corona virus disease (COVID–19) from an outbreak to pandemic in the year 2020. Asian Journal of Research in Infectious Diseases, 37-51.

Anuar Hasin, Zainora Daud, Norazman Alias (2020). Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Dalam Fasa PKP: Kajian di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Selangor : Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Basir, N., Ab Rahim, I. S., & Halim, M. Z. A. (2020). Analisis tingkah laku sosiologi masyarakat berasaskan teori interaksionisme melalui perangkaan data kes COVID-19 di Malaysia. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 11, 11-30.

Losius Goliong, Ahsly Kasin, Marcelus Johnny, Nazarius G. Yulip.(2020). Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Sabah : Penerbit Pejabat Pendidikan Daerah Ranau, Sabah.

Muhammad Yusri Muzamir (2021) Capaian Internet, Kurang Gajet boleh Sukarkan Pdpr. BH Online Dimuat turun pada 22 Julai 2021 daripada http://www.bharian.com.my/berita/national/2021/01/777096 Capaian internet, kurang gajet boleh sukarkan PdPR | Berita Harian (bharian.com.my)

Choo, K. H., (2005). Tahap Kemahiran ICT Dalam Kalangan Guru Pelatih Maktab Perguruan Di Sabah Dan Hubungannya Dengan Gaya Pembelajaran. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan UTM: Tidak diterbitkan.

Faris Danial Razi. (2020). PKP: Teknologi Jadi Kekangan Kerja dan Pembelajaran di Rumah, Tetapi Ada 'Jalan' Lain. Muat turun dari BERITA ONLINE Astro Awani, 13 April 2020: http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-teknologi-jadi-kekangan-kerja-dan-pembelajaran-di-rumah-tetapi-ada-jalan-lain-238178 pada 30 Mac 2020.

Hairia'an, N. H., & Dzainudin, M. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, 9, 18-28.

Kleiman, G. M. (2000). Myths And Realities About Technology In K-12 Schools, Leadership And The New Technologies. Dimuat turun pada 27 April 2020 dari http://www.edc.org/LNT/news/Issue14/feature.htm

Lekhraj Rampal, M. B. B. S., & Seng, L. B. (2020). Coronavirus disease (COVID-19) pandemic. Med. J. Malays, 75(2), 95.

Luqman Arif Abdul Karim. (2020). PKP: E-Pembelajaran Tidak Segerak Sesuai Di Luar Bandar, Pedalaman. Berita Harian Online, 16 April 2020: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677952/pkp-e-pembelajaran-tidak-segerak-sesuai-di-luar-bandar-pedalaman. Dimuat turun pada 4 Mei 2020

Mahad, I., Magesvaran, U., & Hamzah, I. N. S. (2021). Sikap Dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 11(1), 16-28.

Mahdzir Khalid (2021Ulasan Pdpr – mana muridnya? Muat turun dari malaysiakini, 10/8/2021: https://www.malaysiakini.com/news/580428

Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sam bin Kamis, Sohaina binti Mohd Salleh, Zunidar,MPd, Dr Usiono, Eka Yusnaldi, Siti Hajar binti Taib, Ikwan Lubis SE (2021). Isu Terkini Pendidikan Islam di Era Pandemik Covid 19 di Malaysia. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 4(1).

Maslan, & Mohd Nor, (2020) Kebolehlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Secara Atas Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Di Daerah Sentul, Kuala Lumpur. In (Webinar) Seminar Nasional Pendidikan 2020 (Vol. 1, No. 1, pp. 213-218).

Mohd Nasarudin Parzi (2021) Kejayaan PdPR bergantung kepada ibu bapa, murid. Dimuat turun dari BH Online pada 10/8/2021: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/818379

Mohd Nazri Abdul Rahman (2021)Perbaiki pelaksanaan pdpr atasi isu keciciran pelajar. Di Muat turun dari BERITA HARIAN ONLINE pada 10/8/2021:
https://www.bharian.com.my/kolumnis/2021/06/829593/perbaiki-pelaksanaan-pdpr-20-atasi-isu-keciciran-pelajar

Mohd Noor Salleh. (2000). Pendidikan Jarak Jauh. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mustapah, J., & Rosli, R. (2021). Tahap Kepuasan Pembelajaran Matematik Atas Talian Semasa Pandemik COVID-19. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(4), 1-20.

Nasir, N. M., & Mansor, M. B. (2021). Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(7), 416-421.

Mohd Hafiz Abd Hamid (2021).Persediaan Pdpr : Apa solusinya. Dimuat turun pada 22 Julai 2021 daripada http://mykmu.net/2021/06/03/ Persediaan PdPR: Apa solusinya? — MYKMU.NET

Roslaili Awang Nik. (2007). Penggunaan ICT Di Kalangan Guru Pelatih UTM Semasa Latihan Mengajar. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan UTM: Tidak diterbitkan.

Saili, J., & Awang Japilan, N. H. (2014). Hubungan antara tahap pengetahuan pedagogi guru dengan pencapaian tajwid al Quran pelajar dalam KKQ. International Conference and Exhibition on Islamic Education (icied 2014).

Saili, J., & Hashim, A. (2019). Pengetahuan Pedagogi Guru Kkq Dalam Pengajaran Tajwid Al-Quran Di Lembah Klang. O-Jie: Online Journal of Islamic Education, 7(1), 36-45.

Thannimalai, T., & Baloh, S. (2021). Cabaran PDPR bahasa Tamil di sekolah luar bandar [Challenges of Tamil language PDPR in rural schools]. Muallim Journal of Social Sciences and Humanities, 183-190.

Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad. (2005). E-Pembelajaran: Evolusi Internet Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Zoraini Wati Abas. (2008). Globalisation Of Education Through Open Distance Learning. In Sarjit Kaur, Morshidi Sirat, Norzaini Azman, & (pnyt.), Globalisation and Internationalisation of Higher Education in Malaysia. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Inovasi *Smart Istinjak (Smartis)*

Normah Ahmad
g-86080703@moe-dl.edu.my
SJKC Chung Hwa Sik Kedah Darul Aman

ABSTRACT

Smart Istinjak innovation also known as "Smartis" aims to increase the effectiveness of the achievement of year 1 students in the field of Worship. This Smartis innovation was developed after it was found that students could not master the skills of istinjak well. This innovation uses Microsoft Power Point application as a more effective and efficient learning medium. A variety of teaching aids are loaded in this application can increase interest and stimulate the minds of students to master the skills of istinjak. Teaching and learning using Smartis Innovations has shown an increase in students ’understanding and mastery of skills. This has been evidenced through increased scores in post -tests. It is hoped that this Smartis innovation can be applied to all students regardless of age. In this paper, it is also proposed that more effective improvements are aimed at further enhancing the effectiveness of cultivating effective teaching and learning innovation in the era of covid pendemics 19.
Keywords: Innovation, Istinjak, Microsoft Power Point

ABSTRAK

Inovasi *Smart Istinjak* dikenali juga dengan “*Smartis*” bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pencapaian murid tahun 1 dalam bidang Ibadah. Inovasi Smartis ini dibangunkan setelah didapati murid tidak dapat menguasai kemahiran istinjak dengan baik. Inovasi ini menggunakan apkilasi *Microsoft Power Point* sebagai medium pembelajaran yang lebih efektif dan berkesan. Kepelbagaian bahan bantu mengajar dimuat dalam aplikasi ini dapat meningkatkan minat serta meransangkan minda murid bagi menguasai kemahiran istinjak. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan *Inovasi Smartis* telah menunjukkan peningkatan kefahaman dan penguasaan kemahiran murid. Ini telah dibuktikan melalui peningkatan skor dalam ujian pasca. Diharap inovasi Smartis ini dapat diaplikasikan kepada semua murid tanpa mengira peringkat umur. Pada kertas kerja ini juga dicadangkan penambahbaikan lebih efektif bertujuan untuk meningkatkan lagi berkesanan pembudayaan inovasi pengajaran dan pembelajaran efektif di era pendemik covid 19.
Kata kunci: Inovasi, Istinjak, *Microsoft Power Point*

PENGENALAN

Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu pembaharuan kreatif dimana kaedah atau cara yang baru digunakan bagi seseorang guru untuk memastikan objektif pengajarannya tercapai. Wan Zahid Wan Nordin (1994) menyatakan bahawa dalam konteks dunia moden pada hari ini, matapelajaran Pendidikan Islam amat penting untuk memastikan pelajar mempunyai kekuatan dalaman untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa agar mereka tidak terkeluar daripada landasan nilai etika dan kerohanian. Kewujudan aplikasi seperti *whatsaap,google meet, google classroom* secara tidak langsung membantu guru dalam membina inovasi moden. Ciptaan ini telah menukar cara hidup masyarakat masa kini dan menjadikan kehidupan manusia lebih mencabar, seronok dan berdaya saing

Hal ini amat relevan dengan ciri-ciri Pendidikan Islam yang sentiasa sesuai dengan pelbagai situasi dalam kehidupan manusia. Menurut Norhashim, Mazenah dan Rose Alinda (1998), setiap pelajar mempunyai kemampuan yang berbeza dalam menerima bahan pembelajaran yang baharu. Oleh yang demikian, kaedah pembelajaran yang sesuai perlu dipilih

dan dilaksanakan secara berkesan dengan penggunakan Inovasi Smartis. Dapatan data menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan setelah menggunakan *Inovasi Smartis* Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan inovasi ini mampu memberikan kefahaman dalam bidang Ibadah dengan lebih berkesan kepada murid.

OBJEKTIF INOVASI

Pembagunan Inovasi Smartis ini menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara Maya mempunyai beberapa objektif bagi pihak murid, guru, sekolah, dan penggubal dasar iaitu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Antara kepentingan yang boleh diharap adalah seperti berikut:

Murid

- ✓ Membantu murid meningkatkan keberkesanan kefahaman dalam bab istinjak.
- ✓ Membantu murid berhubung dengan penambahbaikan kebiasaan atau budaya pembelajaran semasa Pdpr.
- ✓ Meningkatkan semangat dan keyakinan mereka belajar seterusnya meningkatkan pencapaian murid-murid dalam pendidikan Islam.

Guru

- ✓ Menyediakan ruang kepada guru untuk menggilap kreativiti dan inovasi terutama dalam menyelesaikan permasalahan dalam pengajaran guru dan pembelajaran murid.
- ✓ Membantu guru untuk mengaplikasikan pembelajaran didik hibur.

Pihak sekolah

- ✓ Menjadi kayu ukur kepada pihak sekolah untuk menilai tahap kemampuan dan perbezaan cara pengajaran dan pembelajaran guru dalam menggunakan pelbagai kaedah disamping menilai peningkatan pembelajaran murid.

Penggubal Dasar

- ✓ Pihak KPM seharusnya menjadikan kaedah pembelajaran yang pelbagai kerana proses pembelajaran yang baik bukan sahaja berpusatkan peperiksaan sebaliknya perlu memberikan kemahiran terhadap murid agar pembelajaran mereka berguna di masa hadapan.

KUMPULAN SASARAN

Kajian ini tertumpu kepada semua murid Islam tahun 1 di SJKC Chung Hwa Sik kedah.

LATAR BELAKANG

Terdapat kelemahan penguasaan kemahiran dalam bidang ibadah berkaitan dengan istinjak. Inovasi Smartis cuba diketengahkan dengan jangkaan dapat meningkatkan keberkesanan kefahaman berkaitan dengan amalan beristinjak . Pembangunan insan yang dikehendaki dalam Islam meliputi pembangunan jasmani dan rohani. Sebagaimana unsur jasmani mempunyai tuntutan dan keperluan yang perlu dipenuhi, (Haron 2002). Ahmad (2004) juga menegaskan bahawa aktiviti bermain sesuai untuk murid sekolah rendah kerana aktiviti bermain menjadikan pengajaran lebih menarik dan praktis

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesan murid setelah mengikuti pengajaran menggunakan pendekatan holistik lebih menunjukkan prestasi yang tinggi.

Produk ini dibina berdasarkan teori pembelajaran seperti Teori Pemprosesan Maklumat, Teori al-Ghazali,Teori Behaviorism, Teori Kontruktivisme dan Teori Humanism. Pendekatan yang digunakan adalah seperti Pendekatan Induktif, Komunikatif, Pendekatan Main Sambil Belajar, Latih Tubi dan juga Teknik Bersoal Jawab.

ISU / MASALAH YANG DITANGANI OLEH INOVASI

Sebelum pembelajaran dan pengajaran dijalankan,Ujian pra telah diadakan untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid.Didapati murid tidak dapat mengaplikasikan kemahiran yang diajar dengan baik. Mereka tidak dapat memberikan pengertian yang betul dan tepat dan menyebabkan timbul masalah - masalah pembelajaran seperti cepat bosan, tidak berminat, pendiam, pasif dan akhirnya hilang tumpuan dalam pembelajaran.

Inovasi Smartis telah berjaya mengatasi masalah tersebut dimana murid-murid kelihatan ceria apabila dapat bermain sambil belajar dan mereka lebih yakin.

HURAIAN INOVASI

Rajah 1. Huraian Inovasi

CARA INOVASI DIGUNAKAN

Kegunaan dan fungsi item produk.

Jadual 1. Kegunaan Item Produk

Bil	Item Inovasi	Fungsi
1	Pelantar *Google meet*	Pelaksanaan kelas secara maya
2	Pelantar *Google Class room*	Memberi arahan dan tugas kepada murid
3	*Microsoft Power point*	Digunakan semasa proses PdP secara atas talian

4	*Microsoft Word*	membina soalan latihan
5	*Aplikasi whatsapp*	Untuk menghantar soalan dan tugasan kepada murid
6	*Aplikasi star maker*	Nyanyian lagu alat istinjak dan cara beristinjak
7	*Aplikasi wordwall*	Set soalan *https://wordwall.net/ms/resource/15107183*
8	*Aplikasi liveworksheet*	Set soalan
9	*Aplikasi anyflip*	Nota padat *thttps://online.anyflip.com/bgank/vysj/mobile/index.html*
10	*Aplikasi QR Code*	*Bar code* untuk murid ulangkaji pembelajaran
11	Spinner Board	markah bonus dalam aktiviti yang dijalankan
12	Peta *Treasure Hunt*	Aktiviti mencari harta karun

Cara pelaksanaan Inovasi Smartis

Setiap murid perlu menyediakan dulang sederhana besar untuk memulakan aktiviti pembelajaran. Guru memulakan pengajaran menggunakan media sosial aplikasi *google meet.* Guru memaparkan power point.Penerangan berkaitan dengan air mutlak.

- ✓ Nyanyian lagu air mutlak .(menggunakan aplikasi *star maker*)
- ✓ Murid menyanyi bersama guru
- ✓ Guru memusingkan *spinner board* untuk memilih murid bagi menyanyikan lagu air mutlak secara rawak
- ✓ Murid yang dapat menyanyi dengan betul akan mendapat *"star"*

Treasure hunt ..air mutlak

- Murid dikehendaki mendapatkan air mutlak.
- Masa selama 10 minit
- Mempamerkan air mutlak masing-masing
- Penerangan guru cara beristinjak menggunakan air mutlak
- Latih tubi menyebut jenis air mutlak

Permainan *Treasure hunt* bahan Istinjak daripada benda kesat

- Guru menyanyikan lagu alat istinjak(aplikasi star maker)
- Cari barang tersembunyi dalam power point
- Murid dikehendaki menghafal 6 bahan istinjak dari benda kesat
- Murid dikehendaki mendapat benda-benda kesat dalam persekitaran rumah masing-masing.
- Peuntukan masa selama 10 minit.
- Murid mempamerkan bahan istinjak yang diperolehi

Syarat Beristinjak
Penerangan guru tentang syarat beristintik
Latih tubi menyebut syarat beristinjak . Pemilihan murid melalui pusingan *Spinner Board.*
Game Treasure hunt
Video cara beristinjak
Ulangan cara beristinjak menggunakan lagu
Murid melakukan cara beristinjak dengan betul

KOS BAGI MENGHASILKAN INOVASI SMART ISTINJAK

Inovasi ini tidak melibatkan sebarang kos kerana menggunakan aplikasi yang sedia ada dalam dan bahan kitar semula seperti papan meja yang rosak dan permainan kanak-kanak yang telah digunapakai.

Jadual 2. Kos Perbelanjaan

Bil	**Item Inovasi**	RM
1	Pelantar *Google meet*	-
2	Pelantar *Google Class room*	-
3	*Microsoft Power point*	-
4	*Microsoft Word*	-
5	*Aplikasi whatsapp*	-
6	*Aplikasi star maker*	-
7	*Aplikasi wordwall*	-
8	*Aplikasi liveworksheet*	-
9	*Aplikasi anyflip*	-
10	*Aplikasi QR Code*	-
11	Spinner Board	-
12	Peta *Treasure Hunt*	-
	Jumlah	RM 0.00

KEBERKESANAN INOVASI KEPADA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN.

Semua murid yang terlibat telah lulus ujan pasca yang mengandungi 30 soalan

Jadual 3. Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca

Bil	Nama murid	Markah Ujian Pra	Gread	Markah Ujian pos	Gred
1	AISYAH MAISARAH BT MOHD SYARIZUAN	60	B	84	A
2	MUHAMMAD ADAM DANNISH BIN MOHD ANNAS	70	B	90	A
3	MUHAMMAD ADRIAN SHAHKIRIN BIN MOHAMAD ARIS	60	B	84	A
4	MUHAMMAD AISY MIKAIL BIN ABDULLAH	64	B	80	A
5	MUHAMMAD ANIQ ZAKWAN BIN AHMAD TAMIZI	70	B	90	A
6	NUR ALYA DAMIA BINTI MHD HILMY	60	B	86	A
7	NUR FARISYA HUMAIRA BINTI MOHAMMAD ROSYEDI	70	B	90	A

8	NUR IZYAN QAISARA BINTI ZULKHAIRI	50	C	70	B
9	NUR KYAIRA ADILIA BINTI MOHD RAZI	50	C	86	A
10	NUR MARSHA HANIS BINTI NAQIUDDIN AFIQ	60	B	84	A
11	ZAAHIAH ZHAFIRAH BINTI MOHD RAMZI	70	B	94	A
	A	0	0.0%	10	90.9%
	B	9	81.8%	1	9.1%
	C	2	18,2%	0	0.0%
	D	0	0.0%	0	0.0%



Rajah 2. Keputusan Ujian Pra



Rajah 3. Keputusan Ujian Pos

Perjumpaan	Tarikh	Bil murid	Aktiviti	Catatan
Kali 1	3/3/2021	11 0rang murid	Soalan pra Ujian	Menjawab soalan ujian pra
Kali 2,3 dan 4	18/5-15/6/2021	11 orang murid	Permainan	Pembelajaran menggunakan Inovasi Smartis
Kali 5	19/6/2021	9 orang murid	Soalan ujian	Menjawab soalan pasca ujian

Jadual 4. Pelaksanaan Inovasi Smartis

CARA KUTIPAN DATA

Pengkaji menggunakan teknik analisis data inferensia. Ia merupakan statistik yang dipakai untuk melakukan analisis data dengan cara membuat kesimpulan yang berlaku secara umum. analisi data inferensial akan digunakanya untuk membuat rumusan statistik yang mempunyai fungsi untuk mengeneralisasikan hasil dari penelitian sampel daripada populasi.Bagi keputusan pasca ujian, dapati seramai 11/11 orang murid telah meningkat peratusan gred A . Ujian pasca yang dilaksanakan dalam ujian ini yang terdiri daripada 11 orang murid Islam di SJKC Chung Hwa.



Rajah 4. Cara Kutipan Data

POTENSI UNTUK DISEBARLUASKAN KEPADA PIHAK LAIN

Produk ini boleh digunakan bermula dipelbagai peringkat tanpa mengira batasan umur kerana menjadi kefadhuan ke atas umat Islam mempelajari bidang ibadah.

IMPAK KOMERSIAL DAN SUMBANGAN

Jadual 5. Impak Komersial

Istitusi	Penggunaan
Pra Sekolah/Tadika/taska	Bahan Bantu Mengajar
Guru/Murid Sek Rendah	BBM/Aktiviti Kokurikulum
Guru /Pelajar Sek Menengah	Bahan Sokongan
Perpustakaan sekolah/Awam	Bahan Aktiviti Pendidikan
Masjid/Institusi Agama	Bahan Aktiviti pendidikan
NGO	Bahan Aktiviti Pendidikan
Keluarga	Alternatif permainan keluarga

KETERANGAN LAIN YANG BERKAITAN

Isu Referensi
Murid lemah dalam penguasaan bidang Ibadah
Inovasi dan keaslian
- ✓ Menepati Kurikulum j-QAF
- ✓ Boleh digunakan pada semua peringkat umur
- ✓ Berkonsepkan Islamik
- ✓ Releven dengan Pendidikan Islam
- ✓ Tanpa kos(*No coast high Impact*)

Signifikan
- ✓ Membantu meningkatkan kefahaman dan penguasaan dalam bidang Ibadah

Cadangan Penambahbaikan
Menggunakan aplikasi seperti *powtoon* dan *zapeto* bagi menarik minat murid dalam pembelajaran.

PENUTUP

Pengajaran dan pembelajaran yang berdasarkan kaedah dan teknik mengajar yang kreatif dan dan efektif dapat membantu murid mencapai objektif pembelajaran dan mampu meningkatkan minat murid terhadap matapelajaran Pendidikan Islam.

Sesungguhnya menuntut ilmu agama adalah jalan mudah menuju syurga sebagaimana dalam hadits Abu Hurairah, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda,

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

"*Barang siapa menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan jalan ke syurga baginya..*" (HR. Muslim : 4867)

Semoga sumbangan kecil ini bermanfaat untuk semua. Amin.

RUJUKAN

Andawati Binti Mohd Ali (2010).Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Berbantukan Komputer Dalam Ibadat Solat Bagi Matapelajaran Pendidikan Islam Tahun 3SK.Tengku Bariah Kuala Terengganu.Open Universiti MM Malaysia

Ang Kean Hua.(2016).Pengenalan Rangkakerja Metodologi Dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur.Fakulty of Environmental Studies,Universiti Putra Malaysia,UPM serdang,Selangor.

Asmawati Suhid dan Shahrul Nizam Zakaria (2010). Pelaksanaan Ujian Bacaan Amali Solat Perkara Asas Fardhu Ain. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Penyelidikan Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia FPP 2010, 15 Disember 2010, Fakulti Pengajian Pendidikan.

Haron Din. (2002). Manusia dan Islam.Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka j-QAF. Buku Panduan Perlaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum. (2004). Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia

Nazmiah Binti Mat Yasin (2015) " Keberkesanan Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Koperatif "Team Games Tournament" Dalam Meningkatkan Kefahaman Mata Pelajaran Jawi Murid Tahun Lima Bagi Tajuk Perkataan Pinjaman Bahasa Arab Dan Pinjaman Bahasa Inggeris.Universiti Utara Malaysia

Wan Zahid Wan Nordin, (1994). Wawasan Pendidikan: Agenda Pengisian. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing (M) Sdn. Bhd.

LAMPIRAN



Nama _____ tahun _____ Tarikh _____

Isikan petak kosong dengan jawapan yang betul.

Islam	Kebersihan	Rasul	Mulia	Sihat

Penyakit	Sah	Cergas	Najis	Dihormati

1.Agama _____ mengajar umatnya supaya menjaga _____.

2.Beristinjak adalah amalan_____ dan sunnah _____.

3. Badan kita akan bersih dan _____.

4.Kita dapat mengelak dari _____.

5.Beristinjak juga bertujuan supaya ibadah kita _____.

6.Badan sihat otak _____.

7.sebelum berwuduk perlu pastikan badan bersih dari sebarang _____.

8.kita akan _____ jika kita menjaga kebersihan.

Murid-murid dibekalkan
dengan buku nota padat
dari power point
QRCode
anyflip
TREASURE HUNT AIR
https://online.anyflip.com/ vysj/mobile/index.html

Tinjauan Tematik Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Mata Pelajaran Pendidikan Islam Bagi Murid Berkeperluan Khas

Hifzan Mat Hussin
hifzanmathussin83@gmail.com
Fakulti Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia

Kamarulzaman Abdul Ghani
kamarulzaman@umk.edu.my
Fakulti Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia

Norazmi Anas
norazmianas@uitm.edu.my
Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Perak, cawangan Tapah, Malaysia

ABSTRAK

Perintah kawalan pergerakan (PKP) telah dilaksanakan sejak tahun lepas rentetan covid 19 melanda dunia. KPM telah melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) bagi menggantikan pembelajaran secara bersemuka di sekolah. Sehingga kini, masih belum banyak kajian yang meninjau secara tematik mengenai PdPR ini, khususnya mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid berkeperluan khas (MBK). Tinjauan tematik ini didorong oleh keyakinan bahawa PdPR kepada MBK adalah sesuatu yang tidak boleh dipandang enteng. Lebih-lebih lagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang wajib dipelajari oleh semua murid termasuklah murid pendidikan khas. Oleh itu, tujuan tinjauan tematik ini adalah untuk mensintesis literatur mengenai PdPR menggunakan ATLAS.ti 9. Pencarian kata kunci, diikuti oleh saringan menggunakan kriteria kemasukan dari pangkalan data *Scopus, Google Scholar* dan *Mendeley*, mengenal pasti 53 artikel jurnal. Namun, setelah proses penyaringan, hanya 10 artikel yang digunakan sebagai artikel terakhir yang akan dikaji. Kajian tematik terhadap 10 artikel ini mengenal pasti 12 kod awal yang membincangkan PdPR Pendidikan Islam dan dikelompokkan dalam 4 tema, iaitu 1) tahun 2) negara 3) tema 4) isu dan cabaran. Hasilnya memberi manfaat kepada pengkaji akan datang mengenai PdPR mata pelajaran Pendidikan Islam bagi murid berkeperluan khas.

Kata kunci: Pengajaran dan pembelajaran di rumah, Pendemik covid 19, Pendidikan Islam, Murid Pendidikan Khas

PENDAHULUAN

Perintah kawalan pergerakan (PKP) telah dilaksanakan pada tahun lepas setelah dunia dikejutkan dengan serangan wabak penyakit membawa maut virus corona. Sehingga kini, wabak ini terus mengganas dan telah memaksa negara melanjutkan tempoh PKP agar dapat memutuskan rantaian penyakit berjangkit ini. Musibah ini memberi kesan kepada semua aspek kehidupan, termasuklah bidang pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan garis panduan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) pada penghujung tahun 2020 dan sekali lagi dilaksanakan PdPR 2.0 pada awal tahun ini sehinggalah sekarang PdPR 3.0. Berdasarkan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang telah disediakan oleh KPM pada 2 Oktober lalu, telah menggariskan tiga kaedah PdPR iaitu secara dalam talian (online), luar talian (offline) atau off-site. Manual PdPR 2.0 telah ditambahbaik dengan menambah lebih banyak silibus, namun ianya bergantung kepada kesesuaian guru dan murid. PdPR dilaksanakan apabila murid tidak dapat hadir ke sekolah dalam satu tempoh yang tertentu atas sebab bencana atau wabak atau sebab-sebab lain dengan kelulusan pendaftar negeri. Antara kaedah PdPR yang boleh digunakan ialah pembelajaran menggunakan modul

dan pembelajaran berasaskan projek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Ianya telah dirancang dan dibangunkan dengan sebegitu baik sekali agar menjamin kelangsungan pendidikan anak bangsa.

Walaubagaimanapun, ada satu golongan murid yang sangat terkesan dengan PdPR ini. Iaitu murid berkeperluan khas (MBK). Pendidikan khas adalah salah satu cabang pendidikan yang diamalkan di Malaysia. Pendidikan khas adalah perkhidmatan pendidikan yang disediakan khusus untuk orang kurang upaya (OKU) atau disebut sebagai murid berkeperluan khas (MBK) dalam konteks persekolahan. Pendidikan khas melibatkan penempatan MBK khusus dalam pelbagai kategori seperti masalah penglihatan (BL), gangguan pendengaran (BD) dan masalah pembelajaran (BP). Semua kategori MBK ini diletakkan dalam tiga program pendidikan khas, iaitu sekolah pendidikan khas (SPK), program pendidikan khas integrasi (PPKI) dan program pendidikan inklusif (PPI) (Hifzan Mat Hussin *et al.*, 2021).

Timbul persoalan, bagaimana nasib murid-murid pendidikan khas dalam menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini? Sedangkan murid-murid tipikal pun berdepan dengan pelbagai kekangan, apatah lagi murid-murid pendidikan khas yang kita sedia maklum mengalami pelbagai ketidakupayaan dan kecacatan yang tidak sama antara satu sama lain. Oleh itu matlamat kajian ini adalah untuk membuat tinjauan secara sistematik terhadap literatur-literatur mengenai PdPR mata pelajaran Pendidikan Islam bagi murid berkeperluan khas berdasarkan persoalan kajian: Apakah kajian-kajian yang telah dijalankan mengenai PdPR mata pelajaran Pendidikan Islam bagi murid berkeperluan khas? Hasil kajian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian; dapatan kuantitatif dan dapatan kualitatif.

METODOLOGI

Istilah tinjauan tematik menggunakan ATLAS.ti 9 sebagai alat seperti yang diperkenalkan oleh Mohd Zairul, (2020) dilaksanakan kerana kaedah kajian ini menggunakan prosedur analisis tematik dalam tinjauan literatur. Clarke & Braun, (2013) mendefinisikan analisis tematik adalah proses mengenal pasti corak dan membina tema melalui pembacaan menyeluruh mengenai perkara tersebut. Langkah berikut adalah mengenal pasti kod dan tema untuk memahami corak penyelidikan berkaitan tajuk. Prinsip penyelidikan adalah untuk menganalisis dan menafsirkan penemuan untuk cadangan penyelidikan masa depan dalam PdPR Pendidikan Islam MBK. Pemilihan literatur dilakukan mengikut beberapa kriteria pemilihan: 1) Penerbitan dari 2020-2021, 2) Mempunyai sekurang-kurangnya kata kunci PdPR dan Pendidikan Islam.

Jadual 1. Pencarian kata kunci dari Scopus dan Google Scholar

SCOPUS	ALL (pendemic AND covid 19) ALL (covid 19 AND "Islamic education") AND (LIMIT-TO (PUBSTAGE , "final")) AND (LIMIT-TO (OA , "all")) AND (LIMIT-TO (PUBYEAR , 2021) OR LIMIT-TO (PUBYEAR , 2020)) AND (LIMIT-TO (DOCTYPE , "ar") OR LIMIT-TO (DOCTYPE , "cp"))	4 artikel 35 artikel
Google Scholar	Pengajaran dan pembelajaran di rumah Pengajaran dan pembelajaran di rumah AND “Malaysia” Pengajaran dan pembelajaran di rumah AND “Murid pendidikan khas) Pandemic covid 19 AND "Pendidikan Islam"	14 artikel

Pencarian literatur dilakukan dalam carian Scopus dan google scholar. Pencarian awal menjumpai sebanyak 39 artikel dari (SCOPUS) dan 14 artikel (Google Scholar). Walau bagaimanapun, hanya 10 artikel yang hampir berkaitan dengan tajuk kajian (jadual 1). Artikel

lain yang dikeluarkan didapati tidak lengkap, atau artikel penuh tidak dapat diakses, mempunyai pautan yang rosak dan bertindih. Metadata tidak lengkap. 10 artikel tersebut dimuat naik ke ATLAS.ti versi 9 dan kemudian setiap artikel dikelompokkan menjadi 1) tahun 2) negara 3) tema 4) isu dan cabaran. Dengan demikian, artikel dapat dianalisis sesuai dengan tahun ia diterbitkan dan apakah corak perbincangan mengikut tahun tersebut.



Rajah 1. Kumpulan kod dari meta data mendeley


learning
dalam yang
dan education
pendidikan
students
islamic pembelajaran
online
covid
guru untuk
pelajar
teachers
teknologi
research
higher
indonesia
malaysia
pesantren
media
internet
pdp
secara
dengan
tidak
study
talian
maharah
papua
method
qira'ah
adalah
based
journal
quality
technology
teaching
university
mereka
kajian
also
process
lecturers
pandemic
motivation
religious
used
information
educational
student
islam
ini
ilmu
oku
barriers
using
tersebut
kaedah
sekolah
access
proses
khas
pada
bahan
solat
model
belajar
home
jurnal
skills
due pandemik
related
lack
memberikan
statistics
several
support
indonesian
environment
kelas
ffnancial
significant
ibu
questions
infrastructure
teacher
serta
agama
characteristics
good
institutions
pedagogical
daripada
implementation
many
pendidik
social
hasil
case approach
regression
analysis
secara
novis
kaedah
sekolah
seperti
melalui
sewaktu
important
didik
tentang
digital
terhadap
findings
dijalankan
studies
https
u2
h1
sk
fi
web
tell
penggunaan
ri
dua
participants
help
aplikasi
human
term
antara
iaitu
cut
wabak
language
text
group
learn
cabaran
role
value
factors
educ
time
ili
positive
two
orang
kurang
turut
conference
jauh
responden
lecturer
activities
mata
merupakan
che
lebih
new
impact
reading
menggunakan
international
telah
juga
pengajaran
results
bahawa
murid
satu
review
course
platform
distance
success
full
internet
media
area
ia
pk2
pkp
iv
e.g
oleh
mp
face
sebagai
ict
limited
audio
arabic
tool
cbt
level
doi.org
university
teaching
menjadi
quality
technology
challenges
issue
courses
baik
june
able
even
pai
dapat
la table
bagi
efl
era
para
system
data
use
sig
id
online
google
akan
nisa
pastl
however
whatsapp
atas
bapa
jun
one
perlu
regression
case approach
implementation
many
daripada
pendidik
pedagogical
tion
institutions
belajar
model
solat
bahan
good
pada
khas
proses
access
kelas
home
jurnal
skills
environment
related
due pandemik
indonesian
support
several
statistics
memberikan
lack
tell
characteristics
good
pada
institutions
pedagogical
tion
belajar
model
solat
bahan
home
jurnal
skills
due pandemik
related
lack
memberikan
statistics
several
support
indonesian
environment
kelas
ffnancial
significant
ibu
questions
infrastructure
teacher
serta
agama
proses
khas
pada
good

i. Tahun dan negara

Pola dianalisis menggunakan tahun dan negara kajian yang dijalankan. Taburan penerbitan yang ditemui berdasarkan negara dan tahun dapat dilihat dalam rajah 3 di bawah. Corak kajian mengenai isu pengajaran dan pembelajaran di rumah Pendidikan Islam dilihat agak popular bagi negara Indonesia berbanding Malaysia. Berdasarkan tahun pula jumlah penerbitan disaring selama dua tahun iaitu tahun 2020 dan 2021. Didapati tidak banyak penerbitan berkaitan PdPR Pendidikan Islam.



Rajah 3. Negara mengikut tahun

ii. Tema dan tahun

Sepuluh artikel penyelidikan telah dikaji secara mendalam untuk mencari tema-tema yang ada berkaitan tajuk kajian, iaitu pengajaran dan pembelajaran di rumah mata pelajaran Pendidikan Islam bagi murid berkeperluan khas. Pada peringkat pengekodan awal didapati terdapat 16 kod sebagaimana rajah 4 di bawah. Seterusnya kod-kod tersebut dikategorikan kepada 3 tema utama, iaitu teknologi, kenalpasti teknik dan kenalpasti keupayaan murid. Tema teknologi menjadi perbincangan utama kajian pada setiap tahun berkaitan pengajaran dan pembelajaran di musim pendemik. Ini mungkin kerana aspek teknologi sangat dipandang penting pada masa pendemik dan ini sahaja kaedah yang ada bagi memastikan proses pembelajaran berlangsung. Manakala pertambahan tema iaitu tema kenalpasti teknik dan keupayaan murid dibincangkan pada tahun ini.



Rajah 4. Tema mengikut tahun

Secara ringkasnya dapatan kuantitatif ini menunjukkan tahun penerbitan artikel, negara penulis dan tema-tema serta isu PdPR yang menjadi tumpuan dalam penulisan setiap artikel.

Dapatan kualitatif

Setelah kesemua kod-kod dikumpulkan dalam tema, kajian mendapati terdapat 3 tema yang dikeluarkan bagi membincangkan dapatan secara kualitatif. Rajah 5 di bawah menunjukkan rangkaian tema-tema yang dibina.

Rajah 5. Tema-tema yang dibina

i. Kenalpasti teknik tertentu

Tema pertama adalah kenalpasti teknik tertentu. Mengikut Azman Ab Rahman *et al.*, (2021), guru harus mengenalpasti dan memilih teknik pengajaran yang sesuai sebelum memulakan proses PdPR. Mungkin guru boleh memilih kaedah pengajaran berpusatkan bahan pada masa pendemik ini sebagaimana kajian Fadzliyah Hashim *et al.*, (2020) mendapati 87.5% responden mengakui melalui PdPR ini membolehkan mereka mudah mengakses bahan pengajaran dan penggunaan alatan teknologi seoptimum mungkin.



Rajah 6. Tema kenalpasti teknik tertentu

ii. Kenalpasti tahap keupayaan

Tema ini dibina berdasarkan kod-kod berkaitan dengan memberi latihan yang sesuai dan memilih teknik visual, auditori dan kinestetik yang tertentu bagi murid berkeperluan khas. Guru harus memberi latihan yang sesuai dengan menyediakan soalan betul atau salah dan medium yang digunakan adalah seperti permainan *Kahoot!* serta dijawab secara atas talian (Azman Ab Rahman *et al.*, 2021). Sebagaimana yang diketahui umum, setiap MBK mempunyai kelainan upaya dari segi fizikal, mental dan juga emosi yang berbeza. Murid bermasalah pembelajaran sahaja terdiri dari 6 golongan iaitu autism, ADHD, down sindrom, *slow learner*, lembam dan juga percampuran ketidakupayaan.



Rajah 7. Tema kenalpasti tahap keupayaan

iii. Teknologi

Tema teknologi merupakan tema terbanyak yang dibahaskan dalam kajian-kajian lepas berkaitan PdPR mata pelajaran Pendidikan Islam. Sektor Pendidikan Islam di Malaysia membuktikan para guru Pendidikan Islam mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian semasa PdPR, selain penghasilan pelbagai bahan-bahan interaktif (Siti Aisyah Ibrahim, 2021). Proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi dan berbentuk pengajaran interaktif, lebih diminati murid kerana pembelajaran interaktif tersebut bersifat kreatif, inovasi dan menarik malah boleh diakses di mana-mana sahaja.

Teknologi sangat bermanfaat dan membantu guru dalam mengajar pelajaran PAI pada musim pandemik covid-19 ini seperti *google meet*, *zoom*, *WhatsApp*, *youtube*, *instagram*, *facebook*, *google classroom*, *google drive*, *google form dan quizizz* dan lain-lain (Siti Aisyah Ibrahim, 2021; Unik Hanifah Salsabila *et al.*, 2021; Wardana Ritonga *et al.*, 2020). Namun, para guru juga akan berusaha menghubungi murid dan ibu bapa melalui aplikasi *WhatsApp*, panggilan telefon dan sebagainya demi memastikan keberkesanan PdPR (Azman Ab Rahman *et al.*, 2021).



Rajah 8. Tema teknologi

ISU DAN CABARAN PDPR

Rajah 9 di bawah menunjukkan isu dan cabaran yang wujud berdasarkan tahun. Peringkat awal pengekodan didapati terdapat 14 kod berkaitan isu dan cabaran PdPR. Namun, kod-kod tersebut dikelompokkan kepada 3 tema utama iaitu cabaran teknologi, cabaran pedagogi dan juga komitmen ibubapa dan murid. Cabaran terbesar PdPR adalah capaian internet. Sesetengah murid juga tidak mempunyai telefon, apatah lagi komputer (Akhmadi Habibi *et al.*, 2021; Fadzliyah Hashim *et al.*, 2020; Nisa *et al.*, 2020). Ramai dikalangan murid yang berhadapan dengan cabaran tidak dapat mengakses internet dengan stabil rentetan faktor ekonomi keluarga dan ada juga faktor tinggal di kawasan luar bandar yang menyukarkan capaian internet. Oleh itu, ramai yang lebih selesa menggunakan aplikasi *whatsApp* sahaja untuk mengikuti PdPR yang dijalankan oleh guru (Siti Aisyah Ibrahim, 2021).

Seterusnya isu yang dikenalpasti adalah berkaitan pedagogi. Pembelajaran secara PdPR ini menghadkan pengajaran guru dalam memberi penerangan yang lebih jelas dan pengajaran berbentuk amali seperti amali solat dan lain-lain tidak dapat dilaksanakan (Siti Aisyah Ibrahim, 2021). Selain itu, PdPR ini memerlukan guru mahir dan pakar dalam penggunaan alatan IT dan internet. Guru-guru meraba dalam keadaan buta serta ragu-ragu dan mereka hanya melakukan secara cuba jaya (Akhmadi Habibi et al., 2021; Azman Ab Rahman *et al.*, 2021; Fadzliyah Hashim *et al.*, 2020). Cabaran ini banyak berlaku dikalangan guru yang berusia.

Bagi PdPR mata pelajaran Pendidikan Islam, timbul cabaran untuk memantau bacaan secara tasmik oleh guru. Guru berusaha menghubungi murid melalui pelbagai cara namun, sambutan atau respon yang diberi oleh murid adalah agak hambar dan ini mungkin disebabkan kurang kerjasama atau sokongan yang diberikan daripada ibu bapa (Azman Ab Rahman *et al.*, 2021; Siti Aisyah Ibrahim, 2021).



Rajah 9. Isu dan cabaran mengikut tahun

PENUTUP

Kajian tinjauan tematik terhadap literatur berkaitan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mata pelajaran Pendidikan Agama Islam dikalangan murid berkeperluan khas adalah menyoroti isu yang dibincangkan dua tahun kebelakangan ini. PdPR ini telah mencetuskan fenomena baru dalam dunia pendidikan dan gelombang baharu kepada pendidik dalam meningkatkan kemahiran teknologi maklumat dan ICT. Tinjauan literatur ini dilakukan atas dorongan keperluan menjelaskan kaedah PdPR berserta isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru, murid dan juga ibubapa. Walaubagaimana pun, PdPR untuk MBK ini memerlukan komitmen, sikap dan kemahuan bukan sahaja murid itu sendiri, malah guru dan ibubapa juga harus bersungguh-sungguh dalam memastikan kelangsungan pendidikan bagi MBK. Kajian ini mengenalpasti keperluan kajian terhadap PdPR ke atas murid berkeperluan khas kerana tidak banyak lagi kajian yang dilakukan berkaitan PdPR Pendidikan Islam dalam kalangan MBK. Secara ringkas, kajian-kajian pada masa hadapan harus mengkaji secara lebih terperinci dan mendalam mengenai isu ini andai pendemik masih berlarutan.

RUJUKAN

Akhmadi Habibi, Amirul Mukminin, Lalu Nurul Yaqin, Lalu Parhanuddin, Rafiza Abdul Razak, Nor Nazrina Mohamad Nazry, Muhamad Taridi, Karomi Karomi, & Fathurrijal Fathurrijal. (2021). Mapping instructional barriers during covid-19 outbreak: Islamic education context. *Religions*, *12*(1), 1–14.

Azman Ab Rahman, Syed Salim Syed Shamsuddin, Nurul Nadia Nozlan, Muhd. Faiz Abd. Shakor, & Afaf Sukari. (2021). *Pandemik COVID-19 : Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia*. *5*(April), 127–138.

Clarke, & Braun. (2013). *Teaching thematic analysis: Overcoming challenges and developing strategies for effective learning*. 1–14.

Fadzliyah Hashim, Farah Farhana Rosli, Fatahiyah Elias, Mohd Radzi Lebai Mat, & Che Nazrah Mohd Yusof. (2020). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan impaknya terhadap guru novis Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, *3*(4), 151–162.

Hifzan Mat Hussin, Nor Mazlina Mohamad, Syed Nurulakla Syed Abdullah, Ida Rahayu Mahat, & Mohd Norazmi Nordin. (2021). Why Special Education Is Always In Our Hearts ? *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, *12*(11), 5206–5210.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2. In *Kementerian Pendidikan Malaysia*.

Mohd Zairul. (2020). A thematic review on student-centred learning in the studio education. *Journal of Critical Reviews*, *7*(2), 504–511.

Nisa, K., Mujizatullah, M., Idham, I., Nawawi, M. I., Darwis, D., Amiruddin, A., Israpil, I., & Arsyad, A. R. (2020). *The COVID-19 impact on statistical learning at State Islamic University in East Indonesia*. 12051.

Siti Aisyah Ibrahim. (2021). Pandemik Covid 19: Cabaran dan impak dalam Pendidikan Islam dan pembelajaran murid. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, *1*(1), 89–94.

Unik Hanifah Salsabila, Alvina Agustin, Feliana Safira, Indrika Sari, & Ahmad Sundawa. (2021). Manfaat teknologi bagi mata pelajaran PAI di masa pandemi Covid-19. *Edunesia : Jurnal Ilmiah Pendidikan*, *2*(1), 125–132.

Wardana Ritonga, A., Ritonga, M., Nurdianto, T., Kustati, M., & Lahmi, A. (2020). E-Learning Process of Maharah Qira'ah in Higher Education during the Covid-19 Pandemic. *International Journal of Higher Education*, *9*(6).

Profil Akhlak Guru Pendidikan Islam di Malaysia

Salbiah Mohamed Salleh
salbiahscipp@gmail.com
SM Sains Pasir Puteh

Norhana Mohamed Salleh
Norhana51@yahoo.com
SM Sains Tengku Abdullah

Norasma Mohamed Salleh
norasmasalleh@gmail.com
SM Sains Pasir Puteh

ABSTRACT

Morality is something that is abstract but can be measured because morality is embodied through actions and behaviors. Teachers as agents of social change are among the important individuals who can influence student morale. This study is a survey study to identify the norms and morals of Islamic Education Teachers. The morals discussed include morals towards Allah, morals towards human beings and morals towards nature. Overall, the moral norm towards Allah shows the highest mean followed by morality towards nature and morality towards human beings. The findings show that overall the moral level of GPI is at a moderately weak level. The majority of GPIs are in the low -moderate level group of 26.4 percent and almost half of the GPIs are in the weak group. The level of this moral profile was determined based on quartile and mean values. This study shows that good moral practice based on the Quran and Sunnah is very important, especially to Islamic Education Teachers who have a big role as an example for students and the community to follow.
Keyword: Morals; Islamic Education Teachers; Profiles; Norms.

ABSTRAK

Akhlak merupakan suatu yang abstrak tetapi boleh diukur kerana akhlak dijelmakan melalui perbuatan dan tingkah laku. Guru selaku agen perubahan sosial merupakan antara individu penting yang dapat mempengaruhi akhlak murid. Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian tinjauan untuk mengenalpasti norma dan akhlak Guru Pendidikan Islam. Akhlak yang dibincangkan merangkumi akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap manusia dan akhlak terhadap alam. Secara keseluruhannya norma akhlak terhadap Allah menunjukkan min yang paling tinggi diikuti oleh akhlak terhadap alam dan akhlak terhadap manusia. Dapatan menunjukkan secara keseluruhannya tahap akhlak GPI berada pada tahap sederhana lemah. Majoriti GPI berada dalam kelompok tahap sederhana rendah iaitu sebanyak 26.4 peratus dan hampir separuh GPI berada dalam kelompok lemah. Tahap profil akhlak ini ditentukan berdasarkan nilai kuartil dan min. Kajian ini menunjukkan pengamalan akhlak yang baik berdasarkan Quran dan Sunnah amat penting terutamanya kepada Guru Pendidikan Islam yang mempunyai peranan besar sebagai contoh ikutan murid dan masyarakat.
Kata kunci : Akhlak; Guru Pendidikan Islam; Profil; Norma.

PENGENALAN

> "Keteladanan dalam pendidikan adalah metod berkesan yang paling meyakinkan keberhasilannya dalam mempersiapkan dan membentuk anak dalam moral, spiritual dan sosial. Hal ini kerana pendidik merupakan contoh terbaik dalam pandangan anak yang akan ditirunya dalam tindak tanduknya dan

> tata santunnya, disedari atau tidak bahkan tercetak dalam jiwa dan perasaan suatu gambaran pendidik tersebut, baik dalam ucapan atau perbuatan, material atau spiritual, diketahui atau tidak diketahui"
>
> (Nasih Ulwan, 2002)

Guru dan akhlak merupakan dua aspek yang tidak boleh dipisahkan. Pembudayaan nilai dan akhlak yang baik merupakan satu tuntutan yang perlu dihayati oleh semua guru (al-Ghazali, 1988). Setiap gerak geri, percakapan dan emosi guru akan meresap masuk dalam jiwa dan fikiran pelajar. Akhlak yang ingin dipupuk bukan sekadar melalui niat atau pengucapan tetapi suatu yang perlu diekspresikan melalui tingkah laku dan perbuatan (Misykawaih, 1985). Ini kerana segala perbuatan murid merupakan cerminan kepada ajaran dan tingkah laku seorang pendidik (Nasih Ulwan, 2002; Zaharah, 2008).

Guru berperanan sebagai arkitek sosial yang menjadi tonggak pada jatuh bangun satu bangsa. Sebagaimana dinyatakan oleh Misykawaih (1985) bahawa guru juga merupakan agen pendidikan yang berkesan yang menjadi penentu kepada keberkesanan dan kemampanan sistem pendidikan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha untuk memperkasakan kualiti guru secara holistik melalui banyak program transformasi yang dilakukan dalam sistem pendidikan negara (PPPM 2013-2025).

Pelbagai cabaran yang perlu digalas oleh guru dalam memantapkan kualiti dan peribadi bagi menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kualiti guru merupakan perkara utama yang perlu diberi perhatian sebelum memfokuskan kepada kualiti sistem pendidikan (Hattie, 2009). Kajian oleh Hattie & Timperley, (2007) menunjukkan peribadi guru merupakan antara faktor penyumbang kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kesemua tuntutan ini dapat dilaksanakan oleh guru sekiranya guru mempunyai jati diri yang mantap, efikasi diri yang tinggi dan peribadi yang terpuji.

Hasrat untuk meningkatkan kualiti guru dan menjaga ketekalan kualiti guru merupakan satu agenda KPM. Maka, satu garis panduan iaitu Standard Guru Malaysia(SGM) telah dibina sebagai satu sumber rujukan dan panduan untuk guru bagi memastikan mereka terus kompeten dalam bidang pendidikan. Berdasarkan intipati SGM, seseorang guru itu perlu mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi bagi membolehkan mereka berfungsi sebagai guru profesional yang berkesan (Nurhafizah & Rohana, 2013). Sejak kewujudan SGM, jelas menunjukkan KPM telah memberi penekanan yang khusus ke arah pembentukan guru yang kompetetif terutamanya dari sudut nilai dan personaliti seorang guru.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada dasarnya, kajian yang dilakukan bertitik tolak daripada ajaran Islam itu sendiri iaitu mementingkan akhlak dan peribadi yang terpuji sebagai satu bentuk manifestasi keimanan (al-Bukhari 1987: 3572; Muslim 1972: 4521, 4632, 4633). Kesannya, satu keperluan telah mendesak guru- guru terutamanya GPI untuk menjadi pemangkin, penunjuk dan contoh akhlak yang baik supaya dapat menjadi ikutan para guru yang lain (Ab. Halim, 2007).

Akhlak seorang guru dapat mempengaruhi sikap dan perlakuan murid. Maksudnya, guru yang berakhlak mulia akan dapat memberi contoh tauladan kepada murid. Ab. Halim et al. (2004) telah membuktikan kaedah didikan yang paling tinggi dan berkesan dalam pendidikan akhlak Islam adalah melalui contoh dan ikutan yang telah ditonjolkan oleh guru.

Kualiti pengajaran guru di bilik darjah serta kualiti pelajar banyak dipengaruhi oleh personaliti dan peribadi guru (Syed Nawab, 2010). Pernyataan ini dikukuhkan lagi oleh Payton (2016) yang menjalankan penyelidikan di Michigan Amerika Syarikat menunjukkan guru yang memiliki kualiti peribadi yang baik akan melahirkan pelajar yang berkualiti. Minat pelajar terhadap subjek yang diajar juga akan bertambah apabila guru mempunyai penampilan yang

menyenangkan, komunikasi yang berkesan serta tindak tanduk yang selari dengan apa yang diajar.

PENYATAAN MASALAH

Isu mengenai peranan guru sebagai agen moral dan akhlak merupakan antara fokus utama dalam dunia pendidikan. Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa moral, tingkahlaku dan akhlak guru mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik pelajar (Payton, 2016), mewujudkan pembelajaran bermakna (Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri, 2013), mempengaruhi prestasi kerja dan seterusnya mempengaruhi sikap dan tingkahlaku pelajar (Abdul Muhsein Sulaiman, 2014).

Walau bagaimanapun laporan yang dikeluarkan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti pada tahun 2013 menunjukkan 30% guru mempunyai penampilan sahsiah di bawah skor memuaskan (KPM, 2013). Walaupun peratusan menunjukkan ianya tidak ketara, tetapi ia sangat memberi kesan kepada mutu dan kualiti pendidikan negara. Begitu juga beberapa dapatan kajian yang dijalankan di Malaysia berkenaan personaliti guru juga menunjukkan potensi segelintir guru masih berada di tahap sederhana (Norhalimaton Saadiah, 2011).

Hal ini juga dilaporkan oleh pengkaji di luar negara yang menunjukkan terdapat segelintir guru yang kurang prihatin, susah untuk berlaku adil kepada pelajar dan tidak berintegriti dalam kerjaya mereka (David et al. 2015) Isu membabitkan kualiti akhlak guru akan merencatkan hasrat Kementerian Pendidikan untuk menjadikan pendidikan di Malaysia sebagai pendidikan bertaraf dunia sekiranya kualiti guru masih diperingkat tidak memuaskan. Ini kerana penambahbaikan sistem pendidikan hendaklah dimulai dengan penambahbaikan kualiti guru (Laporan PPPM, 2013)

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk membina norma dan profil akhlak Guru Pendidikan Islam dari aspek akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap manusia dan akhlak terhadap alam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajiaan kuantitatif dalam bentuk kajian tinjauan**.** Kajian tinjauan membolehkan pengkaji mendapat data min yang tepat tentang sampel dan hasil dapatan boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi. Sebagai tambahan kaedah tinjauan sesuai digunakan sekiranya melibatkan sampel yang besar iaitu melebihi 200 orang, cepat, menjimatkan kos dan senang ditadbir serta sesuai digunakan untuk mengetahui pendapat, perasaan dan pandangan responden terutamanya kajian tentang kepercayaan, tingkah laku dan motivasi.

Sampel kajian ialah seramai 575 orang yang diambil dari 4 zon iaitu zon utara, selatan, timur dan zon tengah. Responden dipih berdasarkan rawak strata.

KONSEP AKHLAK

Akhlak merupakan kata jamak dari perkataan *khuluq*. Encyclopedia of Islam (1979) mendefinisikan akhlak sebagai pembawaan semulajadi. Kamus Munjid (t.t) menerangkan maksud akhlak sebagai budi pekerti, perangai, tingkah laku dan tabiat. Definisi istilah akhlak oleh Kamus Mujid menyamai definisi istilah akhlak oleh Ibnu Manzur yang menyatakan maksud akhlak ialah beragama, tabiat ataupun perangai. Sementara Ensiklopedia Islam Safir (2000) *khuluq* bermakna sifat maknawi manusia samada sifat terpuji atau sifat keji.

Terdapat dua ayat dalam al-Quran yang menggunakan lafaz *khuluqun* yang menepati istilah akhlak. Kalimah *khuluq* dalam surah al-Qalam 68:4 bermaksud keperibadian, sahsiah dan sifat-sifat yang merujuk kepada perbuatan yang mulia. Sementara *al-khuluq* dalam surah (as-Syu'ara' 26:137) membawa maksud kebiasaan atau tabiat. Hadis Rasulullah (saw) juga banyak menggunakan istilah akhlak dalam hadis Baginda. Sebagai contoh hadis yang bermaksud "orang yang paling baik akhlaknya ialah mukmin yang paling sempurna imannya" (Muslim 2001:2553).

Kalimah akhlak digunakan oleh ulama' Islam secara meluas untuk merujuk kepada tingkah laku, tabiat atau perangai manusia. Al-Kaysi, (2000) menerangkan akhlak sebagai sifat semulajadi, tabiat, adat, kebiasaan, maruah dan gaya hidup seseorang individu atau sekumpulan individu. Al-Ghazali, (1988) pula menjelaskan akhlak sebagai tindakan dan perbuatan yang meresap dalam diri seseorang sehingga ia menjadi karektor atau watak yang kekal dalam diri seseorang.

Walaubagaimanapun sesetengah ulama' berpendapat bahawa hanya perbuatan yang selalu diulang dan dipraktiskan akan menjadi akhlak. Hal ini diakui oleh al-Marri et al. (2009) yang menjelaskan akhlak merupakan kebiasaan yang dilakukan secara berulang-ulang sehingga menjadi adat atau budaya yang menjurus kepada amalan yang baik atau amalan yang buruk. Akhlak merupakan sebagai kemahuan yang dibiasakan. Kebiasaan tersebut akhirnya akan tekal dalam diri setiap individu sehingga mudah untuk diterjemahkan dalam setiap tingkah laku. Sebaliknya tindakan, kecenderungan, atau tingkah laku yang jarang dilakukan, tingkah laku yang tidak berterusan, atau tingkah laku yang tidak menjadi kebiasaan bukan merupakan contoh akhlak (Nik Azis, 2012).

Sebagai contoh seseorang yang suka mendermakan duitnya akan merasakan perbuatan menderma itu sangat mudah untuk dilakukan sekiranya sudah terbiasa dengan perbuatan menderma. Begitu juga seseorang yang prihatin akan membantu insan yang memerlukan pertolongan secara spontan tanpa perlu memikirkannya terlebih dahulu. Cetusan untuk melakukan kebaikan wujud daripada jiwa yang baik yang sentiasa mengarahkan individu ke arah perbuatan yang baik. Suatu kebaikan yang sentiasa diulang-ulang akan melahirkan akhlak yang baik manakala sekiranya jiwa seseorang mengarahkan kepada perbuatan yang tidak baik dan perbuatan buruk itu menjadi kebiasaan, maka akhlak tersebut dikatakan akhlak yang buruk (Zaharah Husin, 2008)

Hal ini digambarkan oleh Jimaain, (2012) yang merujuk kepada akhlak sebagai sifat dalaman yang sebati dalam diri seseorang sehingga seolah-olah melekat dengan anggota badan yang lain. Sifat yang sebati ini seolah-olah menjadi darah daging atau darah yang mengalir dalam tubuh seseorang. Walaubagaimanapun sifat tersebut bukanlah satu sifat yang semulajadi tetapi hanya dapat diperolehi usaha dan kehendak kita (al-Ghazali, 1988). Keinginan yang timbul dalam diri kita untuk mengamalkan tuntutan sifat tersebut akhirnya akan menjadikan diri kita terbiasa dan sebati dengan amalan akhlak tersebut.

Misykawaih, (1966) mempunyai pendapat yang sama dengan al-Ghazali, (1988) apabila berhujah tentang konsep akhlak. Misykawaih berpendapat akhlak terbahagi kepada dua iaitu ; (1) yang bersifat tabii dan semulajadi seperti cepat marah, mudah menangis ketawa meskipun kerana perkara kecil dan (2) situasi kejiwaan yang diperolehi melalui kebiasaan dan disiplin diri secara konsisten yang akhirnya membentuk tabiat dan akhlak seseorang. Manakala al-Ghazali, (1988) berpendapat akhlak merupakan tingkah laku spontan yang ditonjolkan oleh seseorang yang lahir dari jiwa tanpa memerlukan sebarang pertimbangan atau pemikiran terlebih dahulu. al-Ghazali juga berpegang kepada latihan dan paksaan yang perlu dilakukan sebelum suatu tingkah laku itu akan sebati dalam diri seseorang. Kedua-dua tokoh ulama tersebut bersetuju bahawa akhlak merupakan terjemahan jiwa seseorang yang membawa kepada satu tingkah laku yang mudah untuk dilaksanakan dan akhirnya menjadi tabiat yang tekal dalam diri seseorang individu.

Definisi akhlak GPI yang digunakan dalam konteks kajian ini ialah "budi pekerti, tabiat dan perbuatan baik yang mudah untuk dilakukan tanpa sebarang paksaan atau pertimbangan merangkumi perbuatan baik dengan Allah, manusia dan alam."

Akhlak Terhadap Allah

Al-Qardhawi, (2001) menjelaskan maksud akhlak terhadap Allah ialah ketaatan hamba untuk melakukan perintahNya serta akur meninggalkan laranganNya. Konsep akhlak terhadap Allah melibatkan hubungan hamba dengan pencipta yang boleh dilihat melalui ibadat dan amalan. Insan yang berakhlak dengan Allah akan berusaha melaksanakan ibadat wajib mahu pun sunat dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah. Dalam kajian ini, akhlak terhadap Allah merujuk kepada ketaatan GPI untuk melakukan perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya dengan penuh ikhlas, amanah dan ketakwaan kerana takutkan Allah.

Akhlak Terhadap Manusia

Akhlak dengan manusia bermaksud tingkah laku, amalan yang baik dan komunikasi yang harmoni yang ditunjukkan oleh GPI semasa bermuamalah dengan orang sekeliling. Dalam kajian ini akhlak dengan manusia menjurus kepada hubungan antara GPI dan pelajar yang dapat dilihat melalui kasih sayang, sabar, adil, lemah lembut, prihatin, menjaga penampilan dan pemaaf.

Akhlak terhadap Alam

Asy-Syirbaani, (2001) menjelaskan akhlak dengan alam sebagai perbuatan manusia yang lahir dari sifat amanah untuk berlaku ihsan, menggunakan sumber alam secara produktif, berhemah, tidak merosakkan dan tidak melampaui batasan. Dalam kajian ini akhlak dengan alam merujuk kepada adab GPI semasa berinteraksi dengan alam sekeliling sama ada hidup atau tidak hidup merangkumi alam *hayawan* (haiwan), alam *nabatat* (tumbuh-tumbuhan), alam *jamadat* (benda rigid seperti air, api, besi dan kayu).

DAPATAN KAJIAN

Norma Akhlak Guru Pendidikan Islam

Jadual 1. Norma Akhlak GPI

		Persentil						
		5	**10**	**25**	**50**	**75**	**90**	**95**
Purata pemberat	**Akhlak**	1.03	1.45	2.02	**2.97**	4.15	5.05	6.30
	ATA	-0.58	1.12	2.23	**4.31**	5.19	6.54	7.66
	ATM	1.03	1.44	2.05	**3.12**	4.43	5.83	6.29
	ATAL	1.27	1.74	2.25	**3.63**	4.73	5.45	5.64
Tahap akhlak		Sangat lemah	Lemah	Sederhana lemah	**SEDERHANA**	Sederhana baik	Baik	Sangat baik
Indikator		-3SP	-2SP	-1SP	**Min**	+1SP	+2SP	+3SP
Kuartil				Q1	**Q2**	Q3		

(AK : Akhlak, ATA : Akhlak terhadap Allah, ATM : Akhlak terhadap manusia, ATAL : Akhlak terhadap alam)

Pendekatan kuartil dan persentil digunakan untuk menentukan tahap akhlak GPI. Pendekatan ini merupakan pendekatan yang ringkas dan senang ditafsirkan untuk menentukan satu standard tahap akhlak GPI (Kaplan & Sacuzzo, 2013Persentil ke 25 merupakan kuartil pertama (Q1), persentil ke 50 merupakan kuartil kedua (Q2) dan persentil ke 75 merupakan kuartil ketiga (Q3). Norma kajian ditetapkan pada persentil ke 50 iaitu pada kuartil kedua (Q2). Nilai pada persentil 50 merupakan *cut score* yang menjadi rujukan standard norma dalam kajian.

Jadual 1 menunjukkan nilai norma yang berbeza bagi keseluruhan konstruk dan mengikut konstruk. Nilai norma keseluruhan akhlak GPI ialah pada nilai 2.97. Manakala nilai norma konstruk akhlak terhadap Allah mencatatkan nilai norma yang paling tinggi iaitu 4.31, seterusnya akhlak terhadap alam 3.63 dan nilai paling rendah dicatatkan bagi konstruk akhlak terhadap manusia iaitu 3.12. Nilai norma ini akan digunakan untuk membandingkan profil akhlak GPI dalam perbincangan seterusnya.

Profil Akhlak Guru Pendidikan Islam

Jadual 2. Indikator Akhlak GPI Secara Keseluruhan

Tahap akhlak GPI	Indikator persentil	Indikator	Jumlah responden (N = 525)	Peratus (%)
Sangat baik	Skor AK > 5.05	Min + 3SP	56	10.3
Baik	4.15 < Skor AK ≤ 5.05	Min + 2SP	85	15.7
Sederhana baik	2.97 < Skor AK ≤ 4.15	Min + 1SP	138	23.1
Sederhana lemah	2.02 < Skor AK ≤ 2.97	Min – 1SP	146	26.4
Lemah	1.45 < Skor AK ≤ 2.02	Min – 2SP	90	14.8
Sangat lemah	Skor AK ≤ 1.45	Min – 3SP	60	9.7



Rajah 1. Profil Akhlak GPI Secara Keseluruhan

Jadual 2 menunjukkan kategori tahap akhlak GPI secara keseluruhan berdasarkan indikator yang telah ditetapkan. Profil akhlak GPI dapat dilihat dengan lebih jelas melalui Rajah 1 yang menunjukkan kekerapan GPI berada dalam setiap kategori akhlak. Profil ini secara jelas menunjukkan majoriti GPI berada dalam kategori akhlak yang sederhana iaitu sederhana lemah dan sederhana baik. Hampir 50% GPI berada dalam kelompok sederhana dengan jumlah seramai 284 orang.

Profil Akhlak terhadap Allah

Jadual 3. Indikator Akhlak Terhadap Allah GPI

Tahap akhlak GPI (Konstruk Akhlak terhadap Allah (ATA)	Indikator persentil	Indikator	Jumlah responden (N = 525)	Peratus (%)
Sangat baik	Skor ATA > 6.54	Min + 3SP	42	7.3
Baik	5.19 < Skor ATA ≤ 6.54	Min + 2SP	95	16.5
Sederhana baik	4.31 < Skor ATA ≤ 5.19	Min + 1SP	159	27.7
Sederhana lemah	2.23 < Skor ATA ≤ 4.31	Min – 1SP	150	26.1
Lemah	1.12 < Skor ATA ≤ 2.23	Min – 2SP	80	13.9
Sangat lemah	Skor ATA ≤ 1.12	Min – 3SP	49	8.5



Rajah 2. Profil Akhlak GPI Secara Keseluruhan

Jadual 3 menunjukkan kategori tahap akhlak GPI bagi konstruk akhlak terhadap Allah berdasarkan indikator persentil yang telah ditetapkan. Profil akhlak GPI bagi konstruk akhlak terhadap Allah dapat dilihat melalui Rajah 2 yang menunjukkan kekerapan GPI berada dalam setiap kategori akhlak. Profil ini secara jelas menunjukkan majoriti GPI berada dalam kategori akhlak yang sederhana iaitu sederhana lemah dan sederhana baik. Seramai 309 orang GPI berada dalam kategori sederhana baik dan sederhana lemah ini.

Profil Akhlak terhadap Manusia

Jadual 4. Indikator Akhlak Terhadap Allah GPI

Tahap akhlak GPI (Konstruk Akhlak terhadap manusia (ATM)	Indikator persentil	Indikator	Jumlah responden (N = 525)	Peratus (%)
Sangat baik	Skor ATM > 5.83	Min + 3SP	56	9.7
Baik	4.43 < Skor ATM ≤ 5.83	Min + 2SP	85	14.8
Sederhana baik	3.12 < Skor ATM ≤ 4.43	Min + 1SP	138	24.0
Sederhana lemah	2.05 < Skor ATM ≤ 3.12	Min – 1SP	146	25.4
Lemah	1.44 < Skor ATM ≤ 2.05	Min – 2SP	90	15.7
Sangat lemah	Skor ATM ≤ 1.44	Min – 3SP	60	10.4



Rajah 3. Profil Akhlak GPI Secara Keseluruhan

Jadual 4 menunjukkan kategori tahap akhlak GPI bagi konstruk akhlak terhadap manusia berdasarkan indikator persentil yang telah ditetapkan. Profil akhlak GPI bagi konstruk akhlak terhadap manusia dapat dilihat melalui Rajah 3 yang menunjukkan kekerapan GPI berada dalam setiap kategori akhlak. Majoriti GPI berada dalam kategori sederhana lemah iaitu sebanyak 25.4% (n=146).

Profil Akhlak Terhadap Alam

Jadual 5. Indikator Akhlak Terhadap Allah GPI

Tahap akhlak GPI (Konstruk Akhlak terhadap alam (ATAL)	Indikator persentil	Indikator	Jumlah responden (N = 600)	Peratus (%)
Sangat baik	Skor ATAL > 5.45	Min + 3SP	66	11.48
Baik	4.73 < Skor ATAL ≤ 5.45	Min + 2SP	85	14.78
Sederhana baik	3.63 < Skor ATAL ≤ 4.73	Min + 1SP	129	22.43
Sederhana lemah	2.25 < Skor ATAL ≤ 3.63	Min – 1SP	149	25.91
Lemah	1.74 < Skor ATAL ≤ 2.25	Min – 2SP	83	14.43
Sangat lemah	Skor ATAL ≤ 1.74	Min – 3SP	63	10.96



Rajah 4. Profil Akhlak GPI Secara Keseluruhan

Jadual 5 menunjukkan kategori tahap akhlak GPI bagi konstruk akhlak terhadap alam berdasarkan indikator persentil yang telah ditetapkan. Profil akhlak GPI bagi konstruk akhlak terhadap alam dapat dilihat melalui Rajah 4 yang menunjukkan kekerapan GPI berada dalam setiap kategori akhlak. Profil ini menunjukkan dapatan yang sama dengan profil akhlak bagi konstruk akhlak terhadap Allah dan akhlak terhadap manusia iaitu majoriti GPI berada dalam kategori akhlak yang sederhana iaitu sederhana lemah dan sederhana baik. Jumlah keseluruhan GPI yang berada dalam kategori sederhana baik dan sederhana lemah ialah hampir 50% (n:278).

PERBINCANGAN

Profil akhlak GPI merupakan rumusan tahap akhlak GPI berdasarkan dapatan kajian sebenar. Secara umumnya, terdapat enam tahap akhlak GPI yang dianalisis berdasarkan norma persentil iaitu tahap sangat baik, baik, sederhana baik, sederhana lemah, lemah dan sangat lemah. Dapatan menunjukkan secara keseluruhannya GPI berada pada tahap sederhana lemah. Majoriti GPI berada dalam kelompok tahap sederhana rendah iaitu sebanyak 26.4 peratus dan hampir separuh GPI berada dalam kelompok lemah (sangat lemah, lemah dan sederhana lemah). Konstruk akhlak terhadap manusia dan konstruk akhlak terhadap alam juga mencatatkan tahap akhlak sederhana lemah. Dapatan berbeza diperoleh bagi konstruk akhlak terhadap alam yang menunjukkan dapatan sederhana baik.

PENUTUP

Kajian ini telah membincangkan secara terperinci tentang akhlak Guru Pendidikan Islam. Semua pihak perlulah memikirkan faktor yang mempengaruhi dapatan yang diperoleh seterusnya merancang intervensi yang berkesan bagi memantapkan akhlak GPI. Apa yang diperkatakan oleh Imam Ghazali dalam kitab Ihya' Ulumuddin tentang guru "*"mana mungkin tanah liat dapat terukir sendiri tanpa ada alat untuk mengukurnya, bagaimana mungkin bayangan menjadi lurus kalau tongkatnya bengkok"* merupakan kias yang jelas tentang peri pentingnya seorang guru menguasai dan mengamalkan adab yang baik dalam kehidupan.

RUJUKAN

Ab Halim Tamuri. (2007). Islamic education teachers' perceptions of the teaching of akhlaq in malaysian secondary schools. *Journal of Moral Education,* 36(3).

Abdul Muhsien Bin Sulaiman. (2014). *Peranan Guru Pendidikan Islam dalam pembentukan akhlak murid dari aspek hubungan guru-murid berasaskan Abu Talib Al-Makki.* Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya.

Al-Ghazali, Al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn Al-Ghazali. (1988). *Ihya' Ulumuddin Jiwa Agama.* Terj. Tk. Hj Ismail Yaakub Sh. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.

Al-Kaysi, Marwan Ibrahim. (2000). *Morals and Manners in Islam*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

Al-Marri, T. S. K., Oei, T. P. S., & Al-Adawi, S. (2009).The development of the short muslim practice and belief scale. *Mental Health, Religion and Culture*, 12, (5), 415-426. doi: 10.1080/13674670802637643

Al-Qardhawi, Yusof. (2001). *Iman dan Kehidupan*. Ter. Fachruddin HA. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

Al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumi. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Asy-Syirbaany, Ridwan. (2001). *Membentuk Peribadi Lebih Islam (Suatu Kajian Akhlak).* Jakarta: PT Intimedia Ciptanusantara.

David I. Walker, Michael P. Roberts & Kristján Kristjánsson. (2015). Towards a new era of character education in theory and in practice. *Educational Review,* 67:1, 79-96, doi: 10.1080/00131911.2013.827631

Hattie, J. (2009). *Visible Learning: A Synthesis of over 800 Meta-Analyses Relating to Achievement.* Abingdon, UK: Routledge.

Hattie, J., & Timperley, H. (2007). The power of feedback. *Review of Educational Research*, 77(1).

Jimaain Safar. (2012). *Pembinaan Instrumen Pentaksiran Akhlak berasaskan rakan sebaya pelajar sekolah menengah*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kaplan, R. M., & Saccuzzo, D. P. 2013. *Psychological Testing: Principles, Applications And Issues (8th Ed.*). Wadsworth: Cencage Learning.

Misykawaih, Abu Ali Ahmad Ibn Misykawaih. (1985). *Tahdib al-akhlak*. Helmi Hidayah (Penyunting) Menuju Kesempurnaan Akhlaq. Bandung: Pustaka Mizan

Misykawaih, Abu Ali Ahmad Ibn Misykawaih. (1985). *Tahdib al-akhlak*. Helmi Hidayah (Penyunting) Menuju Kesempurnaan Akhlaq. Bandung: Pustaka Mizan

Nasih Ulwan. (2002). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*.Syed Ahmad Semait (terj.) Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd.

Nik Azis Nik Pa. (2012). *Bab Sebelas : Pengembangan Nilai melalui Penulisan Tesis dan Disertasi.* Dokumentasi akademik tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2013). Hubungan antara efikasi kendiri dengan kualiti guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan. *Journal of Islamic and Arabic Education,* 5(1), 41-60.

Norhalimaton Saadiah bt Ayob. (2011). *Hubungan antara stres Guru Pendidikan Islam dan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah daerah Klang,* Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia

Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah. (2013). Nilai profesionalisme bakal guru berteraskan indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 60, 31–37.

Payton T.L (2016). *The student scale of culturally responsive teacher: a development and validation study using the Rasch rating scale model*. Tesis Dr. Fal, Morgan State University.

Syed Nawab ‘Ali. (2010). *Imam al-Ghazali: Moral and Religious Teachings.* Kuala Lumpur: A.S Nordeen.

Zaharah Husin. (2008). *Pembinaan kandungan kurikulum Pendidikan Akhlak untuk latihan perguruan Pendidikan Islam*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hubungan Aspek Spiritual dengan Kepuasan Kerja Guru SABK Terengganu

Norhana Mohamed Salleh
norhana51@yahoo.com
SM Sains Tengku Abdullah

Salbiah Mohamed Salleh
salbiahscipp@gmail.com
SM Sains Pasir Puteh

Siti Faizah Mohd Salleh@ Salleh
ustazahsitifaizah@gmail.com
SK Taman
Desa 2

ABSTRACT

Job satisfaction is an important aspect of the teaching profession as it is closely related to the performance and the effectiveness of teachers in developing a holistic student recruitment. The various reforms in education make the roles and responsibilities of teachers to be more challenging including the religious teachers in Government Assisted Religious Schools (SABK) especially in Terengganu. The respondents consisted of 47 religious teachers from 14 SABK schools in Terengganu. The instrument used was a questionnaire based on self-constructed Teacher Job Satisfaction Questionnaire (TJSQ) which contains 55 items, which comprised 15 subscales, namely (1) Faith, (2) Piety, (3) Responsibility (4) of the Trust, (5) Sincerity. The researcher used the descriptive analysis of frequencies and percentages, while the Man-Whitney U Test and Kruskal Wallis test were used to analyze the inference data of the study. The finding of this study shows that there is a significant relationship between spititual aspect and emotional aspect (r=0.49, sig=0.00) and sosial aspect (r=0.31, sig=0.30) among teachers. This means that the spiritual aspect influence the job satisfaction among the religious teachers at SABK Terengganu.

Keyword: Religious Teacher, Job Satisfaction, SABK and Spiritual.

ABSTRAK

Kepuasan kerja merupakan salah satu aspek penting dalam profesion keguruan kerana ia berkait rapat dengan prestasi kerja dan keberkesanan seseorang guru dalam membentuk insan pelajar yang syumul. Berbagai-bagai reformasi dalam pendidikan menjadikan peranan dan tanggungjawab guru-guru menjadi lebih mencabar termasuklah guru-guru agama di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), khususnya di negeri Terengganu. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat hubungan aspek spiritual dengan kepuasan kerja guru SABK Terengganu. Sampel kajian ialah 47 orang guru-guru agama dari 14 buah sekolah SABK Terengganu. Instrumen yang digunakan merupakan soal selidik yang diubah suai berasaskan Teacher Job Satisfaction Questionnaire (TJSQ) yang mengandungi 14 item yang merangkumi 5 sub skala iaitu (1) Keimanan, (2) Ketakwaan, (3) Tanggungjawab (4) Amanah, (5) Keikhlasan. Pengkaji menggunakan analisis deskriptif kekerapan dan peratusan, manakala kaedah ujian Man-Whitney U dan ujian Kruskal Wallis digunakan untuk analisis inferensi data kajian. Dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara aspek spiritual dengan aspek emosi (r=0.49, sig=0.00) dan aspek sosial (r=0.31, sig=0.30) guru-guru. Ini bermaksud semakin kuat aspek spiritual yang meliputi keimanan, ketakwaan, bertanggungjawab, amanah

dan keikhlasan seseorang guru itu semakin tinggilah tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru agama di SABK Negeri Terengganu.
Kata kunci: Guru Agama, Kepuasan Kerja, SABK dan Spiritual.

PENGENALAN

Manusia dijadikan daripada dua unsur iaitu jasad dan roh yang dikurniakan nafsu serta akal. Oleh itu, manusia perlu menyeimbangkan antara tuntutan kerohanian, kebendaan dan intelektual.[1] Islam mengiktiraf roh sebagai tempat proses membina dan terbinanya aspek-aspek positif dan konstruktif untuk membangunkan organisasi.[2] Kerohanian menjadi asas kepada pertumbuhan, perkembangan dan kemajuan diri seseorang individu. Ia mengandungi nilai-nilai murni yang membentuk akhlak, moral, dan etika kehidupannya. Kerohanian atau spitiual menjadi asas kepada pertumbuhan, perkembangan dan kemajuan diri seseorang guru, ia mengandungi nilai-nilai murni yang membentuk akhlak, moral, dan etika kehidupan guru.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kerja guru sebagai penyalur budaya dan ilmu. Mereka memainkan peranan yang penting dalam perkembangan Islam sejak kedatangannya hinggalah ke hari ini. Guru-guru bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan ajaran Islam, tetapi juga membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah. Bidang tugas guru yang semakin meluas dan tidak terikat dengan mengajar malah bertindak sebagai “ibu” dan “bapa” kepada pelajar semasa mereka berada di sekolah.

Kejayaan guru dalam melaksanakan tanggungjawab akan mendatangkan kepuasan kerja kepada mereka. Kepuasan kerja adalah perkara yang perlu diberikan perhatian kerana ia berkaitan dengan prestasi kerja dan menyumbang kepada keberkesanan seseorang guru dalam melaksanakan tugasnya. Guru yang berpuas hati akan lebih berusaha dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dan ingin kekal dalam profesion mereka.

Islam melihat kepuasan kerja bukan sahaja dari aspek duniawi tetapi juga menyentuh aspek ukhrawi. Profesion keguruan merupakan profesion yang sangat mulia menurut pandangan Islam kerana mengajar dan mendidik manusia merupakan sebaik-baik amalan yang berstatus ibadah dan jihad sekiranya disertai dengan niat berasaskan iman yang mendalam, amanah, tekun, cekap, bersabar, bersungguh-sungguh, ihsan dan diniatkan kerana Allah s.w.t. Semua sifat ini mesti ada pada seorang guru kerana mereka memainkan peranan yang sangat besar iaitu menyampaikan risalah agama untuk difahami dan dilaksanakan oleh masyarakat umum.

PENYATAAN MASALAH

Profesion keguruan dianggap mencabar kerana pada hari ini dan masa hadapan menjanjikan seribu satu isu yang perlu ditangani oleh guru. Begitu juga, tugas dan peranan guru dianggap mencabar apabila masyarakat mula menyerahkan hampir sepenuhnya tugas mendidik kepada mereka.

Isu-isu mengenai beban kerja guru seperti pertindihan pengisian data, beban tugas perkeranian, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), ketidaksepadanan opsyen guru, isu saiz kelas yang besar dan merekod BMI pelajar telah mengganggu tugas guru yang sebenar iaitu pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru juga terpaksa membuat kerja lebih masa, kerja-kerja

---

[1] Sufean Hussin, *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem Dan Falsafah (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004)*, 240.
[2] Osman Ayub, *Etika Kerja Dan Profesionalisme Islam* (Kuala Lumpur: Frontier Enterprise, 1989), 46.

perkeranian, membuat bahan bantu mengajar, menghadiri kursus, bengkel atau seminar dan melakukan penyesuaian pengajaran yang baru.

Isu bebanan kerja guru turut berlaku di SABK. Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah turun padang ke seluruh negeri untuk mengadakan dialog dan perbincangan bersama pentadbir dan Lembaga Pengurus Sekolah (LPS) SABK bertujuan untuk mengenal pasti pelbagai masalah yang dihadapi pihak sekolah dalam usaha berterusan ke arah memperkasakan SABK agar berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan sekolah-sekolah aliran perdana.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk melihat hubungan aspek spiritual dengan kepuasan kerja guru SABK Terengganu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dalam bentuk kajian tinjauan menggunakan metode soal selidik. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan satu set soal selidik yang diubahsuai daripada Teacher Job Satisfaction Questionnaire (TJSQ) berdasarkan teori SPIES. Ia telah diedarkan kepada guru agama bagi memperoleh maklumat serta data kajian.

DAPATAN KAJIAN

14 item aspek spiritual telah diukur melalui aspek keimanan, ketakwaan, tanggungjawab, amanah dan keikhlasan. Min kepuasan kerja berdasarkan aspek spiritual ditunjukkan dalam jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1. Min Kepuasan Kerja Mengikut Aspek Spiritual

Min	Minimum	Maksimum	Sisihan Piawai
36.0	24.0	40.00	2.68

Jadual 1.1 menunjukkan min kepuasan kerja mengikut aspek spiritual adalah 36.0 di mana tingkat minimum adalah 24.0 dan tingkat maksimum adalah 40.0 manakala sisihan piawai pula adalah 2.68. Oleh itu, tahap kepuasan yang dilihat dari aspek spiritual adalah memuaskan.

Ditinjau dari aspek keimanan, didapati responden menghayati profesion mereka sebagai ibadat kepada Allah s.w.t. kerana persoalan kerja adalah berkait rapat dengan iman seseorang individu itu kepada pencipta-Nya.[3] Responden juga tidak mengharapkan ganjaran daripada pihak atasan di atas pengorbanan yang dibuat terhadap murid-murid mereka. Seterusnya dapatan kajian menunjukkan responden tidak menganggap profesion guru mempunyai rutin yang sama dan membosankan.

Peratus dan kekerapan bagi setiap aspek spiritual yang ditinjau adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.2 hingga 1.6.

[3] Fadillah Mansor, "Kualiti Kerja Dalam Organisasi: Tinjauan Dari Perspektif Pengurusan Islam," dalam *Dimensi Pengurusan Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 45–64.

Jadual 1.2. Peratus dan Kekerapan Aspek Keimanan

Aspek Keimanan		**Tahap Kepuasan Kerja**		
Bil	**Perkara**	**Tidak Bersetuju**	**Kurang Bersetuju**	**Bersetuju**
1	Kerja saya adalah salah satu bentuk ibadat kepada Allah s.w.t	-	4.3% (2)	95.7% (45)
2	Pengorbanan saya sepatutnya mendapat ganjaran daripada pihak atasan	17.0% (8)	46.8% (22)	36.2% (17)
3	Kerja guru mempunyai rutin yang sama dan membosankan	40.4% (19)	53.2% (25)	6.4% (3)
	Purata	19.1%	34.8%	46.1%

Dalam aspek keimanan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.2, didapati guru-guru yang bersetuju dengan aspek kerja sebagai salah satu bentuk ibadah kepada Allah s.w.t sebanyak 95.7% (45 orang) manakala hanya 4.3% (2 orang) responden kajian menyatakan kurang bersetuju.

Hal ini menunjukkan guru-guru menghayati persoalan kerja adalah salah satu bentuk pengabdian diri kepada Allah s.w.t dan untuk mencari keredaan-Nya. Ia bertepatan dengan teori SPIES yang menekankan guru perlu bersifat zuhud terhadap dunia dan perlu mengelakkan sifat *riya', takbur* dan mengharapkan puji-pujian dalam pekerjaan mereka.

Bagi aspek pengorbanan yang dibuat sepatutnya mendapat ganjaran daripada pihak atasan didapati 63.8% (30 orang) yang kurang bersetuju manakala 36.2% (17 orang) bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Hal ini menunjukkan ganjaran bukanlah fokus utama guru-guru bersesuaian dengan tugas mereka sebagai *murabbi* yang ikhlas dalam membimbing pelajar. Walau bagaimanapun 17 orang guru (36.2%) masih mengharapkan ganjaran daripada orang atasan bersesuaian dengan tugas yang mereka sudah laksanakan.

Dapatan ini selari dengan kajian Lim yang mendapati salah satu sebab ketidakpuasan kerja guru ialah beban menjalankan beberapa tugas pengurusan yang sepatutnya dibuat oleh kakitangan am di sekolah dan pengorbanan mereka tidak mendapat ganjaran setimpal. [4]

Manakala dari aspek kerja guru mempunyai rutin yang sama dan membosankan 40.4% (19 orang) responden kajian tidak bersetuju dan hanya 6.4% (3 orang) yang bersetuju.

Hal ini menunjukkan guru-guru meminati bidang perguruan dan memperlihatkan tahap keimanan yang tinggi dalam melaksanakan tugas perguruan. Menurut teori SPIES, keimanan yang kukuh akan menjadikan guru berasa seronok dengan rutin seharian mereka dengan menjalinkan hubungan dengan pelajar, rakan sejawat dan masyarakat dengan baik. Mereka menganggap murid-murid amanah Allah s.w.t kepada mereka untuk dibimbing dan rakan sejawat sebagai anggota keluarga yang saling tolong-menolong dan hormat-menghormati di antara satu sama lain.

Jadual 1.3. Peratus dan Kekerapan Aspek Ketakwaan

Aspek Ketakwaan		**Tahap Kepuasan Kerja**		
Bil	**Perkara**	**Tidak Bersetuju**	**Kurang Bersetuju**	**Bersetuju**
4	Profesion perguruan merupakan cara terbaik untuk menyemai nilai-nilai murni kepada murid-murid	-	8.5% (4)	91.5% (43)

[4] Lim Ong Lang, "Kajian Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18 Shah Alam."

5	Saya membuat persiapan rapi sebelum masuk ke kelas	-	25.5% (12)	74.5% (35)
6	Saya sentiasa memastikan setiap kerja yang dilakukan berlandaskan syariat	2.1% (1)	6.4% (3)	91.5% (43)
	Purata	0.7%	13.5%	85.8%

Ditinjau dari aspek ketakwaan pula seperti dalam jadual 1.3 di atas menunjukkan sebanyak 91.5% (43 orang) responden bersetuju dengan profesion perguruan merupakan cara terbaik untuk menyemai nilai-nilai murni kepada murid-murid dan hanya 8.5% (4 orang) kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Ini bertepatan dengan teori SPIES yang menyatakan bahawa sifat takwa akan menjadikan seseorang guru itu melaksanakan segala amanah yang dipertanggungjawabkan ke atasnya dengan bersungguh-sungguh demi semua murid-murid memahami apa yang diajar seterusnya mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

Sebanyak 74.5% (35 orang) responden bersetuju dengan membuat persiapan rapi sebelum masuk ke kelas dan didapati 25.5% (12 orang) yang kurang bersetuju. Hal ini menunjukkan persiapan rapi sebelum memulakan pengajaran bergantung pada usaha guru-guru itu sendiri dan guru-guru bersedia melaksanakan tugas pengajaran dengan baik.

Guru yang bertakwa akan berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik[5] kerana memiliki dan menghayati perasaan takut dan harap terhadap Allah s.w.t ketika melaksanakan tugasnya.[6]

Aspek kerja yang dilakukan berlandaskan syariat pula menunjukkan 91.5% (43 orang) bersetuju dan hanya 8.5% (4 orang) yang kurang bersetuju. Guru-guru telah menunjukkan penghayatan sifat ketakwaan ada dalam diri mereka dengan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka berlandaskan syariat Islam.

Dapatan ini menunjukkan tahap ketakwaan guru-guru dalam melaksanakan tugas perguruan adalah memberangsangkan walaupun terdapat beberapa orang yang masih kurang berpuas hati dengan kerjaya mereka. Sifat takwa akan menjadikan seseorang guru itu melaksanakan segala amanah yang dipertanggungjawabkan ke atasnya dengan bersungguh-sungguh, berdisiplin dan sentiasa jujur. [7]

Jadual 1.4. Peratus dan Kekerapan Aspek Tanggungjawab

Aspek Tanggungjawab		**Tahap Kepuasan Kerja**		
Bil	**Perkara**	**Tidak Bersetuju**	**Kurang Bersetuju**	**Bersetuju**
7	Prestasi murid yang baik akan memberikan semangat untuk saya terus berusaha. (Herrzberg,F. Mausner,B. Synderman,B. 1959) (E.A 1976) (Ali 2004) (E.A, The Nature and Causes of Job Satisfaction 1976) (Zulkifli 1993) (Bishay 2004) (Abbas 2008)	2.1% (1)	8.5% (4)	89.4% (42)

[5] Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, et.al., *Kualiti Perkhidmatan Awam Menurut Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.), 44.
[6] Razali Mat Zin, "Penilaian Kritis Terhadap Falsafah Barat Dalam Pengurusan Organisasi Kerja: Ke Arah Mencari Suatu Alternatif," dalam *Pengurusan Organisasi Kerja*, ed. Razali Mat Zin, ed. ke-2, (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia), 1999, 1–11.
[7] Mahmud Fathi Abdul Samad, *Muslim Profesional: Bagaimana Menjana Profesionalisme Dan Kualiti Sebagai Pekerja Muslim* (Shah Alam: Penerbitan Ilham Baru, 2010), 56.

8	Saya mengikuti latihan peningkatan profesionalisme keguruan dengan penuh minat	4.3% (2)	14.9% (7)	80.9% (38)
9	Kerjaya guru adalah amanah daripada Allah s.w.t	2.1% (1)	-	97.9% (46)
	Purata	2.8%	7.8%	89.4%

Jadual 1.4 menunjukkan aspek tanggungjawab responden. Tiga aspek telah diuji iaitu prestasi murid akan memberikan semangat kepada responden terus berusaha menunjukkan 89.4% (42 orang) bersetuju, 8.5% (4 orang) kurang bersetuju dan hanya 2.1% (1 orang) tidak bersetuju. Kajian mendapati bahawa guru-guru mengakui prestasi murid memberi kesan kepada pekerjaan mereka.

Ini disokong oleh Frederick Herzberg melalui Teori Dua Herzberg menyebut tanggungjawab sebagai salah satu faktor perangsang motivasi seseorang itu di dalam pekerjaannya.[8] Guru-guru yang bertanggungjawab akan memastikan prestasi murid-murid mencapai target yang ditetapkan oleh mereka. Seterusnya ia akan mendorong mereka untuk terus bekerja dan mendapat kepuasan kerja.[9]

Dilihat dari aspek minat mengikuti latihan peningkatan profesionalisme keguruan pula, sebanyak 80.9% (38 orang) bersetuju, 8.5% (4 orang) kurang bersetuju dan hanya 4.3% (2 orang) tidak bersetuju. Oleh itu, kajian menunjukkan guru-guru bermotivasi dalam profesion mereka serta mengharapkan latihan diberikan untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka dalam bidang perguruan.

Menurut Teori Matlamat yang dikemukakan oleh Locke, motivasi kerja yang asas adalah keinginan seseorang untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh pekerja dan organisasinya. Pencapaian sesuatu matlamat memberi ganjaran dan organisasi yang mendorong pekerja untuk terus bekerja dan mendapat kepuasan kerja yang tertentu.[10]

Bagi aspek kerjaya guru adalah amanah daripada Allah s.w.t menunjukkan sebilangan besar responden berpendirian bahawa pekerjaan mereka adalah amanah daripada Allah s.w.t di mana 97.9% (46 orang) bersetuju dan hanya 2.1% (1 orang) tidak bersetuju iaitu guru lelaki yang berkelulusan sarjana muda dan berkhidmat kurang daripada 5 tahun serta memperoleh pendapatan RM2000 ke atas. Ini menunjukkan sebahagian besar guru berpuas hati dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pendidik dengan menganggapnya sebagai amanah daripada Allah s.w.t.

Kajian terhadap guru Pendidikan Jasmani,[11] pensyarah maktab perguruan[12] dan guru-guru Sekolah Menengah Cannosa Convent, Melaka mendapati faktor tanggungjawab mempengaruhi kepuasan kerja responden. Guru yang mempunyai tanggungjawab terhadap tugas mempunyai motivasi yang tinggi dalam menjalankan rutin kerja pengajaran harian dan didapati pencapaian pelajar di bawah guru tersebut juga lebih tinggi,[13] didapati responden menjalankan kerja dengan lebih cekap dan bertanggungjawab, selain itu banyak program-program baru dijalankan di sekolah bagi mengekalkan kualiti pendidikan pada tahap maksimum.[14]

---

[8] Herrzberg, F., Mausner, B., & Snyderman, *The Motivation to Work*, 40.
[9] Locke E.A, Toward Theory of Task Motivation and Insentives, 50.
[10] Ibid.
[11] Syed Kamaruzaman Syed Ali, "Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru Pendidikan Jasmani."
[12] Wan Zulkifli, "Tingkah Laku Pemimpin Dan Hubungan Dengan Kepuasan Bekerja"(tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993), 124.
[13] Bishay, D. "Teacher Motivation and Job Satisfaction.A Study Employing the Experience Sampling Method," *Journal Undergrad. Sci*, 3, (2004): 147–54.
[14] Rashidi Abbas, *Kemahiran Insaniah Meneroka Metodeologi Rasulullah s.a.w.*, 52.

Jadual 1.5. Peratus dan Kekerapan Aspek Amanah

Aspek Amanah		**Tahap Kepuasan Kerja**		
Bil	**Perkara**	**Tidak Bersetuju**	**Kurang Bersetuju**	**Bersetuju**
10	Saya memastikan pengajaran yang diberikan kepada murid-murid adalah yang terbaik	-	4.3% (2)	95.7% (45)
11	Saya tidak akan menggunakan yuran murid demi kepentingan diri sendiri	10.6% (5)	2.1% (1)	87.2% (41)
	Purata	5.3%	3.3%	91.5%

Manakala dari aspek amanah seperti dalam jadual 1.5 pula menunjukkan responden kajian memastikan pengajaran yang diberikan kepada murid-murid adalah yang terbaik di mana 95.7% (45 orang) bersetuju dan 4.3% (2 orang) kurang bersetuju. Dapatan kajian mendapati dua orang responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan ini adalah guru-guru lelaki yang berkelulusan sarjana muda dan berkhidmat kurang daripada 10 tahun serta memperoleh pendapatan RM1001-RM1500 dan RM2000 ke atas.

Ini jelas memperlihatkan guru-guru berusaha untuk menunaikan segala amanah yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka dengan menghasilkan pengajaran yang berkualiti kepada murid-murid. Responden menyedari bahawa profesion keguruan adalah amanah[15] dan akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Ditinjau dari sudut tidak akan menggunakan yuran murid demi kepentingan diri sendiri menunjukkan 87.2% (41 orang) bersetuju, 2.1% (1 orang) kurang bersetuju dan 10.6% (5 orang) tidak bersetuju. Dapatan kajian mendapati enam orang responden yang kurang bersetuju dan tidak bersetuju dengan pernyataan ini terdiri daripada empat orang guru lelaki dan dua orang guru perempuan, lima orang guru adalah berkelulusan sarjana muda dan seorang lepasan SPM. Lima orang daripadanya telah berkhidmat kurang daripada 15 tahun serta empat responden memperoleh pendapatan RM2000 ke atas, manakala dua orang memperoleh pendapatan RM2000 ke bawah.

Sikap guru-guru ini selari dengan pandangan Yusuf al-Qaradhawi yang menyatakan bahawa sifat amanah adalah dengan melaksanakan tuntutan dengan sempurna tanpa mengambil lebih daripada apa yang menjadi haknya dan tidak mengurangkan hak yang menjadi milik orang lain.[16]

Secara umumnya, sebahagian besar guru menjaga amanah yang diberikan oleh pihak sekolah dengan baik dan ia akan mencetuskan kerja yang produktif, efektif dan komitmen yang tinggi dalam kalangan guru-guru. Pelaksanaan amanah ini akan mendatangkan kepuasan kerja bagi guru kerana dia telah menyempurnakan tanggungjawabnya dan hak terhadap murid-muridnya dengan cara yang terbaik mengikut landasan syarak.

Jadual 1.6. Peratus dan Kekerapan Aspek Keikhlasan

Aspek Keikhlasan		**Tahap Kepuasan Kerja**		
Bil	**Perkara**	**Tidak Bersetuju**	**Kurang Bersetuju**	**Bersetuju**

[15] Fadillah Mansor, "Penilaian Prestasi Kerja: Kaedah Pelaksanaan Dan Implikasinya Kepada Organisasi Dan Pekerja," dalam *Dimensi Pengurusan Islam*, ed. Ab.Mumin Ab.Ghani dan Fadillah Mansor (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 65–82.
[16] Yusuf al-Qardawi, *Dawr Al-Qiyam Wa Al-Akhlak Fi Al-Iqtisad Al-Islami* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 398.

12	Saya sentiasa menyiapkan tugasan yang diberikan tanpa memberikan sebarang alasan.	-	21.3% (10)	78.7% (37)
13	Imbuhan tidak perlu diberikan kepada guru yang menunjukkan prestasi yang baik.	34.0% (16)	57.4% (27)	8.5% (4)
14	Saya berasa kecewa jika murid-murid tidak mematuhi arahan saya.	10.6% (5)	31.9% (15)	57.4% (27)
	Purata	14.9%	36.9%	48.2%

Jadual 1.6 menunjukkan aspek keikhlasan mendapati responden kajian sentiasa menyiapkan tugasan yang diberikan tanpa memberikan sebarang alasan sebanyak 78.7% (37 orang) bersetuju dan 21.3% (10 orang) kurang bersetuju. Hal ini menunjukkan masih terdapat guru-guru yang merungut ketika menjalankan tugas yang diamanahkan. Ia juga memperlihatkan segelintir guru-guru tidak menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dalam menghasilkan prestasi kerja yang terbaik secara berterusan.

Antara sifat yang perlu ada dalam diri guru agama ialah bersifat ikhlas dalam menjalankan tugasnya semata-mata mendapat keredaan Allah s.w.t. Tanpa keikhlasan mereka akan saling bersaing dan dengki-mendengki dalam menjalankan tugas kerana *taksub* dengan pandangan masing-masing yang akhirnya menghilangkan sifat *tawaduk.* [17]

Namun dilihat dari aspek imbuhan tidak perlu diberikan kepada guru yang menunjukkan prestasi yang baik mendapati hanya 8.5% (4 orang) bersetuju manakala selebihnya tidak bersetuju iaitu 57.4% (27 orang) kurang bersetuju dan 34.0% (16 orang) tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan bahawa imbuhan diharapkan oleh guru-guru jika mereka menunjukkan prestasi yang baik dalam pekerjaan mereka.

Sebagai *muaddib*, guru wajib memiliki sejumlah sifat-sifat terpuji, sifat terpuji yang paling utama adalah zuhud dalam proses mendidik, bukan kerana inginkan balasan kebendaan dan penghormatan masyarakat tetapi semata-mata bertujuan untuk mendapat keredaan Allah.

Ini tidak bermakna guru tidak boleh menerima ganjaran daripada usaha mereka tetapi tidak boleh menjadikan ganjaran kebendaan sebagai matlamat di dalam pengajaran sebaliknya melaksanakan tanggungjawabnya ikhlas kerana Allah s.w.t.

Begitu juga dari aspek kecewa jika murid-murid tidak mematuhi arahan, sebanyak 57.4% (27 orang) bersetuju, 31.9% (15 orang) kurang bersetuju dan 10.6% (5 orang) sahaja yang tidak bersetuju. Kesimpulannya sikap pelajar mempengaruhi kepuasan kerja guru

Oleh itu, dapatan kajian melihat guru-guru mengharapkan kejayaan pelajar sebagai imbuhan terhadap tugas pengajaran yang telah dilaksanakan. Sifat ikhlas dalam diri responden menyebabkan mereka sentiasa menerima tanggungjawab dengan penuh keredaan dan bersungguh-sungguh serta berusaha menghasilkan prestasi kerja yang terbaik secara berterusan.

Keikhlasan para pendidik dalam menjalankan amanah yang diberikan adalah asas penerimaan amalan di sisi Allah s.w.t sama ada amalan yang dilaksanakan diterima sebagai amal soleh atau sebaliknya. Imam al-Ghazali telah menggariskan antara ciri-ciri guru yang efektif termasuklah tidak meminta imbuhan atas perkhidmatan yang diberikan.[18]

Kajian Ilhaamie untuk mengukur tahap kepuasan kerja di kalangan pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Fakulti Bahasa dan Linguistik, 81.8% pensyarah API

[17] Abdul Rahman Nahlawi, *Ushulut Tarbiyah Islamiyah Wa Asalibiha Fil Baiti Wal Madrasati Wal Mujtama'* (Beirut, Labenon: Dar al-Fikr al-Mu'asyir, 1983), 169-175.

[18] Rashidi Abbas, *Kemahiran Insaniah Meneroka Metodeologi Rasulullah s.a.w* (Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang, 2008), 27.

mahu jadi pensyarah kerana merasakan pekerjaan mereka mulia.[19]Mereka merasakan tanggungjawab sebagai guru adalah menyambung tugas para Nabi dalam membentuk dan mengembangkan ilmu pengetahuan kepada murid-muridnya. (Qardawi 1995)

PENUTUP

Kepuasan kerja guru adalah aspek penting untuk menjamin kualiti tugas seseorang guru yang merupakan tunggak pendidikan di sekolah. Dapatan kajian jelas menunjukkan semakin kuat aspek spiritual yang meliputi keimanan, ketakwaan, bertanggungjawab, amanah dan keikhlasan seseorang guru itu semakin tinggilah tahap kepuasannya. Ini disokong oleh kajian Syed Najmuddin et al. (2009) yang bertajuk 'Persepsi Murid Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM'. Kajian mendapati guru agama mempunyai imej dan integriti, P&P, kepimpinan keagamaan dan interaksi dengan murid yang aras yang tinggi. Manakala Mohd Kassim Tusin (2010) melalui kajiannya yang bertajuk 'Kualiti Guru Pendidikan Islam (GPI) Sekolah Menengah di Sabah' mendapati bahawa GPI mengaplikasikan kualiti mereka di sekolah di samping tidak mengabaikan hal-hal kekeluargaan dan kemasyarakatan. Tiga sumber kualiti GPI telah dikenal pasti iaitu keluarga, kesungguhan semasa di IPT dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti rasmi sekolah dan kemasyarakatan. Kajian ini merumuskan bahawa kualiti diri GPI berkait rapat dengan tiga tema, iaitu falsafah, psikologi dan sosiologi.[20]

RUJUKAN

Abbas, Rashidi. 2008. *Kemahiran Insaniah Meneroka Metodologi Rasulullah saw.* Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.

Ali, Syed Kamaruzzaman Syed. 2004. "Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru Pendidikan Islam." *Jurnal Pendidikan 29* 81-92.

Ayub, Osman. 1989. *Etika Kerja dan Profesionalisme Islam.* Kuala Lumpur: Frontier Enterprise.

Bishay, D. 2004. "Teacher Motivation and Job Satisfaction A Study Employing the Experience Sampling Method." *Journal Undergrade Sci 3* 147-154.

E.A, Locke. 1976. *The Nature and Causes of Job Satisfaction.* Chicago: Rand McNally.

E.A, Locke. 1976. "The Nature and Causes of Job Satisfaction." *Handbook og Industrial and Organizational Psycology* 29-38.

Herrzberg,F. Mausner,B. Synderman,B. 1959. *The Motivation To Work.* New York: John Wiley and Sons.

Hussin, Sufean. 2004. *Pendidikan Di Malaysia : Sejarah, Sistem dan Falsafah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ilhamie Abdul Ghani Azmi. 2013. *Kualiti Perkhidmatan Awam Menurut Perspektif Islam.* Jurnal, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Lang, Lim Ong. 1998. *Kajian Kepuasan Kerja di Kalangan Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18 Shah Alam.* Tesis, Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Mansor, Fadillah. 2006. *Kualiti Kerja Dalam Organisasi : Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam dalam Dimensi Pengurusan Islam.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

[19] Ilhaamie bt Abdul Ghani Azmi, "Kepuasan Kerja: Kajian Di Kalangan Pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Dan Fakulti Bahasa Dan Linguistik." Jurnal Syariah, Bil.2, Jun-Dis 2005,113-124

[20] Mohd Kassim Tusin, "Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Sabah" (tesis kedoktoran, Universiti Malaysia Sabah, 2010), 140.

Nahlawi, Abdul Rahman. 1983. "Ushulut Tarbiyah Islamiyah Wa Asalibiha ." *Baiti Wal Madrasati Wal Mujtama'* (Dar al-Fikr al-Mu'asyir) 169-175.

Qardawi, Yusuf. 1995. *Dawr al-Qiyam wa al-Akhlak fi al-Iqtisad al-Islami.* Kaherah: Maktabah Wahbah.

Samad, Mahmud Fathi Abdul. 2010. *Muslim Profesional : Bagaimana Menjana Profesionalisme dan Kualiti Sebagai Pekerja Muslim.* Shah Alam: Penerbitan Ilham Baru.

Tusin, Mohd Kassim. 2010. *Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Sabah.* Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

Zin, Razali Mat. 1999. "Penilaian Kritis Terhadap Falsafah Barat Dalam Pengurusan Organisasi Kerja : Ke arah Mencari Suatu Alternatif." *Pengurusan Organisasi Kerja Edisi Kedua* 1-11.

Zulkifli, Wan. 1993. *Tingkah Laku dan Hubungan dengan Kepuasan Bekerja.* Tesis, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Penggunaan Aplikasi Padlet dalam Meningkatkan Penglibatan Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Sumaiyah Sulaiman
sumaiyah74@yahoo.com
SMK Agama Putrajaya

Ahmad Rafedy Ahmad Raidin
rafedy@gmail.com
SMK Agama Putrajaya

ABSTRACT

Writing skills are important skills and need to be mastered in STPM Arabic language subjects semester 2. However, some students have not yet mastered this topic. I found students to be less active and engaged when writing skills activities were carried out. Therefore this study was conducted aimed at helping to increase student engagement in writing. To overcome this problem, I have a simple activity to increase students' involvement in writing skills that is students do writing activities using the PADLET application. A total of eight Form 6 students in a tahfiz school in Putrajaya were involved in this study. Action research uses a cycle based on the action research models of Kurt Lewin (1946) and Laidlaw (1992). Data were obtained through document analysis, structured interviews, observation and self -reflection. Results from the use of PADLET application in writing skills show that there is an increase in student involvement in writing writing skills. The use of this PADLET is an innovation in learning writing skills. Students are also more eager to learn the topic of writing skills
Keywords: {PADLET, students, writing skills, Arabic, engagement}

ABSTRAK

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang penting dan perlu dikuasai dalam subjek bahasa Arab STPM semester 2. Namun, sebilangan pelajar masih belum menguasai topik ini. Saya dapati pelajar kurang aktif dan melibatkan diri ketika aktiviti kemahiran menulis dijalankan. Oleh itu kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu meningkatkan penglibatan pelajar menulis. Bagi mengatasi masalah ini, saya telah aktiviti yang mudah untuk meningkatkan penglibatan pelajar terhadap kemahiran menulis iaitu pelajar melakukan aktiviti menulis menggunakan aplikasi PADLET. Seramai lapan orang pelajar Tingkatan 6 di sebuah sekolah tahfiz di Putrajaya terlibat dalam kajian ini. Kajian tindakan menggunakan satu kitaran berlandaskan model kajian tindakan Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992). Data diperoleh melalui analisis dokumen, temubual berstruktur, pemerhatian dan refleksi kendiri. Hasil daripada penggunaan aplikasi PADLET dalam kemahiran menulis menunjukkan terdapat peningkatan penglibatan pelajar dalam menulis kemahiran menulis. Penggunaan PADLET ini merupakan satu inovasi dalam pembelajaran kemahiran menulis. Pelajar juga lebih bersemangat untuk mempelajari tajuk kemahiran menulis.
Kata kunci: { PADLET, pelajar; kemahiran menulis; bahasa Arab; penglibatan}

PENGENALAN

Pada awal tahun 2021, saya telah diamanahkan untuk mengajar Tingkatan 6 Atas Al-Khawarizmi yang merupakan sebuah sekolah tahfiz di Putrajaya. Kemahiran menulis merupakan sub-topik yang terkandung dalam Sukatan bahasa Arab yang digubal oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan wajib dijuasai bagi pelajar di Tingkatan 6 Atas Al-Khawarizmi sepanjang menduduki pengajian STPM dari semester 1 hingga semester 3. Pelajar

perlu menulis bagi menjawab soalan berkaitan kefahaman, penulisan esei dan tatabahasa Arab. Pelajar perlu mempelajari kemahiran menulis dan berupaya menulis dengan betul agar dapat lulus subjek ini dengan cemerlang. Sebagai guru mata pelajaran Bahasa Arab, saya mengambil berat penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar saya sama ada dalam sesi Pdpc mahu pun PdPr.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Mengimbas kembali semasa saya mengajar kemahiran menulis dan topik *Insya'* pelajar Tingkatan 6 Atas Al-Khawarizmi, adalah menjadi amalan saya merancang rancangan pelajaran harian untuk kemahiran menulis dengan jangkaan pembelajaran dapat disempurnakan dengan mudah dalam 40 minit waktu PdPr. Namun, saya rasa agak gusar apabila mendapati walaupun mereka telah berada di peringkat pra universiti, tahap penguasaan kemahiran menulis *Insya'* dalam kalangan pelajar ini masih kurang memberangsangkan. Mereka kurang aktif untuk menulis dan menghantar karangan. Hanya beberapa orang yang memberi respon dan Kerjasama ketika diminta menulis. Saya lihat seolah-olah mereka kurang minat menulis. Walaupun mereka mempunyai asas bahasa Arab peringkat SPM, namun kemahiran menulis masih belum memuaskan.

Ketika ditanya mengenai kemampuan menulis Arab dalam bentuk tulisan, antara jawapan daripada mereka adalah :

> *" Saya memang sangat suka menulis bahasa Arab. Tahap sederhana kerana ketika ingin tulis, saya banyak point, tapi nk letak ayat bagi betul....." Pelajar 1*
>
> *"Sukarnya nak letak ayat tu dalam bahasa Arab. " Pelajar 2*
>
> *"Saya suka menulis bahasa Arab" Pelajar 3*
>
> *"Kemahiran menulis bahasa Arab saya masih rendah..." Pelajar 5*
>
> *" Saya boleh tulis tapi tak tahu betul ke tak..." Pelajar 8*

Apabila diteliti skrip jawapan mereka, saya dapat mengesahkan bahawa mereka mengalami masalah untuk menulis. Melalui pemerhatian semasa PdPr dalam kelas pula, pelajar ini sebenarnya amat pasif semasa PdPr dijalankan. Pada musim pandemik covid-19, dirasakan amat mencabar.

Ketika sesi penerangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini, saya menggunakan *google meet* secara lisan untuk menyampaikan isi pelajaran. Sekali sekala diselangi dengan aktiviti soal jawab berdasarkan buku latihan. Saya juga meminta pelajar menulis dan menghantar tugasan melalui *whatssap* atau telegram. Kaedah ini telah menyebabkan sesetengah pelajar tidak melengkapkan tugasan yang diminta oleh guru. Ini kerana pelajar bersifat pasif iaitu kurang melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran secara *'hands-on'.* Sekiranya penambahbaikan pengajaran tidak dilakukan, saya hampir pasti pelajar kelas ini tidak akan dapat menjawab dengan baik soalan kemahiran menulis dan bagi kertas bahasa Arab Penggal 2 yang akhirnya akan menyebabkan kemerosotan nilai PNG sekolah saya.

Saya dapati penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan mereka adalah masih pada tahap lemah dan kemungkinan disebabkan oleh kekurangan aktiviti yang lebih bermakna semasa proses PdPr berlangsung. Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik merupakan suatu aspek yang penting dalam menyediakan PdP sesuatu mata pelajaran. Bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik bukan sahaja boleh digunakan oleh guru dalam proses

pengajaran tetapi boleh juga digunakan sendiri oleh pelajar atau masyarakat untuk mempelajari sesuatu terutama sekali pembelajaran bahasa kedua seperti bahasa Arab (Diyak Ulrahman, Muhammad dan Mohd Shafie, 2018).

Berdasarkan sikap pelajar dan kelemahan mereka dalam kemahiran menulis, saya mendapat idea bagi membantu pelajar menguasai kemahiran menulis melalui aplikasi PADLET. Adalah diharapkan dengan penggunaan PADLET, pelajar lebih aktif dan dapat menulis ayat biasa dan mudah. Ibrahim, Shing, Sharmeeze, Alias dan Dewitt (2014) menghujahkan penggunaan aplikasi seperti Padlet boleh digunakan untuk berinteraksi antara satu sama lain bagi tujuan pembelajaran. Hal ini sejajar dengan pendapat Lope Pihie dan Elias (2000) bahawa keupayaan mengingat melibatkan pendengaran hanya menyumbang 10 peratus dalam ingatan seseorang, sedangkan 50 peratus lagi daripada penglihatan dan 40 peratus lagi daripada pengalaman dan perbuatan.

Keistimewaan pembelajaran melalui Padlet ialah bahan pengajaran dan pembelajaran seperti teks, grafik, animasi, video dan pautan URL boleh disampaikan dan digunakan. Elemen-elemen tersebut sangat membantu murid dari segi pemahaman dan mengingat pelajaran dengan mudah.

Hal ini turut diperkukuhkan dengan pandangan Tathmainnul Qulub dan Shifa Fauziyah (2020), fungsi media Padlet dalam pembelajaran di antaranya adalah sebagai medium perbincangan kumpulan. Guru dan pelajar dapat mempamerkan hasil perbincangan mereka di dinding (wall) Padlet. Sebelum pelajar menghantar jawapan, guru meminta setiap kumpulan untuk menulis nama kumpulan agar mudah dikenalpasti. Kelas akan lebih aktif dan bersemangat, namun terkawal karena pelajar sibuk dengan Padlet.

Kajian Diyak Ulrahman, Muhammad dan Mohd Shafie (2018) yang dijalankan dalam kalangan pelajar yang mengikuti bahasa Arab di KUIS mendapati penggunaan Padlet.com sebagai BBM dalam pembelajaran bahasa Arab bagi keseluruhan pelajar berada pada tahap yang tinggi.

FOKUS KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian terhadap sepanjang Pdpr, saya mendapati tiga isu berikut iaitu:

1. Kurang latihan menulis
2. Tidak dapat menulis dengan baik.
3. Tidak menghantar tugasan menulis

Bagi mengumpul data kajian, saya telah menjalankan kaedah pemerhatian, analisis dokumen (INSYA') dan SOAL SELIDIK. Data analisis dokumen diperoleh melalui instrumen ujian bertulis 1 dan laporan ujian bertulis 2. Data pemerhatian pula diperoleh melalui instrumen pemerhatian tidak berstruktur sepanjang kajian dijalankan.

Saya rasa bertanggungjawab membantu pelajar menguasai kemahiran menulis. Saya yakin pelajar boleh menulis dengan betul, membina ayat yang tepat, jelas dan gramatis serta menulis dalam bahasa Arab dengan lebih baik. Hal ini seterusnya diharapkan akan dapat membantu menguasai isi pelajaran dan mereka lulus dengan baik dalam Kertas bahasa Arab STPM. Keadaan ini juga pasti akan meningkatkan nilai PNGK sekolah saya. Bertitik tolak dari itu, saya telah mendapat idea untuk menjadikan PADLET sebagai medium pembelajaran dalam kelas.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif berikut:

1. Meningkatkan penglibatan kemahiran menulis Bahasa Arab pelajar tingkatan enam al-khawarizmi melalui aplikasi Padlet.
2. Menambahbaik amalan pengajaran guru dalam meningkatkan penglibatan kemahiran menulis Bahasa Arab pelajar tingkatan enam al-khawarizmi melalui aplikasi Padlet.

Kajian yang dijalankan ini akan menjawab persoalan kajian yang berikut:
1. Bagaimanakah aplikasi Padlet meningkatkan penglibatan kemahiran menulis Bahasa Arab pelajar tingkatan enam al-khawarizmi?
2. Sejauhmanakah aplikasi Padlet menambahbaik amalan pengajaran guru dalam meningkatkan penglibatan kemahiran menulis Bahasa Arab pelajar tingkatan enam al-khawarizmi?

PESERTA KAJIAN

Lapan orang pelajar tingkatan 6 Al-Khawarizmi yang sedang menduduki semester 2 tahun 2020. Mereka terdiri daripada pelajar yang berpencapaian rendah dan sederhana semasa mempelajari bahasa Arab dalam kelas. Mereka juga pernah gagal dalam ujian sumatif yang dijalankan.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Kajian tindakan ini adalah berlandaskan pada model kajian tindakan Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) yang meliputi 1 kitaran dan mempunyai lima langkah iaitu mengenal pasti masalah, merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Proses tindakan model ini dapat dilihat melalui Rajah 1 berikut.



Rajah 1. Proses Kajian Tindakan adaptasi dari Lewin (946) dan Laidlaw (1992)

Oleh itu, saya menjalankan kajian ini bermula dari mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari topik *kemahiran menulis Insya'*. Seterusnya saya merancang tindakan yang akan dilaksanakan iaitu penggunaan PADLET dan bertindak melaksanakannya dalam sesi PdP. Saya mengutip data kajian dan memerhati bagaimana respon pelajar setelah kajian dilaksanakan. Akhir sekali saya mereflek dan menilai kembali kajian yang telah saya jalankan.

Mengenal pasti masalah

Saya menjalankan kajian ini bermula dari mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis berdasarkan analisis dokumen, temu bual berstruktur dan pemerhatian.

Sebelum langkah-langkah seterusnya diambil dalam menjalankan kajian ini, tinjauan terhadap masalah yang dikenalpasti telah dibuat bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam lagi masalah tersebut. Tinjauan dilakukan dengan mengadakan Ujian 1 *(Latihan Insya')* serta menganalisis dapatan ujian. Berdasarkan Jadual 1, seramai 8 orang pelajar memperoleh markah 4 ke bawah dalam ujian menulis ini.

Jadual 1. Markah Ujian 1 2021 Tingkatan 6 Atas (karangan)

Bil.	Nama	Markah Penuh 10
1	Pelajar 1	0.5
2	Pelajar 2	0.5
3	Pelajar 3	0
4	Pelajar 4	0.5
5	Pelajar 5	4
6	Pelajar 6	0.5
7	Pelajar 7	2
8	Pelajar 8	0
		Total : 8

Merancang Tindakan

Bertitik tolak daripada permasalahan pelajar dalam kemahiran menulis, saya merancang untuk memperkenalkan aktiviti yang dinamakan **Kaifa Tasyuruunal Yaum** (كيف تشعرون اليوم) (Bagaimana perasaan kamu hari ini) diikuti dengan aktiviti latihan yang diberi nama *Mufakkiratil Yaumiyyah.* Seterusnya disusuli dengan aktiviti *Kaifa Qodhaita Utlah Bidayah As Sanah Al Jadidah.*

Melaksanakan Tindakan

Seterusnya saya bertindak melaksanakan penggunaan aplikasi *Padlet* dalam sesi PdPc melalui tindakan berikut:

Tindakan 1: Kaifa Tasyuruunal Yaum (كيف تشعرون اليوم)

Aktiviti ini melibatkan penyediaan tapak Padlet untuk menulis ayat pendek. Aktiviti ini dijalankan sebanyak 2 sesi pdpr.

Langkah 1: Saya mengajukan soalan pendek setiap kali sesi pdpr dan minta pelajar tulis jawapan. Sesi ini memakan masa 10-15 minit. Saya menjalankan sesi ini sepanjang 4 minggu. Objektif supaya mereka berani menulis dan menyatakan keadaan yang mereka alami. Senelum itu, terlebih dahulu saya mengikuti pembelajaran kendiri secara dalam talian ajuran JPWPP. Saya membina akaun Padlet saya sendiri. Setelah selesai saya membina pautan untuk memudahkan pelajar menerima tugasan.

Langkah 2: Pelajar menulis apa yang mereka rasa pada hari berkenaan.

Langkah 3: Guru memberi maklum balas dan peneguhan.

Refleksi: Pada sesi 1, tidak semua pelajar menulis dalam tapak yang disediakan. Setelah ditanya mereka memaklumkan kerana tidak tahu nak tulis ayat. Saya perlu bagi contoh ayat kepada mereka. Saya memberi video cara menulis ayat. Rajah 2 dan rajah 3 berikut adalah hasil respon pelajar bagi aktiviti 1.



Rajah 2. Respon pelajar dalam aktiviti 1

Rajah 3. Respon pelajar dalam aktiviti 1

Tindakan 2: Mufakkiratil Yaumiyyah (مفكراتي اليومية)

Langkah 1: Guru minta pelajar buka akaun Padlet.

Langkah 2: Pelajar diminta menulis aktiviti yang telah dilakukan.

Langkah 3: Guru beri komen dan betulkan ayat pelajar.

Langkah 4: Guru beri pelajar galakan takwim menulis agar dapat menulis.

Langkah 5: Pelajar yang paling banyak menulis diberi ganjaran oleh guru.

Refleksi: Terdapat beberapa pelajar yang menghantar link. Saya menyemak dan memberi maklum balas berupa peneguhan. Manakala pelajar lain ada yang dpat menulis berkaitan isu semasa yang berlaku seperti PKP dan suntikan vaksin. Hal ini menggembirakan saya.

Namun masih ada yang tidak menghantar bila ditanya menjawab dia sukar menaip Bahasa Arab. Saya bagi kelonggaran dan alternatif menulis atas kertas dan upload dalam Padlet. Rajah 4 dan rajah 5 berikut adalah hasil penulisan pelajar.

Rajah 4. Contoh Penulisan Pelajar 4 Dalam Padlet

Rajah 5. Contoh Penulisan Pelajar 3 Dalam Padlet

Tindakan 3: Kaifa Qodhaita Utlah Bidayatil Aam Al Hijri Al Jadid (كيف قضيت عطلة بداية العام الهجري الجديد)

Aktiviti ini melibatkan penyediaan tapak Padlet untuk menulis ayat pendek. Aktiviti ini dijalankan pada satu sesi pdpr.

Langkah 1: Saya mengajukan soalan pendek pada sesi pdpr dan minta pelajar tulis jawapan. Sesi ini memakan masa 10-15 minit. Saya menjalankan sesi ini pada minggu keenam. Objektif supaya mereka berani menulis dan menyatakan keadaan yang mereka alami. Tambahan pula hari sebelumnya mareka baru saja cuti Awal Muharam.

Langkah 2: Pelajar menulis aktiviti yang mereka lakukan dalam ayat berbahasa Arab.

Langkah 3: Guru memberi maklum balas dan peneguhan.

Refleksi: Pada sesi ini, saya dapati semua pelajar menulis, malah ada yang menulis berkaitan isu semasa. Ada yang menulis walaupun terdapat kesalahan ejaan, tatabahasa dan sebagainya. Ini amat mengujakan saya.

Rajah 6 dan rajah 7 berikut adalah hasil kerja pelajar semasa aktiviti ketiga dijalankan.

Rajah 6. Aktiviti menulis



Rajah 7. Aktiviti menulis

Berdasarkan penulisan pelajar, saya dapati terdapat pelajar yang menulis tentang perkembangan semasa di Malaysia seperti dalam rajah 8 berikut.





Rajah 8. Aktiviti menulis sambil mengaitkan dengan perkembangan semasa

Memerhati

Saya melihat keterlibatan pelajar yang aktif dalam aktiviti pembelajaran hingga membolehkan mereka melakukan aktiviti kemahiran menulis daripada PADLET yang digunakan. Pada saya, PADLET telah dapat berfungsi dengan baik sebagai bahan bantu pembelajaran. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan respon pelajar serta kesungguhan mereka semasa aktiviti menulis menggunakan aplikasi PADLET.

Data Pemerhatian

Saya telah memerhati dan merekod maklumat berdasarkan bilangan penglibatan murid-murid dalam setiap aktiviti menggunakan aplikasi Padlet dengan menggunakan borang senarai semak pemerhatian. Kekerapan penglibatan mereka diperhatikan dan dicatat di dalam senarai semak pemerhatian. Jadual 2 berikut menunjukkan hasil dapatan senarai semak pemerhatian bagi aktiviti pertama iaitu aktiviti *"kaifa tasyuruan al yaum"*.

BIL	AKTIVITI	SENARAI MURID	YA/TIDAK
1	Murid menulis ayat ringkas bagi menjawab soalan guru bagaimankah perasaan kamu pada hari ini dalam tapak Padlet yang telah disediakan.	Pelajar 1	Ya
		Pelajar 2	Ya
		Pelajar 3	Ya
		Pelajar 4	Ya
		Pelajar 5	Ya
		Pelajar 6	Ya
		Pelajar 7	Ya
		Pelajar 8	Tidak

Jadual 2. Hasil dapatan senarai semak pemerhatian aktiviti 1 : *"kaifa tasyuruan al yaum"*.

Hasil daripada kajian yang dijalankan dalam aktiviti intervensi tahap 1, pada awalnya saya dapati tidak semua daripada kumpulan sasaran dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan. Namun penglibatan ini semakin bertambah pada minggu seterusnya.

Seterusnya, merujuk kepada Jadual 3 untuk melihat hasil dapatan senarai semak pemerhatian bagi aktiviti kedua iaitu aktiviti "*Mufakkiraatil yaumiyyah*".

BIL	AKTIVITI	SENARAI MURID	YA/TIDAK
1	Pelajar menulis ayat ringkas bagi menyatakan aktiviti yang telah	Pelajar 1	Ya
		Pelajar 2	Ya
		Pelajar 3	Ya

	mereka lakukan dalam tapak Padlet yang telah disediakan.	Pelajar 4	Ya
		Pelajar 5	Ya
		Pelajar 6	Ya
		Pelajar 7	Ya
		Pelajar 8	Tidak

Jadual 3. Hasil dapatan senarai semak pemerhatian Aktiviti 2 : Mufakkratil Yaumiyyah (مفكراتي اليومية)

Hasil daripada kajian yang dijalankan dalam aktiviti intervensi tahap 2, saya mendapati sebahagian besar murid daripada kumpulan sasaran dapat melakukan aktiviti yang dijalankan. Selanjutnya senarai semak pemerhatian bagi aktiviti ketiga iaitu aktiviti *"*Kaifa Qodhaita Utlah Bidayatil Aam Al Hijri Al Jadid (كيف قضيت عطلة بداية العام الهجري الجديد)" seperti dalam jadual 4 berikut.

BIL	AKTIVITI	SENARAI MURID	YA/TIDAK
1	Pelajar menulis ayat ringkas bagi menjawab soalan guru apakah aktiviti yang telah kamu lakukan pada cuti tahun baru hijrah dalam tapak Padlet yang telah disediakan.	Pelajar 1	Ya
		Pelajar 2	Ya
		Pelajar 3	Ya
		Pelajar 4	Ya
		Pelajar 5	Ya
		Pelajar 6	Ya
		Pelajar 7	Ya
		Pelajar 8	Ya

Jadual 4. Hasil dapatan senarai semak pemerhatian Aktiviti 3-""Kaifa Qodhaita Utlah Bidayatil Aam Al Hijri Al Jadid".

Hasil daripada kajian yang dijalankan dalam aktiviti intervensi 3, saya dapati semua daripada kumpulan sasaran dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan. Saya berasa amat gembira kerana sikap pelajar menjadi aktif.

Melalui pemerhatian separa berstruktur juga pelajar didapati bersungguh-sungguh menggunakan formula PADLET yang diberikan semasa mengikuti aktiviti pembelajaran. Kesungguhan ini saya terjemahkan sebagai bermotivasi, teruja dan rasa seronok untuk belajar terutamanya semasa menulis di tapak yang disediakan. Saya hanya berperanan sebagai pemudahcara. Secara tidak langsung memberi autonomi kepada pelajar dalam proses pembelajaran.

Mereflek

Sepanjang aktiviti dijalankan, saya sendiri merasa seronok apabila mendapati pelajar aktif dan kelihatan teruja untuk menjawab soalan. Walaupun pada peringkat awal tidak semua melibatkan diri, namun semakin banyak aktiviti dijalanakan, semakin meningkat penglibatan pelajar terhadap kemahiran menulis. Ini mengembirakan saya dan membuatkan saya rasa bersyukur kerana usaha yang dilakukan telah membuahkan hasil. Melalui aktiviti yang telah dijalankan sebanyak 3 sesi pengajaran dan pembelajaran, saya dapat merasakan pelajar lebih bersemangat untuk menulis. Sebahagian besar pelajar berusaha untuk menulis.

Pada minggu pertama, bagi aktiviti 1 iaitu "Kaifa Tasyuruunal Yaum", tidak semua pelajar melibatkan diri dalam aktiviti menulis dalam tapak Padlet yang disediakan. Setelah ditanya mereka memaklumkan kerana tidak tahu nak tulis ayat. Nampaknya saya perlu bagi contoh ayat kepada mereka. Saya menyediakan video cara menulis ayat dan berkongsi dengan mereka.

Sumber: Jurnal refleksi guru: 14 Julai, 2021

Pada minggu kedua, bagi aktiviti 2 iaitu mufakkiratil yaumiyyah, bilangan yang menghantar pautan tapak padlet semakin bertambah. Saya dapati mereka benar menulis aktiviti dan ada yang menulis perasaan yang dialami. Ada yang hantar mesej meminta maaf kerana bimbang ayat yang ditulis salah. Walaupun ayatnya agak berterabur dan sukar difahami, namun hal ini menggembirakan saya kerana menunjukkan perkembangan yang positif. Sekurang-kurangnya mereka mencuba. Pada minggu kedua bertambah kepada 2 orang.

Sumber: Jurnal refleksi guru 27 Julai 2021

Pada minggu keenam ketika saya menjalankan aktiviti ke 3, saya dapati semua pelajar menyertai aktiviti ini. Saya dapati mereka memberi respon yang cepat menulis aktiviti dan ada yang menulis berkaitan perkembangan semasa. Walaupun ada yang ayatnya agak berterabur dan sukar difahami, namun hal ini mengujakan saya kerana menunjukkan perkembangan yang positif. Mereka diberi ruang dan peluang untuk menulis dalam suasana santai dan menyeronokkan. Malah terdapat pelajar yang memberi respon dan komen kepada penulisan kawannya.

Sumber: Jurnal refleksi guru 10 Ogos 2021

Sebagai guru, saya percaya setiap pelajar berpotensi untuk aktif semasa Pdpr. Mereka akan terlibat dalam pembelajaran jika kena cara dan kaedahnya. Bagi meraikan tahap perbezaan individu yang pelbagai, saya perlu lebih kreatif, berinovasi dan bermotivasi dalam pengajaran.

Guru juga perlu lebih kreatif dan inovatif dalam memberikan yang terbaik kepada pelajar (Norhayati Che Hat, Shaferul Hafes Sha'ari, Mohd Fauzi Abdul Hamid, 2013). Mungkin sebelum ini bahan bantu mengajar serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang dipilih, kurang mendorong pelajar melibatkan diri dalam kemahiran menulis dengan aktif. Kajian ini menyedarkan saya perlunya sentiasa menambahbaik amalan pengajaran dan meneroka bahan bantu pengajaran serta teknik pembelajaran yang lebih sesuai diketengahkan dalam Pdpr bahasa Arab.

REFLEKSI KAJIAN

Sepanjang penggunaan Padlet, saya mendapati para pelajar lebih mudah untuk menulis. Mereka meberikan respon segera dalam bentuk penulisan. Tapak aplikasi Padlet yang menarik memudahkan pelajar untuk terlibat secara aktif di samping paparan yang boleh dilihat secara interaktif bersama-sama. Hal ini menimbulkan kegembiraan kepada saya kerana pelajar yang agak pasif sudah mula menulis dan menghasilkan apa yang ada dalam minda mereka. Saya juga berasa puas dan bersukur melihat keterujaan pelajar ketika aktiviti dijalankan. Saya dapat menambahbaik amalan pengajaran dengan aplikasi yang disediakan iaitu Padlet. Justeru, saya percaya guru perlu mempelbagaikan bahan pengajaran dan aktiviti dalam proses Pdpr. Saya

RUMUSAN

Daripada keseluruhan kajian yang dijalankan, didapati bahawa 2 persoalan kajian yang diketengahkan di awal kajian telah dapat dirungkai satu persatu berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan. Ternyata penggunaan PADLET yang mempunyai 5 langkah iaitu mengenal pasti masalah, merancang, bertindak, memerhati dan mereflek telah dapat meningkatkan penglibatan kemahiran pelajar menulis dalam bahasa Arab. Bagi mengatasi masalah ini, saya telah menggunakan aplikasi PADLET bagi menggalakkan penglibatan pelajar dalam kemahiran menulis. Kajian tindakan yang dijalankan ini walaupun hanya salah satu kemahiran dalam Bahasa Arab Penggal 2, diharapkan ia akan dapat memberikan manfaat yang berguna kepada guru-guru lain dalam perkongsian ilmu. Bagi kajian yang seterusnya, saya mencadangkan agar kajian yang sama dijalankan ke atas pelajar-pelajar tingkatan lima yang berpotensi untuk menyertai tingkatan enam tahun berikutnya. Selain itu kajian juga boleh dilaksanakan melibatkan teknik pembelajaran berpusatkan pelajar yang lain seperti kaedah bermain untuk topik-topik lain dalam subjek bahasa Arab. Semoga dengan pelbagai kaedah kajian akan dapat meningkatkan prestasi mata pelajaran bahasa Arab dan seterusnya akan dapat meningkatkan taraf pendidikan di negara ini.

RUJUKAN

Diyak Ulrahman Bin Mat Saad Muhammad Bin Hashimee Mohd Shafie Bin Zulkifli. (2018). Penggunaan Perisian Padlet.Com Dalam Meningkatkan Minat Pelajar Terhadap Bahasa Arab. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018.

Ibrahim, Z., Shing, N. K., Sharmeeze, Alias, N., & Dewitt, D. (2014). Pembangunan Modul PedagogiPembelajaran Berasaskan Padlet untuk Pelajar Pekak di IPT. In: Persidangan Kebangsaan Kurikulum Dan Teknologi Pengajaran, University of Malaya, 160-172.

Laidlaw, M. (1992). Action research: A guide for use on initial teacher education programmes. Retrieved from: http://www.actionresearch.net/moira.shtml.

Lewin, K. (1942/1951). Field theory and learning. In D. Cartwright (Ed.), Field theory in social science (pp. 60–86). New York: Harper & Row.

Lope Pihie dan Elias (2000)

Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman dan Khairul Anuar Bahrin. (2019). Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc) Guru-Guru Sekolah Rendah. Jurnal IPDA Bil. 26 (1), 1394-6218. Retrieved from http://myjms.moe.gov.my/index.php/ipda/article/view/8022.

Norhayati Che Hat, Shaferul Hafes Sha'ari, Mohd Fauzi Abdul Hamid. (2013). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Animasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab. Jurnal Teknologi. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Pusat Pembangunan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2018). *Buku Panduan Penyelidikan Tindakan.* Institut Pendidikan Guru Malaysia, Cyberjaya. eISBN: 978-967-1270-9-1.

Shamsina Shamsudin. (2013). *Panduan Pelaksanaan Kajian Tindakan di Sekolah*. Kuala Lumpur. Freemind Horizon Sdn. Bhd.

Tathmainnul Qulub dan Shifa Fauziyah Renhoat .(2020). Penggunaan Media Padlet Untuk Meningkatkan Keterampilan Menulis Teks Deskripsi. PROSIDING SAMASTA Seminar Nasional Bahasa dan Sastra Indonesia.

اكتساب مهارة الكلام باستخدام الأغاني والألعاب التواصلية في كتاب التيسير

Ahmed Muhamed Wafiq Othman
a.wafik65@gmail.com
Universiti Kebangsaan Malaysia - UKM

Mahani Mokhtar
mahanimokhtar21@gmail.com
International Islamic University of Malaysia (IIUM)

الملخص

مهارات التحدث هي إحدى المؤشرات المهمة لإتقان أي لغة بما في ذلك اللغة العربية. ومع ذلك ، فإن التمكن من هذه المهارات لا يزال في مستوى غير مرض بين طلاب المدارس الابتدائية. في كثير من الحالات ، وقد يتم إهمال هذه المهارات وعدم استخدامها بسبب وجود قيود على تعليمها بالإضافة إلى عدم وجود بيئة مواتية لممارستها.ومن ناحية أخرى، فإن معظم الكتب المدرسية المستخدمة في المدارس الابتدائية تركز على مهارات القراءة والكتابة. وتُترك مهارات التحدث إلى المعلم ليقوم في تنفيذها ويُبدع بها .لكن كتب التيسير في العربية تقدم الأغاني والألعاب التواصلية، لتكوين مهارات التحدث. وبذلك يصبح المعلمون ميسرين وموجهين فقط. وقد تم إجراء هذه الدراسة لمعرفة الأغاني والألعاب التواصلية المقدمة وكذلك كيفية استخدام تلك الأغاني والألعاب التواصلية لبناء مهارات التحدث. وطريقة البحث المستخدمة هي التحليل الوصفي. حيث وجدت الدراسة أن هناك 12اثنتا عشرة أغنية و 12 اثنتا عشرة لعبة تواصلية في كل كتاب من الكتب 1 و 2 و 3. وكلمات الأغاني تم تأليفها نتيجة خبرات المؤلف كما أن الألعاب التواصلية مقتبسة من ألعاب الأطفال التقليدية التي كانت شائعة منذ العصور القديمة.

الكلمات المفتاحية: مهارات التحدث ، التيسير في العربية ، الأغاني ، الألعاب التواصلية ، الاقتباسات

المقدمة

في الآونة الأخيرة ، شهد تعليم اللغة العربية وتعلُّمها في ماليزيا تطورًا وتقدمًا. بدءًا من النظام البسيط ، الذي يستخدم أساليب القواعد والترجمة،ويتم تطبيقه الآن في المدارس الحكومية والخاصة ، مع مجموعة متنوعة من الأساليب والتقنيات ، بما يتماشى مع التعلم في القرن الحادي والعشرين. ويعمل المعلمون ، سواء في المدارس الابتدائية أوالثانوية ، بجد من أجل ضمان جميع مهارات اللغة العربية التي يمكن للطلاب اكتسابها وتحقيقها.

عرض المشكلة:

إن مهارات تعلم وتعليم لغة ثانية أو لغة أجنبية هي أربعة و مهارة التحدث هي ثاني المهارات.، ويجب تعليم مهارة التحدث بشكل فعال في الفصل الدراسي لأن اللغة أقل سماعًا خارج الفصل الدراسي أو المدرسة أو في وسائل الإعلام أو في الأماكن العامة. وحتى الآن ، لا يزال إتقان مهارات التحدث بين طلاب المدارس الابتدائية في مستوى غير مرض. ويقضي العديد من المعلمين معظم وقت التعليم في الفصل مع مهارات القراءة والكتابة إلى درجة إهمال مهارات التحدث تقريبًا. وهناك أيضًا مدرسون يقومون بتدريس التحدث فقط من خلال إجراء التدريبات أو مطالبة الطلاب بحفظ الحوارات، وبعضهم يتحدث ويشرح باللغة الملايوية.

أهداف البحث

تم إجراء هذه الدراسة للنظر في:

. الأغاني والألعاب التواصلية الواردة في كتاب التيسير في العربية.

.كيفية استخدام هذه الأغاني والألعاب التواصلية لبناء مهارات التحدث.

مهارات التحدث

التحدث هو "عملية بناء ومشاركة المعنى من خلال استخدام الرموز اللفظية وغير اللفظية ، في مجموعة متنوعة من السياقات" (تشاني ، 1998 ، ص 13). ووفقًا لديفيد نونان (1991: 39) ، في منهجية تدريس اللغة ، "يعد التحدث أحد أهم جوانب تعلم لغة ثانية أو لغة أجنبية ، ويقاس النجاح من حيث القدرة على إجراء محادثات بهذه اللغة"

أكد ريتشارد (2008) أن مهارات التحدث والاستماع تعتبر مهمة في طرق تدريس اللغة الأجنبية في جميع برامج تعليم اللغة. وعلاوة على ذلك ، يقول المطيري وشكري (2016: 134): "عندما نتعلم لغة يجب أن نستمع أولاً ، وبنفس طريقة الاستماع نتحدث. وبعد ذلك يمكننا أن نتعلم الكتابة أو القراءة."

وفقًا لبراون (2001: 268) ، فإن التحدث لا يقتصر فقط على التعبير عن شيء ما شفهيًا ، ولكنه يشمل العديد من الجوانب الأخرى التي يجب أن يتقن الطلاب مهارات التحدث بها ، وهي النطق والطلاقة والدقة والمفردات. قال Chauday (1997: 22)أن التحدث يحتوي على العديد من العناصر التي يجب أن يأخذها المتحدث في الاعتبار ، وهي النطق والمفردات والطلاقة.

استخدام الأغاني في مهارات التحدث

كانت الأغاني جزءًا من الحضارة والثقافة الإنسانية منذ ظهور اللغة الأولى (ليفيتين ، 2008). يعرّف هورنبي (1995) الأغنية بأنها قصيدة قصيرة مدمجة مع الموسيقى وتهدف إلى الغناء. ويُعرّف راتناساري (2007) الأغنية بأنها عمل فني يهدف إلى أن تُغنى إما بمصاحبة آلة موسيقية أو بدونها. النحال (2011) يرى أغاني الأطفال على أنها "موسيقى وآلات وأغاني وقصائد ، وهي ليست رسائل أو كلمات عادية ولكنها تتكون من قصائد وتكرار وتركيبات محددة" (ص 18).

وفقًا لغريفي ، عند تقديم الأغاني ، فإن أول مهارة يتعلمها الأطفال هي الاستماع (1992 ، ص 69). والمهارة الثانية هي التحدث. بعد أن يسمع الأطفال الأغنية ، وبتلقائية سيحاول الأطفال الغناء.

Ajibade & Ndububa، (2008)؛ باوان (2008) ؛ يقول Contreras & Flores (2010) و Li (2009) إن تعلم لغة ثانية أو أجنبية باستخدام الأغاني يمكن أن يحسن الطلاقة بالإضافة إلى التحفيز والذاكرة والفهم. وفقًا لـ Green (Nelson and Son، 1986 (، فإن الإيقاع الموجود في كلمات الأغاني يساعد على تطوير طلاقة اللغة ، بينما تساعد الكلمات الإيقاعية الأطفال في التركيز على النطق والنطق الصحيح.

يمكن أن يؤدي التكرار الممتع للأصوات والتراكيب اللغوية من خلال استخدام الأغاني إلى تشجيع الطلاب على ممارسة اللغة الأجنبية خارج الفصل الدراسي (Murphey ، 1990 .(يُعتقد أن استخدام الأغاني يساعد في تعريف الأفراد بالأصوات وأنماط الإجهاد والإيقاع والمفردات والنغمات والتبادلات النحوية والمحادثة1999 Davanellos) ، ص 33.

يفهم بورسيل (1992) أن فوائد الأغنية كأداة تربوية يمكن تحليلها تحت الموضوعات التالية:

مهارات الاستماع ، ومهارات التحدث ، وممارسة المفردات ، وتركيب الجمل وأنماط الجملة.

ينص Lawtie (2004) على أن هناك ثلاث مشكلات تحدث غالبًا أثناء تعلم الكلام ، وهي:

. لا يريد الطلاب التحدث أو قول أي شيء لأنهم يخافون من ارتكاب الأخطاء أو لأنهم غير مهتمين.

.عندما يعمل الطلاب في أزواج أو مجموعات ، فإنهم يتحدثون فقط بلغتهم الخاصة

. عندما يتحدث جميع الطلاب ، سيكون الأمر صاخبًا لدرجة أن المعلم يفقد أحيانًا السيطرة على الفصل الدراسي.

يمكن حل جميع المشكلات الثلاثة المذكورة أعلاه باستخدام الأغاني في التعلم ، وذلك للأسباب التالية:

. لن يخاف الطلاب من ارتكاب الأخطاء لأن بنية الجملة في الأغنية كاملة

.لن يتحدث الطلاب بلغتهم أثناء الأنشطة المزدوجة لأن النص متاح بالفعل باللغة التي تتم دراستها.

.يمكن التحكم في الضوضاء من خلال مطالبة الطلاب التحدث بالتناوب .

ميزات الأغاني الجيدة:

وضع Curtain و Dahlberg (2004 ، ص 246) بعض المعايير لاختيار أغاني. وبحسبهم فإن أي أغنية يجب أن تحتوي على ما يلي:

.السيطرة على المفردات.

. اللغة السهلة والمناسبة لاستخدامها في الفصل.

. التحكم بالموسيقى. الموسيقى هادئة

.قافية بسيطة ومتكررة.

. عناوين الأغاني المتعلقة بتجارب الأطفال اليومية.

. العمل- الألعاب والأنشطة (لمستويات منخفضة).

. الكلمات التي تتكرر بين كلمات الأغنية.

أشار Aniko Debrecency ، 2015 إلى أن الأغنية عبارة عن مجموعة تحتوي على ثلاث ميزات مختلفة تتكون من 3 قوافي (Rima) R's: Rhyme ، والإيقاع (Irama) و .(Relevan) Relevancy القافية هي عندما ينتهي سطرين أو أكثر من قصيدة غنائية بنفس الصوت ، مما يسمح للمغني أو المستمع بتذكر الكلمات بسهولة أكبر (Butler & Newman ، 2008 .(قافية الكلمات المنطوقة ستحدد إيقاع الموسيقى. ذات الصلة هي عندما تدعم الأغنية التعلم في الفصل الدراسي ، بناءً على المناهج الدراسية في المدرسة أو الولاية .

إنَّ التكرار سيساعد الطلاب على تعلم الأغاني وحفظها ، سواء في الأغاني أو الألحان المتكررة ، أو في الغناء أو الاستماع عدة مرات (Setia et al.) ، 2012 ؛ Sevik ، 2012 .(ستؤدي إضافة المرئيات والرسومات ذات الصلة لإنشاء عروض تقديمية متعددة الوسائط لطلابك و بدورها تؤدي إلى تعزيز التعلم ، حيث تساعد الإشارات المرئية في الاحتفاظ بمعلومات أفضل والحصول عليهاGangwer) ، 2009؛Plotnik ، 2013، p. 2

.2012 ، Sung & Mayer؛2

و فيما يلي خصائص الأغنية الجيدة.

-.يحتوي على المفردات ذات الصلة والقائمة على المناهج الدراسية كما في كتاب التيسير.

.هناك تكرار في التركيز على الكلمة / الجملة.

. يوجد قافية في سطرين أو أكثر من كلمات الأغاني.

. تتعلق بتجارب الأطفال اليومية.

.تكرار الإيقاع أو اللحن.

.يحتوي على المرئيات والرسومات ذات الصلة.

لعبة وبناء مهارات التحدث:

توفر الألعاب ممارسة لغوية في مجموعة متنوعة من المهارات – التحدث والكتابة والاستماع والقراءة. تشجع هؤلاء الطلاب على التفاعل والتواصل وكذلك إنشاء سياق مفيد لاستخدام اللغة. (لي سو كيم "المنتدى" المجلد 33 العدد 1 ، يناير – مارس 1995 ، ص 35).

تساعد الألعاب أيضًا المعلمين في إنشاء سياقات تكون فيها اللغة مفيدة وذات مغزى. كما أن التفسير المفيد لـ "المعنى" يساعد الطلاب بالاستجابة للمحتوى بطريقة معينة. إذا كانوا مستمتعين أو غاضبين أو منجذبين أو مصدومين من المحتوى ، فمن الواضح أنه يعني شيئًا لهم. لذلك ، فإن معنى اللغة التي يسمعونها ويقرؤونها ويتحدثونها ويكتبونها وسيكونون أكثر خبرة وبالتالي يسهل تذكرهم. إذا تم قبول أن الألعاب يمكن أن توفر ممارسة لغوية مكثفة وذات مغزى ، فيجب اعتبارها مركزية في اجتماع المعلمين. لذلك ، لا ينبغي استخدامها فقط في أوقات الفراغ أو في نهاية المدرسة. (أندرو رايت وديفيد بيترريدج ومايكل باكبي ، مطبعة جامعة كامبريدج ، 1984).

تعتبر الألعاب المختارة جيدًا لا تقدر بثمن لأنها توفر الاسترخاء للطلاب وفي نفس الوقت تتيح للطلاب ممارسة المهارات اللغوية. علاوة على ذلك ، يستخدمون لغة مفيدة وذات مغزى في سياقات حقيقية. يمكن استخدامها لممارسة جميع المهارات اللغوية وتستخدم لممارسة العديد من أنواع الاتصال. تقدم اللعبة عذرًا معقولًا للتحدث حتى مع الأطفال الذين يرفضون. (لويس ، 1999) يأتي المزيد من الدعم من Zdybiewska (1994: 6) ، الذي يعتقد أن الألعاب طريقة جيدة لممارسة اللغة ، لأنها توفر نموذجًا لما سيستخدمه الطلاب في الحياة الواقعية في المستقبل.

يدعي S.M.Silvers (1982: 29) أن العديد من المعلمين غالبًا ما يتجاهلون حقيقة أنه يحدث التعلم الحقيقي في جو مريح ، ، ويستخدم الطلاب اللغة التي تعرضوا لها والتي تم ممارستها من قبل.

شدد Lee (1979: 3) بدوره على أن الألعاب "لا ينبغي اعتبارها أنشطة هامشية تملأ وقت الفراغ عندما لا يكون لدى المدرسين والفصول أي أنشطة" أفضل ". في الواقع ، يجب أن تكون الألعاب محور تعليم اللغة الأجنبية. توصي Rixon باستخدام الألعاب على جميع مستويات الدرس ، بشرط أن تكون مناسبة ومختارة بعناية.

يقترح كاميرون (2001: 72-73) أنه "يجب على المعلمين تقديم المزيد من الاستراتيجيات ، بما في ذلك الألعاب ، حتى يتمكن الطلاب من تطوير مهارات التحدث لديهم أثناء جلسات تعلم اللغة."

لتحقيق معظم الأهداف ، من المهم التأكد من اختيار اللعبة المناسبة. في كل مرة يتم تشغيل اللعبة ، فإن عدد الطلاب ومستوى الكفاءة والسياق الثقافي والوقت وموضوعات التعلم وإعداد الفصل الدراسي هي عوامل يجب أخذها في الاعتبار . (Nguyen Thi Thanh Huyen and Khuat Thi Thu Nga)، – "Asian EFL Journal"ديسمبر 2003.

وفقًا لجيل هادفيلد (1996: 4) ، فإن اللعب هو نشاط يحتوي على قواعد وأهداف وشيء من المرح. وهناك العديد من الأسباب التي تجعلهم قادرين على تحسين المهارات اللغوية للطلاب. أولاً ، تساعد المعلمين على إنشاء سياقات تكون فيها اللغة مفيدة وذات مغزى(Wright ، 1997

ويرغب الطلاب في المشاركة والقيام بهذا الشيء ولذلك يجب أن يفهموا ما يقوله أو يكتبه الآخرون ، ويجب عليهم التحدث أو الكتابة للتعبير عن آرائهم أو تقديم المعلومات. ثانيًا ، متعة اللعبة لا تقتصر على العمر.

يوضح Su Kim (1995: 35) أن اللعب هو إضافة مرحب بها إلى روتين فصل اللغة المعتاد ، فهو يحفز ويتحدى ويوفر ممارسة لغوية في مجموعة متنوعة من المهارات – التحدث والكتابة والاستماع والقراءة. يخلق سياقًا ذا مغزى للغة المستخدمة.

وبالمثل ، ينص Cruz (2008: 18) على أنه "أثناء ممارسة الألعاب اللغوية ، يمكن أن يتعرض الطلاب للتركيبات المستهدفة. ومع ذلك ، نظرًا لأن هذا يتم في سياق اللعبة ، فإنهم في حالة" الاسترخاء "وينسون أنهم تحت المراقبة ". عندما يشارك الطلاب في الألعاب اللغوية ، فإنه يسهل وظيفة التحدث دون طلب.

وفقًا لـ Dwiyanti (2009) ، فإن إحدى التقنيات المفيدة التي يمكنها تحسين مهارات التحدث هي الألعاب ، حيث تعد الألعاب من الأنشطة المحتملة التي تمنح الطلاب حرية التعبير.

ميزات لعبة جيدة:

وفقًا لتايسون (2000) ، يجب أن يكون :

. اكتساب اللغة أكثر من مجرد متعة.

.ينطوي على منافسة "ودية."

.إشراك جميع الطلاب.

.تشجيع الطلاب على التركيز على استخدام اللغة وليس على اللغة نفسها.

.توفير الفرص للطلاب لتعلم أو ممارسة أو دراسة مواد لغوية معينة.

الموجودات

وجدت الدراسة أن هناك 12 أغنية و 12 لعبة في كل كتاب تواصلي 1 و 2 و 3. كلمات الأغاني هي نتيجة تصميم لوحة المؤلف الخاصة ، بينما يعتمد الإيقاع على لحن الأغاني في الملايو و حضانة انجليزية مشهورة. الألعاب التواصلية مقتبسة من ألعاب الأطفال التقليدية التي كانت شائعة منذ العصور القديمة. هناك أيضًا ألعاب تستخدم البطاقات والنرد.

الهدف من الدراسة الأولى: ما هي الأغاني والألعاب التواصلية الواردة في كتاب التيسير في العربية؟

فيما يلي نتائج دراسة الكتب الثلاثة:

الكتاب الأول

تسلسل	اسم الأغنية	إيقاع الأغنية	الألعاب التواصلية
1	يا صديقي	Bangun pagi	Kerusi berirama
2	من؟	Bangun pagi	Tutup mata
3	من الغائب؟	Three blind mice	Menggunakan dadu
4	لو سمحت.	Three blind mice	Permainan kad
5	لو سمحت.	Twinkle twinkle little star	Permainan Happy Family

Teka apa saya?	This old man	ما هذا؟	6
Telefon rosak	London bridge is falling down	هل تقرأ معي؟	7
Menggunakan dadu	Bangun pagi	أيام الأسبوع	8
Kerusi berirama	Bangun pagi	يا صديقي	9
Baling bola dan lakonkan	London bridge is falling down	استمع	10
Teka dan lukis	Baa baa black sheep	ما لونه ما لونها؟	11
Ular dan tangga	10 little indians	ما عدده؟	12

الكتاب الثاني

Permainan komunikatif	**Irama lagu**	**Nama lagu**	**Bil**
Sebut cepat	London bridge is falling down	كيف حالك؟	1
Datuk harimau	Mulberry bush	متى الفطور؟	2
Cari jalan	Bangun pagi	كيف تذهب؟	3
Jambatan roboh	Rain rain go away	إلى اللقاء.	4
Kerusi berirama	Twinkle twinkle little star	من أين؟	5
Menggunakan kad	I am a little tea pot	غرفة المعلم	6
Police and thief	The farmer in the dell	من أين تشتري؟	7
Sebut dan undur	Rain rain go away	ما ذلك الشراب؟	8
Happy Family	ABC	كم عندك؟	9
Tunjuk dan kira	ABC	كم قطارا؟	10
Permainan jari	Mulberry Bush	كم ثمن الخبز؟	11
Permainan dam	One little finger	أشرب العصير.	12

الكتاب الثالث

Permainan komunikatif	**Irama lagu**	**Nama lagu**	**Bil**
Tanya dan jawab	Pukul berapa datuk harimau?	كم الساعة الآن؟	1
Kerusi berirama	The farmer in the dell	متى تستيقظ؟	2
Permainan kad	Selamat hari lahir	بارك الله لك.	3
Permainan kad	Air pasang pagi	كم عمرك؟	4
Tunjuk dan sebut	The farmer in the dell	هيا بنا نطبخ.	5
Happy family	Are you sleeping?	أين المطبخ؟	6
Teka dan tanya	Air pasang pagi	ما عمله وما عملها؟	7
Menggunakan bola	Row row your boat	من هو؟	8

9	لماذا تزور بستاننا؟	Papaku pulang dari kota	Dam ular
10	تلعب معي.	Papaku pulang dari kota	Jambatan roboh
11	هيا بنا نعد.	Papaku pulang dari kota	Permainan Monopoli
12	ماذا تريد؟	Twinkle twinkle little star	Kerusi berirama

الغرض من الدورة الثانية: كيف تستخدم هذه الأغاني وألعاب الاتصال لبناء مهاراتك؟

فيما يلي طرق لتعليم مهارات التحدث باستخدام الأغاني:

– قم بتشغيل الأغنية وأشر إلى جميع الطلاب للاستماع فقط.

– كرر الأغنية عدة مرات واطلب من جميع الطلاب الغناء معًا.

– اطلب من الطلاب الغناء مرة أخرى في مجموعات .

–اطلب من الطلاب تكرار الأغنية بشكل فردي.

– اطلب من التلاميذ إعادة الأغنية بتغيير الكلمة باللون الأحمر.

– .اطلب من الطلاب إجراء حوار باستخدام الجمل ذات الصلة.

بالنسبة للألعاب التواصلية ، توجد لعبة تواصلية في كل صفحة ، وهناك طريقة لتنفيذ اللعبة.

وفيما يلي مثال على لعبة:"Collapsed Bridge"

.قَسَّم الطلاب إلى عدة مجموعات.

.اذهب إلى كل مجموعة ، اختر اثنين من الطلاب وكذلك ارفع أيديهم واجمعهم فوق رؤوسهم لتشكل مثل الجسر.

.قم بتشغيل أغنية ووجه الطلاب الآخرين في المجموعة للسير تحت "الجسر" أثناء الغناء.

.بعد 3 أو 4 دقائق ، أوقف الأغنية واطلب من الطلاب التوقف عن الحركة. إرشاد الطلاب الذين هم الجسر إلى إنزال أيديهم و "الإمساك" بالطلاب الموجودين تحت "الجسر."

.اطلب من الطلاب الذين أصبحوا الجسر أن يسألوا الطلاب الذين تم القبض عليهم.

.اطلب من الطالب الذي تم القبض عليه أن يجيب.

.كرر الأنشطة من 3 إلى 6.

من الطريقتين المذكورتين أعلاه ، يتحدث الطلاب اللغة دون وعي من خلال الأغاني والألعاب. عند تكرارها عدة مرات وفي يوم آخر ، يمكن للطلاب إتقان مهارات التحدث التي سيتم تدريسها.

الخاتمة

من نتائج الدراسة ، تبين أن التيسير في العربية أنتج بنجاح أغانٍ وألعاب يمكن أن تساعد في بناء مهارات التحدث في المدارس الابتدائية. يعمل المعلمون فقط كموجهين وميسرين لتعليم وتعلم اللغة العربية. لا يتعين على المعلمين إنشاء كلمات الأغاني الخاصة بهم أو العثور على ألعاب مناسبة لتنفيذها في فصولهم الدراسية. هذا مفيد ومريح للغاية حيث لا يستطيع الجميع إنشاء كلمات مناسبة وتكييفها في اللحن أو الإيقاع.

مع توفر الأغاني والألعاب ، يمكن للمدرسين توفير وقتهم في التحضير للتدريس. سيشعرون أيضًا بثقة أكبر في التدريس.

المراجع

Arends, Richard (2008). *Learning to teach*. Jogjakarta : Pustaka pelajar

Bahrani, T. (2012). *How to Teach Speaking Skill.* Journal of Education and Practice. (www.iiste.org. Accessed on May 16th, 2014)

Brown, H. Douglas. (2001). *Teaching by Principle and Interactive Approach to Language Pedagogy*. New York: Longman Inc.

Cameron, Lynne (2001). *Teaching language to young learners*. Cambridge University Press

Chaney, A. L and F L. Burk. 1998. *Teaching Oral Communication. In Grades K:2005*. Boston: Allyn & Bacon

Curtain, H. I. and Dahlberg, C. A. (2004). *Language and Children: Making the Match*. New York: Wesley Publishing Company.

Debreceny, Aniko (2015). *Rhyme, rhythm, and the three r's: the creative process*. International Journal of Arts & Sciences,

Griffe, D.T. (2001). *Songs in Action*. Hertfordshire: Prentice Hall International.

Griffee, D. T. (1992). *Songs in Action*. London: Prentice Hall.

Georiou, Sophie Ioannou. (2010). *Using Song with Young Language Learner.*

Hadfield, J. (1984). *Elementary communication games*. London: Nelson.

Lawtie, Fiona. (2004). *Teaching Speaking Skills 2-Overcoming Classroom Problems.*TESL Journals. (www.teachingenglish.org.uk. Accessed: May 15th, 2014)

Lee Su Kim (1979). Forum. Vol. 33 No 1, Januari - Mac 1995, ms 35.

Levitin, Daniel J. (2008). *The World in Six Songs: How the Musical Brain Created Human Nature*

Lihui. (2011). *Improving Students' English Speaking Skill Through Content Based Instruction.* Unpublished Graduate Thesis. Surakarta: University of Sebelas Maret.

Millington, N. T. (2011). *Using songs effectively to teach English to Young Learners*. Language Education in Asia, *2* (1), 134-141.

Nguyen Thi Thanh Huyen, Khuat Thi Thu Nga. (2003). *Learning Vocabulary Through Games: The Effectiveness Of Learning Vocabulary Through Games*. Asian EFL Journal

Nunan, David. (1991). *Language Teaching Methodology: A text Book for Teachers*. New York: Prentice Hall International Ltd.

Nushruddin, Wakhid. (2013). *Understanding the Teaching of Listening and Speaking:* Understanding Students Need. Malang: State University of Malang Press

Orlava, N. F. (1997). Developing speech habits with the help of songs. *English Teaching Forum, 35* (3), 41-42.

Purcell, J. M. (1992). *Using songs to enrich the class*. *Hispania, 75* (1), 192-196.

Ratnasari, Henny. (*2007). Songs to Improve the Students' Achievement in. Pronouncing English Words*

Richards, Jack C. (2008). *Teaching Listening and Speaking from Theory to Practice.* New York: Cambridge University Press

Silvers, SM (1982).*Games for the classroom and the English-speaking club*. English Teaching Forum, 20, 2, pp. 29-33.

Sevik, Mustafa. *Teacher Views About Using Song in Teaching English to Young Learners*. Vol.6, No. 12, December 2011. Turkey

Ulviana. (2011). *Improving Students' Speaking Ability through Communication Games*. Unpublished Graduate Thesis. Jakarta: State Islamic University of Syarif Hidayatullah

Wright, A., Betteridge, D., & Buckby, M. (1984). *Games for language learning*. New York: Cambridge University Press.

Wright, A., Betteridge, D., & Buckby, M. (2005). *Games for language learning*. 3rd edition. New York: Cambridge University Press.
Zdybiewska, M.. (1994). One-hundred language games. Warszawa: wsip.

Pendekatan Al-Targhib Guru Praktikum Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan Al-Quran: Satu Tinjauan Awal

Johaibi Juhan
johaibi@ipgm.edu.my
Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali

Zainab Ismail
zainab@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Yusri Yusuf
dryusri@ipgm.edu.my
Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali

Shamsiah Daud
drshamsiah@ipgmksm.edu.my
IPG Kampus Sultan Mizan

Wan Mariana Wan Mohamad
wanmariana@ipgkdri.edu.my
Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali

Salma Endut
salma.endut@ipgm.edu.my
Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali

Zuhaida Abd Wahab
zuhaida.abdwahab@ipgm.edu.my
Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali

Rusliza Othman
rusliza.othman@gmail.com
IPG Kampus Batu Lintang, Sarawak

Ibrahim Fikri Abdullah
ibrahim.fikri@ipgm.edu.my
IPG Kampus Pulau Pinang

Ummikalsum Mat Lazim
ummikalsumlazim92@gmail.com
SMKA Arau

Mohd Tarmizi Shuib
madinahtoibah@gmail.com
SMKA Arau

ABSTRACT

The teaching and learning of al-Quran memorization in primary schools require the skills of Islamic education teachers in the efforts to deal with problems and management of classes in particular during practicum training in a professional and effective manner. However, the evaluation conducted by the Islamic education teachers at preschools in Klang area, on the

performance of surah memorization finds that only a fraction of pupils is able to memorize well. This indicates the needs for an approach proper in teaching and learning of memorization of al-Quran. Hence this paper intends to discuss and analyze the al-taghrib approach in the memorization of al-Quran in primary schools, beginning from preschool level. The data discussed in this paper are survey qualitative research obtained through document analysis. The data were analyzed via analysis descriptive approach which reveals that the al-taghrib approach is a form of encouragement, stimulation and motivation to a person to appreciate goodness and appeal to do pious deeds much so they do good deeds sincerely in the hope of gaining reward from Allah almighty alone. In the context of the learning and teaching of memorization of al-Quran in primary school, this study finds that the pupils who are often given motivation in the form of great rewards from Allah, praises, positive gestures from teachers as well as material gratification are found to successfully improve their achievement in Quranic memorization. The al-taghrib approach in the form of encouragement, stimulation and motivation to primary school pupils in the learning of memorizing al-Quran is an approach in da'wah that has enormous impacts predominantly in the process of producing rabbaniy and qur'aniy generation.
Keywords: al-taghrib approach, method of da'wah, motivation, rabbaniy, qur'aniy.

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran di sekolah rendah memerlukan kemahiran Guru Pendidikan Islam dalam usaha menangani masalah dan pengurusan kelas khususnya semasa menjalani latihan praktikum secara profesional dan berkesan. Bagaimanapun, penilaian yang dilakukan oleh Guru Pendidikan Islam di prasekolah kawasan Klang terhadap prestasi hafazan surah mendapati hanya sebahagian murid dapat menguasai kemahiran hafazan dengan baik. Ini bererti mereka memerlukan suatu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran. Oleh itu, makalah ini bertujuan membincang dan menganalisis pendekatan al-targhib dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran sekolah rendah bermula dari peringkat prasekolah. Data yang dibincang dalam makalah ini adalah data kajian tinjauan-kualitatif yang diperoleh melalui analisis dokumen. Data tersebut dianalisis melalui pendekatan analisis deskriptif. Hasil analisis menunjukkan pendekatan al-targhib merupakan suatu bentuk galakan, rangsangan dan motivasi kepada seseorang untuk melakukan dan mencintai kebaikan dan rayuan untuk melakukan amal soleh sehingga mereka melakukan sesuatu dengan ikhlas dengan harapan memperoleh imbalan atau pahala daripada Allah (s.w.t.). Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran sekolah rendah, kajian ini mendapati murid-murid yang sering diberi motivasi berbentuk imbalan pahala yang besar daripada Allah (s.w.t.), pujian, gerak badan yang positif daripada guru dan ganjaran berbentuk material didapati berjaya meningkatkan pencapaian mereka dalam hafazan al-Quran. Pendekatan al-targhib yang berbentuk galakan, rangsangan dan motivasi kepada murid-murid sekolah rendah dalam pendidikan hafazan al-Quran adalah suatu pendekatan dalam dakwah yang mempunyai impak yang sangat besar khususnya dalam proses melahirkan generasi rabbaniy dan qur'aniy.
Kata kunci: pendekatan al-targhib; metode dakwah; motivasi; rabbaniy; quraniy

PENDAHULUAN

Kanak-kanak perlu diasuh dan dididik sejak dari usia kecil lagi, kerana jiwa kanak-kanak semasa kecil masih suci dan bersih (Abdullah Nasih Ulwan 1990:jilid 1,182 & Tengku Sarina Aini 2006:87-89). Pendidikan yang utama yang perlu diberi kepada kanak-kanak ialah pendidikan al-Quran. Menurut Muhammad Nur (2010:330) dan Mariam Jamilah (t.th.:45-46), Imam al-Suyuthi, Ibn Khaldun dan Ibnu Sina amat mementingkan pengajaran al-Quran dan al-Sunnah terhadap kanak-kanak. Melalui pendidikan al-Quran, keyakinan aqidah dalam diri

kanak-kanak bahawa Allah (s.w.t.). adalah Tuhan mereka yang layak disembah dan al-Quran itu adalah kalam Allah (s.w.t.) dapat dimantapkan. Pendidikan awal al-Quran juga dapat meresapkan ruh dan cahaya penghayatan al-Quran ke dalam hati dan jiwa kanak-kanak. Menurut Mariam Jamilah (t.th.:45-46), ikatan kanak-kanak dengan al-Quran sejak kecil akan mendorong mereka membesar dalam keadaan mencintai al-Quran, melakukan apa yang diarahkan oleh al-Quran, menghindari larangan al-Quran, berakhlak dengan akhlak al-Quran dan berjalan di atas panduan al-Quran.

Dari segi perkembangan kognitif, kanak-kanak mempunyai kemampuan untuk menghafaz al-Quran kerana pemikiran mereka masih bersih dan kosong. Mohd Solleh (2011:xii) menyatakan bahawa menghafaz al-Quran bukan sesuatu yang mampu dicapai dengan mudah. Ia sama sekali tidak akan berjaya sekiranya usaha menghafaz al-Quran sekadar melepaskan batok di tangga. Menghafaz al-Quran yang mengandungi 114 surah, 30 juzuk, 604 mukasurat dan 6236 ayat memerlukan masa yang banyak, usaha yang berterusan dan keupayaan yang secukupnya (Mohd Solleh 2011:xii). Masruhan (2007:1&16) turut mengakui bahawa menghafaz al-Quran adalah suatu pekerjaan yang sangat berat disebabkan tanggungjawab menjaga hafazan sepanjang masa. Seorang hafiz mesti mengulangkaji hafazan dengan tertib sepanjang hidupnya.

Mohd Safri dan Berhanundin (2014:91) pula menegaskan kepentingan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran bagi membentuk pembangunan pentarbiyahan dan kerohanian kanak-kanak. Kecuaian keluarga dalam memberi penekanan terhadap kanak-kanak menghafaz al-Quran setelah tamat pengajian al-Quran menyebabkan kehidupan alam remajanya semakin jauh dari tuntutan dan ajaran Islam. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran kanak-kanak memerlukan tumpuan yang serius oleh pihak Guru Pendidikan Islam sekolah rendah sama ada semasa menjalani latihan praktikum mahupun selepas ditempatkan bertugas, dan bukan hanya semata-mata sekadar mahu menamatkan silibus yang telah ditetapkan.

Dalam sistem pendidikan negara, hafazan al-Quran telah dijadikan objektif dan standard pembelajaran sekolah rendah bermula dari peringkat prasekolah. Di peringkat prasekolah, kanak-kanak dididik untuk menghafaz beberapa surah dan melafazkan doa. Amalan ini berterusan hingga ke aliran perdana kerana ia berkait rapat dengan amali fardu ain bagi setiap Muslim seperti solat dan penerapan akhlak Islamiah dalam adab kehidupan Muslim sehari-hari. Fenomena ini menunjukkan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran sekolah rendah memerlukan kemahiran Guru Pendidikan Islam khususnya Guru Praktikum dalam menangani masalah dan pengurusan kelas secara profesional dan berkesan. Bagaimanapun, penilaian yang dilakukan oleh guru Pendidikan Islam di prasekolah kawasan Klang terhadap prestasi hafazan surah kanak-kanak mendapati hanya sebahagian murid dapat menguasai kemahiran hafazan dengan baik. Menurut rekod Norizah, Abu Bakar & Zaharah (2014:116), skala kadar yang terkandung dalam Pentaksiran Kanak-kanak Prasekolah Sekolah Kebangsaan menunjukkan antara 8.0 – 56.0 peratus murid berada dalam skala C (sederhana) dan D (perlu bimbingan) dalam aspek hafazan al-Quran yang terkandung dalam sukatan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Abu Bakar 2010). Ini bererti mereka memerlukan suatu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran.

Persoalannya ialah apakah pendekatan yang berupaya mengembalikan murid-murid sekolah rendah bermula dari peringkat prasekolah untuk mencapai prestasi yang cemerlang dalam hafazan al-Quran? Adakah murid-murid sekolah rendah perlu kepada pendekatan al-targhib dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran? Apakah pendekatan al-targhib dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran sekolah rendah? Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk membincang dan menganalisis pendekatan al-targhib guru praktikum Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran sekolah rendah. Justeru, kajian ini difokuskan kepada meneliti pendekatan al-targhib Guru Pendidikan Islam khususnya Guru Praktikum dalam pendidikan hafazan al-Quran sekolah rendah demi

mencapai matlamat penyemaian dan pengamalan nilai-nilai Islamiah seperti yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif. Reka bentuk kajian yang dipilih ialah kajian tinjauan-kualitatif. Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis dokumen. Manakala teknik penganalisisan data yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan analisis deskriptif.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan-kualitatif. Kajian tinjauan-kualitatif ini dipilih kerana ia dapat membantu penyelidik untuk meneroka data dan maklumat berkaitan pendekatan al-targhib secara kualitatif.

Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data melalui analisis dokumen. Analisis dokumen dibuat terhadap artikel jurnal, tesis, kertas kerja prosiding dan buku. Di samping itu, kajian ini mengumpul data dan maklumat kualitatif daripada al-Quran dan Hadith sebagai teras asas kepada teori pendekatan al-targhib dalam pendidikan hafazan al-Quran kanak-kanak.

Penganalisaan Data

Data dan maklumat kualitatif berkaitan pendekatan al-targhib dikumpul dari segi definisi, fungsi dan pendekatan. Data dan maklumat kualitatif tersebut disusun berasaskan prosedur analisis data kualitatif iaitu dengan melakukan koding secara umum, kemudian dikategorikan berasaskan tema utama dan sub-tema. Akhir sekali, tema utama dan sub-tema data yang berkaitan dengan pendekatan al-targhib dipilih sebelum ditulis sebagai penemuan kajian.

DEFINISI AL-TARGHIB

Ab. Aziz Mohd Zin (2001:164), Fariza Md. Sham (2005:116), Siti Labibah (2008:59) serta Mohd Khairul Nizam (2013:3) menerangkan al-targhib sebagai suatu galakan dan ransangan kepada manusia dalam bentuk ganjaran pahala dan balasan baik supaya mereka sentiasa berbuat baik dan meninggalkan segala larangan. Ia sangat sesuai dengan semua peringkat sasaran kerana boleh meninggalkan kesan yang baik untuk melakukan kebaikan. Siti Aziah (2014:7) membawakan definisi al-targhib menurut al-Mundhiri iaitu sebagai satu bentuk galakan, rangsangan dan motivasi kepada umat manusia agar mereka sentiasa mempertingkatkan ketaqwaan dan keperibadian mereka kepada Allah (s.w.t.). Al-targhib juga boleh diertikan sebagai janji-janji baik dan ganjaran pahala orang soleh.

Ahmad Asmadi & Mohd. Najib (2003:93-94), Khader et al. (2010:243) dan Siti Aziah (2014:14) menyatakan selain istilah al-targhib penggunaan istilah al-tabshir juga mempunyai konsep yang sama iaitu memberi galakan melakukan kebaikan dengan pengkhabaran gembira berdasarkan firman Allah dalam surah al-Nisa' 4:165 dan surah al-Ahzab 33:45-47. Mohamad Khairudin et al. (2014:124) menyatakan konsep al-tabsyir dalam al-Quran menurut Mohd. Yusoff dan Syed Bidin (2006) merujuk kepada pemberitahuan Allah (s.w.t.) kepada hamba-Nya mengenai ganjaran baik atau thawab disebabkan ketaatan kepada-Nya. Hanafi (2013) dan Mohamad Khairudin et al. (2014:124) menyatakan thawab membawa maksud pahala, upah,

balasan baik dan perihal menghadiahkan sesuatu kepada seseorang. Di dalam al-Quran, penggunaan istilah sawab ini banyak ditemui melalui perbincangan tentang balasan yang akan diterima oleh seseorang sama ada di dunia atau pun di akhirat berdasarkan amal perbuatan yang dilakukannya.

Daripada definisi di atas dapat dirumuskan bahawa al-targhib ialah dorongan untuk madcu melakukan kebaikan dengan balasan ganjaran yang disukai dan disenangi mereka.

FUNGSI AL-TARGHIB

Menurut Abd al-Karim Zaidan (2000:211) menyatakan pendekatan al-targhib mendorong manusia melakukan kebaikan dengan memberi kegembiraan tentang pahala yang akan didapati di hari akhirat. Mohamad Khairudin et al. (2014:124) menyatakan pendekatan al-targhib dalam tradisi Islam pula digunakan sebagai motivasi atau pujukan dan galakan kepada manusia untuk terus melakukan amal kebaikan (seperti galakan berbakti kepada ibu bapa) dengan diganjarkan syurga atau pahala setelah dihisab nanti (Bajuri et al. 2011; Budaiwi 2002; Syed Abdul Majid Ghouri 2012). Al-Syaibani yang diterjemahkan oleh Hasan Langgulung (1991), Armai (2000:38-39&2002) dan Mohamad Khairudin et al. (2014:124) menyatakan fungsi al-targhib adalah selari dengan peranan Pendidikan Islam itu sendiri iaitu dapat mengubah, mengekalkan atau menguatkan tingkah laku yang diingini. Ahmad Asmadi & Mohd Najib (2003:82), Fariza (2005:114-116) dan Siti Labibah (2008:58) turut mengakui pendekatan al-targhib mempunyai persamaan dengan pendekatan motivasi yang dapat membina sahsiah Islam melalui peneguhan tingkah laku untuk menghayati akidah tauhid, amalan syariat Islam dan berakhlak mulia. Menurut Muhammad Sacid Mursi (2003) pula al-targhib dapat mengekalkan dan meningkatkan lagi prestasi yang ditunjukkan oleh seseorang itu di samping berperanan sebagai motivasi kepada individu yang lain (Mohamad Khairudin et al. 2014:124).

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1990:jilid 1,558-560&jilid 2,203) dan Siti Aziah (2014:18), metode pendidikan dengan menggunakan uslub al-targhib (iaitu memberi dorongan dengan kata-kata yang baik atau memberikan hadiah) adalah amat penting dalam membina keperibadian, iman dan akhlak kanak-kanak. Jumcah Amin (1998:415) dan Siti Labibah (2008:61-62) menekankan bahawa pendekatan al-targhib dapat memberikan khabar gembira yang akan membuatkan hati sasaran dakwah menerima dengan baik dan lega. Dorongan ini akan menumbuhkan harapan dan optimisme seseorang untuk mengamalkan dakwah yang disampaikan.

Siti Labibah (2008:59) menyatkan metode al-targhib ini didapati hampir serupa dengan teori peneguhan positif (positive reinforcement) yang dikemukakan oleh ahli-ahli psikologi sebagai salah satu cara untuk modifikasi tingkah laku. Menurut Burrus Frederic Skinner (1904-1990) berkaitan teori galakan (Skinner's Reinforcement Theory), Mohd Khairul Nizam (2013:68), Mok Soon Sang (2004:511) dan Siti Labibah (2008:61) peneguhan positif ialah stimuli yang boleh menambahkan kebarangkalian berulangnya sesuatu tingkah laku operan seperti memberi pujian, penghargaan, hadiah dan sebagainya. Apabila sesuatu gerak balas operan diikuti dengan sesuatu peneguhan positif, seperti yang disebut oleh Thorndike sebagai sesuatu yang memuaskan, maka kebarangkalian gerak balas operan itu berlaku akan bertambah.

Ab. Aziz (2001:207) pula menjelaskan bahawa dengan menggunakan peneguhan positif, sasaran akan terangsang dan terpengaruh untuk melakukan sesuatu perkara yang baik yang disuruh berdasarkan balasan-balasan yang disukai. Menurut Mohd Amin (2001:91) ganjaran diberikan kepada seseorang kerana telah melakukan suatu perbuatan sebagai suatu insentif. Ganjaran ini tidak hanya terbatas kepada unsur material tetapi juga mencakupi cara bermuamalah seperti senyuman, pujian, penghargaan, sentuhan mesra dan seumpamanya untuk mempertingatkan motivasi pihak yang menerima insentif. Menurut Mohd Amin (2001: 92-93)

dan Siti Labibah (2008:61), Eales White berpendapat seseorang akan mudah dipengaruhi jika ditawarkan insentif yang mampu meransang emosinya.

Daripada fungsi yang telah disebutkan, dapat dirumuskan bahawa al-targhib dapat menggesa ketaatan kepada Allah dan mendorong pembinaan syakhsiah diri yang mulia.

PENDEKATAN AL-TARGHIB DALAM PENDIDIKAN

Mohd. Khairul Nizam (2013:44&59) membahagikan pendekatan al-targhib kepada dua iaitu dorongan yang bersifat duniawi dan ukhrawi. Mohamad Khairudin et al. (2014:117) menyatakan tiga pendekatan al-tarhib iaitu secara verbal, material dan khalayak ramai. M. Ngalim Purwanto (2000:183) dan Sugito (2004:13) pula menyenaraikan lima pendekatan iaitu gerak badan positif pendidik, pujian, tugasan yang lebih mencabar, khalayak ramai dan berbentuk material.

Oleh itu, kajian ini mendapati terdapat empat pendekatan al-targhib yang boleh dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran kanak-kanak iaitu motivasi ganjaran kerohanian berbentuk keredaan Allah (s.w.t.), imbalan pahala yang besar dan kenikmatan syurga daripada Allah (s.w.t.); pujian; ganjaran berbentuk material; dan gerak badan yang positif daripada guru.

Motivasi Ganjaran Kerohanian Berbentuk Keredaan Allah, Imbalan Pahala Yang Besar dan Kenikmatan Syurga Daripada Allah s.w.t.

Syed Ahmad Tarmizi, Khairul Anuar dan Mohd Zohdi (2003:134-135), Ahmad Kamel (2006:48-49) serta Zulkifli al-Bakri (2013:51) menyatakan para sahabat membaca dan menghafaz al-Quran dengan bersungguh-sungguh demi menyahut seruan Allah (s.w.t.) yang menggalakkan hamba-Nya memperbanyak bacaan al-Quran dalam Surah Fatir 35: 29-30.
Mohd Solleh (2011:62,130-131) menyatakan Rasulullah (s.a.w.) juga memberikan motivasi dan galakan membaca al-Quran dengan ganjaran pahala yang bakal diperoleh melalui sabda baginda yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mascud:

> منْ قرأَ حرفًا من كتابِ اللهِ فله به حسنةٌ، والحسنةُ بعشرِ أمثالِها لا أقولُ : آلم حرفٌ، ولكنْ ألِفٌ حرفٌ ولامٌ حرفٌ، وميمٌ حرفٌ
>
> (Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi no.2835&2910. Hadis ini Hadis Sahih Gharib. Al-Baihaqi dalam Syucab al-Iman no.1983. Al-Suyuti, al-Jami' al-Shaghir, No. Hadis 311, Dhaif menurut Albani)
>
> Maksudnya: *Sesiapa yang membaca satu huruf Al-Quran maka baginya satu kebaikan. Satu kebaikan itu menyamai sepuluh pahala. Aku tidak bermaksud alif, lam, mim sebagai satu huruf tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf.*

Bahkan menurut Muhammad Nur (2010:334) dan Mohd Solleh (2011:18&63) Rasulullah (s.a.w.) menyebutkan secara khusus ganjaran pahala yang bakal diperolehi oleh ibu bapa yang mengajarkan al-Quran kepada anak.

Pujian

Masruhan (2007:62) dan Mohd Solleh (2011:14-18) menyatakan pula orang-orang yang bertungkus-lumus untuk menghabiskan masanya bagi menghafal al-Quran mendapat pujian Allah (s.w.t.). Mereka mendapat pelbagai penghormatan dan gelaran yang mulia misalnya sebagai pilihan Allah (Fatir 35:32), orang yang telah diberi ilmu (al-cAnkabut 29:45&49) dan penjaga keaslian al-Quran (al-Hijr 15:9). Syed Ahmad Tarmizi, Khairul Anuar dan Mohd

Zohdi (2003:135), Masruhan (2007:62), Mohd Solleh (2011:12-13, 94 & 99) serta Zulkifli al-Bakri (2013:52) menambah Rasulullah (s.a.w.) juga banyak memuji para sahabatnya yang membaca, memahami serta menghafaz al-Quran. Antara gelaran yang digunakan ialah gelaran Ahli Allah, Ahli al-Quran, Hamil al-Quran, Sahib al-Quran dan Qari' al-Quran.

Nor Rahayu (2015:87) menyatakan pujian terhadap kanak-kanak memberi kesan yang positif terhadap diri mereka. Malahan orang dewasa sendiri sangat suka dipuji. Syed Ahmad Tarmizi, Khairul Anuar dan Mohd Zohdi (2003:141) mengakui bahawa pujian guru kepada murid adalah faktor yang mendorong mereka agar lebih besungguh-sungguh dalam mengulangi tindakan tersebut. Kata-kata pujian dapat mempengaruhi perasaan kanak-kanak serta dapat mengubah sikap mereka. Menurut Anon (2012, jil 7, 157) dan Nor Rahayu (2015:88) pujian yang dikemukakan oleh Rasulullah (s.a.w.) dapat membangkitkan motivasi di dalam diri. Selain itu, dengan pujian juga akan membuatkan jiwa kanak-kanak tersebut menjadi periang dan mudah untuk didekati.

Di samping itu, Nabi Muhammad (s.a.w.). juga pernah menunjukkan suatu contoh pemberian ganjaran positif berbentuk penghargaan secara pujian kepada seorang sahabat yang merupakan penghafal al-Quran, iaitu Ubay bin Kacab dengan memuji dengan kata-kata yang positif dan menghargai beliau. Abu Shahbah (1992:353), Syed Ahmad Tarmizi, Khairul Anuar dan Mohd Zohdi (2003:136), Mohd Solleh (2011:104) serta Zulkifli al-Bakri (2013:52) menyatakan Rasululah (s.a.w.) memuji para sahabat yang dapat membaca al-Quran dengan baik sebagai rangsangan dan galakan supaya mereka terus membacanya. Rasulululllah pernah memuji kesempurnaan bacaan Abdullah bin Mascud dan menyuruh sahabat lain mempelajari darinya. Al-Kandahlawi (1993:jil. 4,67), Syed Ahmad Tarmizi, Khairul Anuar dan Mohd Zohdi (2003:136) mencatatkan Rasulullah (s.a.w.) juga pernah memuji Abu Musa al-Asycari kerana kemerduan suaranya ketika membaca al-Quran.

Menurut al-Nacmi (1994:241) dan Siti Aziah (2014:17), al-Qabisi (935M-1012M) mengatakan bahawa sanjungan atau galakan adalah salah satu pendekatan pendidikan di mana ia mempunyai kesan dalam mendorong seseorang pelajar untuk tekun sehingga mereka dihormati. Menurut al-Ghazali dan Siti Aziah (2014:18) semua perkara baik yang ditunjukkan oleh anak perlulah dipuji dan dianugerahkan dengan balasan yang baik kerana kelakuannya itu merupakan sesuatu yang bermanfaat. Mohamad Khairudin et al. (2014:117) mendapati penghargaan secara verbal ini diberikan oleh guru kepada pelajar yang telah selesai melakukan tasmic (memperdengarkan bacaan hafalan) semasa proses hafalan al-Quran berlangsung di dalam kelas. Amalan pemberian pujian diakui oleh para guru memberikan kesan yang baik dan mampu meningkatkan prestasi hafalan para pelajar.

Ganjaran Berbentuk Material

Nor Rahayu (2015:51-53) merekodkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) telah mengajar suatu kaedah untuk mencintai sesama manusia iaitu melalui pemberian hadiah yang merupakan kaedah umum yang ditonjolkan oleh Rasulullah (s.a.w.) dalam membina perasaan kanak-kanak. Pemberian hadiah mempunyai pengaruh yang baik terhadap semua jiwa manusia secara umum. Namun, pengaruhnya terhadap jiwa anak adalah jauh lebih besar. Selain itu, ia juga dapat memupuk kanak-kanak agar berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mecapai sesuatu kejayaan dan sentiasa menyiapkan diri dalam menghadapi cabaran.

Menurut Muhammad Uthman Najati (2008) dan Nor Rahayu (2015:51-53) pemberian hadiah atau bayaran upah yang diberikan secara langsung akan mempengaruhi psikologi yang bertindak sebagai motivasi dan galakan kepada mereka untuk berperilaku baik dan meningkatkan kualiti kerja dalam perkhidmatannya di samping mencapai kepuasan diri.

Menurut Mohamad Khairudin et al. (2014:116&118) pemberian peneguhan oleh pihak sekolah adalah mengikut zaman dan budaya masyarakat di Malaysia. Contohnya, pemberian

ganjaran positif kepada pelajar yang berjaya mencapai sasaran hafalan berbentuk hadiah termasuklah tasbih digital dan al-Quran digital yang menggunakan teknologi kepada pelajar yang berjaya menghafal penuh satu al-Quran. Imbuhan juga diberikan berbentuk kewangan, iaitu sebanyak RM10 daripada pihak sekolah kepada pelajar yang berjaya menghabiskan satu juzuk al-Quran dalam tempoh satu bulan. Selain itu, pemberian hadiah seperti buku, pen atau hadiah-hadiah kecil juga diberikan sebagai galakan kepada pejalar cemerlang untuk meneruskan hafalan. Penghargaan sebegini diakui oleh para penerima dapat merangsang mereka untuk menggiatkan lagi usaha, walaupun nilai material barangan adalah kecil. Pemberian ganjaran juga telah diberikan secara terbuka di hadapan guru dan pelajar. Penghargaan sebegini diakui oleh guru sangat membantu meningkatkan keyakinan diri pelajar yang terlibat dan mendorong semangat pelajar-pelajar yang lain untuk bersaing mencapai sasaran hafalan yang telah ditetapkan.

Gerak Badan Yang Positif Daripada Guru

Sumaiyah (2011:31&34) melaporkan dapatan kajian Zuria (2007), Abdull Sukor (2008:1), Mehrabian (1971) dan Raja Sulaiman & Hafliza (2008) bahawa guru yang berkesan adalah guru yang ceria, mudah tersenyum dan mudah mesra serta pelbagai kedudukan vokal dan tubuh santai yang akan mencipta kedekatan fizikal dan psikologi antara guru dan pelajar. Mohd Amin (2001:91) dan Siti Labibah (2008:61) menyatakan dorongan bukan berunsurkan material mencakupi senyuman dan sentuhan mesra. Anggukan guru, isyarat tangan membenarkan jawapan pelajar dan sentuhan yang dibenarkan juga boleh dianggap sebagai sebahagian daripada pendekatan al-targhib.

Daripada pendekatan yang telah disebutkan, dapat dirumuskan bahawa pendekatan al-targhib dalam pendidikan dapat dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu secara verbal yang merangkumi motivasi ganjaran kerohanian dan pujian; secara material dan isyarat yang positif daripada pendidik.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HAFAZAN AL-QURAN SEKOLAH RENDAH BERASASKAN PENDEKATAN AL-TARGHIB

Menurut al-Nacmi (1994) dan Mohd Faisal (2007:38), al-Qabisi menyatakan Pendidikan al-Quran merupakan satu mata pelajaran yang asas bagi pendidikan di peringkat rendah. Pendidikan al-Quran yang merangkumi bidang hafazan perlu didedahkan dari peringkat awal kanak-kanak lagi supaya penbinaan jati diri Islam dapat dibina dan dipupuk dalam mendidik anak-anak.

Pandangan-pandangan ini juga disokong oleh tokoh-tokoh pendidikan negara. Sebagai contoh Abdul Halim el-Muhammady (1987) dan Syed Mohd Azmi et al. (2014: 65) mengeyorkan pendidikan al-Quran mesti dimulakan pada usia lima tahun sebelum mereka mengenali huruf dan hendaklah dibaca dengan talqin (drill) dan diajar menghafal tanpa diberi penjelasan maksud ayatnya atau diberikan maksudnya untuk sesetengah kenyataan. Hassan Langgulung (1985) pula menegaskan pendidikan al-Quran pada usia ini mampu menanam akidah Islam, keseronokan untuk melakukan ibadah dan petunjuk ke arah akhlak yang mulia dan jalan yang lurus kerana perkara tersebut terkandung pada al-Quran al-Karim.

Menurut Sedek dan Zulkifli (2015:ix), Mohd Safri dan Berhanundin (2014:97) serta Othman Muda (1995:9) menyatakan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran merupakan salah satu kaedah pemeliharaan al-Quran. Dalam proses penghafazan al-Quran metodologi merupakan perkara asas yang sangat penting perlu dititikberatkan. Hafalan diadakan dalam beberapa bentuk penerimaan bacaan. Pertamanya, “Talaqqi dan musyafahah” iaitu pelajar menerima daripada guru gaya bacaan al-Quran yang betul. Kedua, penghafalan.

Pelajar dibenarkan menghafal ayat yang telah diterima dengan betul sehingga ingat. Ketiga, tasmic (memperdengarkan hafalan) iaitu pelajar memperdengarkan hasil hafalan daripada ayat yang telah diterima secara talaqqi talaqqi dan musyafahah kepada guru.

Sedek & Zulkifli (2015:103) juga turut merumuskan sebanyak tiga rukun yang perlu ada dalam proses hafalan al-Quran. Rukun-rukun tersebut ialah pertama hafazan ayat-ayat al-Quran yang baru. Kedua, ulangan ayat-ayat yang baru dihafal. Ketiga, ulangan ayat-ayat yang telah lama dihafal.

Mohd Solleh (2011:232-233) mengingatkan sebaik-baiknya pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran dimulakan dengan surah yang mudah dan senang. Kebiasaannya guru akan menyuruh pelajarnya memulakan hafazannya bermula daripada akhir juzuk amma iaitu dimulakan daripada surah aal-Nas sehinggalah ke surah al-Naba'. Permulaan yang senang dan mudah akan mencetuskan semangat dan motivasi yang tinggi dalam diri untuk meneruskan usaha yang telah dimulakan.

Menurut Ainon (2004) dan Sumaiyah (2011:29) guru berperanan memupuk minat pelajar terhadap pelajaran yang diajarnya. Justeru guru perlu berusaha menjadikan sesi pengajarannya sesuatu yang menyeronokkan dengan aktiviti yang terancang, pendekatan yang sesuai bagi menarik dan mengekalkan minat mereka. Apabila pengajaran itu menyeronokkan, ia akan memupuk sikap pelajar yang positif terhadap pembelajaran walaupun kandungan pembelajaran itu susah.

Mohd Solleh (2011:42) menyatakan tanpa kaedah yang terancang dan bersesuaian, sesuatu yang diusahakan itu tidak mungkin sempurna hasilnya. Ia tidak boleh dilakukan secara semberono yang boleh mengakibatkan pengajaran dan pembelajaran yang membosankan dan tidak berkesan. Oleh yang demikian, pendekatan al-targhib termasuk kaedah penting untuk diketahui dan dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran kanak-kanak.

Sumaiyah (2011:33) menyatakan guru adalah pemimpin rasmi dalam kelas, pencetus kesedaran berkumpulan, pembentuk identiti dan menjadi model rujukan, kesemua ini bermaksud guru sumber yang memberi motivasi kepada pelajar. Tegasnya, sebagai pemilik tingkahlaku pengaruh sosial, adalah menjadi tangungjawab guru untuk mencetuskan kesedaran pelajar terhadap pembelajaran dan menjadi agen berkesan sebagai pendorong secara aktif dalam pendidikan.

Mohd Safri dan Berhanundin (2014:99-101) merumuskan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran memerlukan metode awalan dalam pembentukan manhaj tarbiah diri iaitu:

a. Keikhlasan ketika membaca dengan mengharapkan keredaan Allah s.w.t dan kesucian hati (Zainordi, 1998:11; Masruhan, 2007:34; Mohd Solleh 2011:50-65 dan Mohd Khairul Nizam, 2013:41&61).
b. Sentiasa bermunajat kepada Allah s.w.t. dengan sepenuh hati (Zainordi, 1998:15).
c. Memelihara hati agar sentiasa memandang Allah s.w.t. di atas kekuasaanNya.
d. Menjadikan diri suci daripada kotoran termasuk kotoran hawa nafsu, jasad dan rohani.
e. Menghafaz dan mengulangi hafazan tanpa mengira tempat dan masa apabila digerakkan oleh kehendak hati.
f. Menjadikan ayat hafazan itu zikir harian.
g. Menjadikan ayat hafazan itu sebagai bacaan dalam solat.
h. Berkeupayaan memimpin orang lain dalam pengajian al-Quran.
i. Berbakat menjadi imam solat bersama masyarakat (Ahmad Hamdani, 2012 & Zulkifli al-Bakri, 2013:vii).

Mohd Safri dan Berhanundin (2014:99), Masruhan (2007:96) serta Ahmad Kamel (2006:47) meletakkan individu yang senantiasa membaca dan berusaha menghafal al-Quran sebagai ciri yang pertama sebagai ukuran keimanan dan penghayatan terhadap al-Quran dan

isi kandungannya kerana ia dapat menambah kebersihan jiwa, ketenangan, keimanan dan ketaqwaan kepada Allah serta membangun peribadi yang mulia.

Daripada pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran sekolah rendah berasaskan pendekatan al-targhib yang telah disebutkan, dapat dirumuskan bahawa pendekatan al-targhib dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran sekolah rendah adalah berasaskan kepada tiga pendekatan iaitu pertama, secara verbal yang merangkumi motivasi ganjaran kerohanian dan pujian; kedua, pemberian hadiah dan ketiga, isyarat yang positif daripada pendidik terhadap murid-murid yang dididik untuk terus meningkatkan prestasi hafazan al-Quran sekolah rendah.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa Pendidikan Islam adalah bertunjangkan kepada dua aspek yang utama iaitu berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Pendidikan al-Quran sangat penting diterapkan dalam diri setiap individu Muslim dan penerapannya perlu dilakukan seawal usia kanak-kanak lagi. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran perlu dilaksanakan dalam kondisi dan pendekatan yang terbaik demi menjamin penerimaan yang optimum di kalangan kanak-kanak. Pendekatan al-targhib dilihat sebagai suatu kaedah yang terbaik dalam membantu guru untuk membimbing hafazan al-Quran dengan lebih berkesan sekali gus dapat mendorong murid mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran yang disampaikan.

Hal ini menepati kajian Wan Mazwati dan Kumpulan Pengkaji Hadis Psikologi (2010:4) berkenaan kemajuan projek mendorong pelajar kelas corot berdasarkan kaedah dan teknik-teknik mendorong Nabi Muhammad (s.a.w.). Dapatan kajian menunjukkan peningkatan terhadap self-esteem pelajar, 'task interest/engagement', konsep kendiri akademik pelajar, motivasi untuk belajar dan peningkatan pencapaian akademik; serta penurunan dalam masalah disiplin dan 'classroom disruptive behaviors'. Beliau menambah banyak data-data yang diperolehi daripada guru-guru pengamal pendekatan al-targhib menunjukkan kesan positif bukan sahaja ke atas perubahan tingkah laku dan pencapaian akademik pelajar, bahkan juga memberi kesan yang positif ke atas guru pengamal pendekatan al-targhib itu sendiri. Dapatan kajian juga turut menunjukkan penurunan stress guru, guru lebih gembira mengajar dan bertemu dengan pelajar serta guru lebih dihormati dan disayangi oleh pelajar.

Hasil kajian Hj. Misnan dan Ahmad Sadadi (2003:157-158) menunjukkan bahawa pelajar cemerlang dalam hafazan ialah pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi. Hal ini disebabkan motivasi yang tinggi dapat menentukan kaedah belajar yang berkesan di kalangan mereka. Kaedah belajar yang berkesan pula dapat menentukan pencapaian yang cemerlang.

Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan al-targhib adalah suatu ilmu yang bersifat universal yang mampu diaplikasikan dalam setiap cabang ilmu dan bidang pendidikan termasuklah bidang pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran kanak-kanak. Kajian ini juga dapat memberikan keyakinan kepada guru bahawa tidak ada yang mustahil dalam memberikan didikan yang terbaik dalam mendidik dan membimbing para pelajar terutamanya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran al-Quran dengan cara mencontohi kaedah yang ditunjukkan oleh Rasulullah (s.a.w.) Mengikat hati pelajar dengan akhlak dan dorongan yang baik adalah lebih berkesan daripada memberi respon negatif yang hanya menjauhkan pelajar daripada al-Quran. Kajian ini juga memberi ruang kepada para pelajar dalam meningkatkan keyakinan diri dengan merasai penghargaan dan layanan yang terbaik yang diberikan oleh para guru sekali gus dapat menguasai pendidikan hafazan al-Quran yang diberikan dengan sempurna.

KESIMPULAN

Sesungguhnya pendekatan al-targhib mesti dikuasai bukan sahaja oleh para pendakwah masa kini demi kelancaran dan kejayaan dakwah. Bahkan ia juga mesti dihayati dan diterapkan di alam pendidikan khususnya oleh para Guru Pendidikan Islam bermula semasa menjalani latihan praktikum dalam pendidikan hafazan al-Quran sekolah rendah. Pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran berasaskan pendekatan al-targhib merupakan langkah awal dan utama untuk murid-murid sekolah rendah mencintai, memahami dan menghayati kalam Ilahi. Murid-murid sekolah rendah yang menghafaz al-Quran secara langsung mendapat pentarbiyahan dalam aspek kerohanian. Ia menjadi sarana bagi melahirkan generasi ulul albab yang dicirikan dengan ciri-ciri quranik, ensaiklopedik dan ijtihadik.

IMPLIKASI

Implikasi daripada kajian ini menunjukkan pendekatan al-targhib yang berbentuk galakan, rangsangan dan motivasi kepada murid-murid sekolah rendah dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran adalah suatu pendekatan dalam pendidikan yang mempunyai impak yang sangat besar khususnya dalam proses melahirkan generasi qur'aniy yang bakal memimpin tranformasi ummah menjayakan wawasan duniawi. Apabila Quran terpahat di hati, setiap anggotanya tunduk akur pada arahan, perintah dan larangan al-Quran, setiap langkahnya tersusun mengikut rentak al-Quran, setiap tindak-tanduknya terbias daripada cahaya al-Quran dan setiap gerak hidupnya selari di atas landasan al-Quran. Sesungguhnya mereka itulah generasi rabbaniy yang menjadi aspirasi masyarakat madani menuju wawasan ukhrawi.

CADANGAN

Kajian ini terbatas kepada beberapa batasan dan boleh dilanjutkan dengan kajian-kajian seterusnya yang merangkumi aspek meluaskan bidang yang dikaji kepada bidang-bidang pendidikan yang lain. Kajian ini berbentuk deskriptif dan boleh diperluaskan dengan kajian bersifat lapangan, kuantitatif dan juga kualitatif melibatkan guru-guru yang mengajar Pendidikan al-Quran dan juga para pelajar. Kajian ini dapat dibuktikan keberkesanannya dengan melaksanakan ujian terhadap pencapaian murid-murid sekolah rendah dalam hafazan al-Quran.

RUJUKAN

al Qur'an.

Ab. Aziz Mohd. Zain. 2001. Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdul Halim el-Muhammady. 1987. Pendidikan al-Quran di Sekolah Rendah dan Menengah: Ke Arah Pembentukan Pandangan Hidup Muslim. Jurnal Pendidikan.

Abu Bakar Nordin. 2010. Pentaksiran Kanak-kanak Prasekolah Sekolah Kebangsaan: Kajian rintis. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Abu Shahbah, Muhammad bin Muhammad. 2001. al-Madkhal li Dirasat al-Quran al Karim. Beirut: Dar al-Jayl.

Ahmad Asmadi Sakat & Mohd Najib Abd. Kadir. 2003. Metode al-Targhib dan al-Tarhib dan Teori Motivasi Barat: Perlaksanaannya dalam Konteks Serantau dalam Zulkiple Abd. Ghani et al. (ed.). Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia. Bangi: Fakulti Pengajian Islam.

Ahmad Kamel Mohamed. 2006. Penghayatan al-Quran Dalam Kehidupan. Dalam A. M. Adnan Mohamed Yusoff, Isu Semasa Pengajian Quran Dan Sunnah (hlm. 41-55). Nilai: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Kolej Univesiti Islam Malaysia (KUIM).

Ahmad Mohd. Salleh. 1997. Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Ahmad Shalaby, Prof. Dr. 1976. Sejarah Pendidikan Islam (Tarikh al-Tarbiyah al-Islamiyah). Prof H Muchtar Jahja & Drs M Sanusi Latief (terj.). Singapura: Pustaka Nasional.

Ainon Wazir. 2004. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Bahasa Arab Komunikasi: Satu Kajian Khusus Di SMKA Maahad Hamidiah Kajang Selangor. Bangi: Ketas Projek Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

al-Ghazali. t.t. Ihya' 'Ulum al-Din . Kaherah: al-Masyhad.

al-Kandahlawi, Muhammad Yusuf. 1993. Hayat al-Sihabah. Kaherah: Dar al-Hadis.

al-Mundhiri, Imam al-Hafiz Zaki al-Din Abd al-Azim Ibn Abd al-Qawiy. t.th. al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Syarif. jilid 1. Beirut: Dar al-Fikr.

al-Nacmy, Abdullah al-Amin. 1994. Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi. Mohd Ramzi Omar (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumy. 1991. Falsafah Pendidikan Islami. Hassan Langgulung (terj.) Shah Alam: Hizbi.

Anon. 2012. Ensiklopedia Nabi Muhammad (s.a.w.) Sebagai Pendidik. Jilid 7. Jakarta: PT Lentera Abadi.

Armai Arief. 2000. Pembaharuan Pendidikan Islam di Sumatera Barat: Studi Kasus Perstuan Guru Islam di Sumatera Barat. Tesis Phd IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta.

Armai Arief. 2002. Pengantar Ilmu dan Metodologi Pendidikan Islam. Jakarta: Ciputat Pers.

Fariza Md. Sham. 2005. Dakwah Kepada Remaja Yang Mengalami Tekanan Emosi: Kajian di Kajang Selangor Darul Ehsan. Tesis Phd. Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Hanafi Dollah, Abu Abdulah (ed.). 2013. Kamus Kontekstual Lengkap al-Khalil (Arab-Melayu). Kuala Lumpur: Pustaka Ilmiah al-Khalil.

Hassan Langgulung. 1995. Manusia dan Pendidikan: Suatu Analisa Psikologi dan Pendidikan. Jakarta: PT. Al-Husna Zikra.

Hassan Langgulung. 1985. Pendidikan dan Peradaban Islam. Jakarta: Pustaka al-Husan.

Hj. Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi Hafidz. 2003. Hubungan Antara Kaedah Menghafaz al-Quran Dengan Pencapaian Kursus Tahfiz wa al-Qiraat Pelajar Semester Empat dan Lima Di Maahad Tahfiz wa al-Qiraat Di Perak dalam A. Hameed et al. Isu Semasa Pengajian Quran Dan Sunnah Siri 1 (hlm. 145-160). Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Darul Quran dan Sunnah Kolej Universiti Islam Malaysia.

Ibn Khaldun. 2000. Muqaddimah Ibn Khaldun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. jtptiain-gdl-sl-2004-sugito3199-699-BAB2_319-9

Jumcah Amin Abdul Aziz. 1998. Fiqih Dakwah. Abdus Salam Masykur (terj.). Solo: Intermedia.

M. Ngalim Purwanto. 2000. Ilmu Pendidikan Teoritis dan Praktis. Bandung: Remaja Kosda Karya.

Mariam Jamilah Yusof (Terj.). (t.t.). Bagaimana Kita Mendidik Anak-Anak. Pokok Sena: Maahad Tarbiah Islamiah Derang.

Masruhan Kyai Choteb al-Hafez (Abu Mazaya al-Hafiz). (Cet. Ke-2 2007). Kaedah Mudah Dan Cepat Menghafaz al-Quran. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.

Mohamad Khairudin Bajuri et al. (Bil. 8 Jun 2014). Pendekatan Peneguhan Bagi Aktiviti Hafalan Al-Quran. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Universiti Sultan Zainal Abidin, 113-135.

Mohd Amin. 2001. Panduan Pendakwah Secara Praktikal. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.

Mohd Faisal Mohamed. 2007. Pendidikan al-Quran Dalam Pembinaan Generasi Hadhari dalam Nik Azis Nik Pa, Rahimi Md. Saad & Ahmad Zabidi Abd. Razak . Isu-Isu Kritikal Dalam Pendidikan Islam & Pendidikan Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari (pp. 35-56). Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.

Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri. 2013. Motivasi Gaya Rasulullah. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Mohd Safri Ali dan Berhanundin Abdullah. 2014. Hafazan al-Quran Asas Pembangunan Tarbiyah dan Kerohanian Dalam Kalangan Pelajar dalam Ab. Aziz et al. (pny.). Isu Kontemporari Pendidikan al-Quran (hlm. 91-102). Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Mohd Solleh Ab. Razak. 2011. Sehingga al-Quran Terpahat di Hati. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang. 2004. Ilmu Pendidikan Untuk KPLI. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Muhammad Nur Abdul Hafizh Suwaid. 2010. Prophetic Parenting: Cara Nabi Muhammad (s.a.w.) Mendidik Anak. Dr. Farid Abdul Aziz Qurusy (terj.). Yogyakarta: Pro-U Media.

Muhammad Sacid Mursi. 2003. Melahirkan Anak Masya Allah: Sebuah Terobosan Baru Dunia Pendidikan Moden (Fan Tarbiyah al-Aulad fi al-Islam). Jakarta: Cendikia.

Muhammad Ustman Najati. 2008. Psikologi Rasulullah (s.a.w.). Yahya Nuryadi (terj.). Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin dan Zaharah Hussin. Januari 2014. Peningkatan Kemahiran Menghafaz Surah Dan Doa Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Pendekatan Berasaskan Teori Kederdasan Pelbagai. The Online Journal of Islamic Education Vol. 2 Issue 1, 114-129.

Nor Rahayu Mujahid. 2015. Pendekatan Rasulullah S.A.W. Dalam Berinteraksi Dengan Kanak-Kanak. Bangi: Tesis Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sedek Arifin & Zulkifli Mohd Yusoff. 2015. Metodologi Hafazan Al-Quran. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Siti Aziah Md Saaban. 2014. Metode Targhib Dan Tarhib Menurut Al Quran : Aplikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matapelajaran Pendidikan Islam Di Kalangan Guru Pendidikan Islam Daerah Shah Alam. Kuala Lumpur: Tesis Sarjana Usuluddin Universiti Malaya.

Siti Labibah Mohd Khailani. 2008. Pendekatan Psikologi Dakwah Terhadap Pemulihan Penagih Dadah : Kajian Di Pusat Serenti Dengkil Selangor Darul Ehsan. Bangi: Tesis Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Skinner, B.F. Recent Issues in the Analysis of Behavior, 5th Ed. Ohio: Merill Publishing Company, A Bell & Howell Information Company.

Skinner, B.F. 1976. About Behaviorism. New York: Vintage Books.

Skinner, B.F. 1987. Consensus dan Controversy, Edited by Sohan Modgil & Celia Modgil. London: Falmer Press.

Skinner, B.F. 1988. Beyond Freedom and Dignity. USA: Penguin Books.

Sumaiyah Sulaiman. 2011. Amalan Pengajaran Berasaskan Motivasi Guru Bahasa Arab Di Kolej Islam Sultan Alam Shah. Bangi: Tesis Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Islam.

Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, Khairul Anuar Muhammad dan Mohd Zohdi Mohd Amin. 2003. Tahfiz al-Quran : Sejarah dan Perkembangannya dalam Afaf et al. (ed.). Isu Semasa Pengajian Quran Dan Sunnah (hlm. 131-144). Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah KUIM.

Syed Mohd Azmi Syed Ab. Rahman et al. 2014. Program Pintar al-Quran (PQ) Kanak-Kanak

Tadika Kemas Ke Arah Pembentukan Generasi Celik al-Quran dalam Ab. Aziz Sulaiman (pny.). Isu Kontemporari Pendidikan al-Quran (hlm. 63-72). Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2006. Pengajaran Dan Pembelajaran Kanak-Kanak Dari Persepktif Islam dalam Nor Raudah Hj. Siren, Yusmini Md. Yusoff & Mahmudah Hj. Nawawi. Dakwah Islam Semasa Konsep dan Pelaksanaan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Wan Mazwati Wan Yusoff dan Kumpulan Pengkaji Hadis Psikologi. 2010. Bengkel Mendorong Pelajar Kelas Corot. Batu Caves: PTS COE Sdn.Bhd.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2013). Hebatnya Kuasa Hafazan. Batu Caves: PTS Islamika.

Kesediaan Siswa Pendidik Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Terhadap Revolusi Industri 4.0

Noor Habibah Kaderan
masbib@yahoo.com
IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi

Ali Imran Md. Shah
imimran79@gmail.com
IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi

Afandi Husain
afandihusain@gmail.com
IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi

ABSTRACT

The study aims to examine the readiness of IPG Islamic Education Campus educator students Towards the Industrial Revolution (RI) 4.0. The research method used is quantitative. The questionnaire used as a research instrument contains 37 items of knowledge level based on basic concepts, educator students' skills and their attitudes towards RI 4.0. The number of study samples was 324 randomly selected. The results showed that the reliability value of the instrument based on the Cronbach's Alpha Index is high, namely $\alpha = 0.964$. Findings of the study showed that the overall mean for Islamic Education Campus IPG Readiness towards RI 4.0 which covers basic knowledge, skills and attitudes of educator students is at a high level with a mean value is (mean = 3.80) while the standard deviation is (S.P = 0.4669). In addition, the study found that the construct of Student Knowledge Based on the Basic Concepts of RI 4.0 is also at a good level that is mean = 3.65 (S.P = 0.424). These findings show that the students of IPG Islamic Education Campus educators have a high level of knowledge of RI 4.0 and are able to meet the needs of the national education system, especially in a pandemic environment.

Keywords; Industrial revolution, willingness, skills, attitudes, educator students.

ABSTRAK

Kajian yang dilakukan bertujuan untuk mengkaji kesediaan siswa pendidik IPG Kampus Pendidikan Islam Terhadap Revolusi Industri (RI) 4.0. Kaedah kajian yang digunakan adalah secara kuantitatif. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian mengandungi 37 item tahap pengetahuan berdasarkan konsep asas,, kemahiran siswa pendidik dan sikap mereka terhadap RI 4.0. Bilangan sampel kajian adalah seramai 324 yang dipilih secara rawak. Hasil kajian menunjukkan nilai kebolehpercayaan instrumen berdasarkan Indeks Alpha Cronbach adalah tinggi iaitu α=0.964. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan bagi Kesediaan IPG Kampus Pendidikan Islam terhadap RI 4.0 yang meliputi pengetahuan asas, kemahiran dan sikap siswa pendidik adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai min adalah (min=3.80) manakala sisihan piawai adalah (S.P= 0.4669). Selain kajian mendapati konstruk Pengetahuan Pelajar Berdasarkan Konsep Asas RI 4.0 juga pada tahap yang baik iaitu min=3.65 (S.P=0.424). Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa siswa pendidik IPG Kampus Pendidikan Islam mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap RI 4.0 dan mampu memenuhi keperluan sistem Pendidikan negara terutama dalam suasana pandemik.

Kata Kunci: Revolusi industri, kesediaan, kemahiran, sikap, siswa pendidik.

PENDAHULUAN

Revolusi Industri 4.0 memerlukan Malaysia menyediakan modal insan bagi menghadapi cabaran teknologi baharu yang kompleks. Mahasiswa mesti lebih sedar dan merebut peluang bertatih selama tiga (3) hingga empat (4) tahun untuk mempersiapkan diri. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat positif dengan pelbagai kerangka untuk membolehkan persiapan dibuat sebaiknya. Mahasiswa termasuk siswa Institut Pendidikan Guru (IPG) perlu menguatkan usaha dan menggandakan kemahiran dalam bidang IT dengan berusaha bersungguh-sungguh mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran asas dalam segala aspek dalam mendepani Revolusi Industri 4.0 (Mohd. Noor, 2017). Namun, sistem pendidikan yang ada sekarang tidak berfungsi mengikut falsafah yang diasaskan dan sistem ini wajar ditukar kepada sistem yang lebih baik. Mahasiswa IPT dan IPT termasuk siswa pendidik IPG masih mempunyai sikap sambil 'lewa' terhadap ledakan RI 4.0. Mereka masih kurang berusaha untuk memperlengkapkan diri dari aspek kemahiran dan pengetahuan mereka dalam perkara ini sangat sedikit. Perkara ini perlu dilihat sebagai sesuatu yang perlu diambil perhatian yang serius oleh Kementeriaan Pendidikan Malaysia (KPM) amnya dan IPG khasnya bagi menghasilkan modal insan yang mantap dan cemerlang untuk menerajui sistem pendidikan pada masa hadapan (Dzulkifli, 2018)

Sejajar dengan perkembangan teknologi ini, KPM perlu menyediakan akses Internet dan persekitaran pembelajaran maya melalui 1BestariNet bagi kesemua 10,000 sekolah. Sekain itu, KPM juga perlu menambahkan kandungan dalam talian untuk perkongsian amalan terbaik bermula dengan perpustakaan video guru terbaik menyampaikan pengajaran dalam Sains, Matematik, Bahasa Malaysia, dan Bahasa Inggeris. Siswa Pendidik di IPG perlu bersedia untuk menempuh cabaran RI 4.0 dengan menyediakan sistem pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang tidak hanya tertumpu dalam bilik kuliah sahaja tetapi perlu dikembangkan menggunakan kaedah pembelajaran secara atas talian atau alam maya. Dalam RI 4.0, ekosistem pendidikan di KPM amnya dan IPG khasnya perlu dibangunkan dan diubah selari dengan ledakan Internet of Things (IoT) dalam semua aspek pembelajaran dan juga kehidupan siswa pendidik. Siswa pendidik boleh bertindak sebagai pelanggan yang mampu memilih dan mengatur program akademik, kaedah pembelajaran, subjek yang diambil dan pensyarah. Namun, faktor nilai dan kemanusiaan tidak harus dilupakan dan faktor ini diadaptasi mengikut kesesuaian masa dan keadaan. (Noor Habibah, 2018)

IPG perlu memaksimumkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar kendiri untuk memperluas akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran muridSetiap IPG perlu membangunkan Kursus dalam Talian Terbuka Secara Besar-besaran (MOOC) untuk kebanyakan subjek. Kaedah ini membolehkan subjek diajar bukan sahaja untuk siswa pendidik di IPG terbabit, bahkan boleh dikongsi dengan IPG lain di Malaysia dan juga IPTA dan IPTS dalam dan luar negara. Oleh itu, dalam konteks masyarakat Islam hari ini, kita perlu memajukan lagi peranan pendidikan Islam dalam membangun ummah secara besar-besaran. (Noor Habibah, 2018)

TINJAUAN PUSTAKA/METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menjawab tiga persoalan kajian iaitu, (1) Apakah Tahap Pengetahuan Pelajar Berdasarkan Konsep Asas RI 4.0 di IPG Kampus Pendidikan Islam. (2) Apakah Tahap Kemahiran Pelajar Berdasarkan Konsep Asas RI 4.0 di

Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. (3) Apakah Tahap Sikap Pelajar Berdasarkan Konsep Asas RI 4.0 di IPG Kampus Pendidikan Islam.

Kajian ini merupakan kajian diskriptif menggunakan kaedah kuantitatif bertujuan. Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian bagi memberi gambaran tentang kesediaan siswa pendidik IPG Kampus Pendidikan Islam terhadap RI 4.0 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1. Kerangka Konsep Kajian

Menurut Chua (2006), kaedah soal selidik pula mudah untuk mendapat maklumat-maklumat yang tepat yang diperlukan berdasarkan item soalan kajian. Soalan soal selidik dibentuk menggunakan Google Form dan diedar melalui aplikasi WhatsApp dan telegram kepada semua responden. Kaedah ini juga hanya memerlukan responden sendiri menanda jawapan di Google Form. Justeru, kaedah soal selidik ini mudah, cepat dan menjimatkan masa. Sampel kajian terdiri daripada siswa guru IPG Kampus Pendidikan Islam yang terdedah dengan pelbagai kaedah pembelajaran dalam talian semenjak pandemik covid 19 ini melanda. Dalam kajian ini, pensampelan yang digunakan ialah pensampelan rawak mudah Berdasarkan Chua (2006) yang menyatakan bahawa peratus (%) minimum bagi sampel sesuatu kajian adalah 30% sahaja dari populasi kajian. Justeru, Kajian ini telah melibatkan seramai 324 orang responden yang dipilih secara rawak bagi setiap kumpulan PPISMP dan PISMP, PDPP (PPC) PDPP (KDC).

Instrumen Kajian ini adalah satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian disediakan, iaitu Bahagian A: Demografi; Bahagian B: Pengetahuan Pelajar Berdasarkan Konsep Asas Revolusi Industri 4.0 (15 item) ; Bahagian C: Kemahiran Pelajar Terhadap RI 4.0 (16 item); Sikap Pelajar Terhadap RI 4.0 (16 item). Soal selidik ini menggunakan pengukuran Skala Likert 5, iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Kurang Pasti, Setuju dan Sangat Setuju untuk melihat kesediaan pelajar dalam 4IR

Kajian ini menggunakan skala Likert menggunakan 5 skala kerana menurut Rensis Likert (1932) mencadangkan bahawa indeks seharusnya dibina dengan menambahkan item-item yang berkaitan dengan suatu konsep. Nilai Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan Konstruk Kesediaan Pelajar terhadao RI 4.0. Data bagi kajian ini dianalisis dengan menggunakan analisis kebolehpercayaan Cronbach Alpha dengan perisian SPSS versi 20.0. Nilai Cronbach Alpha yang diperolehi ialah .96 Nilai kebolehpercayaan ini menunjukkan soal selidik tersebut adalah bagus dan boleh digunakan untuk kajian ini. Hal ini adalah kerana instrumen yang mempunyai

nilai pekali yang lebih daripada lapan dianggap mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi (Cohen, Manion & Morrison, 2007).

HASIL DAN PEMBAHASAN

Kesediaan siswa pendidik IPG Kampus Pendidikan Islam terhadap RI 4.0 sangat baik. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan terhadap kos penggunaan talian Internet, seramai 54.3% (176) responden menggunakan talian internet Pra Bayar (Prepaid) manakala 45.7% (148) menggunakan jenis talian internet Pasca Bayar (Postpaid). Selain itu, anggaran kos penggunaan talian internet dalam sebulan adalah antara RM50.00 – RM 100.00 (54.9%) manakala penggunaan kurang daripada RM50.00 adalah sebanyak 35.8%. Dapatan ini menunjukkan terdapat perkaitan antara pendapatan sebulan ibu bapa yang melebihi RM4,000 sebulan yang tinggi dan anggaran kos penggunaan talian internat bulanan respondan.

Jadual 1. Penggunaan Talian Internet

		(N=324)	(%)
Jenis talian internet yang gunakan	Pasca Bayar (Postpaid)	148	45.7
	Pra Bayar (Prepaid)	176	54.3
Anggaran kos penggunaan talian internet dalam sebulan	Kurang daripada RM 50.00	116	35.8
	RM 50.00 – RM 100.00	178	54.9
	Melebihi RM 100.00	30	9.3
Anggaran masa melayari internet untuk tujuan PdP sehari	Kurang daripada 1 jam	6	1.9
	1 hingga 2 jam	38	11.7
	3 hingga 5 jam	131	40.4
	Melebihi 5 jam	149	46.0

Selain itu, anggaran masa melayari Internet untuk tujuan PdP sehari adalah tinggi, iaitu yang melebihi lima jam sehari adalah sebanyak 46% (14). Sebanyak 40.4% (131) melayari Internet antara 3-5 jam sehari. Berdasarkan dapatan ini, dapat dirumuskan bahawa penggunaan Internet untuk tujuan PdP adalah sangat optimum dalam kalangan responden. Hal ini menunjukkan kesediaan siswa pendidik terhadap Revolusi 4IR adalah sangat baik dan mencapai matlamat yang digariskan. Walau bagaimanapun, terdapat 1.9% (6) dari responden yang melayari Internet kurang daripada 1 jam ekoran daripada masalah capaian Internet yang rendah dan pendapatan ibu bapa yang rendah, iaitu di bawah RM1,000 sebulan.

Pelbagai jenis aplikasi atas talian digunakan oleh responden semasa sesi PdP atas talian. Kajian mendapati penggunaan aplikasi tertinggi yang digunakan oleh respondan adalah aplikasi whatsapp, iaitu sebanyak 99.1% (321). Aplikasi whatsapp menjadi aplikasi yang popular digunakan oleh siswa guru dan juga pensyarah di IPG kampus Pendidikan Islam kerana majoriti daripada mereka mempunyai aplikasi tersebut dan ia mudah digunakan serta cepat.

Selain daripada aplikasi whatsapp, kajian menunjukkan aplikasi kedua popular yang digunakan adalah aplikasi Google Classroom, iaitu sebanyak 94.1% (305) respondan. Aplikasi Google classroom banyak digunakan selepas whatsapp kerana ia mudah untuk para pensyarah memberikan latihan. Kajian juga mnenunjukkan Telegram dan Google Meet juga banyak digunakan, iaitu masing-masing 83.6% (271) dan 53.7% (174). Selain itu, juga pelbagai

aplikasi lain digunakan oleh respondan antaranya Scooloogy (13.6%), Padlet (17.3%), facebook (17.6%), Zoom (24.7%), Skype (3.7%), Youtube (16.7%), Jamboard (3.4%), Email (26.2%), Blendspace (1.9%), Edmodo (1.5%), Discord (5.9%), Webex(0.9%), Google Handout (0.6). Kepelbagaian aplikasi yang digunakan oleh respanden menunjukkan bahawa mereka mampu menguasai Pdp sejajar dengan RI 4.0.

Jadual 2. Jenis Aplikasi atas talian.



Tahap Kesediaan Pelajar IPG Terhadap RI 4.0

Tahap Kesediaan Pelajar IPG terhadap RI 4.0 secara keseuruhannya adalah ditahap yang yang tinggi dimana nilai min adalah (min=3.80) dan sisihan piawai (S.P= 0.4669). Hal ini menunjukkan bahawa siswa pendidik IPG Kampus Pendidikan Islam sentiasa bersedia dalam suasana pandemik Covid 19 ini untuk menerima dan menempuhi RI 4.0 dengan pelbagai cara dan kaedah PdP atas talian.

Jadual 3. Nilai Min Dan Sisihan Piawai Kesediaan Pelajar Dalam 4IR

	Min	Sisihan Piawai
Kesediaan Pelajar Ipg Kampus Pendidikan Islam Terhadap Revolusi Industri 4.0	3.8009	.46687

Konstruk Sikap Pelajar Terhadap Revolusi Industri merupakan skor min yang paling tinggi iaitu, nilai min adalah (min=4.01) dan sisihan piawai (S.P=0.526). Hal ini menunjukkan bahawa siswa pendidik IPG Kampus Pendidikan Islam mempunyai sikap yang positif dalam mengharungi kehidupan mereka dengan norma yang baharu sekarang. Hasil kajian mendapati responden banyak melibatkan diri dalam sesi perbincangan melalui maya dan bersedia bila-bila masa untuk membentangkan hasil menggunakan teknologi maklumat.

Jadual 4. Nilai Min Dan Sisihan Piawai Berdasarkan Konstruk Kesediaan Pelajar Dalam 4IR

	Min	Sisihan Piawai
Pengetahuan Pelajar Berdasarkan Konsep Asas RI	3.6560	.42410
Kemahiran Pelajar Terhadap RI 4.0	3.7286	.60794
Sikap Pelajar Terhadap RI 4.0	4.0181	.52638

Kajian mendapati konstruk pengetahuan pelajar berdasarkan konsep asas RI 4.0 menunjukkan hasil yang sederhana namun masih pada tahap tinggi, iaitu nilai min adalah (min=3.65) dan sisihan piawai (S.P=0.424). Hal ini menunjukkan bahawa responden masih belum menguasai sepenuhnya pengetahuan tentang RI 4.0 kerana mereka masih belum mampu menerangkan berkenaan RI 4.0 kepada rakan-rakan dan keluarga walaupun mereka telah mendengar mengenai perkara ini daripada pelbagai sumber.

Tahap Pengetahuan Pelajar Berdasarkan Konsep Asas RI 4.0

Bagi menjawab persoalan yang kedua, iaitu Tahap Pengetahuan Pelajar Berdasarkan Konsep Asas RI 4.0 adalah pada tahap yang tinggi. (min 3.66) dan sisihan piawai (0.4241)

Jadual 5. Nilai Min Dan Sisihan Piawai Berdasarkan Pengetahuan Pelajar Berdasarkan Konsep Asas Revolusi Industri 4.0

Aspek Kesediaan	Min	Sisihan Piawai
Pengetahuan Pelajar Berdasarkan Konsep Asas Revolusi Industri 4.0	3.6560	.42410

Dapatan menunjukkan bahawa item 10, iaitu Saya akan menyemak semula langkah pelaksanaan tugasan dan amali sebelum membuat tugasan yang diberikan adalah pada tahap tertinggi, iaitu 28.1% responden bersetuju dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.11, sp=0.668). Selain itu, dapatan item 15, iaitu Saya berupaya mengabungkan ilmu pengetahuan yang diperolehi dari pensyarah untuk melaksanakan tugasan/amali juga berada pada tahap yang tinggi dengan 17.6% responden bersetuju, iaitu nilai purata min keseluruhan adalah (min = 3.96, sp=0.636). Kajian mendapati item 2, iaitu Saya boleh menerangkan berkenaan RI 4.0 kepada rakan-rakan dan keluarga adalah berada di tahap yang paling rendah hanya 1.9% responden bersetuju dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=2.98 dan sp=0.881). Analisis keseluruhan bagi hasil kajian yang diperolehi dapat dirujuk menerusi Jadual 4.0 di bawah:

Jadual 6. Peratusan, Nilai Min Dan Sisihan Piawai Item Pengetahuan Pelajar Berdasarkan Konsep Asas Revolusi Industri 4.0

Bil	**Item**	**Kekerapan dan Peratusan (N-324)**					**Min**	**SP**
		1	**2**	**3**	**4**	**5**		
1	**B1. Saya pernah mendengar berkenaan Revolusi Industri 4.0 (Big data,cloud computing, simulator dan lain-lain)**	12 3.7	16 4.9	104 32.1	132 40.7	60 18.5	3.65	.959
2		22	57	157	82	6	2.98	.881

Bil	Item	Kekerapan dan Peratusan (N-324)					Min	SP
		1	2	3	4	5		
	B2. Saya boleh menerangkan berkenaan Revolusi Industri 4.0 kepada rakan-rakan dan keluarga	6.8	17.6	48.5	25.3	1.9		
3	**B3. Saya boleh menyenaraikan pekerjaan-pekerjaan di era Revolusi Industri 4.0**	15 4.6	52 16.0	171 52.8	76 23.5	10 3.1	3.04	.839
4	**B4. Saya boleh menerapkan ilmu pengetahuan berkaitan teknologi maklumat yang diperolehi di IPG untuk diterapkan dalam PdP saya di sekolah nanti**	1 .3	3 .9	77 23.8	175 54.0	68 21.0	3.94	.715
5	**B5. Saya berupaya menyesuaikan pengetahuan teknologi maklumat yang dipelajari dengan tugasan/amali yang diberikan oleh pensyarah**		3 .9	81 25.0	181 55.9	59 18.2	3.91	.681
6	**B6. Saya boleh menyelesaikan masalah yang timbul ketika membuat kerja amali/tugasan dengan menggunakan aplikasi teknologi maklumat**		1 .3	98 30.2	175 54.0	50 15.4	3.84	.679
7	**B7. Saya akan mempertahankan idea yang saya kemukakan dalam setiap projek inovasi atau tugasan yang diberikan**	1 .3	4 1.2	104 32.1	184 56.8	31 9.6	3.74	.654
8	**B8. Saya suka mengkritik hasil kerja tugasan rakan saya jika diberi peluang**	23 7.1	35 10.8	183 56.5	72 22.2	11 3.4	3.04	.866
9	**B9. Saya bersedia memperbetulkan kesalahan yang dilakukan oleh rakan saya jika dia melakukan kesilapan dalam membuat tugasan**		7 2.2	70 21.6	181 55.9	66 20.4	3.94	.710
10	**B10. Saya akan menyemak semula langkah pelaksanaan tugasan/amali sebelum membuat tugasan yang diberikan**		1 .3	53 16.4	179 55.2	91 28.1	4.11	.668
11	**B11. Saya akan menulis semula langkah pelaksanaan setiap**	3 .9	9 2.8	116 35.8	146 45.1	50 15.4	3.71	.791

Bil	Item	Kekerapan dan Peratusan (N-324)					Min	SP
		1	2	3	4	5		
	tugasan/amali dalam buku catatan saya							
12	**B12. Saya akan menyusun kembali langkah pelaksanaan tugasan/amali jika didapati kurang bersesuaian**		4 1.2	76 23.5	181 55.9	63 19.4	3.94	.690
13	**B13. Saya suka mencipta inovasi baharu yang berkaitan dengan PdP pada bila-bila masa sahaja.**	2 .6	16 4.9	188 58.0	98 30.2	20 6.2	3.36	.702
14	**B14. Saya suka mengubahsuai kaedah PdP sedia ada mengikut kehendak semasa kurikulum**	1 .3	11 3.4	120 37.0	159 49.1	33 10.2	3.65	.720
15	**B15. Saya berupaya mengabungkan ilmu pengetahuan yang diperolehi dari pensyarah untuk melaksanakan tugasan/amali**		2 .6	66 20.4	199 61.4	57 17.6	3.96	.636

PERBINCANGAN

Dapatan kajian juga mendapati konstruk Pengetahuan Pelajar Berdasarkan Konsep Asas RI 4.0 min=3.65 (S.P=0.424) yang mempunyai nilai min sederhana, namun nilai ini masih pada tahap tinggi. Pengetahuan pelajar berdasarkan konsep asas Revolusi Industri 4.0 adalah sangat baik. Mereka sering mendengar berkenaan perkara ini termasuk BIG data, cloud computing, dan simulator. Selain itu mereka boleh menerapkan ilmu pengetahuan berkaitan teknologi maklumat yang diperolehi di IPG untuk diterapkan dalam PdP semasa di sekolah nanti. Kajian membuktikan bahawa mereka berupaya menyesuaikan pengetahuan teknologi maklumat yang dipelajari dengan tugasan atau amali yang diberikan oleh pensyarah dan boleh menyelesaikan masalah yang timbul ketika membuat kerja amali/tugasan dengan menggunakan aplikasi teknologi maklumat. Responden juga suka mencipta inovasi baharu yang berkaitan dengan PdP pada bila-bila masa sahaja. Sekiranya mereka memahami dengan teliti mereka boleh mengubah suai kaedah PdP sedia ada mengikut kehendak semasa kurikulum. Secara tidak langsung, siswa pendidik berupaya menggabungkan ilmu pengetahuan yang diperolehi dari pensyarah untuk melaksanakan tugasan atau amali yang diberikan oleh pensyarah

Kajian mendapati responden sentiasa positif dan bersetuju akan menyemak semula langkah pelaksanaan tugasan atau amali sebelum membuat tugasan yang diberikan mencatatkan skor min yang tertinggi, iaitu (min=4.11) dan sisihan piawai (S.P=0.668). Tahap amalan kepimpinan perubahan dalam kalangan responden juga pada tahap yang tinggi (min=3.65) menunjukkan bahawa mereka bersedia untuk menerima perubahan kepada RI 4.0. Sungguhpun begitu, terdapat responden yang masih tidak boleh menerangkan berkenaan

Revolusi Industri 4.0 kepada rakan-rakan dan keluarga. Nilai skor min adalah di tahap yang rendah, iaitu (min=2.98) dan sisihan piawai (S.P=0.881). Perubahan ini adalah masih baharu, dan pengetahuan siswa pendidik akan sentiasa meningkat sejajar dengan kepesatan teknologi pada masa kini.

KESIMPULAN

Siswa pendidik IPG Kampus Pendidikan Islam perlu berubah ke arah pemikiran yang lebih komprehensif dalam mendepani era RI 4.0. Mereka perlu mempersiapkan diri melalui pelbagai kaedah seiring berkemahiran menyelesaikan masalah dan mempunyai kemahiran sebagai pemimpin. Selain itu, mereka juga perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi,mempunyai kepintaran teknologi maklumat dan memiliki nilai integriti yang tinggi. IPGM perlu menyediakan modal insan terpuji dalam menghadapi cabaran teknologi baharu.

Selain itu, IPG Malaysia juga perlu peka dengan menyediakan kursus baharu yang sesuai pada era revolusi ini. Kaedah pembelajaran dalam talian merupakan satu aspek penting yang perlu diaplikasikan sejajar dengan perkembangan terkini. Semua pihak perlu menyediakan golongan muda yang mengambil kira pembinaan jati diri dan membina aplikasi pintar agar mereka dapat menguasai sepenuhnya perkembangan terkini seperti perbankan pintar. Siswa pendidik perlu sentiasa positif dan berusaha untuk menambahkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan mempunyai sikap yang terbuka terhadap RI 4.0 ini.

DAFTAR PUSTAKA

Chua Yan Piaw. 2006. Asas Statistik Penyelidikan. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). Research methods in education (6th Crawford, Joseph; Butler-Henderson

Nik Ali Mat Yunus. 2017. Program Bual Bicara Bersama Lembaga Pengarah UMT di Auditorium Mahyuddin UMT

Noor Habibah Kaderan, 2018. Peranan Mahasiswa Abad Ke-21 Dalam Mendepani Revolusi Industri 4.0. Jurnal Akademik : IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi.

Othman Ibrahim, 2017. Pengarah UTMCC, Prof. Temu bual di UTMCC Kampus Johor Bahru.

Mohd. Noor bin Omar. 2017. Cabaran Revolusi Industri 4.0. Kuala Lumpur

Dzulkifli Abdul Razak, 2018. Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Temubual di Universiti Sains Islam Malaysia.

Tschannen-Moran, M. and Gareis, C.R. (2014), “Principals’ sense of efficacy and trust”, paper to be presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, 12-16 April, San Diego, CA.

Kemahiran Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam

Norfarahin Mohd Zamri
farahinmohdzamri@gmail.com
Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Isa Hamzah
isa_hamzah@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Shahlan Surat
drshahlan@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

This study focuses on educational assessment change one of academic category in School Based Assessment (CBA) namely Classroom Assessment (PBD) assessment in Level 1 (Years 1, 2, and 3) Teaching and Learning (PdP) of primary schools based on the abolition of examinations in 2019 to Classroom Assessment (PBD) of KSSR Islamic Education curriculum (Revised 2017). Implementation of changes require integration among all parties in the school organization as implementers of the curriculum especially teachers. Teachers need to have high skills in implementing PBD based on one of the aspects of competence desired by the Ministry of Education Malaysia in the Malaysian Teacher Standards (SGM). The level of PBD skills in this study are based on the PBD flow such as planning, implementation, recording, follow -up action and reporting. This study involved 350 Islamic Education teachers in the state of Selangor by using a questionnaire as a research instrument and data were analyzed using SPSS version 21.0. The findings of the study showed that teachers' skills were at a high level (M = 4.02, SP = 0.698). The implications of this study show that Islamic Education teachers are able to implement PBD well through skills in all dimensions of the implementation of PBD Islamic Education curriculum.

Keywords: assessment skills; classroom assessment; educational changes; Islamic education curriculum

ABSTRAK

Kajian ini berfokus kepada perubahan pentaksiran dalam komponen akademik Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam KSSR (Semakan 2017) Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3) sekolah rendah berdasarkan pemansuhan peperiksaan pada tahun 2019. Pelaksanaan perubahan memerlukan kesepaduan di antara semua pihak dalam organisasi sekolah sebagai pelaksana kurikulum khususnya guru. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau tahap kemahiran guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan PBD. Kemahiran merupakan salah satu aspek kompetensi yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Standard Guru Malaysia (SGM). Kemahiran PBD dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada carta alir PBD iaitu perancangan, pelaksanaan, perekodan, tindakan susulan dan pelaporan. Kajian ini melibatkan 350 orang guru Pendidikan Islam dalam negeri Selangor dengan menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 21.0. Dapatan kajian menunjukkan kemahiran guru berada pada tahap yang tinggi (M=4.02, SP= 0.698). Ini menunjukkan guru Pendidikan Islam mampu melaksanakan PBD dengan baik melalui kemahiran dalam semua dimensi pelaksanaan PBD kurikulum Pendidikan Islam.

Kata Kunci: Kemahiran; pentaksiran bilik darjah; perubahan pentaksiran.

PENDAHULUAN

Perubahan pentaksiran pendidikan melalui penjajaran semula kurikulum dilaksanakan dengan keperluan pendidikan terkini di Malaysia. Perubahan ini merupakan usaha meningkatkan kualiti pembelajaran bagi meningkatkan keberhasilan murid bersaing di peringkat global. Pemansuhan peperiksaan murid Tahap 1 iaitu murid Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3 melalui Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bilangan 14 tahun 2018. Pemansuhan tersebut menekankan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) untuk menilai pencapaian pembelajaran murid dalam semua mata pelajaran termasuk Pendidikan Islam. PBD merupakan salah satu komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di bawah kategori akademik. PBD merupakan pentaksiran berterusan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi mendapatkan maklumat pencapaian pembelajaran murid.

PBD mula dilaksanakan pada tahun 2016 yang dikenali sebagai Pentaksiran Sekolah (PS). Berdasarkan kajian semula pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 memerlukan penambahbaikan dalam pentaksiran dari semasa ke semasa. PBD menetapkan Tahap Penguasaan (TP) yang perlu dicapai oleh murid seperti yang ditentukan dalam Standard Prestasi (SPi) dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) kurikulum Pendidikan Islam. Sh. Hauzimah (2019) guru perlu mempunyai kemahiran melaksanakan PBD dengan baik. Guru perlu melakukan pentaksiran dan melaksanakan PBD dengan merancang, melaksanakan, merekod, membuat tindakan susulan dan membuat laporan (KPM, 2019).

Pelaksanaan PBD Tahap 1 dilampirkan dalam Surat Siaran KPM Bilangan 14 dengan melaksanakan kaedah pentaksiran untuk mengetahui perkembangan pembelajaran murid dan tidak lagi berorientasikan peperiksaan.Guru digalakkan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan seterusnya membina sahsiah dan karakter murid dalam rutin harian. PBD juga melibatkan penglibatan ibu bapa dalam menyediakan pembelajaran kondusif dan bebas tekanan pada peringkat awal persekolahan. PBD Tahap 1 secara sumatif menggantikan peperiksaan pertengahan dan akhir tahun melalui beberapa aktiviti PBD yang sesuai dilaksanakan.

PENYATAAN MASALAH

Matlamat KSSR (Semakan 2017) ke arah keberhasilan corak pentaksiran di peringkat sekolah dan memerlukan komitmen guru dalam mencapai hasrat ini. Semasa proses PdP Pendidikan Islam, PBD yang dilaksanakan perlu sesuai dengan pencapaian atau pemahaman murid untuk memberikan maklumat hasil pembelajaran (Sh. Hauzimah, 2019; KPM, 2018). Mulai 2019, PBD dilaksanakan sepenuhnya dalam konteks KSSR murid Tahap 1 sekolah rendah. Dalam pelaksanaan PBD, guru memainkan peranan penting sebagai kumpulan yang akan mengupayakan proses PdP yang berkesan (KPM, 2018; KPM, 2019).

Namun, terdapat isu daripada aspek tahap kesediaan guru untuk menjalankan tugas membuat PBD. Berdasarkan kajian Aniza (2014), aspek kemahiran guru merupakan faktor utama dalam melaksanakan pentaksiran. Dapatan ini menunjukkan penguasaan kemahiran yang tinggi dalam pelaksanaan pentaksiran amat perlu bagi seorang pendidik seperti guru Pendidikan Islam. Dari segi kemahiran, guru masih tidak mempunyai keupayaan mentaksir penguasaan murid secara konsisten (Kalai 2020). Selain itu, terdapat guru mata pelajaran (Sh. Siti Hauzimah, 2019) dan guru Pendidikan Islam (Artika & Hasmadi, 2019) yang keliru dan belum bersedia melaksanakan PBD secara sepenuhnya.

Majoriti pengajaran guru masih secara sehala dan berpusatkan kepada guru (Noor Shamshinar et. al, 2018). Aktiviti yang dilaksanakan juga tidak dirancang dengan baik, tidak

mengikut keupayaan murid dan tidak mampu menarik perhatian murid semasa PdP dilaksanakan (KPM, 2013). Guru Pendidikan Islam juga masih mengamalkan kaedah pengajaran tradisional yang bersifat sehala (Ab. Halim et. al, 2012) iaitu menggunakan metod syarahan, hafalan fakta dan menyalin nota (Zuraidah, 2012; Noor Hisham, 2012).

Kajian secara khusus PBD dalam kurikulum Pendidikan Islam yang berfokus kepada PBD Pendidikan Islam Tahap 1 agak sedikit dan memerlukan kajian yang berkaitan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar Tahap 1 sekolah rendah tentang kesediaan dari segi kemahiran terhadap pelaksanaan PBD oleh KPM berdasarkan pemansuhan peperiksaan pertengan dan akhir tahun.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan yang berbentuk kajian kuantitatif melibatkan seramai 350 orang guru Pendidikan Islam dalam Negeri Selangor mengikut rumus Krecjie dan Morgan (1990). Kajian ini menggunakan instrument soal selidik kemahiran PBD guru Pendidikan Islam yang terdiri daripada lima dimensi iaitu perancangan, pelaksanaan, perekodan, tindakan susulan dan pelaporan. Instrumen ini telah dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan Buku Panduan Pentaksiran Bilik Darjah (KPM, 2018) dan adaptasi daripada kajian lepas (Aniza, 2014; Sh. Hauzimah, 2019). Instrumen kemahiran terdiri daripada 23 soalan yang terdiri daripada dimensi perancangan (4 soalan), pelaksanaan (6 soalan), perekodan (5 soalan), tindakan susulan (4 soalan) dan pelaporan (4 soalan).

Data soal selidik dianalisis secara deskriptif, iaitu mencari nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Soal selidik dianalisis menggunakan SPSS versi 21.0. Soal selidik dianalisis secara deskriptif sahaja. Skor min yang diperoleh dirujuk berdasarkan skala min Mohd Majid (2005) dengan tahap seperti 1.00- 2.66 (rendah), 2.67- 3.66 (sederhana) dan 3.67- 5.00 (tinggi).

DAPATAN KAJIAN

Bagi mengenal pasti tahap kemahiran guru Pendidikan Islam dalam PBD, dapatan deskriptif melibatkan peratusan, sisihan piawai dan min telah dianalisis seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1. Analisis Keseluruhan Tahap Kemahiran Guru dalam Pentaksiran Bilik Darjah

Dimensi Kemahiran Guru Pendidikan Islam	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
Perancangan PBD	4.06	0.699	Tinggi
Pelaksanaan PBD	4.10	0.699	Tinggi
Perekodan PBD	3.97	0.699	Tinggi
Tindakan Susulan	3.99	0.669	Tinggi
Pelaporan PBD	3.96	0.226	Tinggi
Keseluruhan	4.02	0.598	Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran guru dalam melaksanakan PBD Pendidikan Islam secara keseluruhan berada pada tahap tinggi. Min yang paling tinggi ialah kemahiran pelaksanaan PBD (M= 4.10, SP= 0.699) diikuti dengan perancangan PBD (M= 4.06, SP= 0.699), tindakan susulan PBD (M= 3.99, SP= 0.669), pelaporan PBD (M= 3.96, SP 0.226) dan yang paling rendah ialah perekodan PBD (M= 3.97, SP= 0.699). Ini menunjukkan bahawa guru mempunyai kemahiran yang paling rendah dalam merekodkan pencapaian murid dalam melaksanakan PBD.

Dapatan adalah berdasarkan persepsi guru terhadap item kemahiran dalam instrumen soal selidik. Kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Sh. Hauzimah (2018) dan Aniza (2014) yang menyatakan guru perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan PBD. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai kemahiran yang tinggi dalam semua aspek pelaksanaan PBD yang ditetapkan oleh KPM mengikut carta alir pelaksanaan PBD (KPM 2018).

Dari segi perancangan, guru mahir merancang PdP dan menentukan kaedah pentaksiran berdasarkan DSKP dan objektif pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid. Guru mahir menentukan kaedah pentaksiran yang terdiri daripada kaedah pemerhatian, lisan dan penulisan yang boleh dilaksanakan secara berasingan atau gabungan. Guru juga dilihat mempunyai kemahiran yang tinggi dalam membina instrumen pentaksiran Pendidikan Islam. Kajian ini juga menunjukkan guru Pendidikan Islam mempunyai tahap kemahiran tinggi dalam melaksanakan PdP dan pentaksiran. Guru dilihat mahir melaksanakan PBD secara berterusan dalam PdP dengan menggunakan kaedah PBD melalui pelbagai aktiviti. Kemahiran pelaksanaan PBD dapat membantu guru untuk memperoleh maklumat serta merta tentang pembelajaran murid, mengesan kebolehan, amalan dan sikap murid.

Kajian ini juga menunjukkan guru Pendidikan Islam mempunyai kemahiran tinggi dalam merekod dan menganalisis penguasaan murid secara sistematik, sentiasa dikemaskini dan mudah untuk diakses. Ini menunjukkan guru mahir dalam menganalisis dan mentafsir pencapaian murid samada memerlukan tindakan susulan dan pelaporan. Dari segi tindakan susulan pula dapatan kajian menunjukkan guru mahir melaksanakan tindakan susulan secara serta merta dalam PdP atau selepas PdP. Guru juga dilihat mampu menilai kemampuan nilai murid dalam pengajaran masing-masing dan mahir untuk mengenalpasti murid yang belum atau telah menguasai pembelajaran. Dalam dimensi ini, guru dilihat mahir memberi bimbingan kepada murid dan sentiasa memberi peluang kepada murid untuk mengukuhkan penguasaan murid dalam aspek pengetahuan, kemahiran serta nilai.

Bagi aspek pelaporan pula, guru dilihat sangat mahir melaporkan perkembangan pembelajaran murid secara lisan dan bertulis. Guru Pendidikan Islam mahir melaporkan Tahap Penguasaan (TP), menyatakan minat murid dan mahir mengisi template pelaporan Excel yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) KPM.

KESIMPULAN

Kajian ini merupakan kajian persepsi guru Pendidikan Islam yang mengajar Tahap 1 (Tahun 1,2, dan 3) di sekolah rendah dalam Negeri Selangor tentang kemahiran pelaksanaan PBD. Dapatan kajian ini hanya untuk Negeri Selangor sahaja dan generaslisasi tidak boleh dibuat untuk semua guru Pendidikan Islam yang mengajar Tahap 1 di seluruh Malaysia. Kajian ini telah berjaya mengesan kekuatan golongan guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan PBD dan merupakan antara kajian awal pelaksanaan PBD yang dilaksanakan sepenuhnya bermula pada tahun 2019. Kajian ini menunjukkan perubahan yang dilaksanakan oleh KPM mampu digalas dan dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam yang menjadi pelaksana kurikulum di peringkat sekolah. Kajian ini menunjukkan guru Pendidikan Islam perlu sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan kaedah dan aktiviti PdP dan pentaksiran kurikulum Pendidikan Islam agar proses pelaksanaan PBD secara berkesan seterusnya mampu mencapai hasrat perubahan pentaksiran dalam KSSR (Semakan 2017). Pelaksanaan PBD Pendidikan Islam secara berkesan dapat meningkatkan keberhasilan modal insan murid Islam sejajar dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jazmi. 2012. Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2((2), 53-63.

Aniza Ahmad. (2014). Pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) di sekolah menengah. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kalai Selvan Arumugham. (2020). Peranan Pengetua dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah: Kajian Kes Kepimpinan Pengetua Cemerlang. *Seminar Darulaman, IPG Kampus Darulaman.*

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2009). *Standard Guru Malaysia*. Bahagian Profesionalisme Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah, Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia. Bilangan 14/2018. Pemansuhan Amalan Peperiksaan Pertengahan dan Akhir Tahun Murid Tahap 1 Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2019*. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Laporan tahunan 2019. *Laporan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Krecjie & Morgan. 1970. Determining sample size for research activities. Educational and psychological measurement. 30: 607 – 610.

Noor Hisham Md Nawi. (2011). Pengajaran dan pembelajaran; penelitian semula konsepkonsep asas menurut perspektif gagasan islamisasi ilmu moden. *Kongres Pengajaran dan Pembelajaran*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sh. Hauzimah (2018). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Masalah Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 9*(1), 56-67.

Zuraidah Binti Ramdzan @ Ramban. (2012). *Kesediaan, Amalan dan Strategi Pengajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Satu (KSSR).* Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.

Inovasi dalam Pengajaran Hafazan Guru Kelas Kemahiran Quran (KKQ): Tujuan dan Impak Pelaksanaan

Mohd Nasrun Ahmad
nasrunukm@gmail.com
Universiti Kebangsaan Malaysia

Khadijah Abdul Razak
khadijah.razak@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

Maizatul Suraya Muhammad Nor
surayaukm@gmail.com
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

ABSTRACT

The implementation of innovation in teaching is one of the most important aspects of education today. This is because, through the innovations implemented it is an improvement in the teaching of teachers and of course the teaching of teachers will be more robust, creative and eventually be able to achieve the goals of teaching teachers themselves. Due to this importance, the Ministry of Education Malaysia strongly encourages teachers to implement changes in their teaching system based on innovation in education. In fact, the implementation of innovation is no exception to the teaching of Quran memorization teachers who need innovation as a simple step to help students remember the surahs that need to be memorized as contained in the Quran memorization syllabus. Thus, this study aims to explore innovations in the teaching of memorization of KKQ teachers that focus on the purpose and impact of the implementation of innovations in the teaching of memorization of KKQ teachers. This study uses a qualitative method in the form of a case study by interviewing three KKQ memorization teachers. Findings show that KKQ memorization teachers know the purpose of the implementation of innovation in their memorization teaching, which is to cultivate students 'interest in mastering KKQ Quran memorization, solutions to KKQ students' memorization problems and facilitate the assessment of KKQ memorization. Therefore, the impact they get is useful to the students themselves, the curriculum and the teachers as teachers of Quran memorization. Therefore, this study is expected to contribute to the teaching of KKQ memorization teachers to learn more about innovation in their teaching which in turn can benefit students, Quran skills class (KKQ) also to schools.

Keywords: Innovation, memorization teaching, Quran skills classes, purpose, impact, implementation

ABSTRAK

Pelaksanaan inovasi dalam pengajaran merupakan salah satu aspek terpenting dalam pendidikan masa kini. Hal ini kerana, melalui inovasi yang dilaksana ia merupakan penambahbaikan dalam pengajaran guru-guru dan sudah pasti pengajaran guru akan menjadi lebih mantap, kreatif dan akhirnya dapat mencapai matlamat pengajaran guru itu sendiri. Atas kepentingan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia amat menggalakkan guru-guru untuk melaksanakan perubahan dalam sistem pengajaran mereka berteraskan inovasi dalam pendidikan. Malahan, pelaksanaan inovasi juga tidak terkecuali kepada pengajaran guru hafazan al-Quran yang memerlukan inovasi sebagai langkah mudah untuk membantu pelajar mengingati surah-surah yang perlu dihafaz sebagaimana yang terkandung dalam sukatan pelajaran hafazan Quran. Justeru, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meneroka inovasi

dalam pengajaran hafazan guru KKQ yang berfokus kepada tujuan dan impak pelaksanaan inovasi dalam pengajaran guru hafazan KKQ. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kes dengan menemubual tiga orang guru hafazan KKQ. Dapatan kajian menunjukkan guru hafazan KKQ mengetahui tujuan pelaksanaan inovasi dalam pengajaran hafazan mereka iaitu menanam minat pelajar menguasai hafazan Quran KKQ, solusi masalah hafazan pelajar KKQ dan memudahkan penilaian hafazan KKQ. Justeru impak yang mereka perolehi berguna kepada pelajar sendiri, kurikulum serta guru-guru sebagai pengajar hafazan Quran. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan terhadap pengajaran guru hafazan KKQ untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan inovasi dalam pengajaran mereka seterusnya dapat memberikan manfaat kepada pelajar, kelas kemahiran Quran (KKQ) juga kepada sekolah.
Keywords: Inovasi, pengajaran hafazan, kelas kemahiran Quran, tujuan, impak, pelaksanaan

PENGENALAN

Perkembangan trend terkini yang memfokuskan kepada revolusi industri memerlukan generasi muda untuk bersiap siaga dari aspek mental, fizikal serta spiritual agar mampu bertindak sebagai *catalyst* dalam memacu pembangunan ekonomi negara (Wajdi, A. 2017; Ishak, M et. al., 2018). Justeru peranan itu perlu dimainkan oleh guru-guru yang bukan hanya perlu berusaha untuk memberi kemahiran kepada pelajar dari aspek menjawab peperiksaan dengan baik, tetapi juga memberi ilmu dan kefahaman yang mendalam terhadap tajuk apa yang diajar (Jasmi, Kamarul Azmi 2016) supaya, kefahaman yang diterima oleh mereka tidak hanya terhad untuk kejayaan dalam menjawab peperiksaan tetapi berjaya memahami dan memperolehi ilmu dengan berkesan sekali gus melahirkan generasi muda yang berkualiti.

Malahan, guru-guru pula perlu cekap terhadap profesion mereka sebagaimana yang termaktub dalam standard guru Malaysia (SGM 2.0) di mana, guru perlu sentiasa mendalami dan meluaskan pengetahuan dalam pengajaran dan pembelajaran serta tanggungjawab terhadap murid yang merangkumi kaedah guru meningkatkan pengetahuan mereka dari semasa ke semasa tentang trend dan perkembangan pendidikan terkini (KPM 2021; Fullan 1991).

Justeru, guru-guru perlu melakukan satu pembaharuan dalam kerjaya mereka terutama dari aspek pengajaran yang dahulu hanya memberi fokus kepada kaedah konvensional seperti *chalk and talk* (Sudirman, S et. al., 2011; Razak. A 2014; Baharudin, M. A., & Ibrahim, M. A. 2019) kepada satu perubahan yang bercorak realistik, kreatif, menarik dan tidak membosankan dalam pengajaran. Perubahan tersebut boleh digelar sebagai inovasi dalam pendidikan yang mempunyai ciri-ciri tersendiri serta mampu untuk memberi keseronokan, kepuasan serta kefahaman yang mudah kepada pelajar-pelajar.

Inovasi pada masa kini sangat diperlukan untuk melahirkan generasi yang mapan, sebagai salah satu usaha untuk kemenjadian murid, serta untuk mencapai matlamat utama dalam pendidikan masa kini (Sani, N. 2017). Menurut Zimmerer dan Scarborough (2004) inovasi adalah kebolehan untuk menyelesaikan masalah dengan menggunakan kaedah kreatif untuk meningkatkan keselesaan kehidupan manusia. Manakala, Badran, I (2007) menjelaskan inovasi membawa erti melakukan suatu perubahan atau memperbaharui sesuatu untuk menjadikannya berkualiti, lebih baik, elok dan sebagainya (Normah, J. 2015). Namun, '*baru*' dalam konteks inovasi tidak bermaksud amalan, idea atau bahan yang baru sahaja. Sesuatu inovasi mungkin telah diketahui atau disedari oleh seseorang individu, cuma belum menunjukkan sikap suka atau tidak suka terhadap amalan, idea dan bahan itu atau ia belum menunjukkan sama ada untuk menerima atau menolaknya, barunya sesuatu inovasi bergantung kepada keputusan yang dibuat oleh individu (Hashim, Y. 1994) dan dalam pendidikan, guru merupakan aspek utama dalam menghasil dan melaksana inovasi dalam pengajaran.

Selain itu, penghasilan inovasi bergantung kepada beberapa kemahiran penting, kerana kelak memberi pulangan yang berbaloi kepada 'inovator' atau *mubdi*' iaitu merujuk kepada guru yang berjaya menghasilkan inovasi pengajaran dan akhirnya meningkatkan keberkesanan pengajaran melalui inovasi yang dihasilkan (Abdullah, W. A. A. W. et. al., 2021). Justeru, empat kemahiran dalam penghasilan inovasi yang diperlukan oleh guru-guru iaitu; kompetensi spesifik, komahiran kognitif, kemahiran pedagogi kandungan dan kemahiran sosial (Abdullah, W. A. A. W. et. al., 2020) perlu difahami dan dihayati dengan sebaiknya kerana kefahaman guru mengenai sesuatu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah penting untuk melihat pelaksanaannya berjaya. Namun, jika kegagalan pelaksanaan dalam menjalankan perubahan ini pasti ia akan menimbulkan kesan yang tidak baik kepada pelajar sekolah (Jadi, H. M. 1993).

Terdapat beberapa kaedah inovasi yang boleh dihasilkan oleh guru-guru ialah melalui penggunaan teknologi terkini yang mengabungkan teks, kesan bunyi, vokal, animasi, muzik, video beserta perisian komputer yang interaktif seperti Google Meet (GM), Google Classroom (GC), Youtube, Google Form, TV pendidikan dan juga penghasilan modul pengajaran (Hashim, Y. 1994; Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. 2007) serta pelbagai lagi penghasilan inovasi yang boleh dicipta oleh guru-guru berdasarkan kepada beberapa sumber. Antara sumber-sumber penghasilan inovasi ialah panduan dalam talian, bertemu dengan pakar, kursus secara maya, menghadiri bengkel dan melaksanakan kolaborasi, melalui pembacaan beberapa bahan, ilham, menonton siri dalam televisyen, modifikasi daripada idea orang lain dan melalui pemerhatian (Abdullah, W. A. A. W. et. al., 2020; Tukimin, R. et. al, 2020).

Seterusnya, pelaksanaan inovasi akan memberikan kesan kepada guru serta pelajar yang terlibat dengan inovasi yang dihasilkan. Bagi guru, ia akan menaikkan lagi motivasi mereka apabila pelajar sudah menguasai pembelajaran hasil inovasi yang dilaksana. Mereka juga mampu mengadakan satu suasana, menimbulkan situasi yang boleh membantu murid memperoleh pengetahuan, cekap, terlatih dan mempunyai sifat pengasih, berpengetahuan dalam ilmu yang diajar (Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. (2007), mengguna nasihat yang baik, ada komunikasi berkesan sehingga murid mudah memahami mengikut tahap kemampuan mereka (Sani, N. 2017).

PERNYATAAN MASALAH

Pelaksanaan inovasi bukan lagi perkara asing dalam pengajaran, namun masih terdapat guru-guru yang kurang memahami berkaitan inovasi yang perlu mereka hasilkan. Kajian, Azizah, A. R. (1987) dan Hashim, O. M. (1991) mendapati inovasi kurikulum KBSR telah menemui pelbagai masalah dari segi pelaksanaan dan antara faktor-faktor yang dikenalpasti ialah kekurangan latihan dan profesionalisme di kalangan kebanyakan kakitangan pendidikan dan guru-guru sudah berpuas hati dengan apa yang dialami dan mereka tidak mahu berubah (Hashim, O. M. 1991). Manakala, kajian Buntat, Y., & Ahamad, L. (2012) pula mendapati guru-guru teknikal tidak diberikan pendedahan dalam melaksanakan inovasi dalam pengajaran, malahan guru juga didapati tidak tahu di mana harus bermula untuk melaksanakan inovasi dalam p&p (Razak, A. 2014).

Malahan, perkara ini juga menjadi isu dalam pengajaran hafazan guru KKQ di mana, didapati mereka tidak mengetahui teknik dan kaedah terkini yang perlu dilakukan bagi memastikan pelajar dapat menghafaz dengan baik (Rahman, M. A. S. A. 2006) yang akhirnya memberi kesan kepada kelemahan hafalan pelajar (Mat, E. 2010), sedangkan tugas guru KKQ adalah untuk membantu pelajar menghafaz dengan lancar dan sempurna sebagaimana matlamat penubuhan kelas kemahiran Quran itu sendiri iaitu melahirkan pelajar yang mampu menguasai al-Quran dengan baik (Bahagian Pendidikan Islam 2012). Selain itu juga, guru-guru hafazan KKQ juga perlu menilai dan mentaksir hafazan pelajar mengikut sukatan pelajaran

yang mana sebanyak sebelas surah perlu dihafaz dengan lancar oleh pelajar dari tingkatan satu sehingga lima (BPI 2020).

Justeru, satu pembaharuan atau inovasi dalam pengajaran perlu dilaksana oleh guru hafazan KKQ untuk membantu mempertingkatkan penguasaan hafazan pelajar sekaligus matlamat dan objektif kewujudkan kelas kemahiran Quran tercapai dengan jayanya. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan inovasi dalam pengajaran hafazan guru kelas kemahiran Quran (KKQ) yang akan memberi fokus kepada dua objektif kajian iaitu;

Objektif kajian

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menjawab tiga objektif iaitu;

i. Meneroka tujuan pelaksanaan inovasi dalam pengajaran guru hafazan kelas kemahiran Quran sekolah menengah harian biasa.
ii. Meneliti impak pelaksanaan inovasi dalam pengajaran guru hafazan kelas kemahiran Quran sekolah menengah harian biasa.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya yang berbentuk kajian kes kerana ia merupakan satu proses pertanyaan untuk memahami masalah manusia dan masalah sosial berdasarkan kepada gambaran yang kompleks dan menyeluruh, melalui pandangan peserta kajian secara mendalam serta dijalankan dalam situasi yang sebenar (Creswell 1994). Manakala, kajian kes pula memberi fokus kepada beberapa fenomena khusus yang mengalakkan kajian yang mendalam terhadap fenomena yang ingin dikaji (Merriam 1998). Menurut Jasmi, K. A. (2012), data kualitatif adalah berbentuk kaedah temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen, manakala nota lapangan dan diari merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja lapangan yang dijalankan. Manakala, kaedah temubual pula dikelaskan kepada tiga jenis iaitu temu bual berfokus, temubual separa struktur dan temubual tidak berstruktur (Piaw, C. Y, 2011; Yin 2003). Justeru, kajian ini menggunakan proses pengutipan data melalui kaedah temubual separa struktur sepenuhnya kepada tiga orang guru hafazan kelas kemahiran Quran.

Bagi aspek pemilihan peserta pula, kajian yang dijalankan ini telah menemubual tiga orang guru hafazan kelas kemahiran al-Quran (KKQ) dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan yang dipilih berdasarkan kepada a) persetujuan peserta kajian untuk ditemu bual, b) mengajar kelas kemahiran Quran subtema hafazan, c) berpengalaman mengajar melebihi lima tahun dan d) pernah menghasilkan inovasi peringkat sekolah. Menurut Flick (1998), pengkaji dalam kajian ini bertindak sebagai alat pengkajian yang sensitif serta mampu memahami perlakuan-perlakuan manusia, menggunakan pengetahuan dan pengalaman untuk meneliti dan menelaah tentang apa yang dikaji dengan lebih bermakna (Yusoff, M. 2001). Berikut merupakan profil peserta kajian yang dipilih dan diberikan kod pengenalan (Flick 2018) untuk merahsiakan identiti mereka bagi memudahkan proses penyusunan data-data temubual:

Jadual 2. Profil peserta kajian

Nama	Umur	Pengalaman mengajar KKQ
G1KKQ/TB	35	9 tahun
G2KKQ/TB	35	10 tahun
G3KKQ/TB	36	11 tahun

Dapatan Kajian

Seterusnya, bagi dapatan kajian, pengkaji akan menghuraikan dapatan kajian berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian satu-persatu melalui pengutipan data secara kaedah temubual kepada tiga orang peserta kajian yang dipilih berdasarkan bersampelan bertujuan. Justeru, pengkaji akan memberi tumpuan kepada objektif dan persoalan pertama sepertimana berikut;

i. Tujuan pelaksanaan inovasi dalam pengajaran guru hafazan kelas kemahiran Quran sekolah menengah harian biasa

Berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian iaitu untuk mengetahui tujuan pelaksanaan inovasi, hasil kajian telah mendapati terdapati tiga tujuan utama pelaksanaan inovasi guru hafazan KKQ iaitu; a) menanam minat pelajar menguasai hafazan Quran KKQ, b) solusi masalah hafazan pelajar KKQ dan c) memudahkan penilaian hafazan KKQ. Justeru, pengkaji akan menghuraikan dapatan dengan lebih lanjut berdasarkan kepada temubual yang telah dijalankan kepada peserta-peserta kajian.

a. Menanam minat pelajar menguasai hafazan KKQ

Berdasarkan kepada dapatan kajian, didapati tujuan pelaksanaan inovasi dalam pengajaran hafazan adalah untuk menanam minat pelajar mencintai hafazan al-Quran kelas KKQ. Menurut peserta kajian G1KKQ/TB beliau menjelaskan inovasi yang dihasilkan adalah bertujuan untuk menanam minat pelajar terutama dalam memahami dan menyelesaikan silibus hafazan. Malahan, beliau juga menambah dalam suasana pengajaran dan pembelajaran dirumah ia akan dapat mencipta suasana baharu yang melalui inovasi yang dihasilkan akan mendatangkan cinta kepada kalam Allah. Hal ini diungkapkan oleh beliau seperti berikut;

> *"Menyebabkan cikgu hasilkan inovasi pertama sekali aa disebabkan untuk menarik minat murid, terutama didalam aa didalam memahami dan juga menyelesaikan silibus. aa juga aa memberi ruang kepada murid untuk merasai suasana yang baharu sebagai contoh di dalam suasana PDPR hari ini, mendatangkan murid-murid untuk mencintai kalam Allah."*
>
> (G1KKQ/TB)

Justeru, atas tujuan minat tersebut menyebabkan G3KKQ/TB mempelbagaikan teknik dan kaedah inovasi dalam pengajaran beliau antaranya melaksanakan permainan dalam pengajaran hafazan sebagaimana ungkapan beliau;

> *"Kat situ Minat… kata memang minat okey so apa yang saya buat minat ni macam tadi lah kaitkan dengan inovasi pelbagai teknik aa kemahiran pastu wujudkan pelbagai kalau macam saya, saya suka buat game. Aa aa buat game pula aktiviti dalam kelas tu. hafazan tu mungkin kita boleh buat bentuk aa permainan macam mana permainan tu kita buat station ha kalau saya suka buat station macam tu lebih kurang lah."*
>
> (G3KKQ/TB)

Malahan beliau juga menambah, dengan inovasi tersebut beliau akan memberikan ganjaran buat pelajar-pelajar untuk menambahkan lagi minat mereka serta mengambil hati para pelajar untuk mencintai hafazan Quran iaitu;

> *"Satu markah kumpulan, satu lagi markah individu. Dia dapat markah sendiri dapat hadiahlah. So ini adalah salah satu kaedah lah aa maksudnya kalau satu, perlu guru-guru KKQ tahu kena tahu untuk mengambil hati para pelajar dia."*
> (G3KKQ/TB)

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa tujuan pelaksanaan inovasi dalam pengajaran guru hafazan kelas kemahiran Quran sekolah menengah harian biasa adalah salah satunya untuk menanam minat pelajar mencintai kalam Allah ini melalui teknik dan kaedah yang menarik seperti permainan serta diberikan sedikit ganjaran atas usaha mereka mendalami hafazan kelas KKQ.

b. Solusi masalah hafazan pelajar KKQ

Seterusnya, kajian mendapati tujuan pelaksanaan inovasi dalam hafazan adalah sebagai satu solusi untuk masalah hafazan pelajar. Hal ini kerana, pelajar-pelajar perlu mengingati surah yang agak panjang mengikut tahun tingkatan semasa mereka, justeru ada dalam kalangan pelajar yang berada pada tahap yang rendah dalam proses mengingati setiap ayat hafazan. Justeru, melalui inovasi yang dilaksana ia merupakan penyelesaian bagi mengatasi masalah hafazan pelajar. Hal ini diungkapkan oleh peserta G1KKQ/TB, G2KKQ/TB dan G3KKQ/TB antara faktor mereka melaksanakan inovasi dalam pengajaran hafazan adalah untuk membantu menyelesaikan masalah hafazan pelajar;

> *"Membantu murid didalam..aa..menyelesaikan ataupun menyempurnakan aa hafazan al-Quran sebagai contoh aa inovasi yang saya ketengahkan adalah melalui teknologi di mana pembelajaran melalui alam maya. Yang kedua teknologi didalam aa hafazan juga menggunakan asas penting di dalam memahami dan juga memberi kemudahan kepada murid iaitu dengan melaksanakan tiga konsep asas iaitu hafazan rendah, hafazan sederhana dan hafazan tahap tinggi. Di mana proses murid menghafal dengan tiga ciri yang utama."*
> (G1KKQ/TB).

Manakala, dengan teknologi yang dilaksana ia menjadi faktor untuk memudahkan pelajar membuat hafazan sebagaimana kata-kata peserta kajian G2KKQ/TB;

> *"faktor mudah untuk pelajar kerana mereka boleh menghafaz dan merakam banyak kali rakaman hafazan sebelum dihantar kepada guru".*
> (G2KKQ/TB)

Bagi peserta kajian G3KKQ/TB beliau menghasilkan inovasi melalui modul kerana solusi masalah pelajar yang lemah dalam hafazan seterusnya mempunyai latar belakang yang berbeza menyebabkan inovasi modul perlu dihasilkan sebagaimana ungkapan beliau;

> *"Sepanjang pengalaman sebelas tahun lah okey. Err berdasarkan situasi berdasarkan latar belakang murid…latar belakang dia murid-murid dia memang sekitar macam aa aa sosial ekonomi aa yang sederhana, rendah pun ada. Jadi background tu dia memainkan peranan juga. Walaupun dia minat, dia minat. So dia kena daripada modul itu kita akan tetapkan, okey dalam seminggu itu dia kena selesaikan juga lima ayat itu. Okey kalau dalam modul, saya buat lima ayat sebab tu memang aa berpegang pengalaman memang lima ayat ni je mampu dikuasai untuk seminggu. Kemudian untuk aa minggu depan tambah lagi lima ayat. Okey nak nak sambung ayat itu dia kena mula daripada awal. Sampai lima so minggu depan satu sampai sepuluh. Bila last last nanti dapatlah*

> *satu sampai tiga puluh. Macam sebelum ini macam mula-mula masuk mengajar itu saya buat sambung-sambung. Bila tanya sepuluh terus tak ingat tak atas tu? Ingat yang bawah aje. Aa jadi macam tidak menepatilah. Maknanya dia menghafal satu surah. Dia menghafaz beberapa potongan sahaja".*
>
> (G3KKQ/TB)

Oleh itu, dapat difahami bahawa antara tujuan inovasi dalam hafazan juga adalah sebagai satu solusi kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar kerana bacaan hafazan memerlukan ketekunan dan keupayaan untuk mengingati ayat-ayat dan surah-surah yang telah ditetapkan, justeru inovasi yang dilaksana merupakan satu solusi yang boleh membantu pelajar menguasai hafazan tersebut.

c. Memudahkan penilaian hafazan KKQ

Selain itu, peserta kajian juga menjelaskan tujuan mereka melaksanakan inovasi adalah untuk memudahkan penilaian hafazan terutama waktu pendemik COVID 19 yang menyebabkan G1KKQ/TB dan G2KKQ/TB melaksanakan inovasi dalam pengajaran hafazan. Menurut peserta G1KKQ/TB, melalui inovasi yang dihasilkan iaitu menggunakan teknologi, beliau menilai pelajar melalui inovasi yang dihasilkan dan secara tidak langsung beliau dapat mengetahui aras kemampuan pelajar menghafal surah-surah mengikut sukatan sebagaimana kata-kata beliau;

> "*Sistem hafazan, guru menilai bacaan dan juga kefahaman murid di mana murid membaca di hadapan komputer ataupun gajet dengan menutup mata. Maka guru menilai aa bacaan murid. Aa jadi aa itu satu. Aspek penilaian adalah pelajar tutup mata sahaja dan guru beri markah*". *Markah di simpan oleh guru sebagai backup kerana kalau pdpc mereka ad exam pertengahan dan akhir tahun. Jadi markah ini di jadikan sebagai penilaian semasa. Secara lansung saya boleh mengenal aras kemampuan murid terutama kemampuan murid menghafal al Quran, secara spesifik lagi kemampuan menghafal surah yang ada di dalam silibus".*
>
> (G1KKQ/TB)

Malahan, G2KKQ/TB pula menambah, kerana aspek penilaian hafazan sangat susah untuk dinilai tambahan lagi jika tidak bersemuka telah menyebabkan faktor beliau melaksanakan inovasi melalui audio dan menjelaskan ianya adalah penilaian yang terbaik terutama untuk guru-guru menyimpan dan mendengarkan kembali ulangan bacaan hafazan untuk dilaksanakan penilaian markah sebagaimana kata-kata beliau;

> *"faktor menyebabkan saya menghasilkan inovasi kerana hafazan salah satu tajuk yang susah untuk dinilai secara tidak bersemuka, ianya perlukan kesahan yang pelajar betul-betul menghafaz ayat tersebut, sudah banyak cara yang digunakan namun ianya tidak sesuai kerana kebarangkalian pelajar melihat al-Quran semasa menjawab kuiz, soalan dan rakaman tanpa menutup mata atau rakaman audio adalah tinggi kerana pelajar tidak berada di hadapan guru". Faktor penilaian terbaik untuk guru, guru boleh menyimpan rakaman dan melihat atau mendengar berulang kali bacaan hafazan pelajar untuk memberi markah terbaik."*
>
> (G2KKQ/TB).

Justeru, dapat disimpulkan bahawa, melalui pelaksanaan inovasi guru-guru dapat melaksanakan penilaian dengan mudah di mana mereka dapat mendengar kembali hasil inovasi yang telah dilaksana untuk diberikan markah penilaian kepada pelajar masing-masing.



Rajah 1. Tujuan pelaksanaan inovasi hafazan guru KKQ

Sebagai rumusan, bagi objektif dan persoalan kajian pertama, pengkaji merumuskan bahawa tujuan pelaksanaan inovasi dalam hafazan adalah untuk a) menanam minat pelajar menguasai hafazan Quran, b) solusi masalah hafazan pelajar KKQ dan c) memudahkan penilaian hafazan. Justeru, bagi objektif dan persoalan pertama, peserta kajian dapat menjawab persoalan dengan baik.

Seterusnya, pengkaji akan memfokuskan kepada objektif dan persoalan kajian dua iaitu impak pelaksanaan inovasi dalam pengajaran guru hafazan sepertimana berikut;

ii. Impak pelaksanaan inovasi dalam pengajaran guru hafazan kelas kemahiran Quran sekolah menengah harian biasa.

Berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian iaitu untuk meneliti impak pelaksanaan inovasi, hasil kajian telah mendapati terdapat tiga impak pelaksanaan inovasi dalam pengajaran hafazan KKQ. Justeru impak tersebut dipecahkan kepada tiga tema utama yang merangkumi a) impak terhadap hafazan pelajar kelas KKQ, b) impak terhadap silibus hafazan KKQ dan c) impak terhadap guru hafazan KKQ. Pengkaji akan menghuraikan dapatan dengan lebih lanjut berdasarkan kepada temubual yang telah dijalankan kepada peserta-peserta kajian.

a. Impak terhadap hafazan pelajar kelas KKQ

Pelaksanaan inovasi dalam pengajaran hafazan guru KKQ telah memberikan impak terhadap hafazan pelajar KKQ. Jika sebelum pelaksanaan inovasi, didapati pelajar akan bercampur aduk diantara pelajar lemah dengan pelajar yang cemerlang, namun apabila guru telah melaksanakan inovasi ia akhirnya membantu pelajar menguasai hafazan. Menurut peserta kajian G1KKQ/TB, beliau dapat mengenal aras kemampuan pelajar dalam menghafal al-Quran terutama surah-surah yang ada dalam silibus KKQ dan akhirnya pelajar-pelajar telah tahu di mana hala tuju mereka dan telah memahami kalimat-kalimat sebagaimana kata-kata beliau;

> "*Secara lansung saya boleh mengenal aras kemampuan murid terutama kemampuan murid menghafal al-Quran, secara spesifik lagi kemampuan menghafal surah yang ada di dalam silibus, kerana murid datang dengan aras yang berbeza. So kita berikan set ini kepada mereka dan kaedah ini di taksir dia ada borang. Sebagai contoh surah al-Sajadah ada 30 ayat. So di dalam borang itu murid tu dia ada nombor. So majrid akan tanda sendiri ayat ke berapa yang dia hafal. Murid tahu hala tuju dia. Secara keseluruhan ada murid yang boleh memahami kalimat.*"
>
> (G1KKQ/TB)

Selain itu, didapati juga pelaksanaan inovasi memberi impak kepada emosi pelajar di mana mereka tidak lagi berhadapan dengan masalah kegugupan sebagaimana membaca ayat hafazan secara bersemuka, pelajar juga boleh mengulang bacaan hafazan sehingga mereka berpuas hati dan ia juga menjimatkan masa kerana mereka boleh menghafaz ayat-ayat hafazan tanpa gangguan rakan-rakan lain sebagaimana kata-kata G2KKQ/TB;

> "*Pelajar tidak gugup membaca ayat hafazan berbanding membacanya di hadapan guru, pelajar boleh berulang kali mengulangi ayat hafazan sehingga puas hati dan memberi rakaman yang terbaik kepada guru dan kaedah ini lebih baik daripada kaedah bersemuka kerana menjimatkan masa pelajar menghafaz tanpa gangguan rakan sekelas dan fleksible iaitu pelajar boleh menghantar rakaman bila-bila masa setelah ingat hafazan.*"
>
> (G2KKQ/TB)

Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa, melalui pelaksanaan inovasi ia telah memberi impak kepada pencapaian pelajar terutama keupayaan membaca ayat-ayat hafazan mengikut aras kemampuan masing-masing. Malahan juga, ia dapat membantu pelajar dari aspek emosi yang mana jika sebelum ini pelajar agak gugup untuk menghafaz ayat-ayat al-Quran tetapi apabila dilaksanakan inovasi masalah tersebut dapat diatasi dengan baik.

b. Impak terhadap silibus hafazan KKQ

Seterusnya kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan inovasi juga memberi impak terhadap silibus hafazan KKQ. Hal ini kerana, sukatan pelajaran yang terkandung dalam bidang hafazan yang dipecahkan kepada lima belas tema bermula dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima yang merangkumi pengenalan, adab, faedah, bentuk dan surah-surah yang perlu dihafal oleh pelajar-pelajar, justeru melalui inovasi yang dilaksana ia sedikit sebanyak membantu silibus tercapai dengan jayanya. Hal ini diungkapkan oleh peserta kajian G1KKQ/TB, G2KKQ/TB dan G3KKQ/TB iaitu;

> *"Aspek silibus tercapai dengan jayanya di mana ada murid yang telah pun menyelesaikan surah-surah untuk hafazan dan ada murid-murid yang masih lagi berada di dalam tempoh untuk menyelesaikan".*
>
> (G1KKQ/TB)

Malahan, peserta G2KKQ/TB juga menyatakan hal yang sama bahawa melalui inovasi yang dihasilkan ia memberi impak kepada sukatan yang terkandung dalam silibus tingkatan tiga dan menyebabkan guru-guru berpuas hati atas hasil pencapaian pelajar sebagaimana ungkapan beliau;

> *"…tercapai, walaupun seminggu dalam 5 ke 10 ayat tetapi cara ini melatih pelajar akan peribahasa sikit sikit lama lama jadi bukit, pelajar saya telah habis menghafaz surah yang terkandung dalam silibus tingkatan 3 dan respon mereka terhadap cara ini ialah mereka merasa lebih tenang, tidak gugup dan walaupun sehari cuma 2 ke 3 ayat tetapi akhirnya mereka dapat menghabiskan hafazan surah tersebut. Pelajar gembira guru gembira".*
>
> (G2KKQ/TB)

Manakala, G3KKQ/TB menghuraikan melalui pelaksanaan inovasi penggunaan modul Imtiyaz ia telah memberi impak yang baik terutama dalam pencapaian silibus hafazan pelajar, malahan guru-guru KKQ lain boleh menggunakan modul yang sama untuk membantu pelajar-pelajar menghafaz dengan baik dan sempurna. Hal ini kerana pelajar-pelajar berbeza latar belakang justeru mereka tidak boleh dipaksa untuk menghafaz surah bagi mengejar silibus

semata-mata, namun perlu diberi bimbingan untuk menghafaz lima ayat sepertimana yang terkandung dalam modul tersebut sebagaimana menurut beliau;

> "*Aa memang mencapai, sebab setiap kali kita ni kan kita catat dalam PBD dia ada pernyataan, dia dapat baca itu dengan bertajwid ke tidak aa sebab dia bukan hafaz banyak ayat. Kita fokus satu minggu itu lima ayat sahaja, jadi memang mencapailah. Setakat ni memang mencapai. Okey kiranya modul ni salah satu kaedah yang mudahlah. Sangat mudah untuk membantu para pelajar untuk menghafaz al-Quran tu dan alhamdulillah pencapaian dari segi hafazan memang aa memang habislah bacaan hafazan habis, tak macam sebelum ni tak ada modul jadi tak jelas.*"
>
> (G3KKQ/TB)

a. Impak terhadap guru hafazan KKQ

Menurut peserta-peserta kajian, impak pelaksanaan inovasi dalam pengajaran hafazan ia telah menyebabkan pelajar-pelajar meminati dan mendatangkan kegembiraan kepada pengajaran mereka. Justeru, guru-guru akan lebih bersemangat untuk mempelbagaikan lagi inovasi dalam strategi pengajaran yang bukan hanya berpusatkan guru semata-mata malahan lebih berfokus kepada berpusatkan pelajar sebagaimana ungkapan peserta kajian G1KKQ/TB;

> *"Pertama, aspek guru, guru merasakan suatu yang boleh menarik minat murid dan juga mendatangkan suasana yang gembira. Sebab apa? Guru boleh bagaikan strategi pengajaran bukan sahaja berpusatkan guru tetapi berpusatkan murid."*
>
> (G1KKQ/TB)

Manakala, bagi peserta G3KKQ/TB pula, impak yang diterima melalui pelaksanaan inovasi ianya dapat menjimatkan masa guru, dapat menilai dengan lebih baik serta guru dapat mengesan bacaan-bacaan hafazan Quran pelajar yang masih lagi tidak fasih sebagaimana kata-kata beliau;

> *"Menjimatkan masa guru yang jika bersemuka hampir satu jam barulah pelajar mula datang membaca ayat hafazan, boleh menilai dengan lebih baik kerana ada bukti rakaman, boleh dengar ulang kali untuk memberi markah dan rakaman ini (inovasi) juga boleh mencetus kepada usaha lain seperti guru dapat kesan mana-mana pelajar yang masih tidak fasih membaca al-Quran seterusnya guru membuat sesi bacaan video call whatsapp dengan pelajar untuk membetulkan bacaan al Quran pelajar."*
>
> (G3KKQ/TB)

Sebagai rumusan, impak pelaksanaan inovasi dalam pengajaran hafazan guru KKQ dibahagikan kepada tiga tema yang dirangkumkan dalam satu rajah 2 seperti berikut;



Rajah 2. Impak Pelaksanaan Inovasi Pengajaran Hafazan Guru Kelas Kemahiran Quran

PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian mendapati tujuan inovasi dalam pengajaran hafazan guru KKQ adalah untuk menanamkan minat pelajar menguasai hafazan al-Quran. Hal ini kerana, melalui pelbagai rangsangan dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik, nada yang berubah-ubah, melakukan aktiviti permainan dan kesannya akan menimbulkan minat dan rasa ingin tahu terhadap pelajaran pelajar (Ee 1998). Selain itu, antara tujuan pelaksanaan inovasi adalah untuk menyelesaikan masalah hafazan dan hal ini juga telah dinyatakan oleh Zimmerer dan Scarborough (2004) bahawa inovasi adalah kebolehan untuk menyelesaikan masalah dengan menggunakan kaedah kreatif bagi meningkatkan keselesaan kehidupan manusia. Malahan juga, guru-guru yang berjaya membantu pelajar merungkai masalah mereka dianggap sebagai guru yang cemerlang (Jasmi, 2010).

Seterusnya adalah impak pelaksanaan inovasi, kajian menunjukkan inovasi tersebut memberi impak terhadap hafazan pelajar kelas KKQ. Impak yang diperolehi ialah pelajar sudah dapat menghabiskan sukatan pelajaran mengikut masa yang ditetapkan. Hal ini kerana matlamat inovasi itu sendiri adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan hasil pembelajaran dan kualiti dalam pendidikan (OECD, 2016). Manakala, impak terhadap guru hafazan adalah mereka lebih bermotivasi dalam pengajaran mereka kerana kepelbagaian teknik pengajaran guru yang menyebabkan pengajaran menjadi seronok dan berkesan (Mohamed, S et. al., 2016) selain pelakuan guru-guru dipengaruhi oleh pemikiran mereka, justeru kefahaman dan sikap guru terhadap sesuatu inovasi sangat penting untuk memastikan pelaksanaan inovasi berjaya (Clark dan Yinger 1977).

KESIMPULAN

Justeru, berdasarkan kajian inovasi dalam pengajaran hafazan guru kelas kemahiran Quran dapat disimpulkan bahawa guru-guru hafazan mengetahui tujuan pelaksanaan inovasi dalam pengajaran mereka. Antaranya adalah untuk menanamkan minat pelajar dalam menguasai aspek hafazan KKQ. Guru-guru juga melaksanakan inovasi sebagai satu solusi dalam memahami masalah penguasaan hafazan Quran serta bertujuan untuk memudahkan penilaian hafazan terutama di era pendemik COVID-19 ini. Oleh itu antara impak yang diperolehi hasil daripada tujuan pelaksanaan inovasi adalah dapat memudahkan pelajar menguasai aspek hafazan malahan juga ada dalam kalangan mereka yang telah menghabiskan silibus bagi hafazan tingkatan tiga. Ia juga memberi impak terhadap motivasi guru untuk lebih maju dan berdaya saing lebih-lebih lagi bagi memastikan anak didik mereka berjaya mencapai matlamat hafazan masing-masing. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat membantu guru-guru hafazan kelas kemahiran Quran untuk sama-sama meningkatkan kecemerlangan pelajar KKQ terutama aspek hafazan kerana kecemerlangan pelajar bukan dinilai dalam peperiksaan semata-mata tetapi juga kepada aspek kemenjadian mereka dan hafazan merupakan salah satu benteng untuk membentuk akhlak dan keperibadian seorang muslim sejati. Kajian ini hanya menggunakan kaedah kualitatif kajian kes sahaja, justeru diharapkan bagi kajian seterusnya pengkaji lain dapat merungkai berkaitan hafazan dalam bentuk kuantitatif untuk memantapkan lagi pengajaran hafazan seterusnya matlamat penubuhan kelas kemahiran al-Quran terlaksana dengan jayanya.

RUJUKAN

Abdullah, W. A. A. W., Razak, K. A., & Hamzah, M. I. (2021). Model guru pendidikan Islam komprehensif. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam and Civilization (acer-j). eISSN2600-769X, 4*(1), 63-74.

Abdullah, W. A. A. W., Razak, K. A., Hamzah, M. I., & Zhaffar, N. M. (2020). Pengetahuan untuk menghasilkan inovasi pengajaran dalam kalangan guru inovatif pendidikan Islam. *Asian People Journal (APJ)*, *3*(2), 192-201.

Azizah, A. R. (1987). *Curriculum innovation in Malaysia: The case of KBSR*. (Unpublished doctoral dissertation). University of London Institute of Education. United Kingdom.

Badran, I. (2007). Enhancing creativity and innovation in engineering education. *European Journal of Engineering Education*, *32*(5), 573-585.

Baharudin, M. A., & Ibrahim, M. A. (2019). Kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih sejarah IPG zon selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, *2*(5), 32-42.

Buntat, Y., & Ahamad, L. (2012). Inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru teknikal di sekolah menengah teknik dari perspektif guru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, *6*(1), 44-58.

Brown, S. & McIntyre, D. (1993). Making Sense Of Teaching. *USA:Open University Press*.

Clark C.M. & Yinger R.J. (1977). *Research on Teacher Thinking. Curriculum Inquiri*, 7(14).

Creswell, J.W. (1994). *Research Design : Qualitative and Quantitative Approches*. Thousand Oaks: SAGE Publication.

DeWitt, D., Alias, N., Siraj, S., Yaakub, M. Y., Ayob, J., & Ishak, R. (2013). The potential of Youtube for teaching and learning in the performing arts. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *103*, 1118-1126.

Ee Ah Meng. (1998). *Pelajar Bermotivasi Pelajar Cemerlang*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Flick, U. (1998). *An introduction to qualitative research*. London: Sage Publication

Flick, U. (2018). *An introduction to qualitative research*. London: Sage Publication.

Fullan. M. (1991). The new meaning of educational change. *New York, Teachers' College Press*.

Hashim, O. M. (1991). *Pengisian misi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ishak, M., Abdullah, H., Ahmad, S., & Mohamed, Y. (2018). Mendepani Cabaran Era Revolusi Industri 4.0: Hubungan Amalan Pembelajaran Berterusan Dengan Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam* (Vol. 7, p. 8).

Jadi, H. M. (1993). Implementing a national curriculum: tradition vs change. *Pacific Asian Education*, *5*(2).

Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. (2007). *Pendidikan Islam: kaedah pengajaran & pembelajaran*. Penerbit UTM Press.

Jasmi, K. A. (2010). *Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: Satu kajian kes*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012* (pp. 1-18). Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. Johor Darul Ta'zim.

Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), Ensiklopedia Pendidikan Islam (Edisi Pertama ed., pp. 54-58). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES). ISBN: 978-967-0194-66-0.

Mat, E. (2010). *Kelas khas kemahiran al-Qur'an (KKQ): Kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya di sekolah-sekolah menengah (SMK) di daerah Gombak, Selangor*. (Tesis ijazah sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya.

Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education.* 2nd. Edition. San Francisco: Jossey-Bass Inc.

Mohamed, S., Jasmi, K. A., & Zailaini, M. A. (2016). Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam (teacher's good behaviour in teaching and learning the Islamic education). *Akademika, 86*(2). 31-42.

Piaw, C. Y. (2011). *Kaedah penyelidikan edisi kedua*. Serdang: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Rahman, M. A. S. A. (2006). *Tahap penguasaan kemahiran al- Quran di kalangan pelajar kelas aliran Agama*. (Tesis ijazah sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya.

Sani, N. (2017). Inovasi guru linus membantu murid menguasai literasi. *Persidangan Kebangsaan Kurikulum Dan Teknologi Pengajaran 2014*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sudirman & Meerah, T. S. M. (2011). Inovasi pembelajaran dalam implementasi KTSP. *Prosiding Simposium SKIM XII*, 29-30 November 2011 di UKM, Malaysia.

Sudirman, S., Haling, A., & Meerah, T. S. M. (2013). Model inovatif pengajaran dan pembelajaran bahasa Indonesia di sekolah rendah (innovative models of Indonesian teaching and learning at elementary school). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education), 38*(2), 41-49.

Tukimin, R., Yusoff, N. M. R. N., & Baharudin, H. (2020). Source of ideas of teacher-generated innovation in teaching arabic language in primary schools.

Tukimin, R., Yusoff, N. M. R. N., & Baharudin, H. (2021). Source of ideas of teacher-generated innovation in teaching arabic language in primary schools. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, *9*(2), 831–843.

Yin, R.K. 2003. *Case Study Research: Design And Methods.* 3nd. Edition. Newbury Park, CA: SAGE Publication.

Yusoff, M. (2001). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Zimmerer, T. W., & Scarborough, N. M. (2004). *Essentials of entrepreneurship and small business management. (4th ed.)*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.

Website:

Bahagian Pendidikan Islam. (2012). *Dasar dan panduan pelaksanaan kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved August 19, 2021, from
https://www.scribd.com/doc/313852768/BUKU-PANDUAN-DASAR-KKQ-KPM-doc

Bahagian Pendidikan Islam. (2020). *Panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ)*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya. Retrieved August 19, 2021, from
https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/pendidikan-islam/3651-panduan-pelaksanaan-pbd-dalam-kkq/file

Hashim, Y. 1994. *Penggunaan Teknologi dalam inovasi pendidikan*. Retrieved August 19, 2021, from http://apjee.usm.my/JPP_13_1994/Jilid%2013%20Artikel%2007.pdf.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Standard guru Malaysia (SGM) 2.0*. Retrieved August 19, 2021, from https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/sgm-2

Normah, J. (2015). *Penerapan budaya kreatif dan inovatif di kalangan pelajar politeknik Merlimau Melalui PERKAYA INOVASI*. Retrieved August 19, 2021, from http://www.pmm.edu.my/zxc/publikasi/.

OECD. (2016). Innovating Education and Educating for Innovation: The Power of Digital Technologies and Skills, OECD Publishing, Paris. Retrieved August 19, 2021, from http://dx.doi.org/10.1787/9789264265097-en

Razak, A. (2014), *Tahap amalan inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru sekolah agama daerah Kuala Langat, Selangor*. Retrieved August 19, 2021, from http://www.ipgkik.com/v2/wp-content/uploads/2015/05/Artikel17_2014.pdf.

Wajdi, A. (2017, 5 Julai). Cabaran umat Islam era 4IR. Retrieved August 19, 2021, from www.sinarharian.com.my/kolumnis/dr-asyraf-wajdi-dusuki/cabaran-umat-islam-era-4ir1.697230.

Strategi Pengajaran Guru Berasaskan IHES Dan Hubungannya Dengan Status Perjawatan Guru Di Selangor

Sapie Sabilan
p90358@siswa.ukm.edu.my
Fakulti Pendidikan, UKM

Mohd Isa Hamzah
isa_hamzah@ukm.edu.my
Fakulti Pendidikan, UKM

Ab. Halim Tamuri
abhalim@ukm.edu.my
Fakulti Pendidikan, UKM

ABSTRACT

This study aims to identify the behavior of Sekolah Rendah Agama (SRA) teachers of the Selangor Islamic Religious Department (JAIS) in doing lesson strategy after going through the teacher training program they follow based on the Integrated Holistic Education System (IHES). This study also identifies the relationship that exists related to teachers' behaviour in teacher teaching strategy with the status of teacher positions in schools. The scope of this study is based on a study conducted related to the evaluation of SRA JAIS teachers on teacher training programs under IHES. The design of this study is a survey that uses a quantitative approach by using a questionnaire as a research instrument based on the Kirkpatrick Assessment Model to describe the behavioral aspects of SRA JAIS teachers in implementing lesson strategy. The study sample consists of 535 SRA JAIS teachers from a total population of 5,489 teachers covering nine districts in Selangor. The analysis of the study was done by using SPSS version 22.0 software for quantitative data that has been obtained descriptively and inferentially. The findings of the descriptive study show that the mean value is high for all aspects of teacher teaching strategy. This shows that the aspect of teacher teaching strategy is at a high level. However, there are moderately high items related to select of teaching strategies based on teaching objectives and the use of various types of teaching materials. This shows that improvement efforts in selecting strategies and the use of various types of teaching materials are still not practiced among SRA JAIS teachers. Through one-way ANOVA test showed that there is a significant difference [$F(2,532) = 4.081$, $p<0.05$] between SRA JAIS teachers from the aspect of teacher teaching planning behavior with their tenure status. This shows that all SRA JAIS teachers have shown a very significant change in behavior after undergoing teacher training whether they are on permanent, contract, or part-time basis with JAIS. The implications of this study suggest that JAIS provide specific training related to the selection of strategies and the use of various types of teaching materials to improve the quality of teaching of teachers from time to time in accordance with the needs and developments of current education.

Keywords: lesson strategy, teacher training, Islamic education, IHES

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasi tingkah laku guru-guru Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam melakukan strategi pengajaran setelah melalui program latihan guru yang diikutinya berdasarkan Integrated Holistic Education System (IHES). Kajian ini juga turut mengenalpasti hubungan yang wujud berkaitan tingkahlaku guru dalam strategi pengajaran guru dengan status perjawatan guru di sekolah. Kupasan kajian ini

adalah berdasarkan kajian yang dilaksanakan berkaitan penilaian guru-guru SRA JAIS terhadap program latihan guru di bawah IHES. Reka bentuk kajian ini berbentuk tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen kajian berdasarkan Model Penilaian Kirkpatrick bagi menghuraikan aspek tingkah laku guru-guru SRA JAIS dalam melaksanakan strategi pengajaran. Sampel kajian adalah terdiri daripada 535 orang guru SRA JAIS daripada jumlah populasi seramai 5,489 orang guru yang meliputi sembilan daerah di Selangor. Analisis kajian dilakukan dengan menggunakan perisian program SPSS versi 22.0 bagi data kuantitatif yang telah diperolehi secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian secara deskriptif menunjukkan nilai min adalah tinggi bagi keseluruhan aspek strategi pengajaran guru. Ini menunjukkan aspek strategi pengajaran guru berada pada tahap tinggi. Namun, terdapat item yang sederhana tinggi berkaitan pemilihan strategi pengajaran berdasarkan objektif pengajaran dan penggunaan pelbagai jenis bahan pengajaran. Ini menunjukkan usaha penambahbaikan dalam membuat pemilihan strategi dan penggunaan pelbagai jenis bahan pengajaran masih kurang diamalkan dalam kalangan guru-guru SRA JAIS. Melalui ujian ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan [$F (2,532) = 4.081$, $p<0.05$] antara guru-guru SRA JAIS dari aspek tingkah laku strategi pengajaran guru dengan status perjawatan mereka. Ini menunjukkan semua guru SRA JAIS sama ada tetap, kontrak dan sambilan telah menunjukkan perubahan tingkahlaku setelah mengikuti latihan guru dari aspek strategi pengajaran guru yang sangat ketara. Implikasi kajian ini mencadangkan supaya pihak JAIS memberikan latihan yang khusus berkaitan pemilihan strategi dan penggunaan pelbagai jenis bahan pengajaran untuk menambahbaik kualiti pengajaran guru dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan dan perkembangan semasa pendidikan masa kini.
Kata kunci: strategi pengajaran; latihan guru; pendidikan Islam; IHES

PENDAHULUAN

Bidang perguruan merupakan suatu bidang profesional yang diwujudkan untuk membangunkan elemen bangsa dan negara ke arah masyarakat yang bersatu padu yang merangkumi aspek sosial, kebudayaan, politik dan ekonomi. Pencapaian tahap kemajuan ini mempunyai tujuan akhir iaitu melahirkan komuniti masyarakat yang harmoni, berdisiplin, bertanggungjawab dan terlatih (Abdul Ghafar Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Husin, & Mohd Aderi Che Noh, 2015; Karwadi, 2009). Penglibatan guru dalam sistem pendidikan adalah sebagai asas dan pelaksana dasar-dasar kerajaan berpandukan kurikulum dan pekeliling-pekeliling yang telah dikeluarkan. Seorang guru yang profesional hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif tentang sesuatu bahan yang digunakan, mewujudkan persekitaran bilik darjah yang kondusif, membina hubungan yang akrab dalam kalangan warga, merancang masa hadapan dengan mengemukakan idea-idea baharu dan sentiasa mengambil peluang dengan penuh tanggungjawab dan amanah (Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim, 2012). Guru yang baik sentiasa memupuk pengetahuan dan kemahiran murid melalui usaha yang berterusan (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017). Salah satu usaha yang boleh diusahakan ialah guru hendaklah memahami proses dan pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan lebih mendalam lagi. Usaha ini memberi harapan yang lebih baik kepada profesion perguruan melalui pendidikan yang terancang.

PERNYATAAN MASALAH

Program latihan guru kepada guru-guru SRA JAIS telah lama dilaksanakan iaitu secara berterusan dan berkala mengikut kepada keperluan dan peningkatan tahap profesionalisme

guru seseorang. Pelaksanaan dasar baharu dalam sistem pendidikan JAIS yang mengguna pakai Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) bermula tahun 2015 di semua sekolah tadbiran JAIS menuntut guru-guru supaya melaksanakannya dalam sesi PdPc di sekolah. Melalui sistem tersebut, semua konsep pengajaran mestilah dilaksanakan secara integrasi antara ilmu naqli dan aqli serta pembangunan yang menyeluruh dari aspek JERI murid-murid. Pendekatan sistem ini cuba mengubah konsep pembelajaran yang bersaskan teori kepada pembelajaran yang mementingkan aspek amali supaya selaras dengan FPK dan FPI JAIS (Mohammad Amir Danuri, 2017; Muhamad Asmadi bin Mustakim, 2017). Walaupun demikian, kemahiran guru-guru SRA JAIS dalam pengajaran mempunyai pelbagai tahap kerana latar belakang pendidikan yang berbeza dan pengalaman dalam pengajaran. Situasi ini pernah diutarakan sebelum ini yang menjelaskan supaya meningkatkan penguasaan dalam penulisan rancangan pengajaran harian (RPH) berasaskan IHES dan pemilihan pendekatan pengajaran yang berpusatkan kepada murid (Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah Haji Nor, 2015; Kamarulnizam Sani & Zetty Nurzuliana Rashed, 2018). Sehubungan dengan itu juga, kajian yang menyentuh tahap perubahan tingkahlaku guru-guru SRA JAIS berkaitan pengajaran setelah mendapat sesuatu latihan adalah sangat kurang dibincangkan. Oleh itu, satu kajian khusus berkaitan isu-isu tersebut akan dibahaskan dalam kajian ini.

TUJUAN, OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap perubahan tingkahlaku guru dari aspek strategi pengajaran setelah mengikuti program latihan guru berdasarkan IHES dan mengenalpasti perbezaan tahap perubahan tingkahlaku guru dari aspek strategi pengajaran berdasarkan status perjawatan. Objektif dan persoalan kajian adalah seperti berikut;

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti tahap perubahan tingkahlaku guru dari aspek strategi pengajaran setelah mengikuti program latihan guru berdasarkan IHES.
2. Mengenalpasti perbezaan tahap perubahan tingkahlaku guru dari aspek strategi pengajaran guru berdasarkan status perjawatan.

Persoalan Kajian

1. Apakah tahap perubahan tingkahlaku guru dari aspek strategi pengajaran setelah mengikuti program latihan guru berdasarkan IHES?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan perubahan tingkahlaku guru dari aspek strategi pengajaran guru berdasarkan status perjawatan?
   Ho^1: tidak terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan perubahan tingkahlaku guru dari aspek strategi pengajaran guru berdasarkan status perjawatan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan berpandukan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data. Kajian tinjauan adalah kaedah pengkajian secara deskriptif yang dapat mengumpul data berhubung fenomena yang tidak dapat dilihat secara langsung. Kaedah tinjauan adalah suatu cara untuk memungut data daripada sesuatu populasi yang besar melalui teknik persampelan secara rawak berstrata. Cara yang digunakan dalam memungut data melalui kaedah ini dengan menggunakan soal selidik adalah termudah dan berkesan untuk saiz sampel kajian keseluruhannya (Loeb et al., 2017). Kaedah ini juga mampu memperoleh banyak maklumat dalam satu-satu masa dan mudah dikendalikan serta dapat membekalkan maklumat deskriptif yang kukuh dan tepat daripada sampel kajian (Mohd Hamzah, Sirat, Mohd

Izham Mohd Hamzah, & Mazlan Sirat, 2018). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan perisian program SPSS versi 22.0 utuk menganalisis data kuantitatif yang telah diperoleh secara deskriptif dan inferensi.

(a) Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah seramai 5,489 orang dan sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru SRA JAIS yang terdiri daripada guru tetap, kontrak, KAFA dan sambilan yang mengajar di sembilan daerah di Selangor iaitu daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Gombak, Hulu Selangor dan Petaling. Guru-guru yang terlibat sebagai sampel kajian adalah seramai 535 orang berdasarkan penentuan saiz sampel yang dikemukakan Krejcie dan Morgan (1970).

(b) Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dalam kajian ini yang tertumpu kepada persoalan kajian iaitu mengenal pasti tahap tingkahlaku guru-guru SRA JAIS dari aspek strategi pengajaran berasaskan IHES. Borang soal selidik dibina dan digunakan sebagai instrumen pengumpulan data utama bagi menjawab permasalahan kajian. Instrumen kajian ini dibahagikan kepada lapan bahagian utama antaranya bahagian A berkaitan demografi responden dan bahagian F merujuk kepada penilaian pembelajaran yang mengandungi item pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Item kemahiran guru dari aspek pengajaran mengandungi 13 item keseluruhannya yang menggunakan Skala Likert lima peringkat bagi menjawab item soal selidik tersebut. Nilaian skala penilaian tersebut ialah skala 1 mewakili nilai sangat tidak setuju (0 – 19%), skala 2 mewakili nilai tidak setuju (20 -39%), skala 3 mewakili nilai sederhana setuju (40 – 59%), skala 4 mewakili nilai setuju (60 – 79%) dan skala 5 mewakili nilai sangat sangat setuju (80 – 100%) (Mohd Azmi Mat Yusoff, 2016). Instrumen kajian ini telah dibina sendiri oleh pengkaji melalui kajian literatur yang telah dibuat dengan mendapat kesahan dan kebolehpercayaan melalui ujian Cronbach Alpha, kesahan muka dan kandungan melalui Indeks Kesahan Kandungan Setiap Item (I-CVI) dan kesahan konstruk melalui Exploratory Factor Analysis (EFA) (Gay, Mills, & Airasian, 2012; Ramlan Mustapha, 2017).

(c) Kaedah Penganalisisan Data

Analisis data yang digunakan ialah statistik deskriptif dan inferensi. Bagi menjawab persoalan kajian pertama, pengkaji menggunapakai interpretasi min yang dicadangkan oleh Azhar Ahmad (2006) daripada Nunnally dan Bernstein (1994). Bagi setiap konstruk dalam penilaian latihan guru dikategorikan tentang tahap penilaian mengikut persepsi responden tinggi (min 4.01 hingga 5.00), sederhana tinggi (min 3.01 hingga 4.00), sederhana rendah (min 2.01 hingga 3.00) dan rendah (min 1.00 hingga 2.00) (Ahmad Munawwar Ismail, 2009; Azhar Ahmad, 2006). Analisis inferensi digunakan untuk menjawab persoalan kedua dengan menggunakan ANOVA sehala. Secara amnya statistik inferensi digunakan untuk melihat perkaitan-perkaitan yang wujud antara dua pemboleh ubah (Pallant, 2010). Ujian ANOVA sehala merupakan satu pendekatan statistik yang digunakan untuk membandingkan perbezaan antara satu pemboleh ubah bersandar dengan beberapa kumpulan dalam pemboleh ubah bebas (Chua Yan Piaw, 2014a, 2014b). Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah tingkahlaku guru manakala pemboleh ubah bebas ialah status perjawatan guru. Ujian ANOVA sehala digunakan untuk menguji hipotesis kajian yang dibina. Jumlah nilai $p>0.05$ digunakan untuk melihat perbezaan yang signifikan dalam beberapa pemboleh ubah yang telah disebutkan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dalam bahagian ini akan memaparkan data yang berkaitan profil responden kajian, perubahan tingkahlaku guru-guru SRA JAIS dari aspek strategi pengajaran setelah menyertai program IHES dan perbezaan tahap perubahan tingkahlaku guru berdasarkan status perjawatan.

Profil Responden Kajian

Berdasarkan Jadual 1 memaparkan taburan data status perjawatan guru-guru SRA JAIS dan jumlah sampel guru yang berada dalam negeri Selangor. Status perjawatan responden kajian adalah berbeza-beza iaitu 145 orang (27.1%) berstatus tetap, 258 orang (48.2%) berstatus kontrak dan 132 orang (24.7%) adalah berstatus sambilan. Jumlah responden yang dominan adalah daripada status kontrak diikuti status tetap dan sambilan.

Jadual 1. Profil responden kajian

Latar Belakang	Responden	Frekuensi	Peratusan (%)
Status perjawatan	Tetap	145	27.1%
	Kontrak	258	48.2%
	Sambilan	132	24.7%
Jumlah		535	100

Tahap Perubahan Tingkahlaku Guru-Guru SRA JAIS Setelah Mengikuti Program Latihan Guru

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan tahap perubahan tingkah laku guru terhadap subkonstruk strategi pengajaran setelah mengikuti latihan guru berada pada tahap skor min yang tinggi dan sederhana tinggi iaitu di antara 3.78 hingga 4.29. Antara item-item yang tinggi ialah guru mengajar mengikut masa yang dirancangkan pada langkah-langkah pengajaran (min = 4.28 ; SP = 0.666), menggunakan sumber-sumber terkini dalam proses PdPc. (min = 4.17 ; SP = 0.676) dan guru memberi pengukuhan kepada pelajar dalam sesi PdPc. (min = 4.29 ; SP = 0.628). Berdasarkan data tersebut, dapatlah difahami bahawa guru-guru telah melaksanakan strategi pengajaran dengan baik. Namun demikian, tahap perubahan tingkah laku guru dalam memilih strategi pengajaran berdasarkan objektif pengajaran (min = 3.81 ; SP = 1.104) dan menggunakan pelbagai jenis bahan pengajaran (min = 3.78 ; SP = 1.082) masih sederhana tinggi. Melalui data ini dapatlah diinterpretasikan bahawa semua guru SRA JAIS sama ada tetap, kontrak dan sambilan telah menunjukkan perubahan tingkahlaku yang sangat ketara setelah mengikuti latihan guru dari aspek strategi pengajaran guru. Secara keseluruhannya menunjukkan tahap perubahan tingkah laku guru-guru SRA JAIS tentang strategi pengajaran setelah program latihan guru dijalankan adalah baik berdasarkan skor min yang diperolehi (min = 4.06 ; SP = 0.831).

Jadual 2. Tahap perubahan tingkahlaku guru-guru SRA JAIS setelah Mengikuti program latihan guru

Bil	Strategi Pengajaran	Min	Sp.	Interpretasi
G6	Saya mengajar mengikut masa yang dirancangkan pada langkah-langkah pengajaran.	4.28	0.666	Tinggi
G7	Saya memilih strategi pengajaran berdasarkan objektif pengajaran.	3.81	1.104	Sederhana tinggi

G8	Saya menggunakan sumber-sumber terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	4.17	0.676	Tinggi
G9	Saya menggunakan pelbagai jenis bahan pengajaran.	3.78	1.082	Sederhana tinggi
G10	Saya memberi pengukuhan kepada pelajar dalam sesi PdPc.	4.29	0.628	Tinggi
		4.06	0.831	Tinggi

Perbezaan Tahap Perubahan Tingkahlaku Guru-Guru SRA JAIS Berdasarkan Status Perjawatan Guru

Berdasarkan Jadual 3 melalui keputusan ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa tingkahlaku guru antara ketiga-tiga status perjawatan adalah signifikan secara keseluruhannya [F (2,532) =4.081, p<0.05]. Maka pengkaji membuat keputusan bahawa terdapat perbezaan tingkahlaku guru dalam strategi pengajaran antara ketiga-tiga status perjawatan yang dikaji dalam kalangan guru-guru SRA JAIS. Dapatan ini menyebabkan hipotesis H_{o1} berjaya ditolak. Justeru, ujian *Post Hoc Multiple Comparisons* dilakukan bagi mengesan kumpulan-kumpulan yang menyebabkan perbezaan tersebut.

Jadual 3: ANOVA sehala perubahan tingkahlaku guru berdasarkan status perjawatan

Taraf Pendidikan	df	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	2	4.081	0.017
Dalam kumpulan	532		
Jumlah	534		

Berdasarkan Jadual 4, keputusan perbandingan pasangan (*Pairwise Comparisions*) dengan menggunakan kaedah Bonferroni menunjukkan bahawa nilai min tingkahlaku guru dalam strategi pengajaran bagi pasangan status perjawatan tetap dan sambilan (perbezaan min = 0.186, p<0.05) adalah signifikan. Ini bererti perbezaan keseluruhan adalah disebabkan oleh perbezaan antara dua status perjawatan guru ini. Berpandukan nilai min kumpulan guru yang mempunyai status perjawatan tetap (min =4.15) dan status perjawatan kontrak (min = 4.06) menunjukkan perubahan tingkahlaku guru dua kumpulan tersebut dalam strategi pengajaran adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan guru yang mempunyai status perjawatan sambilan (min = 3.97).

Jadual 4: *Post Hoc Multiple Comparisons* strategi pengajaran guru berdasarkan status perjawatan

Status Perjawatan (I)	Status Perjawatan (J)	Perbezaan Min (I-J)	Signifikan
Tetap	Kontrak	.08747	.360
	Sambilan	.18603	**.013**
Kontrak	Tetap	-.08747	.360
	Sambilan	.09856	.268
Sambilan	Tetap	-.18603	**.013**
	Kontrak	-.09856	.268

Perbincangan Tahap Perubahan Tingkahlaku Guru-Guru SRA JAIS Dari Aspek Strategi Pengajaran

Tahap perubahan tingkahlaku guru-guru SRA JAIS dari aspek melakukan strategi pengajaran di sembilan daerah dalam negeri Selangor secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tingkahlaku guru-guru SRA JAIS dari aspek strategi pengajaran melalui pengajaran mengikut masa yang dirancangkan pada langkah-langkah pengajaran, menggunakan sumber-sumber terkini dalam proses PdPc dan memberi pengukuhan kepada pelajar

dalam sesi PdPc adalah tinggi. Kepentingan strategi pengajaran mengikut masa yang dirancangkan pada langkah-langkah pengajaran adalah sangat diperlukan dan turut dirasai oleh guru-guru SRA JAIS. Dalam hal ini, seseorang guru akan berusaha memanfaatkan masa yang diperuntukkan untuk merancang aktiviti yang sesuai selaras dengan hasil pembelajaran yang direncanakan. Peruntukan masa yang diunjurkan mengikut bidang mata pelajaran memandu guru merancang aktiviti PdPc mengikut langkah-langkah pengajaran yang ditentukan. Menurut Hannah Aqilah Amran, Rosadah Abd Majid, & Manisah Mohd Ali (2019) menjelaskan bahawa strategi pengajaran yang ingin digunakan mestilah bersesuaian dan memenuhi keperluan semua murid. Sejajar dengan pihak JAIS menganjurkan kursus tafaquh mata pelajaran untuk menambah baik kaedah dan teknik pengajaran guru dalam sesuatu mata pelajaran khususnya bagi guru-guru yang baharu dilantik. Melalui kursus ini, guru-guru dapat mengenal pasti kaedah dan teknik yang berkesan mengikut mata pelajaran dan boleh mengaplikasikan mengikut langkah-langkah pengajaran (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2018b).

Dalam aspek strategi pengajaran dengan menggunakan sumber-sumber terkini dalam proses PdPc mendapati guru-guru SRA JAIS sangat aktif dan bersungguh-sungguh dengan strategi yang ingin digunakan. Sumber-sumber terkini dalam pendidikan merujuk kepada bahan yang berorientasikan ICT dan berteknologi tinggi. Pembelajaran berasaskan sumber pendidikan berteknologi tinggi merujuk kepada pewujudan dan penyediaan kemudahan sumber dan peralatan seperti perkakasan, perisian, dan rangkaian Internet kepada semua warga sekolah yang ingin mendapatkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai sama ada melalui proses PdPc secara formal atau kendiri (Mohammad Azri Amatan & Crispina Gregory K Han, 2019; Mohd Faeez Ilias et al., 2016). Selaras dengan pendekatan sistem PAK 21, pihak Bahagian Pendidikan Islam (BPI) JAIS menyediakan kursus-kursus yang berkaitan PAK 21 sebagai tanggungjawab melatih para guru untuk melaksanakan pembelajaran yang lebih berkualiti berbantukan sumber-sumber terkini dan berteknologi. Melalui kursus tersebut, guru-guru akan didedahkan dengan konsep dan ciri-ciri PAK 21, kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai, kompetensi guru abad 21, aktiviti-aktiviti dan susun atur kelas PAK 21 (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2018a).

Strategi pengajaran dengan memberi pengukuhan kepada murid-murid dalam sesi PdPc dilaksanakan dengan baik oleh guru-guru SRA JAIS. Para guru menyedari bahawa aktiviti pengukuhan perlu dilaksanakan untuk memantapkan ilmu dan kemahiran yang dipelajari dan menilai tahap kecapaian murid dalam sesuatu topik. Antara cara yang boleh dilakukan adalah melalui proses penilaian pembelajaran. Penilaian pembelajaran perlu dilakukan kerana tahap penguasaan murid adalah berbeza-beza atas pelbagai faktor antaranya motivasi, pengetahuan, kemahiran, persekitaran dan lain-lain. Menurut Ravikumar K. Varatharaj (2015), pentaksiran dan penilaian perlu berfokus kepada pembelajaran murid dan bukannya kepada pengajaran guru. Hal ini bermaksud penilaian pembelajaran murid adalah tentang perkara yang telah dipelajari dan diketahui menjadi fokus pentaksiran guru. Manakala dalam konteks penilaian IHES JAIS bukanlah semata-mata berfokuskan kepada peperiksaan, tetapi memberi tumpuan dan fokus yang bersepadu, seimbang dan menyeluruh dalam usaha membentuk kemenjadian generasi al-Quran. Penilaian yang dilakukan adalah melalui penghayatan ilmu, pembentukan akhlak mulia, peningkatan kecekapan dan kemahiran, pencapaian akademik dan aplikasi dalam kehidupan (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2019a; Kamarulnizam Sani & Zetty Nurzuliana Rashed, 2018).

Perbincangan sebelum ini menjelaskan bahawa tahap perubahan tingkahlaku guru-guru SRA JAIS setelah menghadiri sesi latihan guru dalam melakukan strategi pengajaran adalah baik. Para guru yang dilantik memahami dengan jelas tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebelum proses PdPc dilaksanakan. Namun demikian, pemilihan strategi pengajaran berdasarkan objektif pengajaran dan penggunaan pelbagai jenis bahan pengajaran kurang dititikberatkan guru-guru SRA JAIS dalam strategi pengajaran. Secara ironinya, pemilihan

strategi pengajaran mestilah berdasarkan objektif pengajaran yang direncanakan. Dalam hal ini, strategi pengajaran yang digunakan mestilah sesuatu yang boleh menarik minat murid dan mengembangkan aspek kemenjadian murid (Raihan Mohd Arifin & Kamarul Shukri Mat Teh, 2019). Strategi pengajaran boleh diklasifikasikan kepada tiga bahagian iaitu berpusatkan guru, murid dan bahan. Namun dalam konsep pembelajaran aktif lebih menekankan pembelajaran berpusatkan murid dan bahan (Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah Haji Nor, 2015). Manakala melalui pendekatan IHES JAIS, strategi pengajaran yang digunakan adalah dengan mengintegrasikan antara ilmu naqli dan aqli dalam mata pelajaran (Mohammad Amir Danuri, 2017; Zetty Nurzuliana Rashed et al., 2017). Melalui cara tersebut, diharapkan pembangunan insan secara menyeluruh dan holistik dapat direalisasikan.

Dalam aspek penggunaan pelbagai jenis bahan pengajaran, guru-guru SRA JAIS tidak dapat menggunakan bahan-bahan pembelajaran berteknologi tinggi kerana keadaan kelengkapan dan prasarana yang kurang mencukupi. Perkara ini pernah dijelaskan melalui kajian-kajian terdahulu yang mana penyediaan bahan-bahan elektronik yang terhad dan terdapat beberapa kekangan lain seperti wifi sekolah yang lemah, suasana kelas yang tidak kondusif dan kemahiran guru untuk mengendalikan bahan-bahan tersebut. Suasana ini menggambarkan permasalahan dan cabaran yang dihadapi SRA JAIS yang tidak mempunyai prasarana yang mencukupi untuk menampung keperluan yang semakin mendesak (Azizi Umar et al., 2013; Nor Raudah Siren, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Siti Jamiaah Abdul Jalil, & Azrin Ab Majid, 2018). Keupayaan kewangan JAIS juga terhad untuk mengadakan kelengkapan pengajaran secara skala besar berasaskan jumlah sekolah dan guru sedia ada. Justeru itu, guru-guru menggunakan bahan sedia ada dan lebih kepada bahan maujud dan bukan elektronik.

Perbezaan Tingkahlaku Guru-Guru SRA JAIS Dalam Aspek Strategi Pengajaran Berdasarkan Faktor Demografi

Berdasarkan analisis kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan mengenai perubahan tingkahlaku guru-guru SRA JAIS berdasarkan status perjawatan. Hal ini membuktikan bahawa tingkahlaku guru-guru SRA JAIS adalah berbeza-beza mengikut status perjawatan yang dimiliki. Guru-guru yang mempunyai status jawatan tetap menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap guru-guru yang mempunyai status perjawatan sambilan. Spesifikasi jawatan sambilan ialah guru yang dilantik oleh JAIS yang sama tarafnya dengan guru KAFA yang tidak memerlukan ikhtisas perguruan sebagai syarat kemasukan. Kelayakan asas untuk menjadi guru sambilan sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mempunyai aliran agama Islam dan sijil-sijil agama lain sebagai sokongan. Had umur yang layak memohon mestilah berumur 21 tahun dan ke atas sehinggalah berumur 55 tahun. Berdasarkan faktor demografi, jumlah guru yang bukan tetap adalah dominan iaitu 70 peratus dan selebihnya adalah guru tetap. Faktor ikhtisas dan kelayakan dalam pendidikan sedikit sebanyak menyumbang kepada proses penambahbaikan kualiti pengajaran kerana memerlukan masa untuk memahami sesuatu konsep. Tambahan pula, IHES merupakan sistem baharu yang mula diperkenalkan secara rasminya pada tahun 2015. Pengaplikasian IHES di sekolah dalam konteks pengajaran dilakukan secara berperingkat-peringkat begitu juga latihan yang diberikan kepada para guru.

Manakala guru guru kontrak ialah guru yang dilantik oleh JAIS mengikut tempoh tertentu yang dimeterai antara kedua belah pihak. Tempoh lantikan biasanya dibuat selama dua tahun sekali dan kemudiannya memperbaharuinya semula. Tujuan pihak JAIS melantik guru sambilan adalah untuk menampung kekurangan guru sedia ada di sekolah rendah dan menengah. Guru-guru kontrak ini sebahagiannya mempunyai ikhtisas perguruan dan mereka belum mempunyai peluang untuk mendapat jawatan tetap kerana waran perjawatan yang diperuntukkan oleh persekutuan adalah terhad. Proses mendapatkan waran perjawatan tersebut

adalah melalui permohonan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri kepada persekutuan (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2019b). Maka dengan itu, dapatlah difahami bahawa perbezaan yang berlaku dari aspek pemilihan strategi pengajaran yang sesuai dalam kalangan guru-guru SRA JAIS adalah melalui faktor ikhtisas.

Selain itu, guru yang berstatus tetap kebanyakannya telah berkhidmat melebihi 5 tahun dan ini menjadi nilai tambah dalam mengembangkan profesionnya melalui latihan-latihan secara tetap dan berkala. Dalam masa yang sama, latar belakang guru-guru SRA JAIS kebanyakannya adalah guru-guru yang tidak terlatih khususnya peringkat STPM/STAM/Rabi' Thanawi dan ke bawah (Nor Raudhah Siren, Azrin Ab. Majid, & Siti Jamiaah Abdul Halim, 2013). Manakala guru-guru SRA JAIS yang mempunyai taraf pendidikan peringkat sijil/diploma dan ke atas sebahagiannya telah memiliki ikhtisas dalam bidang pendidikan (Mohd Faeez Illias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman, 2017). Oleh yang demikian, tahap kemahiran guru-guru yang mempunyai sijil/diploma dan ke atas adalah lebih tinggi berbanding guru-guru yang mempunyai STPM/STAM/Rabi' Thanawi. Selain itu, mungkin terdapat faktor lain yang turut menyumbang kepada tahap kemahiran mengajar seseorang guru tersebut antaranya seperti pengalaman mengajar dan lain-lain (Mohd Izham Mohd Hamzah & Mazlan Sirat, 2018).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perubahan tingkahlaku guru dari aspek strategi pengajaran berasaskan IHES dalam kalangan guru-guru SRA JAIS setelah menghadiri latihan yang diberikan adalah baik. Aspek strategi pengajaran yang berjaya dilakukan meliputi aspek pengajaran mengikut masa yang dirancangkan pada langkah-langkah pengajaran, menggunakan sumber-sumber terkini dan memberi pengukuhan kepada pelajar dalam sesi PdPc. Dalam kajian ini juga memberi maklumat bahawa guru-guru SRA JAIS yang mempunyai perjawatan tetap lebih menguasai untuk melakukan strategi pengajaran berbanding guru-guru kontrak dan sambilan. Oleh itu, kajian ini mengharapkan program latihan guru dapat diperkasakan dengan mengambilkira model-model Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang diamalkan di tempat lain dan modul latihan guru yang lebih efisyen.

RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri, & Nur Hanani Hussin. (2017). Pendidikan Abad ke 21 Dalam Kepelbagaian Budaya : Cabaran dan Harapan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Bahagian Pendidikan Islam ,. *Kertas Kerja Ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa Ke-8 (PEDA8)*, (September), 1–12.

Ab. Halim Tamuri, & Siti Muhibah Haji Nor. (2015). Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan*, *2*(3), 28–42. https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004

Abdul Ghafar Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Husin, & Mohd Aderi Che Noh. (2015). Penilaian Keberkesanan Kursus Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, *2*(3), 1–14.

Ahmad Munawwar Ismail. (2009). *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Azhar Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azizi Umar, Supyan Hussin, Shaharuddin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim, Imran Kamal Basah,

Mohd Kamal Radiman, & Abdul Fattah Pardon. (2013). Masalah pengurusan dan keperluan Sekolah Agama Rakyat (Sar) /Kelas Al-Quran dan fardu ain (Kafa) persendirian di Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajian Islam*, *1*(5), 136–161.

Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2018a). *Modul Latihan PKG JAIS: Kursus Pengajaran dan Pembelajaran Interaktif*. Shah Alam.

Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2018b). *Modul Latihan PKG JAIS: Kursus Tafaquh Mata Pelajaran*. Shah Alam.

Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2019a). Dasar dan Pelaksanaan Integrated Holistic Education System (IHES) Bahagian Pendidikan Islam JAIS.

Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2019b). *Kategori Guru-Guru SRA JAIS*. Shah Alam, Selangor.

Chua Yan Piaw. (2014a). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan:Kaedah Penyelidikan* (Edisi ke 3). McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.

Chua Yan Piaw. (2014b). *Ujian Univariat dan Multivariat : Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.

Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. (2012). *Educational Research: Competencies For Analysis and Applications* (Edisi ke 1). Upper Saddle Ridge, NJ: Pearson Publishing.

Hannah Aqilah Amran, Rosadah Abd Majid, & Manisah Mohd Ali. (2019). Cabaran Guru Pendidikan Khas Pada Abad Ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, *4*(26), 113–122.

Kamarulnizam Sani, & Zetty Nurzuliana Rashed. (2018). Penilaian Terhadap Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Di Sekolah Rendah Agama Integrasi Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. *Malaysian Online Journal of Education*, *2*(2), 1–6.

Karwadi. (2009). Tujuan pendidikan islam dalam pemikiran hasan langgulung. *Journal PAI*, *4*(2), 137–158.

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, *30*, 607–610.

Loeb, S., Dynarski, S., Mcfarland, D., Morris, P., Reardon, S., & Reber, S. (2017). *Descriptive analysis in education: A guide for researchers The National Center for Education Evaluation and Regional Assistance (NCEE) conducts unbiased large-scale evaluations of education programs and practices*. Washington.

Mohammad Amir Danuri. (2017). *Kertas Dasar Dan Hala Tuju Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor*. *Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor*.

Mohammad Azri Amatan, & Crispina Gregory K Han. (2019). Pengaruh Persekitaran Psikososial Sekolah dan Efikasi Kendiri Guru Terhadap Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, *4*(32), 284–314.

Mohd Azmi Mat Yusoff. (2016). *Penilaian Program Latihan Dalam Perkhidmatan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Faeez Ilias, Murihah Abdullah, Kalthom Husain, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Hafiz Abdullah, & Arieff Salleh Rosman. (2016). Jenis-Jenis Sumber Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Dalam Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Sekolah Bestari. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, *3*(2), 41–54. https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004

Mohd Faeez Illias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman. (2017). Penilaian Terhadap Perlaksanaan Sistem Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama JAIS. In *4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)* (pp. 1–23). Selangor.

Mohd Hamzah, M. I., Sirat, M., Mohd Izham Mohd Hamzah, & Mazlan Sirat. (2018). Tahap Pelaksanaan Latihan dalam Perkhidmatan dan Hubungannya dengan Pengalaman Mengajar serta Kekerapan Menghadiri Latihan Guru Sekolah Rendah Berprestasi Tinggi di Putrajaya (The Level of Implementation of In-Service Training and Its Relationship with Te. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *43*(01), 17–23. https://doi.org/10.17576/jpen-2018-43.01-03

Mohd Izham Mohd Hamzah, & Mazlan Sirat. (2018). Tahap Pelaksanaan Latihan dalam Perkhidmatan dan Hubungannya dengan Pengalaman Mengajar serta Kekerapan Menghadiri Latihan Guru Sekolah Rendah Berprestasi Tinggi di Putrajaya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *43*(1), 17–23. https://doi.org/http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.01-03

Muhamad Asmadi bin Mustakim. (2017). *Dasar dan Pelaksanaan IHES JAIS*.

Nor Raudah Siren, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Siti Jamiaah Abdul Jalil, & Azrin Ab Majid. (2018). Kepelbagaian Pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, *13*(1), 45–56. https://doi.org/10.22452/jat.vol13no1.5

Nor Raudhah Siren, Azrin Ab. Majid, & Siti Jamiaah Abdul Halim. (2013). Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia. *Prosiding International Seminar On Islamic Malay World, Bandung.*, 206–221. Retrieved from https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00001227_98528.pdf

Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric Theory* (Edisi Pert, Vol. 1). New York: McGraw-Hill,Inc.

Pallant, J. (2010). *SPSS Survival Manual : A Step By Step Guide to Data Analysis Using SPSS* (4th ed.). Sydney: Maidenhead : Open University Press/McGraw-Hill.

Raihan Mohd Arifin, & Kamarul Shukri Mat Teh. (2019). Kemenjadian Pelajar Berasaskan Strategi Dan Pelaksanaan Iklim Dini: Satu Konseptualisasi. *Asian People Journal (APJ)*, *2*(1), 54–63.

Ramlan Mustapha. (2017). *Rekabentuk model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan,Universiti Malaya.

Ravikumar K. Varatharaj. (2015). Amalan Pentaksiran Dalam PdP Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Di Sekolah Kluster. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, *9*, 1–17.

Saedah Siraj, & Mohammed Sani Ibrahim. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. In *Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA* (pp. 1–44).

Zetty Nurzuliana Rashed, Siti Rashidah Abd.Razak, Norshilawani Shahidan, Ahmad Shafiq Mat Razali, Zanaton Iksan, & Sri Andayani Mahdi Yusuf. (2017). Strategi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Mengintegrasikan Ilmu Naqli Dan Aqli Menggunakan Pendekatan ‘ Lesson Study ’ Teaching Strategies of Islamic Education Teachers in Integrating Naql and Aql Knowledge Using ‘ Lesson Study ’ Approach. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, *4*(1), 162–174.

Keberkesanan Aplikasi Teknik One Stay Three Stray Dalam Pembelajaran Bidang Sirah Pendidikan Islam

Jamaliah Abidin
jamaliahabidin95@gmail.com
Universiti Kebangsaan Malaysia

Hafizhah Zulkifli
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

This action research was implemented to review the effectiveness the application of PAK 21 teaching method, which is one stay three stray in teaching Islamic education in sirah. This series of issues arises stating that sirah is difficult to understand and nothing interesting to learn. Therefore, this action research aims to examine the effect of one stay three stray technique on the level of student mastery in sirah, in addition to identify the influence of one stay three stray technique on students' interest in learning sirah and third is to identify the influence of one stay three stray teaching technique on the skills acquired by students during PdPc. This study is a qualitative study that involved 13 students as a sample study where interviews and observations are the methods implemented to collect data. The results of the interviews found that there are six themes required in teaching the field of sirah using the one stay three stray method which is hard to understand, positive feeling, grouping, reflection, 21st century skills and creative teaching. The findings of the study found that the implementation of the one stay three stray method has a positive impact in attracting students to be actively involved during the learning session. This study gives implications to Islamic Education teachers especially in the teaching of Islamic Education in sirah to achieve the objectives in the teaching of sirah which covers the three domains in education cognitive, psychomotor and affective in an integrated manner
Keywords: PAK21, One Stay Three Stray, Sirah, Islamic Education

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dilaksanakan bagi meninjau keberkesanan aplikasi kaedah pengajaran PAK 21 iaitu one stay three stray dalam pengajaran pendidikan islam dalam bidang sirah. Hal ini rentetan timbul isu yang menyatakan bahawa bidang sirah ini sukar untuk difahami dan tiada yang menarik untuk dipelajari. Maka kajian tindakan ini bertujuan untuk mengkaji kesan teknik one stay three stray terhadap tahap penguasaan murid dalam bidang sirah, selain itu untuk mengenalpasti pengaruh teknik one stay three stray terhadap minat murid dalam mempelajari bidang sirah dan yang ketiga adalah untuk mengenalpasti pengaruh teknik pengajaran one stay three stray terhadap kemahiran yang diperolehi oleh pelajar sewaktu PdPc berlangsung. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan 13 orang pelajar sebagai sampel kajian dimana temubual dan pemerhatian adalah metode yang dilaksanakan bagi mengutip data. Hasil temubual mendapati bahawa terdapat enam tema yang diperlukan dalam pengajaran bidang sirah menggunakan kaedah one stay three stray iaitu sukar untuk difahami, perasaan positif, berkumpulan, refleksi, kemahiran abad ke-21 dan pengajaran kreatif. Dapatan kajian mendapati pelaksanaan kaedah one stay three stray memberikan impak positif dalam menarik minat murid untuk terlibat secara aktif sewaktu sesi pembelajaran. Kajian ini memberi implikasi kepada guru Pendidikan Islam khasnya dalam pengajaran Pendidikan Islam dalam bidang sirah untuk mencapai objektif dalam pengajaran sirah yang meliputi ketiga-tiga domain dalam pendidikan iaitu kognitif, psikomotor dan afektif secara bersepadu.
Kata Kunci: PAK21, One Stay Three Stray, Bidang Sirah, Pendidikan Islam

PENGENALAN

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran penting yang harus disampaikan kepada para pelajar baik secara formal mahupun tidak formal. Dimana, Pendidikan Islam adalah pendidikan yang berasaskan ajaran Islam (Ghazali Darussalam, 2001; Mohd Yusuf, 2002) yang menitikberatkan pembentukan sikap manusia daripada pelbagai aspek yang merangkumi pembentukan daripada aspek jasmani, rohani, akal, akhlak dan sosial yang mana matlamat akhirnya adalah untuk melahirkan hamba yang dapat mengabdikan diri kepada Allah SWT (Al-Jamali, 1967). Mohamad Kamal (1988) menyebut bahawa Pendidikan Islam pada hakikatnya bukanlah satu mata pelajaran yang hanya memberikan penekanan terhadap penyampaian satu maklumat yang sempit dan kaku, akan tetapi ia merupakan satu sistem dan gagasan yang membentuk prinsip dan cara hidup seseorang individu berasaskan sumber wahyu yang diturunkan sebagai panduan kehidupan kepada manusia sepenuhnya.

Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam dimana "Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-sunnah bagi membentuk sikap kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara kearah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat" (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Dengan itu, melalui hasil pembelajaran daripada subjek pendidikan Islam ini mengharapkan kemenjadian modal insan yang berilmu dan beradab dapat dilahirkan selaras dengan apa yang ingin digarap dalam Falsafah Pendidikan Islam iaitu untuk melahirkan modal insan secara menyeluruh yang tidak hanya memberikan perhatian dan penekanan kepada bidang akademik semata-mata tetapi juga keperibadian dan sahsiah yang unggul secara bersepadu. Selaras dengan itu, Pendidikan Islam mesti diperkenalkan dan diajarkan sebagai al-Din iaitu agama, dan bukan sekadar hanya proses menyampaikan maklumat dan pengetahuan semata-mata tetapi hendaklah disertakan dengan amalan dan dihayati sepenuhnya oleh setiap individu yang bergelar muslim yang beriman kepada Allah S.W.T.

Dalam silibus Pendidikan Islam KSSM, terdapat enam bidang utama yang perlu diajar dan disampaikan kepada pelajar iaitu bidang Al-Quran, bidang Hadis, bidang Akidah, bidang Fekah, bidang Sirah&tamadun dan bidang Akhlak (Bahagian Pengurusan Kurikulum, 2018). Namun, dalam kajian ini pengkaji memberikan fokus kepada bidang Sirah. Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (2008) menyatakan sirah mengandungi pelbagai aspek menyeluruh berkaitan riwayat Nabi Muhammad S.A.W. yang menyentuh kehidupan baginda yang dapat dijadikan sebagai panduan dan pedoman oleh umat Islam, sukatan ini boleh didapati dalam huraian sukatan Pendidikan Islam bidang Sirah Tingkatan 1, selain sirah berkaitan dengan Nabi SAW, bidang sirah juga turut membincangkan mengenai sejarah tokoh-tokoh islam dan tamadun islam itu sendiri (Bahagian Pengurusan Kurikulum, 2018).

Oleh itu, untuk menjayakan proses PdPc dalam bidang sirah ini memerlukan kepada pemilihan dan penggunaan kaedah mengajar dalam kalangan guru yang mana ia merupakan suatu hala tuju penentu sejauh mana pelajar dapat memperolehi objektif yang ditetapkan dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) sewaktu sesi PdPc berlangsung, pemilihan pedagogi, kaedah dan teknik pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap dan minat pelajar akan memotivasikan dan menarik minat pelajar untuk menyertai aktiviti PdPc dengan lebih aktif (Zamri, 2012). Dengan ini hala tuju pengajaran yang bersifat lebih kontemporari dengan perancangan yang lebih kreatif mampu untuk meningkatkan kefahaman pelajar dengan lebih berkesan. Hal ini disokong oleh pendapat Asmawati Suhid et al. (2015) di mana pengajaran bermakna dapat dihasilkan melalui pengajaran yang terbaik. Hasil pengajaran yang berkesan adalah bergantung kepada pedagogi yang dijalankan oleh guru Pendidikan Islam. Pedagogi yang dilaksanakan guru termasuklah merancang, melaksana, menilai dan mereflek yang

membantu murid meningkatkan kefahaman terhadap proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Dengan kaedah pembelajaran yang lebih berpusatkan murid dan diinovasikan seiring dengan perkembangan semasa pelajar akan membantu meningkatkan kefahaman dan prestasi murid dalam satu-satu mata pelajaran khasnya subjek Pendidikan Islam. Hal ini bersesuaian dengan tuntutan pendidikan kontemporari yang tidak hanya terhenti setakat keputusan peperiksaan yang diperolehi dan kemudian melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi kemudian memberikan kualiti perkhidmatan yang cemerlang untuk tujuan kelangsungan hidup dan pembangunan negara amnya, akan tetapi, ditambah lagi dengan tuntutan KPM terhadap keperluan pendidikan adalah untuk menyediakan modal insan yang mampu berdaya saing dengan negara luar yang lain dan berfikiran kritis serta kreatif dalam mendepani cabaran arus modenasisasi pada masa akan datang.

Reformasi kurikulum telah mula diperkenalkan melalui pelaksanaan KSSR, Kurikulum Standard Sekolah Rendah seawal tahun 2011 lagi, yang mana kemudiannya ditambahbaik lagi pada tahun 2017 kepada pelaksanaan KSSR (semakan). Yang mana elemen dalam semakan kurikulum ini lebih memberikan penekanan kepada kompetensi dan kemahiran yang lebih memenuhi keperluan pembelajaran selaras dengan tuntutan arus modenasisasi kontemporari ini. Terdapat enam elemen yang perlu diterapkan dalam kemahiran PAK21 iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika, yang mana kesemua nilai ini juga dirangkumkan sebagai standard asas dalam PAK21.

Dengan ini penyampaian bahan pembelajaran seharusnya tidak hanya sehala sahaja yang mana tidaklah dari guru sepenuhnya akan tetapi juga melibatkan dan menggalakkan murid untuk turut serta dalam proses PdPc sebagai peserta bukan murid yang hanya menjadi pendengar kepada syarahan guru. Contoh kaedah PAK 21 ialah *one stay three stray* dimana kaedah ini melibatkan pembentukan kumpulan kecil dalam kelas tersebut, dengan penglibatan ahli kumpulan menggalakkan kerjasama antara ahli, dan dari situlah timbulnya kemahiran berkomunikasi, kemahiran kepimpinan dan kemahiran PAK21 yang lain. Apabila Guru Pendidikan Islam menggunakan kaedah ini, yang tidak hanya berpusatkan guru dan kurang komunikasi berbentuk sehala, akan menggalakkan penyertaan aktif daripada kalangan murid. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan pelajar berminat untuk belajar bidang sirah dalam pendidikan Islam dan disamping daripada pembelajaran tersebut, murid mempelajari kemahiran-kemahiran baru seperti yang diharapkan daripada hasil pembelajaran PAK21 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

PERNYATAAN MASALAH

Fenomena hari ini memperlihatkan pelbagai masalah sosial yang muncul dalam kalangan remaja yang sering dipaparkan samada di media sosial, berita mahupun dada akhbar. Salah satu hal yang mendukung isu ini adalah disebabkan oleh konflik jati diri dan keteguhan iman yang dihadapi oleh remaja Alaf 21 ini (Nurul Eeffah 2016). Faktor terjadinya isu ini ialah murid kurang penghayatan terhadap pembelajaran sirah kerana akhlak Rasulullah tidak menjadi ikutan dan pedoman bagi mereka dalam menelusuri kehidupan mereka.

Secara tidak langsung, hal ini berkait rapat dengan murid, guru dan kaedah pengajaran yang digunakan sewaktu PdPc berlangsung. Kajian oleh Siti Rohani dan Farid (2016) mendapati murid tidak berminat untuk mempelajari sirah kerana mereka menyatakan bahawa tiada yang istimewa untuk dipelajari dalam bidang sirah. Pernyataan ini disokong oleh hasil kajian Jundan (2008) yang mendapati murid tidak berminat mempelajari sirah kerana anggapan yang sama iaitu tiada yang menarik terhadap sirah.

Selain itu, murid menyatakan sirah merupakan bidang dalam Pendidikan Islam yang paling sukar untuk difahami berbanding lima bidang yang lain yang terdapat dalam kandungan

buku teks pendidikan Islam dan membosankan (Norzaharah Yahya 2011). Tambahan lagi, sirah juga sukar untuk difahami kerana terdapat pelbagai elemen dan fakta yang mesti dihafal dan diingati oleh pelajar sebagaimana subjek sejarah (Mohd Hakim & Mohd Aderi 2016). Seterusnya, kajian Ahmad Fauzi (2017) mendapati murid masih mengamalkan strategi pembelajaran secara menghafal tanpa memahami fakta sirah, dengan ini pembelajaran aktif tidak berjaya diwujudkan sehingga menyebabkan murid tidak berminat untuk mempelajari sirah.

Bahkan, sehingga kini, masih lagi terdapat guru pendidikan Islam yang masih mengamalkan kaedah pengajaran yang berbentuk tradisional iaitu kaedah *chalk and talk* sahaja dimana kaedah ini lebih menumpukan dan berpusatkan kepada guru semata-mata yang menyebabkan kurangnya penglibatan murid secara aktif (Robiah, 2000) dan komunikasi yang berbentuk sehala. Justeru, Ini menyebabkan pelajar berasa bosan dan seterusnya tiada motivasi untuk mengikuti aktiviti PdPc yang berlangsung dalam kelas.

Manakala, Kajian oleh Jundan (2008), Ab. Halim et al. (2011) dan Zakaria (2012) mendapati kebanyakan pembelajaran sirah yang berlangsung dalam kelas menggunakan strategi pembelajaran yang hanya berpusatkan guru. Hal ini disokong oleh kajian Ab. Halim et al. (2012) dimana kaedah penerangan merupakan kaedah utama yang sering digunapakai oleh guru Pendidikan Islam sewaktu mengajar bidang sirah. Selain itu, pembelajaran sirah yang diajar lebih menekankan kepada hafalan fakta penting tanpa murid diberi kefahaman terlebih dahulu (Norzaharah Yahya 2011), hal ini akan menyebabkan tiada penghayatan nilai akan fakta pembelajaran yang dipelajari sewaktu PdPc lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan sirah Rasulullah SAW.

Nurul Eeffah (2016) menambah bahawa peranan guru Pendidikan Islam dalam menyampaikan pengajaran hanya sekadar menceritakan sahaja secara sehala tanpa mengaitkan dengan kehidupan Rasulullah dengan situasi kontemporari yang dihadapi oleh pelajar. Maka, jelas sekali murid tidak akan dapat melihat perkaitan di antara sirah terdahulu dan zaman sekarang sehingga menimbulkan tanggapan bahawa sirah hanyalah satu bidang dalam Pendidikan Islam yang perlu dihafal sebagaimana formula matematik dan kimia yang hanya perlu dihafal tanpa dihayati. Seterusnya, menurut Ngasiman (2014), guru Pendidikan Islam yang tidak kreatif dalam pengajarannya akan membuatkan pelajar cepat bosan dan ini akan mengakibatkan pelajar tidak berminat dan tidak bermotivasi untuk mempelajari pendidikan islam khasnya bidang sirah.

Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa peranan guru Pendidikan Islam sangat penting dalam menerapkan minat murid terhadap sirah agar penghayatan dalam diri murid dapat dipupuk. Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam mestilah berusaha melaksanakan perubahan dalam pengajaran. Kini, sistem pendidikan banyak memasukkan elemen PAK21 yang merupakan satu transformasi yang dilakukan dalam memperbaharui taraf pendidikan yang sedia ada iaitu sistem pendidikan yang lebih bersifat fleksibel, kreatif, mencabar dan lebih kompleks dalam menghadapi arus modenasisasi dan cabaran di masa hadapan. Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam perlu mempunyai kemahiran mengajar Pendidikan Islam yang bersesuaian dengan tahap pemikiran murid (Farhatul & Maimun Aqsha 2016). Tambahan lagi, guru Pendidikan Islam juga perlu memupuk pembelajaran aktif dalam proses PdPc, dimana Tengku Sarina (2014) dan Hazzan et al. (2011) menyatakan pembelajaran aktif melibatkan aktiviti berpusatkan murid, aktiviti secara berkumpulan diterima secara meluas sebagai satu pendidikan yang berkualiti dan bertepatan dengan nilai yang hendak digarap melalui pembelajaran PAK21.

Bagi merubah persepsi murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam haruslah melalui pemupukan keyakinan dan penerapan nilai murni iaitu domain afektif dalam diri pelajar sewaktu PdPc, dengan itu menjadi tanggungjawab guru untuk memikirkan kaedah mengajar yang lebih kreatif yang mampu menarik minat murid dan bersesuaian dengan

kecenderungan mereka disamping mengekalkan emosi mereka sepanjang tempoh pembelajaran berlangsung. Yang mana guru pendidikan Islam khasnya tidak hanya tertumpu menggunakan kaedah tradisional semata-mata iaitu *chalk and talk*, tetapi Guru Pendidikan Islam itu sendiri haruslah bijak dan mahir dalam menggabungjalinkan kaedah tradisional tadi dengan kaedah PAK21.

TUJUAN, OBJEKTIF, PERSOALAN, KEPENTINGAN DAN BATASAN KAJIAN

Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan aplikasi teknik *one stay three stray* dalam pembelajaran bidang sirah Pendidikan Islam di SM Sains Lahad datu dalam menarik minat murid tingkatan 3 Mutiara untuk mempelajari bidang sirah dalam Pendidikan Islam di samping meningkatkan tahap penguasaan murid terhadap topik dalam bidang sirah dengan lebih berkesan.

Objektif kajian

1. Untuk mengkaji kesan teknik *one stay three stray* terhadap tahap penguasaan murid dalam bidang sirah
2. Untuk mengenalpasti pengaruh teknik *one stay three stray* terhadap minat murid dalam mempelajari bidang sirah
3. Untuk mengenalpasti pengaruh teknik pengajaran *one stay three stray* terhadap kemahiran yang diperolehi oleh murid sewaktu PdPc berlangsung

Persoalan kajian

1. Apakah tahap penguasaan murid apabila menggunakan teknik *one stay three stray* dalam bidang sirah?
2. Bagaimanakah teknik *one stay three stray* dapat memberikan pengaruh terhadap minat murid dalam mempelajari bidang sirah?
3. Apakah teknik pengajaran *one stay three stray* memberi kesan terhadap kemahiran-kemahiran PAK21 yang diperolehi oleh murid sewaktu PdPc berlangsung?

Kepentingan kajian

Kajian ini diharapkan dapat membantu untuk menarik minat murid tingkatan 3 Mutiara di Sekolah Menengah Sains Lahad Datu untuk mempelajari bidang sirah dalam Pendidikan Islam. Hal ini kerana dapat diperhatikan, murid sering kali tertidur sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran bidang sirah disebabkan rasa bosan. Selain itu, murid juga tidak memberikan penyertaan yang aktif sewaktu PdPc berlangsung. Hal ini secara langsung memberikan impak terhadap tahap penguasaan murid dalam bidang sirah ini. Oleh itu, kajian tindakan ini diharapkan dapat membantu dalam membendung permasalahan ini sekaligus dapat membantu dalam meningkatkan tahap penguasaan murid terhadap topik-topik dalam bidang sirah. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memupuk penghayatan dan nilai kecintaan terhadap Nabi SAW khususnya dan terhadap tokoh-tokoh Islam yang banyak menyumbang kepada tamadun dan peradaban Islam yang seterusnya dapat dijadikan pedoman, motivasi dan tauladan oleh murid dalam pembentukan jati diri mereka.

Disamping itu, menerusi kajian ini diharapkan dapat memberikan idea, saranan dan penyelesaian kepada guru Pendidikan Islam khasnya untuk memilih kaedah dan teknik yang

bersesuaian dan menepati kehendak dan aspirasi PAK21 yang mampu menarik minat murid untuk mempelajari bidang sirah dan Pendidikan Islam itu sendiri secara lebih berkesan dengan menerapkan domain kognitif, psikomotor dan afektif secara bersepadu.

Batasan kajian

Kajian ini dijalankan hanya kepada murid menengah rendah iaitu murid yang berada di tingkatan 3 Mutiara seramai 13 orang yang berlatarbelakangkan beragama Islam di Sekolah Menengah Sains Lahad Datu, Sabah. Kajian ini hanya memberikan fokus kepada keberkesanan aplikasi teknik one stay three stray dalam menarik minat murid untuk mempelajari topik-topik dalam bidang sirah sahaja agar isu bosan dan tertidur sewaktu PdPc dapat dibendung, sekaligus dapat meningkatkan tahap penguasaan murid terhadap topik yang dipelajari dengan mampu menceritakan secara ringkas topik yang dipelajari dan mengingati fakta penting tanpa menggunakan kaedah hafalan semata-mata.

SOROTAN LITERATUR

Masyarakat abad ke -21 merupakan masyarakat yang berorientasikan sains dan teknologi disamping penggunaan teknologi dan prasarana teknologi maklumat yang bersifat kontemporari dalam kehidupan seharian (Zamri & Mohamed Amin 2005). Hal ini turut memberikan impak kepada bidang pendidikan sendiri dimana hasrat KPM adalah untuk melahirkan modal insan kelas pertama yang seimbang dari segenap aspek JERIS (Jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah) sepertimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM 1992). Dimana untuk menggarap hasil yang dihasratkan oleh KPM ini pelbagai perubahan telah dilakukan untuk mencapai aspirasi ini sepertimana yang dapat dilihat dalam dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia seperti dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK), Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), Standard Guru Malaysia, dan sebagainya.

Bagi merealisasikan hasrat ini, adalah menjadi tanggungjawab seorang pendidik untuk menerapkan unsur PAK21 melalui pedagogi yang menggunakan unsur PAK21, dimana kajian daripada Nurul Ain dan Azizi Yahaya (2012) memperoleh keputusan yang mana terdapat hubungan yang positif antara sikap dengan kemahiran abad ke-21. Selain itu juga, kajian daripada Nur Khaizatul Fateha dan Zamri (2016) mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara sikap dan motivasi pelajar dengan kemahiran abad ke-21. Selain itu, menerusi kajian Faezah dan Saemah (2011), proses PdPc yang berlaku tanpa mempunyai aspek kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis akan menyebabkan PdPc tersebut tidak efektif. Selain itu, PdPc yang berpusatkan guru menyebabkan murid tidak mempunyai kemahiran untuk membuat keputusan sendiri dan hal ini tidak menggalakkan mereka untuk berfikir secara kreatif dan kritis (Masyuniza 2013). Berbeza pula dengan pelajar yang mampu berfikir secara kritis dan dapat menyelesaikan masalah dan menangani cabaran dengan kreatif Buckley dan Smith (2008).

One stay three stray merupakan salah satu daripada kaedah PdPc PAK21 yang menekankan kepada pembelajaran koperatif. Dimana hasil kajian oleh Umi Kalthom Bte Mahbib dan Ahmad Bin Esa (2014), dalam kajiannya yang bertajuk kaedah koperatif sebagai pilihan kelas abad 21. Kajian ini menekankan bahawa guru bukan sahaja perlu berjaya dalam bidang akademik, malah sewajarnya menguasai teknik-teknik Pengajaran Abad ke-21 seiring dengan peredaran zaman para pelajar kontemporari ini. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan kaedah Pengajaran Koperatif dalam kalangan pelajar sekolah rendah serta hubungan antara kaedah koperatif dengan Teori Vygotsky. Kajian ini turut membincangkan

mengenai kepentingan dan keperluan kaedah koperatif dalam melahirkan pelajar yang bertaraf kelas abad 21. Kajian ini merumuskan bahawa pembelajaran dan pengajaran secara koperatif adalah corak pendidikan yang menekankan kaedah PdPc secara berkumpulan. Di mana latihan untuk para pelajar amat penting dalam membentuk kemahiran ini. Menerusi Pembelajaran Koperatif, pelajar akan dapat belajar dalam situasi pembelajaran yang lebih seimbang dalam konteks pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek secara bersepadu. Seterusnya kemahiran yang diperoleh oleh pelajar akan dapat diaplikasikan dalam menjalani kehidupan insaniah pelajar sehari-hari.

Maka, pengkaji dapat melihat kepentingan pelaksanaan aktiviti PAK21 yang merangkumi kemahiran atau kaedah pengajaran guru yang lebih bersifat pembelajaran secara aktif, strategi berpusatkan murid dan pembelajaran koperatif yang seharusanya diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau keberkesanan aplikasi teknik One Stay three stray dalam pembelajaran bidang Sirah Pendidikan Islam dalam kalangan murid tingkatan Tiga Mutiara di SM Sains Lahad Datu. Berdasarkan kajian-kajian lepas, tiada lagi kajian yang mengkaji secara mendalam tentang aplikasi teknik one stay three stray dalam pembelajaran bidang sirah Pendidikan Islam yang dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Kajian ini melihat kepada penggunaan kaedah *one stay three stray* secara menyeluruh dalam proses PdPc pembelajaran sirah. Maka, dilihat kajian ini memberi manfaat kepada murid dan guru dalam PdPc subjek Pendidikan Islam khasnya dalam pengajaran dan pembelajaran bidang sirah.

METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Bab ini akan menerangkan tentang reka bentuk dan kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian ini serta beberapa perkara yang berkaitan. Perkara-perkara yang akan diterangkan dalam bab ini adalah seperti pemilihan sampel, instrumen kajian, prosedur kajian, pengelolaan dan pengurusan ujian.

Kajian yang telah dijalankan adalah jenis kualitatif yang memberi penekanan kepada prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati (Lexy,2007), tradisi tertentu dalam ilmu pengetahuan sosial yang secara fundamental bergantung kepada pengamatan manusia dalam kawasannya sendiri dan berkait dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan peristilahanya (Kirk&Miller, 1986).

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan bagi melihat perubahan tingkah laku, minat sekaligus tahap penguasaan pelajar dalam topik-topik dalam bidang Sirah Pendidikan Islam tingkatan 3 melalui aplikasi teknik *one stay three stray*. Pemerhatian dan temu bual digunakan kerana dalam proses pengumpulan data semasa melakukan kajian di setiap gelung memerlukan kedua kaedah tersebut bagi mendapatkan maklumat agar pembaikan dapat dilakukan di gelung yang berikutnya. Proses menjalankan setiap gelung bagi kajian tindakan adalah mengikut model Kemmis dan Mc Taggart (1998). Menurut model ini, kajian tindakan bergerak dalam satu kitaran yang berterusan yang melibatkan empat peringkat dan langkah iaitu :

Peringkat I : Merancang
Peringkat ii : Bertindak
Peringkat iii : Memerhati
Peringkat iv : Mereflek



Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan adaptasi daripada kajian tindakan oleh kemmis dan dan Mc Taggart (1998). Kajian ini bermula dengan masalah pelajar yang tidak berminat untuk mempelajari bidang sirah sehingga menyebabkan mereka tertidur dan tidak terlibat secara aktif sewaktu PdPc berlangsung, yang seterusnya, memberikan impak negatif terhadap tahap penguasaan pelajar dalam topik-topik dalam bidang sirah yang tidak memuaskan. Langkah pertama ialah dengan merancang aplikasi teknik one stay three stray dalam pengajaran bidang sirah pendidikan Islam sewaktu PdPc di kelas, dimana guru membahagikan topik-topik kepada kumpulan-kumpulan kecil yang telah dibentuk. Kemudian setiap kumpulan, diberikan ruang dan masa untuk menyiapkan bahan pembentangan dan bersedia untuk pelaksanaan one stay three stray. Seterusnya bagi langkah kedua, melaksanakan teknik one stay three stray dalam PdPc sirah dalam kelas berdasarkan jadual waktu yang telah ditetapkan. Setelah itu penilaian bilik darjah (PBD) dilaksanakan untuk menilai tahap penguasaan murid setelah PdPc

berlangsung menggunakan aktiviti secara lisan (kuiz) dan bertulis (lembaran kerja). Seterusnya langkah yang ketiga mengumpul dan menganalisis data bagi menilai keberkesanan penambahbaikan yang telah dilakukan ke atas teknik one stay three stray. Manakala langkah yang keempat ialah dengan menilai kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan tindakan yang telah dilakukan.

Kemudian, pengkaji meneruskan kajian tindakan untuk gelung kedua dimana dalam gelung kedua ini, adalah untuk menambahbaik kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam gelung pertama, dimana dimulakan dengan membuat penambahbaikan terhadap kelemahan dalam aplikasi teknik one stay three stray sewaktu pdpc berdasarkan PBD yang telah dilaksanakan sewaktu dalam kelas.

Kemudian melaksanakan tindakan yang telah dibuat penambahbaikan untuk menyelesaikan masalah. Setelah itu, mengumpul dan menganalisis data bagi menilai keberkesanan penambahbaikan yang telah dilakukan ke atas teknik one stay three stray. Dan yang terakhir adalah menilai keberkesanan aplikasi one stay three stray berdasarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) kali kedua dengan melakukan ujian bertulis dan lisan dalam kelas.

Peserta Kajian

Peserta kajian ini terdiri daripada murid-murid tingkatan 3 mutiara SM Sains Lahad datu, sabah yang berjumlah 13 orang, 8 orang murid perempuan dan 5 orang murid lelaki. Kajian tindakan dalam pendidikan ialah kajian yang dijalankan oleh guru untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran (Carl Glickman, 1992). Rasional kelas 3 mutiara dipilih sebagai peserta kajian adalah tahap penguasaan mereka terutamanya dalam topik-topik di bidang sirah ketika di tingkatan 2 tidak memuaskan. Selain itu, mereka adalah kelas yang diajar oleh pengkaji dengan itu peserta kajian adalah menggunakan murid yang sedia ada di dalam kelas yang ingin dikaji. Pemilihan sampel ini adalah berdasarkan lokasi dan kesesuaian. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Mohd Majid (2005) dimana pemilihan sampel adalah kebaikan untuk mengurangkan kos, tenaga dan masa kajian.

Instrumen Kajian

Menurut Noraini Idris (2010), semua penyelidikan melibatkan pungutan data, manakala menurut Mohd. Majid konting (2004), instrumen kajian adalah penting bagi mencapai objektif sesuatu kajian dan ia juga merupakan alat ukur yang digunakan untuk mengukur pembolehubah yang dikaji. Dalam kajian ini instrumen kajian yang digunakan adalah pemerhatian interaksi murid dalam kumpulan, temu bual tidak berstruktur, penilaian bilik darjah PBD, (soalan kuiz lisan dan lembaran kerja (bertulis)) untuk dua tajuk dalam silibus sirah tingkatan 3 iaitu (Perjanjian Hudaibiah dan Pembukaa Kota Mekah) dan (Tokoh Sahabat).

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpul secara temubual ke atas 2 orang pelajar tingkatan 3 yang berada dalam kelas 3 Mutiara dan juga melalui pemerhatian. Bagi menjangkakan soalan-soalan yang dapat memberikan maklumat yang lebih baik, transkrip temu bual mendapat persetujuan awal daripada pensyarah sebagai orang pakar bagi tujuan pengesahan soalan sebelum temu bual sebenar diambil kira. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data dalam kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkrip dan melakukan verbatim untuk membentuk tema bagi kajian ini. Data temu bual dikategori, disubkategori dan dianalisis menggunakan kaedah pengekodan bagi menghasilkan tema (Miles & Huberman, 2014). Bagi

kesahan dalaman atau *kredibility bagi* temu bual adalah secara *peer review*. Manakala bagi kesahan luaran atau *transferability* adalah secara *thick description*. Kemudian untuk pemerhatian terdapat enam item yang diperhatikan yang direkodkan dalam sehelai borang semakan.

Kaedah Analisis Data

Data-data yang diperoleh berdasarkan kaedah pemerhatian semasa pengkaji sedang mengajar subjek Pendidikan Islam dalam bidang sirah di Sekolah Menengah Sains Lahad Datu, Sabah. Oleh itu, pengkaji mengumpul data berdasarkan hasil pemerhatian yang telah dijalankan dan melalui hasil dapatan daripada temu bual yang dijalankan ke atas dua pelajar yang dipilih secara rawak daripada kelas yang diajar. Setiap pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji akan dianalisis secara keseluruhan untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan dengan lebih jelas.

Manakala Prosedur Analisis Data temubual yang dijalankan, adalah menggunakan analisis tematik yang digunakan untuk penyelidikan data kualitatif. Yang mana Analisis tematik adalah kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis, dan melaporkan pola (tema) dalam data (Braun & Clark, 2006, hal. 6). Dalam penyelidikan ini, analisis wawancara dan jurnal mengikuti enam langkah analisis tematik oleh Braun dan Clark (2006), yang terdiri dari (1) membiasakan data, (2) menghasilkan kod awal, (3) mencari tema, (4) mengkaji tema, (5) menentukan dan menamakan tema, dan (6) menghasilkan laporan telah dilaksanakan bagi mendapatkan tema kajian.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Kajian tindakan ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Sains Lahad Datu, Sabah selama 5 minggu iaitu 28 waktu sesi pengajaran dalam masa 80 minit bagi satu pertemuan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana penyertaan murid ketika PdPc pendidikan Islam khasnya dalam bidang sirah sekaligus menilai sejauh mana tahap penguasaan murid setelah PdPc dijalankan menggunakan teknik One Stay Three Stray dalam bidang Sirah.

Profil Subjek Kajian

Daripada 13 orang murid yang terlibat sebagai subjek kajian, 8 orang adalah murid perempuan manakala 5 orang adalah murid lelaki. Dan kesemua murid ini adalah beragama islam, disebabkan status sekolah adalah sekolah berasrama penuh maka kesemua subjek kajian ini tinggal di asrama sekolah.

Dapatan Hasil Temubual

Berdasarkan analisis temu bual yang dijalankan ke atas dua orang pelajar yang dipilih secara rawak terdapat enam tema yang diperolehi seperti yang berikut:

Tema 1: Sukar Difahami

Yang mana, informan 1 dan 2 masing-masing berpendapat bahawa bidang sirah merupakan bidang yang sukar untuk dikuasai dan difahami berbanding bidang-bidang yang lain yang terdapat dalam pendidikan islam yang mana bidang sirah ini lebih kepada fakta dan sejarah yang merujuk kepada sesuatu tokoh atau peristiwa yang menyebabkan para pelajar kadang-kadang terkeliru dan susah untuk mengingati setiap sorotan peristiwa. Contohnya informan 1 dan 2 menyatakan bahawa:

> *"Aa pada pandangan saya sirah ni sukar untuk difahamkan sebab bidang sirah ni dia lebih kepada fakta dan juga sejarah yang agak sukar untuk saya faham".* (DUI13)
>
> *"Aa bagi saya sangat sukar untuk mengingati nama-nama tokoh islam dan sumbangannya aa sebab setiap tokoh mempunyai sumbangan yang berbeza aa dan peristiwa yang unik dan fakta-fakta yang sangat sukar untuk dibezakan hal yang demikian kadangkala mengelirukan".* (DU216)

Tema 2: Perasaan Positif

Informan 1 dan 2 masing-masing menyatakan bahawa penggunaan teknik One Stay Three Stray dalam pengajaran Pendidikan Islam dalam Bidang Sirah memberikan mereka perasaan positif dimana pembelajaran sebegini menyeronokkan mereka, dimana kaedah ini menarik minat mereka untuk belajar bidang Sirah berbanding hanya penerangan sehala daripada pihak guru dan kaedah hafalan semata-mata, rentetan daripada ini juga membantu mereka untuk memahami fakta, peristiwa dan sejarah daripada bidang sirah ini dengan lebih mudah. Dimana informan 1 dan 2 menyatakan bahawa :

> *"Aa saya rasa , lepas saya belajar guna teknik one stay three stray ni saya berasa teruja sebab pelajaran sebegini tidak membosankan dan juga mudah untuk difahami kerana diberi penjelasan yang lebih mendalam".* (DUI27)
>
> *"Aa saya sangat seronok menggunakan kaedah ini kerana ia bukan saja dapat meningkatkan kualiti pembelajaran saya tapi juga dapat memupuk semangat minat belajar". (DU241)*

Tema 3: Berkumpulan

Informan 1 dan 2 masing-masing menyatakan bahawa cara belajar menggunakan teknik one stay three stray memerlukan kepada pembentukan kumpulan, yang mana ahli dalam kumpulan tersebut pula di bahagikan kepada dua jenis ahli iaitu ahli yang *stay* iaitu sebagai pembentang dan ahli yang *stray* iaitu ahli yang bergerak untuk mendapatkan info daripada kumpulan lain melalui pembentangan yang dilakukan oleh ahli stay kumpulan lain, dimana informan 1 dan 2 menyatakan bahawa :

> *"Aa cara kami belajar guna teknik ni pertama kami akan dibahagikan kepada empat kumpulan kecil jadi setiap kumpulan tu akan diberikan topik oleh ustazah //emm/ kemudian kami akan bincang lah dalam kumpulan kemudian hasil kerja kami akan dilekatkan di stesen kumpulan masing-masing dan ahli yang stay tu akan membentang manakala ahli yang stray tu akan bergerak ke kumpulan lain untuk mendapatkan info bagi topik kumpulan lain" (DU149)*
>
> *"Aa cara kami belajar guna kaedah ni kami dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil dan ada ahli yang stay iaitu pembentang dan ahli yang stray iaitu ahli kumpulan yang berkeliaran bergerak ke kumpulan lain aa setiap kumpulan akan dibahagikan topik-topik yang berbeza kemudian kami akan bergerak dari satu kumpulan ke kumpulan lain sehingga tamat pusingan kemudian kami akan bergerak balik ke kumpulan sendiri dan berkongsikan dengan ahli kami yang stay apa yang kami dapat dari kumpulan lain kemudian diakhir kelas nanti akan ada kuiz untuk menguji kefahaman kami". (DU260)*

Tema 4: Kemahiran Abad Ke-21

Informan 1 dan 2 menyatakan bahawa mereka masing-masing memperolehi pelbagai kemahiran yang terkandung dalam kemahiran abad ke-21 yang terdiri daripada pelbagai kemahiran antaranya kemahiran komunikasi, kemahiran kolaboratif, pemikiran kritis dan

kreatif dan pelbagai lagi kemahiran lain, sepertimana yang dinyatakan oleh informan1 dan 2 bahawa:

> *"Aa kemahiran lain yang diperolehi apabila menggunakan kaedah ini adalah aa sewaktu sesi pembelajaran iaitu aa kemahiran berkomunikasi misalnya pembentang akan memberanikan diri untuk membentang aa" (DU170)*
> *"Selain itu ia juga membina kemahiran berfikri secara kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar" (DU178)*
> *"Ada melalui kaedah ini juga pelajar juga dapat memperbaiki kemahiran mencari dan mengaplikaskan maklumat, disamping itu aa pelajar juga dapat memupuk kemahiran kepimpinan dan pengurusan kumpulan dan yang seterusnya dapat memupuk kemahiran berdikari dalam mencari maklumat dan tidak mengharpkan jawapan daripada guru semata-mata" (DU181)*
> *"Aa selain daripada kemahiran mendengar dan berkomunikasi // ok// pelajar juga dapat kemahiran memproses maklumat dari maklumat yang sedkit kepada pemahaman yang meneyeluruh aa elain itu, peruntukan masa yang terhad pelajar memerlukan kecekapan yang tinggi bagi memudahkan proses perkongsian maklumat dijalankan dengan efektif oleh itu kemahiran kecekapan dan ketangkasan sangat diperlukan dan digalakkan tambahan lagi kemahiran ermbekerja secara berkumpulan antara kemahiran yang dapat diperoleh melalui kaedah ini kerana proses perkongsian maklumat melibatkan lebih daripada seorang pelajar. Oleh itu, bekerja dalam pasukan memudahkan kaedah ini dijalankan lebih berkesan". (DU287)*

Tema 5: Refleksi

Informan 1 dan 2 menyatakan bahawa setelah belajar menggunakan teknik one stay three stray ini, memudahkan mereka untuk refleksi semula iaitu mengingati dan mengimbas semula apa yang telah dipelajari tanpa menggunakan kaedah hafalan semata-mata, melalui pembentangan topik-topik tertentu oleh ahli-ahli rakan mereka yang berperanan sebagai ahli yang stay. Selain itu teknik ini membolehkan mereka untuk menceritakan semula kronologi dan peristiwa dalam sesuatu topik disamping boleh untuk menjawab kuiz yang diberikan di akhir kelas sewaktu sesi penilalaian dalam PdPc dilaksanakan dimana informan 1 dan 2 masing-masing menyatakan bahawa:

> *"Aa saya dapat menguasai topik ini setelah belajar guna kaedah one stay three stray ini sehingga saya boleh menceritakan semula tapi secara ringkas apa yang telah dibentangkan oleh rakan-rakan yang stay dari kumpulan lain dengan catatan yang dibuat juga dalam peta i-think dapat memudahkan bacaan semula dengan itu dalam ujian diagnostik baru-baru ini mudah untuk saya mengingati kembali topik yang telah dipelajari" (DU193)*
> *"Aa tahap penguasaan saya dalam bidang sirah selepas belajar guna teknik one stay three stray ni bertambah faham dimana saya boleh menjawab soalan-soalan kuiz yang ditanyakan oleh guru aa saya juga dapat mengimbas kembali apa topik dan tajuk-tajuk yang rakan-rakan saya bentangkan aa dengan nota yang ringkas saya catat semasa bergerak ke kumpulan lain jadi memudahkan saya baca semula dan mengingati semula contohnya kronologi peristiwa sesuatu fakta secara .. (tidak jelas) // secara? // aa // secara apa ? // sesuatu fakta secara akronim". (DU2135)*

Tema 6: Pengajaran Kreatif

Informan 1 dan 2 masing-masing memberikan pandangan dan cadangan masing-masing bagi menambahbaik pelaksanaan kaedah one stay three stray perlu kepada pengajaran dari guru

secara kreatif dengan menambahkan beberapa aktiviti yang menarik dimana informan 1 dan 2 masing-masing menyatakan bahawa:

> *"Aa pandangan atau cadangan bagi menambah baik aa kaedah ini pembentang boleh melakukan aktiviti kepada pelajar yang datang aa contohnya berikan soalan melalui sekeping kertas kepada pelajar lain jadi dapat meningkatkan daya ingatan bagi setiap individu selain itu saya bercadang untuk memasang muzik apabila ingin pergi ke tempat lain jadi apabila muzik dimatikan pelajar perlu tetap di kedudukan kumpulan pembentang jadi apaabila sudah selesai membetang pembentang boleh menyediakan soalan sebagai contoh teka teki teka silang kata dan sebagainya".* (DU1108)
>
> *"Ya ustazah eerr menerapkan dan menyelit sedikit soal jawab atau mini kuiz seperti teka silang kata dan lain-lain untuk mengukur kefahaman pelajar terhadap topik yang telah disampaikan bagi ee memastikan kaedah ini berkesan eer kaedah ini juga boleh dijalankan diluar kelas untuk menambah suasana dan sensasi belajar yang lebih menarik".* (DU2175)

Dapatan Hasil Pemerhatian

Bagi memantapkan lagi keputusan dapatan hasil temu bual, penyelidik telah menjalankan pemerhatian sewaktu sesi PdPc pendidikan Islam bidang sirah berlangsung menggunakan kaedah *one stay threes stray*. Kaedah pemerhatian yang digunapakai ialah kaedah pemerhatian melalui penglibatan dimana guru terlibat sebagai pembimbing sewaktu sesi PdPc dilaksanakan bagi gelung pertama dan gelung kedua, manakala data dikutip secara pemerhatian berstruktur yang mana pengkaji menyediakan tujuh item yang perlu diperhatikan dalam sehelai borang. Melalui kaedah pemerhatian ini pengkaji dapat mengutip data berkaitan dengan tingkah laku murid terhadap penglibatan murid sewaktu berada dalam kumpulan masing-masing, sikap pelajar, interaksi murid dengan ahli lain dan interaksi murid dengan guru samada secara verbal mahupun tidak verbal. Secara umumnya, terdapat enam item yang diperhatikan seperti yang berikut :

1. Murid bekerjasama dalam menyiapkan bahan pembentangan
2. Murid stray semangat untuk bertanya soalan semasa bergerak ke kumpulan lain
3. Murid stay semangat untuk membentangkan topik kumpulan masing-masin kepada ahli kumpulan lain yang stray
4. Murid melibatkan diri secara aktif sepanjang sesi pembelajaran berlangsung
5. Murid kelihatan seronok sepanjang sesi pembelajaran berlangsung
6. Murid kerap menganggu rakan yang lain

Secara keseluruhannya, untuk item yang pertama dapat diperhatikan oleh guru selaku pembimbing dalam sewaktu proses PdPc dan pemerhati di mana wujud kerjasama antara murid dalam kumpulan untuk menyediakan bahan pembentangan mengikut tempoh waktu yang diberikan, di mana dapat diperhatikan terdapat ahli yang meringkaskan topik pembelajaran yang terdapat dalam buku teks, ada ahli yang mencari maklumat lain dan terdapat ahli yang menuliskan isi pembentangan di atas kertas mahjong.

Selain itu, untuk item yang pertama dan kedua, dapat diperhatikan di mana ahli yang stay dipilih daripada kalangan murid yang aktif di dalam kelas, oleh yang demikian tiada masalah untuk mereka membentangkan topik mereka dengan penuh bersemangat, manakala untuk murid yang stray kebanyakan daripada mereka tidak bertanyakan soalan lanjut kepada pembentang yang stay secara lisan, di mana mereka lebih memfokuskan kepada catatan isi-isi penting oleh para pembentang, akan tetapi terdapat juga beberapa pelajar yang bertanyakan soalan kepada pembentang, bagi soalan yang tidak dapat dijawab oleh pembentang, murid yang

bertanya akan menuliskan soalan di atas sekeping *sticky note* dan akan dijawab oleh guru di akhir kelas.

Kemudian untuk item yang keempat, dapat diperhatikan di mana kesemua murid terlibat secara aktif sepanjang pembelajaran berlangsung, di mana penglibatan mereka dalam kumpulan amat memberangsakan, dan mereka juga berlumba-lumba untuk menjawab soalan ketika kuiz dijalankan di akhir kelas. Sepanjang pembelajaran berlangsung tidak kelihatan murid yang tidur dan tidak memberikan kerjasama sepanjang kelas. Untuk item yang kelima, secara keseluruhan murid kelihatan seronok terutama ketika menyediakan bahan pembentangan di atas kertas mahjong disamping pergerakan dari satu kumpulan ke kumpulan lain untuk mendapatkan info dan maklumat tertentu. Pergerakan sedemikian mengelakkan mereka untuk berasa bosan dan mengantuk, lagi-lagi sewaktu sesi kuiz di akhir kelas mereka berebut untuk menjawab soalan menandakan tahap penguasaan mereka baik berbanding kaedah penerangan sehala dan hafalan semata-mata yang kaku. Bagi item yang keenam, tidak berlaku tingkahlaku berikut seperti mengganggu rakan lain yang mengganggu fokus murid lain dalam kelas. Secara keseluruhannya, dapat diperhatikan sepanjang sesi pembelajaran Sirah menggunakan kaedah *one stay three stray* murid tertarik untuk belajar dan mewujudkan suasana didik hibur yang memberikan murid pengalaman belajar yang berbeza.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapat disimpulkan terdapat enam tema mengenai perkara yang terdapat dalam kaedah One Stay Three Stray dalam pengajaran dan pembelajaran bidang Sirah dalam Pendidikan Islam yang seterusnya menjawab tiga persoalan kajian seperti mana yang terangkum dalam tema 2, tema 4 dan tema 5 . Yang mana secara tuntasnya, murid menunjukkan tingkahlaku dan pandangan yang positif terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 iaitu penggunaan kaedah *one stay three stray* oleh guru sewaktu sesi PdPc pendidikan Islam dalam bidang sirah.

Sewaktu aktiviti *one stay three stray* berjalan, setiap kumpulan yang stray akan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan yang lain, dan sewaktu sesi ini, persembahan pembentangan ahli yang stay juga adalah pelbagai. Dimana terdapat ahli stay yang mnggunakan intonasi bercerita dan tidak kurang juga meyelitkan kisah dan pengetahuan sedia ada mereka, secara tidak langsung kolaborasi antara murid juga terjalin, manakala tugas guru hanyalah sebagai pembimbing dan fasilitator sahaja. Dan sepanjang aktiviti ini berlangsung, penglibatan murid adalah aktif dan kurang bergantung kepada penerangan guru semata-mata, hal ini bertepatan dengan konsep yang terdapat dalam pembelajaran PAK21 yang memberikan tumpuan kepada pembelajaran yang berpusatkan murid dan guru pula bertindak sebagai pembimbing.

Untuk **tema yang pertama** sukar untuk difahami. Seperti yang diketahui umum, bidang sirah dan tamadun merupakan antara salah satu bidang daripada enam bidang utama yang terdapat dalam subjek Pendidikan Islam. Dan diantara bidang yang paling sukar dikuasai oleh pelajar adalah bidang sirah, hal ini kerana ianya berkaitan sejarah, kronologi dan fakta berkaitan sesuatu tokoh mahupun peristiwa dalam sejarah islam. Dan sekiranya hanya kaedah *chalk and talk* sahaja yang digunakan oleh guru maka kemungkinan besar murid akan berasa bosan dan mudah mengantuk ketika berada di dalam kelas lagi-lagi pelajar yang tinggal di asrama sepertimana di SM Sains Lahad Datu. Bukan itu sahaja, kaedah hafalan semata-mata tidak akan membantu dalam menerapkan lagi penghayatan akan sirah para Nabi dan keunggulan islam secara menyeluruh. Kesannya penghayatan terhadap sirah serta minat murid untuk mempelajarinya adalah tidak memberangsangkan.

Selain itu **tema yang kedua** adalah perasaan positif. Kaedah pembelajaran yang lebih berkonsepkan didik hibur bukan sahaja memudahkan murid memahami sesuatu yang dipelajari, malah dapat memberi pengalaman baharu kepada pelajar (Naharudeen Othman,

2020). Pembelajaran yang menyeronokkan dapat menarik minat murid untuk belajar dan turut serta dalam aktiviti PdPc. Bahkan, suasana pembelajaran yang menyeronokkan dapat membantu pelajar untuk memahami sesuatu topik pembelajaran dengan mudah. Sewaktu PdPc dengan melaksanakan teknik *one stay three stray* ini dijalankan, murid menunjukkan minat dalam aktiviti pembelajaran dengan penglibatan yang aktif malah keterampilan murid dan kepimpinan murid terserlah dengan yakin. Dimana sewaktu sesi PdPc, guru menggunakan pembentukan kumpulan kecil yang mana murid dibahagikan kepada 3 kumpulan kecil. Dan setiap kumpulan kecil diberikan kertas mahjong untuk menyediakan bahan pembentangan bagi aktiviti one stay three stray, sewaktu kaedah ini dilaksanakan, murid bergerak dengan sangat aktif. Hal ini juga, dapat diperhatikan sewaktu pengkaji menjalankan sesi pemerhatian, dimana murid saling bekerjasama dan bersungguh-sungguh untuk menghasilkan bahan pembentangan yang terbaik untuk kumpulan mereka. Selain itu, suasana menyeronokkan dapat diperhatikan sewaktu sesi kuiz dilaksanakan dimana para pelajar berebut untuk menjawab bagi mendapatkan skor bagi kumpulan masing-masing.

Disamping itu untuk **tema yang ketiga** berkumpulan iaitu pembentukan kumpulan yang terdiri daripada ahli yang *stay* dan ahli yang *stray*, ini merupakan salah satu konsep dalam teknik *one stay three stray*. Dalam pembelajaran menggunakan teknik ini, memerlukan kepada pembentukan kumpulan kecil, di mana dalam kumpulan tersebut guru akan memberikan topik untuk dibincangkan sesama ahli kumpulan. Pembelajaran dengan menggunakan teknik kumpulan kecil ini membolehkan para pelajar untuk berkolaboratif dan bekerjasama antara mereka disamping mencungkil bakat murid misalnya dalam bidang kepimpinan dan pengurusan kumpulan. Hal ini juga dapat diperhatikan di mana terdapat pembahagian tugas secara tidak langsung dalam setiap kumpulan, di mana terdapat ahli yang memberikan arahan, mencari maklumat, menuliskan poin penting di atas kertas mahjong dan sebagainya, yang menunjukkan setiap ahli mempunyai peranan masing-masing dalam setiap kumpulan selain peranan sebagai ahli yang stay dan ahli yang stray.

Seterusnya **tema yang keempat** ialah kemahiran abad ke-21. Melalui sesi pemerhatian yang dilakukan oleh guru, dalam setiap kumpulan diperhatian terdapat dua ataupun tiga orang murid yang akan bertindak dan menunjukkan kepimpinan mereka dalam membahagikan tugasan yang perlu dilakukan, manakala ketika menyediakan bahan pembentangan kreativiti murid terserlah dalam mempersembahkan bahan pembentangan masing-masing, ini bertepatan dengan hasil yang ingin digarap melalui pembelajaran pak21 iaitu kreativiti dan kritis dalam kalangan pelajar sebagai salah satu kemahiran dalam PAK21. Dimana menerusi kaedah one stay three stray ini, terdapat banyak kemahiran yang dapat dicungkil dalam kalangan pelajar. Antaranya ialah kemhiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar sewaktu sesi pembentangan dan sesi soal jawab antara mereka, kemahiran kepimpinan dimana seorang ketua dilantik sebagai ketua bagi setiap kumpulan untuk membincangkan bahan pembentangan dan pembahagian topik, kemahiran pengurusan kumpulan sepertimana kemahiran kepimpinan tadi, kemahiran menaakul dan memproses maklumat, kemahiran mendengar, kreativiti sewaktu menyiapkan bahan pembentangan dengan menggunakan kertas mahjong dan pemikiran krtitis ketika mana terdapat persoalan mengenai sesuatu topik yang dibincangkan.

Seterusnya untuk **tema yang kelima** adalah refleksi dimana murid mudah untuk mengimbas kembali dan boleh menceritakan semula topik pembelajaran**.** Dimana dalam pembelajaran menggunakan teknik *one stay three stray* ini tidak hanya tertumpu kepada domain kognitif sahaja, akan tetapi ia juga merangkumi kemahiran dalam domain psikomor dan domain afektif. Bukan itu sahaja, proses penyampaian maklumat tidak hanya daripada sisi guru semata-mata akan tetapi juga melibatkan penyampaian daripada rakan mereka sendiri, dengan penggunaan bahasa dan penerangan yang pelbagai daripada ahli yang *stray* akan membuatkan murid tidak bosan untuk mendengar perkongsian maklumat yang pelbagai. Selain itu, semasa sesi pergerakan dan pusingan dari kumpulan ke kumpulan, pelajar yang *stray*

dikehendaki untuk membuat nota catatan ringkas, dengan ini memudahkan murid untuk mengimbas kembali apa yang telah dibentangkan oleh rakan mereka. Di akhir sesi penilaian, guru akan mengadakan kuiz secara soal jawab dan latihan dalam lembaran kerja untuk mengukuhkan lagi kefahaman dan ingatan murid terhadap topik yang telah dipelajari.

Yang terakhir **tema yang keenam** adalah pengajaran kretaif dimana penambahbaikan dengan menambahkan beberapa aktiviti yang menarik. Antaranya ialah soal jawab melalui permainan. Dimana selesai sahaja pembentangan dan pusingan setiap kumpulan, maka akan guru melaksanakan aktiviti penilaian menggunakan soalan Quizizz yang terdapat di internet sebagai latihan pengukuhan kefahaman terhadap pembentangan setiap ahli yang stay, dimana murid dikehendaki untuk berdiri dalam kumpulan masing-masing, dan kumpulan yang ahlinya terlebih dahulu duduk akan dikira sebagai pemenang, dan ini membangkitkan lagi semangat mereka untuk terus fokus kepada pembentangan yang disampaikan oleh pembentang ahli yang stay bagi menjawab soalan kuiz di akhir kelas. Hasil daripada cadangan penambahbaikan untuk kaedah one stay three stray ini, yang mana seperti teka teki, teka silang kata, *music box*, kotak beracun dan sebagainya dengan sistem bermarkah menggalakkan dan mengekalkan minat murid lagi untuk terus fokus akan penerangan setiap topik bagi setiap kumpulan. Selain itu, cadangan lain dari informan yang terlibat adalah PdPc dilaksanakan di luar bilik darjah bagi mewujudkan suasana yang berbeza seperti di perputustakaan, bawah pokok dan sebagainya. Disamping itu, cadangan lain ialah ahli kumpulan yang stray perlu menerangkan dan mengongsikan maklumat dan info yang didapati daripada kumpulan lain bagi mengelakkan mereka tercicir dan ketinggalan.

Tuntasnya, Kaedah one stay three stray ini, memberikan impak yang positif terhadap perkembangan pelajar secara menyeluruh dengan mengetengahkan domain kognitif, psikomotor dan afektif secara bersepadu.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pengajaran pendidikan Islam khasnya dalam bidang Sirah menggunakan PAK 21 iaitu kaedah *one stay three stray* memberikan impak yang positif terhadap kemenjadian murid tingkatan 3, samada dari aspek peningkatan dalam penguasaan terhadap topik dalam bidang sirah mahupun memberikan kemahiran abad ke-21 yang sememangnya perlu diterapkan dalam diri setiap murid. Dimana kaedah ini terbukti mampu menarik minat dan perhatian murid untuk belajar dan memberikan penglibatan yang aktif ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hal ini kerana, kaedah *one stay three stray* ini melibatkan domain kognitif dan domain psikomotor secara bersepadu dimana kaedah ini mengelakkan mereka daripada merasa bosan dan mengantuk. Sepertimana yang diketahui, jadual pelajar di asrama berasrama penuh ini sangat padat dan kadangkala menyebabkan mereka mengantuk di dalam kelas, oleh hal yang demikian pembelajaran yang hanya melibatkan komunikasi sehala yakni penerangan daripada guru semata-mata dan kaedah hafalan sahaja akan menyebabkan murid tidak terlibat secara aktif sewaktu sesi pembelajaran.

Tetapi dengan penggunaan kaedah *one stay three stray* ini dapat menarik minat murid dan mereka juga mudah faham sesuatu topik itu berdasarkan hasil kerja kumpulan masing-masing. Manakala, kumpulan lain samada melalui persembahan dalam bentuk peta i-think mahupun peta buih yang diringkaskan isi pembelajaran di dalamnya di atas mahjong dan juga penerangan yang pelbagai cara daripada setiap kumpulan memangkin lagi pemahaman dan menimbulkan suasana didik hibur. Seterusnya, di akhir kelas, guru mengadakan kuiz dan kumpulan yang paling banyak menjawab ahlinya akan diberikan ganjaran dan ini menambahkan lagi fokus setiap murid di dalam kelas di mana mereka bersemangat untuk menyumbangkan mata bagi kumpulan masing-masing. Selain itu, kemahiran sampingan diperolehi secara langsung daripada kaedah ini seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran

komunikasi, kemahiran kerja sepasukan, kreativiti sewaktu menyiapkan bahan pembentangan di kertas mahjong dan menjana pemikiran kritis sewaktu sesi soal jawab antara murid dengan murid berlangsung dimana kaedah ini merupakan salah satu pendekatan pembelajaran abad ke-21 yang bertepatan dengan objektif yang hendak digarap daripada PAK21 dan juga memenuhi aspirasi murid dalam PPPM 2013-2035.

CADANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, kajian mendapati bahawa pelaksanaan teknik *one stay three stray* yang merupakan salah satu daripada metodologi dalam PAK21 terbukti memberikan kesan yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran murid khasnya dalam subjek Pendidikan Islam dalam bidamg sirah. Pengkaji mencadangkan agar, guru-guru pendidikan Islam khasnya tidak semata-mata menggunakan kaedah *chalk and talk* sahaja dan komunikasi sehala sahaja ketika penyampaian topik-topik dalam bidang sirah, hal ini sekiranya tidak diubah akan menyebabkan murid berasa bosan dan mengantuk dan akhirnya mereka tidak berminat untuk mempelajari subjek pendidikan Islam.

Guru Pendidikan Islam tidak semestinya menukar terus kaedah tradisional tersebut akan tetapi boleh menggabungjalin antara kaedah tradisional dan juga kaedah PAK21 bagi menghasilkan impak yang maksima terhadap penghayatan dan penguasaan dan minat murid khasnya dalam bidang sirah. Selain itu, sedia maklum masa pendidikan islam adalah terhad paling banyak pun sebanyak 80 minit bagi satu waktu di kebanyakan sekolah, oleh yang demikian pengkaji mencadangkan agar teknik *one stay three stray* ini digabungjalinkan dengan kaedah dan pendekatan Flipped classroom dimana guru memberikan masa dan ruang terlebih dahulu untuk murid berbincang, mencari maklumat dan menyiapakan bahan untuk dibentangkan kepada kumpulan lain, dengan itu objektif daripada setiap pembelajaran dapat dicapai tanpa perlu tergesa-gesa untuk menyiapkan bahan pembentangan.

Dengan itu, Guru pendidikan islam khasnya diri sendiri haruslah berfikiran terbuka dan selalu mempertingkatkan kemahiran pedagogi dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran agar hasrat dan objektif utama dalam PdPc dapat dicapai dengan jayanya.

RUJUKAN

Mashira yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana osman & Khairul Anuar Bahrin. 2019. Amalan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru sekolah rendah. Institut pendidikan guru kampus Darulaman, Jitra Kedah 26: 13-25.

Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, Wan Muna Ruzanna. 2017. Pembelajaran abad ke-21 dan Pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah Menengah. *Malay language education journal* 7(2): 77-78.

Intan permata hapsari, Novia Trisanti, Galuh Kirana Dwi Areni. 2013. One stay three stray: Strategi meningkatkan ketrampilan menulis jenis teks eksposisi dalam pembelajaran Genre-Based Writing. *Jurnal penelitian pendidikan* 30(1): 43-50.

Norul Haida Redzuan, Zulkifli Osman & Abdullah Yusof. 2018. Keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. International conference on language, education, humanities and innovation, hlm. 10-19.

Asmawati suhid, Fathiyah Mohd Khairuddin. 2012. Gagasan pemikiran falsafah dalam pendidikan Islam: hala tuju dan cabaran. Journal of Islamic and Arabic Education 4(2): 57-70

Nur Adibah Liyana Awi, Hafizhah Zulkifli. 2020. Kaedah Fan-N-Pick Dalam Pembelajaran Sirah Pendidikan Islam. *Malaysian online Journal of Education* 4(2): 61-69.

Rozitah Radhiah Said, Latifah Mohd Shariff & Fadzilah Abd Rahman. 2017. Pembelajaran Koperatif Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Menengah Atas. *International Journal Of Education And Training* 3(2): 1-12.

Etika Pelajar Terhadap Pembelajaran dalam Talian Menurut Perspektif Islam

Nur Najwa Hanani Abd Rahman
nurnajwahanani@utm.my
Universiti Teknologi Malaysia

Nasiibah Ramli, Norhidayu Muhamad Zain, Jima'ain Safar, Bushrah Basiron, Abdul Halim Zulkifli, Ahmad Marzuki Mohamad, Ahmad Che Yaacob, Diaya Ud Deen Deab Mahmoud Al Zitawi
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRACT

Online learning has been one of the new norms that substituting the traditional way of study since the transmission of Covid-19 get increased in Malaysia. Thus, this study is conducted to discuss about the student ethics during online study in the Islamic perspective. This study has been using qualitative method by involving library research to enable the content analysis design being made. Furthermore, the main findings and discussions upon this topic are based on the aspect of intention, prayer, communication, time, aurah, environment and attention. Therefore, by understanding student ethics in Islamic perspective, all parts of society could play their roles in assuring online study being adjusted properly so that the ethics can be prioritized during learning session.
Keywords: Ethics, online learning, education, Islamic perspective,Covid-19

ABSTRAK

Pembelajaran dalam talian merupakan antara rutin baharu yang harus dinormalisasikan dalam kehidupan masyarakat menggantikan sistem pembelajaran tradisional sejak peningkatan penularan wabak Covid-19 di Malaysia. Maka, kajian ini dijalankan bagi menghuraikan topik etika pelajar terhadap pembelajaran dalam talian menurut perspektif Islam. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan kajian perpustakaan bagi membuat analisis kandungan. Selanjutnya, dapatan dan perbincangan utama topik ini diberi perhatian kepada etika pelajar terhadap pembelajaran dalam talian menurut perspektif Islam yang merangkumi aspek niat, doa, komunikasi, masa, aurat, persekitaran dan tumpuan. Oleh yang demikian, dengan memahami etika pelajar menurut perspektif Islam ini, pihak-pihak yang terlibat boleh memainkan peranan masing-masing dalam memastikan pembelajaran dalam talian dapat diatur dengan sebaik-baiknya agar etika semasa pembelajaran sentiasa menjadi keutamaan.
Kata kunci: Etika, pembelajaran dalam talian, ilmu, perspektif Islam, Covid-19

PENGENALAN

Pembelajaran atau proses yang berlaku antara tenaga pengajar dan pelajar ketika memberi dan menerima ilmu merupakan sebuah proses yang dilalui manusia sepanjang hayatnya. Woolfolk (1995), seorang ahli psikologi menakrifkan pembelajaran sebagai tingkah laku dan pengetahuan yang berubah disebabkan oleh pertambahan pengalaman yang diperoleh dalam kehidupan seseorang. Umumnya, proses pembelajaran yang terjadi akan membawa kepada perubahan tingkah laku seseorang individu sama ada positif mahupun negatif.

Di Malaysia, pembelajaran secara formal bermula sejak di bangku sekolah rendah hingga lah peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang memfokuskan kepada pengkhususan ilmu dengan penglibatan tenaga pengajar yang mahir dalam bidang tertentu dan sekumpulan golongan pelajar yang tertakluk kepada peraturan sekolah atau pusat pengajian

tinggi. Dalam masa yang sama, sektor pendidikan merupakan antara sektor penting dalam usaha negara melahirkan lebih ramai modal insan bagi memastikan masa depan negara terjamin dan mampu berdiri setanding negara-negara maju (Mior Jamaludin, 2011). Oleh yang demikian, Malaysia tidak terkecuali daripada menggunakan kecanggihan teknologi dalam sistem pembelajaran sesuai dengan arus pemodenan dan keadaan semasa (Aziz & Sieng, 2019). Justeru itu, bermula tahun 2020, masyarakat dapat menyaksikan sistem e-pembelajaran digunakan secara maksima oleh majoriti golongan ilmuwan dalam meneruskan pembelajaran secara formal dek pandemik *Coronavirus Disease 2019 (Covid-19)* yang mula menular sejak akhir tahun 2019 (Nik Omar, Abd Hamid, Ahmad, Jamaludin & Hassam, 2021). Dalam erti kata lain, sistem pembelajaran secara bersemuka terpaksa digantikan dengan sistem pembelajaran dalam talian bagi mengelakkan penularan wabak tersebut.

Pada ketika ini, antara aplikasi dalam talian yang digunakan oleh tenaga pengajar dan pelajar dalam meruskan aktiviti pembelajaran adalah seperti *Google Meet, Webex Meet, Zoom, YouTube, Facebook* dan lain-lain lagi (Mahlan & Hamat, 2020). Situasi ini juga merupakan antara norma baharu yang harus dilalui oleh masyarakat dalam mendepani musim pandemik ini walaupun sukar dan mempunyai banyak kekangan. Di samping itu, keadaan ini jelas menunjukkan bahawa sesi pembelajaran dan penyampaian ilmu sangat dititikberatkan bagi setiap individu tanpa mengira keadaan.

Dari sudut pandangan agama, Islam sangat mementingkan seseorang Mukmin untuk mendalami ilmu pengetahuan sehingga menurut Al-Maraghi, kedudukan golongan yang menimba ilmu tidak kurang tingginya dengan kedudukan pejuang fisabilillah (Sya'roni, 2016). Hal ini demikian sepertimana dalam Surah at-Taubah ayat 122 yang bermaksud, "*Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (daripada melakukan larangan Allah),*"

Orang yang berilmu mendapat tempat yang mulia di sisi Allah kerana ilmu mendorong manusia untuk menggunakan akal fikiran dengan sebaik-baiknya dan dapat menghalang diri daripada melakukan perkara munkar yang didorong oleh hawa nafsu. Justeru itu, dalam menggabungkan teknologi moden dan melaksanakan kewajipan, Islam masih menitikberatkan adab dalam setiap hal. Hal ini demikian bagi meraih keredhaan Allah dalam melakukan ibadah seharian dan mencapai matlamat kehidupan (Razali et. al, 2019). Oleh yang demikian, kajian ini akan menghuraikan mengenai etika pelajar terhadap pembelajaran dalam talian menurut perspektif Islam.

TINJAUAN LITERATUR

Etika Semasa Pembelajaran Dalam Talian Menurut Perspektif Islam

Islam adalah agama fitrah yang syumul dan mencakupi segala aspek kehidupan manusia termasuklah perlakuan bangun daripada tidur, menjalani rutin seharian, urusan politik, kebajikan sesama manusia, pendidikan, perkahwinan dan sebagainya. Hal ini demikian membuktikan agama Islam adalah agama yang benar dan sentiasa relevan dalam memenuhi keperluan fitrah manusia sepanjang zaman. Sepertimana Islam menerapkan adab dalam urusan-urusan lain, Islam juga turut menggariskan etika yang patut diambil cakna oleh para penuntut ilmu semasa mengikuti sesi pembelajaran termasuklah pembelajaran dalam talian.

Etika boleh didefinisikan sebagai saranan tingkah laku moral untuk bertindak dalam situasi tertentu (Saravanan, 2018). Etika juga lebih mudah difahami dengan kata tingkah laku

yang sepatutnya diamalkan dan tidak tersasar daripada norma sosial serta peraturan yang ditetapkan ketika berada dalam sesuatu situasi. Di samping itu, etika juga sering disebut sebagai adab, akhlak atau budi pekerti. Dalam dunia pendidikan, etika atau adab merupakan aspek yang tidak boleh diketepikan kerana kelompangan dalam elemen ini akan menyebabkan ketidaksempurnaan dalam menuntut ilmu. Tidak kurang daripada itu, menurut Razali et al (2019), dalam peradaban pendidikan Islam, akhlak merupakan elemen terawal yang dipelajari dalam proses menimba ilmu kerana individu yang berakhlak membolehkan ia mendapat kehidupan yang baik.

Hal ini jelas menunjukkan Islam mementingkan seseorang untuk kekal beradab dalam menjalani sesi pembelajaran tanpa mengira keadaan. Dalam menuntut ilmu, seseorang hendaklah menjaga perilaku mereka bukan sahaja antara dirinya dengan pendidik, malahan turut menjaga akhlaknya dengan Allah dan ilmu yang ditimba. Oleh yang demikian, perbicangan seterusnya akan menghuraikan etika-etika pelajar terhadap pembelajaran dalam talian menurut perspektif Islam.

Niat Menuntut Ilmu Kerana Allah

Niat merupakan antara rukun wajib dalam menjalankan ibadah kerana Allah Taala. Misalnya, ibadah seperti solat, puasa, mandi wajib dan sebagainya hendaklah dimulai dengan niat sebagai salah satu syarat sah ibadah tersebut. Niat menurut Imam Syafi'ie ialah qasad yang kemudiannya diikuti dengan tingkah laku (Jasmi, 2016).

Pekerjaan seharian yang dilakukan dengan niat yang ikhlas kerana Allah dikira sebagai ibadah dan dikurniakan pahala oleh Allah. Sebaliknya, seseorang yang memfokuskan kepada hal duniawi semata-mata dalam mengendalikan urusan, mereka hanya akan mendapat hasil daripada apa yang mereka hajatkan di dunia sahaja. Hal ini demikian sebagaimana yang disebutkan dalam hadith pertama yang dicatatkan dalam kitab Hadith Arba'in Nawawiyah karangan Imam an-Nawawi, daripada Amirul Mukminin Abi Hafs, Umar bin al-Khattab RA katanya, Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud, "*Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan siapa yang hijrahnya kerana dunia untuk dia dapatinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya" (Hadith Riwayat Bukhari).*

Dalam konteks pembelajaran, umum mengetahui bahawa menuntut ilmu merupakan ibadah dalam Islam. Para penimba ilmu sewajarnya berniat untuk mendalami ilmu kerana ingin menjadi bangsa yang berilmu bagi memperbetulkan diri dan masyarakat yang jahil serta mendapat tempat yang baik di sisi Allah. Di samping itu, pekerjaan yang dilakukan bersama-sama niat yang ikhlas dan baik akan memudahkan jalan bagi seseorang mencapai matlamat mereka selagi mana ia tidak berpaling daripada hukum syarak. Oleh yang demikian, seelok-eloknya, sebelum memulakan kelas dalam talian, pendidik dan penuntut ilmu hendaklah berniat untuk berada dalam majlis ilmu ini ikhlas kerana Allah Taala agar mendapat keredhaanNya dan memperoleh perhitungan pahala daripada apa yang dikerjakan.

Berdoa

Etika terhadap pembelajaran dalam talian yang seterusnya ialah berdoa. Dari sudut bahasa, Ibnu Manzur memaknai doa sebagai menyeru. Adapun dari segi istilah, Al-Khattibi menyatakan doa bermaksud permintaan yang dibuat kepada Tuhan oleh seseorang hamba. Apabila seseorang berdoa kepada Tuhannya, secara tidak langsung mereka meletakkan pengiktirafan terhadap kekuasaan Tuhan dan mengakui kerendahan serta kelemahan diri mereka. Dalam surah Ghafir ayat 60, Allah berfirman, maksudnya, *"Dan Tuhan kamu*

berfirman, dan berdoalah kepadaku, nescaya aku perkenankan permohonan kamu,". Daripada ayat tersebut, Allah telah memerintahkan manusia untuk berdoa dan dalam masa yang sama, setiap doa yang dipanjatkan kepada Allah telah dijamin mustajab oleh-Nya.

Sebelum memulakan sesi pembelajaran, kita hendaklah mendahului dengan doa kepada Allah agar dipermudahkan untuk memahami dan menerima ilmu yang bakal dipelajari. Hal ini demikian, bagi mengakui kejahilan diri lalu memohon dikurniakan keizinan oleh Allah untuk memahami ilmu dengan baik dan lancar. Berdoa kepada Allah juga dapat mengelakkan diri daripada sifat sombong dan takbur kerana Allah turut berfiman dalam ayat 60, Surah Ghafir yang bermaksud, "*Sesungguhnya orang yang sombong dan takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina,".*

Dalam membuat sesuatu pekerjaan, Islam sering menyarankan untuk berdoa kerana hakikatnya segala hasil perbuatan manusia itu pada asalnya sudah berada dalam genggaman Tuhan. Hakikat doa juga merupakan penghubung yang mengeratkan hubungan antara seseorang hamba dengan Allah. Doa yang dipanjatkan juga mampu menjadi asbab adanya perancangan dan usaha yang dilakukan bagi mencapai apa yang dihajati dalam doanya. Oleh yang demikian doa bukan bersifat permohonan semata-mata, bahkan dengan doa kepada Allah juga dapat memandu manusia ke arah kehidupan yang baik secara menyeluruh. Dalam konteks pembelajaran, mintalah kepada Allah agar dipermudahkan segala urusan dalam menuntut ilmu dan mencapai segala cita-cita.

Antara doa-doa ringkas yang boleh diamalkan oleh penuntut ilmu sebelum memulakan pembelajaran dalam talian agar mendapat keberkatan dan khusyu' dalam belajar ialah doa yang diriwayatkan oleh at-Tirmidzi dan Ibn Majah yang bermaksud, "*ya Allah, berilah manfaat kepadaku daripada apa-apa yang Engkau ajarkan kepadaku, dan ajarkanlah aku apa-apa yang bermanfaat bagiku dan tambahkanlah ilmu kepadaku,"*, atau doa yang diambil dari Surah Taha ayat 114 yang bermaksud, *"wahai Tuhanku, tambahkanlah ilmuku".*

Berkomunukasi Dengan Baik Dan Aktif

Dalam situasi pembelajaran semasa era pandemik ini, masing-masing menggunakan sebaik-baik ikhtiar bagi membolehkan proses pertukaran ilmu dapat dilaksanakan dengan baik. Misalnya, guru-guru, ibu bapa dan juga pelajar rela berkorban wang ringgit bagi membolehkan aplikasi pembelajaran dalam talian dapat diakses dengan baik dari kediaman masing-masing. Oleh yang demikian, para penuntut sewajarnya menggunakan peluang bersemuka secara maya dengan guru-guru ini sebaik mungkin dengan cara berkomunikasi dengan baik dan aktif dalam sesi pembelajaran. Dalam mewujudkan proses komunikasi yang baik, Islam turut menggariskan beberapa panduan yang boleh diikuti bagi memastikan kita dapat berkomunikasi dengan cara yang betul dan efektif.

Menurut Junaidi (t.t), terdapat enam model komunikasi yang disarankan dalam al-Quran. Pertama ialah Qaulan Sadidan yang bermaksud jujur, benar dan lurus. Dalam al-Quran, Allah menegaskan untuk bercakap benar dalam Surah al-Ahzab ayat 70 yang bermaksud, *"Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan katakanlah perkataan yang tepat, benar (dalam segala perkara),".* Dalam sesi pembelajaran, pelajar hendaklah sentiasa bercakap benar dengan golongan pendidik terutama dalam mengemukakan alasan ketidakhadiran ke kelas atau masalah-masalah lain yang dihadapi. Pembelajaran jarak jauh secara dalam talian yang mencabar ini tidak memungkinkan golongan pendidik untuk bertindak secara efektif dalam mengawal tingkah laku pelajar-pelajarnya. Oleh yang demikian, pelajar sendiri hendaklah bertindak dan bercakap jujur sebagai tanda penghormatan terhadap guru atau pensyarah serta bagi membolehkan proses pembelajaran dapat dijalankan dengan baik.

Kedua, Qaulan Balighan yang bermaksud kata penyampaian yang meninggalkan kesan di jiwa, mengenai tujuan dan mudah difahami. Dalam konteks ini, para pelajar hendaklah

menggunakan bahasa yang betul dan terus kepada persoalan yang ingin dikemukakan ketika berkomunikasi dengan golongan pendidik supaya dapat mengekalkan situasi yang tenang dan mampu meraih kata balas yang tepat daripada guru atau pensyarah.

Model komunikasi yang ketiga ialah Qaulan Masy'ura yang bererti kata-kata yang ringan. Dalam komunikasi secara lisan atau bertulis, penggunaan bahasa yang mudah, ringkas dan tepat membolehkan sesebuah perkara mudah difahami. Pesanan yang disampaikan perlulah sederhana dan mudah difahami secara spontan dan tidak memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi. Penggunaan perkataan yang berat akan mengundang kepada salah faham dalam komunikasi. Sebolehnya, penggunaan perkataan penuh tetapi membawa maksud tepat amat digalakkan ketika komunikasi antara pelajar dan pensyarah.

Seterusnya ialah Qaulan Layyina iaitu kata-kata yang lembut. Apabila berkomunikasi dengan golongan pendidik, para penuntut ilmu sewajarnya menggunakan nada suara yang rendah dan lembut serta tidak bercakap dengan nada beremosi marah atau benci. Semasa proses PdP secara atas talian berlaku, mungkin akan ada isu-isu berbangkit yang memerlukan pelajar untuk menyuarakan pendapat mereka. Dalam hal ini, cuba berbicara dengan nada lembut dan berhikmah ketika membentangkan pendapat kerana bahasa melambangkan akhlak seseorang.

Kelima ialah Qaulan Karima yang bermaksud perkataan yang mulia. Islam menitikberatkan kita untuk menggunakan perkataan yang mulia ketika berbicara sesama manusia tidak mengira lapisan masyarakat, apa lagi ketika berinteraksi dengan guru-guru. Al-Maraghi (1962), menyatakan manusia yang bercita-cita untuk berjaya di dunia dan di akhirat hendaklah taat kepada Allah dan berkata mulia seperti Tauhid dan zikir merupakan antara ketaatan yang dicintai oleh Allah.

Model komunikasi yang keenam ialah Qaulan Ma'rufa iaitu bahasa yang dibenarkan atau diizinkan oleh Allah. Dalam konteks ini, menurut Junaidi (t.t), terdapat penekanan pada larangan membuat-buat suara agar menjadi rendah dan sangat lembut sehingga mampu merangsang syahwat golongan bukan ajnabi yang mendengarnya.

Oleh yang demikian, ketika dalam sesi pembelajaran dalam talian, komunikasi yang baik merupakan elemen yang penting dalam memastikan proses penyampaian dan penerimaan ilmu dapat dijalankan dengan efektif. Dengan menggunakan garis panduan komunikasi yang disarankan dalam agama, objektif pembelajaran pada sesuatu masa pasti dapat dicapai dengan jayanya.

Menepati Masa

Etika seterusnya yang harus dipatuhi oleh pelajar semasa pembelajaran dalam talian ialah menepati masa. Pengurusan masa yang betul juga merupakan satu disiplin yang harus dipatuhi jika seseorang ingin berjaya dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana, pelajar yang menepati masa dalam sesuatu hal semestinya bijak dalam membuat pengurusan masa untuk melaksanakan tuntutan kehidupan yang lain, di samping bersikap proaktif, pantas dan tidak bertangguh dalam mengerjakan sesuatu rutin harian.

Menepati masa adalah satu aspek yang sering diabaikan oleh golongan muda mudi pada masa kini. Sikap acuh tidak acuh kepada peri pentingnya sikap menepati masa telah menyebabkan timbul persepsi bahawa masyarakat Islam sering lambat dan tidak menepati masa. Sikap ini tidak menggambarkan akhlak yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. , sedangkan Islam amat menekankan kepentingan pengurusan masa seseorang Muslim.

Dalam konteks agama Islam, antara ibadah yang menitikberatkan amalan menepati masa ialah ibadah solat, sepertimana yang diriwayatkan dalam sebuah Hadith Sahih al- Bukhari yang bermaksud, "*Apakah amalan yang paling dicintai oleh Allah? Nabi menjawab, "solat pada waktunya",".* Hal ini demikian kerana, solat yang dilaksanakan tepat pada waktu masuknya pasti dapat melatih manusia menjadi orang yang berdisiplin dan menghormati

waktu. Orang yang menjaga hak waktu solat pasti akan turut menjaga hak masa tugasan yang lain.

Dalam sesi pembelajaran dalam talian, pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berusaha untuk masuk ke kelas dalam talian tepat pada waktu yang telah ditetapkan. Sesi pembelajaran yang dilakukan dari kediaman masing-masing ini pastinya lebih menguji kecekapan pelajar untuk cakna dengan ketetapan waktu yang telah dibuat oleh pihak pengurusan akademik. Oleh yang demikian, segala tuntutan kehidupan harian yang lain hendaklah dibuat lebih awal daripada waktu sesi pembelajaran dalam talian yang telah dijadualkan. Pendek kata, orang yang menepati masa pasti akan lebih tampak professional dan menjaga reputasi diri.

Menjaga Aurat

Aurat ialah bahagian anggota badan yang telah ditetapkan oleh syarak untuk ditutup dari pandangan ajnabi. Kewajipan menutup aurat ini turut merangkumi pemakaian yang longgar, tidak jarang dan tidak menampakkan bentuk tubuh badan. Kewajipan menutup aurat juga adalah berdasarkan dalil yang terdapat dalam al-Quran, Hadith dan juga kesepakatan ulama. Kemuliaan seseorang Mukmin juga boleh dilihat melalui pergaulan dan aurat (Mohd Yusof & Muhamad, 2010).

Antara hikmah pemeliharaan aurat ialah dapat menjaga diri daripada pandangan-pandangan nafsu ajnabi yang boleh membawa kepada maksiat dan kemungkaran. Pemeliharaan aurat bukan sahaja wajib dijaga ketika berhadapan dengan masyarakat secara bersemuka, bahkan wajib ditutup ketika mengadakan perjumpaan secara virtual. Dalam konteks suasana pembelajaran, pelajar-pelajar yang mementingkan penutupan aurat dengan sempurna dapat memastikan pembelajaran dalam talian berjalan dengan baik tanpa ada daya tarikan tidak sepatutnya yang mampu menganggu konsentrasi ahli majlis ilmu.

Dalam Surah An-Nur ayat 31 Allah berfirman tentang pensyariatan menutup aurat supaya kaum Mukmin mendapat kebaikan, *"Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka".*

Persekitaran Yang Bersih Dan Kondusif

Menjalani norma baharu iaitu pembelajaran secara dalam talian sememangnya mencabar bagi sesetengah pelajar dan guru apabila terdapat faktor persekitaran yang tidak memungkinkan untuk mereka menjalani kelas dalam talian di rumah dengan baik. Hal ini demikian termasuklah masalah ketiadaan komputer atau telefon pintar, jaringan internet yang lemah dan gangguan ahli keluarga. Berita Astro Awani (November, 2020) telah melaporkan terdapat pelajar yang sanggup mendaki bukit dan memanjat pokok semata-mata bagi mendapatkan jaringan internet yang kukuh agar membolehkan mereka memasuki kelas dalam talian. Kajian yang dijalankan oleh Ismail, Zain dan Abd Hamid (2016), mendapati faktor persekitaran dapat menyumbang kepada masalah tekanan individu yang menjalani pembelajaran dalam talian.

Persekitaran yang kondusif dan bersih dalam menjalani kelas dalam talian sangat penting kerana aspek ini turut mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar (Iberahim, 2014). Hal ini demikian kerana, persekitaran yang baik dapat merangsang daya pemikiran yang kreatif dan inovatif pelajar semasa sesi pembelajaran dijalankan. Secara tidak langung, keadaan ini dapat meningkatkan minat para pelajar dalam mendalami sesuatu pembelajaran. Dalam konteks Islam, kebersihan amat dititikberatkan dalam kehidupan seharian sehinggakan jika aspek ini diabaikan, ia dapat menganggu ibadah seseorang. Oleh yang demikian, persekitaran

yang bersih daripada sampah sarap, jauh daripada kesibukan dan kondusif amat penting bagi membolehkan pelajar menjalani pembelajaran dalam talian dengan sempurna.

Menumpukan Perhatian

Etika semasa menuntut ilmu sememangnya tidak boleh dipisahkan daripada aspek tumpuan dan perhatian semasa belajar. Hal yang sama juga harus dilakukan oleh para pelajar ketika terpaksa melalui sesi pembelajaran dalam norma baharu iaitu pembelajaran dalam talian. Antara perkara yang boleh dilakukan bagi meningkatkan daya tumpuan semasa mengikuti pembelajaran dalam talian ialah dengan mengabaikan notifikasi-notifikasi yang tidak penting, tidak makan semasa sesi pembelajaran dan membuat catatan daripada input-input yang disampaikan oleh tenaga pendidik.

Selain penyumbang utama dalam memberi kefahaman tentang ilmu yang dipelajari, menumpukan perhatian juga merupakan sifat kesedaran, keprihatinan dan cara para pelajar menzahirkan penghargaan kepada guru mahupun pensyarah atas usaha mereka menyampaikan ilmu dalam apa jua keadaan pada era pandemik ini.

METODOLOGI

Pendekatan kualitatif digunakan sepenuhnya oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Oleh yang demikian, pengkaji menjalankan penyelidikan perpustakaan bagi membuat pengumpulan data melalui bahan-bahan rujukan seperti jurnal, buku dan artikel berkenaan topik kajian ini. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif bagi membuat pembahasan topik yang dikaji.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Ilmu Pengetahuan

Sistem pembelajaran dalam talian yang dijalankan dari kediaman masing-masing semasa era pandemik ini membuktikan ilmu merupakan aspek yang penting dalam kehidupan. Rustam (2017), menyatakan ilmu sebagai sebaik-baik sesuatu yang dicari dan penting lagi bermanfaat untuk kehidupan. Menuntut ilmu pasti memerlukan pengorbanan masa dan wang ringgit serta memerlukan kecekalan diri untuk terus sabar dalam setiap ujian yang dihadapi terutama semasa era pandemik ini. Namun begitu, sabda Rasulullah S.A.W, "*Sesiapa yang melewati satu jalan untuk menuntut ilmu, nescaya Allah mudahkan baginya jalan ke syurga,*" (Hadith Riwayat Muslim). Demikianlah keistimewaan yang diperoleh bagi sesiapa yang menimba ilmu ikhlas kerana Allah.

Selain itu, pandemik Covid-19 yang memaksa kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020 lagi telah mencetuskan banyak kekangan kepada kehidupan seharian rakyat termasuklah dalam sektor pendidikan (Mahlan & Hamat, 2020). Namun begitu, dalam setiap ujian yang menimpa, pasti tersirat hikmah di sebaliknya. Kekangan yang dihadapi telah mendesak setiap ahli akademik untuk bersikap lebih kreatif dalam meneruskan sesi pembelajaran dalam talian. Kajian oleh Ismail, Md Zain dan Abdul Hamid (2016) menyatakan bahawa sesi pembelajaran dalam talian dapat meningkatkan komitmen para pelajar terutamanya pelajar IPT dek pembelajaran yang anjal dan lebih interaktif.

Ilmu pengetahuan membolehkan nilai sesebuah masyarakat dipancarkan dan dipelihara. Ilmu pengetahuan juga berupaya mengubah kehidupan diri, masyarakat dan bangsa daripada kelompok kemunduran ke arah pembangunan dan kemajuan. Oleh yang demikian,

Islam tidak menuntut umatnya untuk belajar ilmu fardu ain semata-mata, tetapi Islam turut menuntut sebahagian umatnya untuk belajar ilmu fardu kifayah seperti ilmu biologi, matematik, kemahiran, fizik dan ilmu kemanusiaan bagi membolehkan manusia meningkatkan kualiti diri dan berbakti kepada makhluk bumi yang lain. Dalam Surah ar-Ra'd ayat 11 Allah berfirman yang bermaksud, *"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka,".*

Dalam setiap cabang ilmu yang diceburi, adab atau etika semasa pembelajaran hendaklah menjadi aspek utama yang dititikberatkan. Manusia yang bijak ialah apabila mempelajari sesuatu ilmu, ia berbalik kepada memikirkan kebesaran dan kekuasaan Allah menciptakan makhluk sekecil-kecil kuman hingga sebesar-besar alam semesta. Maka, sewajarnya semakin dalam seseorang mempelajari ilmu, semakin tinggi adabnya dengan Sang Pencipta, pendidik dan masyarakat sekeliling. Di samping itu, orang yang berilmu juga sering menjadi ikutan mata-mata masyarakat yang memandang. Oleh yang demikian, etika yang baik hendaklah dijadikan rutin, seawal ketika berada dalam majlis ilmu lagi.

Peranan Semua Pihak

Sistem pembelajaran dalam talian masa kini dilihat bukan lagi satu pilihan, tetapi satu kemestian dalam meneruskan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi semua lapisan pelajar dari peringkat pra-sekolah hingga peringkat IPT. Sistem pembelajaran dalam talian merupakan inisiatif terbaik dalam memastikan aktiviti pembelajaran dapat dijalankan tanpa perlu bersemuka dan terlindung daripada risiko jangkitan wabak Covid-19 semasa pembelajaran. Sistem pembelajaran dalam talian juga bersifat lebih anjal kerana sesetengah pendidik memilih untuk menyampaikan kuliah melalui rakaman video dan kuliah tersebut boleh didengar oleh pelajar pada bila-bila masa. Sistem pembelajaran dalam talian sememangnya kurang efektif dan lebih mencabar berbanding sistem pembelajaran secara tradisional (Ismail, Md Zain & Abd Hamid, 2016). Namun begitu, adab dan etika pelajar dalam sesi pembelajaran haruslah menjadi keutamaan. Oleh yang demikian, bagi merealisasikan sesi pembelajaran dalam talian yang berkesan, kerjasama antara semua pihak amat diperlukan.

Mengambil kira nasib sesetengah golongan pelajar yang kurang mampu untuk mengikuti pembelajaran dalam talian dari rumah, terdapat pihak institusi yang meluluskan permohonan pelajar untuk menduduki asrama semasa pandemik ini dengan mengambil kira beberapa kriteria tertentu. Hal ini demikian dilihat sebagai satu inisiatif yang baik bagi membolehkan para pelajar yang mempunyai masalah di rumah untuk hadir ke kelas dalam talian tanpa gangguan emosi dan boleh menyertai sesi pembelajaran secara aktif.

Ibu bapa sebagai guru pertama anak-anak amat berperanan dalam mendukung saranan pihak kerajaan untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian menggantikan pembelajaran secara bersemuka. Keperluan pembelajaran dalam talian hendaklah diambil kira oleh ibu bapa seperti menyediakan suasana yang selesa dan sesuai untuk anak-anak menjalani pembelajaran dari rumah, kemudahan jaringan internet yang kukuh serta memberi sokongan emosi dan mental kepada anak-anak. Ibu bapa juga sepatutnya menghormati masa pembelajaran anak-anak dengan mengosongkan waktu tertentu daripada tugasan-tugasan di rumah bagi membolehkan anak-anak menjalani waktu pembelajaran tanpa gangguan.

Seterusnya, dalam mengamalkan etika yang murni semasa kelas dalam talian, guru-guru sewajarnya turut menunjukkan peribadi yang berdisiplin seperti menepati masa, menutup aurat dan memulakan sesi pembelajaran dengan doa bagi yang beragama Islam. Guru-guru berperanan melahirkan generasi yang unggul dan bertanggungjawab dalam menunjukkan dan mengajarkan etika yang betul semasa sesi pembelajaran dalam talian.

Seseorang penuntut ilmu berkewajipan untuk menghormati guru-guru mereka tidak kira sama ada guru yang mengajar matapelajaran bersifat ukhrawi mahupun duniawi. Jika

dilihat pada zaman dahulu, para ulama memandang serius dalam mengenakan adab terhadap murabbi mereka supaya mendapat keredhaan Allah dalam menuntut ilmu (Razali, et.al, 2019). Menghormati para pendidik juga merupakan salah satu cara bagi mengagungkan ilmu. Oleh yang demikian, walaupun pembelajaran terpaksa dilakukan secara dalam talian, para pelajar hendaklah sentiasa mementingkan etika dalam menuntut ilmu dan hal ini demikian termasuklah beradab dengan guru dan ilmu yang dipelajari.

KESIMPULAN

Menuntut ilmu merupakan aspek yang tidak harus diketepikan tidak kira dalam apa jua keadaan kerana kemunduran tamadun hanya boleh diterangi dengan cahaya ilmu pengetahuan bangsanya. Sepertimana yang diungkapkan oleh Abdul Qasim Ahmad dalam syair arabnya tentang ilmu, *"dalam ilmu terdapat penyingkap hati dari kebutaan dan pertolongan terhadap agama yang urusannya adalah pasti".* Namun demikian, individu yang kaya dengan ilmu dan berwawasan tidak bermakna tanpa adab dalam kehidupan. Malahan, manusia yang beradab tapi tidak berilmu lebih dihormati berbanding manusia yang mempunyai ketinggian ilmu namun tidak mengamalkan adab dalam kehidupan mereka. Maka, ketika berbicara mengenai ilmu, kita hendaklah memahami etika dengan Allah, guru dan ilmu itu sendiri agar memperoleh ilmu yang berkat. Sebagai orang Islam, seiring era teknologi menguasai dunia, etika dalam kehidupan seharian yang bersandarkan pada al-Quran dan Hadith hendaklah selari dan tidak sesekali dilupakan.

RUJUKAN

Aziz, N., & Sieng, L. (2019). Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar*, 69-75.

Haslinda. (t.t). Perspektif Makna Komunikasi Islam. *Universitas Negeri Sumatera Utara*, 95-110.

Iberahim, H. (2014). Pengaruh Faktor Persekitaran terhadap Kecemerlangan Akademik Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan serta Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik di UTHM. *UTHM Institutional Repository*, i-109.

Ismail, M., Md. Zain, N., & Abdul Hamid, R. (2016). Pembelajaran-e, Tekanan dan Komitmen Belajar dalam Kalangan Pelajar Sains Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 55-64.

Jasmi, K. (2015). Niat (Ensiklopedia Islam). *Researchgate Publication*, 87-88.

Junaidi, M. (t.t). Komunikasi Qur'ani. *Universitas Darul Ulum (UNISDA) Lamongan*, 25-48.

Mahlan, S. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia*, 14-22.

Mior Jamaludin, M. (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Sosiohumanika*, 33-48.

Muslim, Al-Kattani, A., & Supraha, W. (2017). Konsep Adab Penuntut Ilmu Menurut Ibn Al-Barr dan Relevanasinya dengan Pendidikan Nasional. *Jurnal Tawazun*, 281-294.

Nik Omar, N., Abdul Hamid, N., Ahmad, N., Jamaludin, M., & Hasam, S. (2021). Pandemik Covid-19: Keberkesanan Penyebaran Maklumat oleh Kerajaan dan Pematuhan Rakyat Terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Journal of Public Security and Safety*, 127-147.

Razali, M., & et.al. (2019). Maqsasid Syariah dalam Adab-Adab Menuntut Ilmu Berdasarkan Kitab Ta'lim wal Muta'alim. *Proceedigs of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, 769-780.

Rustam, M. (2017). Akhlak Menuntut Ilmu dalam Perspektif Islam. *Universitas Muhammadiyah Makassar*, i-78.

Saravanan, A. (2018). Etika: Sebagai Panduan Hidup. *Open University Malaysia*.

Stapa, Z., Yusuf, N., & Shaharudin, A. (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran dan Sunnah Serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnah Hadhari Special Edition* , 7-22.

Sya'roni, M. (2014). Etika Keilmuan: Sebuah Kajian Filsafat Ilmu. *Jurnal Theologia*.

Inovasi Smart Tajwid

Mohd Asri Che Ibrahim
Noor Rashidah Ahmad @ Che Hamat*
Darwisy Naufal Md. Almieda
Aimi Shuhada Saad
Siti Maryam Azmi
*525-17-rashidah@epembelajaran.edu.my**
Institutu Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail,
Batu Rakit, 21030, Kuala Terengganu, Terengganu

ABSTRAK

Bidang ilmu tajwid merupakan salah satu cabang daripada sukatan Pendidikan Islam yang telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sama ada di peringkat rendah mahupun peringkat menengah. Pada segi bahasa,tajwid ditakrifkan membawa erti memperindahkan sesuatu. Manakala dari sudut istilah didefinisikan sebagai pengetahuan mengenai kaedah serta cara-cara membaca Al-Quran dengan sebaik-baiknya. Tajwid merupakan ilmu yang boleh mengenalkan tempat bagi tiap-tiap huruf yang memberi apa yang patut baginya dari segi sifat-sifat huruf berkenaan seperti menyatakan dan menyembunyikan atau apa yang dimestikan bagi huruf-hurug tersebut dari sifat luar dari segi penjang, pendek, tebal, tipis dan sebagainya. Ilmu tajwid tidak boleh dipisahkan dengan subjek Pendidikan Islam. Hal ini kerana agama Islam berpandukan kepada al-Quran yang memerlukan kaedah pembacaan mengikut tajwid. Oleh itu, penerapan ilmu tajwid dalam kalangan murid sekolah rendah diperlukan agar mereka dapat membaca al-Quran dengan betul. Masalah dalam memahami dan mengingati tajwid amat merungsingkan pada saat dan ketika kini. Hal ini demikian, penerapan ilmu tajwid diambil sambil lewa sahaja, masalah ini bukan sahaja melibatkan orang dewasa bahkan turut melibatkan murid-murid sekolah rendah yang menyebabkan penerapan di dalam pembacaan tajwid di dalam al-quran tidak dipraktikkan secara sempurna dalam kehidupan harian. Inovasi Smart Tajwid dihasilkan khusus untuk membantu dan membimbing murid-murid sekolah rendah memahami ilmu tajwid tersebut dan dapat dipraktikkan dengan baik. Inovasi ini memperkenalkan satu platform yang menyajikan maklumat yang menarik tentang tajwid agar para pelajar dapat mengakses menggunakan kod imabasan dan pautan yang disediakan.

Kata kunci: Tajwid[1] , sifat[2] , al-Quran

OBJEKTIF

Inovasi ini bertujuan untuk memperkenalkan satu platform yang menyajikan maklumat yang menarik tentang tajwid agar pelajar dapat mengakses dengan menggunakan kod imbasan dan pautan yang disediakan . Murid akan lebih mahir dalam penguasaan tajwid al- Quran. Dewasa kini, pelajar dan telefon pintar seakan berpisah tiada. Ini kerana, telefon pintar adalah suatu alat yang mereka akan bawa ke mana sahaja mereka pergi. Sebagai alternatif untuk mencatat nota, pelajar boleh menggunakan aplikasi yang tersedia didalam telefon pintar mereka berbanding membawa buku nota.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Melalui kajian-kajian yang lepas, didapati bahawa banyak isu timbul tentang pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah.Inovasi Smart Tajwid adalah salah satu penyelesaian masalah kerana berlaku pengubahsuaian dalam proses pembelajaran yang berkaitan dengan kurikulum,

mutu profesionalisme guru dan hasil pengurusan pendidikan. Inovasi Tajwid berkait rapat dengan pembaharuan kreatif yang digunakan oleh tenaga pengajar untuk menangani masalah yang wujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran.(Yahya Buntat dan Lailahanita Ahamad 2012).Menurut kajian yang telah dilakukan oleh KPM, didapati bahawa pelajar sekolah menengah masih lagi tidak boleh menguasai kemahiran membaca al-Quran dengan baik. Kemahiran membaca al-Quran meliputi penguasaan dari tajwid yang betul termasuklah makhraj-makhraj huruf (Ahmad Rozaini,2009).

Hal ini membuktikan bahawa mereka tidak berjaya membaca al-Quran dengan baik sejak berada di sekolah rendah. Selain itu, pelajar sering merungut dan tidak dapat fokus dengan baik ketika guru mengajar. Hal ini demikian kerana, pelajar mula jemu dengan pembelajaran menggunakan fizikal yang dapat dipegang atau lebih spesifik sebagai buku. Maka, inovasi ini bagi menarik semula minat pelajar dengan cara baharu iaitu belajar menggunakan teknologi yang lebih canggih. Hanya dengan mengimbas kod Qr, para pelajar akan terus dapat melihat paparan video yang telah disediakan oleh guru yang berkenaan. Menggunakan cara ini dapat mengurangkan malah boleh menghilangkan kebosanan pelajar di dalam kelas.

ISI

Dewasa kini, masih didapati kebanyakan umat Islam Malaysia diperingkat umur dewasa yang mengenali huruf- huruf "hijaiiyah" tetapi tidak boleh membaca al- Quran atau boleh membaca tetapi tidak lancar malah yang paling menyedihkan ada yang langsung tidak mengenali huruf atau diistilahkan "buta huruf"

Justeru itu, pemerhatian dan kajidan ditumpukan ke arah memahami dan menghayati bagaimana masayarakat atau umat Islam sendiri perlu mahir dalam menguasai sesuatu bacaan dengan mengenal huruf hijaiiyah dan hukum tajwid. Murid merupakan sasaran dan elemen terbaik untuk dibuat kajian. Ini memandangkan terdapat sukatan pelajaran yang menekankan mata pelajaran al-Quran dan ilmu tajwid dari peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Hal ini dapat membendung daripada masyarakat kita digelar "buta al Quran".

Inovasi ini telah memberi kemudahan kepada pengguna untuk mempelajari ilmu tajwid serta dapat memahami kaedah dalam menyebut huruf dengan betul. Hal ini boleh diterapkan dengan mengimbas sahaja di QR code yang disediakan. Saban hari kita sedia maklum bahawa penggunaan telefon pintar merupakan perkara yang wajib ada oleh masayarakt kini. Hal ini tidak menjadi masalah kepada semua golongan untuk mengakses kemudahan yang telah disediakan ini. Kesannya dapat memberikan pengetahuan kepada masyarakat tentang ilmu berkaitan tajwid serta mempelbagaikan kemahiran IT sejajar dengan perederan zaman kini.

METADOLOGI

Kaedah yang kami gunakan dalam inovasi ini ialah melalui imbasan Qr Code yang akan membolehkan pelajar melihat pembelajaran secara 3 Dimensi. Kami memilih kaedah ini kerana ianya lebih menarik dan memberi suatu kelainan dalam sesi pembelajaran. Murid-murid akan lebih teruja untuk mempelajari akan makhraj huruf dan dapat mempraktikkannya dengan betul. Selain itu, jika pelajar tidak dapat mengakses menggunakan QR Code kerana mempunyai masalah untuk mengimbasnya, mereka juga boleh melihat bahan pembelajaran di Youtube melalui pautan yang diberikan. Youtube tidak memerlukan banyak data Internet berbanding aplikasi Facebook, Instagram dan sebagainya(bernama,2021). Oleh itu, murid-murid dari golongan b40 dan yang tinggal di pedalaman juga boleh menggunakannya.

LAMPIRAN

Rajah 6.1

Rajah 6.2



Rajah 6.3



Rajah 6.4

Jenis-jenis makhraj

RUJUKAN

Abdullah, H. (6 Oktober, 2020). *ResearchGate*. Retrieved from Kajian keberkesaan produk inovasi: https://www.researchgate.net/publication/351658541_Kajian_Keberkesanan_Produk_Inovasi_Multipurpose_Foldable_Drawing_Desk_20_MFDD_20_Sebagai_Alat_Bantu_Dalam_PdP_Seminar_Pembelajaran_Sepanjang_Hayat_Peringkat_Kebangsaan_SPSH2020_Kajian_Keberkesanan_Pro

Hamzah, H. (2019). *Inovasi pengajaran untuk minat pelajar menguasai ilmu tajwid*, 8-17. Retrieved from Inovasi pengajaran untuk menarik pelajar menguasai ilmu tajwid: http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/26782/1/Inovasi%20pengajaran%20untuk%20menarik%20minat.pdf

Hassan, R. M. (n.d.). *Pencapaian Kelancaran Bacaan*. Retrieved from https://www.researchgate.net/profile/Wan-Yahaya/publication/283275280_Pencapaian_Kelancaran_Bacaan_Fasohah_Dan_Hukum_Tajwid_Dalam_Tilawah_Al-Quran_Murid_Sekolah_Rendah_Satu_Tinjauan_Awal/links/5630238608ae76226de00e30/Pencapaian-Kelancaran-Bacaan-Fasohah-

Jaafar, N. R. (n.d.). Pencapaian kelancaran bacaan, fasohah dan hukum tajwid al quran. *Universiti Sains Malaysia.*

Mokhtar, U. (n.d.). Retrieved from Inovasi Pengajaran dan pembelajaran: http://www.pmm.edu.my/zxc/pustaka/writing/pmm/Penulisan%20Ilm%20Pn%20Umaimah%29.pdf

SKPMg2 Melonjakkan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Azarul Razamin Mat Said
azarul76@gmail.com
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

Mustafa Che Omar
mustafa@unisza.edu.my
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

Mohd Allnurulhuda Ghazali
allnurulhuda@moe.gov.my
Sektor Pendidikan Islam
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

ABSTRAK

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam adalah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah. KSSR Pendidikan Islam ini digubal untuk membentuk peribadi muslim yang mengetahui, memahami, mengamalkan penghayatan Islam secara menyeluruh. KSSR Pendidikan Islam ini menekankan elemen ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Melalui Pendidikan Islam, murid sekolah rendah dibekalkan dengan asas pengetahuan mengenai Al- Quran, hadis, akidah, ibadah, sirah, adab dan jawi. Murid bukan sekadar dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, mereka turut dididik untuk mengamal dan menghayati ilmu yang dipelajari. Matlamat KSSR Pendidikan Islam adalah untuk membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah SWT yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Malah ia diharapkan dapat menyumbang ke arah meningkatkan tamadun bangsa dan negara serta kesejahteraan alam demi memperoleh kesejahteraan di dunia dan di akhirat. KSSR dilaksanakan secara berperingkat bermula pada tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar kurikulum semasa di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Ia bertujuan meletakkan standard kualiti kurikulum sekolah rendah di negara ini setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum semakan berasaskan standard dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran di sekolah rendah. DSKP mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. KSSR Pendidikan Islam menekankan penggunaan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam menyampaikan standard kandungan dan pembelajaran kepada murid. Keberkesanan pengajaran guru bergantung kepada kompetensi pengajaran guru sebagaimana digariskan dalam SKPMg2 iaitu guru merancang, mengawal, membimbing, mendorong dan menilai agar pembelajaran murid menjadi aktif dan menarik di bilik darjah. Justeru, guru memerlukan lebih banyak kursus pendedahan, bengkel dan latihan kemahiran dari masa ke semasa untuk melaksanakan kurikulum semakan dalam Pembelajaran Abad Ke-21.

Kata Kunci: KSSR; Pendidikan Islam; Pengajaran dan Pembelajaran; SKPMg2

PENGENALAN

Agama Islam telah dijadikan sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ianya termaktub dalam perlembagaan pada era kemerdekaan negara pada tahun 1957. Ciri agama dalam perlembagaan dapat dilihat dengan jelas dalam peruntukan perkara 3.29 Perkara 3(1) memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama rasmi di peringkat persekutuan negara Malaysia. Dalam masa yang sama, agama-agama lain turut boleh diamalkan dengan aman dan damai di negara ini (Shamrahayu, 2016).

Agama Islam telah memandu masyarakat Melayu untuk hidup sejahtera berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Kitab al-Quran diturunkan oleh Allah untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan manusia seharian sebagai muslim. Setiap muslim berkewajipan untuk mempelajari al-Quran agar dapat membaca ayat-ayat dan surah agar dapat memahami segala tuntutan dan larangan yang terkandung dalam kitab suci itu.

Kewajipan setiap muslim untuk mempelajari bacaan dan menghayati kandungannya berasaskan keyakinan bahawa al-Quran itu adalah petunjuk daripada Allah Taala. Firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa"*
>
> (al-Baqarah 2:2)

Setiap muslim sentiasa berusaha untuk mendapatkan petunjuk daripada Allah Taala untuk berjaya di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya"*
>
> (al-Baqarah 2:5)

Menurut Rohana et al. (2017), segala isi kandungan al-Quran menjadi sumber asas kepada manusia untuk dijadikan petunjuk dan panduan dalam menjalani kehidupan dunia dan akhirat. Dengan tidak mempelajari ayat-ayat al-Quran, ia mendatangkan kesukaran untuk kita memahami dan menerima pengajaran serta ibrah untuk diamalkan dalam kehidupan. Ini kerana al-Quran dan al-Sunnah adalah sumber rujukan utama dalam membina kurikulum dan membangunkan subjek Pendidikan Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan dalam kertas kerja ini menetapkan tiga objektif iaitu (i) Menghuraikan konsep Pendidikan Islam di sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (ii) Menganalisis implikasi pelaksanaan Standard 4.0 (Pembelajaran dan Pemudahcaraan, PdPc) dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) terhadap Pendidikan Islam Sekolah Rendah KPM, dan (iii) Menghuraikan usaha KPM dalam memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ketika menghadapi pandemik COVID-19.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis kandungan daripada sorotan kajian-kajian lepas dan dokumen rasmi terbitan KPM. Bahan rujukan yang berkaitan dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan.

DAPATAN KAJIAN

Sejarah Pendidikan Islam di Malaysia

Sejarah kehadiran Pendidikan Islam di Malaysia pertama kali dicatatkan dalam tempoh Kesultanan Melayu Melaka (1414-1511). Melaka menyaksikan kelahiran pondok terawal dan dikawal sepenuhnya oleh tuan guru atau tok guru selaku pentadbir pondok. Lepasan pondok pada ketika itu telah berpeluang menyambung pengajian di Universiti al-Azhar di Kaherah pada tahun 1920-an. Sekembalinya ke Tanah Melayu, generasi baru graduan dari universiti di Timur Tengah ini banyak menyumbang kepada perubahan wajah Pendidikan Islam. Mereka menukarkan sistem pengajian pondok kepada sistem pendidikan di madrasah yang mengguna pakai sistem *nizami* (berstruktur) yang menggabungkan pengajaran dan pembelajaran dalam asas agama Islam dengan kaedah pedagogi dan teknologi pendidikan yang dipengaruhi Barat (Abdul Hamid, 2018).

Menyedari kesedaran yang mendalam dalam kalangan orang Melayu terhadap pembelajaran Pendidikan Islam, British telah memasukkan Pendidikan Islam ke dalam sistem sekolah vernakular Melayu. Dengan kemerdekaan negara Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia menyusun semula pentadbiran dan kurikulum Pendidikan Islam di semua sekolah secara berpusat (*centralized*) dalam usaha merealisasikan pembelajaran Pendidikan Islam secara formal (Abdul Hamid, 2018).

Pada tahun 1973, Unit Pelajaran Agama di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dinaiktaraf kepada Bahagian Pelajaran Agama. Pada tahun 1983, ia dinamakan semula sebagai Bahagian Pendidikan Islam (BPI). Pada tahun 1995, Bahagian Pendidikan Islam distrukturkan semula kepada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) berikutan pertambahan tanggungjawab mengurus mata pelajaran Pendidikan Moral. Berikutan penstrukturan semula bahagian dan jabatan di bawah KPM oleh Kerajaan Malaysia, JAPIM ditukar kembali kepada BPI. Di antara tugas BPI adalah untuk menguruskan dasar dan kurikulum Pendidikan Islam, dasar dan kurikulum pendidikan Bahasa Arab; dan pengambilan serta latihan dalam perkhidmatan guru Pendidikan Islam dan guru bahasa Arab di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan (Abdul Hamid, 2018; Azmil Tayeb, 2018).

KPM melakukan pemusatan (*centralization*) dalam sistem pendidikan negara dengan mengawal sepenuhnya aspek pentadbiran dan pelaksanaan kurikulum di semua sekolah kerajaan dengan tujuan menyediakan pendidikan secara formal termasuk pembelajaran Pendidikan Islam. Sehingga satu dekad yang lalu, selain pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah harian di bawah KPM, ia turut berlaku di lima jenis sekolah berkenaan: (1) Sekolah Menengah Agama Persekutuan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, (2) Sekolah Agama Negeri, (3) Sekolah kendalian Majlis Agama Negeri, (4) Sekolah Agama Rakyat; dan (5) Sekolah Agama Swasta (Abdul Hamid, 2018).

Konsep Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melalui proses transformasi melalui penstrukturan semula bahagian dan jabatan, kurikulum dan program pendidikan bagi memenuhi keperluan semasa negara. Ia dilakukan seiring dengan program negara iaitu Program Transformasi Kerajaan (Mahbob & Wan Sulaiman, 2014). Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Program* (GTP) mula diperkenalkan pada April 2009 (Jabatan Perdana Menteri, 2010). Program transformasi ini bertujuan membuat perubahan-perubahan penting untuk mencapai hasil yang lebih besar dan bermanfaat kepada rakyat. Transformasi ini melibatkan semua kementerian dan agensi kerajaan termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Program GTP diperkenalkan pada zaman pentadbiran negara yang diketuai oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia Ke-6. Fasa pertama GTP dilaksanakan pada tahun 2010-2012 melibatkan penubuhan jentera perubahan yang baharu serta penetapan dan pencapaian sasaran dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara *(National Key Results Area*, NKRA), dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (*Ministerial Key Results Area*, MKRA) (Mahbob & Wan Sulaiman, 2014).

KPM menyahut seruan perubahan ini dengan melakukan transformasi kurikulum yang bermula di sekolah rendah. Kurikulum lama iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) ditamatkan secara berperingkat bermula 2011 di sekolah rendah. KPM memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang meliputi subjek teras dan elektif. Pelaksanaan KSSR 1.0 (2011-2016) telah digantikan dengan kurikulum semakan KSSR 2.0 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).



Rajah 1: Garis Masa Pelaksanaan Pendidikan Islam (Kurikulum Semakan)

Rajah 1 di atas menerangkan garis masa pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam dalam tempoh 10 tahun terakhir. Subjek Pendidikan Islam termasuk dalam kelompok subjek teras di sekolah rendah. Subjek ini diorganisasikan kepada tujuh bidang berbanding enam bidang pelajaran sebelum ini. Ia mengandungi bidang pelajaran al-Quran (bacaan, hafazan, kefahaman dan tajwid), hadis, akidah, ibadah, sirah, adab akhlak dan jawi (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan nilai Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab dalam membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Bahagian Pendidikan Islam, 2015).

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam adalah mata pelajaran teras dalam KSSR. KSSR Pendidikan Islam ini digubal untuk membina dan membentuk peribadi muslim yang memahami, mengamalkan dan menghayati Islam secara menyeluruh. KSSR Pendidikan Islam ini memberi penekanan kepada aspek ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Melalui mata pelajaran ini, murid dibekalkan dengan lapan (8) bidang pengetahuan asas tentang al-Quran, hadis, akidah, ibadah, sirah, adab dan jawi. Ia dijelaskan sebagaimana pada rajah berikut:



Rajah 1: Bidang kurikulum Pendidikan Islam (Semakan 2017)

Murid bukan sekadar dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, malah mereka dididik untuk mengamal dan menghayati ilmu yang dipelajari. Melalui mata pelajaran ini juga murid dibimbing untuk mampu membangunkan diri serta masyarakat berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Kemahiran abad ke-21, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan kemahiran menaakul dimasukkan secara eksplisit dalam dokumen kurikulum Pendidikan Islam agar modal insan yang dihasratkan mampu memenuhi keperluan masa kini (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019).

Matlamat Dan Objektif Pendidikan Islam

Matlamat KSSR Pendidikan Islam adalah untuk membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah SWT yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta kesejahteraan alam demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019).

Bahagian Pembangunan Kurikulum (2019) menetapkan objektif yang perlu dicapai dalam pembelajaran KSSR Pendidikan Islam seperti berikut:

1. Membaca surah terpilih daripada al-Quran dengan betul dan bertajwid serta mengamalkan pembacaannya dalam kehidupan harian.
2. Menghafaz surah terpilih daripada al-Quran dan mengamalkan hafazannya dalam solat dan ibadat harian.
3. Memahami maksud surah terpilih daripada al-Quran dan menghayati pengajarannya secara istiqamah.
4. Mengaplikasi hukum tajwid dengan betul secara berterusan.
5. Membaca dan memahami hadis terpilih dan mengamalkan tuntutannya dalam kehidupan harian.
6. Meyakini dan merumuskan asas-asas akidah untuk diamalkan sebagai pegangan dan benteng dalam kehidupan harian serta asas dalam tindakan.

7. Mengamalkan konsep asas ibadah sebagai memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah untuk diamalkan secara istiqamah dalam kehidupan harian.
8. Mengaplikasi iktibar daripada sirah Rasulullah SAW bagi menanam rasa kecintaan kepada baginda dan mengamalkan sunnahNya dalam kehidupan harian.
9. Menghayati dan mengamalkan konsep adab serta nilai-nilai akhlak dalam kehidupan harian.
10. Membaca, membina dan menulis ayat serta teks dalam tulisan jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.
11. Menulis Khat *Nasakh* dan *Rikaah* mengikut kaedah yang betul.

Kurikulum Dan Pengajaran Pendidikan Islam

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019).

KSSR Pendidikan Islam menekankan penggunaan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk menyampaikan ilmu kepada murid. Keberkesanan PdP bergantung kepada kreativiti guru merancang, mengolah dan melaksanakan pendekatan, kaedah serta teknik secara bersepadu dan sistematik. PdP yang berpusatkan murid bagi menggalakkan penglibatan yang aktif dapat menimbulkan suasana pembelajaran yang menarik. Pembelajaran secara *hands-on* dan berpusatkan murid amat ditekan dalam proses tersebut.

Guru memerlukan lebih daripada satu atau dua hari bengkel latihan kemahiran berkaitan kurikulum dan pengajaran. Mereka memerlukan masa untuk memahami kandungan kurikulum baharu sebelum dilaksanakan pengajaran dalam jadual waktu sekolah. Guru juga perlu diberikan masa untuk menguasai kompetensi yang diperlukan bagi tujuan pengajaran dalam bilik darjah (Ornstein & Hunkins, 2018).

Bahagian Pembangunan Kurikulum (2019) mencadangkan kepada guru beberapa strategi dan pendekatan untuk pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah seperti dinyatakan di bawah:

Pendekatan Berpusatkan Murid

Pengajaran dan Pembelajaran mata Pendidikan Islam dilakukan secara berpusatkan pada murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri.

Kajian Fatahiyah et al. (2019) menunjukkan pembelajaran berpusatkan murid (*student centered learning*) meningkatkan tahap kemahiran berfikir pelajar dalam pelajaran akidah dengan menekankan unsur pemikiran berdasarkan panduan hujah daripada al-Quran dan hujah *kholqillah* (ciptaan Allah).

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual adalah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan persekitaran. Kaedah ini menyediakan

pembelajaran secara konkrit yang melibatkan aktiviti *hands-on* dan *mind-on*. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dalam kehidupan mereka (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019).

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran ini memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran dalam sesuatu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain. Pembelajaran ini dipecahkan kepada beberapa unit kecil untuk mudah dikuasai. Murid mesti menguasai 80% aras masteri (penguasaan) sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019; Bloom, 1968).

Talaqqi dan Musyafahah

Kaedah talaqqi dan musyafahah dilaksanakan dengan cara guru berhadapan dengan murid atau bersemuka. Guru akan memperdengarkan bacaan ayat al-Quran sebagai bacaan contoh dan meminta murid mendengarnya dan memerhati pergerakan bibir dengan teliti. Setelah bacaan itu diulang oleh guru beberapa kali, guru meminta murid membacanya dan guru mendengar dengan teliti dan membetulkan bacaan murid sama ada dari segi makhraj dan hukum tajwid. Kaedah ini diguna pakai ketika dilaksanakan PdP Pelajaran Al-Quran dalam Pendidikan Islam (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019).

Menurut Nurul Huda et al. (2019), talaqqi dan musyafahah merupakan kaedah mempelajari Al-Quran secara mulut ke mulut iaitu penyampaian atau pengajaran terus daripada mulut seorang guru kepada mulut seorang pelajar. Ia merupakan kaedah pembelajaran Al-Quran yang diwarisi oleh Rasulullah S.A.W daripada Malaikat Jibril a.s seterusnya diaplikasikan oleh Rasulullah S.A.W terhadap para sahabat r.a. Para sahabat pula meneruskan pedagogi ini sehingga ianya diwarisi sebagai satu sistem pembelajaran Al-Quran sehingga hari ini.

Bagi memastikan pengajaran guru dan pembelajaran murid mencapai objektif, guru perlu memahami dan menguasai konsep Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi dengan jelas dan tepat. Kemahiran guru mengaplikasikan pendekatan, kaedah dan teknik dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam membantu murid mencapai aras masteri pengetahuan dan kemahiran serta nilai yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam sekolah rendah. Guru juga perlu merancang dan melaksanakan pentaksiran berpandukan manual Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi mengukur pencapaian murid mengikut kebolehan masing-masing (Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, 2016; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Implikasi SKPMg2 Terhadap Pengajaran Guru

Pengajaran Guru Pendidikan Islam hendaklah menepati kompetensi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang Ke-2 (SKPMg2) KPM iaitu Guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai; dan murid sebagai pembelajar aktif (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2017).

Ia dijelaskan pada rajah di bawah:



Rajah 2: Pengajaran Guru berpandukan Standard PdPc, SKPMg2 KPM

Guru Sebagai Perancang

Guru merancang pelaksanaan PdPc secara profesional dan sistematik seperti berikut:

1. menyediakan rancangan pengajaran harian,
2. menentukan kaedah pentaksiran; dan
3. menyediakan sumber pendidikan mengikut keupayaan murid dan peruntukan masa pembelajaran.

Guru Sebagai Pengawal

Guru mengawal proses pembelajaran secara profesional dan terancang seperti berikut:

1. mengelola isi pelajaran dan peruntukan masa,
2. memberi peluang kepada penyertaan aktif murid dengan menepati objektif pelajaran,
3. memberi peluang kepada penyertaan aktif murid dengan mengikuti keupayaan murid dan secara berterusan dalam PdPc,
4. mengawasi komunikasi dan perlakuan murid,
5. menyusun atur kedudukan murid; dan
6. mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan mengikut kesesuaian dan keperluan secara berhemah, menyeluruh dan berterusan.

Guru Sebagai Pembimbing

Guru membimbing murid secara profesional dan terancang seperti berikut:

1. memberi tunjuk ajar dalam menguasai isi pelajaran dan kemahiran,
2. memandu murid untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah,
3. menggabung jalin isi pelajaran dengan kemahiran/subjek lain mengikut keperluan dan keupayaan murid dengan betul, tepat, secara berhemah dan bersungguh-sungguh.

Guru Sebagai Pendorong

a. Guru mendorong minda murid dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran secara profesional dan terancang seperti berikut:

1. merangsang murid berkomunikasi dan berkolaboratif,
2. mengemukakan soalan yang menjurus ke arah pemikiran kritis dan kreatif,
3. membuat keputusan atau menyelesaikan masalah; dan
4. mewujudkan peluang untuk murid memimpin dan mengemukakan soalan berkaitan isi pelajaran.

b. Guru mendorong emosi murid dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran secara profesional dan terancang seperti berikut:

1. memberi pujian, galakan, penghargaan dan keyakinan serta prihatin terhadap keperluan murid secara berhemah, menyeluruh dan berterusan.

Guru Sebagai Penilai

Guru melaksanakan penilaian secara sistematik dan terancang seperti berikut:

1. menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran,
2. menjalankan aktiviti pemulihan/pengayaan,
3. memberi tugasan; dan
4. membuat refleksi serta menyemak hasil kerja murid berdasarkan objektif pelajaran.

Murid Sebagai Pembelajar Aktif

Murid melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara berterusan seperti berikut:

1. memberi respons, berkomunikasi dan melaksanakan aktiviti secara kolaboratif,
2. berfikiran kritis dan kreatif,
3. mengemukakan soalan,
4. menyelesaikan masalah,
5. mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan berdasarkan objektif pelajaran secara aktif, yakin dan berhemah.

Kajian Wan Norhasma & Nurahimah (2019) menunjukkan Standard 4.0 PdPc (SKPMg2) menjadi salah satu cara untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru di bilik darjah. Pembelajaran murid bertambah menarik dan menyeronokkan hasil daripada hubungan yang kuat antara guru dan murid. Manakala kajian Khuazaimah et al. (2019) menjelaskan kedudukan Standard PdPc dan Kemenjadian Murid sebagai salah satu atribut terpenting pelaksanaan SKPMg2 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Hasil kajian mendapati berlakunya peningkatan tahap Kemenjadian Murid secara tidak langsung disebabkan oleh pengaruh amalan PdPc guru hasil pelaksanaan SKPMg2 di sekolah.

Cabaran KPM Menghadapi Pandemik Covid-19.

Negara telah berhadapan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19. Pelaksanaan PKP telah menyebabkan sekolah ditutup dan pembelajaran secara fizikal tidak dapat dilaksanakan. Justeru KPM memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) ekoran guru diarah bekerja dari rumah dan murid belajar di rumah dengan sokongan ibu bapa dan penjaga. Bagi melancarkan perjalanan PdPr, KPM melakukan penjajaran kurikulum kebangsaan termasuk kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah agar

bersesuaian dengan cabaran semasa pengajaran guru dan kesediaan emosi murid belajar di rumah (Bahagian Pendidikan Islam, 2021).

Berpandukan SKPMg2, guru perlu bertindak sebagai pendorong minda dan pendorong emosi murid ketika pembelajaran berlaku. Justeru, guru perlu berusaha melaksanakan aktiviti pengajaran secara profesional dan terancang dengan prihatin terhadap keperluan murid secara berhemah, menyeluruh dan berterusan dalam memenuhi standard pelaksanaan PdPr sepanjang penutupan sekolah akibat ancaman penularan COVID-19. Guru juga berperanan sebagai pengawal sumber pengajaran dan suasana pembelajaran agar objektif Pendidikan Islam dicapai.

KESIMPULAN

Guru Pendidikan Islam perlu menguasai kandungan kurikulum semakan dan penjajaran kurikulum agar dapat memenuhi cabaran semasa pengajaran guru dan pembelajaran murid. Standard Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang Dua (SKPMg2) adalah panduan utama membolehkan guru melaksana pengajaran dengan berkesan dan bermakna dalam melahirkan modal insan yang berakhlak dan berkualiti.

RUJUKAN

al-Quran

Abdul Hamid, A. F. (2018). Islamic Education in Malaysia. In *Handbook of Islamic Education* (pp. 745–762). Springer Nature.

Azmil Tayeb. (2018). Islamic education in Malaysia. *Policies and Politics in Malaysian Education*, *December*, 31–53. https://doi.org/10.4324/9781315147215-3

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR Pendidikan Islam Tahun 5*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM. (2016). *KSSR Pendidikan Islam DSKP Tahun 2*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Islam. (2015). *Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Islam. (2021). *Dokumen Penjajaran Kurikulum Pendidikan Islam Tahun 6 (edisi 2)* (2nd ed.). Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bloom, B. S. (1968). Learning for Mastery. *Encyclopedia of the Sciences of Learning*, *1*(2). https://doi.org/10.1007/978-1-4419-1428-6_4645

Fatahiyah, E., Mohd Isa, H., & Khadijah, A. R. (2019). Elements of Thinking in Teaching Student-Centered Learning on Faith: A Case Study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *8*(3). https://doi.org/10.6007/IJARPED/v8-i3/6297

Jabatan Perdana Menteri. (2010). Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan. *Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan (PEMANDU)*.

Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. (2017). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)* (2nd ed.).

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Buletin ANJAKAN; Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia. *Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia - PPPM 2013-2025*.

Khuazaimah, Z., Mohamed Yusoff, M. N., & Surat, S. (2019). Tahap Kompetensi Guru (PdPc) SKPMg2 Dan Tahap Kemenjadian Murid. *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*.

Mahbob, M. H., & Wan Sulaiman, W. I. (2014). Apa Hebatnya Program Transformasi Kerajaan? (What Is Great About the Government's Transformation Programme?). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, *30*(Special Issue), 145–158. https://doi.org/10.17576/jkmjc-2014-30si-09

Nurul Huda, Z. A., Omar, N., & Yusof, N. H. (2019). Konsep Dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembelajaran Al-Quran. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, *3*(1), 27–35.

Ornstein, A. C., & Hunkins, F. P. (2018). Social Foundations of Curriculum. In *Curriculum: Foundation, Principles and Issues, Seventh Edition* (7th ed.). Pearson Education.

Rohana, Z., Hayati, H., & Zainora, D. (2017). Kesediaan Masa Dan Kreativiti Guru Dalam Penggunaan Bahan Bantu Mengajar. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*.

Shamrahayu A. Aziz. (2016). Maqasid Al-Syariah dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu Perbahasan Awal. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, *28*(2), 278–312.

Wan Norhasma, W. H., & Nurahimah, M. Y. (2019). ' SKPMg2 ' (Standard 4) as tools to upgrade teachers ' teaching quality. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, *1*(1).

Hubungan Keagamaan dan Kerohanian Terhadap Daya Tahan Pekerja Tamat Kontrak Perkhidmatan

Fauziah Hussain
fauziahhussain@graduate.utm.my
Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

Siti Suhaila Ihwani
sitisuhaila@utm.my
Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRACT

Previous researchers have realized that religious and spiritual factors influence a person's resilience when coping with problems and stress in life. The current study is to examine the relationship between religiousness/spirituality and resilience among worker who lose their jobs due to termination of contract at the National Service Training Department. Forty One women and men participated in a quantitative study and completed a set of questionnaire which was adapted from the Brief Multidimensional Measure of Religiousness/Spirituality, Fetzer Institute/NIA, 1999 and the Resilience Scale Wagnild & Young, 1993 models. Hypotheses predicted that increases in different dimensions of religiousness/spirituality would be related to increases in resilience and this hypothesis was supported by the data. The results of the study showed that the higher the level of religiousness/spirituality (dimensions of daily spiritual experiences, values/beliefs, forgiveness, religious practices, positive and negative coping) the more significant of resilience level. Implication from the research, practice and training design are recommended.
Keywords: Religiousness and Spirituality, JLKN, BMMRS, Resilience Scale

ABSTRAK

Penyelidik terdahulu menyedari faktor keagamaan dan kerohanian mempengaruhi daya tahan individu terhadap masalah dan tekanan dalam kehidupan. Justeru, kajian ini bertujuan mengetahui hubungan di antara faktor keagamaan dan kerohanian terhadap daya tahan pekerja tamat kontrak perkidmatan di Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN). Empat puluh satu wanita dan lelaki menyertai kajian kuantitatif menggunakan borang soal selidik yang telah diadaptasi dari model Brief Multidimensional Measure of Religiousness/Spirituality, Fetzer Institute/NIA tahun 1999 dan model Skala Ketahanan Wagnild & Young tahun 1993. Hipotesis kajian mengandaikan terdapat hubungan signifikan faktor keagamaan/kerohanian terhadap daya tahan pekerja tamat kontrak perkidmatan di JLKN dan hipotesis ini disokong data kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan semakin tinggi tahap keagamaan/kerohanian (dimensi pengalaman kerohanian, nilai/pegangan, aktiviti keagamaan, memaafkan, *positive & negative coping*), maka semakin signifikan tahap daya tahan pekerja. Implikasi kajian, pelaksanaan amalan dan reka bentuk latihan disyorkan dalam kajian.
Kata kunci: Keagamaan dan Kerohanian, JLKN, BMMRS, Skala Ketahanan

PENDAHULUAN

Keagamaan Dan Kerohanian

Peristiwa hilang pekerjaan memberi natijah sangat berat kepada seseorang individu. Ia mengakibatkan seseorang individu, suami, isteri atau anak dalam keluarga tidak dapat menjalankan fungsi dengan baik, apatah lagi bertindak dengan rasional dalam kehidupan seharian. Lebih membimbangkan lagi apabila masalah atau tekanan kehidupan yang dihadapi ini memberi kesan kepada gangguan mental. Rekod mencatatkan angka serius 30 peratus populasi rakyat di negara ini mengalami masalah penyakit mental. Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye dalam Artikel Berita Harian bertajuk `Peningkatan Pesakit Mental Membimbangkan' pada tahun 2018 menjelaskan pelaporan Profesor Bersekutu Psikiatri, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM), Dr Ng Chong Guan bahawa seorang daripada tiga orang menghadapi masalah kesihatan mental dan angka ini semakin membimbangkan setiap tahun. Gejala gangguan mental merupakan faktor kemurungan dengan 40 peratus penduduk tempatan menderita sepanjang hayat akibat penyakit ini.

Kehilangan punca pendapatan kerana hilang pekerjaan merupakan situasi tidak menyenangkan dan memberi kesan langsung kepada hala tuju dan jaminan masa depan yang samar untuk kelangsungan hidup yang lebih bermakna dan berkualiti. Manakala pada keadaan lain, individu menyaksikan kejayaan dalam mengelak kesan negatif dan berupaya mengatasi masalah dari pengalaman traumatik yang ditempoh kerana berkait rapat dengan tahap daya tahan yang dimiliki. Daya tahan pekerja yang menghadapi tekanan bergantung kepada kebijaksanaan menghindarkan diri daripada terjejas mental dan fizikal. Kefahaman mengenal masalah hidup adalah "mengikut qada' dan qadar ketentuan Allah" yang memberi kesan di mana akhirnya perasaan individu menjadi tidak kecewa atau takut apabila berlaku apa-apa musibah atau ujian. Ini selaras dengan Surah al-Hadid Ayat 22 yang bermaksud `Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (*Loh Mahfuzh*-pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya; Sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.

Greene & Conrad (2002) mengaitkan hubungan keagamaan dan kerohanian terhadap daya tahan; manakala Post & Wade (2009) mengaitkan kepentingannya dalam mengatasi tekanan, sejajar peningkatan masalah yang berlaku dalam pelbagai bidang. Faktor keagamaan dan kerohanian mempengaruhi kejayaan individu dalam memulih dan memberi manfaat ke arah kehidupan seharian kembali normal. Faktor ini adalah sumber kuasa dalam memberi kekuatan dan sokongan dalam mengatasi konflik yang wujud (Kallampally, Oakes, Lyons, Greer, & Gillespie, 2007). Keagamaan dan kerohanian dianggap faktor perlindungan kepada tekanan hidup (Cotton et al., 2006); dan perlindungan kepada kesan negatif kesihatan (Cotton et. al., 2006). Di samping pengaruh dari pelbagai faktor lain, keagamaan didapati mempunyai pengaruh penting terhadap keberkesanan rawatan disebabkan gangguan mental (Nicholson, Richard, Bobak, 2009). Stevenson, F. & Marc, A. Z. (2005) menjelaskan bahawa keperluan utama ketahanan adalah kemunculan kedua-dua kesan risiko dan faktor-faktor yang mempengaruhi hasil positif atau mengurangkan serta mengelakkan kesan negatif.

Pengaruh keagamaan dan kerohanian terhadap daya tahan individu tidak dinafikan kepentingannya oleh para penyelidik terkemuka terdahulu bagi membangunkan semula potensi dan pembangunan individu. Kuczkowski (1993) mengatakan bahawa kepercayaan dalam agama dan kerohanian merupakan kubu kuat dari permulaan kebimbangan dan kehilangan rasa aman, serta panduan untuk mencari erti kehidupan, termasuk penentuan dalam parameter yang betul dan salah. Sesetengah penyelidik mengaitkan hubungan di antara keagamaan/kerohanian

dengan daya tahan (Greene & Conrad, 2002). Keagamaan/kerohanian yang menjadi kata kunci itu akan membawa seseorang untuk menguruskan kehidupan, dan menyelesaikannya dengan betul.

Daya tahan individu yang berkait dengan pegangan dan amalan agama boleh membantu individu berhadapan dengan tekanan dan perasaan kekecewaan. Adi Supriadi (2015) menyatakan bahawa ketika ditanya mengenai rahsia agama, Imam Hassan Al Basri (21-110/H / 641-728/M) menjawab bahawa ada empat perkara yang perlu difahami, iaitu (1) tidak ada sesiapa yang berhak mengambil rezeki dari orang lain, setelah memahaminya hati akan terisi, (2) tidak ada sesiapa yang boleh melakukan ibadat untuk orang lain, setelah memahaminya ibadat akan dilakukan bersungguh untuk diri sendiri, (3) Allah sentiasa memerhatikan, setelah memahaminya seseorang itu akan merasa malu untuk melakukan kesalahan, dan (4) setiap orang akan menempuh kematian, dan setelah memahaminya lalu persiapan dibuat secukupnya untuk bertemu Allah. Pengamalan agama yang baik dapat memberi kekuatan iman dan keteguhan jiwa dengan adanya kepercayaan kepada kuasa dan pertolongan Allah SWT.

Kesimpulannya, agama dikaitkan mempunyai hubungan yang rapat dengan beberapa aspek kemuliaan dan kerohanian seperti akhlak, rumah tangga, ekonomi, politik dan semua aspek praktis dalam kehidupan seseorang. Keagamaan dan kerohanian merupakan sumber yang kuat di mana seseorang boleh mendapatkan kekuatan dan mengatasi konflik (Kallampally et. al., 2007). Kerohanian boleh mengurangkan emosi negatif, seperti kebimbangan, kemurungan, ketakutan, dan menggantikannya dengan ungkapan emosi yang positif (Long, 2011).

Objektif, Persoalan Dan Hipotesis Kajian

Objektif kajian adalah untuk mengetahui hubungan keagamaan dan kerohanian terhadap daya tahan pekerja tamat kontrak perkidmatan di Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN). Difahamkan bahawa individu dengan tahap keagamaan dan kerohanian tinggi adalah berdaya tahan apabila berupaya mengatasi tekanan/masalah dan tidak takut dengan akibat yang berlaku, bijak ketika mengurus diri sendiri dan keupayaan profesional dengan cepat, lebih bertoleransi dengan orang lain, mempunyai keazaman dan hebat mempengaruh orang lain.

Persoalan kajian `Adakah terdapat hubungan signifikan aspek keagamaan dan kerohanian terhadap daya tahan pekerja tamat kontrak perkidmatan di JLKN?'. Hipotesis telah dibentuk untuk menunjukkan andaian hubungan antara kedua-dua variabel kajian ini iaitu `Terdapat hubungan signifikan aspek keagamaan dan kerohanian (Pengalaman Kerohanian, Nilai/Pegangan Kerohanian, Mempraktikkan Aktiviti Agama, Keupayaan Memaafkan, *Coping Positive* dan *Coping Negative*) terhadap daya tahan pekerja tamat kontrak perkidmatan di JLKN'.

Skala keagamaan dan kerohanian diadaptasi menggunakan Model Brief Multidimensional Measures of Religiousness/Spirituallity (BMMRS) oleh Fetzer Institute/National Institute of Aging pada tahun 1999. Dalam kajian ini, 6 dimensi dengan 22 item pernyataan menjadi faktor utama digunakan dalam kajian ini. Dimensi tersebut adalah Pengalaman Kerohanian, Nilai/Pegangan Kerohanian, Keupayaan Memaafkan, Amalan Aktiviti Keagamaan, *Coping Positive* dan *Coping Negative*.

Lima dimensi dalam skala kerohanian seperti Pengalaman kerohanian, Nilai/Pegangan Kerohanian, Keupayaan Memaafkan, Mengatasi Positif dan Negatif adalah menggunakan jawapan pilihan dengan julat skor 1 hingga 5, contohnya `Sangat Sering' (skor 5) hingga `Tidak Pernah' (skor 1). Contoh pernyataan dalam Dimensi Pengalaman Kerohanian adalah `Saya merasakan kewujudan Tuhan/Allah'. Manakala Amalan/Aktiviti Keagamaan dalam Dimensi Keagamaan mengandungi 6 digit pilihan jawapan, contohnya `Lebih 6 kali sebulan' (skor 5)

hingga `Tiada Langsung' (skor 1). Contoh pernyataan dalam Dimensi Keagamaan seperti `Berapa kerap anda membaca buku/Buku Agama? (Sri W. Rahmawati, 2014).

Skala daya tahan oleh Wagnield & Young (1993) mengandungi 26 item pernyataan turut diadaptasi dalam kajian ini, di mana pilihan jawapan adalah di antara skor 1 (Tidak Setuju) hingga skor 5 (Sangat Setuju). Contoh soalan bagi skala ini adalah `Keyakinan membantu saya untuk menghadapi peristiwa sukar'. Model-modal yang dibangunkan dari kajian lepas digunakan untuk mengetahui hubungan keagamaan dan kerohanian terhadap daya tahan pekerja tamat kontrak perkidmatan di JLKN.

Limitasi kajian berkaitan soal selidik yang dikemukakan kepada responden di mana hal ehwal agama adalah isu yang sensitif. Perkara ini adalah satu kebenaran di mana responden amat sukar menyatakan aktiviti agama yang dilakukan dalam kehidupan seharian. Namun kesulitan ini dapat ditangani apabila reka bentuk soal selidik menyediakan jawapan pilihan yang memandu responden untuk menjawab soalan mengenai cerminan diri mereka.

Skop kajian adalah dalam kalangan pegawai kontrak di JLKN di mana dimensi keagamaan diukur melalui kekerapan amalan/aktiviti keagamaan dan ini tidak semestinya mencerminkan tahap keagamaan individu yang dikaji. Rahmawati S.W. (2014) menyatakan konsep agama dan kerohanian sering dikaji secara berasingan, namun kedua-duanya mempunyai hubungan.

METODOLOGI KAJIAN

Penyertaan

Bagi mengetahui hubungan keagamaan dan kerohanian terhadap daya tahan pekerja tamat kontrak perkidmatan, satu kajian deksriptif telah dijalankan ke atas 41 dari jumlah 45 orang pekerja kontrak beragama Islam di JLKN. Daripada jumlah itu, 32 orang (78 peratus) adalah perempuan dan 9 orang (22 peratus) adalah lelaki. Kesemuanya adalah pekerja kontrak yang bertugas di Ibu Pejabat JLKN, Kementerian Pertahanan Malaysia yang akan ditamatkan kontrak perkhidmatan atas pelaksanaan Dasar Kerajaan Sedia Ada berkuatkuasa pada 31 Disember 2018.

Pengukuran Kajian

Pendekatan kuantitatif menggunakan reka bentuk Kajian Deskriptif (Bukan Eksperimental). Kajian dilakukan berpandukan dua kaedah utama iaitu rujukan data sekunder dan pengumpulan data primer. Data-data primer diperoleh melalui instrumen kajian soal selidik yang dikumpulkan dan dianalisis. Data-data sekunder diperolehi daripada buku, jurnal dan tesis, dapatan kajian lampau termasuk rujukan dari maklumat-maklumat akademik dan internet.

Analisis kajian soal selidik mengandungi 48 item dilakukan supaya dapat memperolehi gambaran yang jelas tentang latar belakang subjek serta pandangan mereka terhadap Hubungan Keagamaan dan Kerohanian terhadap daya tahan pekerja yang ditamatkan kontrak perkidmatan kontrak di JLKN. Soal selidik direkabentuk terbahagi 3 Bahagian iaitu Bahagian A mengenai Butiran Responden, Bahagian B mengenai Skala Keagamaan dan Kerohanian dan Bahagian C mengenai Skala Daya tahan.

Dimensi Keagamaan dan Kerohanian terbahagi kepada 6 aspek diadaptasi dari Brief Multidimensional Measures of Religiousness/Spiritual (BMMRS) oleh Fetzer Institute/National Institute of Aging tahun 1999. Manakala dimensi daya tahan terbahagi kepada 6 aspek diadaptasi dari model Skala Daya Tahan dari Wagnield & Young pada tahun 1993.

Soal selidik dibina bagi mengetahui hubungan keagamaan dan kerohanian terhadap daya tahan pekerja tamat kontrak perkidmatan di JLKN. Soalan kajian disesuaikan pengkaji dengan aspek keagamaan dan kerohanian mengikut perspektif Islam. Skala BMMRS adalah asas kepada kajian pengukuran dengan mengambil kesesuaian 6 subdimensi skala berbanding 12 subdimensi pada skala asal. Responden diberi tempoh 5-7 minit untuk menjawab soal selidik dan mereka mempunyai masa mencukupi untuk melengkapkan borang soal selidik tersebut.

Set soalan dalam soal selidik ini mengandungi empat puluh lapan item aneka pilihan dan digubal menggunakan 'Skala Likert' sebagai pilihan jawapan responden. Untuk skala likert, responden hanya perlu menyatakan darjah kekerapan (kerohanian) dan skor persetujuan (daya tahan) dengan menandakan nombor pilihan mereka berdasarkan arahan dan keterangan skala yang dinyatakan pada awal set soal selidik. Penggunaan skala likert ini memudahkan responden memberikan respons mereka. Soal selidik juga memudahkan pengkaji mengkodkan data dan seterusnya menganalisis data tersebut.

Pembolehubah dalam kajian terbahagi dua iaitu Pembolehubah (variabel) Bebas dan Pembolehubah Bersandar. Variabel Bebas dalam kajian ini adalah Faktor Keagamaan dan Kerohanian manakala Variabel Bersandar pula ialah Faktor Daya Tahan. Kajian dilakukan ini akan memanipulasikan Variabel Bebas (Keagamaan dan Kerohanian) terhadap 41 orang pekerja kontrak dan memerhatikan kesan hubungannya iaitu perubahan pada Variabel Bersandar (Daya tahan). Kesannya dikenal pasti melalui analisis data menggunakan SPSS melalui Analisis *Regression Linear*.

Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji terlebih dahulu melaksanakan kajian rintis. Kajian rintis ini dilaksanakan untuk membantu pengkaji mengenal pasti tahap kebolehpercayaan dan kesahan kajian sebenar. Tujuan utama diadakan kajian ini adalah untuk mengetahui kesahan soalan samada responden berkenaan memahami soalan yang diberikan atau sebaliknya.

Pengkaji telah melakukan ujian rintis di JLKN iaitu di tempat sama dengan kajian sebenar. Subjek kajian rintis terdiri 10 orang pekerja kontrak di Bahagian Komunikasi Korporat JLKN. Menurut Grimm, P. (2010), kajian rintis biasanya dilakukan pada sampel kecil (kira-kira 30) yang sepadan ciri-ciri populasi kajian. Namun, kajian rintis yang kurang dari sampel formal boleh dilakukan dengan bilangan yang lebih kecil mengikut kesesuaian sampel. Bilangan sampel kajian rintis ini juga dirujuk sebagai kumpulan sasar (*focus group*) dari bilangan 45 populasi pekerja kontrak beragama Islam yang akan ditamatkan kontrak perkhidmatan di JLKN.

Sebelum ujian rintis ini diadakan, pengkaji telah mendapat kelulusan rasmi Pemangku Ketua Pengarah JLKN. Pengkaji juga telah mendapatkan kerjasama Pengarah Bahagian Sumber Manusia JLKN berkaitan maklumat statistik pegawai kontrak. Sebelum ujian rintis dijalankan, pengkaji telah memberi taklimat bagi memberi panduan dan kefahaman responden mengenai pelaksanaan dan tujuan kajian dijalankan.

Hasil ujian rintis dijalankan, pengkaji mendapat maklum balas responden seperti berikut, iaitu (i) telah memahami kandungan soal selidik, (ii) telah membaca dengan jelas setiap soalan dan tidak berlaku kekeliruan, dan (iii) masa yang diberikan untuk menjawab soalan adalah mencukupi dan sesuai.

Analisis Data

Berdasarkan keputusan ujian rintis seperti dalam Jadual I, koefisyen kebolehpercayaan (α) bagi dimensi Pengalaman Kerohanian pada $\alpha = .891$; dimensi Nilai/Pegangan Kerohanian pada α

= .780; dimensi Kesediaan Memaafkan pada α = .838; dimensi Mempraktikkan Amalan Agama pada α = .721; dimensi *Coping Positive* pada α = .900 dan dimensi *Coping Negative* pada α = .791. Julat skor bagi kesemua koefisyen kebolehpercayaan (α) 6 item dimensi adalah pada 0.70 hingga 0.90 dan ini bermakna item skala dimensi adalah konsisten. Guilford (1978) menyatakan bahawa sesuatu ujian boleh dipercayai jika ia mempunyai koefisyen kebolehpercayaan pada 0.70 hingga 0.80. Ini bermakna item instrumen mempunyai konsistensi untuk mengukur pembinaan yang sama kerana ia mempunyai ralat kandungan sampling yang rendah.

Jadual 1. Pengukuran Kebolehpercayaan (*Reliability*) Hubungan Keagamaan dan Kerohanian Terhadap Daya Tahan Pegawai Tamat Kontrak Perkhidmatan di JLKN

No	Item Skala	Bilangan Item	Mean	Varians	Sandard Deviation	Cronbach Alpha
1	Pengalaman kerohanian	6	23.80	4.178	2.044	.891
2	Nilai/Pegangan Kerohanian	2	9.70	.456	.675	.780
3	Kesediaan Memaafkan	3	12.20	4.178	2.044	.838
4	Mempraktikkan Aktiviti Keagamaan	5	16.20	11.289	3.360	.721
5	*Coping Positive*	3	13.00	2.889	1.700	.900
6	*Coping Negative*	3	7.50	14.278	3.779	.791
7	Skala Daya tahan	26	113.2	79.067	8.892	.950

Nota: Ujian Rintis pada 29 November 2018; N = 10 orang

KEPUTUSAN

Skala Keagamaan Dan Kerohanian

Pengkaji telah menjalankan kajian sebenar di mana soal selidik adalah sama dengan soalan ujian rintis. Data soal selidik dikumpulkan dan dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (Pakej SPSS). Penganalisaan data melibatkan dua jenis iaitu Statistik Deskriptif, Skala dan Regresi. Statistik Deskriptif dan Skala digunakan untuk menunjukkan markah Min, Peratus, Range, Varians, Standard Deviation dan Alpha Cronbach untuk menjelaskan latar belakang responden, skala dimensi keagamaan/kerohanian, skala daya tahan dan keputusan ujian. Manakala regresi (*r)* digunakan untuk menguji hubungan di antara dua pembolehubah.

Jadual 2 menunjukkan dapatan pengukuran kebolehpercayaan bagi setiap dimensi dalam Skala Keagamaan dan Kerohanian. Setelah analisis dibuat dalam ujian sebenar, koefisyen kebolehpercayaan (α) bagi dimensi Pengalaman Kerohanian pada α = .876; dimensi Nilai/Pegangan Kerohanian pada α = .771; dimensi Kesediaan Memaafkan pada α = .817; dimensi Mempraktikkan Amalan Agama pada α = .765; dimensi *Coping Positive* pada α = .803 dan dimensi *Coping Negative* pada α = .704. Julat skor bagi kesemua koefisyen kebolehpercayaan (α) bagi 6 item dimensi adalah pada 0.70 hingga 0.90.

Skala daya tahan mengandungi 26 pernyataan dengan pilihan jawapan di antara skor 1 (tidak setuju) kepada skor 5 (sangat setuju). Contoh soalan kajian dalam skala ini adalah

`Keyakinan membantu saya menghadapi peristiwa sukar'. Koefisyen kebolehpercayaan diperoleh pada α = .915.

Jadual 2. Pengukuran Kebolehpercayaan

No	Skala Daya Tahan	Bilangan Item	Mean	Varians	Sandard Deviation	Cronbach Alpha
1	Pengalaman kerohanian	6	28.54	4.705	2.169	.876
2	Nilai/Pegangan Kerohanian	2	9.68	.522	.722	.771
3.	Memaafkan	3	12.98	3.774	1.943	.817
4.	Mempraktikkan Aktiviti Keagamaan	5	25.27	8.851	2.975	.765
5	*Coping Positive*	3	13.29	2.662	1.632	.803
6.	*Coping Negative*	3	6.54	7.705	2.776	.704
7.	Skala Daya tahan	26	110.07	95.120	9.753	.915

Nota : Kajian sebenar; N = 41 orang

Teknik Analisis *Multiple Regression* ini digunakan untuk mengetahui kaitan varian Pembolehubah Tidak Bersandar kepada Pembolehubah Bersandar bagi setiap satu dimensi keagamaan/kerohanian terhadap daya tahan. Dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 3 dengan huraian dapatan seperti berikut:-

(i) Dimensi Pengalaman Kerohanian pada r = .401, p<0.01
(Dimensi Pengalaman Kerohanian memberi kesan signifikan terhadap daya tahan)

(ii) Dimensi Nilai/Pegangan Kerohanian pada r = .226, p<0.01
(Dimensi Nilai/Pegangan Kerohanian memberi kesan signifikan terhadap daya tahan)

(iii) Dimensi Kesediaan Memaafkan pada pada r = .413, p<0.01
(Dimensi Kesediaan Memaafkan memberi kesan signifikan terhadap daya tahan)

(iv) Dimensi Mempraktikkan Amalan Agama pada r = .684, p<0.01
(Dimensi Mempraktikkan Amalan Agama memberi kesan yang signifikan terhadap Daya tahan)

(v) Dimensi *Coping Positive/Negative* pada pada r = .603, p<0.01
(Dimensi *Coping Positive/Negative* memberi kesan signifikan terhadap Daya tahan)

Jadual 3. Mean, SD, Range, dan Korelasi Pearson
(Dimensi Keagamaan Terhadap Daya tahan) (N=41)

Variable	M	SD	Range	r	p
Pengalaman kerohanian (Harian)	25.27	2.975	18 - 30	.401	p<0.01
Nilai/Pegangan	13.66	1.277	4 - 15	.226	p<0.01
Memaafkan	17.12	1.965	8 - 20	.413	p<0.01
Mempraktikkan Aktiviti Keagamaan	24.10	2.737	18 - 30	.684	p<0.01
Coping Positive/Negative	29.93	3.594	15 - 35	.603	p<0.01

Teknik *Multiple Regression* seperti Jadual 4 digunakan untuk mengukur pembolehubah Bebas (IV) : Pengalaman Kerohanian, Nilai/Pegangan Kerohanian, Memaafkan, Mempraktikkan Amalan Agama, *Coping Positive/ Negative* ke atas pembolehubah Bersandar (DV) : Daya Tahan.

Dapatan kajian mendapati bahawa:

(i) Pengalaman Kerohanian menyumbang 1.3 peratus terhadap daya tahan
(ii) Nilai/Pegangan Kerohanian menyumbang 0.1 peratus terhadap daya tahan
(iii) Memaafkan menyumbang 10.3 peratus terhadap daya tahan
(iv) Mempraktikkan Aktiviti Agama menyumbang 39.2 peratus terhadap daya tahan
(v) *Coping Positive/Negative* menyumbang 25.2 peratus terhadap daya tahan

Pengesahan hipotesis dalam ujian statistik kajian ini menunjukkan hubungan setiap skala dimensi keagamaan/kerohanian terhadap daya tahan pekerja tamat kontrak perkhidmatan di JLKN. Pernyataan semakin tinggi tahap keagamaan/kerohanian pekerja kontrak JLKN, maka semakin signifikan hubungan tahap daya tahan mereka. Dapatan setiap skala dimensi yang ditunjukkan, ia memberi pernyataan yang sama pada jawapan setiap skala dimensi yang dikaji.

Jadual 4. *Multiple Regression* (N= 41*)*

Prediktor	R	R Square	Adjust R Square	Std. Error of the Estimate
Pengalaman kerohanian (Harian)	.401	.161	.013	.953
Nilai/Pegangan	.226	.051	.001	.494
Memaafkan	.413	.171	.103	.590
Mempraktikkan Aktiviti Keagamaan	.684	.468	.392	.557
Coping Positive/Negative	.603	.364	.252	.729
Pemboleh Ubah Bersandar (DV) : Daya Tahan				

Kesimpulannya, dari dapatan kajian yang diperoleh, ia memperlihatkan bahawa faktor Mempraktikkan Aktiviti Agama, *Coping Positive/Negative* dan Memaafkan mempunyai hubungan paling signifikan terhadap daya tahan, diikuti pengalaman kerohanian dan nilai/pegangan.

PERBINCANGAN

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa semakin kuat dimensi keagamaan/kerohanian, semakin signifikan hubungan daya tahan yang dimiliki oleh pekerja kontrak JLKN. Kajian literatur mengenai daya tahan membuktikan bahawa hubungan keagamaan dan kerohanian dapat menyumbang kepada proses perkembangan kehidupan yang positif.

Dimensi keagamaan/kerohanian memiliki hubungan sangat signifikan dengan daya tahan pekerja kontrak di JLKN yang menghadapi situasi ditamatkan kontrak dalam perkhidmatan, sekaligus hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Kepercayaan agama mungkin mempengaruhi sifat manusia, motivasi, perkembangan personaliti, diri, psikologi dan masyarakat (Smither & Khorsandi, 2009). Kepercayaan agama dan kerohanian dikaitkan dengan orientasi kehidupan yang lebih optimistik, sokongan sosial yang lebih tinggi dan daya tahan yang lebih tinggi dalam stres dan tahap kebimbangan yang lebih rendah (Pardini et al., 2000).

Pandangan dunia Islam mendefinisikan Allah SWT sebagai Pencipta dan pemberi hukum serta menganggap penyembahan terhadap-Nya adalah sebagai tujuan hidup (al-Attas, 2001). Dikaitkan dengan pernyataan ini, pekerja kontrak yang mengambil bahagian dalam kajian ini telah menunjukkan kesan hubungan signifikan terhadap daya tahan dalam kesemua skala keagamaan dan kerohanian, terutama Mempraktikkan Aktiviti Agama, *Coping Positive/Negative* dan Memaafkan. Ikatan ini menyebabkan pekerja kontrak sentiasa berada pada tahap keyakinan dan nilai keagamaan yang konsisten apabila menghadapi masalah atau tekanan hidup. Dengan kelaziman ini, ianya mempengaruhi tahap daya tahan.

Penyertaan pekerja kontrak dalam kajian ini adalah beragama Islam dan ini membolehkan dapatan kajian digeneralisasikan kepada skop agama ini. Dapatan ini turut memudahkan perujuk dari agama lain untuk mengetahui hubungan keagamaan dan kerohanian terhadap daya tahan individu di mana faktor ini berupaya mengembalikan kehidupan normal dengan lebih cepat berbanding faktor selainnya.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Menerusi dapatan kajian yang telah dilakukan ini, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa keagamaan/kerohanian memberi kesan signifikan kepada daya tahan, iaitu semakin kuat amalan keagamaan dan kerohanian, maka semakin tinggi tahap daya tahan pegawai tamat kontrak perkhidmatan di JLKN.

Dicadangkan kajian masa depan oleh pengkaji lain dibuat dengan mempertimbangkan faktor keagamaan/kerohanian sebagai bahagian penting daya tahan. Implikasi yang praktikal adalah dengan merekabentuk modul latihan khusus di Agensi Kerajaan untuk membantu kebajikan pekerja kontrak membangunkan semula perkembangan diri jika berbangkit polisi semasa berkaitan pekerja ditamatkan kontrak dalam perkhidmatan. Modul Latihan boleh dijadikan *Standard Operating Procedure (SOP)* Jabatan/Agensi Kerajaan yang memiliki pekerja kontrak. Modul latihan ini membolehkan mereka membuka pemikiran kepada bidang kerjaya dengan lebih meluas dan merangsang motivasi mereka untuk mencebur diri dalam pelbagai bidang pekerjaan, samada dalam sektor kerajaan mahupun swasta.

Di peringkat organisasi, Pelan Tindakan Komunikasi wajar dibangunkan secara kemas, tersusun dan berobjektif berlandaskan elemen keagamaan/kerohanian bagi menguatkan daya tahan pegawai kontrak. Ini penting supaya mereka mempunyai daya tahan untuk menghadapi situasi stres sekiranya perkhidmatan mereka terpaksa ditamatkan. Ini akan memberikan mereka kekuatan mental dan emosi untuk mencari pekerjaan lain dalam meneruskan kehidupan dan dapat kembali berperanan sebagai agen sosial dan ekonomi negara.

Dalam perspektif lebih meluas seperti dalam kerangka pembentukan dasar dan pelan pembangunan ekonomi negara, elemen keagamaan/kerohanian amat penting untuk diserapkan dalam setiap program pembangunan modal insan untuk melahirkan tenaga kerja yang berdaya tahan (*resilien*), progresif dan kompetitif.

RUJUKAN

Book with one author:

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1995). Prolegomena to the metaphysics of Islam. *International Institute of Islamic Thought and Civilization* (ISTAC): Kuala Lumpur.

Journal article:

Cotton, S., Zebrachi, K., Rosenthal, S.L., Tsevat, J., & Drotar, D. (2006). Religion/ spirituality and adolescent health outcomes: a review. *Journal of Adolescent Health*, 38, 472–480.

George A. Kallampally, et. al. (2007). Gender, Psychological Resilience, Acculturation and Spirituality as Predictors of Asian Indian American Marital Satisfaction. *Journal of Spirituality in Mental Health Volume 10*, Issue 1, 2018.

Pardini, D.A., Plant, T.G., Sherman, A. & Stump, J.E. (2000). Religious faith and spirituality in substance abuse recovery - Determining the mental health benefits. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 19, 347 to 354.

Post, B.C., & Wade, N.G. (2009) Religion and spirituality in psychotherapy: A practive-freindly review of reserach. *Journal of Clinical Psychology: In sessiong, 65, 131-146.*

Rahmawati, SW (2013). Role of Religiousness/Spirituality in Resilience of Fisheries College Cadets. *Journal of Education, Health and Community Psychology, Vol. 3, No. 1, 2014.*

Wagnield, G.M., & Young, H.M (1993). Development and psychometric evaluation of the resilience scale. *Journal of Nursing Measure, 1,* 165-178.

Website:

Adi Supriadi, MM (2015). Rahsia zuhud Hasan Al-Basri. 29 Januari 2015. Retrieved December 3, 2020, from https://www.dakwatuna.com/2015/01/29 /63252/ rahasia-zuhud-hasan-al-basri/#axzz6j.

Smither, R., & Khorsandi, A. (2009). The implicit personality theory of Islam. *Psychology of Religion and Spirituality, 1*(2), 81–96. https://doi.org/10.1037/a0015737. Retrieved December 3, 2020, from https://www.researchgate.net/publication/ 228347754_The_Implicit_Personality_Theory_of_Islam.

Greene, R.R & Conrad, A.P (2002). Basic Assumptions and terms. In RR Green (Eds), *Resilience: An Integrated approach to practive, policy and rese*arch. Washington, DC: NASW press. Doi:10.1037/0002-9432.72.4.596. Retrieved December 3, 2020, from https://scholar.google.com.my/scholar.

Grimm, P. (2010). *Pretesting a Questionnaire. Wiley International Encyclopedia of Marketing.* doi:10.1002/9781444316568.wiem02051. Retrieved December 3, 2020, from https://onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1002/9781444316568.wiem02051.

Long, Shelley L (2011). *The relationship between religiousness/spirituality and resilience in college students.* ProQuest Dissertations and Theses; 2011. ProQuest. Retrieved December 3, 2020, from https://twu-ir.tdl.org/handle/11274/80.

Guilford, J.P. (1978). *Fundamental statistics in psychology and education*. New York. Mc Graw Hill. Retrieved December 3, 2020, from https://psycnet.apa.org/record/2006-06398-101.

Kuczkowski, S. (1993). *Psychologia religii (Psychology of religion*). Krakow: WAM. Retrieved December 3, 2020, from https://scholar.google.com.my/scholar.

Nicholson, A., Rose, R., & Bobak, M. (2009). Association between attendance at religious services and self-reported health in 22 European countries, *Social Science & Medicine,* 69, 519–528. Retrieved December 3, 2020, from https:// pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/19595492/.

Stevenson, F. & Marc, A. Z. (2005). *Adolescent resilience: A framework for understanding healthy development in the face of risk.* Annual Revision Public Health 2005. 26:399–419 doi: 10.1146/annurev.publhealth.26.021304.144357. First published online as a Review in Advance on October 26, 2004. Retrieved December 3, 2020, from https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/15760295.

Fetzer Institute (1999). *Multidimensional measurement of religiousness/spirituality for use in health research: A report of the Fetzer Institute/National Institute of Aging Working Group*. Kalamazoo, MI: Author. Retrieved December 3, 2020, from https://fetzer.org/resources/multidimensional-measurement-religiousnessspirituality-use -health-research.

Paradigma Pengajaran Pendidikan Islam: Tradisional Dan Kontemporari

Mohd Aderi Che Noh
aderi@usim.edu.my
Universiti Sains Malaysia

Siti Rosilawati Ramlan
rosilawati@usim.edu.my
Universiti Sains Malaysia

Noor Azizi Ismail
azizi12@usim.edu.my
Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Pendidikan ingin memastkan individu supaya tiap individu sentiasa berhubung dengan Allah dan melaksanakan tugas sebagai hamba Allah. Justeru pendididkan tradisional dan kontemporari harus berjalan seiring dalam membentuk individu muslim. Kertas kerja ini membentangkan hasil tinjauan kepustakaan dalam mengajak pembaca meneliti berkaitan keperluan dua jenis pendidikan ini. Pengetahuan terhadap murid merupakan tumpuan utama dalam dunia pendidikan menjadi hambatan dalam melaksanakan dua jens paradigma yang menjadi tumpuan para guru dalam melaksanakan tugasan sebagai pendidik. Semoga kertas kerja ini menjadi lontaran dalam mengenengahkan pendidikan. Harapan kita, agar dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang melahirkan generasi masa hadapan persis para sahabat radhiallahu ‘anhum.

Kata kunci: Pengajaran, pendidikan, profesionalisme, tradisonal, kontemporari

PENGENALAN

Pendidikan Islam ialah salah satu mata pelajaran teras dan wajib di peringkat sekolah rendah dan menengah bagi murid-murid Islam. Pendidikan Islam dalam konteks Kurikulum Standard Sekolah Menengah yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 dengan jelas menekankan satu aspek penting. Aspek penting tersebut merujuk kepada inti pati Falsafah Pendidikan Islam negara bagi melahirkan individu yang memiliki perkembangan diri yang menyeluruh dan seimbang.

Pendidikan Islam KSSM yang meliputi tingkatan satu hingga lima mengandungi tiga bidang utama iaitu Tilawah Al-Quran dan Al-Hadis, Ulum Syar`iyyah dan Adab berteraskan Akhlak Islamiah. Bidang Ulum Syar`iyyah pula merangkumi tiga komponen iaitu Akidah, Ibadat serta Sirah Nabawiyyah dan Tamadun Islam.

Selari dengan ketiga-tiga bidang utama Pendidikan Islam KSSM tersebut, objektif yang diformulasikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) mendokong aspirasi yang sama iaitu kemampuan untuk membaca ayat-ayat terpilih daripada Al-Quran dengan betul, fasih, mahir dan bertajwid serta untuk memperkukuh minat dan amalan membaca Al-Quran, menghafaz ayat-ayat Al-Quran yang terpilih untuk menambah bacaan dalam solat dan amalan ibadat harian, memahami maksud beberapa ayat Al-Quran dan Hadis yang dipelajari serta menghayati pengajarannya sebagai sumber hukum dan panduan hidup, memantap pegangan akidah Islamiah serta menghidupkan konsep tauhid dalam keseluruhan amalan dan menjadi benteng keagamaan; mempertingkat amalan ibadat-ibadat Fardu Ain serta memahami sumbangan Fardu Kifayah sebagai kewajipan umat Islam bagi menyumbang kepada kemajuan

hidup di dunia dan akhirat, memahami dan mengambil iktibar daripada sirah nabawiyah, khulafa' al-rasyidin dan tokoh-tokoh Islam sebagai asas pembangunan insan yang berupaya menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara serta berakhlak mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni sebagai tunggak budaya bangsa yang bermaruah.

Berdasarkan objektif yang dikemukakan di atas, kesemua elemen pernyataan yang tersebut perlu diterapkan oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam samada dalam kaedah pengajaran tradisional atau kontemporari.

DEFINISI KAEDAH PENGAJARAN TRADISIONAL DAN KONTEMPORARI

lstilah-istilah pengajaran tradisional dan kontemporari ditafsirkan berbeza mengikut kepercayaan dan kefahaman atau boleh juga disebut sebagai falsafah. Ia terbahagi kepada dua jenis falsafah iaitu aliran kontemporari dan satu lagi aliran falsafah yang bersifat tabii (tradisional). Falsafah kontemporari ialah kefahaman yang merujuk kepada idea-idea yang dibawa oleh tokoh-tokoh pendidik dari Barat seperti John Dewey, Maslow, Frued, James Mill dan lain-lain.

Manakala kefahaman yang bersifat tabii (tradisional) pula ialah kefahaman yang berlandaskan Al- Quran, hadis dan pendapat ulama-ulama atau tokoh-tokoh pendidik Islam yang komited dengan Islam.Sebagai contoh, istilah pendidikan mempunyai maksud yang berbeza di kalangan dua aliran falsafah di atas. Bagi kumpulan berfahaman kontemporari, pendidikan bermaksud menyampaikan ilmu semata-mata. Ini dijelaskan oleh pandangan pakar pendidikan Amerika, John Dewey yang mengatakan bahawa pendidikan itu adalah kerja mengaturkan pengetahuan untuk menolong dan mengeluarkan serta menambahkan lagi pengetahuan yang ada, agar pendidikan itu dapat hidup berguna dan bertambah tinggi lagi darjah pengetahuannya (Sulaiman H & Karimah Z 1977).

Sedangkan bagi golongan berfahaman tabii, pendidikan bukanlah semata-mata menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi mendidik dan memberi kefahaman, kesedaran dan keyakinan supaya tiap individu sentiasa berhubung dengan Allah dan melaksanakan tugas sebagai hamba Allah (An Nadwi 1977). Oleh itu, para sarjana yang dipengaruhi fahaman kontemporari (sama ada sedar atau tidak), apabila ditanya tentang konsep pendidikan, akan memberi jawapan yang sama atau hampir sama dengan pendapat para intelek yang berfahaman kontemporari. Begitu juga dengan sarjana yang mempunyai kesedaran Islam yang menyeluruh akan menjawab selaras dengan kefahaman sebagai pengikut Rasulullah SAW yang komited. Kaedah tradisional (dikaitkan dengan pengajaran berasaskan guru) bukan lagi cara terbaik mempersiapkan pelajar dengan pelbagai kemahiran.

Pengetahuan terhadap murid merupakan satu komponen penting dalam Pengetahuan Kandungan Pedagogi untuk dikuasai oleh guru Pendidikan Islam dalam menghasilkan pengajaran yang berkualiti (Ahmad Yunus 2011). Guru seharusnya mengetahui kebolehan murid, memotivasikan murid, mampu mengawal kelakuan murid, mewujudkan iklim belajar kondusif, mengklasifikasikan murid mengikut kumpulan, dan sering membuat penilaian (Shahril@Charil 2004). Antara pengetahuan berkaitan murid yang disarankan oleh Rasulullah SAW ialah guru seharusnya menitikberatkan waktu, keadaan dan bahan pengajaran yang sesuai dengan murid (Ibrahim 2012). Ini bermakna, para guru perlu sentiasa sabar dan berlemah-lembut dalam menyampaikan sesuatu isi pengajaran (Abdul Fattah 2009) kerana medan utama dalam keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran adalah kefahaman yang diterima oleh murid (Kamarul Azmi 2012).

Kajian mengenai pengajaran berkesan guru cemerlang telah dibincangkan secara meluas oleh ramai pengkaji (Kamarul Azmi 2010). Berdasarkan pandangan para sarjana Islam, Nur Hanani Hussin (2013) menyatakan guru pendidikan Islam seharusnya mengenali murid mereka, menunjukkan kasih sayang, menghormati idea, membina potensi mereka, menegur

dengan cara hikmah bahkan sekiranya menghukum adalah untuk mendidik bukannya mendenda. Secara asasnya, sangat penting bagi seseorang Guru Pendidikan Islam (GPI) menyedari bahawa bilik darjah mereka dipenuhi oleh pelbagai murid yang inginkan pengiktirafan sebagai individu, dipanggil dengan nama mereka dan mempunyai keperluan tersendiri yang mesti dipenuhi. Oleh itu, pengajaran Pendidikan Islam sepatutnya berlangsung dalam suasana sihat persekitaran yang mendorong untuk belajar, murid bersemangat untuk menimba ilmu, mendapat sokongan dan motivasi daripada guru serta berlakunya interaksi dua hala semasa proses pengajaran. Ini bertentangan dengan kenyataan Hardaker dan Sabki (2012) yang menyokong pandangan al-Ghazali dengan menegaskan penggunaan kaedah hafalan dalam pembelajaran.

Noor Hisham Md Nawi (2011) menyatakan Pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) adalah satu pendekatan pendidikan di mana kurikulum, aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penilaian berfokuskan kepada pelajar. Peranan pensyarah berubah daripada peranan sebagai pemberi kepada fasilitator. Banyak pihak cuba menghuraikan pengertian dan konsep PBP. Manakala, menurut Shahabudin et al. (2003), PBP adalah strategi pengajaran di mana pelajar menjadi pemain utama yang melibatkan diri secara aktif dalam sesuatu sesi P&P. Csete dan Gentry (1995) pula menggunakan istilah PBP sebagai pengajaran yang dikawal oleh pelajar. Kawalan di sini bermaksud pelajar mengawal prosedur, masa dan penilaian untuk memenuhi keperluan mereka yang berbe za.

Tegasnya PBP ialah satu pendekatan pembelajaran yang meluas merangkumi pengalaman belajar secara aktif, penyelesaian masalah secara kritis dan kreatif, penggunaan simulasi dan main peranan, kajian kes, pembelajaran kendiri, kolaboratif dan koperatif. Secara padatnya, PBP adalah sebarang suasana pembelajaran yang efektif di mana perancangan, pengajaran dan penilaian menumpu kepada pelajar dan kepada hasil pembelajaran yang diperlukan pelajar.

Sejak kebelakangan ini, timbul rangsangan tentang perlunya peralihan strategi pembelajaran terutama di IPTA. Kaedah tradisional (dikaitkan dengan pengajaran berasaskan guru) bukan lagi cara terbaik mempersiapkan pelajar dengan pelbagai kemahiran. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam reformasi kurikulum perlu memberikan pertimbangan seimbang dari segi akademik dan bukan akademik berpaksikan ilmu pengetahuan, teori dan aplikasi secara kontekstual dalamkehidupan mengikut kebolehan dan keupayaan pelajar (Kementerian PelajaranMalaysia 2010). Manakala Muhammad Uthman el-Muhammadi (2003) pula menyebut bahawa di dalam profesion perguruan, tugas guru bukan sahaja mengajar sesuatu mata pelajaran tertentu tetapi guru juga berperanan sebagai pendidik manusia.

Justeru itu para guru haruslah memiliki ciri-ciri profesionalisme yang menguasai ilmu-ilmu teras dan ilmu pedagogi sebagai asas kepada etika dan profesion perguruan. Sehubungan itu juga, seorang guru yang profesional sentiasa mencari jalan dan memikirkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang terbaik dari segi penyampaian ilmu, pendekatan, kaedah dan maklumat serta kemahiran kepada muridnya. Guru mesti mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta nilai-nilai murni yang unggul bagi menjadikan diri mereka sebagai pendidik yang berwibawa, mampu membangunkan sistem pendidikan negara yang berkualiti dan bertaraf dunia.

Selain itu, ia juga dikaitkan dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Ia merupakan satu transformasi kurikulum yang mengantikan KBSR (Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 bermula dengan murid tahun 1. Ia merupakan satu rancangan kurikulum baru yang menekankan strategi-strategi pengajaran itu yang memberi peluang pembelajaran yang tidak terhad kepada murid, menyeronokkan serta mengambil kira kepelbagaian kecerdasan murid. Strategi adalah suatu

susunan pendekatan-pendekatan dan kaedah-kaedah untuk mencapai sesuatu matlamat dengan menggunakan tenaga, masa serta kemudahan secara optimum.

Manakala definisi strategi dalam bidang pendidikan menurut pandangan Mok Soon Sang (2008) ialah kebijaksanaan memilih pendekatan serta kecekapan merancang kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan objektif pelajaran yang telah ditentukan. Sebagai contohnya, untuk memenangi pertandingan badminton, seorang pemain bukan sahaja perlu menguasai segala kaedah untuk menghantar bola tangkis kepada lawannya tetapi ia juga perlu merancangkan strategi permainan itu. Jika pemain itu menguasai semua kaedah menghantar bola tangkis dengan sempurna tetapi strategi permainannya tidak sesuai, maka ia akan dikalahkan. Oleh sebab itu, ada kalanya pasukan yang mahir dalam semua kaedah tetap kalah kerana strategi permainannya tidak sistematik. Pengajaran boleh berbentuk arahan, tunjuk cara, penerangan lisan dan bukan lisan atau bentuk-bentuk lain yang bertujuan membolehkan orang lain memahami, memulakan atau menjalankan sesuatu aktiviti, tindakan atau tugas (James Ang 2009).

Dalam kajian ini, strategi pengajaran yang dimaksudkan terbahagi kepada tiga iaitu strategi pemusatan guru, strategi pemusatan murid dan strategi pemusatan bahan. Untuk mencapai objektif-objektif pengajaran, seseorang guru biasanya menggunakan gabungan beberapa pendekatan serta kaedah mengajar tertentu. Rancangan gabungan pendekatan dan kaedah serta turutan pendekatan itu dilaksanakan merupakan strategi pengajaran. Kaedah ialah satu perancangan yang sistematik secara keseluruhan perancangan atau prosedur yang perlu diamalkan oleh semua guru bagi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang sistematik, terancang dan teratur.

Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008), dari perspektif pendidikan, kaedah adalah segala kegiatan terarah yang dijalankan oleh guru dalam rangka menyampaikan pengajaran yang berkesan, sekaligus ia membantu murid-murid untuk mencapai proses belajar dan perubahan yang dikehendaki terhadap tingkahlaku murid, selanjutnya menolong murid-murid memperoleh maklumat, pengetahuan, keterampilan, kebiasaan, sikap, minat dan nilai-nilai yang diinginkan. Beberapa kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh guru Pendidikan Islam digunakan sebagai pengukur dalam kajian ini iaitu kaedah kuliah, hafazan, soaljawab, bercerita, simulasi, demonstrasi, perbincangan, projek, inkuiri, audio visual, pengembaraan, permainan dan latih-tubi.

Fathiyah et. al (2013), mendapati bahawa kaedah tradisional membantu guru-guru Pendidikan Islam bagi menerapkan elemen amalan secara berkesan dalam pengajaran mereka. Sebagai contoh, pengalaman guru menerapkan elemen amalan dapat dijadikan panduan dan melakukan penambah baikan terhadap usaha sedia ada. Peranan guru adalah sangat penting dalam mendidik anak didiknya. Di dalam kelas guru berperanan sebagai pendidik, pemudahcara dan fasilitator. Guru yang menggunakan strategi pengajaran berkesan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala guru yang sebaliknya akan menyebabkan objektif pengajaran dan pembelajaran tidak tercapai. Selain itu perkembangan dan perubahan dalam kurikulum pendidikan Malaysia memungkinkan guru Pendidikan Islam mengubah amalan strategi pengajaran khususnya dan guru-guru lain amnya. Pendidikan Islam merupakan salah satu cabang yang diberi perhatian khas kerana cabang ini sangat penting bagi pembinaan sikap, watak dan peribadi.

Tambahan lagi disokong dengan KSSR yang menekankan pelbagai pendekatan strategi pengajaran dan pembelajaran yang perlu dilaksanakan seperti pembelajaran melalui bermain, pembelajaran kontekstual, masteri dan inkuiri penemuan yang mementingkan standard kefahaman murid, perkembangan tahap murid dan pengaplikasian pelbagai kecerdasan murid dalam proses pengajaran. Strategi dan kaedah pengajaran yang digunakan itu mestilah memberi peluang pembelajaran yang tidak terhad kepada murid, menyeronokkan serta mengambil kira kepelbagaian kecerdasan murid.

Ini tidak banyak bezanya dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang disarankan dalam KBSR kerana walaupun berlaku transformasi dalam kurikulum ia tidak mengubah pedagogi pengajaran guru. Dalam KBSR pula, guru perlu merancang strategi pengajaran yang dapat membina dan mengukuhkan minat murid terhadap pembelajaran serta membimbing mereka supaya bersedia menerima pelajaran seterusnya serta berupaya pula meneruskannya sendiri. Mengikut strategi ini setiap murid akan mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai kegiatan meliputi pelbagai unsur daripada komponen kemahiran asas, kerohanian, nilai dan sikap, kemanusiaan, persekitaran, kesenian dan rekreasi.

Pendidikan berkualiti adalah inspirasi yang tidak ternilai untuk kemajuan bangsa. Sumber-sumber dan rancangan pendidikan yang dirangka sekolah telah diselaraskan oleh pihak kerajaan dan Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai panduan sistematik yang wajib dilaksanakan di peringkat sekolah. Transformasi dalam sistem pendidikan di Malaysia ini hanya akan berubah dari segi rekabentuk kurikulumnya yang merangkumi aspek organisasi, bahan, pentaksiran dan peruntukan masa serta struktur persekolahan (KPM 2010). Ini berdasarkan pemerhatian pengkaji yang melihat KSSR yang telah dibentuk, mempunyai matlamat Pendidikan Islam yang sama pada dasarnya dengan KBSR iaitu untuk menghasilkan insan yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan dalam kehidupan seharian supaya menjadi hamba Allah yang berjaya dunia dan akhirat. Bagi meningkatkan kualiti Pendidikan Islam sekolah rendah agar lebih relevan dengan cabaran masa kini serta cabaran abad ke 21, amalan strategi pengajaran dan kaedah pembelajaran Pendidikan Islam KSSR yang dirancang mestilah mempunyai ciri-ciri berikut (KPM 2010) iaitu :

i. Menggunakan cara penulisan modul kreativiti yang terdiri dari 4 fasa utama iaitu Persediaan, Fasa Imaginasi, Fasa Perkembangan dan Fasa Tindakan.
ii. Pembelajaran secara modular
iii. EMK (Elemen Merentas Kurikulum) dalam pengajaran dan pembelajaran
iv. Menjelmakan kesepaduan ilmu aqli dan naqli
v. Merangkumi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah
vi. Menekankan pembangunan insan mulia
vii. Penulisan bahan kurikulum menggunakan tulisan jawi.

CABARAN KAEDAH PENDIDIKAN TRADISIONAL DAN KONTEMPORARI

Jika dikaji sejarah perkembangan pendidikan di negara kita Malaysia, kita dapati British telah melaksanakan sistem pendidikan yang menanam unsur-unsur fahaman dualisme iaitu memisahkan pelajaran agama dan pelajaran untuk duniawi. Pelajaran Agama Islam dijadikan sebagai satu subjek seperti subjek-subjek lain. British juga mengekalkan sistem sekolah vernakular dan sistem aliran agama (sekolah pondok). Lulusan dari aliran Inggeris mendapat tempat istimewa dan kemudahan dalam mencari pekerjaan. Lulusan aliran agama terpinggir dan timbul perasaan rendah diri dan mungkin tergadai aqidahnya kerana terpengaruh dengan kehebatan dan keunggulan hidup yang diperolehi melalui sistem pendidikan sekular yang dimomok-momokkan oleh penjajah.

Impaknya, seluruh masyarakat (termasuk masyarakat Islam) berlumba-lumba mengejar kejayaan mengikut acuan cara berfikir yang ditanam oleh penjajah. Sistem pendidikan menjadi wadah yang sangat efektif untuk menanam kepercayaan tersebut. Dalam hal ini pemikiran dan pegangan umat Islam menjadi sasaran utama serangan puak penjajah (An Nadwi, A.N., 1977; MariamJ, 1970). Sehubungan dengan itu, Sekolah Agama Rakyat juga, pada pandangan penulis, mungkin secara tidak disedari telah diserap oleh aliran pemikiran tajaan penjajah.

Selain itu, Norliza Hussin (2013), berpendapat isu minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dan amalan guru yang bercorak tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam merupakan senario yang masih ada sehingga ke hari ini. Isu yang perlu diberi perhatian ialah sejauh manakah aplikasi web dalam mewujudkan suasana pembelajaran aktif terhadap P&P PI. Guru-guru seharusnya mencari alternatif untuk menimbulkan keseronokan dalam diri pelajar. Kenyataan ini disokong oleh Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) yang menyatakan bahawa penggunaan web boleh dipraktik bagi meningkatkan keberkesanan P&P terutama guru Pendidikan Islam, di samping menarik minat dan tumpuan pelajar menerusi perancangan dan penggunaan yang rapi.

Demi untuk memajukan dan menambahkan lagi kecenderungan pendidikan pelajar terhadap PI adalah sewajarnya kajian berkaitan aplikasi web dilaksanakan sebagai satu transformasi dalam pengajaran guru khususnya guru Pendidikan Islam. Justeru, pada abad ke 21 ini, teknologi internet dan web memainkan peranan utama sebagai agen komunikasi, interaksi, pendidikan dan sosialisasi masyarakat dunia.

Bahan Bantu Mengajar (BBM) telah dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w cuma alat tersebut tidak secanggih sepertimana yang ada di zaman ini (Kamarul Azmi & Ab.Halim 2007). Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Jabir dan Ibnu Abbas yang bermaksud:

> "*Daripada Abdullah bin Abbas, katanya bahawa Rasulullah s.a.w membuat empat garisan di atas tanah seraya bersabda: " Adakah kamu tahu mengapa aku melakarkan empat garisan ini?" Mereka menjawab."Allah dan RasulNya yang lebih mengetahui". Lalu Rasulullah s.aw bersabda: "Semulia-mulia wanita di dalam syurga ada empat orang iaitu Khadijah binti Khuwailid, Fatimah bin Muhammad, Maryam binti Imran dan Asiah binti Muzahin isteri Firaun".*

Justeru itu, penggunaan ICT yang berlandaskan kepada syariah adalah dibenarkan oleh Islam kerana sememangnya penggunaan teknologi maklumat memberi implikasi baru yang lebih efektif dalam proses P&P dalam semua bidang khususnya mata pelajaran Pendidikan Islam (Wan Khairuddin & Ab. Halim 2008).

Berjuta-juta maklumat boleh diperolehi dengan penggunaan laman web khususnya untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran seperti melalui e-mel, ruang bual, papan buletin, perbincangan dan sebagainya. Terdapat beberapa ciri utama yang membezakan laman web dengan media lain iaitu kebolehan menyediakan persekitaran yang membenarkan pelajar berinteraksi dengan guru, pelajar berinteraksi dengan pelajar-pelajar lain atau pelajar berinteraksi dengan persekitaran laman web itu sendiri.

Menurut Suhanim (2002), Pendidikan tradisional dibahagikan kepada pendidikan pra-islam dan pendidikan selepas kedatangan Islam Pendidikan tertua dalam masyarakat Melayu merupakan pemindahan kemahiran dari satu generasi kepada generasi berikutnya. Setelah kedatangan Islam ke Alam Melayu, pendidikan Islam secara tidak formal untuk golongan dewasa. Sementara itu, sekolah mengaji al-Quran ditubuhkan untuk kanak-kanak. Kemudian, muncul pula institusi pondok dan institusi madrasah.

Dalam kajian Abdul Aziz bin Abdul Ghani (2009), perkembangan kurikulum yang semakin kompleks, menuntut kemahiran pemikiran tinggi yang dapat diproses dengan mudah menerusi Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Senario ini turut dialami dan meliputi di dalam bidang Pendidikan Islam juga. Permasalahan kurangnya penggunaan ICT dikalangan Guru Pendidikan Islam di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, membuatkan penyelidik merasakan satu keperluan untuk melihat isu ini dengan lebih mendalam. Penyelidik ingin melihat skop-skop yang boleh diberi penambah baikan di dalam penggunaan ICT di kalangan guru Pendidikan Islam. Penyelidik juga turut ingin melihat bagaimana keberkesanan ICT di

dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dapat meningkatkan prestasi murid sejajar keperluan sebagai modal insan pada masa akan datang.

Menurut UNESCO 2002, dalam era globalisasi,teknologi maklumat dan komputer ianya telah membawa perubahan yang amat besar terhadap ekonomi dunia. ICT telah menukar cara manusia berkomunikasi dan berniaga di samping membawa transformasi dalam bidang pertanian,perubatan, kejuruteraan dan bidang-bidang lain. Malaysia telah mengambil inisiatif dalam sistem pendidikan sebagai penyesuaian dengan era teknologi maklumat.

Menurut Robiah Sidin dan Nor Sakinah Mohamad (2007), dalam era globalisasi yang berpaksikan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pembangunan pendidikan mementingkan pembudayaan dan penguasaan ICT dikalangan pelajar. Penggunaan ICT di dalam sessi pengajaran dan pembelajaran menjadi satu budaya pada masa kini. Pengenalan kepada semua warga pendidik mengenai penggunaan VLE Frog (Virtual Learning Education) baru-baru ini, amat jelas dijadikan fokus utama misi Kementerian Pendidikan. Ini adalah kerana terdapat koloborasi yang rapat di antara keberkesanan pengajaran dan pembelajaran apabila ianya dikaitkan dengan penggunaan ICT. Ianya juga dilihat dapat menarik minat murid di dalam mencari maklumat tambahan semasa pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bukan hanya tertumpu kepada matapelajaran tertentu sahaja. Ianya meliputi kepada semua matapelajaran termasuk Pendidikan Islam. Sehubungan dari itu, penyelidik berminat untuk mengenalpasti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam di dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berbantukan ICT. Selain daripada itu, aspek-aspek penambahbaikan dikaji agar matlamat kajian ini, iaitu untuk melihat penggunaan ICT yang optimum dapat dicernakan sebaik mungkin.

IMPLIKASI

Peningkatan masalah jenayah dan salah laku dalam kalangan remaja Islam di Malaysia sejak akhir-akhir ini menyebabkan ada sesetengah pihak menuding jari kepada guru-guru Pendidikan Islam dengan menyatakan bahawa Pendidikan Islam kurang berkesan walaupun mata pelajaran ini menunjukkan pencapaian yang baik dalam peperiksaan bertulis. Keadaan ini mungkin berpunca daripada corak pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di sekolah. Yusup (2001) menyatakan bahawa keadaan ini disebabkan masih terdapat sebilangan guru Pendidikan Islam yang menggunakan kaedah tradisional, iaitu kapur dan papan hitam (chalk and talk) dalam proses pengajaran dan pembelajaran meskipun telah mendapat pelbagai latihan yang mencukupi dari semasa ke semasa tentang kaedah dan pendekatan terkini yang boleh diterapkan dalam bilik darjah.

Di samping itu, ada pihak beranggapan bahawa guru Pendidikan Islam Islam tidak mengaplikasikan kemudahan teknologi maklumat di sekolah dengan cara yang terbaik semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah menyebabkan proses tersebut menjadi lesu dan tidak menarik (Wan Ahmad Jaafar & Rosli 2008). Ini menyebabkan pelajar tidak berminat untuk mengamalkan perkara-perkara yang baik dan meninggalkan amalan yang buruk sebagaimana yang dikehendaki oleh Agama Islam itu sendiri.

Kemajuan teknologi dalam pengajaran khususnya komputer dan komunikasi berlaku begitu pesat sehingga penguasaan terhadap ilmu dan kemahiran teknologi maklumat menjadi sesuatu yang tidak dapat dielak oleh sesiapapun yang terlibat dalam dunia pendidikan hari ini. Menurut Wan Ahmad Jaafar & Rosli (2008), guru yang dapat menguasai pelbagai sumber maklumat, cara berkomunikasi dan teknologi yang berkaitan dengannya seterusnya boleh mengintegrasikannya dengan cara yang bijak dalam pengajaran dan pembelajaran akan dapat meningkatkan mutu pengajaran guru. Ia juga mampu menarik minat pelajar untuk mempelajari

dan memahami sesuatu masalah dalam pembelajaran dan seterusnya menghasilkan tingkah laku dan akhlak yang baik dan terpuji. Ini jelas menunjukkan bahawa integrasi teknologi maklumat merupakan sesuatu yang boleh berfungsi untuk melengkapkan dan mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada tanpa meminggirkan terus kaedah tradisional.

Kemajuan dalam bidang teknologi maklumat telah mempengaruhi amalan pengajaran dan pembelajaran, latihan dan prestasi serta pembinaan pengetahuan. Ini dapat di lihat dengan kemunculan sekolah tanpa sempadan dan universiti tanpa kampus. Banyak institusi berkongsi sumber dan guna tenaga melalui teknologi yang menjadikan teknologi maklumat sebagai tulang belakang dalam perkongsian maklumat ini (Ng 2002). Guru yang tetap berpegang dengan kaedah dan amalan pengajaran dan pembelajaran cara lama akan ketinggalan dalam arus perkembangan pendidikan. Justeru itu, seorang guru walau dalam apa jua bidang sekalipun termasuklah guru Pendidikan Islam tidak boleh mengelakkan diri dari turut sama mengintegrasikan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya menggunakan kemudahan dan peralatan yang disediakan oleh kerajaan.

Sejajar dengan perkembangan pesat penggunaan teknologi maklumat pada masa kini, guru Pendidikan Islam seharusnya menggunakan segala kemahiran mengajar yang ada untuk menarik minat pelajar, bukan sahaja untuk meneruskan proses pengajaran malah untuk membantu pelajar melangkah batasan keupayaan agar dapat terus maju dalam bidang akademik dan ko-kurikulum (Muhammad Suhaimi & Mohd Yusof 2014). Natijahnya, sifat daya saing dapat dibina dan seterusnya meningkatkan kebolehan kendiri pelajar untuk terus maju dalam bidang yang diceburi kelak.

Menurut Noriah & Nor Sakinah (2003), para pelajar akan dapat mengikuti proses pengajaran dengan lebih mudah jika guru yang mengajar prihatin terhadap perkembangan dan keperluan semasa. Keprihatinan tersebut merangkumi sikap positif terhadap keupayaan pelajar, mengambil berat, menunjukkan sikap penyayang, mempunyai sikap yakin diri dalam melakukan proses pengajaran dan memahami bahawa proses pengajaran harus berlaku secara dua hala.

CADANGAN

Anjakan paradigma perlu berlaku dalam kaedah pengajaran Pendidikan Islam. Para guru telah didedahkan dengan pelbagai cara untuk memudahkan proses pemindahan maklumat dan pengetahuan. Natijahnya, pelajar akan mempunyai pilihan dan akses yang banyak dengan menggunakan pelbagai perisian serta jaringan internet yang boleh memperkayakan khazanah maklumat. Bentuk maklumat yang boleh diterima melampaui batas sempadan budaya setempat, perkembangan sosiopolitik setempat malah apa sahaja yang berlaku di seluruh dunia boleh diketahui dalam masa yang amat singkat (Suzalie 2003). Ini kerana peranan alat komunikasi dan telekomunikasi menjadi semakin rapat hubungannya dengan kehidupan manusia.

Skop penguasaan ilmu dan maklumat akan jauh lebih luas dan pelbagai. Pengguna akan menjadi lebih kreatif dan inovatif kerana ketrampilan aspek elektronik dan digital akan memperlihatkan kecanggihan yang nyata samada dalam teknologi komunikasi mahupun bidang-bidang yang lain. Pendekatan pedagogi lebih banyak memberi peluang kepada murid sebagai pengguna dan guru sebagai fasilitator.

Cara pengajaran dan pembelajaran akan bersifat pelbagai. Pendekatan tradisional akan digantikan dengan cara pengajaran yang berasaskan kaedah elektronik dan telekomunikasi. Pendidikan jarak jauh, universiti terbuka dan pendidikan secara interaktif akan menjadi lebih ketara. Di samping itu, pendekatan modular boleh menjadikan peranan guru semakin minimum dan dalam konteks Malaysia, peranan Bahasa Melayu akan menjadi lebih tercabar kerana keperluan menggunakan Bahasa Inggeris secara meluas tidak boleh dielakkan. Selain itu juga,

kaedah portal dalam pendidikan kini semakin popular dan pilihan untuk mendapatkan maklumat menjadi semakin canggih.

Cabaran utama pendidik ialah menghasilkan modul-modul pendidikan berasaskan acuan kita sendiri. Ini kerana tidak semua maklumat yang ditampilkan oleh sistem yang berkaitan sesuai dengan matlamat membina manusia yang mempunyai kekuatan dalaman untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa agar tidak terkeluar daripada landasan nilai etika dan kerohanian (Zuraidah 2013).

Di samping itu, tidak dapat dinafikan bahawa wujud tuntutan untuk mengekalkan peranan pendidik sebagai murabbi dan muallim yang bukan sahaja bertindak sebagai fasilitator tetapi juga mampu memanfaatkan kepentingan alat dan juga perisian dalam bidang pendidikan. Ini bagi membangunkan generasi masa hadapan yang memiliki kekuatan ilmu, maklumat, ketrampilan dan sistem nilai yang tinggi.

PENUTUP

Kaedah pengajaran tradisional masing lagi penting untuk diaplikasikan dalam P&P Pendidikan Islam pada masa kini. Namun begitu, kita tidak boleh mengabaikan perkembangan semasa yang menuntut guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran serta menggunakan kecanggihan teknologi maklumat bagi melahirkan proses P&P yang berkesan. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa kaedah pengajaran tradisional dan kontemporari dalam P&P Pendidikan Islam saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua kaedah ini perlu digabungjalinkan untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan menjadikan Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran yang menarik dan diminati oleh pelajar.

RUJUKAN

Abdul Aziz bin Abdul Ghani.2009. Keberkesanan Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.OUM.

Abd. Ghafar Md. Din. 2003. *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1): 43-56.

Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, Kamarulzaman Abdul Ghani & Zarin Ismail. 2010. Penilaian pelajar-pelajar terhadap amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Kertas kerja Persidangan Serantau Pendidikan Islam 2010.

Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah & Surina Akmal Abd Sattai. 2014. Potensi penggunaan aplikasi mudah alih (mobile apps) dalam bidang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education* 2(2): 26-35.

An Nadwi, A.H. 1977. *Islam and The World.* Beirut: ILFSO.

Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2010. Penerapan elemen falsafah pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah Lembah Klang.Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia.

Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2012. *Peranan dan Cabaran Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor HayatiAlwi, AzimiHamzah, LukmanAbd. Mutalib. 2010. Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran.*Journal of Islamic Education January 2010,* Vol. 1 Issue 1.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Sukatan pelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarul Azmi Jasmi & Ab. HalimTamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Penerbit UTM.

Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. 2003. *Multimedia Dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Azam Mahat. 2009. *Guru Pendidik, Pengajar atau Pendakwah?* Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Mohd Hairudin Amin & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. *Sekolah Agama di Malaysia Sejarah, Isu &Cabaran*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

Mohd Nor Mamat. 2006. Cabaran keberkesanan e-learning: etika tawhidik sebagai solusi. *Jurnal Centre for Thought and Understanding* 2(1): 123-139.

Mohd. Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ng Wai Kong. 2002. *ICT dan Pengajaran*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Noor Hisham Md Nawi. 2011. Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan islamisasi ilmu moden. Kertas Kerja Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011. Hotel Vistana Pulau Pinang, 18-20 Disember.

Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul & Roseamnah Abd. Rauf. 2013. Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education* 1(2): 58-73.

Nurhanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri. 2013. Elemen mengenali murid dalam pengajaran guru cemerlang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education* 1(2): 10-19.

Rahil Mahyuddin, Habibah Elias & Kamariah Abu Bakar. 2009. *Amalan Pengajaran Berkesan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Sulaiman, H danKarimah, Z. 1977. *AliranPendidikan.* Kota Bharu: Pustaka Aman Ulwan, A.N. 1988. *PendidikanAnak-AnakDalam Islam.* Singapore: Pustaka National.

Suhanim Abdullah. 2002. *Sistem Pendidikan Tradisional Dalam Peradaban Melayu: Satu Analisis.* Fakulti Sastera Dan SainsSosial, Universiti Malaya.

Suzalie Mohamad. 2003. *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Syed Ali Ashraf. 1994. *Horizon Baru dalam Pendidikan Islam*. Terj. Ismail Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ting Len Siong & Muhamad Sidek Said. 2007. *Ingin Menjadi Guru?* Puchong: Ilmu Media Trade.

Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya & Rosli Abd Rahman. 2008. Pembudayaan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam. DP. Jilid 8 Bil. 2.

Penggunaan Strategi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Membaca Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

Jamil Sobri Mohd Zain
jamilsobr@gmail.com
Universiti Malaysia Kelantan

Kamarulzaman Abdul Ghani
Kamarulzaman@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRACT

The purpose of this study was to examine the relationship between language learning strategies (Oxford) namely memory, cognitive, compensatory, metacognitive, affective and social strategies with students' Arabic reading skills. This study also aims to look at the differences in the use of language learning strategies based on demographic factors. The sample of this study involved 40 form five students from a Government Aided Religious Secondary School (SABK) in Pasir Mas, Kelantan. A questionnaire form translated and modified from Strategy Inventory for Language Learning (SILL) V.7.0 (Oxford, 1990) containing 63 questions was given to 40 respondents. The findings showed that there was a significant difference in the use of language learning strategies based on gender, $t(38) = -2.52$, $p < .05$ between male and female students after the independent sample t -test was performed. Female students lead compared to male students. While the result for language learning strategy based on students' academic performance is $F(5.100) = 1.080$, $p > 0.05$ that is there is no difference. Correlation Test found that there is a positive and significant relationship between language learning strategies (memory, cognitive, compensation, metacognitive, affective and social) with Arabic language skills that is $r = .310$, $p < 0.01$. This study also shows that there are significant differences in the use of language learning strategies based on gender factors and academic performance of students in Government Aided Religious Secondary School (SABK) al-Ulum in Pasir Mas, Kelantan compared to memory, compensation, metacognitive, affective and social strategies.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara strategi pembelajaran bahasa (Oxford) iaitu strategi memori, kognitif, kompensasi, metakognitif, afektif dan sosial dengan kemahiran membaca bahasa Arab pelajar. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan faktor demografi. Sampel kajian ini melibatkan 40 orang pelajar tingkatan lima dari sebuah Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Pasir Mas, Kelantan. Borang soal selidik yang diterjemah dan diubahsuai daripada Strategy Inventory for Language Learning (SILL) V.7.0 (Oxford,1990) mengandungi 63 soalan telah diberikan kepada 40 responden. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan jantina, $t(38) = -2.52$, $p < .05$ antara pelajar lelaki dan perempuan setelah Ujian-t sampel bebas dilakukan. Pelajar perempuan mendahului berbanding pelajar lelaki. Manakala keputusan bagi strategi pembelajaran bahasa berdasarkan prestasi akademik pelajar ialah $F(5.100) = 1.080$, $p > 0.05$ iaitu tidak terdapat perbezaan. Ujian Korelasi mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara strategi pembelajaran bahasa (memori, kognitif, kompensasi, metakognitif, afektif dan sosial) dengan kemahiran bahasa Arab iaitu iaitu $r = .310$, $p < 0.01$. Kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan faktor jantina dan prestasi akademik pelajar di Sekolah Menengah Agama

Bantuan Kerajaan (SABK) al-Ulum di Pasir Mas, Kelantan berbanding dengan strategi memori, kompensasi, metakognitif, afektif dan sosial.

PENGENALAN

Penguasaan bahasa Arab dilihat sebagai satu nilai tambah bagi memenuhi keperluan dunia globalisasi hari ini. Disamping itu, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Kelas Aliran Agama (KAA) ataupun sekolah-sekolah agama negeri dan pesendirian juga menerapkan pembelajaran bahasa Arab. Namun begitu satu kenyataan yang tidak dapat ditolak apabila ramai pelajar yang mempelajari bahasa ini tidak dapat menguasainya dengan cemerlang. Kebanyakan pelajar ini masih lemah dalam menguasai kemahiran-kemahiran asas berbahasa seperti membaca, menulis, mendengar dan bertutur, maka dengan ini perlu satu kajian berkaitan sejauh mana penggunaan strategi pembelajaran bahasa (Oxford) untuk menguasai kemahiran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Strategi pembelajaran merupakan satu cara untuk membantu seseorang Berjaya menguasai sesuatu pelajaran. Dalam konteks pendidikan Bahasa Arab, pelajar yang menggunakan pelbagai SPB dapat membantu mereka berjaya dalam pelajaran bahasa. Kajian-kajian awal tentang SPB dalam pendidikan Bahasa Arab seperti yang dijalankan oleh Kamarul Shukri Mat Teh (2010), Zamri Mahamod (2005) dan Nik Mohd Rahimi (2008) menunjukkan bahawa pelajar yang berjaya dalam pelajaran Bahasa Arab menggunakan pelbagai SPB yang berkaitan dengan strategi kognitif dan metakognitif. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk memperihal satu dapatan kajian menggunakan instrumen soal selidik terhadap pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika belajar Bahasa Arab dari segi kemahiran membaca.

PENYATAAN MASALAH

Penggunaan bahasa Arab di sekolah menengah agama bantuan kerajaan khususnya di daerah Pasir Mas, Kelantan mula mengalami kemerosotan. Buktinya dapat dilihat melalui pencapaian bahasa Arab dalam peperiksaan awam seperti SPM. Jadual 1.0 di bawah menunjukkan keputusan SPM bagi mata pelajaran Bahasa Arab di SABK al-Ulum mengalami kemerosotan dalam jangka masa 2 tahun (2015-2016).

Jadual 1.0. *Analisa Bahasa Arab Komunikasi SPM di salah sebuah SABK di daerah Pasir Mas tahun 2015 dan 2016.*

Nama Sekolah	2014	2015	2016	Beza 2014-2016
Sek Menengah Agama (SABK) al-Ulum.	100.0	99.4	96.5	3.5

Berdasarkan pengalaman penyelidik mengajar bahasa Arab, didapati tahap kemahiran berbahasa Arab amat lemah dan mereka juga kurang mempraktikan strategi pembelajaran bahasa, mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada pengajaran guru di dalam kelas. Kelemahan inilah membawa kepada kegagalan mereka untuk menguasai bahasa Arab dengan baik. Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji hubungan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa dengan penguasaan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

1) Mengenal pasti perbezaan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa (Oxford) berdasarkan Jantina.
2) Mengenal pasti perbezaan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa (Oxford) berdasarkan prestasi akademik pelajar.
3) Mengenal pasti hubungan antara penggunaan strategi pembelajaran Bahasa (Oxford) dengan kemahiran membaca.

PERSOALAN KAJIAN

1) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan faktor jantina?
2) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan prestasi akademik pelajar?
3) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi pembelajaran Bahasa dengan kemahiran bahasa Arab?

HIPOTESIS KAJIAN (Ho)

1) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan Jantina.
2) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab berdasarkan prestasi akademik.
3) Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi pembelajaran dengan kemahiran membaca bahasa Arab.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat banyak kajian tentang strategi pembelajaran bahasa. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Mowafak Abdulla, Raja Mohd Fauzi Raja Musa dan Mohamed Amin Embi (1999) tentang kemahiran kefahaman bacaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Negeri Sembilan, mereka telah mengenal pasti empat subkemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar untuk menguasai kemahiran kefahaman bacaan bahasa Arab. Empat sub kemahiran itu ialah kefahaman makna leksikal perkataan, makna kontekstual perkataan, makna literal teks dan makna inferential teks. Keempat-empat sub kemahiran ini berkaitan dengan pemahaman perkataan dalam pelbagai kedudukan perkataan, iaitu secara tunggal, secara dalam ayat dan secara dalam teks. Kajian oleh Linamalini dan Kamarul Shukri (2017) menunjukkan bahawa penggunaan LLS oleh pelajar adalah rata-rata. Strategi metafizik sering digunakan oleh pelajar, sedangkan strategi memori paling sedikit digunakan oleh mereka. Ini juga menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan dalam penggunaan LLS berdasarkan jenis institusi.

Kajian oleh Kamarul Shukri, Nik Mohd Rahimi, Mohamed Amin dan Zamri (2009) menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama semasa mempelajari bahasa Arab berdasarkan tahap pendidikan bapa. Manakala penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan tahap pendidikan ibu pula tidak menunjukkan perbezaan signifikan. Dari segi kajian berkaitan SPB dalam Bahasa Arab juga, kajian oleh Nazimah Ngah (2011) adalah merupakan kajian yang mengkaji SPB dalam kalangan pelajar SMKA Tingkatan 3 di Negeri Perlis. Hasil kajian beliau yang menggunakan kaedah soal selidik mendapati bahawa terdapat

hubungan yang positif dan signifikan antara penggunaan strategi pembelajaran membaca dengan penguasaan bahasa Arab.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah secara kuantitatif yang melibatkan kaedah tinjauan (survey) dengan menggunakan soal selidik yang diubahsuai daripada Strategy Inventory for Language Learning (SILL) Versi 7.0 (Oxford, 1990) dan mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama yang terdiri daripada lima item untuk mengumpul latar belakang responden seperti nama sekolah, jantina, keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2017 dan minat terhadap bahasa Arab. Bahagian kedua pula menganalisis perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa (Oxford) yang mengandungi 34 soalan dan pilihan jawapan berpandukan skala Likert. Bahagian ketiga lebih menfokuskan kepada penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar merangkumi kesediaan belajar bahasa Arab dan kemahiran membaca. Ia mengandungi 29 soalan. Seramai 40 orang responden yang terlibat dalam kajian ini mewakili pelajar tingkatan lima daripada sebuah sekolah SABK iaitu SMU al-Ulum, Padang Embun, Pasir Mas, Kelantan.

Data dalam kajian ini dianalisis secara inferensi dengan menggunakan ujian Korelasi Pearson, ujian t-test dan ANOVA Sehala . Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara strategi pembelajaran bahasa dengan penguasaan bahasa Arab. Ujian t-test digunakan untuk menjelaskan perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab berdasarkan faktor jantina. Ujian ANOVA Sehala digunakan untuk menjelaskan perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab berdasarkan prestasi akademik pelajar.

DAPATAN KAJIAN

Perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab berdasarkan faktor jantina.

Bagi menguji hipotesis nul yang pertama di dalam kajian ini, kaedah ujian-t sampel bebas digunakan kerana ianya melibatkan satu pemboleh ubah bebas iaitu jantina dengan dua kumpulan pelajar (lelaki dan perempuan) dan satu pemboleh ubah bersandar yang selanjar (interval) iaitu strategi pembelajaran bahasa (Oxford).

Jadual 1.1. Keputusan Ujian-t Sampel Bebas Strategi Pembelajaran Bahasa (Oxford) berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	SP	dk	t	sig
Lelaki	19	2.61	.254	38	-2.52	.016*
Perempuan	21	2.86	.367			

* p <.05

Jadual 1.1 menunjukkan Setelah analisis statistik t-sampel bebas dijalankan, ujian *Levene* didapati tidak signifikan (p >.05). Keputusan ini menunjukkan varian di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah sama dan telah memenuhi andaian kehormogenan varians antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam strategi pembelajaran bahasa. Setelah Ujian-t sampel bebas dilakukan, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan jantina, $t(38) = -2.52$, $p < .05$. Keputusan ini berjaya menolak hipotesis nul. Min kepuasan kerja guru lelaki (2.61)

adalah lebih rendah daripada min kepuasan kerja guru perempuan (2.86). Kesimpulannya terdapat perbezaan strategi pembelajaran bahasa iaitu pelajar lelaki lebih rendah berbanding pelajar perempuan.

Namun begitu, kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Mohammad Aliakbari dan Abolfazl Hayatzadeh (2008) menunjukkan bahawa tidak terdapat pebezaan yang signifikan antara faktor jantina dengan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar di Iran.

Perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab berdasarkan faktor prestasi akademik

Hipotesis nul yang ketiga ini pula diuji dengan menggunakan analisis varian (ANOVA) sehala kerana ianya mengandungi satu pemboleh ubah bersandar yang mempunyai data selanjar dan satu pemboleh ubah bebas yang nominal dengan lebih daripada dua kumpulan, iaitu kumpulan responden berdasarkan pencapaian akademik melalui keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2017 iaitu tiada A, 1A hingga 2A, 3A hingga 5A, 6A hingga 7A, 8A hingga 9A dan 10A keatas.

Jadual 1.2 menunjukkan bahawa keputusan bagi strategi pembelajaran bahasa ialah F (5.100) =1.080, p>0.05. Maka hipotesis nul (Ho4) adalah gagal ditolak, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan perbezaan penggunaan strategi pembelajaran membaca bahasa Arab berdasarkan prestasi akademik pelajar. Kesimpulannya strategi pembelajaran bahasa berdasarkan pencapaian akademik berdasarkan pencapaian peperiksaan pertengahan tahun 2017 adalah tidak mempunyai perbezaaan yang signifikan.

Jadual 1.2. Statistik ANOVA Sehala Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Berdasarkan Prestasi Akademik Pelajar

Sumber	SS	Dk	MS	F	Sig.
Antara Kumpulan	.277	3	.092	1.080	.37*
Dalam Kumpulan	3.082	36	.086		
Jumlah	3.359	39			

* p > 0.05.

Hasil kajian ini tidak selari dengan kajian yang dilakukan oleh Wan Roslan Wan Ali (2004) mengenai gaya pembelajaran bahasa Arab Komunikasi dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama negeri di Negeri Sembilan yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori pelajar dengan gaya pembelajaran. Kajian oleh Zamri Mahamod dan Mohd Amin Embi (2005) menunjukkan bahawa pelajar cemerlang menggunakan pelbagai pola strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar lemah dalam pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina di luar kelas.

Hubungan antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan kemahiran membaca

Jadual 1.3 menunjukkan ujian Korelasi dilakukan untuk melihat sama ada terdapat hubungan antara penggunaan strategi pembelajaran dengan penguasaan bahasa Arab di SMU

(SABK) al-Ulum. Jadual 1.7 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran membaca dengan penguasaan bahasa Arab di SMU (SABK) al-Ulum. Analisis korelasi dalam jadual tersebut menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran membaca dengan penguasaan bahasa Arab iaitu $r = .310$, $p < 0.01$. Hipotesis nul ditolak kerana dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran bahgasa dengan penguasaan bahasa Arab.

Jadual 1.3. Korelasi Antara Strategi Pembelajaran Bahasa dengan Penguasaan Bahasa Arab

	Strategi Pembelajaran Bahasa (Oxford)
Kemahiran Membaca Bahasa Arab	.708

Korelasi adalah signifikan pada paras kebarangkalian 0.01

Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Anida Abd Rahim (2003) yangmerumuskan bahawa gabungan semua jenis strategi pembelajaran memberi kesan yang positif dalam pencapaian pelajar. Beliau juga membahagikan strategi pembelajaran bahasa kepada dua jenis iaitu strategi secara langsung dan strategi secara tidak langsung.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian dan perbincangan yang telah dijalankan, didapati kajian yang telah dilakukan ini amat bersesuaian dengan perkembangan pendidikan di Malaysia kini. Dapatan kajian ini menunjukkan strategi pembelajaran membaca bahasa Arab memberi kesan yang positif terhadap penguasaan bahasa Arab. Strategi pembelajaran bahasa yang merangkumi strategi pembelajaran mendengar, membaca, menulis dan bertutur banyak membantu pelajar dalam pembelajaran bahasa asing seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab (Kamarul Shukri, Nik Mohd Rahimi, Mohamed Amin & Zamri, 2008).

Kajian ini juga mampu memberi kepada pelajar untuk mempraktikkan strategi pembelajaran bahasa khususnya strategi pembelajaran membaca dengan lebih berkesan dan mampu untuk membantu mereka menguasai bahasa Arab dengan lebih baik. Untuk memantapkan lagi penguasaan bahasa Arab pelajar, strategi pembelajaran bahasa yang merangkumi kemahiran asas dalam bahasa Arab perlu diberi pendedahan yang sewajarnya kepada pelajar. Asas strategi pembelajaran mendengar, bertutur, membaca dan menulis mesti diperkenalkan kepada pelajar pada peringkat awal pembelajaran bahasa Arab. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab yang betul dapat membantu mereka untuk lebih memahami dan meminati bahasa Arab.

Dapatan kajian ini juga dapat membantu guru untuk mengetahui strategi pembelajaran bahasa khususnya strategi pembelajaran membaca yang dapat membantu pelajar untuk menguasai kemahiran ini dan dapat memberikan panduan kepada mereka untuk dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga memberi pendedahan kepada guru-guru tentang strategi pembelajaran bahasa yang efektif dan dapat membimbing pelajar untuk mencapai objektif kurikulum mata pelajaran Bahasa Arab KSSM. Seterusnya kajian ini dapat dijadikan asas dan panduan dalam mengenal pasti faktor penyebab kemerosotan penguasaan bahasa Arab pelajar dalam peperiksaanPT3, SPM dan STPM khususnya di negeri Kelantan.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor demografi iaitu jantina dan prestasi akademik pelajar dengan tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan al-Ulum. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa strategi pembelajaran bahasa Arab yang merangkumi strategi secara langsung (memori, kognitif dan kompensasi) dan strategi secara tidak langsung (metakognitif, afektif dan sosial) mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran membaca bahasa Arab pelajar. Kajian ini juga mendapati bahawa strategi kognitif merupakan strategi yang paling tinggi pengaruhnya terhadap kemahiran membaca Arab berbanding dengan strategi memori, kompensasi, metakognitif, afektif dan sosial.

RUJUKAN

Abdul Rahman Abdullah (2009). *Kompentesi komunikatif dan strategi komunikasi Bahasa Arab di kalangan pelajar SMKA di negeri Selangor.* Disertasi kedoktoran. Universiti Malaya.

Amani Dahlan (2006). *Hubunga strategi pembelajaran bahasa Arab dengan pencapaian bahasa Arab sekolah menengah*. Disertasi sarjana. Universiti Utara Malaysia.

Anida Abdul Rahim (2003). *Strategi pembelajara bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu.* Disertasi sarjana. Universiti Malaya.

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.

Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara. *Journal of language studies,10(3).*

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. Shah Alam: Mc Graw-Hill Education.

Habibullah Ali (2005). *Sikap pelajar kelas aliran agama terhadap mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dan hubungannya dengan pencapaian.* Disertasi sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hassan Basri Awang Mat Dahan & Muhammad Azhar Zailani (2006). Kurikulum baru Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi. Universiti Malaya.

Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod (2008). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan tahap pencapaian Bahasa Arab Komunikasi. Proceedings of 3rd International Language Learning Conference.

Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod (2009). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab berdasarkan pendidikan ibubapa. International Conference of Languages. Kamus Dewan Edisi 3 (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Linamali Mat Nafi dan Kamarul Shukri Mat The. Kepelbagaian penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Arab (SPBA) dalam kalangan pelajar IPT Kelantan. The online Journal of Islam education.

Mohamed Amin Embi, Zamri Mahamod & Mohd Isa Hamzah (2004). Development of self-access online learning-to-learn model for Malaysian secondary school. *Final Research Report IRPA 07-02-02-0054.* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Mohammad Aliakbari dan Abolfazl Hayatzadeh (2008). Variation of language strategies among Iranian English students: The effect of gender. *International Journal of Pedagogies and Learning, 4.*

Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nazali Abu Bakar, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod (1999). Hubungan antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dengan pembolehubah jantina, etnik, pencapaian bahasa dan status sosioekonomi pelajar. *Jurnal Teknologi 31*, 43-62.

Mohd Shah Ujang (2006). *Minat, motivasi dan sikap pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Sembilan terhadap ilmu nahu.* Disertasi sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Sufian Daud (2005). *Hubungan amalan guru bahasa Arab dengan pencapaian Bahasa Arab Komunikasi di SMKA dan KAA di daerah Kuala Pilah dan Tampin, Negeri Sembilan.* Disertasi sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod & Kamarulzaman Ab. Ghani (2008). Motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab dan hubungannya dengan pencapaian pelajar. *Jurnal Pendidikan 34*, 3-18.

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Harun Baharudin, Ghazali Yusri, Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi (2010). Pembelajaran konsonan Arab mengikut pelat bahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies 10.* 1-14.

O'Malley J.M (1990). Learning strategy applications with students of English as a second language, *TESOL Quartely, 19*, 557-684.

Oxford, Rebecca L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should Know.* New York: Newburry House.

Radha Nambiar, Noraini Ibrahim & Pramela Krish (2008). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan dua. *Jurnal e-Bangi, 3(3),* ms. 1-17.

Rashidah Begam O. A. Rajak (2004). *Strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar berpencapaian rendah dalam pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Malaysia.* Disertasi sarjana. Univesiti Putra Malaysia.

Rihan Mansuri (2002). *Hubungan antara strategi pembelajaran dengan pencapaian pelajar tingkatan empat*. Disertasi sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rubin, Joan (1990). *Learner strategies in language learning*. New Jersey: Prentice Hall.

Selma Deneme (2008). Language learning strategies preferences of Turkish students. *Journal of Language and Linguistic Studies, 4.*

Supian Mohd Noor (2003*). Strategi pemerolehan ayat satu dasar*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Wan Roslan Wan Ali (2004). *Kepelbagaian gay pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri di Negeri Sembilan Darul Khusus.* Disertasi sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamani Ibrahim (2007). *Hubungan antara gaya pembelajaran guru dengan sikap pelajar terhadap bahasa Arab*. Disertasi sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Kemahiran Ilmu Tajwid Pelajar Tingkatan 4 SMKA di Sabah

Norizuani Gabaldin
norizuani.gabaldin@gmail.com
Universiti Kebangsaan Malaysia

Hafizhah Zulkifli
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

Islam requires Muslims to read and practice the Quran in daily life. However, there are still a few individuals, specifically students, who are yet to practice the Quran recitation with the correct tajweed which led to this study conducted to determine the level of knowledge, understanding and skills of tajweed of SMKA students in Sabah. It was also conducted to identify if there are differences in the level of knowledge, understanding and skills of tajweed among SMKA students based on gender, al-Quran Skills Class (KKQ) status and religious studies qualification for SMKA admission. Finally, it was to research whether there is influence or contribution of underlying knowledge and understanding abilities of tajweed on SMKA students' tajweed skills. This study was done using quantitative research design in which Survey method using questionnaire form was used involving 300 Form 4students participation from 6 SMKAs in each zones of Sabah. The results of the study found that the level of knowledge, understanding and skills of students' in tajweed is at a moderate level. It also showed that there was not much differences in the level of knowledge, understanding and skills of tajweed among students based on gender and religious studies qualification for SMKAs admission purposes, but there is a significant difference based on the al-Quran Skills Class (KKQ) status. Apart from that, students' underlying knowledge and understanding abilities of tajweed were found to influence and contribute significantly to SMKA students' tajweed skills. With such study made, this can come in help to MOE and JPN Sabah authorities in designing appropriate programs and workshops for teachers and students in strengthening the level of Tajweed knowledge mastery of SMKA students in the state of Sabah.

Keywords: Knowledge of Tajwid, Level of Knowledge; Level of Understanding; Level of Skills

ABSTRAK

Agama Islam menuntut umatnya untuk membaca dan mengamalkan al-Quran dalam kehidupan seharian. Namun begitu, masih terdapat segelintir individu ataupun pelajar yang masih belum mengamalkan pembacaan al-Quran dengan tajwid yang betul. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid pelajar SMKA di Sabah. Seterusnya kajian ini ingin mengenalpasti samada terdapat perbezaan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan jantina, status Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) dan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA serta mengenalpasti samada terdapat pengaruh atau sumbangan pembolehubah pengetahuan dan kefahaman ilmu tajwid terhadap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan 300 pelajar tingkatan empat daripada 6 buah SMKA setiap zon di negeri Sabah. Kaedah tinjauan melalui soal selidik digunakan bagi mendapatkan data. Hasil tinjauan mendapati tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran pelajar adalah pada tahap sederhana. Didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina dan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA tetapi

terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan status Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ). Pengetahuan dan kefahaman ilmu tajwid dikenalpasti mempengaruhi dan menyumbang secara signifikan terhadap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA. Maka kajian ini dapat membantu pihak KPM dan JPN Sabah dalam merangka program mahupun bengkel yang sewajarnya kepada guru mahupun pelajar dalam memantapkan tahap penguasaan ilmu Tajwid pelajar SMKA di negeri Sabah.
Kata kunci: Ilmu Tajwid, Tahap Pengetahuan; Tahap Kefahaman; Tahap Kemahiran

PENGENALAN

Semua umat Islam dituntut membaca al-Quran. Umat Islam digesa untuk mengetahui aturan dalam pembacaan al-Quran agar dapat terhindar daripada makna yang terpesong. Ilmu tajwid perlu dipelajari oleh setiap yang bergelar muslim agar dapat membaca al-Quran dengan baik. Membaca al-Quran dengan tajwid yang betul akan memberikan makna yang tepat dan tidak berlaku perubahan makna dalam ayat dan ini merupakan ketetapan serta suruhan yang telah ditetapkan oleh syarak. Namun demikian, terdapat segelintir individu yang masih belum mengamalkan pembacaan al-Quran dengan tajwid yang betul walaupun ia telah mempelajari ilmu tajwid khususnya pelajar-pelajar di sekolah.

Menyedari hakikat ini maka ilmu tajwid dimasukkan di dalam sukatan kurikulum dan ia sudah diajarkan ketika sekolah rendah lagi (Sukatan Murid dan Pendidikan Islam, 2002) dan diteruskan lagi ke sekolah menengah (KSSM Pendidikan Islam Tingkatan 2, 2016). Matlamat dalam penyusunan kurikulum KSSR dan KSSM Pendidikan Islam salah satunya adalah agar para pelajar yang mempelajari pendidikan Islam mampu membaca al-Quran dengan baik serta hukum tajwid diaplikasikan secara tepat dalam pembacaan beserta fasih dan lancar. Matlamat ini boleh dicapai andai murid-murid menguasai ilmu tajwid secara teori seiring dengan penguasaan secara amali. Sukatan kurikulum yang mengandungi ilmu tajwid diajarkan kepada murid-murid agar murid tersebut dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan

PENYATAAN MASALAH

Ilmu tajwid ini diperkenalkan kepada individu khususnya kepada para pelajar di dalam kurikulum pendidikan Islam. Pelajar tersebut akan mempelajari ilmu tajwid dalam bidang tilawah Al-Quran. Akan tetapi, didapati penguasaan murid terhadap ilmu tajwid ini masih lemah. Ia berlaku bukan sahaja dalam kalangan murid sekolah harian bahkan pelajar yang bersekolah di sekolah menengah kebangsaan agama juga. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi isu ini berlaku antaranya adalah cara kemasukan ke sekolah agama yang melihat kepada akademik semata-mata, kurangnya kemahiran guru dalam pedagogi dan teknik dalam pengajaran ilmu tajwid serta kelas kemahiran Al-Quran (KKQ) tidak diwajibkan ke atas semua pelajar sekolah menengah kebangsaan agama menyebabkan kurangnya penguasaan murid-murid terhadap ilmu tajwid. Che Rozli (2012) mengatakan masyarakat kita khususnya murid-murid di sekolah masih dibelenggu dengan kurangnya berkemahiran dalam hukum-hukum tajwid. Hal ini diperakui sendiri melalui tinjauan guru-guru pendidikan Islam di Semporna dimana majoriti mengatakan bahawa murid-murid mempunyai mempunyai masalah dalam penguasaan tajwid sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Terdapat murid yang boleh membaca al-Quran, akan tetapi murid tersebut belum dapat mengaplikasikan hukum tajwid di dalam pembacaannya. Terdapat ramai murid yang masih lemah dalam aspek tajwid dan aspek makhraj (Mohd Zainul Arifien, 2006).

Kelemahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini adalah disebabkan beberapa perkara. Antaranya adalah kemasukan dari sekolah rendah ke sekolah menengah kebangsaan agama

tidak mewajibkan keputusan Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) dan memadai dengan laporan JQAF sahaja. Pernyataan ini diperoleh daripada salah seorang pegawai Sektor Pendidikan Islam, Sabah. UPKK adalah penilaian bagi bidang-bidang pendidikan Islam yang dilakukan bagi murid tahun lima. Manakala JQAF adalah penilaian al-Quran yang dijalankan ke atas semua murid sekolah rendah yang mana tujuan JQAF adalah semua murid mampu melengkapkan bacaan al-Quran sebanyak 30 juzuk dan mampu membaca al-Quran dengan lancar serta bertajwid. Persediaan guru dari sudut pedagogi dan pengetahuan juga mempengaruhi penguasaan murid dalam ilmu tajwid. Kaedah yang digunakan oleh guru menjadi punca kelemahan tajwid pelajar (Zuraini Mohd Mustafa, 2011). Turut menyokong pernyataan ini dengan kajian Eadil (2010) yang mengatakan guru yang tidak dapat menyampaikan ilmu tajwid dengan baik kerana tidak menggunakan kaedah yang sesuai.

Kelas KKQ tidak diwajibkan kepada semua murid di sekolah sama ada di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian mahupun Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Maka dengan sebab itu, ilmu tajwid tidak dapat dipelajari dengan lebih mendalam oleh pelajar-pelajar yang tidak termasuk dalam kelas KKQ ini. Hal ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat menguasai ilmu tajwid dengan baik. Pernyataan ini disokong dengan kajian Yusri Chek (2005) yang mendapati penguasaan pelajar dalam kemahiran al-Quran adalah pada tahap memuaskan bukan cemerlang. Jika murid yang mengikuti kelas KKQ juga mempunyai tahap memuaskan apatah lagi tahap penguasaan al-Quran murid yang tidak berpeluang untuk mengikuti kelas KKQ.

Beberapa kajian berkaitan dengan penguasaan hukum tajwid dalam kalangan pelajar telah dilakukan oleh beberapa orang penyelidik. Mastura Ahmad dan Wan Nasyrudin (2019) di Univeristi Sains Malaysia (USM) dan Azarudin, Azman dan Ahmada Nazuki (2011) di IUTM Terengganu telah mengkaji berkaitan tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di dua institusi tersebut dan mendapati tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi adalah di tahap yang sederhana. Kajian Masyuri (2019) mendapati tahap penguasaan Ilmu Tajwid pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan adalah baik dan masih terdapat segelintir pelajar di universiti tersebut perlu diberi perhatian kerana masih terdapat pelajar yang lemah dalam ilmu tajwid. Bukan itu sahaja, analisis terhadap sekolah tahfiz swasta di Selangor telah dijalankan oleh Zainora, Shaharuddin dan Hayati (2018) yang mana kajian ini mendapati responden mempunyai kefahaman yang tinggi terhadap penguasaan ilmu tajwid tetapi perlu kepada penambahbaikan dalam beberapa bab hukum dalam ilmu tajwid

Kajian berkaitan dengan pengetahuan, kefahaman dan penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama (SMKA) khususnya di Sabah masih kurang dilakukan. Justeru, kajian dijalankan ke atas pelajar-pelajar SMKA di Sabah berkaitan dengan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mereka berkenaan ilmu tajwid. Diharap dapatan kajian ini dapat memberikan maklumat yang berguna kepaada pihak SMKA khususnya di Sabah dari segi status penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA.

KERANGKA KONSEP KAJIAN

Kerangka konsep ini dibina dan diadaptasi berasaskan konsep asas dalam pembacaan al-Quran yang menekankan kepada penguasaan tajwid yang betul agar makna ayat dalam al-Quran tidak terpesong. Aspek-aspek ilmu tajwid dalam konteks kajian adalah ilmu asas tajwid yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah. Kerangka konsep kajian ini boleh digambarkan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka konsep kajian

Selain itu, faktor demografi turut dikaji bagi melihat perbandingan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid berdasarkan jantina pelajar, status Kelas Kemahiran al-Quran dan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian di Malaysia yang membuktikan tahap pengetahuan dan kefahaman ilmu tajwid pelajar di sekolah mahupun institusi pengajian tinggi. Menurut Sapie Sabilan (2017), kajian tahap penguasaan hukum tajwid Alif Lam Qamariah dan Alif Lam Syamsiyah di Sekolah Kebangsaan Rembang Panas, Negeri Sembilan menerusi analisisnya secara kuantitatif mendapati bahawa kemampuan murid dalam mencari perbezaan antara hukum Alif Lam Syamsiyah dan Alif Lam Qamariyah adalah ditahap sederhana rendah dengan nilai (min=2.94, p=1.05). Penguasaan murid adalah di tahap sederhana sahaja dalam ujian pra kefahaman Set A bertulis selain terdapat dalam kalangan murid yang menunjukkan pencapaian di tahap sangat lemah dengan tiada murid memperoleh pencapaian yang cemerlang. Walaubagaimanapun, setelah murid-murid ini dibimbing menerusi kaedah *Talaqqi Musyafahah* atau secara bersemuka antara murid dan guru, pencapaian mereka telah menunjukkan peningkatan melalui ujian pos yang dilakukan. Peningkatan ini menunjukkan tahap penguasaan dan pemahaman murid mengenai ilmu hukum Alif Lam Qamariah dan Alif Lam Syamsyiah semakin baik. Malah terdapat murid yang berada di tahap cemerlang dan sederhana dan tiada murid yang memperoleh pencapaian lemah dan sangat lemah.

Seterusnya Muhammad Zulazizi dan Muhammad Amirul (2021) mengkaji kemahiran mengingat pelajar tingkatan 2 (DLP) SMK Panglima Bukit Gantang, Parit Buntar, Perak terhadap lima hukum asas tajwid ketika mentilawahkan al-Quran dengan menggunakan kaedah Jari Tangan Kanan. Selepas melakukan ujian pra dan pos kepada pelajar, didapati pelajar bukan sahaja mampu mengingat hukum-hukum tajwid malah mampu mengketegorikan jenis-jenis bacaan. Ini menunjukkan peningkatan dalam kemahiran mengingat, mengecam dan memahami hukum lima tersebut. Zinora Daud, Shaharuddin Saad, dan Hayati Hussin (2018) dalam kajian mereka mendapati tahap kefahaman ilmu tajwid responden adalah tinggi iaitu (min=4.48, p=0.97). Secara keseluruhannya, menunjukkan pelajar sekolah tahfiz swasta

mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman yang tinggi berkenaan hukum-hukum tajwid. Kajian kedua pula melibatkan sebuah sekolah tahfiz swasta di bawah Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS), Selangor menunjukkan kefahaman pembelajaran ilmu tajwid dengan nilai min yang tinggi iaitu (min =4.19; sp=0.70). Secara keseluruhannya, kefahaman pelajar di sekolah tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid pelajar tahap sederhana tinggi.

Tahap Pembacaan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar di UITM, Terengganu iaitu kebolehupayaan responden dalam mengetahui hukum Tajwid dan membaca dengan bertajwid pula adalah sederhana baik. Kajian ini telah dilakukan oleh Azarudin Awang, Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub(2011). Tidak ketinggalan juga kajian daripada Mastura dan Wan Nasyrudin berkenaan Penguasaan Hukum Tajwid dalam Kalangan Mahasiswa dan Mahasiswi USM. Tujuan kajian ini adalah untuk mengukur tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan mahasiswa di universiti tersebut. Kajian ini menggunakan pemerhatian lisan sebagai instrumen untuk mengukur tahap penguasaan tajwid dengan melihat penguasaan Nun Mati dan Tanwin yang merupakan hukum asas tajwid dan melihat kesalahan mereka dalam bacaan surah al-Furqan ayat 1-11. Keputusan ini telah menunjukkan tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan mahasiswa/i kejuruteraan USM berada di tahap sederhana.

Kajian Tahap Pembacaan al-Quran dalam Kalangan Pelajar di UITM, Terengganu oleh Azarudin Awang, Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub (2011) telah melakukan perbandingan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran tajwid berdasarkan jantina responden. Kajian ini mendapati terdapat signifikan yang ketara dalam pengetahuan hukum tajwid antara kelompok jantina. Tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Nilai min tercatat bagi jantina perempuan lebih tinggi pada kebolehan mengenal dan menyebut huruf al-Quran, keupayaan mengenal tanda bacaan, pengetahuan hukum tajwid dan kebolehan membaca dengan bertajwid.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut;

i. Mengenalpasti tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA di Sabah.
ii. Mengenalpasti samada terdapat perbezaan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan jantina pelajar.
iii. Mengenalpasti samada terdapat perbezaan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran.
iv. Mengenalpasti samada terdapat perbezaan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA.
v. Mengenalpasti samada terdapat pengaruh atau sumbangan pembolehubah pengetahuan dan kefahaman ilmu tajwid terhadap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian yang berikut;

i. Apakah tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA di Sabah?
ii. Apakah tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA di Sabah?
iii. Apakah tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA di Sabah?
iv. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan jantina pelajar?

v. Adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan jantina pelajar?
vi. Adakah terdapat perbezaan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan jantina pelajar?
vii. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran?
viii. Adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran?
ix. Adakah terdapat perbezaan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran?
x. Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA?
xi. Adakah terdapat perbezaan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA?
xii. Adakah terdapat perbezaan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA?
xiii. Adakah terdapat pengaruh atau sumbangan pembolehubah pengetahuan dan kefahaman ilmu tajwid terhadap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA?

HIPOTESIS KAJIAN

Soalan kajian iv hingga viii akan dijawab melalui pengujian hipotesis kajian (hipotesis nol) yang berikut;

Ho.1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan jantina pelajar.
Ho.2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan jantina.
Ho.3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan jantina.
Ho.4. Tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran.
Ho.5. Tidak terdapat perbezaan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran.
Ho.6. Todak terdapat perbezaan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran.
Ho.7. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA.
Ho.8. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA.
Ho.9. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA.
Ho.10. Tidak terdapat pengaruh atau sumbangan yang signifikan pembolehubah pengetahuan dan kefahaman ilmu tajwid terhadap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA.

KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan ini memberikan maklumat yang penting kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) khususnya di negeri Sabah dan juga Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah agar dapat menggunakan maklumat penting ini dalam merancang strategi dan program bagi memantapkan pelaksanaan pendidikan Islam khususnya dalam bacaan al-Quran pelajar SMKA. Selain

daripada itu juga, dapatan kajian ini juga di harap dapat digunapakai oleh pihak di Bahagian Pendidikan Islam KPM dalam menggubal kurikulum, mahupun dasar dalam usaha meningkatkan penguasaan tajwid murid dalam al-Quran agar matlamat pendidikan SMKA tercapai sepenuhnya.

LIMITASI KAJIAN

Kajian difokuskan kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang berada di tingkatan 4 setiap zon di Sabah yang terdiri daripada enam buah sekolah. Jumlah responden terlibat adalah seramai 300 orang pelajar. Mereka ini adalah pelajar yang sudah melalui beberapa tahun pembelajaran dan bukan pelajar yang mengikuti peperiksaan penting. Justeru, dapatan kajian ini hanya boleh di generalisasikan dalam kalangan pelajar tingkatan 4 SMKA di negeri Sabah sahaja.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan merupakan kajian yang dijalankan untuk mengumpul maklumat terperinci tentang fenomena yang berlaku. Ia bertujuan untuk membuktikan situasi dan amalan–amalan yang wujud dan menentukan status semasa sesuatu populasi dengan merujuk kepada satu atau lebih pemboleh ubah (Gay, 1996; Alias Baba, 1999). Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen bagi tujuan mengumpul maklumat atau data secara terperinci tentang pembolehubah yang dikaji. Kajian ini memberikan fokus kepada pembolehubah tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama (SMKA) di negeri Sabah.

Populasi dan persampelan

Populasi yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar Tingkatan empat daripada Sekolah Menengah Agama (SMKA) di negeri Sabah. Terdapat sembilan buah SMKA di negeri Sabah dan populasi pelajar Tingkatan Empat secara keseluruhannya adalah seramai 826 orang. Kaedah persampelan rawak berstrata telah dipilih bagi menentukan sampel kajian. Bagi sampel kajian pula, penyelidik memilih sebuah SMKA bagi setiap zon di negeri Sabah menjadikan sebanyak enam buah SMKA terlibat dalam kajian ini. Bagi saiz sampel kajian, pengkaji telah menentukan saiz sampel berdasarkan formula penentuan saiz sampel yang dikemukakan oleh Bahagian Penyelidikan, *National Education Assosiation* dan jadual penentuan saiz sampel yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Daripada 826 bilangan pelajar Tingkatan Empat maka bilangan sampel kajian ini ialah seramai 260 orang yang akan dipilih daripada enam buah sekolah. Walau bagaimanapun, penyelidik menetapkan seramai 50 orang responden dari setiap sekolah menjadikan jumlah keseluruhan sampel adalah seramai 300 orang pelajar Tingkatan Empat. Justeru, bilangan sampel kajian ini melebihi daripada bilangan sampel kajian yang telah ditetapkan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama bagi mendapatkan data kajian. Soal selidik dikatakan lebih praktikal jika digunakan untuk populasi yang besar dalam tempoh masa yang singkat serta arahan soalan yang diberi dalam soal selidik juga adalah merangkumi

semua subjek yang dikaji (Cresswell 2002; Gay & Airasian 2003). Soal selidik yang dibina adalah dengan merujuk kajian-kajian lepas dan kerangka konsep berkaitan dengan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam pembacaan al-Quran. Penyelidik telah merujuk dua orang pakar bagi menentukan kesahan kandungan "*content validity*". Setelah itu, kajian rintis dilakukan terhadap 45 orang pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang mana mereka ini tidak terlibat dalam kajian sebenar. Data yang diperolehi digunakan bagi menentukan ketekalan sesebuah instrumen dengan menjalankan kaedah *'Cronbach Alpha'*. Nilai Alfa Cronbach melebihi 0.60 yang sering diambil bagi mengatakan sesuatu instrumen itu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Mohd. Majid, 1990). Instrumen kajian mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A berkaitan dengan demografi responden dan bahagian B mengandungi item-item bagi mengukur tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran pelajar dalam ilmu tajwid.

Proses mengumpul data

Penyelidik mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan penyelidikan di institusi pendidikan dan sekolah-sekolah sebelum kajian sebenar dimulakan dan kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Oleh kerana kedudukan sekolah yang berjauhan antara satu sama lain serta jauh daripada tempat penyelidik, maka pengkaji membuat keputusan untuk memungut data kajian secara atas talian menggunakan *Online Google Form*. Pengkaji menghubungi sekolah yang dipilih sebagai sampel dan memaklumkan kepada pengetua tentang tujuan dan prosedur pengumpulan data. Selang masa selama dua minggu telah diambil bagi menyempurnakan pengisian soal selidik.

Proses penganalisisan data

Data-data yang diperolehi melalui borang soal selidik dianalisis menggunakan program *"Statistical Package For The Social Science"* (SPSS-PC). Dua jenis statistik yang digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Analisis statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Bagi menjawab persoalan kajian berkaitan dengan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran pelajar dalam tajwid, penyelidik akan menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 3.7.

Jadual 1. Interpretasi Skor Min Bagi Tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran Tajwid dalam kalangan pelajar SMKA

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Ubahsuaian dari Jamil Ahmad 2002. Pemupukan budaya penyelidikan dalam kalangan guru di sekolah: Satu Penilaian. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Manakala untuk melihat hubungkait yang wujud antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar, analisis statistik inferensi digunakan iaitu Ujian-t, Analisis Varians (ANOVA Satu-Hala) dan Regressi Berganda.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan seramai 300 orang pelajar tingkatan empat dari enam buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di setiap zon negeri Sabah. Profil lengkap responden kajian ini adalah seperti dalam Jadual 2.

Demografi Responden

Jadual 2. Profil Responden Kajian

Latar Belakang Responden		Frekuensi	Peratusan
Jantina Pelajar	Lelaki	150	50.0
	Perempuan	150	50.0
Status Kelas al-Quran	Pelajar KKQ	90	30.0
	Bukan Pelajar KKQ	210	70.0
Kelayakan Sijil Agama Tertinggi	Sijil Penilaian Kelas KAFA	143	47.7
	Sijil Penilaian Sek. Rendah Agama	81	27.0
	Tiada Sijil Agama	76	25.3

Berdasarkan Jadual 4.1, daripada 300 orang responden kajian ini, seramai 150 orang (50.0%) adalah pelajar lelaki dan 150 orang (50.0%) pelajar perempuan. Seramai seramai 90 orang (30.0%) daripada responden kajian ini adalah pelajar KKQ dan seramai 210 orang (70.0%) bukan pelajar KKQ. Dari segi kelayakan kemasukan ke SMKA, didapati seramai 143 orang (47.7%) mempunyai Sijil Penilaian Kelas KAFA, 81orang (27.0%) mempunyai Sijil Penilaian Sekolah Rendah Agama, dan seramai 76 orang (25.3%) tiada Sijil Agama.

Tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid pelajar SMKA

Hasil analisis tahap pengetahaun, kefahaman daan kemahiran ilmu tajwid pelajar SMKA adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3. Pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid pelajar

Faktor	N	Min	S.P	Tahap
Pengetahuan	300	3.60	.831	Sederhana
Kefahaman	300	3.38	.900	Sederhana
Kemahiran	300	3.57	.938	Sederhana

Berdasarkan Jadual 3, didapati pengetahuan ilmu Tajwid dalam kalangan pelajar tingkatan empat SMKA secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana (min=3.60; sp=0.831). Analisis secara terperinci setiap aspek dalam pengetahuan tajwid, menunjukkan pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi dari aspek Makhraj Huruf, dan aspek Waqaf serta Hukum Qolqolah. Manakala dari aspek Hukum Alif Lam Syamsiah dan Alif Lam Qamariah, Hukum Nun Mati dan Tanwin, Hukum Mim Mati, Hukum Mad, aspek Fawatih As-Suwar atau Huruf Muqottoah adalah di tahap sederhana sahaja.

Bagi kefahaman pelajar pula, didapati secara keseluruhannya, kefahaman ilmu Tajwid dalam kalangan pelajar tingkatan empat SMKA adalah pada tahap sederhana (min=3.38; sp=0.900). Pelajar didapati mempunyai kefahaman yang tinggi dari aspek Makhraj Huruf dan aspek Waqaf. Manakala, dari aspek Hukum Nun Mati dan Tanwin, aspek Hukum Mim Mati, Hukum Mad, Hukum Qolqolah dan aspek Fawatih As-Suwar atau Huruf Muqottoah, kefahaman pelajar berada pada tahap yang sederhana sahaja.

Kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar tingkatan empat secara keseluruhan juga pada tahap sederhana (min=3.57; sp=0.938). Pelajar mempunyai kemahiran pada peringkat yang sederhana sahaja dari segi mendemontrasi bacaan Idgham Mithlaini (mim mati bertemu mim); Ikhfa' Syafawi (mim mati bertemu ba); bacaan Izhar Syafawi; bacaan jenis-jenis Mad; bacaan Qolqolah; dan bacaan huruf Fawatih As-suwar (pembuka surah). Walau bagaimanapun, kemahiran pelajar berkaitan mempraktik sebutan makhraj huruf-huruf *hijaiyyah* dalam al-Quran; mempraktik bacaan Alif Lam Qamariah; Alif Lam Syamsiyyah; Izhar Halqi; Maal Ghunnah; Idgham Bila Ghunnah; dan bacaan Ikhfa' Haqiqi adalah pada tahap yang tinggi.

Perbandingan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Kemahiran Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Jantina

Hasil perbandingan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina menggunakan Ujian-t adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4. Ujian-t Perbandingan tahap pengetahuan Ilmu Tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina

Faktor	Jantina	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap Sig.
Pengetahuan	Lelaki	150	3.537	.806	-1.330	.184
	Perempuan	150	3.664	.852		
Kefahaman	Lelaki	150	3.345	0.880	.184	.405
	Perempuan	150	3.432	0.920		
Kemahiran	Lelaki	150	3.519	0.942	-1.084	.279
	Perempuan	150	3.636	0.935		

Berdasarkan Jadual 4, didapati bahawa nilai-t bagi perbandingan tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina ialah t=-1.330 dan tahap signifikan p=0.184. Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 (p>0.05). Oleh itu Ho.1 diterima (gagal ditolak). Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina. Ini bermakna tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar lelaki (min=3.537) adalah sama dengan pelajar perempuan (min=3.664) iaitu pada tahap sederhana.

Bagi perbandingan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina pula, didapati bahawa nilai-t ialah t=0.184 dan tahap signifikan p=0.405. Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 (p>0.05). Oleh itu Ho.2 diterima (gagal ditolak). Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina. Ini bermakna tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar lelaki (min=3.345) adalah sama dengan pelajar perempuan (min=3.432) iaitu pada tahap sederhana.

Nilai-t bagi perbandingan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina ialah t=1.084 dan tahap signifikan p=0.279. Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 (p>0.05). Oleh itu Ho.3 diterima (gagal ditolak). Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina. Ini bermakna tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar lelaki (min=3.519) adalah sama dengan pelajar perempuan (min=3.636) iaitu pada tahap sederhana.

Perbandingan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Kemahiran Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Status Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ)

Jadual 5. Ujian-t Perbandingan tahap pengetahuan Ilmu Tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran

Faktor	Status Kelas al-Quran	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap Sig.
Pengetahuan	Pelajar KKQ	90	3.882	.856	3.930	**.000***
	Bukan Pelajar KKQ	210	3.481	.791		
Kefahaman	Pelajar KKQ	90	3.686	.921	3.829	**.000***
	Bukan Pelajar KKQ	210	3.261	.861		
Kemahiran	Pelajar KKQ	90	3.938	.896	4.497	**.000***
	Bukan Pelajar KKQ	210	3.423	.915		

Berdasarkan Jadual 5, didapati bahawa nilai-t bagi perbandingan tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran ialah t=3.930 dan tahap signifikan p=0.000. Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p<0.05$). Oleh itu Ho.4 ditolak. Jadi terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran. Pelajar KKQ mempunyai tahap pengetahuan ilmu tajwid (min=3.882) lebih tinggi dan berbeza secara signifikan dengan pelajar bukan KKQ (min=3.481).

Nilai-t bagi perbandingan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran ialah t=3.829 dan tahap signifikan p=0.000. Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p<0.05$). Oleh itu Ho.5 ditolak. Jadi terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran. Pelajar KKQ mempunyai tahap kefahaman ilmu tajwid (min=3.686) lebih tinggi dan berbeza secara signifikan dengan pelajar bukan KKQ (min=3.261).

Bagi perbandingan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran didapati bahawa nilai-t ialah t=4.497 dan tahap signifikan p=0.000. Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p<0.05$). Oleh itu Ho.6 ditolak. Jadi terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran. Pelajar KKQ mempunyai tahap kemahiran tajwid (min=3.938) lebih tinggi dan berbeza secara signifikan dengan pelajar bukan KKQ (min=3.423).

Perbandingan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Kemahiran Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Kelayakan Sijil Agama Kemasukan Ke SMKA

Jadual 6.1 Min dan sishan piawai pengetahuan Ilmu Tajwid berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA

Kelayakan Sijil Agama Kemasukan Ke SMKA	N	Min	Sisihan Piawai
Sijil Penilaian Kelas KAFA	143	3.695	.871
Sijil Penilaian Sekolah Rendah Agama	81	3.511	.703
Tiada Sijil Agama	76	3.520	.868

Jadual 6.2 Jadual ANOVA perbandingan pengetahuan Ilmu Tajwid berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA

Sumber Variasi	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai-F	Sig.
Antara Kumpulan	2.416	2	1.208	1.758	.174
Dalam Kumpulan	204.069	297	.687		
Jumlah	206.486	299			

Berdasarkan Jadual 6.1 dan 6.2, didapati bahawa nilai-F bagi perbandingan tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA ialah F(2, 297)=1.758 dan tahap signifikan p=0.174. Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 (p>0.05). Oleh itu Ho.7 diterima (gagal ditolak). Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA. Ini bermakna tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar yang mempunyai Sijil Penilaian Kelas KAFA (min=3.695) adalah sama dengan pelajar yang mempunyai Sijil Penilaian Sekolah Rendah Agama (min=3.511) dan dengan pelajar yang tidak mempunyai Sijil Agama (min=3.520) iaitu pada tahap sederhana.

Jadual 7.1 Min dan sishan piawai kefahaman Ilmu Tajwid berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA

Kelayakan Sijil Agama Kemasukan Ke SMKA	N	Min	Sisihan Piawai
Sijil Penilaian Kelas KAFA	143	3.447	.950
Sijil Penilaian Sekolah Rendah Agama	81	3.304	.810
Tiada Sijil Agama	76	3.368	.896

Jadual 7.2 Jadual ANOVA perbandingan kefahaman Ilmu Tajwid berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA

Sumber Variasi	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai-F	Sig.
Antara Kumpulan	1.100	2	.550	.678	.509
Dalam Kumpulan	241.109	297	.812		
Jumlah	242.209	299			

Berdasarkan Jadual 7.1 dan 7.2, didapati bahawa nilai-F bagi perbandingan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA ialah F (2, 297) =0.678 dan tahap signifikan p=0.509. Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 (p>0.05). Oleh itu Ho.8 diterima (gagal ditolak). Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA. Ini bermakna tahap kefahaman ilmu tajwid dalam kalangan pelajar yang mempunyai Sijil Penilaian Kelas KAFA (min=3.447) adalah sama dengan pelajar yang mempunyai Sijil Penilaian Sekolah Rendah Agama (min=3.304) dan dengan pelajar yang tidak mempunyai Sijil Agama (min=3.368) iaitu pada tahap sederhana.

Jadual 8.1 Min dan sishan piawai kemahiran Ilmu Tajwid berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA

Kelayakan Sijil Agama Kemasukan Ke SMKA	N	Min	Sisihan Piawai
Sijil Penilaian Kelas KAFA	143	3.664	.973
Sijil Penilaian Sekolah Rendah Agama	81	3.468	.873

Tiada Sijil Agama	76	3.530	.935

Jadual 8.2 Jadual ANOVA perbandingan kemahiran Ilmu Tajwid berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA

Sumber Variasi	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai-F	Sig.
Antara Kumpulan	2.228	2	1.114	1.268	.283
Dalam Kumpulan	261.079	297	.879		
Jumlah	263.308	299			

Berdasarkan Jadual 8.1 dan 8.2, didapati bahawa nilai-F bagi perbandingan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA ialah $F(2, 297)=1.268$ dan tahap signifikan $p=0.283$. Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Oleh itu Ho.9 diterima (gagal ditolak). Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA. Ini bermakna tahap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar yang mempunyai Sijil Penilaian Kelas KAFA (min=3.664) adalah sama dengan pelajar yang mempunyai Sijil Penilaian Sekolah Rendah Agama (min=3.468) dan dengan pelajar yang tidak mempunyai Sijil Agama (min=3.530) iaitu pada tahap sederhana.

Pengaruh Pengetahuan dan Kefahaman Ilmu Tajwid Terhadap Kemahiran Tajwid Pelajar SMKA

Sebelum analisis regresi berganda dijalankan, penyelidik terlebih dahulu mengesahkan sama ada taburan skor soal selidik normal dan linear atau sebaliknya. Berdasarkan graf plot taburan reja (residul scatter plot), didapati taburan skor data kajian adalah normal dan linear. Penyelidik juga terlebih dahulu melihat korelasi antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bebas bagi menentukan sama ada wujud atau tidak multikolenearan (multicollinearity). Didapati tidak terdapat multikolenearan dimana nilai Tolerance adalah besar (Pallant 2002).

Jadual 9.1 Analisis Regressi Berganda (stepwise) Pengaruh Pembolehubah Pengetahuan dan Kefahaman Tajwid Terhadap Kemahiran Tajwid

Pembolehubah(X)	B	Beta (β)	Nilai-t	Sig. -t	R^2	Sumbangan (%)
Kafahaman Ilmu Tajwid	.713	.684	9.204	.000	.792	79.2
Pengetahuan Ilmu Tajwid	.249	.220	2.962	.000	.798	0.6
Konstant	.266		2.401	.017		

Ralat Piawai = 0.111

Jadual 9.2 Analisis Varians

Sumber Variasi	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai-F	Tahap Signifikan (p)
Regresi	210.189	2	105.095	587.617	.000**
Residul	53.118	297	.179		
Jumlah	263.308	299			

Analisis regresi berganda (stepwise) pada Jadual 9.1 dan 9.2 menunjukkan bahawa pembolehubah bebas iaitu kafahaman ilmu tajwid dan pengetahuan ilmu tajwid merupakan peramal yang mempunyai korelasi dan pengaruh serta menyumbang secara signifikan sebanyak 79.8 peratus terhadap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA.

Peramal utama dan tertinggi terhadap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA ialah kefahaman ilmu tajwid (β=0.684, t=9.204 dan p=0.000) dan sumbangannya sebanyak 79.2 peratus. Keadaan ini menunjukkan apabila skor kefahaman terhadap ilmu tajwid bertambah sebanyak satu unit, kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar bertambah sebanyak 0.684 unit. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kefahaman ilmu tajwid adalah faktor utama serta penting yang menyumbang sebanyak 79.2 peratus kepada kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA. Peramal kedua terpenting yang menyumbang sebanyak 0.6 peratus terhadap kemahiran tajwwid dalam kalangan pelajar ialah pengetahuan ilmu tajwid (β=0.220, t=2.962 dan p=0.000). Ini bermakna apabila skor pengetahuan ilmu tajwid bertambah sebanyak satu unit kemahiran tajwid pelajar bertambah sebanyak 0.220 unit. Dengan lain perkataan pengetaahuan ilmu tajwid juga adalah penting dalam meningkatkan kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA.

Analisis varians mendapati nilai $F_{(2, 297)}$ =587.617; p=0.000 ($p<0.05$). Nilai R Kuasa Dua (R^2=0.798) menunjukkan sumbangan keseluruhan dua pembolehubah bebas yang diamati sebanyak 79.8 peratus terhadap kemahiran tajwid pelajar SMKA iaitu kefahaman ilmu tajwid sebanyak 79.2 peratus dan pengetahuan ilmu tajwid sebanyak 0.6 peratus. Secara amnya sumbangan keseluruhan dua-dua pembolehubah bebas yang signifikan terhadap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA dapat dibentuk melalui persamaan regresi seperti berikut;

$Y = 0.266 + 0.713X_1 + 0.249X_2 + 0.111$

Dimana;

Y = Kemahiran Tajwid

X_1 = Kefahaman Ilmu Tajwid

X_2 = Pengetahuan Ilmu Tajwid

Konstant = 0.266

Ralat = 0.111

PERBINCANGAN

Tahap Pengetahuan Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Pelajar SMKA

Pengetahuan ilmu Tajwid dalam kalangan pelajar tingkatan empat SMKA diukur dalam lapan aspek iaitu pengetahuan berkaitan dengan Makhraj Huruf, Waqaf, Hukum Alif Lam, Hukum Nun Mati dan Tanwin, Hukum Mim Mati, Hukum Mad, Hukum Qolqolah, dan Fawatih As-Suwar/Huruf Muqottoah. Kajian ini mendapati, secara keseluruhannya, pengetahuan ilmu Tajwid dalam kalangan pelajar tingkatan empat SMKA adalah pada tahap sederhana sahaja. Pelajar didapati mempunyai pengetahuan yang tinggi dari aspek Makhraj Huruf; dimana pelajar mengetahui cara menyebut Makhraj huruf dalam al-Quran. Pelajar juga mempunyai pengetahuan yang tinggi dari aspek Waqaf di mana pelajar mengetahui tanda-tanda waqaf.

Dari aspek Hukum Alif Lam, didapati tahap pengetahuan pelajar tentang hukum Alif Lam secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana sahaja. Pengetahuan pelajar adalah pada tahap sederhana dalam aspek Hukum Alif Lam yang berkaitan dengan pengetahuan tentang huruf Alif Lam Qamariah; pengetahuan tentang cara membaca Alif Lam Qamariah; pengetahuan tentang huruf Alif Lam Syamsiyyah; dan pengetahuan tentang cara membaca Alif Lam Syamsiyyah. Dari aspek Hukum Nun Mati dan Tanwin, didapati tahap pengetahuan pelajar tentang hukum Nun Mati dan Tanwin secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana. Pengetahuan pelajar adalah pada tahap sederhana dalam aspek Hukum Nun Mati dan Tanwin yang berkaitan dengan pengetahuan tentang huruf dan cara membaca huruf Izhar Halqi, pengetahuan tentang huruf dan cara membaca Idgham Maal Ghunnah;

pengetahuan tentang huruf dan cara membaca Idgham Bila Ghunnah dan pengetahuan tentang huruf dan cara membaca Ikhfa' Haqiqi.

Dari aspek Hukum Mim Mati, didapati tahap pengetahuan pelajar tentang Hukum Mim Mati secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana. Pengetahuan pelajar adalah pada tahap sederhana dalam aspek Hukum Mim Mati yang berkaitan dengan pengetahuan tentang cara membaca Idgham Mithlaini (mim mati bertemu mim), pengetahuan tentang cara membaca Ikhfa' Syafawi (mim mati bertemu ba) dan pengetahuan tentang huruf dan cara membaca Izhar Syafawi. Pelajar juga didapati mempunyai pengetahuan pada tahap yang sederhana berkaitan dengan Hukum Mad dimana pelajar mempunyai pengetahuan pada peringkat sederhana tentang huruf dan cara membaca jenis-jenis Mad. Walau bagaimanapun pengetahuan pelajar tentang aspek Hukum Qolqolah adalah pada peringkat tinggi dimana pelajar mempunyai pengetahuan pada peringkat tinggi tentang huruf dan cara membaca Qolqolah. Dari aspek Fawatih As-Suwar atau Huruf Muqottoah, didapati pengetahuan pelajar adalah pada tahap sederhana berkaitan dengan cara bacaan huruf Fawatih As-suwar (pembuka surah).

Hasil dapatan ini disokong dengan kajian Rashidah, Nik Rosila dan Wan Ahmad (2015) yang mana mereka mendapati aplikasi hukum tajwid dan pengetahuan hukum tajwid dalam kalangan murid tahun empat yang menunjukkan majoriti murid adalah pada tahap sederhana iaitu 46.7%. Turut menyokong adalah kajian Muhammad Zulazizi & Muhammad Amirul (2021) yang mana pelajar tingkatan 2 mula menunjukkan peningkatan dalam kemahiran mengingat, mengecam dan memahami hukum lima iaitu nun mati dan tanwin tersebut. Diperingkat pengajian tinggi juga menunjukkan tahap sederhana baik melalui kajian Azarudin Awang, Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub terhadap pelajar UITM Terengganu. Namun begitu, hasil kajian perlu diberi perhatian kerana masih terdapat golongan yang lemah dalam bab penerapan ilmu tajwid.

Kajian ini mendapati, secara keseluruhannya, kefahaman ilmu Tajwid dalam kalangan pelajar tingkatan empat SMKA adalah pada tahap sederhana. Pelajar didapati hanya mempunyai kefahaman yang tinggi dari aspek Makhraj Huruf dimana pelajar faham dan boleh membezakan sebutan atau Makhraj huruf-huruf hijaiyyah. Pelajar juga mempunyai pengetahuan yang tinggi dari aspek Waqaf di mana pelajar Boleh membezakan tanda-tanda waqaf dalam al-Quran. Dari aspek Hukum Alif Lam, didapati tahap kefahaman pelajar tentang hukum Alif Lam secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana. Kefahaman pelajar adalah pada tahap sederhana dalam aspek Hukum Alif Lam yang berkaitan dengan kefahaman tentang membezakan huruf Alif Lam Qamariah dan huruf Alif Lam Syamsiyyah; membezakan cara bacaan Alif Lam Qamariah dan Alif Lam Syamsiyyah; menerangkan cara bacaan Alif Lam Qamariah; dan menerangkan cara bacaan Alif Lam Syamsiyyah.

Dari aspek Hukum Nun Mati dan Tanwin, didapati tahap kefahaman pelajar tentang hukum Nun Mati dan Tanwin secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana. Kefahaman pelajar adalah pada tahap sederhana dalam aspek Hukum Nun Mati dan Tanwin yang berkaitan dengan kefahaman tentang mengenalpasti huruf Izhar Halqi dalam huruf-huruf hijaiyyah; menerangkan cara bacaan Izhar Halqi; mengenalpasti huruf Idgham Maal Ghunnah dalam huruf-huruf hijaiyyah; menerangkan cara bacaan Idgham Maal Ghunnah; mengenalpasti huruf Idgham Bila Ghunnah dalam huruf-huruf hijaiyyah; menerangkan cara bacaan Idgham Bila Ghunnah; mengenalpasti huruf Ikhfa' Haqiqi dalam huruf-huruf hijaiyyah; dan menerangkan cara bacaan Ikhfa' Haqiqi.

Dari aspek Hukum Mim Mati, didapati tahap kefahaman pelajar tentang Hukum Mim Mati secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana. Kefahaman pelajar adalah pada tahap sederhana dalam aspek Hukum Mim Mati yang berkaitan dengan kefahaman tentang cara membezakan hukum Mim Mati; menerangkan cara bacaan Idgham Mithlaini (mim mati bertemu mim); menerangkan cara bacaan Ikhfa' Syafawi (mim mati bertemu ba);

mengenalpasti huruf Izhar Syafawi dalam huruf-huruf hijaiyyah; dan memberikan contoh bacaan Izhar Syafawi.Pelajar juga didapati mempunyai kefahaman pada tahap yang sederhana berkaitan dengan Hukum Mad dimana pelajar mempunyai kefahaman pada peringkat sederhana tentang mengenalpasti jenis-jenis Mad dalam al-Quran dan membezakan cara bacaan jenis-jenis Mad.

Kefahaman pelajar tentang aspek Hukum Qolqolah juga pada peringkat sederhana dimana pelajar mempunyai kefahaman pada peringkat sederhana tentang membezakan hukum Qalqalah Kubra dan Sughra dan membezakan bacaan Qalqalah Kubra dan Sughra. Dari aspek Fawatih As-Suwar atau Huruf Muqottoah, didapati kefahaman pelajar adalah pada tahap sederhana berkaitan dengan menerangkan cara bacaan huruf Fawatih As-suwar (pembuka surah). Dapatan tahap pengetahuan ini disokong dengan kajian Sapie Sabilan (2017) yang mendapati kemampuan murid dalam mencari perbezaan antara hukum Alif Lam Syamsiyah dan Alif Lam Qamariyah adalah ditahap sederhana rendah. Juga kajian Zinora Daud, Shaharuddin Saad, dan Hayati Hussin (2018) menunjukkan kefahaman pelajar di sekolah tahfiz swasta dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid pelajar tahap sederhana tinggi.

Kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar tingkatan empat juga secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana. Pelajar mempunyai kemahiran pada peringkat yang sederhana sahaja dari segi mendemontrasi bacaan Idgham Mithlaini (mim mati bertemu mim); Ikhfa' Syafawi (mim mati bertemu ba); bacaan Izhar Syafawi; bacaan jenis-jenis Mad; bacaan Qolqolah; dan bacaan huruf Fawatih As-suwar (pembuka surah). Walau bagaimanapun, kemahiran pelajar berkaitan mempraktik sebutan makhraj huruf-huruf *hijaiyyah* dalam al-Quran; mempraktik bacaan Alif Lam Qamariah; Alif Lam Syamsiyyah; Izhar Halqi; Maal Ghunnah; Idgham Bila Ghunnah; dan bacaan Ikhfa' Haqiqi adalah pada tahap yang tinggi. Ia bertepatan dengan kajian Mohd Aderi(2004) melibatkan pelajar tingkatan satu di Kuala Lumpur mendapati 63 peratus dari bilangan pelajar adalah mereka yang telah khatam al-Quran, akan tetapi penguasaan kemahiran membaca al-Quran mereka adalah di tahap sederhana dan lemah. Turut menyokong dapatan tersebut melalui Mohd Aderi bin Che Noh (2004) menunjukkan pencapaian celik al-Quran pelajar berdasarkan tahap skor min adalah berada pada tahap sederhana. Pelajar peringkat pengajian tinggi mempunyai tahap penguasaan ilmu tajwid di tahap yang sederhana melalui kajian Mastura dan Wan Nasyrudin (2019).

Dapat disimpulkan tahap kemahiran ilmu tajwid pelajar di peringkat sekolah dan peringkat pengajian tinggi adalah sama iaitu sederhana. Didapati dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran di peringkat sekolah rendah, hukum tajwid tidak diberikan penekanan yang sewajarnya (Abd Halim, 2013). Maka dengan sebab itu pelajar tidak dapat mencapai tahap cemerlang dalam ilmu tajwid ketika di peringkat menengah mahupun peringkat yang lebih tinggi. Hal ini kerana menurut Nik Rosila Nik Yaacob &dan Wan Ahmad Jaafar (2015), penguasaan kemahiran bacaan al-Quran adalah kesinambungan dari pelaksanaan pengajaran Tilawah al-Quran di peringkat sekolah rendah. Kelemahan yang berlaku di sekolah rendah dibawa ke sekolah menengah sehinggakan pelajr tidak dapat menguasai pembacaan al-Quran dengna baik seterusnya mengakibatkan kesan yang besar ketika di peringkat yang lebih tinggi.

Perbandingan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Kemahiran Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Jantina

Kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan, kefahaman dan pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina. Ini bermakna tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar lelaki adalah sama dengan pelajar perempuan iaitu pada tahap sederhana. Ini disokong dengan kajian Mohd Aderi

bin Che Noh (2004) yang mengatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara celik al-Quran dengan jantina, tempat tinggal dan keluarga.

Tetapi berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Azarudin Awang, Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub (2011) dan Ramlan Ahmad (2000) yang mendapati tahap penguasaan dan kemahiran bacaan al-Quran pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Pelajar perempuan lebih tinggi dalam kebolehan mengenal dan menyebut huruf al-Quran, keupayaan mengenal tanda bacaan, pengetahuan hukum tajwid dan kebolehan membaca dengan bertajwid berbanding pelajar lelaki.

Perbandingan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Kemahiran Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Status Kelas Kemahiran al-Quran

Status kelas kemahiran al-Quran dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan pelajar yang mengikuti KKQ dan kumpulan pelajar yang tidak mengikuti KKQ. Kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran. Pelajar KKQ mempunyai tahap pengetahuan ilmu tajwid lebih tinggi dan berbeza secara signifikan dengan pelajar bukan KKQ.

Hal ini selari dengan kajian Eadil (2010), kebolehan pelajar KKQ mengenal huruf-huruf hijaiyah dan membaca kalimah al-Quran adalah baik. Pelajar berkebolehan membaca surah-surah secara bertajwid, kebolehan mengenal tanda-tanda bacaan dan pengetahuan ilmu tajwid mereka adalah sederhana. Ini menunjukkan pelajar yang berada di kelas KKQ adalah dalam kalangan mereka yang telah mempunyai asas yang baik dalam al-Quran. Kefahaman pelajar KKQ dalam pelbagai bidang termasuklah bidang tajwid dan tahap ujian bertulis pelajar dalam bidang kemahiran al-Quran (KKQ) adalah di peringkat baik. Ini bermakna pelajar KKQ mempunyai pengetahuan, kefahaman serta kemahiran yang baik dalam bidang al-Quran dalam kajian tersebut.

Perbandingan Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Kemahiran Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Kelayakan Sijil Agama Kemasukan Ke SMKA

Pengkelasan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA dalam konteks kajian ini dibahagikan kepada tiga iaitu Sijil Penilaian Kelas KAFA, Sijil Penilaian Sekolah Rendah Agama dan Tiada Sijil Agama. Kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan kelayakan sijil agama kemasukan ke SMKA. Ini bermakna tahap pengetahuan ilmu tajwid dalam kalangan pelajar yang mempunyai Sijil Penilaian Kelas KAFA adalah sama dengan pelajar yang mempunyai Sijil Penilaian Sekolah Rendah Agama dan dengan pelajar yang tidak mempunyai Sijil Agama iaitu pada tahap sederhana.

Pengaruh Pengetahuan dan Kefahaman Ilmu Tajwid Terhadap Kemahiran Tajwid Pelajar SMKA

Analisis regresi berganda (stepwise) menunjukkan bahawa pembolehubah bebas iaitu kafahaman ilmu tajwid dan pengetahuan ilmu tajwid merupakan peramal yang mempunyai korelasi dan pengaruh serta menyumbang secara signifikan sebanyak 79.8 peratus terhadap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA.

Peramal utama dan tertinggi terhadap kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar SMKA ialah kefahaman ilmu tajwid dan sumbangannya sebanyak 79.2 peratus. Peramal

kedua terpenting yang menyumbang sebanyak 0.6 peratus terhadap kemahiran tajwwid dalam kalangan pelajar ialah pengetahuan ilmu tajwid. Ini bertepatan dengan kajian Mohd Aderi bin Che Noh (2004) yang mana beliau mengatakan faktor-faktor lain seperti faktor konsep kendiri, kemahiran dan persekitaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan celik al-Quran dalam kalangan pelajar.

RUMUSAN

Hasil kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut;

- Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama terhadap ilmu tajwid adalah di tahap sederhana. Didapati pelajar mempunyai pengetahuan yang sederhana di beberapa tajuk iaitu Hukum Alif Lam, Hukum Nun Mati dan Tanwin, Hukum Mim Mati, Hukum Mad dan Fawatih As-Suwar/Huruf Muqottoah. Manakala pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam Makhraj Huruf, Waqaf dan Hukum Qolqolah.
- Bagi tahap kefahaman pula, secara keseluruhannya pelajar berada di tahap sederhana. Pelajar mempunyai kefahaman yang tinggi terhadap ilmu tajwid dalam aspek makhraj dan Waqaf. Manakala kefahaman yang sederhana dalam hukum Alif Lam, Nun Mati dan Tanwin, Mim Mati, Hukum Mad, Hukum Qolqolah dan Fawatih As-Suwar /Huruf Muqottoah.
- Secara keseluruhannya, tahap kemahiran pelajar terhadap ilmu tajwid adalah pada tahap sederhana. Pelajar menunjukkan kemahiran yang tinggi dalam sebutan makhraj huruf-huruf *hijaiyyah*, Alif Lam Qamariah dan Alif Lam Syamsiyyah serta hukum nun mati dan tanwin. Manakala pelajar menunjukkan kemahiran yang sederhana dalam beberapa bahagian iaitu hukum mim mati, bacaan jenis-jenis mad, bacaan Qolqolah dan bacaan Fawatih As-Suwar /Huruf Muqottoah.
- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina dan sijil agama kemasukan ke SMKA. Ini bermakna tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar lelaki adalah sama dengan pelajar perempuan iaitu pada tahap sederhana .Pelajar yang mempunyai Sijil Penilaian Kelas KAFA adalah sama dengan pelajar yang mempunyai Sijil Penilaian Sekolah Rendah Agama dan dengan pelajar yang tidak mempunyai Sijil Agama iaitu pada tahap sederhana.
- Terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran tajwid dalam kalangan pelajar berdasarkan status kelas kemahiran al-Quran. Pelajar KKQ mempunyai tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran tajwid lebih tinggi dan berbeza secara signifikan dengan pelajar bukan KKQ.
- Analisis regresi berganda *(stepwise)* menunjukkan pengetahuan dan kefahaman ilmu tajwid mempengaruhi dan menyumbang secara signifikan terhadap kemahiran tajwid.

RUJUKAN

Ahmad, J. (2002). Pemupukan budaya penyelidikan dalam kalangan guru di sekolah: Satu Penilaian. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad, M & Wan Abdullah, W.N (2019). *PENGUASAAN HUKUM TAJWID DALAM KALANGAN MAHASISWA DAN MAHASISWI UNIVERSIT. Jurnal T-Tahkim*, 9, 39-42.

Ahmad, R. (2000). *Kemahiran Membaca al-Quran dan Jawi Pelajar-pelajar Tingskatan Satu Sekolah Berasrama Penuh: Satu Kajian Kes*.Bangi: UKM.

Awang, A., Mat, A. C., Nazuki, A., & Yaakub, M. (2011). Tahap pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar di UITM Terengganu. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, *3*(2), 83-100.

Baba, A. (1997). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Chek, Y. (2005). *Pelajaran tajwid al-Quran di Malaysia: kajian terhadap kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur* (Doctoral dissertation, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Creswell, J. W. (2002). *Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, New Jersey: Merill Prentice Hall

Daud, Z., Saad, S., & Hussin, H. (2018). Tahap Keberkesanan Ilmu Tajwid Analisis Terhadap Sekolah Tahfiz Swasta di Selangor: Level of Effectiveness of Tajwid Analysis on Private Tahfiz School in Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 24-35.

Gay, L.R. & Airasian, P. (2003). *Educational research: competencies for analysis and application*. Ed. Ke -7. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education Inc.

Gay, L.R. (1996). *Educational research: competencies for analysis and application*. Ed. Ke - 5. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice-Hall Inc

Hasan, R. M., Yaacob, N. R. N., & Yahaya, W. A. J. W. (2015). Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasohah Dan Hukum Tajwid Dalam Tilawah Al-Quran Murid Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Awal. *EDUCATION AND SOCIAL ENTREPRENEURSHIP 2015*, 511

Husain, C.R. (2012). Penguasaan tajwid Hukum Lima Di Kalangan Murid Tahun Lima: Satu Kajian Di Sekolah Kebangsaan Padang Mandol Tumpat Kelantan.Tesis Sarjana Muda. Open University Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 2*, 2016. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral: Kuala Lumpur.

Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational And Pcychological Measurement 30*: 607-610

Konting, M. M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mat, E. (2010). *Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ): kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya di sekolah-sekolah menengah (SMK) di daerah Gombak, Selangor/Eadil bin Mat* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Mohd Mustaza, L.Z (2011). Tahap Penguasaan Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Murid Tingkatan Dua Daerah Kuala Lumpur, dalam tesis Sarjana. UPSI: Tanjung Malim

Mohd, M.Z.A. (2006). Kaedah Pembelajaran Tajwid dan Hafazan al-Quran.Fakulti Pendidikan: UKM.

Nawi, M. Z. M., & Noor, M. A. M. (2021). Meningkatkan Kemahiran Mengingat Lima Hukum Asas Tajwid Dalam Tilawah Al-Quran. *Journal of Humanities and Social Sciences*, *3*(1), 23-32.

Noh, M. A. C. (2004). Celik al-Quran di kalangan Pelajar Tingkatan Satu Zon Pudu Kuala Lumpur. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia

Suhaimi, M. (2019). Penguasaan Pembelajaran Ilmu Tajwid dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Tamuri, A. H., Amal, A. M. I., Noor, H. M., & Pisol, M. I. M. (2013). *Penilaian Guru terhadap Pelaksanaan Model-model Tilawah al-Quran Program j-QAF*. International Journal of Islamic Thaught, Vol.3(June) 2013.

Yusoff, M. Y. Z. H. M., & Mohd, S. (2014). *Keupayaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih di Terengganu.*

Memahami Pembelajaran Kaedah Al-Baghdadi dalam Kalangan Pelajar Dewasa

Lokman Nurhakim Orion
lokmanzurich@gmail.com
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Hafizhah Zulkifli
hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ABSTRAK

Al-Quran adalah kalam Allah yang suci. Al-Quran digunapakai sebagai sumber hukum dan sumber syariat islamiah. Namun begitu, terdapat isu para pelajar tidak mengetahui hukum tajwid dan sukar menyebut huruf dengan tepat serta tahap penguasaan bacaan Al-Quran di adalah sederhana. Kajian ini merupakan kajian kes dan dijalankan di Pusat Al-Quran Al-Baghdadi Kulai dengan menggunakan empat orang responden yang pernah belajar dan masih belajar dengan kaedah Al-Baghdadi ini. Kaedah temubual dijalankan dan direkodkan dalam sesi mendapatkan maklumat maklum balas dan data di intepretasikan dengan mengikut kenyataan responden untuk menjawab soalan kajian yang telah dinyatakan. Terdapat 4 tema dalam kajian ini iaitu bacaan bertajwid, perasaan positif, membantu mengenali hukum tajwid. Masalah yang dihadapi pula adalah masalah persekitaran. Kajian ini diharapkan dapat membantu para pendidik al-baghdadi dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan memantapkan bacaan al-Quran pelajar.

Kata kunci : al-quran, kaedah, al-baghdadi, tajwid

PENGENALAN

Ilmu tajwid memainkan peranan yang sangat penting di dalam pembacaan Al-Quran. Sekiranya pembaca tidak mengetahui hukum-hukum tajwid al-Quran sehingga berlaku pertukaran huruf dan baris akan membawa implikasi perubahan maksud ayat Al-Quran. Natijahnya akan menyebabkan berdosa dan haram hukumnya. Pejabat mufti wilayah persekutuan (2020) membaca Al-Quran dengan bertajwid adalah wajib. Dan bagi sesiapa yang ingin membaca al-Quran, wajib ke atasnya mempelajari ilmu tajwid yang asas dan ini bagi mengelakkan dari tersilap ketika membaca yang boleh membawa kepada perubahan lafaz dan makna sedangkan keduanya adalah kesalahan yang besar dalam pembacaan al-Quran. Menurut Lajnah al-Tilawah (2010), hukum mempelajari ilmu tajwid adalah wajib fardhu kifayah, manakala hukum mengamalkan ilmu tajwid pula wajib fardhu ain.

Kaedah Al-Baghdadi menurut kajian Norsyida et. Al (2014) diasaskan oleh Ustaz Jalaluddin Al-Baghdadi. Beliau dilahirkan pada 15 Januari 1970 di Kampung Berhala Gantang, Pahang. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Arab dan Pengajian al-Qur'an dari Universiti Saddam, Baghdad, Iraq pada tahun 1998. Kaedah yang mudah, inovatif dan sistematik ini membantu penguasaan huruf dan bacaan dengan waktu yang singkat. Kaedah ini adalah berasal dari kursus kaedah Al-Barqy oleh Allahyarham Ustaz Muhadjir Sulthon yang disertai oleh Ustaz Jalaluddin sendiri yang digunakan untuk pengajaran alquran yang melibatkan ibubapa dan guru-guru selama lapan tahun.

Terdapat beberapa isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Antaranya adalah kajian Lily Zuraini Mohd Mustaza (2011), yang menyatakan Para pelajar mempunyai persepsi dan minat yang mendalam terhadap ilmu tajwid akan tetapi kaedah pengajaran dan pembelajaran memberi sedikit faktor kepada mereka untuk menguasai ilmu tersebut dengan

lebih baik. Ini disokong dengan kajian oleh Ahmad Rozaini Ali Hasan 2010, yang menunjukkan tahap penguasaan bacaan Al-Quran di kalangan pelajar UITM mendapati 72.67% dari keseluruhan responden adalah sederhana dan 36.91% respondan adalah lemah. Masalah utama yang didapati, 43% tidak mengetahui hukum Tajwid, selebihnya sukar menyebut huruf dengan tepat. Justeru, menyedari akan kepentingan penguasaan ilmu tajwid khususnya dikalangan pelajar memungkinkan kajian dalam kalangan pelajar dewasa ini untuk diteroka untuk digunakan pada peringkat rendah khususnya pelajar dan kanak-kanak.

Merujuk kepada laporan daripada Norsyida Md Zin et. Al (2014), walaupun kaedah ini telah melahirkan ramai masyarakat Melayu Islam yang boleh membaca al- Quran dengan baik, namun kaedah ini mempunyai beberapa kelemahan tersendiri, iaitu:

a) Kaedah mengenal huruf hija'iyah, huruf bersambung dan berbaris yang terdapat dalam buku Muqaddam agak ketinggalan dan tidak sesuai dengan kaedah mempelajari bahasa untuk masa sekarang.
b) Kaedah ini hanya menekankan satu aspek sahaja dari Al-Quran iaitu membaca, sedangkan aspek penulisan, hafalan dan kefahaman tidak diambil kira.
c) Susunan ayat-ayat Al-Quran yang songsang boleh mengelirukan pelajar di peringkat permulaan serta melahirkan anggapan susunan Al-Quran sememangnya begitu. Secara tidak langsung ini boleh memberi kesan kepada penyusunan bacaan dalam sembahyang.
d) Keempat, kemampuan pelajar dalam membaca terbatas kepada jenis Al-Quran yang biasa digunakan sahaja dan agak susah membaca jika diberikan Al-Quran yang tidak biasa dengannya.

Keempat-empat kelemahan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada kanak-kanak yang mempelajari Al-Quran. Dengan mengambil kira mengenai kekurangan yang didapati daripada kaedah tradisional.

Secara ringkasnya dapatlah dijelaskan disini bahawa terdapat beberapa kelompangan iaitu pertama dari sudut kaedah kajian. Terdapat banyak kajian yang menjalankan kaedah kuantitatif namun begitu kurang kajian dijalankan menggunakan kaedah kualitatif. Kedua, kajian mengenai penerokaan kaedah Al-Baghdadi masih belum dilaksanakan mengenai kesannya kepada golongan dewasa terhadap pengenalan dan penguasaan huruf dan tajwid. Dengan itu, diharapkan agar kajian ini dapat mengisi kelompangan yang ada.

Kajian ini juga bermanfaat kepada tenaga pengajar khususnya pembelajaran awal khususnya Guru Pendidikan Sekolah Rendah untuk mengimplemintasikan sistem pengajaran ini dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Struktur pembinaan rancangan pembelajaran juga boleh digunapakai dalam merangka sesi pengajaran dan pembelajaran yang baik dalam memahami, merangka, membina dan seterusnya pelaksanaan yang lebih efektif terutamanya dalam pengenalan huruf dan pengusaan tajwid.

Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka kaedah pengajaran Al-Quran Al-Baghdadi dalam kalangan pelajar dewasa dan memahami masalah yang dihadapi sepanjang pengajaran Al-Quran Al-Baghdadi

KAJIAN LITERATUR

Menurut Norsyida Md Zin et al (2014) wujudnya 5 bahan bantu mengajar yang direka khusus dan digunapakai dalam kaedah al-Baghdadi iaitu Buku Aktiviti, Kit Box Al-Baghdadi di samping ‘alat ketuk’nya mampu memantapkan lagi penguasaan pelajar terhadap teknik ini. Manakala, satu set buku aktiviti Tamhid Al-Baghdadi mengandungi 9 jilid yang berasingan disediakan khas untuk pelajar-pelajarnya. Latih tubi secara bertulis ini selalunya diaplikasikan kepada pelajar yang benar-benar lemah dan masih diperingkat asas mempelajari bacaan al-Qur’an.



Sumber : Noornajihan Jaafar (2017)



Alat bantu mengajar yang menjadi asas kepada Al-Baghdadi adalah kepada alat ketuknya yang bertujuan sebagai pendisiplin dalam bacaan dengan memberikan intonasi ketukan kepada setiap huruf yang dibaca. Menurut Noornajihan (2017), kaedah ketukan ini adalah pengukuhan daya ingatan pelajar iaitu domain audio (pendengaran), domain visual (penglihatan), domain kognitif (proses aktif minda untuk memperolehi pengetahuan dan mendorong seseorang untuk belajar), domain afektif (melibatkan perasaan, nilai yang dipegang, sensitiviti dan persepsi individu) dan domain psikomotor (pergerakan tubuh atau apa sahaja pergerakan aktiviti dalam bentuk tingkahlaku).



Norsyida Md Zin et al (2014) menyatakan bahawa pengajaran al-Baghdadi berkaitan dengan keseragaman bunyi. Dengan itu kaedah secara kelas dan ramai dalam sesuatu bilik darjah adalah bersesuaian dengan bilik darjah kebiasannya dengan guru memantau sebutan dan bunyi ketukan berhenti pelajar. Secara tidak langsung, guru dapat mengawal kelas dan menjadikan pelajar fokus terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran. Penglibatan pelajar dalam ketukan seterusnya akan mewujudkan suasana yang menyeronokkan.

Manakala menurut Noornajihan Jaafar (2017) penyamaan ketukan menggunakan mekanisme seperti yang disebutkan dari sekecil-kecil bilangan kumpulan sehingga kepada keseluruhan kelas memberikan satu latih tubi yang unik dan kreatif serta mengisi keseluruhan keperluan pembelajaran al-Quran yang berkesan dengan keterlibatan pelajar, bahan dan guru secara serentak. Teknik yang digunakan menyebabkan pelajar mengulang beratus-ratus kali tanpa sedar dan rasa jemu. Norsyida (2014) juga menyokong pernyataan ini dengan mengatakan, latih tubi bacaan yang diamalkan terhadap latihan-latihan di dalam buku Tamhid Al-Baghdadi adalah dengan cara membaca perkataan diiringi ketukan secara teratur bermula dari kiri ke kanan dan atas ke bawah.

Bagi pelajar teknik Al-Baghdadi Kulai pula, kelas pengajian yang disediakan adalah selama 2 jam setiap kali pertemuan dalam 4 kali seminggu. Jumlah jam pembelajaran adalah selama 6 jam sebulan setiap satu sesi 1 muka surat. Sesi pengajaran adalah berseuaian dengan tahap kemahiran pelajar. Sudah semestinya pembelajaran akan menjadi lebih berkesan dengan tempoh pembelajaran yang banyak pengulangan.

Menurut Nik Ja'far (2004) talaqqi musyafahah adalah pertemuan antara guru dan murid secara bersemuka dengan kaedah murid menerima pengajaran terus dengan melihat pergerakan bibir guru dan mengikut bacaan guru atau guru mendengar bacaan murid dan membetulkan kesalahan mereka. Talaqqi musyafahah diertikan dengan bahasa mudahnya sebagai adalah bersemuka ataupun pertemuan antara guru dan murid secara bersemuka iaitu dengan kaedah guru menyebut dan murid mengikut bacaan guru untuk memastikan ketepatan dari segi sebutan. Kesalahan satu huruf akan menyebabkan perubahan dari segi maknanya dan tidak akan sampai kepada maksud asal yang sepatutnya. Ini bertepatan dengan Fatwa Siri Ke-482 : Hukum Membaca Al-Quran Secara Bertajwid, wajib ke atasnya mempelajari ilmu tajwid yang asas dan ini bagi mengelakkan dari tersilap ketika membaca yang boleh membawa kepada perubahan lafaz dan makna sedangkan keduanya adalah kesalahan yang besar dalam pembacaan al-Quran.

Dalam kaedah Talaqqi dan Musyafahah, kaedah ini adalah kaedah tradisional bermulanya daripada Malaikat Jibril a.s menyampaikan ilmu kepada Rasulullah SAW sewaktu turunya wahyu yang pertama di Gua Hira'. Menurut Norhisham et al (2019), kaedah ini digunapakai dari zaman berzaman dalam penyampaian ilmu pengetahuan khususnya Al-Quran sehingga kini. Menurut Ridzuan (2013), guru amat diperlukan dalam mengajar dalam pembelajaran Al-Quran dan tidak boleh semata-mata berpusatkan CD atau komputer. Dengan kaedah bersemuka, guru akan dapat membetulkan kesalahan sebutan pelajar dengan secara terus.

KPM (2002) juga menyatakan dalam pembelajaran Al-Quran, kaedah talaqqi dan musyafahah adalah kaedah yang amat disarankan. Penggunaan kaedah ini disokong oleh Mohd Yusuf Ahmad (2000) dan amat sesuai digunakan untuk pengajaran Tilawah al-Quran .



Sumber Rajah : Glosari Al-Quran 1994

METADOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

kajian kes dipilih sebagai strategi kajian ini manakala temu bual dan analisis dokumen sebagai teknik kajian (Ahmad Naqiyuddin 2008a; Neuman 2010). Lokasi kajian yang dipilih adalah di Pusat Pengajian Al-Quran Baghdadi di Kulai. Operasi al-Baghdadi sejak dari tahun 2014 lagi. Dengan mengambil kira di pusat ini adalah antara pusat Al-Baghdadi yang ditubuhkan dikawasan Kulai. Selain itu, pengkaji juga adalah salah seorang tenaga pengajar bagi pusat ini. Adalah mudah bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat. Lingkungan responden yang dipilih adalah responden yang sedang dalam sesi pengajaran dan pembelajaran tajwid dan telah melalui proses sesi pengajaran asas. Dengan pemilihan kumpulan lingkungan ini, data yang diberikan oleh responden adalah lebih jelas kerana mereka telah melalui sesi asas pengenalan huruf dan sedang dalam pembelajaran lanjutan tajwid. Kumpulan terdiri daripada 7 orang ahli dan pengkaji memilih 4 orang responden untuk mencapai objektif. Pengkaji juga secara tidak langsung mengkaji keberkesanan al-baghdadi terhadap pelajarnya.

Instrumen Kajian

Menurut Zelditch (1962) dalam Ghazali dan Sufean (2018), temu bual ialah satu cara pengumpulan data yang amat efisien dan melibatkan interaksi sosial untuk mendapatkan data yang mencukupi daripada peserta kajian. Menurut Patton (1990) dalam Ghazali dan Sufean (2018), kaedah temu bual dilakukan untuk mendapatkan data yang tidak diperoleh melalui pemerhatian seperti perasaan dan pemikiran seseorang terhadap sesuatu perkara.

Sebelum pengumpulan data secara temu bual dijalankan, pengkaji terlebih dahulu melalui proses menyediakan protokol soalan temu bual yang telah dibina oleh pengkaji sendiri. Kaedah temu bual ini dijalankan secara atas talian menggunakan medium *google meet* dan panggilan telefon kepada responden yang terpilih. Responden yang terpilih adalah responden yang pernah menjadi pelajar kepada pengkaji dan pelajar yang sedang belajar bersama pengkaji.

Protokol temu bual ialah set soalan yang dirangka untuk menemu bual sampel kajian bagi mendapatkan maklumat yang mencukupi untuk menjawab persoalan kajian yang telah

dibina. Persoalan kajian berkaitan dengan kaedah pengajaran dan permasalahan yang dihadapi sepanjang menjalani kelas kaedah bacaan Al-Quran Al-Baghdadi. Protokol temu bual tersebut merangkumi empat soalan terbuka untuk meneroka mengenai keberkesaan kaedah ini kepada para pelajar dewasa.

Kaedah Analisis Data

Dalam usaha untuk menganalisis dapatan kajian, pengkaji mengklafikasikan dapatan daripada temubual dengan tema-tema yang telah ditetapkan dengan mengambil kira isi penting dan kata kunci yang didapati pengkaji dalam temubual yang telah dijalankan. Pengkaji mengklafikasikan soalan dan jawapan yang telah diberikan oleh responden. Setelah itu, pengkaji menghuraikan tema yang diperolehi dengan lebih terperinci berdasarkan jadual yang telah dibina. Daripada dapatan tema, pengkaji juga membina satu carta aliran mengenai objektif kajian berdasarkan soalan kajian.

Dapatan tema yang diperolehi oleh pengkaji akan dirumuskan dalam perbincangan yang akan membawa pengkaji untuk menjawab soalan kajian bagi mendapatkan objektif kajian yang telah ditetapkan.

DAPATAN KAJIAN

Terdapat 4 tema dalam memahami pembelajaran kaedah al-Baghdadi dalam kalangan pelajar dewasa iaitu bacaan bertajwid, perasaan positif, membantu mengenali hukum tajwid. Masalah yang dihadapi pula adalah masalah persekitaran.

Tema 1: Bacaan Bertajwid

Peserta kajian (PK 2 dan PK 3) menyetujui bahawa kaedah al-Baghdadi ini adalah satu bacaan yang bertajwid. Seperti berikut

> *"akak sukalah sebab cara dia tu kita baca tajwid dulu, jadi kita macam tahulah kita buat silap ke ape kan kai situ.. rasa dulu kecik kecik main ikut je ape ustaz ajo.. haha dia baca kita ikut je tapi tak tahu.." (PK2)*
> *"sebab daripada awal, daripada sebutan diajar, sebutan yang betul, hukum-hukum tajwid, makhraj kita semua dititik beratkan daripada situ haah"*

Bacaan bertajwid ini menggunakan kaedah ketuk seperti yang diberitahu oleh PK 3. Penggunaan kayu ketuk yang digunakan sebagai medium pembelajaran ini juga dilihat membantu dalam mewujudkan suasana yang hidup dan ceria dalam proses pembelajaran kaedah Al-Baghdadi ini. Kita sedia maklum bahawasanya kayu ketukan adalah rekaan khas untuk mewujudkan tempo bacaan dan sekaligus membentuk disiplin bacaan. Alat ketuk ini juga dapat menceriakan suasana sesi pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya mewujudkan suasana yang kondusif untuk pembelajaran di mana setiap pelajar memberi perhatian dan turut serta dalam sesi pengajaran yang dilakukan oleh guru. Kaedah ketukan ini juga memenuhi ciri-ciri teori kecerdasan pelbagai (multiple intelligence) yang diperkenalkan oleh Howard Gardner dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kaedah ketukan ini dapat memenuhi keperluan kinestatik anggota khususnya dalam mencapai tahap kemahiran tinggi, logic dan matematik. Kiraan ketukan dilihat sebagai merentas kurikulum kerana juga diselitkan dengan kiraan matematik dalam ketukan yang dilakukan.

> *".. first time tau dengar sebab dia guna kaedah ketuk.. tu"*

Tema 2: Perasaan positif

Kesemua PK menyatakan perasaan yang positif dalam mempelajari kaedah al-Baghdadi. Modul yang digunapakai oleh kaedah Al-Baghdadi dinyatakan sebagai salah kaedah yang mudah untuk diajar, dipelajari dan diulang. Hal ini kerana, struktur susunan SAS (struktur, Analisis dan Sintesis) dilihat sebagai bahan yang ringan iaitu hanya memperkenalkan sebutan asas dan terpulang kepada kreativiti guru untuk membuat pengulangan yang pelbagai sesuai dengan aras kefahaman para pelajarnya.

> *"perasaannya mudah, ehh perasaannya ok ok.. perasaannya.. perasaan saya hepi, senang ustaz, saya suka" (PK1)*
> *"akak rasa mudah sikitlah berbanding dengan yang kita baca muqaddam tu" (PK2)*
> *"perasan akak suka lah.." (PK3)*
> *""seronoklah.. seronok sebab kita boleh kenal (er.. apani) panjang pendek bacaan.. dari situ kita tahu.. haa seronoklah nak ketuk tu.. sampai terlajak-terlajak ketuk" (PK4)*

Tema 3: Membantu Mengenali Hukum Tajwid

Kaedah al-Baghdadi ini ternyata membantu para pelajar mengenali Hukum tajwid. Dalam kaedah pengajaran Al-Baghdadi, makhraj dan sebutan diajar secara lebih berfokus dengan penggunaan teknik SAS iaitu Struktur, Analisis dan Sintesis. Struktur-struktur ini dibangunkan dengan berpusatkan kepada 336 bunyi yang berlainan dalam Al-Quran. Setiap huruf diajarkan dan diperkenalkan dengan huruf-huruf hijaiyah sebagai pengenalan dan bacaan dengan kewujudan baris asas iaitu baris atas (fat'hah), baris bawah (kasroh) dan baris hadapan (dhommah). Selepas pelajar mahir dalam sebutan asas, barulah pembelajaran beralih kepada bacaan panjang 2 harakat disebabkan oleh hukum mad asli. Setelah itu, barulah diperkenalkan dengan bacaan tanwin, iaitu tanwin atas, (fat'hatain), tanwin bawah (kasrotain) dan tanwin hadapan (dhommatain). Sebutan ini akan diulang oleh guru sehingga pelajar mahir dalam sebutan. Hal ini terbukti apabila ada dalam kalangan responden yang mengatakan persetujuan kaedah ini membantu mereka seperti berikut:

> *"oo saya dapat kenallah, kenal hukum tajwid, senang walaupun masih tak tak lagi masih kadang kadang surah-surah yang panjang saya masih kadang-kadang tak boleh nak tu.. tapi kalau baca surah pendek, Alhamdulillah ustaz, saya kenallah tajwid dia" (PK1)*
> *"banyak tahu lah macam banyaklah hukum-hukum yang akak tak tahu pastu bacaan tu tak macam yang akak biasa belajar dululah.. tahu tahu macam gitulah.. sekarang ni macam dah lebih arif sikitlah pasal hukum-hukum.. sebutan pun akak dah macam ni lah.. kalau tak dulu main sebut je kan haa" (PK2)*
> *"memang tulah, membantu pembelajaran pada akak" (PK3)*
> *"saya boleh ingat kembali.. aa tajwid tajwid.. aa bacaan berapa harakat semua tu.. semua sekalilah.. sebab dah lama baca-baca tapi tak tau panjang pendek nak berapa.. hukum hukum pun dah tahulah sebab ada buku dia kan.. senang belajar..:" (PK4)*

Tema 4: Masalah Persekitaran

Selain itu, terdapat juga masalah yang dihadapi oleh PK2, PK3 dan PK4 iaitu masalah persekitaran . PK 2 menyatakan bahawa masalah mula dialami oleh para pelajar apabila keadaan dimana tidak dapat hadir secara fizikal di dalam kelas mengaji dengan bermulanya

Perintah Kawalan Pergerakan. Perintah Kawalan Pergerakan menyebabkan para pelajar yang berada di luar kawasan dan di dalam kawasan daerah tidak dapat untuk mnenyertai kelas secara fizikal. Sesungguhnya, semangat belajar di dalam kelas dan diluar kelas adalah berlainan. Kehadiran jasad dalam kelas akan lebih dapat menaikkan semangat pelajar untuk belajar. Apabila berada dirumah, wujud beberapa perkara yang membatasi pelajar untuk fokus di dalam kelas atas talian disebabkan tanggungjawab yang lain seperti menguruskan rumah tangga dan kerja-kerja yang lain.

> *"salah satunya pkp ni lah.. kalau tak memang belajar kat kelas rasanya lebih fokuslah.. sebab kat sini susah ada anak kan.. nanti kita belajar-belajar haa terpaksalah nak melayan dia" (PK2)*

Selain itu, pembelajaran di atas talian juga akan memberikan sedikit masalah kepada tempat-tempat yang agak kurang capaian internet ataupun keadaan yang tidak mengizinkan. Hujan yang terlalu lebat akan memberikan impak ke atas talian untuk kekal stabil. Sekiranya jaringan internet tidak stabil sudah tentu akan menghalang proses pengajaran dan pembelajaran untuk disampaikan dengan lebih baik seperti yang diberitahu oleh PK 3 seperti berikut:

> *"masa pkp ni jelah.. yang lain masalah.. takde masalah.. masa pkp lah.. masa belajar online macam ni kan.. kadang-kadang line tak ok, macam sebutan pun kadang-kadang tak jelas jugak kalau line tak ok tu.."(PK3)*

Permasalahan dalam sesi pengajaran khususnya kelas talaqqi adalah penglibatan para pelajar yang agak ramai.

> *"masalahnya, kalau kita belajar bacaan secara ramai-ramai tu, tu masalahnya sebab kita baca ramai ramai kita tak tahu kita punya bacaan ni betul ke tak betul.. kalau one-by-one jadi ustaz boleh dengar kita punya apa bacaan tu kan betul ke bacaannya ke apa ustaz boleh ditegur, tapi bila ramai-ramai, ustaz pun tak tahu yang mana betul semua berdengung je kan.. haa macam tulah.."(PK4)*

Sebagai penyelesaian kepada masalah-maslah tersebut, cadangan mereka adalah seperti mengadakan talaqqi, membuat fb live dan hadkan pelajar dalam satu kelas.

> ***"****saya nak sambung talaqqi lagi ustaz.. hehehe sayangkan.. nak lockdown pulak" (PK1)*
>
> *"akak rasa siang tak boleh lah memang kena buat malamlah.. hahah rasanya macam dulu hari rabu ada fb live lepastu hari khamis malam haa google meet senang sikit.. jadi kita satu hari dah belajar apa yang ustaz ajar tu hari rabu tu.. jadi hari khamis kita dah boleh ni lah.. kalau kita tak faham boleh ulang ulang ulang yang facebook yang live tu.. yang macam gini dia terus kan macam akak jadi lambat masuk sikit" (PK2)*
>
> *"kena putuskan rantaian covid lah.. heheh kalau belajar kat kelas lagi nilah, bersemuka kan.. kalau online ni tak bersemuka kadang-kadang bibir kita, sebutan kita pun macam tak Nampak" (PK3)*
>
> *"kalau boleh macam kelas tu, buat jangan ramai sangat.. macam dalam satu kelas tu macam dalam aa 10 orang kira ok lah.. satu-satulah baca.." (PK4)*

PERBINCANGAN

Setelah dibandingkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa tema kelebihan kaedah pengajaran Al-Baghdadi adalah berkaitan dengan fokus kepada sebutan dan tajwid. 3 daripada 4 responden mengatakan bahawa pendekatan Al-Baghdadi begitu menitikberatkan mengenai sebutan atau pun makhraj sesuatu huruf. Diikuti pula dengan fokus kepada tajwid yang diulang-

ulang sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Modul yang digunakan guna terbukti senang dan mudah untuk dipelajari dan difahami meskipun para pelajar yang berumur 40-an. Kaedah Al-Baghdadi juga terbukti dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang bermotivasi dan suasana yang menyeronokkan. Tambahan lagi dengan bimbingan guru yang bertauliah menjadikan para pelajar begitu bersemangat untuk terus belajar asas-asas sebutan dan tajwid dan memungkinkan mereka lebih yakin untuk membaca surah-surah yang pendek pada awalnya.

Manakala, bagi kaedah pengajaran Al-Baghdadi yang membantu dari segi pembelajaran alquran lebih kepada pengenalan sebutan makhraj yang betul dan pengenalan asas kepada hukum tajwid. Responden yang sebelum ini yang mempelajari kaedah tradisional hanya mengikut sebutan guru dan sebutan rakan-rakan tanpa mengetahui kedudukan makhraj yang sebenar. Dengan modul tamhid, pencerahan kepada kedudukan makhraj yang betul telah dipelajari di dalam kelas ini. Dalam kelas asas hukum tajwid pula, responden boleh mengingat kembali hukum-hukum yang pernah dipelajari sebelum ini, malah ianya lebih mendalam kerana sesi bedah tajwid dalam petikan ayat Al-Quran dilakukan pada setiap sesi dalam kelas tajwid ini dijalankan dengan surah-surah yang berlainan. Sesi mencari hukum-hukum tajwid secara berpasangan juga telah dilakukan bagi memantapkan pemahaman pelajar terhadap hukum tajwid yang telah dipelajari. Kaedah ketukan membantu pelajar untuk kekal berdisiplin dalam sebutan dan panjang pendek bacaan.

Masalah yang dihadapi oleh responden sewaktu mempelajari kaedah Al-Baghdadi adalah batasan untuk merentas daerah disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan antara batasan yang tidak dapat dielakkan pada zaman pandemic covid-19 kini. Sebelum PKP diwartakan, sesi pembelajaran adalah secara bersemuka dan lebih berfokus, dan pelajar lebih bersemangat belajar bersama rakan-rakan yang lain. Ganguan jaringan internet juga membatasi pengajaran yang lebih berkesan menyebabkan sebutan guru atau sebutan pelajar yang tidak jelas. Secara tidak langsung, ianya menggangu pembelajaran sebutan yang betul. Dalam sesi bersemuka khusunya untuk kelas talaqqi, pelajar mempunyai masalah dimana kapasiti sesuatu kelas agak ramai dan menyukarkan guru untuk mendengar sebutan dan tajwid bacaan setiap pelajar. Kapasiti sesuatu kelas yang disarankan oleh pelajar adalah 10 orang ke bawah supaya sesi pembelajaran lebih berfokus kepada individu pelajar. Manakala, untuk kelas dalam sesi asas tamhid dan sesi asas tajwid tidak mempunyai masalah walaupun dalam jumlah yang ramai.

Dalam penerokaan kajian yang dijalankan dengan berpaksikan kepada kalangan dewasa mengenai pembelajaran kaedah Al-Baghdadi memberi maklum balas yang positif dalam mempelajari, menguasai dan memartabatkan Al-Quran. Menurut Qasim (1998) menyatakan sesuatu sistem pengajaran dan pembelajaran itu perlulah diaplikasikan di dalam konteks yang menyeluruh. Modul yang digunapakai oleh kaedah Al-Baghdadi adalah modul yang mudah yang memungkinkan para pelajar untuk menguasai huruf, sebutan makhraj huruf, tanda baris yang betul dan cara bacaan mengikut tempo yang bersesuaian dengan panjang pendek bacaan di dalam alquran.

Kaedah ketukan yang diketengahkan mewujudkan cara baru untuk mempelajari Al-Quran. Jelas, kaedah ini mencuri perhatian umum disebabkan kaedah ini agak baru dan perlu digunapakai di sekolah rendah dalam memastikan penguasaan Al-Quran dapat dikuasai di peringkat sekolah rendah. Thorndike dalam Elliot, et al. (2000) telah mengetengahkan teori pembelajaran di mana setiap pengajaran dan pembelajaran adalah saling berkait rapat dengan rangsangan dan tindakbalas terhadap rangsangan tersebut. Kaedah ini merangsang para pelajar untuk lebih peka dan lebih bersedia.

Alat ketukan yang digunakan dibuat daripada kayu yang agak kuat dan tidak tajam. Keselamatan dan keselesaan bahan pengajaran juga adalah amat penting untuk memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan baik dan Menurut Ustaz Jalaluddin Al-Baghdadi, objektif teknik Al-Baghdadi diperkenalkan adalah menyediakan satu teknik

pembelajaran Al-Quran yang boleh diserapkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) untuk mewujudkan suasana pembelajaran kondusif yang menarik minat pelajar, meningkatkan daya tumpuan disamping meransang daya kreativiti dan perkembangan pelajar, mewujudkan rasa inkuiri, memudahkan proses pembelajaran dengan struktur yang terancang dengan penggunaan SAS (struktur, analisis, sintesis).

Skinner dalam Elliot et al. (2000) menyatakan aspek utama dalam pembelajaran adalah pengukuhan yang memberi rangsangan kepada pelajar. Kaedah Al-Baghdadi memerlukan ketukan dan secara tidak langsung memerlukan guru-guru yang mampu untuk mengajarkan sistem ini kepada murid-murid sekolah rendah. Ini kerana dalam pengajaran Al-Baghdadi amat diperlukan adalah disiplin dalam ketukan dan bacaan.

Kepakaran guru-guru dalam pengajaran Al-Baghdadi juga diperlukan untuk merealisasikan penguasaan ilmu Al-Quran. Dalam satu kajian yang telah dilaksanakan oleh Saroyan dan Snell (1997) mereka mendapati bahawa pengajaran berkesan sebenarnya bergantung kepada banyak faktor, termasuk latarbelakang falsafah dan pendidikan seseorang pengajar, pengetahuan tentang pedagogi, bahan–bahan pengajaran yang sedia ada dan keadaan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran.

Guru-guru yang mengajar kelas dengan teknik Al-Baghdadi ini perlulah mempunyai pentauliahan dengan menghadiri kursus atau seminar cara pengajaran dan teknik pengulangan yang banyak di samping tidak membuatkan pelajar bosan menggunakan kaedah ini. Menurut Abdul Rasid (2012) kreativiti dapat membantu guru menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam suasana yang menyeronokkan, ceria dan berkesan kepada pelajar.

Bahan pengajaran yang diperlukan dalam teknik kaedah pembelajaran-Al-Baghdadi dilihat agak ringkas iaitu dengan penggunaan 2 buku da satu alat ketukan. Bates (1984) yang menyatakan bahawa penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat memperluaskan skop pengajaran, meningkatkan kualiti pengajaran serta mengurangkan kos. Di dalam kelas, pelajar bukan sahaja diberikan dengan panduan 2 buah buku, guru juga menayangkan slaid muka surat pembelajaran dihadapan dengan menggunakan komputer dan projektor.

Selain daripada itu, kaedah Al-Baghdadi ini berupaya untuk melahirkan generasi yang boleh membaca Al-Quran seawal 3 bulan dengan penggunaan modul yang jelas dan lengkap dari segi pedagogi dan metadologi pendidikan. Kaedah Al-Baghdadi ini adalah selaras dengan hasrat mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi bahawa pelajar bukan sahaja boleh membaca alquran, tetapi juga mampu untuk khatam Al-Quran di peringkat sekolah rendah lagi.

Secara keseluruhannya, kaedah Al-Baghdadi ini memberikan maklum balas yang positif dan menjadikan pelajar lebih bersemangat dan lebih mahir dalam sebutan makhraj dan penguasaan ilmu tajwid. Semoga perluasan kaedah ini ke institusi-institusi pengajaran untuk penguasaan Al-Quran di peringkat awal dapat diselit dan digunapakai bagi mempelbagaikan kaedah sesi pengajaran dan pembelajaran dan guru-guru akan memiliki lebih pilihan dalam pemilihan kaedah pengajaran yang telah mereka rancang.

Hal ini berkemungkinan pihak pengurusan tidak memiliki fasiliti yang mencukupi ataupun kekurangan tenaga pengajar untuk pembahagian kelas yang lebih banyak. Penglibatan pelajar yang agak ramai dalam kelas talaqqi menyebabkan proses pembelajaran talaqqi bagi beberapa orang pelajar terhad dan terbatas. Guru talaqqi akan menilai semula kepadatan pelajar dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Mengikut info yang diterima, kaedah talaqqi akan mengikut pilihan para pelajar iaitu sama ada talaqqi bersama-sama, talaqqi kelas, talaqqi mengikut kumpulan ataupun talaqqi individu mengikut kelas dengan persetujuan bersama.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya dapat difahami, pelaksanaan kaedah Al-Baghdadi dilihat mencakupi sesi pembelajaran tajwid yang lengkap dengan kaedah, penyusunan isi kandungan dan suasana pembelajarannya. Tidak dapat disangkal dalam pencarian ilmu memerlukan guru sebagai fasilitator dalam merancang, membina dan melaksanakan isi kandungan pelajaran dengan kreatif supaya pelajar dapat menumpukan perhatian dan pembelajaran secara dua hala. Limitasi kepada kajian ini lebih dilihat menjurus kepada isi kandungan pembelajaran dan pelaksanaan guru dalam menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran. Di sini dapat dicadangkan kepada pengkaji akan datang untuk melaksanakan kajian secara kuantitatif untuk mengukur tahap kepuasan pelajar dengan kaedah ini dan peratusan pencapaian bacaan serta penguasaan tajwid dengan kaedah Al-Baghdadi ini

RUJUKAN

Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim.(2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 2 (1): 129-140

Ahmad Rozaini Ali Hasan.2010.Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran di Kalangan Pelajar-pelajar UiTM Serawak

Dr. Abdul Rahman bin Abd Ghani, 2010, Isu dan Masalah Semasa Dalam Pembacaan Al-Quran Masa Kini: Suatu Tinjauan : Jurnal Darul Quran Jakim. Bil. 14

Elliot, S.N., Kratochwill, T.R., Cook, J.L., & Travers, J.F. 2000. Educational Psychology. Ed. ke3. McGraw Hill Book Co : Singapore.

Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2018), Metadologi Penyelidikan Dalam Pendidikan : Amalan Dan Analisis Kajian Edisi Kedua.

Haji Nik Ja'far bin Nik Ismail. 2004. Buku Qawaid Tarannum : Cara Berlagu. Kuala Lumpur : Darul Fikir.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4, KBSM. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini. Purtajaya: BPI.

Lajnah Tilawah. 2010. Al-Munir fi Ahkam al-Tajwid. Al-Jam'iyyah: 'Amman.

Lily Zuraini Mohd Mustaza. 2011. Tahap Penguasaan Ilmu Tajwid Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Daerah Kuala Lumpur.

Mohd aderi bin che noh 2011, Pelaksanaan Kelas Kemahiran Al-Quran di Malaysia : satu analisis, journal of Islamic and Arabic education 3(1).

Norhisham Bin Muhammad, Azmil Bin Hashim, Wahyu Hidayat Bin Abdullah,Muhammad Akramin Bin Kamarul Zaman, Fatin Ardani Binti Zamri. 2019. Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran Al-Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini SABK Di Perak, International Journal Of Education, Psychology And Counseling eISSN :01280164x.

Paul Harris. (2014). Simultaneous Learning The Definitive Guide. England: Faber Music.

Saroyan, A dan Snell, L.D. (1997). Professional development by Distance Education: does distance lend enhancement?. Cambridge Journal of Education. Vol. 28: No.2. University of Cambridge, School of Education.

Umm Muhammad (1997). A brief Introduction to Tajweed-Jeddah. Sound knowledge Audio Publishers.

Qasim Ahmad. (1998). Pengajaran dan pembelajaran : Komponen penting kurikulum, Seminar Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran, Sekolah Dan Pentadbiran Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, Sabah.

Tahap Pelaksanaan Strategi dan Kaedah Pengajaran Mata Pelajaran Usul Al-Din (KBD) Menurut Persepsi Guru-Guru Di SABK: Satu Tinjauan Awal

Siti Afifah Munirah Salleh
cintaarmy87@gmail.com
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah,
Universiti Malaysia Kelantan

Kamarulzaman Abdul Ghani
kamarulzaman@umk.edu.my
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah,
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRACT

KBD was created to fulfill the aspirations of the national education philosophy, the philosophy of Islamic education as well as to realize the aspirations of PPM. Thus, this study aims to identify the strategies and teaching methods used by dini teachers in the PdP of usul al-din subjects for the implementation of an dini integrated curriculum in Government Assistance Religious Schools (SABK) in Kelantan. This study is a quantitative study using a questionnaire instrument that has been piloted. Frequency, percentage and mean score as well as the level of mean interpretation were used in data analysis through SPSS software. Meanwhile, the respondents involved are a total of 30 dini teachers in 19 SABK Kelantan who teach the subject of usul al-din. The findings of the study showed that teaching strategies and methods were at a moderately high mean interpretation level with a mean value of (mean = 3.99, sp = 0.80) and (mean = 3.98, sp = 0.26). Therefore, it is hoped that the information obtained from this study can help schools, dini teachers involved in the implementation of the dini integrated curriculum and relevant parties to solve problems that arise in the teaching process of usul al-din, especially to ensure student excellence and develop potential, as well as the ability of students in religious knowledge in preparing Malaysia as a world -class Islamic religious education hub.

Keywords: Teaching Strategies, Teaching Methods, Dini Integrated Curriculum (KBD), Government Assistance Religious Schools (SABK).

ABSTRAK

KBD diwujudkan bagi memenuhi Hasrat falsafah Pendidikan kebangsaan, falsafah Pendidikan Islam serta bagi merealisasikan Hasrat PPM. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dini dalam PdP mata pelajaran usul al-din bagi pelaksanaan kurikulum bersepadu dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) negeri Kelantan. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah dirintiskan. Kekerapan, peratusan dan skor min serta tahap interpretasi min digunakan dalam penganalisisan data melalui perisisan SPSS. Manakala, responden yang terlibat adalah seramai 30 orang guru dini di 19 buah SABK negeri Kelantan yang mengajar mata pelajaran usul al-din. Dapatan kajian menunjukkan strategi dan kaedah pengajaran berada pada tahap interpretasi min sederhana tinggi dengan nilaian min sebanyak (min=3.99, sp=0.80) dan (min=3.98, sp=0.26). Justeru itu, diharap maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian ini dapat membantu pihak sekolah, guru dini yang terlibat dengan pelaksanaan kurikulum dini dan pihak yang berkenaan untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam proses pengajaran mata pelajaran usul al-din khususnya bagi menjamin kecemerlangan pelajar dan mengembangkan potensi serta keupayaan murid dalam ilmu agama dalam menyediakan negara Malaysia sebagai hub Pendidikan agama Islam bertaraf dunia.

Kata kunci: Strategi Pengajaran, Kaedah Pgajaran; Kurikulum Bersepadu Dini (KBD); Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

PENDAHULUAN

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) merupakan kurikulum Agama Islam yang direka khas oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM), dan Lembaga Penasihat Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI). Kurikulum ini direka berasaskan Kurikulum Azhari/ al-Azhar bagi mengganti dan menambahbaik Kurikulum Azhari yang sedia ada dan diguna pakai di sekolah-sekolah agama di Malaysia termasuklah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Ianya juga telah diiktiraf sebagai kurikulum kebangsaan pada tahun 2012. Matlamat utama pelaksanaan kurikulum bersepadu dini adalah untuk menyediakan pelajar yang seimbang dan cemerlang melalui KBD berasaskan naqli dan ‘aqli bagi menyediakan bakal ulama’ dan agamawan *muthaqqaf*. Di samping itu juga ini adalah satu usaha bagi memartabatkan dan memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran KBD di sekolah, menggilap potensi dan keupayaan pelajar serta menyelaraskan sistem pengurusan KBD antara KPM dengan kurikulum kebangsaan (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015). Tambahan lagi, pelaksanaan KBD masih mengekalkan mata pelajaran yang sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah menengah (KBSM) dengan sedikit perubahan dari segi peruntukan waktu minimum seminggu dan penambahan mata pelajaran Dini dalam kurikulum kebangsaan.

Seterusnya, terdapat lima bidang pengkhususan yang dilaksanakan dalam pdp KBD ini. Iaitu, pengkhususan bidang usul al-din, al-Syariah, al-Lughah al-Arabiah al Mua’sirah, manahij al-ulum al-Islamiyah dan pengkhususan al-Adab wa al-Balaghah. Oleh itu, bidang usul al-din merangkumi mata pelajaran al-Tauhid, al-Tafsir, al-Hadis, al-Sirah wa tarikh al-Islam dan al-Akhlak wa al-Tasawwuf. Akan tetapi, bidang pengkususan yang digunakan oleh pelajar tingkatan satu hingga tingkatan tiga hanya merangkumi tiga bidang pengkhususan sahaja iaitu bidang usul al-Din, al-Syariah dan al-Lughah alArabiah al-Mu‟asirah (LAM).

Justeru itu, terlaksananya kurikulum ini, ianya mampu meningkatkan kualiti komunikasi berbahasa arab dalam kalangan pelajar serta mereka dapat menguasai asas-asas ilmu pengetahuan yang terdapat dalam kitab-kitab mu’tabar khususnya. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka penggunaan strategi dan kaedah pengajaran yang digunakan dalam proses pdp mata pelajaran usul al-din di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Kelantan.

Pendidikan adalah untuk semua, tidak kira untuk siapa, bila, di mana dan bagaimana dilaksanakan. Kurikulum bersepadu dini (KBD) telah diiktiraf sebagai kurikulum kebangsaan pada tahun 2012. Ia telah dibina bersama oleh jawatankuasa yang dikendalikan oleh pihak KPM dan LEPAI JAKIM. Ini adalah rentetan hasil laporan Tan Sri Dato‟ Murad bin Mohamad (2002) berkaitan isu ppendidikan Islam telah disusuli dengan pendaftaran sebahagian Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang dikategori sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang majoritinya sebelum ini menggunakan kurikulum agama (al-Azhari) dalam mengajar mengajar komponen pendidikan Islam dan bahasa Arab. Memandangkan banyak masalah yang timbul dalam pelaksaan kurikulum al-Azhar. KBD telah menjadi alternatif dalam kesimbangunan kurikulum ini dan pelaksanaan ini turut dilaksanakan secara berperingkat untuk tingkatan 1 hingga tingkatan 5 mulai 2015.

Walaupun terdapat kajian tentang kurikulum bersepadu dini di SABK. Antaranya ialah kajian daripada Kamarulzaman Abdul Ghani et.al, 2018 tentang tahap persekitaran Bahasa arab dari aspek prasarana dan komunikasi Bahasa Arab dalam pelaksanaan KBD di SABK dan tentang amalan pengajaran guru KBD menggunakan aplikasi VLE Frog di SABK negeri Selangor oleh Noraizan Mohsin, Mohd Faiz Mohd Baharan & Prof Madya Dr Mohd Nor

Mamat, 2020 menunjukkan tahap kesedian guru dan pengetahuan guru serta kemudahan prasarana ICT di sekolah berada pada tahap sederhana dengan nilaian min (min=3.47, sp=0.82), (min=3.03, sp=0.66) dan (min=3.03, sp=0.93). Manakala kajian sudut amalan bahan bantu pengajaran guru dalam pengajaran nahu KBD sekolah agama pula menunjukkan guru Bahasa Arab mengaplikasikan pelbagai kategori bahan bantu pengajaran antaranya ialah kategori bahan maujud, bahan bercetak dan bahan teknologi (Farihah Hussain et. Al, 2020).

Sehubungan dengan itu, masih tiada lagi kajian yang berkaitan dengan tahap penggunaan strategi dan kaedah pengajaran yang dilakukan semenjak kurikulum bersepadu dini ini dilaksanakan khususnya dalam mata pelajaran usul al-din. Oleh yang demikian itu, kajian tindakan perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap penggunaan strategi dan kaedah pengajaran dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru dini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Manakala, alat kajian ini terdiri daripada satu set soal selidik bagi mendapatkan maklumat tahap penggunaan strategi pengajaran dan kaedah pengajaran yang digunakan dalam mata pelajaran usul al-din. Konstrak penggunaan strategi pengajaran terdiri daripada sembilan item dan konstrak penggunaan kaedah pengajaran pula terdiri daripada dua belas item keseluruhan. Analisis taburan responden tentang tahap penggunaan strategi dan kaedah pengajaran yang digunakan dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini (KBD) bagi mata pelajaran usul al-din di SABK adalah berdasarkan pilihan skala likert lima mata iaitu “tidak pernah” (TP), “jarang-jarang”(JJ),“kadang-kadang”(KK),“kerap”, (K), dan “amat kerap”(AK). Oleh demikian, hasil kajian ini diproses, di analisis dan di interprestasikan serta dirumuskan bagi penambahbaikkan dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini (KBD) di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) khususnya dalam pelaksanaan pengajaran mata pelajaran usul al-din.

Manakala, responden kajian ini melibatkan seramai 30 orang guru di 19 buah SABK negeri Kelantan. Setiap sekolah yang terlibat hanya terdapat 2 atau 3 orang guru sahaja yang mengajar mata pelajaran usul al-din dan sekolah yang terlibat juga adalah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Negeri Kelantan yang menggunakan DSKP KBD dari Kementerian Pendidikan Malaysia bermula dari tahun 2015 sehingga kini.

Seterusnya, dapatan ujian kebolehpercayaan bagi tahap penggunaan strategi dan kaedah pengajaran dalam kajian ini adalah tinggi dengan nilaian alpha Cronbach sebanyak 0.73.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan tinjauan persepsi guru terhadap strategi pengajaran yang digunakan dalam proses pdp mata pelajaran usul al-din di SABK negeri Kelantan, jadual 1 menunjukkan interpretasi min keseluruhan berada pada tahap sederhana tinggi iaitu (min=3.99, sp=0.80) dan konstruk ini terdiri daripada sembilan item keseluruhannya. Lima item daripadanya turut mencapai tahap interpretasi min yang sederhana tinggi iaitu skor min di antara 3.01 hingga 4.00. Manakala bagi empat item lagi iaitu item 4, 5, 6 dan item 9 mencapai tahap interpretasi min yang tinggi.

Bagi jumlah peratusan kekerapan “kerap” yang diperolehi pula dalam konstruk strategi ini menunjukkan item 4 iaitu guru akan memastikan pelajar dapat menguasai hasil pembelajaran dengan baik memperolehi jumlah peratusan sebanyak 100 peratus. Diikuti dengan item 5, 6 dan item 9 turut memperolehi jumlah peratusan kekerapan “kerap” yang tinggi iaitu sebanyak 86.7 peratus. Item-item ini adalah “ galakkan pelajar membina sendiri pengetahuan berdasarkan pengalaman”, “memberi pendedahan kepada pelajar dalam merancang aktiviti pembelajaran” dan “ pengajaran berfokus kepada kemahiran bahasa”.

Di samping itu juga, bagi item 2, 3 dan item 8 pula memperolehi jumlah peratusan kekerapan "kerap" yang sama iaitu sebanyak 53.3 peratus dan hanya 1 peratus sahaja kurang daripada jumlah peratusan bagi item 7 "guru memaklumkan topik yang akan dipelajari kepada pelajar dengan lebih awal" iaitu sebanyak 53.4 peratus. Item-item ini terdiri daripada strategi guru bertindak sebagai fasilitator atau pemudahcara dalam pdp, guru menerapkan proses pdp diluar bilik darjah dan guru menggunakan strategi dengan merancang secara berfokus bagi aktiviti kemahiran membaca semasa di dalam kelas. Selain itu, jumlah peratusan bagi kekerapan "tidak pernah" dalam konstruk menunjukkan 0 peratus pencapaiannya.

Jadual 1: Strategi Pengajaran Mata Pelajarn Usul Al-Din

Bil	**ITEM**	**(TP)**	**(JJ)**	**(KK)**	**4 (K)**	**AK)**	**min**	**sp**
Strategi-strategi yang saya gunakan dalam proses PdP usul al-din:								
1	Pendekatan berpusatkan pelajar (DS1-DS10)	0	0	14 46.7%	12 40.0%	4 13.3%	3.67	.711
2	Saya bertindak sebagai fasilitator/pemudahcara dalam PdP	0	0	14 46.7%	7 23.3%	9 30.0%	3.83	.874
3	Penerapan proses PdP di luar bilik darjah	0	0	14 46.7%	7 23.3%	9 30.0%	3.83	.874
4	Memastikan pelajar dapat menguasai hasil pembelajaran dengan baik	0	0	0	16 53.3%	14 46.7%	4.47	.507
5	Galakkan pelajar membina sendiri pengetahuan berdasarkan pengalaman	0	0	4 13.3%	12 40.0%	14 46.7%	4.33	.711
6	Memberi pendedahan kepada pelajar dalam merancang aktiviti pembelajaran	0	0	4 13.3%	12 40.0%	14 46.7%	4.33	.711
7	Memaklumkan topik yang akan dipelajari terlebih awal kepada pelajar	0	10 33.3%	4 13.3%	2 6.7%	14 46.7%	3.67	1.373
8	Aktiviti kemahiran membaca sentiasa dirancang secara berfokus di dalam kelas	0	10 33.3%	4 13.3%	7 23.3%	9 30.0%	3.50	1.253
9	Pengajaran berfokus kepada kemahiran bahasa	0	0	4 13.3%	12 40.0%	14 46.7%	4.33	.711
MIN KESELURUHAN		**3.99**						**0.80**

Manakala, kaedah pengajaran bermaksud tindakan-tindakan yang dilakukan oleh guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, jadual 2 di bawah menunjukkan dapatan kajian konstruk kaedah pengajaran yang digunakan proses pengajaran mata pelajaran usul al-din menurut persepsi guru. Konstruk ini terdiri daripada 12 item keseluruhan dengan capaian nilaian min 3.98 dan sisihan piawai 0.26 dan berada pada tahap interpretasi min yang sederhana tinggi. Manakala tahap interpretasi min bagi setiao item dalam konstruk ini pula menunjukkan sembilan item dari keseluruhan item memperolehi nilaian min di antara 4.01 hingga 5.00 dan berada pada tahap interpretasi min yang tinggi. Namun bagi tiga item lagi iaitu item 4 dan item 5 pula memperolehi nilaian min (min=3.97, sp=0.80), (min=3.73, sp=0.69) serta hanya satu item sahaja iaitu item 7 yang mencapai tahap interpretasi min yang rendah iaitu (min=1.67, sp=0.72).

Seterusnya dari sudut peratusan pula, konstruk ini mencapai jumlah peratusan tertinggi adalah 100 peratus kekerapan "kerap" penggunaan kaedah iaitu "menterjemah teks atau ayat" dan menggunakan gabungan dua Bahasa iaitu Bahasa Arab dan Bahasa melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Diikuti dengan kaedah guru menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya dalam proses pdp dan penggunaan kaedah hafazan dan tasmi' memperolehi jumlah peratusan kekerapan "kerap" sebanyak 93.3 peratus serta penggunaan kaedah bercerita pula memperolehi jumlah peratusan sebanyak 86.7 peratus.

Manakala, kaedah yang digunakan oleh guru yang memperolehi jumlah peratusan kekerapan "kerap" yang kurang daripada 85 peratus adalah bagi item 1 iaitu sebanyak 83.4 peratus guru membaca teks, 83.3 peratus bagi item 11 iaitu guru menggunakan kaedah soal jawab dan item 3 iaitu kaedah perbincangan (80.3%) serta kaedah latih tubi sebanyak 80 peratus kekerapan "kerap" penggunaanya. Tambahan lagi, bagi penggunaan kaedah memberi tugasan dalam kumpulan dan penggunaan IT dalam pdp memperolehi jumlah peratusan kekerapan yang sama iaitu kurang daripada 70 peratus. Namun bagi kaedah penggunaan Bahasa Arab sepenuhnya dalam proses pdp menunjukkan bahawa peratusan 0 peratus kekerapan penggunaannya. Bahkan sebanyak sebanyak 46.7 peratus guru "tidak pernah" menggunakan Bahasa Arab sepenuhnya dalam proses pdp mata pelajaran usul al-din ini dan sebanyak 53.3 peratus guru pula "jarang-jarang" menggunakan kaedah ini.

Jadual 2: Kaedah pengajaran mata pelajaran usul al-din

Bil	**ITEM**	**1 (TP)**	**2 (JJ)**	**3 (KK)**	**4 (K)**	**5 AK)**	**min**	**sp**
Dalam pengajaran mata pelajaran usul al-din, saya menggunakan kaedah seperti berikut:								
1	Membaca teks	0	0	5 (16.7)	11 (36.7)	14 (46.7)	4.30	.750
2	Menterjemah teks/ ayat	0	0	0	16 (53.3)	14 (46.7)	4.47	.507
3	perbincangan	0	0	6 (20.0)	9 (30.3)	15 (50.0)	4.30	.794
4	Tugasan dalam kumpulan	0	0	10 (33.3)	11 (36.7)	9 (30.0)	3.97	.809
5	Menggunakan IT	0	1 3.3%	9 (30.0)	17 (56.7%	3 10.0%	3.73	.691
6	Menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya	0	0	2 6.7%	24 80.0%	4 13.3%	4.07	.450
7	Menggunakan bahasa Arab sepenuhnya	14 46.7%	12 40.0%	4 13.3%	0	0	1.67	0.71
8	Menggabungkan dua	0	0	0	8	22	4.73	.450

	bahasa iaitu Bahasa melayu dan Bahasa arab dalam pdp				26.7%	73.3%		
9	Hafazan dan tasmi'	0	0	2 6.7%	24 80.0%	4 13.3%	4.07	.450
10	Bercerita	0	1 (3.3)	3 (10.0)	15 (50.0)	11 (36.7)	4.20	.761
11	Sesi soal jawab	0	2 6.7%	3 10.0%	13 43.3%	12 40.0%	4.17	.874
12	Latih tubi	0	0	6 20.0%	12 40.0%	12 40.0%	4.20	.761
	Min keseluruhan						**3.98**	**0.26**

PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa umumnya menunjukkan nilaian min keseluruhan bagi konstrak penggunaan strategi dan kaedah pengajaran berada pada tahap tinggi iaitu (min=4.03, sp=0.50). Secara keseluruhannya bagi konstrak tahap penggunaan strategi pengajaran guru menunjukkan empat item berada pada tahap tinggi dan lima item lagiberada pada tahap sederhana tinggi . Manakala nilaian min bagi keseluruhan tahap penggunaan kaedah pengajaran guru pula menunjukkan bahawa sembilan item berada pada tahap tinggi dan dua item berada pada tahap sederhana tinggi serta hanya satu item sahaja berada pada tahap yang rendah. Ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan responden dari aspek penggunaan strategi pengajaran adalah baik dan penggunaan kaedah pengajaran pula adalah sangat baik.

Ini jelas menunjukkan bahawa guru mampu mengaplikasikan kepelbagaian strategi dengan baik iaitu guru akan memastikan setiap pelajar dapat menguasai hasil pembelajaran dengan baik. Ini dapat dilihat dengan kesemua responden menunjukkan peratusan kekerapan penggunaan strategi pengajaran sebanyak 100 peratus dan mencapai nilaian skor min yang tertinggi dalam konstruk ini iaitu (min=4.47, sp=0.50). Manakala, item pendekatan penggunaan strategi galakkan pelajar membina sendiri pengetahuan berdasarkan pengalaman dan memberi pendedahan kepada pelajar dalam merancang aktiviti pembelajaran serta strategi menfokuskan pengajaran kepada kemahiran Bahasa memperolehi jumlah peratusan kekerapan penggunaan yang sama iaitu sebanyak 86.7 peratus kekerapan "kerap". Manakala, bagi item-item selebihnya pula memperolehi jumlah peratusan kekerapan "kerap" yang sama juga iaitu sebanyak 53.3 peratus.

Manakala, penggunaan sesuatu kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran boleh mempengaruhi tahap keberkesanan sesebuah pengajaran terutamanya dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini ini. Oleh yang demikian itu, penggunaan kaedah pengajaran mata pelajaran usul al-din dengan menggabungkan dua Bahasa iaitu Bahasa melayu dan Bahasa arab menunjukkan 100 peratus kekerapaan "kerap" penggunaannya oleh guru yang terlibat dalam kajian ini. Bahkan, sebanyak 93.3 peratus kekerapan "kerap" guru menggunakan bahasa melayu sepenuhnya sebagai bahasa pengantar berbanding menggunakan bahasa arab sepenuhnya dengan nilaian peratusan sebanyak 46.7 peratus guru tidak pernah menggunakannya dan hanya 53.3 peratus kekerapan "jarang-jarang" penggunaannya. Ini jelas menunjukkan guru masih memerlukan bimbingan serta kursus tentang penggunaan Bahasa arab sebagai bahasa pengantar dalam proses pdp kurikulum ini, khususnya dalam proses pengajaran mata pelajaran usul al-din. Ini sejajar dengan garis panduan maklumat asas pelaksanaan kurikulum bersepadu dini iaitu menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar bagi mempertingkatkan kualiti komunikasi dan berbahasa serta melahirkan pelajar yang mampu merujuk asas-asas ilmu pengetahuan dalam kitab-kitab muktabar. Disamping itu,

penggunaan kaedah terjemahan teks atau ayat turut memperolehi peratusan sebanyak 100 peratus kekerapan "kerap" ketika proses pengajaran berlangsung. Diikuti dengan item-item yang lain memperolehi jumlah peratusan kekerapan "kerap" di antara 66.7 peratus sehingga 93.3 peratus.

IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini memaparkan tentang tahap penggunaan strategi dan kaedah pengajaran dalam mata pelajaran usul al-din menurut persepsi guru berada pada tahap yang baik. Kajian ini memberi implikasi kepada pihak guru dan pentadbiran sekolah serta pihak kementerian Pendidikan supaya mengadakan latihan berterusan bagi meningkatkan profesionalisme dalam kalangan guru KBD khususnya guru yang mengajar mata pelajaran usul al-din. Oleh yang demikian itu, kaedah pengajaran berkesan yang telah dikenalpasti keberkesanannya wajar diaplikasikan agar prestasi pelajar dapat dipertingkatkan. Guru juga perlulah mempelbagaikan strategi serta kaedah pengajaran dalam penyampaian ilmu supaya ia lebih menarik minat pelajar untuk menguasai ilmu yang dipelajari.

Di samping itu, penggunaan strategi dan kaedah pengajaran yang digunakan adalah bergantung kepada objektif pengajaran dan hasil pembelajarn yang ingin dicapai. Demi menambah baik kualiti Pendidikan Islam di negara ini, para guru dini perlu melakukan anjakan paradigma dan bersedia untuk membuat perubahan dan pembaharuan dalam penyampaian pengajaran mereka agar mereka dapat melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, beretika dan berindentiti nasional. Malahan juga, guru perlu menguasai pedagogi dan meneroka pendekatan-pendekatan yang terkini agar dapat melaksanakan proses pengajaran jaran bersesuaian dengan perkembangan semasa dalam dunia Pendidikan.

RUJUKAN

Alizah Lambri & Zamri Mahamod, (2015), Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berpusatkan Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Pelaksanaan Dan Penerimaan Pelajar, Jurnal Personalia Pelajar 18 (1):1-9.

Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Islam (2015), *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini*

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mcfraw – Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Creswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. Ed. Ke-2. New Jersey: Pearson Education Inc.

Farihah Hussain, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis & Mohammad Zamri Jusoh, (2020), *Amalan Bahan Bantu Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini Sekolah Agama*. Jurnal 'Ulwan' Jilid 5 (1): 134-145.

Intan Safinas Mohd Ariff Albakri, Fazilah Idris, Maznah Ibrahium & Alawiah Ibrahin, (2011), *Kaedah Pengajaran Berkesan: Antara Keperluan Pelajar Dan Reality Pengajaran Pengajian Jarak Jauh*. Jurnal Pengajian Umum Bil.2.

Kamarul Azmi Jasmi, Osmawadi Talip & Mohd Faeez Ilias, (2012). *Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berpusatkan Pelajar*. Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam (SEAPPI, 2012).

Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmad Thalal Hj Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Mohd Aderi Che Noh, Muhd Zahiri Awang Mat, Zawawi Ismail, Azmil Hashim, Saifuddin Hussin, Rohaidi Habil & Siti Apipah Munirah Binti Salleh, (2018), Persekitaran Bahasa Arab

Dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini Di SABK, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia* 2013-2025. Pendidikan Pra Sekolah Hingga Lepas Menengah. Putrajaya

Noraizan Mohsin,Mohs Faiz Baharan & Prof Madya Dr Mohd Nor Mamat, (2019), *Amalan Pengajaran Guru Kurikulum Bersepadu Dini Menggunakan Aplikasi VLE Frog Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Selangor*, JOMOR, 2019, Vol 1, No 14.

Siti Afifah Munirah Salleh, Ummu Dhabitah Binti Fadzhir & Kamarulzaman Abdul Ghani, (2017), *Pelaksanaan KBD Di SABK Kelantan Berdasarkan Persepsi Pelajar: Satu Tinjauan Awal*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab, SEBAR 2017: Isu Dan Cabaran, Hlm (235-244).

اتجاهات الطلبة نحو اللغة العربية ورغبتهم في تعلمها بالمرحلة الثانوية العليا

شريفة نورعزة بنت سيد كمال خالد

عارفين بن مامات

الجامعة الإسلامية العالمية بماليزيا

ملخص البحث

تهدف هذه الدراسة إلى التعرف على اتجاهات الطلبة نحو اللغة العربية، إضافة إلى الكشف عن رغبتهم في تعلمها بالمرحلة الثانوية العليا. كما سعت الدراسة إلى التعرف على الأسباب المؤدية إلى شعور الطلبة بالتردد في مواصلة دراستهم العربية في المرحلة الثانوية العليا، ثم التحقق من العلاقة الارتباطية بين اتجاهات الطلبة نحو اللغة العربية، ورغبتهم في تعلمها. وقد اتبعت الدراسة المنهج الوصفي لجمع المعلومات. وأجريت الدراسة على عينة مكونة من مائة وثلاثة (103) طلاب وطالبات، من طلبة الفصول ذات القسم الديني (KAA) في المدارس الثانوية الوطنية في منطقة (كرامت)، بكوالالمبور. وقد تم استخدام الاستبانة أداةً لجمع البيانات. كما استعملت الدراسة التحليل الإحصائي الوصفي البسيط (Simple Descriptive Statistical Analysis) ويتكون من التوزيع التكراري (Distribution Frequency)، والنسبة المئوية (Percentage) في وصف اتجاهات ورغبة الطلبة، علاوةً على أسباب عدم رغبتهم في تعلم اللغة العربية. كما استخدمت التحليل الإحصائي الاستدلالي (ارتباط بيرسون Pearson Correlation)، للتعرف على العلاقة بين اتجاهات الطلبة نحو اللغة العربية، ورغبتهم في تعلمها. وقد أظهرت النتائج أن أغلبية الطلبة يتجهون إتجاها إيجابيا نحو تعلم اللغة العربية، كما أن عدد الطلبة الذين يرغبون في مواصلة تعلمهم للغة العربية بالمرحلة العليا أيضا يشكل الأغلبية، أما السبب الرئيسي لعدم رغبة الطلبة في تعلم اللغة العربية فهو ضعف درجاتهم في امتحان اللغة العربية. كما بينت النتائج كذلك أن هناك علاقة ضعيفة بين اتجاه الطلبة ورغبتهم في تعلم اللغة العربية. وقد ذيَّلت الباحثة الدراسة ببعض الاقتراحات والتوصيات للأطراف ذات الصلة بتعليم وتعلم اللغة العربية.

الكلمات المفتاحية: اتجاهات الطلبة، الرغبة في تعلم اللغة العربية، KAA

المقدمة

يستخدم المسلمون في ماليزيا اللغة العربية لأداء العبادات المفروضة، شأنهم شأن جميع المسلمين حول العالم. وقد كانت اللغة العربية لغة الأقوام التي استوطنت شبه الجزيرة العربية من قديم الزمان. ومع ذلك، وبعد ظهور الإسلام في القرن السابع الميلادي، أسلم عدد كبير من غير العرب، ودخلت أمم لا حصر لها في دين الله أفواجًا. وهو ما دفع هؤلاء المسلمين الجُدد إلى السعي الدؤوب لتعلم اللغة العربية، التي أصبحت لغة عقيدتهم وشعائرهم، وكتاب دنياهم وآخرتهم، القرآن الكريم، الذي جدوا في محاولة قراءته وفهم معانيه، حتى أضحت العلاقة بينهم وبين العربية علاقة روحية لا تنفك. ومن هنا لاحظ العلماء أن العلاقة بين اللغة العربية والإسلام، هي علاقة لا سبيل إلى فك عُراها على مر الأزمان، وإلى أن يرث الله الأرض ومن عليها.

ومن هذا المنطلق، وبناء على ذلك الفهم، يحسن العروج إلى نبذة تاريخية حول تطور مناهج اللغة العربية والتربية الإسلامية في ماليزيا.

تولى مدير القسم الديني في وزارة التعليم الماليزية، الحاج نيك محيي الدين بن حاج وان موسى، رحمه الله تعالى، مهمة تحسين وتعزيز مكانة أكثر من 11 مدرسة دينية، لتصبح مدرسة ثانوية دينية (SMKA)، وذلك في عام 1977. وانسجامًا مع الفكرة التي تبنتها الحكومة الماليزية لتحديث نظام التربية الوطنية، والتي أشرف على متابعتها وإنجازها تان سري داتو بادوكا الدكتور عبد الحميد عثمان، وداتو زين العابدين حاج عبد القادر (عزام شافي عزمان، 2017)، تم إعداد واعتماد منهج اللغة العربية للمدارس الثانوية، وفقًا لزين العابدين (1970)، وقد تم ذلك رسميًّا في عام 1977، وذلك مع إنشاء المدارس الثانوية الدينية في ماليزيا (SMKA).

هذا، وخلال السنوات الأربع الأُوَل من إنشاء هذا النوع من التعليم الديني، استندت عملية إعداد امتحانات المنهج العربي، إلى إجراءات الامتحان المعتمدة لدى مجلس الامتحانات الماليزي (LPM). غير أنه بحلول عام 1981، أصبح هناك نظام مستقل لعملية إعداد امتحانات المدارس الثانوية الدينية الماليزية، حيث أعدت إدارة التربية الإسلامية التابعة لوزارة التعليم الماليزية كلًّا من منهجَي اللغة العربية، الذي يخص أحدهما المدارس الثانوية الدينية الماليزية (SMKA)، ويخص الآخر إدارة تعليم اللغات الأجنبية، ومنها اللغة العربية. والمتأمل لمحتوى ذلك المنهج بعين الخبير، يلاحظ جليًّا اهتمامًا لا يخفى بالأدوات اللغوية، مثل القواعد الصرفية، والقواعد النحوية، وعلم الأصوات، والمفردات، وكان الهدف الجوهري من هذا المنهج هو إتقان الطالب لكل تلك الفروع والنبوغ فيها. أما من خلال الخطة الحديثة لمنهج تعليم وتعلم اللغة العربية، فمن المأمول أن يتمكن الطلبة من إتقان مهارات عدة، مثل الاستماع، والنطق، والقراءة، والكتابة. على أن تخدم هذه الأهداف الفرعية هدفًا جوهريًّا نهائيًّا، وهو التأكد من أن الطلبة قادرون على فهم الآيات القرآنية، والأحاديث النبوية (وزارة التعليم الماليزية، 2001).

حين أُطلق المنهج المتكامل للمدارس الثانوية (KBSM)، كان قد تم الانتهاء من إعداد الصياغة النهائية لمنهج اللغة العربية، ومن ثم طُبّق على جميع المدارس الثانوية الدينية الوطنية، والمدرسة الداخلية، وفصول التعليم الديني (KAA)، وكان ذلك في بداية عام 1991. وبعد ما يقرب من اثني عشر عامًا، وبالتحديد في عام 2011، تم إجراء التعديل الثاني على المناهج الوطنية الماليزية، فاستُبدل المنهج المتكامل للمدارس الثانوية الماليزية (KBSM)، بالمنهج القياسي للمدرسة الثانوية (KSSM). وهو ما أدى بدوره إلى تغيير نظام الامتحانات الماليزية، من نظام نموذج "الامتحان الكلي النهائي"، إلى نظام نموذج التقييم في السنة الثالثة (PT3)، وذلك بعد إتمام عملية اعتماد المقرر الدراسي الجديد.

فسابقا، كان لزامًا على طلبة المرحلة الابتدائية في المدارس الدينية الوطنية، اجتياز مرحلة التعلم الأكاديمي المزدوج، والتي تشمل: أولًا، المواد الأكاديمية الوطنية، وثانيًا، المواد الدينية، التي تضم القرآن، واللغة العربية، وفرض العين (KAFA)، وذلك حتى يكونوا مؤهلين للالتحاق بالمرحلة الثانوية.

وفي المرحلة الثانوية، كانت الطلبات المقدمة للالتحاق بالمدارس الثانوية الدينية الوطنية أو ما يسمي بـ(SMKA) كثيرة، إلا أن المقاعد المتاحة كانت محدودة. وقد أدت تلك الحالة من الإقبال الشديد وزيادة الطلب على الالتحاق بالمدارس الثانوية الدينية رغم قلة المقاعد، أدت إلى تفكير الحكومة الجاد في افتتاح فصول تعليم ديني داخل المدارس الوطنية، وقد عُرفت تلك الفصول بـ(KAA). وبناءً على ذلك، واعتبارًا من 30 من أبريل، عام 2018، تم افتتاح فصول دينية (KAA)، لدى 618 مدرسة ثانوية وطنية في جميع أنحاء ماليزيا.

مشكلة الدراسة

يتيح نظام التعليم الديني الماليزي (كاي.أيه.أيه – KAA)، تدريس كافة المواد الأكاديمية فضلا عن المواد العربية. ومن متطلبات الالتحاق به، حصول الطالب على تقدير (جيد) على الأقل، في كل من امتحانَي شهادة إتمام المرحلة الابتدائية، (يو.بي.أس.آر –

UPSR)، وشهادة التعليم الديني (كاي.أيه.أف.أيه – KAFA). غير أن المشكلة تنشأ عندما يلتحق الطلبة بالسنة الرابعة الثانوية، وذلك بعد إتمام 3 سنوات من الدراسة في نظام التعليم الديني (KAA)، وهي أنهم لا يرغبون في مواصلة دراستهم في الفصول الدينية. مع العلم بأن السنوات الثلاث التي قضوها في دراسة المواد الدينية والعربية غير كافية لتحقيق الهدف النهائي من هذا النوع من التعليم. وذلك وفقًا لإدارة التربية بكوالالمبور 2018. وجدير بالذكر أن هناك ما يؤيد هذه البيانات، حيث أظهرت الإحصائيات أن عدد الطلبة في السنة الثالثة الثانوية، في التعليم الديني (KAA)، قد بلغ 257 طالبًا. والمفاجأة أن 35 طالبًا فقط من هذه المجموعة، قد واصلوا دراستهم بالسنة الرابعة الثانوية الدينية (KAA)، بينما اختار الـ 122 طالبًا الآخرون المنهج الوطني.

ونظرا لأهمية اللغة العربية، فقد تم اتخاذ خطوات لمساعدة الطلبة على إتقانها، إلا أن قضية إتقان اللغة العربية كلغة أجنبية في ماليزيا، هي قضية قديمة جديدة، لا نهاية لها، بل أصبحت دائمًا موضع اهتمام صانعي السياسات، إلا أن إجادة الطلبة للغة العربية في جميع مراحل التعليم في ماليزيا، لا تزال في مستوى منخفض (أحمد حسن 2000).

وقد أكد عثمان خالد (1993) أن سبب ضعف إجادة اللغة العربية بين الطلبة يشمل أمورًا عدة، منها: طبيعة اهتمام الطلبة أنفسهم، وطريقة التعلم، ومواقف وتصورات الطلبة تجاه عملية تعلم اللغة العربية، وخصائص عملية تعليم وتعلم اللغة العربية في الصف. وهناك تباين حتى الآن بين عدة آراء حول أهمية عملية التواصل باللغة العربية كوسيلة للمساعدة على تعلمها، وهو تباين قلما نجده عند الحديث عن الاهتمام بالقواعد والقراءة في عملية تعلم اللغة العربية. لقد طرح (نيك رحيمي، وقمر الزمان 2000) في دراستهما، أن من سبل إنجاح عملية تعليم وتعلم اللغة العربية، أن يتم تدريس مادة التربية الإسلامية بها.

وإذا تناولنا مصطلح التصور (الاتجاهات)، فسنجد أنه عملية أو فعل تشتمل على إدراك الشخص تجاه منتج ما، ولا شك أن هذا الإدراك من شأنه أن يحدد مدى الإقبال أو الإحجام تجاه ذلك الشيء.(http://dictionary.reference.com/)، ومن هنا فإن الاتجاهات لدى الطلبة مهمة لتوجيه عملية تعلم اللغة العربية وتوظيفها في تلبية احتياجاتهم.

لقد ترك بعض الطلبة الذين حصلوا على درجة جيدة في اللغة العربية، تركوا دراسة المناهج الدينية معتقدين بعدم قدرتهم على إجادة وإتقان مادة اللغة العربية في السنوات الدراسية اللاحقة، وذلك ظنًّا منهم بأنه حتمًا ستكون محتويات هذه المادة أكثر صعوبة في المرحلة الثانوية العليا. وهو ما أثار قلقهم في احتمالية عدم تحقيق تقدير امتياز في مادة اللغة العربية، وهو ما سيؤثر سلبًا بدوره على النتيجة الإجمالية في الشهادة الثانوية الماليزية (SPM). وقد أفادت دراسة أجرتها (روسنيزا 1998)، أن معظم الطلبة لا يهتمون باللغة العربية؛ وذلك لأنهم يشعرون أنها غير مهمة بعد التخرج، وهي نظرة اقتصادية بحتة، حيث يرون أنه ليس للعربية تأثير على حياتهم المستقبلية سواء من الناحية الاقتصادية أو العملية بصفة عامة. كما أن هناك أيضًا طلبة يعتقدون أن اللغة العربية صعبة، وهو اعتقاد خطير؛ حيث تعلق هذه الفكرة في أذهان الطلبة لدرجة أنها قد توهمهم بأن هذا جزم لا شك فيه، وهو ما يؤثر سلبًا بالضرورة على تعلم العربية وفهمها.

إن المتابع لشأن تعلم اللغة العربية وتعليمها على الساحة الماليزية اليوم، يجد أن هناك العديد من الدراسات السابقة التي ركزت على مشكلات تعلم اللغة العربية من حيث الكلام والكتابة، ومن تلك الدراسات على سبيل المثال لا الحصر، دراسة (ناندانغ سريب هدايت)، في مجلة بعنوان "مشكلات تعلم اللغة العربية، 2012". وجدير بالذكر هنا أن الباحثة تريد أن تؤكد على أنه ليس الهدف من هذه الدراسة التعليق على الأوضاع الحالية حول تعليم الطلبة اللغة العربية؛ بل يكمن الهدف الحقيقي في البحث عن أسباب وكيفية التغلب على قضية انتقال طلبة السنة الثالثة من تيار الفصول الدينية (KAA)، إلى نظام التيار التعليمي الوطني. ومن أجل استقصاء هذه المشكلة وإيجاد حل ناجع لها، تهدف هذه الدراسة إلى تحديد مدى استعداد طلبة السنة الثالثة الثانوية، لمتابعة دراستهم للغة العربية في مستوى أعلى. ومن هنا سيخوض البحث في مناقشة التحديات التي يواجهها الطلبة في هذا الصدد، علاوةً على دراسة العوامل الداخلية والخارجية ذات الصلة بهذا الأمر، والتعليق عليها. كما تود الباحثة أن تنوه إلى أن هذه الدراسة

كذلك ستقدم مبحثًا حول القضايا المؤثرة في مواقف واتجاهات الطلبة نحو عملية تعلم اللغة العربية، مع تزويد الدراسة ببعض الخيارات التي تأمل الباحثة أن تمثل حلًّا لمشكلة تعلم الطلبة للغة العربية، بحيث تعمل تلك الخيارات على رفع مستوى الدافعية والاهتمام لديهم لمتابعة دراستهم العربية بهمة ونشاط.

أهداف الدراسة

تهدف هذه الدراسة إلى تحقيق الأهداف الآتية:

1- التعرف على اتجاهات الطلبة نحو عملية تعلم اللغة العربية.
2- الكشف عن رغبة الطلبة في تعلم اللغة العربية في المرحلة الثانوية العليا.
3- التعرف على أسباب إحجام الطلبة عن تعلم اللغة العربية.
4- الكشف عن مدى وجود علاقة ارتباطية بين اتجاهات الطلبة، ورغبتهم في تعلم اللغة العربية.

أسئلة الدراسة

تسعى هذه الدراسة إلى الإجابة عن الأسئلة الآتية:

1. ما اتجاهات الطلبة نحو عملية تعلم اللغة العربية؟
2. هل يرغب الطلبة في تعلم اللغة العربية بالمرحلة الثانوية العليا؟
3. ما أسباب إحجام الطلبة عن تعلم اللغة العربية بالمرحلة الثانوية العليا؟
4. هل هناك علاقة ارتباطية بين اتجاهات الطلبة، ورغبتهم في تعلم اللغة العربية؟

أهمية الدراسة

يسعى البحث إلى تحقيق الأمور الآتية:

1- إدراك المعلم لطبيعة مواقف واتجاهات الطلبة بخصوص تعلم اللغة العربية.
2- إدراك المعلم لاهتمام الطلبة، ومستوى رغبتهم في تعلم اللغة العربية، ومدى قدرتهم على تحقيق ذلك.
3- إطلاع وإقناع الطلبة بأهمية تعلم اللغة العربية، ولفت أنظارهم إلى طبيعة مستقبلهم الدراسي في ظل التيار التعليمي الديني.
4- تقديم يد العون للمعلم، من توجيه شامل، وإضاءات، حول تقنيات تصميم مهام وأنشطة تفيد في تحفيز الطلبة على دراسة اللغة العربية.
5- تأمل الباحثة أن تفيد نتائج هذه الدراسة صانعي القرار في تصميم خطط وبرامج علاجية ذات صلة بقضية تعليم وتعلم اللغة العربية في المدارس الماليزية.
6- جذب انتباه الطلبة لعملية تعلم اللغة العربية بالمرحلة الثانوية العليا.
7- توفير معلومات مهمة للمعلمين والأطراف ذات الصلة، بحيث قد تسهم تلك المعلومات في صياغة خيارات مناسبة لإيجاد حلول.

Abd. Khahar bin Saprani, Hapsah binti Majid, Zanariah binti Ibrahim, & Lokman bin Abd Wahid. (2018). Pedagogi terbeza : Keadilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, *11*, 1–17.

Abdul Rasid Jamian, & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *JPBM Malay Language Education Journal – MyLEJ*, *3*(2), 49–63.

Abu Bakar Nordin. (2013). Kurikulum ke arah penghasilan kemahiran berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, *1*(1), 10–18. http://www.slideshare.net/yatt87/jurnal-isu

Ahmad Taufik. (2019). Pengembangan Kurikulum Pendidikan Islam. *EL-Ghiroh*, *17*(02), 81–102. https://doi.org/10.37092/el-ghiroh.v17i02.106

Ali Tared Aldossari. (2018). The challenges of using the differentiated instruction strategy: A case study in the general education stages in Saudi Arabia. *International Education Studies*, *11*(4), 74. https://doi.org/10.5539/ies.v11n4p74

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tahun 4. In *Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bondie, R. S., Dahnke, C., & Zusho, A. (2019). How Does Changing "One-Size-Fits-All" to differentiated instruction affect teaching? *Review of Research in Education*, *43*(1), 336–362. https://doi.org/10.3102/0091732X18821130

Brigandi, C. B., Gilson, C. M., & Miller, M. (2019). Professional development and differentiated instruction in an elementary school pullout program: A gifted education case study. *Journal for the Education of the Gifted*, *42*(4). https://doi.org/10.1177/0162353219874418

Cathrine Binti Masingan, & Sabariah Bte Sharif. (2019). Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Guru Bukan Pengkhususan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ - SSH)*, *4*(6), 64–71.

Daniel Arif Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *10*(November), 29–42.

Eun-Seok Cha, H.Kim, K., & A.Erlen, J. (2007). Translation of scales in cross-cultural research: Issues and techniques. *Journal of Advanced Nursing*, *58*(4), 386–395. https://doi.org/10.1111/j.1365-2648.2007.04242.x

Gregory, G. H., & Chapman, C. (2013). *Differentiated instructional strategies: One size doesn't fit all* (third Edit). SAGE Publications Ltd.

Habibah@Artini Ramlie. (2017). *Pembangunan model profesionalisme guru pendidikan Islam berasaskan "Riadhah Ruhiyyah."* Universiti Malaya.

Hasnah Mohamed, Zaidatun Tasir, & Baharuddin Aris. (2014). Pengaruh gaya kognitif terhadap pencapaian pelajar. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik, Ogos*, 1–13.

Jahidih Saili, & Nurul Hamimi Awang Japilan Azmil Hashim. (2019). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Tajwid Al-Quran Dalam Kalangan Guru KKQ Di Lembah Klang. *The Online Journal of Islamic Education*, *7*(1), 36–45.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018a). *Info media, menjana maklumat pendidikan* (Issue 06).

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018b). Laporan tahunan 2018: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. *Kementerian Pendidikan Malaysia*, 1–96.

Maker, C. J., & Shiever, S. W. (2005). *Teaching models in education on the gifted* (3rd editio). Pro Ed.

Mazura binti Sulaiman, & Wak Chu a/p Wok. (2018). Tinjauan tentang pengetahuan dan penerimaan terhadap pengajaran berbeza dalam kalangan siswa pendidik program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. *Seminar Majlis Dekan MEDC2018 7-8 November 2018*, *November*.

Mengistie, S. M. (2020). Primary school teachers' knowledge, attitude and practice of differentiated instruction: The case of in- service teacher-trainees of Debre Markos College of teacher education, West Gojjam Zone, Amhara Region, Ethiopia. *International Journal of Curriculum and Instruction*, *12*(1), 98–114.

Muhamad Nanang Suprayogi, & Valcke, M. (2016). Differentiated instruction in primary schools: Implementation and challenges in Indonesia. *PONTE International Scientific Researchs Journal*, *72*(6), 1–18. https://doi.org/10.21506/j.ponte.2016.6.1

Mustapha Kamal Ahmad Kassim. (2015). *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang: kajian kaedah dan keberkesanannya* [Universiti Malaya]. http://studentsrepo.um.edu.my/5987/

Norma Jusoh, & Mohd Isa Hamzah. (2020). Kemahiran guru pendidikan Islam di sekolah rendah terhadap pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid: Satu analisa. *International Journal of Education and Pedagogy*, *2*(3), 1–26. http://myjms.moe.gov.my/index.php/ijeap

Normazidah Mahmood. (2012). *Penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah: satu penilaian*. Universiti Malaya.

Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd Editio). McGraw Hill.

Nurahimah Mohd Yusof, Mohd Izam Ghazali, & Mohd Isha Awang. (2017). Amalan pedagogi berpusatkan pelajar dan masalah yang dihadapi guru-guru pelatih program pensiswazahan guru untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan pelajar semasa praktikum. *Proceedings of the ICECRS*, *1*(1), 599–608. https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.531

Nurhijrah Zakaria, Zuria Mahmud, Mohd Mahzan Awang, Mohd Izham Mohd Hamzah, Ruhizan Mohamad Yasin, & Ramlee Mustapha. (2020). Pedagogi responsif budaya dalam pengajaran Sejarah untuk persekitaran pembelajaran bilik darjah pelbagai budaya. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, *March*.

Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin, & Asmawati Suhid. (2016). Pendekatan dan kaedah pengajaran ibadah solat guru Pendidikan Islam menurut perspektif murid. *Online Journal of Islamic Education*, *2*. https://ojie.um.edu.my/article/view/5231

Rosidah Ramli, & Nurahimah Mohd Yusoff. (2020). Pengaruh pengetahuan pedagogi kandungan terhadap amalan pedagogi terbeza guru-guru sekolah menengah zon Pantai

Timur Malaysia. *International Conference Teacher Education*, *II*(APRIL), 13.

Shulman, L. S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *American Educator*, *57*(1), 1–22.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Fatimah Sahida Abdurajak. (2018). Pengalaman pengajaran guru novis pendidikan Islam : Implikasi terhadap reka bentuk kurikulum latihan pendidikan guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *43*(1), 59–66.

Tomlinson, Carol Ann. (1999). *The differentiated classroom, responding to the needs of all learners*. http://www.ascd.org

Tomlinson, Carol Ann. (2008). The goals of differentiation. *Educational Leadership*, *66*(3), 26–30.

Tomlinson, Carol Ann. (2014). *The differentiated classroom: Responding to the needs of all learners* (2nd Editio). ASCD.

Tomlinson, Coral Ann. (2000). Reconcilable differences? Standards-based teaching and diffrentiaton. *Educational Leadership*.

Wan Ali Akbar Wan Abdullah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2018). Penggunaan Istilah Berfikir Berdasarkan Kandungan al-Quran. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.19

Wiersma, W. (2000). *Research method in education: An introduction* (7th editio). Allyn and Bacon.

Pembinaan Taksonomi Kerohanian; Inisiatif Awalan

Noor Hisham Md Nawi
hisham@umk.edu.my
Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRACT

Our national education system is inseparable with various taxonomies that focus on cognitive domain especially Bloom's Taxonomy. Though there are various other taxonomies, Bloom's Taxonomy is still dominant and widely used in the national education system from the lowest level of education up to HEI. This taxonomy has been criticized and does not provide a single guide to address the spiritual aspect. Krathwohl's taxonomy which focuses on the affective domain is not able to meet the learning needs of the spiritual domain as required by the National Education Philosophy which emphasizes balance and harmony between the physical, emotional, spiritual and intellectual domains (JERI). So far, there is no such taxonomy developed to help educators dealing with spiritual aspects such as Islamic education courses. This article aims to explore the need to develop a taxonomy based on the spiritual domain. By using an integrated research approach, the concept of spirituality-based taxonomy and its needs are explored based on the guidelines of revelation and related secondary sources. The findings indicate that spiritual taxonomy is an urgent need in the Islamic education system and shoud be developed immediately. The findings also suggest that the development of spiritual taxonomy can be combined with existing cognitive taxonomies in an integrated manner.
Keywords: Bloom's taxonomy, spiritual domain, integrated education, revelation

ABSTRAK

Sistem pendidikan negara seperti tidak dapat dipisahkan dengan pelbagai taksonomi yang berfokuskan kepada domain kognitif terutama Taksonomi Bloom. Meskipun terdapat pelbagai taksonomi lain, Taksonomi Bloom masih dominan dan digunakan secara meluas dalam sistem pendidikan negara dari peringkat pendidikan yang paling rendah sehingga ke IPT. Taksonomi ini telah banyak dikritik dan tidak menyediakan satu panduan untuk menangani aspek kerohanian. Taksonomi Krathwohl yang memberi fokus kepada domain afektif dilihat belum mampu untuk memenuhi keperluan pembelajaran domain kerohanian sebagaimana yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mementingkan keseimbangan dan keharmonian antara domain jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI). Setakat ini belum ada lagi satu taksonomi yang dibangunkan secara khusus untuk membantu warga pendidik menyantuni aspek kerohanian secara jelas seperti kursus atau matapelajaran pendidikan Islam. Artikel ini bertujuan untuk meneroka keperluan membangunkan satu taksonomi yang berasaskan kepada domain kerohanian di samping turut memanfaatkan taksonomi berasaskan kognitif. Dengan menggunakan pendekatan penyelidikan bersepadu, konsep taksonomi berasaskan kerohanian dan keperluannya diteroka berpandukan pedoman wahyu dan sumber-sumber sekunder yang berkaitan. Dapatan menunjukkan bahawa taksonomi kerohanian adalah satu keperluan mendesak dalam sistem pendidikan Islam dan perlu dibangunkan dengan kadar segera. Dapatan juga mencadangkan agar inisiatif pembangunannya digandingkan bersama dengan taksonomi kognitif sedia ada yang dilihat secara bersepadu.
Kata kunci: Taksonomi Bloom, domain kerohanian, pendidikan bersepadu, wahyu

PENDAHULUAN

Sebahagian besar sistem pendidikan di seluruh dunia termasuk dunia Islam menggunakan Taksonomi Bloom meskipun banyak lagi taksonomi lain yang dibangunkan seperti Taksonomi Marzano, Taksonomi Solo, Taksonomi Dave dan lain-lain. Tidak dinafikan bahawa Taksonomi Bloom banyak membantu pendidik khususnya dalam aspek pengurusan kurikulum dan mendapatkan penilaian dengan lebih tepat (Mike, 2013). Ramai penyelidik dalam pendidikan menyatakan bahawa kategori taksonomi yang dibangunkan oleh Bloom berguna sebagai satu rangka kerja untuk meneliti proses-proses pendidikan dan menganalisis peranannya.

Namun, kredibiliti Taksonomi Bloom sebagai objektif pendidikan seringkali dipersoalkan sejak awal penubuhannya. Taksonomi Bloom juga menerima banyak kritikan dari pelbagai pihak (Paul & Elder, 2006). Justeru, banyak semakan telah dilakukan untuk memperbaiki lagi fungsinya dalam pendidikan. Salah satu daripadanya ialah pengemaskinian yang dilakukan oleh Lorin Anderson bersama David Krathwohl pada tahun 1996 supaya lebih sesuai dengan peredaran masa dan abad ke-21. Pada tahun 2001, mereka telah menerbitkan hasil penyelidikan yang mengutarakan perubahan dalam tiga kategori iaitu istilah, struktur dan penekanan (Forehand, 2004).

PERMASALAHAN

Taksonomi Bloom adalah umpama kitab suci kepada semua fakulti pendidikan di Malaysia. Taksonomi juga digunakan di semua pusat pengajian tinggi khususnya dalam penggunalan sesuatu kurikulum. Malahan ia turut diaplikasikan dalam pengajian dan pendidikan Islam. Secara sepintas lalu, taksonomi ini dilihat tiada masalah dengan pandangan alam Islam sehingga ia dimanfaatkan dalam tempoh masa yang lama tanpa sebarang kritikan dan bantahan. Siapakah Profesor Benjamin Samuel Bloom yang bertanggungjawab memperkenalkan taksonomi tersebut? Bloom adalah Bapa Reformasi Kurikulum Israel. Beliau adalah seorang psikologi dalam bidang pendidikan yang melakukan penelitian dan pengembangan mengenai kemampuan berfikir dalam proses pembelajaran. Beliau juga sebagai perunding dan aktivis antarabangsa dalam bidang pendidikan dan berjaya membuat perubahan besar dalam sistem pendidikan di India. Bloom meninggal dunia pada 13 September 1999.

Idea beliau tentang Taksonomi Bloom telah dikritik oleh pelbagai pihak meskipun telah melalui beberapa semakan. Sebagai contoh, Taksonomi Bloom tidak mempunyai pengelasan hierarki yang konsisten menyebabkan berlakunya pertindihan kategori dan struktur hierarki yang tidak harmoni (Gueguen, 2016). Selain itu, pendidik juga mempunyai pandangan dan kefahaman yang berbeza pada setiap aras. Ini menyebabkan penilaian yang berasaskan aras kognitif taksonomi Bloom tidak dapat dibuktikan secara tepat. Brenda Sugrue dalam kajiannya bertajuk *Problems with Bloom's Taxonomy* mengkritik penggunaan Taksonomi Bloom yang tidak sesuai dengan sistem pendidikan terkini. Walaupun Taksonomi Bloom telah melalui fasa semakan semula, ia masih kekal bermasalah (Gueguen, 2016; Hess, 2009; Marzano & Kendall, 2007; Pandora, 2014). Ini bermakna Taksonomi tersebut tidak pernah sunyi dari kritikan dan komen.

Bagaimana pula dengan tokoh-tokoh pendidikan Islam. Setakat ini tidak banyak yang memberi kritikan dan mencadangkan alternatif baharu untuk menggantikan taksonomi tersebut. Benarkah Taksonomi Blomm serasi dengan falsafah pendidikan Islam atau konsep ilmu dalam Islam atau konsep insan dalam Islam. Bagaimana Taksonomi tersebut boleh membantu untuk mencapai matlamat ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah? Setakat mana Taksonomi Bloom boleh membantu untuk mencapai objektif kerohanian yang menjadi matlamat utama kepada sebahagian besar kandungan pendidikan Islam? Kesemua isu-isu ini menjadikan Taksonomi Bloom perlu disemak kembali akan kesesuaiannya dengan konsep atau

sistem pendidikan Islam? Mungkin juga sudah tiba masanya umat Islam mempunyai taksonomi pendidikan baharu yang lebih serasi dengan ruh dan matlamat pendidikan Islam.

KAJIAN LITERATUR

Taksonomi Bloom

Taksonomi berasal dari dua kata dalam bahasa Yunani, iaitu *'tassein'* yang bermakna mengklasifikasi dan 'nomos' yang berarti aturan. Jadi taksonomi berarti hierarki klasifikasi berasaskan prinsip atau aturan. Istilah ini kemudian digunakan oleh Benjamin Samuel Bloom, seorang pakar dalam bidang psikologi pendidikan yang melakukan penyelidikan mengenai kemampuan berfikir dalam proses pembelajaran. Menurut Bloom (1964), taksonomi bermaksud satu set pengelasan yang disusun dan disesuaikan atas dasar yang konsisten. Taksonomi juga merupakan sistem pengelasan objektif pendidikan yang didefinisikan dengan seberapa tepat yang mungkin serta disusun daripada konsep yang ringkas kepada yang kompleks. Susunan ini bertujuan untuk memudahkan guru untuk menentukan tahap penguasaan murid mereka.

Bermula pada tahun 1948, di Boston, Amerika Syarikat, sekumpulan ahli psikologi telah berbincang tentang kesulitan melaksanakan penilaian dalam pendidikan. Hal ini disebabkan oleh tiadanya rangka rujukan yang dipersetujui bersama semasa menilai aspek-aspek yang terdapat dalam bidang tersebut. Objektif pendidikan seringkali dinyatakan sebagai ungkapan yang menjemukan dan *klise* yang tidak bermakna seperti ungkapan berfikir' atau 'memahami'. Kekaburan ini menyebabkan berlaku ketidakseragaman dalam menyediakan pengalaman pembelajaran dan instumen penilaian kepada murid yang terlibat. Dalam satu persidangan Psikologi di Amerika Syarikat pada awal tahun 1950an, Bloom dan kawan-kawannya telah mengemukakan bahawa peratusan tertinggi dari hasil penilaian pelajar hanya tertumpu kepada aspek hafalan semata-mata. Sedangkan aspek hafalan sebenarnya adalah tahap paling rendah dalam kemampuan pelajar berfikir. Akhirnya pada tahun 1956, Bloom, Englehart, Furst, Hill dan Krathwohl berhasil mengenalkan kerangka konsep kemampuan berpikir yang dinamakan Taxonomy Bloom.

Pembangunan Taksonomi Bloom

Pada tahun 1956, Bloom telah menyunting sebuah buku berjudul *Taxonomy of Educational Objectives Book 1 – Cognitive Domain* yang mencadangkan pengelasan objektif domain kognitif kepada enam komponen. Enam komponen ini adalah pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Enam komponen ini disusun berdasarkan hierarki daripada yang paling mudah kepada yang paling susah dan dikenali sebagai Taksonomi Bloom. Komponen pengetahuan melibatkan murid mengingat kembali perkara khusus dan sejagat. Manakala komponen kefahaman melibatkan murid menggunakan bahan yang dikomunikasikan tanpa perlu menghubungkannya dengan bahan lain. Komponen aplikasi pula melibatkan murid menggunakan apa yang telah dipelajari dalam satu situasi baharu yang khusus. Sementara komponen analisis pula melibatkan pemecahan sesuatu perkara kepada bahagian-bahagian kecil. Komponen sintesis mengajak murid untuk menggabungkan pelbagai unsur supaya membentuk satu keseluruhan atau kesimpulan. Komponen terakhir adalah penilaian di mana murid akan menggunakan pertimbangan kualitatif dan/atau kuantitatif untuk sesuatu kriteria yang telah ditetapkan.

Di samping domain kognitif, taksonomi tersebut juga memberi perhatian kepada domain lain iaitu afektif dan psikomotor. Objektif domain kognitif merupakan objektif yang memberi penumpuan kepada aspek pemikiran yang melibatkan akal. Manakala objektif

domain afektif pula memfokuskan perasaan atau emosi, minat, sikap dan apresiasi serta nilai. Objektif domain psikomotor pula menekankan kemahiran otot dalam mengendalikan objek atau tindakan yang memerlukan koordinasi otot. Ahli psikologi berpendapat bahawa tidak ada satu objektif pendidikan pun yang mempunyai hanya satu jenis domain khusus. Sebagai contohnya, jika kita menguji objektif kognitif, di dalamnya juga terdapat elemen afektif dan elemen psikomotor. Pembinaan ketiga-tiga domain ini hanya untuk memudahkan ahli psikologi memberikan penekanan terhadap domain yang paling dominan atau yang dikehendaki dalam sesuatu penilaian.

Taksonomi Yang Diubah Suai

Pada bulan November 1996, Lorin Anderson yang merupakan anak murid Bloom bersama David Krathwohl telah mengetuai usaha untuk mengemaskinikan Taksonomi Bloom. Usaha ini didasarkan dengan harapan agar dapat menambah baik taksonomi tersebut sesuai dengan peredaran masa dan abad ke-21. Ahli-ahlinya adalah terdiri daripada pakar psikologi kognitif, pakar teori kurikulum, pemimpin pendidikan serta pakar pengujian dan pentaksiran. Usaha ini telah berlangsung selama enam tahun. Akhirnya pada tahun 2001, mereka telah menerbitkan hasil penyelidikan yang mengutarakan perubahan dalam tiga kategori iaitu istilah, struktur dan penekanan (Forehand, 2004).

Perubahan yang paling ketara adalah perubahan istilah yang digunakan iaitu daripada kata nama (pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian) kepada kata kerja (mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta). Perubahan ini adalah berdasarkan pendapat bahawa taksonomi ini merupakan satu proses yang aktif. Oleh itu kata kerja lebih sesuai digunakan kerana cirinya yang menjelaskan tentang tindakan yang dibuat. Daripada segi istilah juga, perkataan 'pengetahuan' telah diubah kepada 'mengingat'. Istilah 'kefahaman' pula diubah kepada 'memahami'. Sementara itu, 'sintesis' diubah kepada 'mencipta'. Dalam hal ini, versi yang lama meletakkan 'sintesis' di bawah 'penilaian' dalam hierarki taksonomi. Manakala bagi versi disemak semula, 'mencipta' merupakan puncak bagi hierarki tersebut. Dalam hal yang berkaitan, berfikir secara kreatif (mencipta) adalah lebih kompleks daripada berfikir secara kritikal (menilai). Perubahan keseluruhan tersebut boleh dilihat pada rajah berikut.

Rajah 1. Perubahan taksonomi Bloom
Sumber : Pohl, 2000, Learning to think, thinking to learn, ms.8

Perubahan kedua ialah perubahan yang berlaku pada struktur. Taksonomi Bloom lama mempunyai satu dimensi. Manakala versi yang disemak semula terdiri daripada dua dimensi iaitu dimensi pengetahuan dan dimensi proses kognitif. Dimensi pengetahuan memfokuskan

kepada jenis pengetahuan yang dipelajari dalam empat bentuk iaitu pengetahuan fakta, konsep, prosedur dan metakognitif. Dalam hal ini, metakognitif merujuk kepada kesedaran terhadap kefahaman diri dan mampu memperbaiki kefahaman tersebut jika berlaku kesalahfahaman. Sementara itu, dimensi proses kognitif memfokuskan kepada proses yang digunakan untuk belajar iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Jadual 2 di bawah menunjukkan hal ini.

Jadual 1. Taksonomi Bloom yang disemak semula

Dimensi Pengetahuan	**Dimensi Proses Kognitif**					
	Mengingat	**Memahami**	**Mengaplikasi**	**Menganalisis**	**Menilai**	**Mencipta**
Pengetahuan fakta	Senarai	Ringkaskan	Klasifikasi	Aturan	Susunan	Gabungkan
Pengetahuan konsep	Terangkan	Interpret*t*	Eksperimen	Hurai	Taksir	Rancangkan
Pengetahuan proses	Bentangkan	Ramalkan	Hitungkan	Bezakan	Simpulkan	Gubah
Pengetahuan meta-kognitif	Kegunaan sesuai	Laksanakan	Binakan	Rumuskan	Tindakan	Wujudkan

Perubahan ketiga ialah pada penekanan taksonomi tersebut. Taksonomi Bloom yang lama sesuai digunakan bagi murid di peringkat awal persekolahan. Manakala taksonomi yang disemak semula sesuai diaplikasikan untuk murid di sekolah rendah dan menengah serta pelajar di universiti atau kolej.

Roh dan Kerohanian

Perkataan roh atau al-ruh berasal dari bahasa Arab. Penggunaan perkataan al-ruh lebih banyak merujuk kepada nafas dan juga sesuatu yang menyebabkan hidup, bergerak, memperoleh manfaat dan juga mengelak daripada kemudharatan. Kalimah al-ruh mempunyai pelbagai makna. Al-ruh boleh diertikan dengan makna nyawa, malaikat Jibril, hembusan angin, Nabi 'Isa al-Masih, kalam Allah dan rahmat Allah. Di dalam Bahasa Melayu, al-ruh diungkapkan sebagai roh. Roh ialah bahagian dalam manusia yang mempunyai daya berfikir (berperasaan, berkemahuan), jiwa dan juga benda hidup tidak berjasad yang berfikiran dan berperasaan (malaikat, jin, syaitan dan lain-lain) dan kiasan kepada semangat dan jiwa. Dalam konteks al-ruh sebagai sesuatu yang menyebabkan jasad hidup, bergerak, memperolehi manfaat dan juga mengelak daripada kemudharatan, al-ruh dibahagikan kepada roh insani dan roh hayawani. Menurut Said Hawwa (2010), roh insani ditakrifkan dengan suatu unsur halus yang dapat mengetahui dan memperolehi ilmu, dimiliki oleh manusia, yang terdiri daripada roh hayawani yang membuatkan akal menjadi lemah daripada mengetahui hakikat roh tersebut. Roh hayawani ditakrifkan sebagai satu jisim yang halus, tempatnya ialah di ruang kosong hati, dan beredar ke seluruh badan melalui saluran-saluran darah.

Aspek jasad manusia berbentuk material diciptakan daripada tanah atau air mani, sedangkan roh bersifat non-material ialah ‘sesuatu’ yang didatangkan langsung daripada Allah SWT. Imam al-Ghazali (1988) mencatatkan unsur non-material atau kerohanian dalam diri manusia terangkum dalam istilah yang bukan hanya tertumpu kepada istilah roh, bahkan qalbu, nafs dan akal yang menjadi hakikat sejati diri mereka. Dalam penggunaan istilah oleh al-Ghazali itu - roh, nafs, qalb dan ‘aql - boleh ditukar ganti yang keempat-empatnya merujuk kepada apa diungkapkan imam besar berkenaan sebagai latifah rabbaniyyah ruhaniyyah yang bersifat ‘alimah mudrakah yang terdapat dalam diri manusia dan hakikat sejati mereka. Atas

sebab kewujudan aspek kerohanian itu, manusia menerima kebertanggungjawaban (taklif) di dunia.

Justeru, non-material roh atau kerohanian itu ialah aspek amat penting dalam keseluruhan diri manusia dan inti sari diri serta ciri peribadi mereka. Ia bukan asing atau hanya ditampal, sebaliknya menjadi pusat hidup dan pusat segala kegiatan mereka. Oleh itu, perlulah difahami aspek material ataupun jasad manusia dijadikan tidak lebih sebagai alat tunggangan roh, iaitu jasad dijadikan untuk kepentingan roh, bukan sebaliknya. Menerusi aspek non-material, manusia sebagai makhluk Allah SWT terbaik sebenarnya sudah sedia mengakui-Nya sebagai Tuhan mereka seperti terungkap dalam firman-Nya: *"Bukankah Aku Tuhan kamu? Mereka semua menjawab: Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi."* (Al-A'raf: 172)

Ayat ini perakuan dibuat manusia terhadap Ketuhanan Tuhan berlaku dalam alam al-arwah (roh) yang berada dalam ilmu Allah SWT dan tidak disedari manusia sebagai manusia yang hidup di alam nyata. Imam al-Junaid al-Baghdadi menjelaskan bahawa kewujudan manusia terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama merujuk kewujudan bersifat suci dan mempunyai hubungan langsung dengan Tuhan tanpa dibatasi sebarang hijab sebelum kedatangan mereka ke alam dunia ini. Dalam keadaan itu, arwah atau nufus manusia secara tegas memperakui keesaan Tuhan apabila ditanyakan 'alastu bi Rabbikum'. Selepas itu, tiba peringkat kedua yang merujuk kewujudan manusia di atas dunia fana. Peringkat ini disempurnakan bersama jasad, lalu manusia menjadi sibuk dengan urusan memenuhi pelbagai tuntutan dan kemahuan jasad yang kesemuanya bersifat kebendaan. Dalam keadaan itu, manusia umumnya menjadi lalai kepada 'perjanjian' semasa di alam roh. Hidup dalam perangkap kelalaian dan manusia tidak lagi ingat kepada Tuhan. Pada ketika ini , aspek roh tersisih dan tidak diberi perhatian dalam agenda hidup seharian.

Atas sebab kewujudan aspek non-material, manusia disediakan dalam diri potensi sama ada menjadi baik ataupun sebaliknya seperti dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Shams, ayat 7 hingga 10. Potensi kerohanian, iaitu al-nafs memiliki dwi-dimensi, iaitu boleh membawa ke arah kejahatan (fujur) dan takwa. Aspek fujur dan takwa sudah sedia tersemai di dasar diri manusia dalam bentuk potensi. Orang yang membersihkan dirinya dengan kerja ketakwaan akan beroleh kejayaan, manakala mereka yang mengotorinya dengan kejahatan (fujur) akan menempah kehampaan dan kekecewaan.

Penjelasan al-Quran itu menunjukkan roh maha penting dalam keseluruhan diri manusia, bukannya jasad atau aspek benda. Justeru, di sini jelas tertayang kesilapan kebanyakan manusia yang mengutamakan secara berlebihan terhadap jasad sehingga menjadikan mereka luar biasa sibuk dengan aspek keduniaan seperti kosmetik, fesyen dan sukan. Dalam suasana ini, roh diabaikan sehingga menimbulkan pelbagai bentuk krisis kerohanian seperti kerosakan akhlak, kehilangan ketenangan dan kedamaian hidup kerana mereka sebenarnya sedang melawan dan bertempur dengan tabii diri sendiri. Keadaan ini boleh diperhatikan dalam kehidupan sebahagian besar umat Islam. Mereka tidak memahami kedudukan dan peranan roh dalam keseluruhan kehidupan seperti terkandung dalam Islam. Mereka gagal mengenali diri sendiri, lalu terperangkap dalam kealpaan dan hanyut dalam pengembangan potensi fujur. Inilah punca atau penyebab utama kepada perlakuan akhlak keji dalam kalangan umat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini menggunakan kaedah penyelidikan bersepadu yang mengiktiraf semua sumber ilmu yang diiktiraf dalam tradisi Islam secara berhieraki dan menyepadukan sumber naqli dan aqli dengan menjadikan pedoman wahyu sebagai teras dan pemutus. Secara lebih tepat, kaedah penyelidikan bersepadu adalah suatu usaha mencari jawapan dan kebenaran kepada sesuatu

persoalan dengan menggunakan kaedah yang sistematik, boleh dipercayai dan sah serta berdasarkan bukti-bukti yang sahih sama ada bersifat empirikal (pengalaman), rasional (hujah aqliyah) mahupun hujah naqliyah yang berada dalam kerangka mematuhi tasawwur Islam atau pandangan alam Islam (Noor Hisham 2018). Dalam penulisan ini, kerangka pendidikan bersepadu yang diaplikasikan ialah gabungan kaedah penyelidikan turath Islami dengan merujuk kepada pedoman wahyu dan kaedah perpustakaan.

Kajian turath dalam penulisan ini adalah dengan merujuk kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan manusia dan pendidikan serta hubungannya dengan aspek kerohanian. Dalam konteks ini, ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema roh dan penyucian jiwa dikumpulkan untuk difahami makna dan hubungan antara setiap satunya. Manakala kaedah perpustakaan pula digunakan untuk mengumpul penulisan primer dan sekunder mengenai Taksonomi Bloom yang dikupas dari pelbagai aspek dan satu karya besar dalam aspek pendidikan kerohanian iaitu Pendidikan Spiritual oleh Said Hawwa. Penulisan ini akan dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif secara analisis-sintesis dan deduktif-induktif. Pendekatan deskriptif secara analisis-sintesis digunakan untuk melihat Taksonomi Bloom secara kritikal dan analitikal untuk mengesan kekuatan dan kelemahannya. Manakala pendekatan deskriptif secara deduktif-induktif pula diaplikasikan untuk menghasilkan rumusan domain taksonomi kerohanian sebagai cadangan penambahbaikan kepada taksonomi Bloom. Kesemua data atau penulisan yang terkumpul dianalisis menggunakan kerangka rujukan pandangan alam Islam berpaksikan prinsip tauhid. Menurut Mohammad Rafiuddin (1999), hasil yang diperolehi dari kaedah penyelidikan bersepadu seharusnya tidak bertentangan dengan pedoman wahyu, memberi manfaat dan tidak memudaratkan serta mendekatkan manusia kepada Tuhan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dari dulu sehingga kini, manusia tidak berhenti mengkaji tentang kejadian dirinya dari pelbagai sudut. Para ilmuwan, filsuf dan agamawan berbicara mengenai manusia berabad-abad lamanya . Sesungguhnya manusia adalah satu makhluk Tuhan yang unik dan kompleks. Manusia boleh dilihat sebagai makhluk Tuhan, makhluk individu, makhluk sosial, makhluk berbudaya dan makhluk etika. Manusia dalam al-Quran dinamakan sebagai insan. Dalam al-Quran, terdapat enam puluh lima kali dengan sebutan *al-insan*, dua ratus empat puluh kali dengan *al-nas* dan lapan belas kali dengan sebutan *al-ins* (Wan Mohd Nor 1994). Al-Syaibani (1991) menyebut tiga hal utama tentang manusia iaitu :

1. Insan itu dijadikan dari *'alaq* (segumpal darah)
2. Insan itu mempunyai daya untuk berilmu.
3. Insan itu boleh menjadi diktator apabila dia bersifat bongkak dan merasa tidak perlu lagi kepada penciptanya atau menurut ajaran penciptanya.

Al-Quran menyatakan penciptaan manusia dalam dua tahap yang berbeza. Tahap pertama ialah tahap primordial (6:2; 15:26, 28-29; 23:12; 30:20; 55:14). Tahap kedua ialah proses biologi yang dapat difahami dari pengalaman dan sains (86:5-8). Manusia adalah makhluk yang paling mulia dalam kalangan segala makhluk (17:70). Mulianya manusia kerana dia dipersiapkan oleh Allah dengan ilmu yang diajarkan sendiri oleh Allah (2:31; 96:5) sehingga dengan keilmuannya para malaikat tunduk hormat kepadanya (2:34). Manusia adalah makhluk yang hebat kerana kejadiannya yang terdiri dari dua dimensi rohaniah-jasmaniah, dikurniakan potensi untuk membezakan antara yang baik dan buruk dan mempunyai kemampuan untuk membuat pilihan (90:10; 91:8). Dengan itu, manusia diberi pertanggungjawaban (6:54; 42:52) dan ditundukkan alam ini kepadanya demi untuk kesejahteraannya (2:29; 31:20; 16:8, 11-12; 14:32-34).

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, manusia itu terdiri daripada empat unsur iaitu intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pernyataan falsafah juga menyatakan bahawa keempat-empat unsur atau potensi ini perlu dikembangkan secara menyeluruh dan bersepadu untuk menghasilkan insan yang seimbang dan harmonis. Dengan ini jelas bahawa konsep manusia di dalam negara difahami sebagai satu makhluk yang berjasad, beremosi, mempunyai roh dan juga memiliki intelek.

Pada asasnya, para pendidik muslim perlu memiliki taksonomi pendidikan meliputi kesemua domain tersebut iaitu aspek kemahiran fizikal (psikomotor), kebolehan berfikir (kognitif), kedalaman tatasusilaan nilai (afektif) dan kekuatan sistem kepercayaan dan kejernihan jiwa (kerohanian). Daripada keempat-empat aspek tersebut, domain kerohanian adalah yang terpenting kerana di sinilah terletaknya sistem kepercayaan manusia yang terkandung di dalamnya prinsip-prinsip kehidupan terpenting dan sangat diyakini sehingga mempengaruhi sebarang pembuatan keputusan di dalam kehidupannya. Aspek ini tetap menjadi satu keperluan dalam kehidupan meskipun manusia mengabaikannya atau menekannya agar tidak muncul dalam pentas kehidupan.

Rohani dan kerohanian manusia sangat berkait rapat dengan aspek hati dan jiwa. Hati inilah yang diungkapkan oleh Rasulullah SAW sebagai potensi yang menentukan pilihan hidup manusia. Sabda Rasulullah yang bermaksud : " Ketahuilah, sesungguhnya dalam jasad terdapat segumpal daging, apabila dia baik maka jasad keseluruhan akan menjadi baik, dan sebaliknya apabila dia buruk maka jasad tersebut akan menjadi buruk. Ketahuilah segumpal daging tersebut adalah "qalbu". (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hati sebagai sumber ilmu dan wasilah untuk berfikir banyak dibincangkan oleh para sufi dan ahli tasawuf. Ahli sufi memberi pengertian kepada makna hati (al-qalbu) sebagai substansi yang halus, bukan material, dan berfungsi untuk mengenal hakikat segala sesuatu serta memiliki kemampuan untuk merefleksikan sesuatu. Kemampuan hati dalam memantulkan sesuatu hakikat bergantung kepada sifat hati itu sendiri sesuai dengan pengaruh pancaindera, syahwat, maksiat dan cinta. Kaum sufi menjadikan hati sebagai tempat makrifat dan medianya kerana mereka berpandangan perasaan dan akal seringkali tertipu. Menurut al-Najjar (2001), hati adalah isim jami' (sebuah istilah yang meliputi) yang di dalamnya terdapat keseluruhan tingkatan batin manusia.

Berdasarkan kepada kefahaman sebelumnya, Taksonomi Bloom yang berfokuskan domain kognitif tidak memadai untuk membantu guru-guru muslim melaksanakan tanggungjawabnya sebagai muallim atau murabbi. Taksonomi Bloom tidak mengambil kira potensi hati yang melibatkan aspek kerohanian, zikir dan penyucian jiwa. Meskipun Taksonomi Bloom mengiktiraf domain afektif yang dilihat dekat dengan konsep akhlak dan nilai, ia tidak menyentuh aspek kerohanian yang berkait dengan ketuhanan, jiwa dan hati yang dianggap penting dalam sistem pendidikan Islam. Hal ini menjadi lebih ketara dalam mata pelajaran yang melibatkan komponen ilmu fardhu ain atau pendidikan Islam yang melibatkan aspek kefahaman, amalan dan penghayatan. Konsep penilaian yang digunakan oleh para guru pendidikan Islam banyak tertumpu kepada domain kognitif atau kefahaman berbanding aspek-aspek yang lain. Justru, bukanlah sesuatu yang ajaib jika pelajar muslim mendapat keputusan cemerlang dalam mata pelajaran pendidikan Islam tetapi tidak mengerjakan solat atau tidak menunjukkan akhlak yang sepatutnya.

Pembinaan Kerangka Awal Taksonomi Kerohanian

Berdasarkan latar perbincangan sebelumnya, konsep Taksonomi Bloom tidak lagi memadai untuk mencapai matlamat pendidikan Islam untuk melahirkan insan yang soleh dan muslih. Justeru, pembinaan taksonomi kerohanian adalah fundamental dan keperluan yang mendesak dalam sistem pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, pembinaan taksonomi kerohanian yang

mantap dan boleh dipertanggungjawabkan adalah satu perkara yang rumit dan memerlukan penyelidikan yang rapi. Dalan ruangan yang terbatas, penulisan ini hanya berusaha untuk membina kerangka awal sahaja untuk membolehkan taksonomi kerohanian yang tepat dapat dihasilkan pada masa hadapan. Sehingga ke hari ini, taksonomi kerohanian belum lagi dihasilkan oleh mana-mana pihak kerana hal ehwal kerohanian adalah sesuatu yang amat kompleks dan halus.

Berdasarkan dapatan awal yang diperolehi, penulis mengambil pendirian bahawa pembinaan taksonomi kerohanian perlu bermula dengan penelitian tentang makna, konsep dan konstruk utama atau tema penting yang membentuk domain tersebut. Adalah diakui bahawa roh adalah sesuatu yang sangat sukar untuk dicerap, diteliti dan dikaji kerana ia bersifat metafizik. Berpandukan satu karya besar yang dihasilkan oleh Said Hawwa iaitu Pendidikan Spiritual, penulis berusaha mencerakinkan pengertian domain kerohanian dalam konteks pendidikan sebagaimana berikut :

> Kerohanian adalah merujuk kepada hal ehwal atau unsur yang berteraskan kepercayaan atau keimanan kepada Allah dengan menjadikan ajaran Islam (al-din) sebagai asas kepada pembinaan sistem kehidupan. Berdasarkan nilai dan kepercayaan tersebut, seseorang muslim memiliki tasawwur Islam yang benar, visi dan misi hidup (ubudiyyah dan istikhlaf) yang jelas, mempunyai hati yang bersih atau baik, mengamalkan ibadah wajib (rukun Islam) secara konsisten dan menunjukkan budi pekerti atau keperibadian yang tinggi.

Berdasarkan pengertian dan kata kunci tersebut, kerangka domain taksonomi kerohanian bagi umat Islam adalah dicadangkan sebagaimana berikut :

1. Nilai kepercayaan kepada Allah dan ingatan kepadaNya (prinsip tauhid)
2. Kefahaman agama (Tasawwur Islam)
3. Pemilikan prinsip, visi dan misi kehidupan yang bersambungan dengan ajaran atau nilai agama
4. Keadaan hati / atau tahap nafsu (kebersihan hati dan pertarungan antara nilai baik dan jahat)
5. Pengamalan ibadah utama (solat)
6. Tingkahlaku atau akhlak (kualiti peribadi)

Perlu ditegaskan bahawa domain kerohanian yang dicadangkan dalam penulisan ini bukan hak eksklusif untuk orang Islam sahaja. Ini kerana domain kerohanian sebenarnya wujud pada semua manusia sejagat meskipun mereka tidak mengakui atau mengabaikannya. Jika ciri-ciri sebelumnya adalah merujuk kepada umat Islam, pengertian domain kerohanian perlu diubahsuai sedikit supaya sesuai dan boleh diaplikasi kepada semua pelajar tanpa mengira sistem kepercayaannya sebagaimana berikut :

> Domain kerohanian adalah merujuk kepada hal ehwal atau unsur yang berteraskan kepercayaan kepada Tuhan dan menjadikan agama atau sistem kepercayaan sebagai asas kepada pembinaan kehidupan. Berdasarkan nilai dan kepercayaan tersebut, seseorang memiliki sekelompok prinsip, visi dan misi kehidupan tertentu, mempunyai hati yang bersih atau baik, mengamalkan ritual agama secara konsisten dan menunjukkan budi pekerti atau keperibadian yang mulia.

Berdasarkan pengertian tersebut, seseorang individu itu mempunyai domain kerohanian yang tinggi jika dia memiliki ciri-ciri berikut:

1. Memiliki nilai kepercayaan yang teguh kepada Tuhan dan memberi impak kepada kehidupannya.
2. Memiliki pengetahuan yang jelas tentang agama atau sistem kepercayaan hidup.
3. Memiliki prinsip, visi dan misi kehidupan yang bersambungan dengan sistem kepercayaan.

4. Memiliki hati yang baik lagi bersih
5. Mengamalkan ritual agama secara konsisten
6. Mengamalkan cara hidup yang sihat dan berbudipekerti mulia

Cadangan konstruk atau tema besar domain kerohanian ini adalah usaha atau inisiatif awalan untuk membina taksonomi kerohanian yang tepat pada masa hadapan. Pembinaan taksonomi kerohanian tidak bermaksud untuk menafikan sumbangan Taksonom Bloom yang berfokuskan kognitif dalam bidang pendidikan. Walau bagaimanapun, sikap berpada dengan taksonomi tersebut adalah tidak tepat kerana ia menafikan aspek kerohanian yang jauh lebih penting dan bermakna.

RUMUSAN

Penulisan ini membuktikan bahawa Taksonomi Bloom yang diamalkan dalam sistem pendidikan umat Islam hari ini tidak memadai kerana ia mengabaikan satu aspek penting dalam diri manusia iaitu domain kerohanian. Kelemahan ini tidak bermaksud supaya pendidik muslim terus membuang atau meninggalkan taksonomi tersebut tetapi berusaha mengatasinya dengan membina taksonomi rohani yang bukan hanya diperlukan oleh pelajar muslim bahkan manusia sejagat. Penulisan ini hanyalah inisiatif awalan untuk membina taksonomi bagi domain rohani tersebut.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Abu Muhammad Iqbal. (2015). *Pemikiran pendidikan Islam ; gagasan-gagasan besar para ilmuwan muslim.* Yogyakarta : Pustaka Pelajar

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1986). *A commentary on the Hujjat al-Shiddiq of Nur al-Din al-Raniri.* Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1999). *The concept of education in Islam.* Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

Al-Najjar, Amir. (2001). Ilmu jiwa dalam tasawwuf. Terj. Drs. Hasan Abrori. Jakarta: Pustaka Azzam.

al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumi.(1991). *Falsafah pendidikan Islam.* Terj. Hasan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.

Anderson, L. W., Krathwohl, D. R., Airasian, P. W., Cruikshank, K. A., Mayer, R. E., Pintrich, P. R.,Wittrock, M. C. (2000). *A Taxonomy For Learning, Teaching, And Assessing: A Revision Of Bloom's Taxonomy Of Educational Objectives.* New York Longman, V(4), 302.

Anderson, L.W, & Krathwohl, D.R. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Longman

Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of educational objectives - book 1 cognitive domain*. London: Longman Group Limited.

Bloom, B. S., Krathwohl, D. R. & Masia, B. B. (1964). *Taxonomy of educational objectives - book 2 affective domain*. London: Longman Group Limited.

Dixon, C. S., Wright, V. H., Co-chair, C., Wilson, E. K., Co-chair, C., Rice, M., Matherson, L. (2015). *A Case Study Of One Middle School Labeled Failing : Perceptions Of The Impact Of Strategic*.

Forehand, M. (2004). *Bloom's taxonomy: from emerging perspectives on learning, teaching and technology*. http://projects.coe.uga.edu [1 September 2020].

Furst, E. J. (1981). *Bloom's Taxonomy of Educational Objectives for the Cognitive Domain: Philosophical and Educational Issues*. Review of Educational Research Winter, 51(4), 441–453.

al-Ghazali (1988). *Ihya ulumuddin. Kitab ilmu.* Terj. Ismail Yakub. Jil.1. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.

Gueguen, M. (2016). *A Measure Of Middle School Students' Ability To Think Critically When Exposed To Historical Thinking Pedagogy*. Loyola University Chicago.

Krathwohl, D. R. (2002). A revision of Bloom's taxonomy. *Theory into Practice*. 41(4): 212-218. Malaysia. pp. 26-27.

Mohammad Rafiuddin. (1999). The meaning and purpose of Islamic research. Dlm. Mohammad Muqim (ed), *Research Methodology In Islamic Perspective*. New Delhi: Institute of Objective Studies.

Noor Hisham Md Nawi. (2018). *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam; Gagasan dan Amalan*. Kota Bharu : Universiti Malaysia Kelantan

Said Hawwa.(2010). *Pendidikan Spiritual*. Terj, Abdul Munip. Kuala Lumpur : Mutiara Ilmu Selekta Sdn. Bhd.

Seddon, G. M. (1978). *The Properties of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives for the Cognitive Domain.* Review of Educational Research, 48(2), 303–323.

al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumi.(1991). *Falsafah pendidikan Islam.* Terj. Hasan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (1994). *Konsep ilmu dalam Islam.* Terj. Rosnani Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib Al-Atass; an exposition of the original concept of islamization.* Kuala Lumpur: ISTAC.

PROSIDING

SEMINAR INOVASI PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA ARAB 2021

e ISBN 978-967-14229-8-4

9 7 8 9 6 7 1 4 2 2 9 8 4